PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI PERTAMA	**KHAMIS, 11 NOVEMBER 2010**	**BIL. 12 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,

(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PERMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli Yang Berhormat sekalian.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 28 hingga 31 Tahun 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 32 hingga 33 Tahun 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2010.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3), supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 dikemukakan sekarang tanpa mengikut Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 dikemukakan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 dibaca kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan sekalian dif masuk ke Dewan ini untuk mengikuti Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai Bajet Negeri Johor 2011, maka saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 9:40 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 10:10 pagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Yang Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya membentangkan ucapan Bajet Negeri Johor 2011 di Dewan yang mulia ini pada pagi ini. Bersyukur juga kita kerana Negeri Johor terus dikurniakan kemakmuran dan kesejahteraan, sekalipun berdepan dengan pemulihan ekonomi yang sederhana di seluruh dunia.

Tanda-tanda ekonomi akan pulih terutama di Amerika Syarikat dan Eropah pada awal tahun ini berlaku sebaliknya selepas itu. Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi rantau Asia tidak terkecuali Malaysia. Antara kesannya ialah kemerosotan kemasukan pelaburan langsung asing termasuklah di Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan begitu sekalipun Kerajaan Negeri Johor terus dapat mengurus negeri dengan mengambil kira keperluan rakyat, pembangunan yang seimbang dan pengagihan yang adil. Pendekatan pembangunan menyeluruh lagi seimbang itu telah meningkatkan daya tahan negeri ini dan rakyatnya menempuh kesan kecelaruan ekonomi dunia, di mana lapan komponen pembangunan holistik iaitu kerajaan yang efisien lagi cekap, pembangunan dalam bidang ekonomi, pembangunan yang beridentiti agama Islam, kerajaan yang adil dan masyarakat yang berilmu dan seterusnya kemudahan awam dan kualiti hidup menjadi sumber kekuatan negeri selama ini.

Pendekatan ini membolehkan kita melihat isu-isu secara lebih tuntas termasuk dalam hal pendapatan isi rumah, keupayaan modal insan, kemudahan infrastruktur, kesempurnaan kemudahan awam, kecekapan perkhidmatan awam, kualiti kesihatan dan alam sekitar serta nilai-nilai kerohanian dan jati diri, yang kesemuanya terangkum dalam pembangunan kualiti hidup rakyat.

Penumpuan kepada cabang-cabang pembangunan ini akan diteruskan dengan mendahulukan kepentingan rakyat agar sama-sama menikmati kemajuan melalui

pengagihan yang adil dan saksama, maka mendahulukan kesejahteraan rakyat dijadikan tema Bajet 2011 ini yang merupakan kesinambungan daripada bajet-bajet terdahulu yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Ini adalah seiring dengan iltizam Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dalam melaksanakan proses transformasinya yang meliputi aspek ekonomi sosial dan politik. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan asas-asas yang tepat untuk Malaysia menuju tahap sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Antaranya, pertumbuhan ekonomi secara berterusan dipelopori sektor swasta, manakala produktiviti ditingkatkan melalui pengukuhan modal insan, serta hasil daripada penyelidikan dan juga pembangunan iaitu dengan izin, *R&D*.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan mencerna Pelan Transformasi Kerajaan (JTP) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dalam Bajet 2011 ini. Lantas kita akan berusaha menjana pembangunan ekonomi yang strategik meningkatkan taraf hidup rakyat, mentransformasikan perkhidmatan awam negeri dan membangunkan masyarakat yang beridentiti dan berpegang kepada nilai murni.

Kerajaan Johor telah meletakkan sasaran mencapai tahap negeri maju serentak dengan Kerajaan Persekutuan iaitu Malaysia Maju Tahun 2020, kita yakin pendekatan Bajet Negeri saban tahun mampu meletakkan Negeri Johor di landasan menuju ke matlamat tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya Bajet Negeri Johor telah digubal dengan penuh keazaman untuk menyediakan landasan yang kukuh ke arah kemajuan masa depan demi kesejahteraan rakyat. Ia mengandungi kegiatan-kegiatan yang dipacu oleh inovasi daya kreativiti dan teknologi agar mampu melonjakkan kualiti pengeluaran dan juga kaya dengan nilai tambah, namun rakyat seluruhnya juga perlu berusaha menjadi sumber manusia yang bertenaga dan berpengetahuan untuk sama-sama menjayakan misi ini. Kita sewajarnya tidak mudah berpuas hati dengan cara kita bekerja seperti apa yang dimiliki selama ini sebaliknya melaksanakan pembaharuan berterusan untuk sentiasa ingin lebih baik lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan ekonomi antarabangsa pada suku kedua 2010 kurang memberangsangkan. Ini berikutan pemulihan ekonomi global yang tidak seimbang akibat krisis hutang kerajaan di Eropah. Beberapa negara terlibat dijangka melaksanakan langkah-langkah penjimatan fiskal sekali gus menyebabkan sentimen pengguna dan peniaga menurun.

Ekonomi Amerika Syarikat mencatat pertumbuhan lebih perlahan iaitu 2.4% pada suku kedua berbanding dengan 3.7% pada suku tahun pertama 2010. Kemerosotan besar dalam eksport bersih dan peningkatan inventori lebih perlahan menyebabkan ekonomi tumbuh pada kadar yang sederhana meskipun disokong oleh penggunaan swasta, perbelanjaan kerajaan dan pelaburan tetap.

Ekonomi Eropah pada suku kedua tahun 2010 mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.7% berbanding 0.6% pada suku pertamanya. Eksport bagi ekonomi Eropah meningkat sebanyak 22.6% pada suku kedua berbanding dengan 12% pada suku

pertama berikutan peningkatan permintaan daripada negara Asia. Kebanyakan ekonomi di Asia pula mengekalkan pertumbuhan kukuh pada suku kedua dengan dipacu oleh permintaan dalam dan luar negara yang berdaya tahan.

Ekonomi Malaysia pada suku kedua 2010 tetap mencatat pertumbuhan kukuh 8.9% sekalipun menurun daripada 10% pada suku pertama. Ini didorong permintaan dalam negara yang mengukuh berikutan perbelanjaan lebih tinggi oleh sektor awam dan swasta, permintaan luar negara terutama barang perkilangan dan komoditi juga meningkat dengan ketara sekali gus merangsang pasaran pekerjaan domestik.

Pada suku kedua 2010 sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan ketara terutama sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor perkilangan tumbuh pada kadar 15.9% dengan dipacu oleh kelompok elektrik dan elektronik dan barangan berkaitan pembinaan. Sektor perkhidmatan juga berkembang sebanyak 7.5%, manakala sektor komoditi tumbuh sederhana pada 2.4% dan 4.1% dalam sektor pembinaan.

Aktiviti perdagangan terus teguh pada suku kedua dengan mencatatkan lebihan dagangan sebanyak RM23.4 bilion pada asas tunai aliran masuk kasar pelaburan langsung asing berjumlah RM4.7 bilion pada suku kedua berbanding dengan RM4.9 bilion pada suku tahun pertama. Pelaburan asing tertumpu dalam sektor perkilangan khususnya industri elektrik dan elektronik dan industri berkaitan dengan petroleum. Pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan pula disalurkan terutamanya ke dalam subsektor kewangan dan subsektor perdagangan borong dan runcit.

Dan, pada tahun 2009 ekonomi Negeri Johor menguncup kepada 1.1% disebabkan kemerosotan ekonomi global, sektor pembuatan negeri yang menyumbang 33% kepada Keluaran Dalam Kasar Negeri telah merosot sebanyak 6.7% dan hampir semua sektor pengeluaran negeri terjejas.

Bagaimanapun, ekonomi Negeri Johor dianggarkan merekod prestasi yang memberangsangkan semula pada tahun 2010 seiring dengan pemulihan ekonomi global dan langkah-langkah pemulihan oleh kerajaan, Keluaran Dalam Negeri Kasar ataupun KDNK Johor diramalkan melonjak melebihi 6% iaitu kepada RM52.5 bilion pada tahun 2010.

Sektor pertanian, sektor perlombongan dan kuari yang lembap pada tahun 2009 dijangka kembali cergas dengan pertumbuhan 3.6% tahun 2010. Ini berikutan suntikan subsektor komoditi hasil pertambahan kawasan matang kelapa sawit dan jangkaan permintaan terhadap getah yang lebih baik. Sektor pembuatan dan pembinaan yang menguncup sebanyak 5.8% pada tahun 2009 dijangka pulih sebanyak 8.5% berikutan pemulihan perdagangan global dan sentimen pengguna dan perniagaan yang positif.

Sektor perkhidmatan pula dijangka berkembang daripada kadar 1.9% pada tahun lalu kepada 6.2%, 2010 untuk kekal menjadi penyumbang utama sebanyak 55% kepada KDNK Negeri Johor. Ia diperkukuhkan oleh prestasi menggalakkan dalam subsektor komunikasi, kewangan dan insurans serta perdagangan borong dan runcit. Pemulihan dalam aktiviti perdagangan dijangka mencergaskan lagi kegiatan pengangkutan, penyimpanan serta utiliti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara keseluruhan pencapaian pelaksanaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 di Negeri Johor adalah memuaskan. Setakat ini prestasi perbelanjaan keseluruhan RMK-9 adalah sebanyak RM10.49 bilion ataupun 75.3% berbanding anggaran siling peruntukan yang diluluskan berjumlah RM13.93 bilion. Bagi tempoh Januari hingga 31 Oktober 2010, RM2.05 bilion ataupun 57.2% telah dibelanjakan daripada RM3.58 bilion peruntukan yang diluluskan pada tahun ini. Hasilnya, sebanyak 1,829 projek ataupun 64.9% daripada 2,819 projek dan program RMK-9 di Negeri Johor telah dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh 2006 hingga kini. Baki 990 projek ataupun 35% adalah dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Dalam memastikan projek dan program pembangunan dapat dilaksanakan mengikut perancangan kerajaan mengambil tindakan lebih proaktif dengan memperkemaskan kaedah pemantauannya. Pendekatan baru seperti V*alue Management*, *Problem Based Solution Monitoring*, budaya penilaian *outcome* akan digunakan bagi tujuan ini. Ia dilaksanakan di semua peringkat sama ada di peringkat negeri melalui Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri dan Majlis Tindakan Negeri, manakala di peringkat daerah melalui Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah.

Selain daripada projek di bawah RMK-9, Negeri Johor juga mendapat peruntukan sebanyak RM382.8 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama. Sehingga kini, prestasi perbelanjaannya mencapai 95% atau RM362 juta. Dan, bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, sebanyak RM1.6 bilion telah diluluskan dan prestasi perbelanjaan mencecah RM1 bilion ataupun 65%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga Julai 2010, Negeri Johor telah menerima pelaburan sebanyak RM2.7 bilion berbanding dengan RM2.6 bilion pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut RM1.2 bilion ataupun 42% merupakan pelaburan langsung asing dengan izin *FDI*. Baki sebanyak RM1.6 bilion iaitu 58% adalah pelaburan domestik. Kemasukan *FDI* itu adalah kedua terbaik di seluruh negara dan Johor merupakan dan pernah menjadi penerima tertinggi pelaburan asing tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2005.

Oleh itu, tumpuan akan terus diberikan kepada kelompok Industri Bioteknologi, Minyak dan Gas, Industri Berteknologi Tinggi, Perkhidmatan, Pelancongan, Kesihatan dan Pendidikan. Industri-industri baru yang akan diberi penekanan pula ialah solar, teknologi tenaga hijau dan tenaga boleh diperbaharui. Ini kerana bidang-bidang berkenaan semakin mendapat sambutan di kalangan pelabur antarabangsa.

Sejak penubuhan Iskandar Malaysia, wilayah ekonomi ini terus menyuntik kegiatan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Sehingga September 2010, Iskandar Malaysia merekodkan komitmen pelaburan berjumlah RM64.4 bilion. Demi kesejahteraan rakyat, Iskandar Malaysia turut mengutamakan pemuliharaan alam sekitar, keselamatan bagi komuniti dan perniagaan, pertumbuhan sosioekonomi yang seimbang, modal insan yang berkualiti dan berkemahiran serta pengangkutan awam yang lebih efisien.

Pembiayaan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 adalah penting untuk merealisasikan Wawasan Iskandar Malaysia. Kunci utama pelaksanaan pembangunan di Iskandar Malaysia melalui RMK-10 lebih tertumpu kepada mewujudkan peluang pelaburan, platform ekonomi untuk perniagaan dan infrastruktur utama. Kaedah yang inovatif perlu dikenal pasti sebagai pelengkap kepada pembiayaan awam RMK-10 menerusi pembabitan sektor swasta. Penyertaan sektor swasta dalam projek seperti Pelan Transformasi Daerah Sentral Johor Bahru, *Johor Premium Outlet* dan Bandar Cyber *MSC Cyberport* menyumbang secara positif ke arah pertumbuhan ekonomi di Iskandar Malaysia.

Pelan Transformasi Daerah Sentral Johor Bahru akan menjadikan pusat bandar raya sebagai pusat ekonomi yang mengekalkan nilai warisan dan budaya. 11 strategi dan 43 program dirangka untuk memastikan daerah sentral berdaya saing, mampan dan sebagai pilihan pertama untuk tujuan melancong, menetap, bekerja dan menjalankan perniagaan.

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) memainkan peranannya dalam meningkatkan taraf ekonomi khususnya di Mersing. Perancangan yang disusun telah membantu usaha menjana aktiviti ekonomi dan pelbagai pembangunan lain. Pembangunan infrastruktur seperti pembinaan Jalan Persisiran Pantai dari Mersing ke Sedili Besar dan menaik taraf Jalan Kahang ke Taman Negara Endau Rompin dijangka menjana pertumbuhan sektor pelancongan.

ECERDC juga terlibat secara langsung dalam usaha memajukan masyarakat melalui pembangunan modal insan. Projek Pusat Pembinaan dan Pembaikan Bot dan Pusat Jahitan Pakaian di Mersing dijangka melatih peserta dengan kemahiran dalam bidang keusahawanan serta menjana pendapatan tambahan kepada kumpulan sasar. Program Pembasmian Kemiskinan Golongan Nelayan pula merupakan inisiatif bagi membantu meningkatkan pendapatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Negeri Johor 2011 dirangka dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, hanya projek dan program yang memberi impak positif kepada rakyat akan diberi keutamaan dalam mengagihkan peruntukan.

Dengan dasar perbelanjaan berhemah dan proaktif pendekatan yang digunakan adalah kreatif dan inovatif. Perancangan akan dibuat secara lebih tersusun dengan menggalakkan gabungan pelbagai pihak melaksanakan sesuatu program yang mempunyai kumpulan sasaran dan matlamat yang sama. Ini akan dapat mengelakkan pertindihan program seterusnya menjimatkan kos. Pelaksanaan projek juga akan dipantau dengan teliti dengan kemungkinan ditukar ganti dengan projek atau program lain yang lebih bermanfaat kepada rakyat.

Bajet 2011 Negeri Johor juga, akan memberi tumpuan kepada penyelesaian tuntas isu pembangunan dan masalah rakyat. Perancangan polisi juga akan memberi ruang kepada penglibatan pihak yang berkepentingan. Maka, strategi Bajet 2011 Negeri Johor menggariskan perkara-perkara berikut:-

1. Mendaya ekonomi secara strategik.

2. Meningkatkan tahap hidup rakyat berpendapatan rendah.
3. Meningkatkan kualiti hidup setaraf dengan negara maju.
4. Menstransformasi perkhidmatan awam Negeri Johor.
5. Pembangunan masyarakat yang sivil, yang beridentiti dan juga berpegang kepada nilai-nilai yang murni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam persekitaran dan persaingan global yang sudah pun jauh berubah kerajaan amat menyedari bahawa model ekonomi bergantung kepada sumber asli sudah tidak berupaya lagi untuk menjamin pertumbuhan berkekalan. Oleh itu, model pembangunan perlulah sesuai dengan persekitaran semasa yang banyak dipengaruhi pemikiran dan idea berbanding bekalan bahan mentah dan kos buruh yang rendah. Di peringkat persekutuan telah pun dilancarkan pelbagai inisiatif transformasi. Di Negeri Johor, Pelan Induk Ekonomi Negeri Johor 2010 – 2020 telah pun disempurnakan. Walau bagaimanapun, penyesuaian perlu dilakukan untuk menjadikannya lebih relevan selaras dengan perancangan dan program di peringkat persekutuan untuk mencapai matlamat tersebut maka adalah dicadangkan inisiatif-inisiatif berikut:-

Inisiatif 1 : Menyediakan hala tuju pembangunan Negeri Johor.

Kerajaan Johor melalui Unit Perancangan Ekonomi sedang memuktamadkan Pelan Pembangunan Jangka Panjang Negeri Johor berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Ke-10, Rancangan Fizikal Negara, Pelan Transformasi Kerajaan dan Pelan Transformasi Ekonomi. Perancangan di peringkat persekutuan akan diterapkan dalam Pelan Komprehensif ini dengan mengambil kira Pelan Induk Ekonomi Negeri Johor, Rancangan Malaysia Ke-10 Peringkat Negeri dan lain-lain pelan serta kajian yang dijalankan di pihak Kerajaan Negeri dan juga IRDA.

i. Menyediakan Pelan Pembangunan Negeri Johor 2010 – 2020. Pelan ini menjadi rujukan utama dalam membuat perancangan pembangunan, membuat keputusan, menyediakan siling peruntukan untuk pembangunan. Pelan ini akan disediakan dengan penglibatan meluas pihak kerajaan, swasta, NGO dan lain pemegang kepentingan.

Inisiatif 2 : Meningkatkan daya tarikan Johor sebagai destinasi pelaburan.

Mengambil kira kelembapan kemasukan pelaburan asing pada penghujung tahun 2009, 2010, Kerajaan Negeri perlu mengambil beberapa langkah untuk mewujudkan suasana pelaburan yang lebih kondusif di Negeri Johor. Langkah-langkah di antaranya:-

i. Program-program untuk meningkatkan hubungan antara pihak industri dan juga pihak kerajaan di mana pelaburan di Negeri Johor termasuklah di antaranya lawatan berkala ke sektor industri, kilang untuk kita berbincang supaya mewujudkan satu suasana yang agak lebih dekat dan mesra di antara pihak kerajaan dan pelabur.

ii. Meningkatkan penyertaan dalam misi galakan pelaburan di mana misi galakan pelaburan ke luar negara akan diteruskan bagi memahami kehendak dan menarik minat pelabur asing untuk memilih Negeri Johor sebagai destinasi pelaburan.

iii. Memberi tumpuan kepada industri berimpak tinggi. Kerajaan akan mensasarkan tumpuan terhadap industri-industri spesifik yang memberi impak tinggi terhadap penjanaan ekonomi. Kita mengalu-alukan para industrialis dalam kelompok seperti petrokimia, bioteknologi dan tenaga solar untuk melabur di Johor. Beberapa projek utama telah dikenal pasti akan dimulakan pada tahun 2011, termasuk projek-projek permulaan (*Entry Points Projects)* dengan izin, di bawah Program Transformasi Ekonomi, (ETP) antaranya Terminal Minyak di Pengerang oleh *Dialog Group* dengan pelaburan sebanyak RM4.8 bilion yang dijangka menjana lebih 800 pekerjaan di sektor minyak dan gas. Turut dilaksanakan ialah pembangunan fasa kedua projek *Bahru Stainless* di Tanjung Langsat bernilai RM1.1 bilon dan pembangunan pelancongan di Desaru sempena suntikan baru oleh pihak Khazanah Nasional. Selain itu, kepesatan ekonomi Johor juga akan dirancakkan lagi melalui pembangunan Taman Teknologi Tinggi Senai, Lembah Bio Desaru, Taman Biokimia SILC, Kawasan Industri Marin dan Petrokimia di Tanjung Bin.

iv. Memastikan kemudahan utiliti kepada pelabur. Bagi menarik minat pelabur dalam sektor perindustrian, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha meningkatkan keupayaan membekalkan air mentah pada kadar tarif yang lebih rendah berbanding harga bekalan air terawat.

Inisiatif 4 : Menjana pertumbuhan sektor perkhidmatan.

Johor akan mengeksploit lokasi strategiknya berdekatan pusat perkhidmatan global di Singapura untuk menjadi sebuah pusat perkhidmatan perniagaan sokongan di rantau ini. Oleh itu, sektor-sektor perkhidmatan sedia ada seperti logistik dan pelancongan akan dipertingkatkan, sektor-sektor perkhidmatan yang baru termasuk pendidikan, kesihatan, kewangan dan perkhidmatan berkaitannya serta ICT akan dibangunkan selaras dengan Pelan Transformasi Ekonomi Negara.

i. Menggalakkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan berkaitan sektor perkilangan. Kerajaan Negeri akan terus menggalakkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan berkaitan sektor perkilangan antaranya ialah bidang R&D, reka bentuk barangan, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, perkhidmatan logistik bersepadu, kemudahan utiliti pusat bersepadu dan kemudahan bilik sejuk bagi keluaran makanan. Ini merupakan aktiviti-aktiviti tambah nilai yang kritikal kepada pertumbuhan berterusan dalam sektor perkilangan dan pembuatan.

Inisiatif 5 : Meningkatkan nilai tambah sektor pertanian.

Sektor pertanian akan memberi fokus kepada perlaksanaan semua program berdasarkan kepada Model Baru Ekonomi dan Dasar Agro Makanan Negara yang juga merupakan Dasar Pertanian Negara yang keempat. Matlamatnya adalah memaksimumkan pendapatan petani dengan meningkatkan produktiviti ladang,

seterusnya menjadikan sektor pertanian lebih berdaya maju dan konsisten. Oleh itu, langkah berikut adalah dirancang bagi tahun 2011:

i. Memperhebatkan perlaksanaan kebun integrasi. Integrasi tanaman akan diperkasakan dengan menggalakkan amalan pertanian lestari iaitu penggunaan tanah dan segala sumber alam diaplikasikan secara maksimum. Sumber yang semakin terhad termasuk tanah memerlukan satu strategi yang boleh mengoptimumkan penggunaan sumber bagi pembangunan pertanian. Pengusaha pertanian digalakkan menjalankan aktiviti tambah nilai di ladang masing-masing dengan projek tanaman dan menjalankan integrasi dengan aktiviti perikanan serta ternakan dalam ladang untuk meningkatkan pendapatan mereka. Pada tahun 2011, sebanyak 560 projek akan dijalankan dengan penglibatan seramai 560 orang pengusaha pertanian.

ii. Memastikan penggunaan teknologi dalam pertanian. Kerajaan Negeri memodenkan sektor pertanian menjadi lebih kompetitif. Ia akan diurus sebagai entiti perniagaan dengan kegiatan berskala besar dan menggunakan teknologi tinggi terkini, mekanisasi serta automasi. Penggunaan teknologi tempatan yang mesra alam dan menjimatkan kos input juga akan ditekankan. Pendekatan ini meningkatkan penghasilan bahan makanan organik yang mempunyai pulangan tinggi serta mampu meningkatkan pengeluaran sebanyak 3 kali ganda. Hasil pertaniannya juga sentiasa selamat untuk dimakan.

iii. Membangunkan lebih ramai usahawan Industri Asas Tani. Program Galakan Usahawan dan Projek Industri Hiliran akan diteruskan dengan tumpuan kepada aktiviti promosi, pemprosesan makanan, pemasaran produk, bimbingan dan latihan dalam bidang tanaman, ternakan dan perikanan. Kerajaan Negeri Johor telah mengambil langkah mengekalkan keluasan tanaman barangan makanan seperti program tanaman sayur-sayuran, dusun baru dan dusun pemulihan.

iv. Memacu industri ternakan bernilai tinggi. Industri burung Walet terbukti mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Pada masa ini terdapat 1,916 bilangan premis dengan 1,271 bilangan pengusaha burung Walet di Negeri Johor. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor merancang untuk membina Pusat Latihan Pengusaha Burung Walet di Ladang Agro Teknologi TKPM Gariba, Batu Pahat. Pusat Latihan ini dijangka melahirkan lebih 500 orang usahawan burung Walet setiap tahun.

v. Menumpukan aktiviti akuakultur bernilai tinggi. Dalam industri akuakultur, penternakan ikan ketutu memberikan pulangan lumayan kerana nilai pasarannya yang tinggi. Ikan keli dah kurang nilainya, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hm…

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Pengeluaran ikan ketutu di Malaysia diungguli oleh Negeri Johor dengan pengeluaran sebanyak 21 tan metrik berbanding 30 tan metrik di seluruh Malaysia pada tahun 2009. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Johor akan menjalankan program pembenihan, penetasan dan pembiakan ikan ketutu di

Gelang Patah, dengan anggaran kos RM2 juta yang memberi manfaat kepada penternak-penternak. Ikan ketutu, ikan hantu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ikan hantu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Inisiatif 6 : Meningkatkan daya tarikan Johor sebagai destinasi pelancongan yang berkualiti.

Sebagai negeri paling selatan di benua Asia, Johor kaya dengan alam semula jadi, sejarah, budaya dan tradisinya tersendiri. Oleh itu Kerajaan Negeri akan mempergiatkan usaha menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan terunggul dalam tempoh lima tahun ini. Tumpuan akan diberikan kepada pengembangan produk pelancongan bernilai tinggi yang akan membawa pulangan maksimum kepada para pengusaha pelancongan. Bagi menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan berkualiti, langkah-langkah yang berikut akan diambil:-

i. Menyediakan pelan induk pelancongan Negeri Johor. Kerajaan Negeri akan menjalankan kajian untuk menyediakan satu pelan induk pelancongan yang akan menggariskan hala tuju serta memantapkan industri pelancongan Negeri Johor. Kajian pelan induk ini akan dimulakan pada suku tahun kedua tahun 2011 dan menjadi pelengkap kepada pelan induk pelancongan Iskandar Malaysia.

ii. Meningkatkan sumber manusia berkualiti di dalam industri pelancongan. Sumber manusia yang berkualiti akan dilahirkan melalui kerjasama Pintar dengan Institusi Latihan berkaitan Pelancongan. Latihan dan kursus berkonsepkan *Think and Act Tourism* akan diuruskan di samping kursus-kursus untuk meningkatkan kualiti pemandu pelancong, *the frontliners*, agensi-agensi pelancongan dan masyarakat. Program pelancongan pelajar pula dikembangkan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

iii. Memperhebatkan pemasaran program-program yang akan dilaksanakan pada tahun 2011 termasuk Lawatan *Familiarization*, Misi Jualan Domestik Antarabangsa, Promosi Acara-Acara Pelancongan Antarabangsa, Program Promosi *Homestay*, Program Pelawaan Penganjuran Persidangan Antarabangsa (MICE), Program Pengiklanan di media massa dalam dan luar negara serta Program Pemasaran secara online.

Yang Berhormat Dato' Speaker, **strategi kedua**, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Pembangunan pesat perlu seiring dengan pembangunan sosioekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat. Usaha meningkatkan taraf hidup rakyat perlu ditumpukan kepada golongan berpendapatan rendah 44% terbawah iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM2,300.00 sebulan mengikut takrifan Rancangan Malaysia Ke-10. Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan secara inklusif, pembangunan modal insan dan pembangunan usahawan.

Inisiatif 1 : Membangunkan sosioekonomi secara inklusif.

Pembangunan sosioekonomi secara inklusif adalah merupakan tanggungjawab utama Kerajaan Negeri dalam memastikan segenap lapisan masyarakat menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Setiap isu dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat memerlukan penyelesaian segera untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Pendekatan intensif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan bilangan ketua isi rumah miskin tegar di Negeri Johor daripada 1,232 orang pada bulan Januari 2010 kepada 13 orang pada Oktober 2010. Kerajaan yakin miskin tegar ini akan dapat dibasmi sepenuhnya pada tahun hadapan. Selain itu, bilangan ketua isi rumah miskin turut menurun daripada 2,650 orang kepada 2,118 orang dalam tempoh 10 bulan lalu. Kerajaan akan terus memberi tumpuan membasmi kemiskinan pada tahun 2011 melalui langkah-langkah berikut:-

i. Meneruskan program bantuan rumah golongan miskin dan mudah miskin. Perlaksanaannya pada tahun hadapan memberi tumpuan kepada golongan miskin dan mudah miskin melalui peruntukan pejabat Menteri Besar Johor dan Majlis Agama Islam Johor berjumlah RM4 juta. Selain daripada itu seperti di negeri lain, Johor juga akan terus menerima peruntukan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi melaksanakan program ini pada tahun 2011.

ii. Menyediakan peluang kemahiran golongan miskin dan mudah miskin. Bantuan kewangan akan diberikan kepada ahli-ahli isi rumah golongan ini yang berumur antara 18 hingga 25 tahun untuk mengikuti Kursus Latihan Kemahiran SKM Tahap 1 dan 2 sepenuh masa di Kolej-Kolej Komuniti KPYPJ meliputi bidang-bidang perkhidmatan dan pembuatan.

iii. Memastikan kes-kes baru yang didaftarkan melalui pendaftaran terbuka e-kasih diambil tindakan segera. Jentera penyelarasan di peringkat daerah akan dibentuk bagi menyiasat dan memperakui kes-kes baru agar bantuan dapat disalurkan dengan segera. Ianya merangkumi golongan sasaran di kawasan bandar, luar bandar, masyarakat orang asli dan juga pekerja ladang.

iv. Menambah baik perkhidmatan pusat-pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Kerajaan Negeri akan berusaha untuk memastikan sebanyak 58 buah PDK di seluruh Johor mempunyai bangunan sendiri yang lengkap dan kemudahan mesra OKU menjelang tahun 2015. Justeru itu, peruntukan tahunan daripada Kerajaan Negeri akan dipertingkatkan selain daripada sumbangan daripada pihak GLC dan swasta melalui tanggungjawab sosial korporat untuk membina sekurang-kurangnya membina 12 PDK setahun dan bagi menghargai jasa bakti kakitangan PDK, Kerajaan Negeri bersetuju memberi insentif sebanyak RM500.00 seorang kepada 350 orang petugas PDK seluruh Negeri Johor. (Dewan bertepuk).

v. Meningkatkan penyertaan orang kurang upaya dalam sektor pekerjaan. Kerajaan Negeri komited dalam meningkatkan penyertaan OKU dalam perkhidmatan awam negeri. Sehubungan itu, Unit Penempatan Pekerjaan OKU

telah ditubuhkan di Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim bagi melaksanakan komitmen tersebut. Unit itu juga bertanggungjawab terhadap penambahbaikan kemudahan yang mesra OKU di bangunan-bangunan kerajaan. Saya menyeru kepada sektor swasta supaya turut sama memberi peluang kepada golongan OKU untuk sama-sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri ini.

vi. Membangunkan masyarakat orang asli. Golongan ini akan terus dibela dengan meningkatkan taraf sosioekonominya. Penyelesaian isu hak milik tanah akan diberikan keutamaan. Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan Kaedah Pemberimilikan Tanah kepada Orang Asli yang meliputi tanah rizab di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954. Sebagai permulaan, beberapa penempatan akan dipilih bagi melaksanakan kaedah ini.

vii. Menyelesaikan masalah hak milik tanah masyarakat kampung baru. Setakat ini, sebanyak 19,429 hak milik di kawasan Kampung-Kampung Baru telah dikeluarkan, manakala 2,841 plot lagi belum dapat, belum dibuat permohonan kepada Pejabat-Pejabat Tanah. Bagi menyelesaikan isu ini secara tuntas, saya menyeru kepada penduduk terlibat supaya segera membuat permohonan. Justeru, Kerajaan Negeri bersetuju supaya perkhidmatan Pasukan *Task Force* bagi tujuan ini disambung selama 2 tahun lagi untuk menyelesaikan 100% hak milik ini. (Dewan bertepuk).

viii. Meningkatkan kesejahteraan pekerja ladang. Kerajaan Persekutuan di dalam Bajet 2011 telah mengumumkan Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah bagi membantu golongan ini memiliki rumah sendiri yang dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional. Kerajaan Negeri mencadangkan supaya pihak majikan ladang dapat mengenal pasti tapak yang lengkap dengan kemudahan asas bagi melaksanakan projek-projek perumahan melalui pendekatan Rumah Mesra Rakyat atau Rumah Mampu Milik di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad.

ix. Meningkatkan penyertaan wanita dan ibu tunggal dalam ekonomi. Usaha lebih gigih akan diambil untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi. Pelan Tindakan Pembangunan Ekonomi Wanita Negeri Johor sedang dirangka untuk mengenal pasti kekangan dan sistem sokongan yang diperlukan oleh wanita ke arah mencapai matlamat ini. Program keusahawanan dan modal insan yang disusun pada tahun 2011 akan memberi tumpuan kepada penyediaan peluang dan penyebaran maklumat di kalangan wanita termasuk yang berpendapatan rendah dan ibu tunggal.

Inisiatif 2 : Membangunkan modal insan yang berkualiti.

Pembangunan Modal Insan kekal antara strategi utama nasional khususnya dalam usaha kerajaan mentransformasikan Malaysia sebagai Negara Maju Berpendapatan Tinggi. Perhatian perlu diberikan dalam bidang ini memandangkan modal insan berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan, kreatif lagi inovatif adalah prasyaratnya. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian dan agensinya akan menyediakan peruntukan untuk pendidikan dan latihan manakala Kerajaan Negeri

menumpukan kepada langkah-langkah bukan latihan sebagai pelengkap kepada usaha ini iaitu:-

i. Memperhebatkan usaha ke arah anjakan paradigma dan perubahan sikap. Penyaluran maklumat yang lebih efektif di peringkat awal pendidikan dan kerjaya amatlah kritikal, terutamanya dalam menentukan hala tuju kerjaya dan peluang penjanaan pendapatan. Bagi tujuan ini satu program mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan kaunselor kerjaya melalui pendedahan industri yang berterusan akan dijalankan. Melalui program ini keupayaan guru-guru kaunselor dan peranan kaunselor sebagai rakan pintar kepada industri akan dipertingkatkan.

ii. Mempertingkatkan peluang menambah pendapatan kepada golongan sasaran. Dalam usaha memastikan penglibatan rakyat secara menyeluruh, satu program pendedahan secara turun padang yang lebih agresif akan dijalankan di mana Program KEPAK 2011 (Ekspo Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran) akan dijalankan di semua 10 daerah untuk mendedahkan rakyat terhadap peluang-peluang kerjaya di Iskandar Malaysia, aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan seperti Program 1 Azam, peningkatan kemahiran dan peluang-peluang keusahawanan. Peluang keusahawanan ini merangkumi perkhidmatan sokongan kepada pelabur-pelabur besar di Johor. Kerajaan Negeri Johor juga peka dengan pembangunan dan keupayaan modal insan di sektor industri kecil dan sederhana. Maka satu program padanan di antara institut dan pusat penyelidikan bersama pemain-pemain industri kecil dan sederhana akan dilaksanakan. Sempena itu juga, pencapaian-pencapaian R&D pusat penyelidikan dan institusi pengajian tinggi akan dikongsi dan dipadankan kepada IKS seterusnya dikomersialkan.

iii. Mempertingkatkan kemahiran kritikal melalui kerjasama pintar selaras dengan kehendak industri. Penyediaan bakat-bakat yang berterusan akan memastikan keupayaan Negeri Johor bersaing di pasaran ekonomi global. Bakat-bakat baru harus dikenal pasti, dibentuk, digilap demi memastikan mereka mampu menerajui jawatan-jawatan penting di Iskandar Malaysia. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri akan meneruskan program *Johor Student Leadership Council* yang telah dijalankan secara perintis pada tahun lalu. Pemimpin-pemimpin pelajar seawal tingkatan empat akan dinilai dan dipilih untuk mengikuti program-program kepimpinan dalam dan luar negara. Mereka akan dipantau dan dibimbing secara berterusan sehinggalah bersedia untuk memasuki pasaran kerja.

Meskipun program-program latihan akan dijalankan melalui perancangan dan kewangan pusat, Kerajaan Negeri masih memberi tumpuan kepada latihan-latihan kemahiran khususnya program peningkatan kemahiran kritikal melalui kerjasama pihak swasta dan industri. Program kemahiran bahasa khususnya Bahasa Inggeris akan diberikan penekanan sejajar dengan usaha menyediakan modal insan berkemahiran tinggi untuk sektor perkhidmatan yang disasarkan.

iv. Mewujudkan jentera pelaksanaan yang lebih berkesan. Kerajaan Negeri sedar bahawa penyelarasan antara agensi pusat dan negeri dalam soal

pembangunan insan mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program-program yang dijalankan. Oleh itu, skop Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Modal Iskandar Malaysia akan diperluaskan ke seluruh Negeri Johor bagi memastikan koordinasi lebih mapan di antara agensi.

Inisiatif 3 : Membangunkan usahawan dari kalangan yang berpendapatan rendah.

Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUN) akan memberi ruang kepada rakyat berpendapatan rendah menyertai dengan lebih giat lagi program-program keusahawanan. Untuk tahun 2011, MPUN akan melaksanakan 14 program termasuk 4 program baru dalam membantu pembangunan sektor keusahawanan. Adalah dijangkakan seramai 6,447 usahawan menikmati faedah daripada program tersebut.

i. Memberi pengetahuan asas tentang keusahawanan. Untuk tahun 2011 ini, MPUN akan melaksanakan 36 sesi program memperkasakan ilmu pengetahuan usahawan. Kursus sedia ada iaitu Bengkel Asas Perakaunan dan Bengkel Pensijilan Halal akan diteruskan manakala dua buah program baru iaitu Kursus Pra Usahawan dan Program Pembangunan Pra Usahawan akan diperkenalkan. Program Pembangunan Pra Usahawan ini bertujuan melahirkan usahawan dengan bimbingan menghasilkan produk, pengurusan perniagaan, latihan praktikal di pasar tani dan PKS terpilih, bantuan kewangan melalui dana Program Galakan Usahawan serta penyediaan ruang niaga di pasar-pasar tani. Program ini akan dilaksanakan secara bersepadu menggunakan sumber-sumber sedia ada melibatkan agensi-agensi seperti Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, FAMA, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pembangunan Wanita.

ii. Membimbing peningkatan mutu produk. Bagi membantu para usahawan meningkatkan mutu produk mereka ke tahap yang lebih baik, Kursus Jaminan Kualiti dan Keselamatan Makanan dan program Bantuan Reka bentuk dan Percetakan Label akan diperkenalkan. Di samping itu, program Bengkel Teknologi Reka bentuk, Pelabelan dan Pembungkusan Makanan juga dijalankan. Melalui inisiatif ini adalah diharapkan keyakinan pengguna terhadap produk usahawan Johor akan dapat dipertingkatkan.

iii. Menyediakan peluang mempromosi produk di mana program-program promosi produk-produk Johor akan terus dimantapkan melalui penyertaan di beberapa siri ekspo dan pameran bertaraf antarabangsa, kebangsaan, pameran kebangsaan Satu Daerah Satu Industri dan yang lain.

iv. Mengadakan program pengeksport Bumiputera Johor. Pada tahun 2011, MPUN akan memperkenalkan program Pengeksport Bumiputera Johor melalui kerjasama MATRADE. Melalui kerjasama ini Kerajaan Negeri akan membiayai sebahagian kos pengangkutan, penginapan dan penyewaan ruang pameran untuk para usahawan Johor untuk menyertai misi perdagangan di luar negara dan pelbagai program ini bukan sahaja bertujuan meluaskan pasaran produk Johor, bahkan peningkatan jalinan perniagaan di antara usahawan dan para pemborong serta peruncit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, strategi ketiga, meningkatkan kualiti hidup ke arah setaraf dengan negara maju. Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat setaraf dengan negara-negara maju. Sehubungan itu, pada tahun hadapan Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan 4 inisiatif utama bagi merealisasikan hasrat tersebut.

Inisiatif 1 : Meningkatkan kualiti infrastruktur.

Infrastruktur yang berkualiti bukan sahaja menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kegiatan ekonomi malah meningkatkan keselesaan rakyat dari segi perhubungan dan keselamatan. Jalinan perhubungan yang tersusun luas saling melengkapi dan bermutu akan memastikan mana-mana pihak tidak tersisih dari arus kemajuan. Untuk memastikan kemudahan infrastruktur disediakan dengan berkesan Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah berikut:-

i. Mewujudkan kaedah pemantauan bagi tujuan membudayakan penyelenggaraan jalan secara sistematik dan efisien. Kerajaan Negeri bercadang membangunkan satu sistem inventori dan pemantauan kualiti 1,747km jalan raya negeri yang lebih sistematik dengan kos RM3 juta. Sistem pengurusan *Highway Development And Management System 4* ini berupaya menghasilkan laporan lengkap mengenai kualiti jalan raya, berserta cadangan pembaikan berkala yang lebih tersusun. Ia juga menjamin penyelenggaraan jalan raya dapat dioptimumkan dengan perlaksanaan mengikut keutamaan.

ii. Menaik taraf jalan kampung. Kerajaan berhasrat untuk menaikkan taraf 1,100km lagi jalan-jalan kampung dalam tempoh 2 tahun. Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan untuk kerja-kerja menaik taraf mengikut kaedah bayaran tertangguh yang akan dilaksanakan melalui sebuah anak syarikat kerajaan. Melalui usaha ini, ditambah pula dengan sistem pemantauan dan inventori yang baik, kita boleh mendapat peningkatan peruntukan penyelenggaraan daripada Kerajaan Persekutuan melalui *Malaysian Road Information System* (MARRIS). Ini bermakna, dengan bertambahnya senarai jalan raya negeri dan jalan-jalan kampung yang diiktiraf oleh MARRIS, Kerajaan Negeri akan memperolehi semula pelaburannya melalui peruntukan penyelenggaraan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan.

iii. Menaik taraf kualiti perkhidmatan pengangkutan awam. Negara-negara maju lazimnya membuat pelaburan yang besar untuk memberikan rakyat kemudahan pengangkutan awam yang terbaik dan bertaraf dunia. Kerajaan Persekutuan sudah pun menjadikan pengangkutan awam sebagai satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Selaras itu, Kerajaan Negeri akan memberi komitmen yang selari dengan hasrat Kerajaan Persekutuan. Kita berharap bahawa peningkatan kualiti perkhidmatan akan mendorong rakyat Johor khususnya warga Iskandar memilih pengangkutan awam untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Penumpang Bas Iskandar Malaysia yang diwujudkan khusus bagi laluan sosial telah meningkat kepada 80,000 sebulan berbanding sekadar 4,000 orang penumpang pada bulan pertama pelancarannya Disember 2009. Peningkatan ini melepasi

matlamat perkhidmatan tersebut dan sekali gus berpotensi untuk diperluaskan termasuk ke daerah-daerah lain.

Selain daripada itu, kualiti Pengangkutan Awam di Iskandar Malaysia turut dipertingkatkan melalui Perkhidmatan bas TransIskandar yang setaraf dengan negara maju. Sebagai permulaan, TransIskandar akan memulakan perkhidmatan *Bus Express Transit* atau BET di laluan koridor Kulai-Johor seawal suku pertama tahun hadapan. Pengangkutan ini menjimatkan masa perjalanan kerana ia hanya berhenti di 9 perhentian terpilih, selain dijamin menepati jadual dan keadaan bas yang lebih selesa lagi bersih. Pemandu-pemandu basnya dilatih menerusi program Akademi Pemandu Bas kelolaan bersama pihak KPYPJ dan beberapa institut memandu di Iskandar Malaysia.

Secara keseluruhannya, sebanyak RM6 juta akan diperuntukkan untuk pengangkutan awam, dan inilah pertama kali dalam sejarah bajet Negeri Johor, Kerajaan Negeri memperuntukkan satu jumlah yang signifikan dalam usaha meningkatkan kualiti pengangkutan awam.

Kerajaan Negeri juga akan memastikan Larkin Sentral akan berfungsi sebagai nadi pengangkutan awam di Iskandar Malaysia melalui usaha-usaha menaik taraf perkhidmatannya. Setakat ini, Johor Corporation telah membelanjakan hampir RM10 juta bagi meningkatkan pelbagai kemudahan di bangunan terminal berkenaan dan tambahan RM6.5 juta lagi dalam tempoh terdekat. Kerajaan juga bersetuju untuk memperuntukkan RM500,000.00 bagi projek penambahbaikan di Larkin Sentral termasuk pemasangan CCTV bagi tujuan keselamatan dan paparan maklumat serta sistem trafiknya.

iv. Meningkatkan infrastruktur informasi. Dalam usaha merapatkan jurang digital di kalangan rakyat, Kerajaan Negeri bercadang memberi *Notebook* secara percuma kepada 1,120 keluarga yang dikenal pasti layak di seluruh Negeri Johor. Mereka akan menikmati kemudahan *broadband* dengan bayaran minimum. Unit Sains, Teknologi dan ICT Negeri Johor dengan kerjasama SKMM akan menetapkan kriteria pemilihan mereka yang berkelayakan seperti kakitangan kerajaan berpendapatan rendah, usahawan dan pelajar-pelajar universiti.

Inisiatif 2 : Meningkatkan kualiti perumahan dan kemudahan awam.

Perumahan dan kemudahan awam mempunyai kaitan rapat dengan memastikan rakyat Negeri Johor menikmati kehidupan berkualiti. Sehubungan itu, Dasar Perumahan Negeri Johor sedang disusun semula. Pelan Pengurusan dan Penyelesaian Setinggan Negeri Johor dirangka, manakala kemudahan awam lainnya turut diberi penekanan. Sempena itu langkah-langkah berikut diambil:-

i. Menggalakkan pembinaan Rumah Mampu Milik. Kerajaan Negeri Johor komited untuk meningkatkan tahap penawaran Rumah Mampu Milik demi memastikan masyarakat memiliki kediaman sendiri. Justeru itu, Dasar Perumahan Negeri Johor sedia ada sedang dikaji semula dengan memberi penekanan terhadap penyediaan lebih banyak Rumah Mampu Milik yang lebih

selesa, dengan harga berpatutan dan terkawal. Ia mensasarkan agar semua golongan pendapatan isi rumah kurang dari RM3,500.00 sebulan, mampu memiliki rumah kediaman sendiri.

Bagi rumah kos rendah pula, ia akan terus dibina berdasarkan kepada keperluan semasa, dengan mengambil kira kedudukan lebih strategik dan infrastruktur lebih lengkap. Rumah-rumah kos rendah ini akan dijual pada harga subsidi yang lebih berpatutan.

ii. Menyediakan pelan tindakan pengurusan dan penyelesaian setinggan Negeri Johor. Fenomena setinggan menjadi masalah utama yang sering dikaitkan dengan gambaran yang bercanggah dengan nilai-nilai kehidupan yang ideal. Setinggan telah memberikan impak yang mengakibatkan permasalahan kesesakan penduduk, penempatan berselerak dan tidak teratur, kemiskinan, masalah sosial, pencemaran dan sebagainya.

Justeru itu, kerajaan sedang merancang untuk menyediakan penempatan semula setinggan yang terancang serta dilengkapi dengan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang kondusif. Penempatan setinggan di seluruh negeri Johor dijangka dapat diselesaikan secara tuntas melalui pelan pengurusan dan penyelesaian setinggan Negeri Johor.

iii. Membudayakan gaya hidup sihat. Rakyat yang sihat pastinya dapat memainkan peranan aktif dalam pembangunan negara serta menyumbang kepada penjimatan kos perubatan. Di atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap tahap kesihatan dan produktiviti warga kerjanya, sebuah program *A Healthy Workplace for A Healthy Workforce* akan diperkenalkan kepada semua penjawat awam di negeri ini. Program ini menekankan konsep gaya hidup sihat seperti amalan pemakanan secara sihat, cara hidup aktif, bersenam secara berterusan, mengekalkan berat badan unggul, tidak merokok dan mengambil alkohol serta bijak mengawal stress. Dato' Speaker, tahun ini sahaja Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih daripada RM12 juta untuk membiayai kos perubatan kepada kakitangan kerajaan dan keluarga.

Y.B. Dato' Speaker : Alhamdulillah.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Program untuk mencegah penyakit amat tepat sekali.

Y.B. Dato' Speaker : Ni yang merokok ni bahaya Yang Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Di antaranya.

iv. Merancakkan lagi pembangunan sukan di Negeri Johor. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Johor akan menyelaras dan memastikan pembangunan sukan secara berperingkat dan terancang dengan kerjasama agensi kerajaan, persatuan sukan, sektor swasta, menekankan pencapaian ke arah masyarakat yang sihat dan juga ke arah kecemerlangan sukan.

Penumpuan akan diberikan kepada penganjuran beberapa jenis sukan secara liga untuk menarik penyertaan generasi muda di peringkat daerah dan negeri seperti badminton, hoki dan bola keranjang. Pada ketika ini, liga bola sepak tempatan untuk merebut Piala Sultan Johor dan Piala Tunku Mahkota Johor sedang dilaksanakan dan ini akan ditambah dengan sukan yang lain.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi menggantikan prasarana sukan (gimnasium) yang telah uzur di seluruh Negeri Johor.

v. Mempergiatkan program kebersihan, keindahan dan keceriaan. Sebuah pasukan khas yang dikenali sebagai Pasukan Tindakan Kebersihan ditubuhkan di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pasukan ini bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput, pembersihan parit, pembersihan jalan, melupuskan sampah longgok dan membersihkan sisa-sisa pokok yang tumbang. Kerajaan Negeri yakin langkah ini mampu mewujudkan persekitaran yang lebih selesa dan ceria untuk didiami.

vi. Memastikan pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien. Buangan sisa pepejal dijangka terus meningkat akibat pertumbuhan kawasan perumahan, perdagangan dan perindustrian. Menyedari keperluan ini tiga buah tapak pelupusan sanitari baru akan dibina di Pekan Nenas, di Pagoh dan di Bukit Payung di Batu Pahat. Kerajaan juga mengambil langkah menutup selamat tapak-tapak pelupusan yang telah penuh iaitu di Bukit Bakri di Muar, Kampung Sawah di Pontian dan Temayor di Labis.

vii. Menambah baik dan meningkatkan tahap perkhidmatan bekalan air. Sepanjang 7,700 kilometer daripada 19,000 kilometer paip air di seluruh Negeri Johor didapati uzur. Ia perlu diganti demi meningkatkan mutu perkhidmatan selain mengurangkan kadar air tidak berhasil disebabkan kebocoran dan paip pecah. Sehingga tahun 2009 sepanjang 2,150 kilometer paip telah pun diganti. Pada tahun 2011, pihak Pengurusan Aset Air Berhad ,PAAB akan memperuntukkan RM50 juta bagi menggantikan paip di beberapa kawasan kritikal yang telah dikenal pasti. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, SPAN pula memperuntukkan RM210 juta bagi pembinaan Loji Air Semangar Fasa kedua, bagi menampung pertambahan permintaan bekalan air di Johor Bahru dan Kota Tinggi.

Inisiatif 3 : Meningkatkan Tahap Keselamatan.

Tahap keselamatan di Wilayah Iskandar Malaysia telah dapat ditingkatkan melalui beberapa inisiatif termasuk penambahan anggota polis dan kelengkapannya. Mulai Januari hingga Oktober 2010, kadar jenayah jalanan di Iskandar Malaysia menurun sebanyak 37.6% dan memberi kesan penurunan 22.3% kepada indeks jenayah keseluruhannya.

Untuk mendekatkan lagi komuniti dengan pihak polis dan mengurangkan jenayah di kawasan perumahan, kaedah Pos Polis Komuniti telah diperkenalkan di Iskandar

Malaysia. Program akan diperluaskan dengan penubuhan 37 unit lagi pada tahun 2011. PDRM juga akan meneruskan aktiviti masyarakat seperti Rakan Cop.

Inisiatif 4 : Meningkatkan Kualiti Alam Sekitar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mutu alam sekitar merupakan aspek penting dalam kualiti hidup rakyat negeri Johor. Oleh yang demikian, langkah-langkah berikut adalah dicadangkan:-

i. Pelan yang akan dimulakan kajiannya penghujung tahun ini bertujuan menyediakan perancangan untuk usaha adaptasi dan mitigasi kepada kesan perubahan iklim. Pelan ini akan menterjemahkan, diterjemahkan dalam polisi kerajaan ke arah pembangunan mesra alam dan ekonomi hijau untuk Negeri Johor.

ii. Memulihara Hutan Paya Gambut. Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama *Wetlands International,* menjadi negeri pertama yang mengambil inisiatif dalam pemuliharaan Hutan Paya Gambut terosot seluas 3,796 hektar di Ayer Hitam, Muar. Projek pemuliharaan dengan penanaman semula pokok hutan di kawasan yang mengandungi karbon ini, turut mengenal pasti dan melibatkan komuniti tempatan untuk membangunkan kegiatan ekonomi setempat berdasarkan satu pelan pengurusan secara bersepadu.

iii. Melaksanakan Kajian Sumber Air Negeri Johor. Kajian ini akan mencadangkan pelaksanaan strategi untuk memastikan sumber air yang mencukupi, kualiti bekalan air bersih dan selamat serta menyelesaikan masalah kemasukan air masin ke sungai untuk tempoh 50 tahun akan datang. Empangan Sembrong dan Bekok akan dinaikkan taraf untuk menjamin bekalan air yang berkekalan kepada rakyat terutamanya pada musim kemarau lebih-lebih lagi untuk masyarakat dan penduduk di Daerah Kluang.

iv. Menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Konflik Hidupan Liar dan Penubuhan Pusat Konservasi. Kerajaan memberi tumpuan dalam mengelakkan konflik antara hidupan liar dan penduduk berhampiran hutan. Pelan Tindakan Pengurusan Konflik Hidupan Liar disediakan oleh PERHILITAN untuk menangani konflik di antara hidupan liar dan aktiviti manusia serta menubuhkan pusat konservasi bagi melindungi spesies haiwan terancam.

v. Melaksanakan Program Perlindungan Persisiran Pantai Dan Kawasan Yang Mempunyai Nilai Biodiversiti. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam khususnya untuk melindungi kawasan yang bernilai diutamakan demi kepentingan rakyat. Persisiran pantai terhakis akan diambil perhatian dengan program-program mitigasi. Kerajaan juga mengiktiraf kepentingan Pulau Merambong yang mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi dan perlu dilindungi.

Di samping itu, kerajaan juga akan meneruskan program pembersihan sungai dan memberi penekanan kepada aspek pencegahan dan pengawalan pencemaran serta peningkatan kualiti airnya. Sungai Skudai menjadi perintis untuk program ini dan lima jawatankuasa kecil telah dibentuk untuk menangani

masalah pencemaran secara menyeluruh bersepadu. Sungai Segget akan dipulihkan sebagai sebahagian daripada projek Daerah Sentral Johor Bahru. Insya-Allah anak kita besok, cucu kita besok boleh main air di Sungai Segget semula agaknya.

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah.

vi. Menganjurkan Kempen dan Seminar Kesedaran Sempena Hari antarabangsa Yang Berkaitan Alam Sekitar. Kerajaan merangka program kesedaran sempena acara di peringkat antarabangsa berkaitan alam sekitar seperti Kempen Kesedaran *Earth Hour*. Kempen yang julung-julung kalinya diadakan pada tahun ini telah menarik lebih daripada 2,000 pengunjung daripada sektor awam, daripada sektor awam, swasta, pelajar dan orang ramai. Selain daripada itu, Seminar Penggunaan Hijau dan Lestari juga akan dianjurkan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk NGO untuk meningkatkan kesedaran pelbagai lapisan masyarakat terhadap kepentingan melindungi bumi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, **strategi keempat**, Mentransformasikan Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Perkhidmatan awam merupakan jentera yang kritikal untuk memastikan segala perancangan yang telah dirangka dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Cabaran globalisasi dan kekangan fiskal memerlukan pendekatan baru dalam pentadbiran awam. Kecekapan dalam pentadbiran dan produktiviti tinggi penjawat awam merupakan aspek penting untuk memastikan transformasi kerajaan berjaya mengharungi cabaran ini. Maka, inisiatif-inisiatif berikut adalah dicadangkan:-

Inisiatif 1 : Meningkatkan Hasil Kerajaan dan Pengurangan Kos Mengurus.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha secara inovatif untuk meningkatkan kutipan hasil dan mengurangkan belanja mengurus. Peningkatan hasil akan membolehkan agihan peruntukan untuk pembangunan dan program yang memberi manfaat kepada rakyat ditambah. Untuk mencapai matlamat ini maka langkah-langkah berikut adalah dicadangkan:-

i. Mewujudkan Pelan Tindakan Penjanaan Hasil Kerajaan Negeri. Pegawai-pegawai kerajaan yang berpengalaman akan merangka pelan ini melalui perbincangan secara makmal bagi menilai semula potensi punca hasil sedia ada dan mengesan sumber-sumber baru. Pelan ini juga menggariskan mekanisme pemantauan dalam memastikan pungutan hasil dilaksanakan dengan berkesan.

ii. Mengurangkan Belanja Mengurus Kerajaan Negeri. Satu Makmal Pengurangan Kos akan diwujudkan untuk mencadangkan kaedah pengurangan belanja mengurus kerajaan. Kos pengurusan perlu dikurangkan tanpa memberi kesan kepada produktiviti dan semangat bekerja penjawat awam. Secara umumnya beberapa kaedah telah diterapkan dalam Bajet 2011 seperti kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan dan NGO untuk

menjalankan program-program kesejahteraan rakyat bagi mengelakkan pertindihan program dan mengurangkan kos.

iii. Meminimumkan tunggakan hasil daripada cukai dan sewa rumah. Selain daripada usaha berterusan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Cawangan Perumahan, untuk mengutip tunggakan ini, rekod-rekod tunggakan juga perlu dikemas kini. Usaha mengutip tunggakan cukai dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan akan ditumpukan kepada penghutang tegar terutamanya melibatkan syarikat-syarikat besar.

Bahagian Perumahan juga mengambil inisiatif untuk membuat surat aku janji dengan pembeli rumah untuk membayar tunggakan mereka secara ansuran.

iv. Mewujudkan sistem pengurusan aset dan inventori secara berpusat. Sistem pengurusan aset dan inventori secara berpusat dengan menggunakan teknologi maklumat akan diwujudkan untuk memastikan pengurusan aset dapat dibuat secara efisien. Ia juga boleh diguna pakai untuk pengurusan hartanah milik kerajaan negeri. Sistem berpusat ini juga akan menjimatkan kos berbanding membangunkannya secara berasingan di setiap jabatan.

Inisiatif 2 : Meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan.

Kecekapan perkhidmatan kerajaan akan dapat ditingkatkan melalui perancangan yang teliti, pemantauan pencapaian secara berterusan dan pembangunan modal insan. Oleh itu, langkah-langkah berikut akan diambil.

i. Menubuhkan Pasukan Khas Pencapaian. Bagi mengatasi masalah birokrasi dalam perkhidmatan kerajaan, satu pasukan khas akan ditubuhkan untuk memantapkan sistem penyampaian sekali gus meningkatkan keberkesanan sektor awam negeri. Pasukan ini terdiri daripada wakil kerajaan, NGO, swasta, lain-lain pihak berkepentingan. Mereka bertanggung jawab mencadangkan Petunjuk Prestasi Utama, KPI dalam beberapa urusan di pejabat-pejabat utama dan berfungsi membantu daya saing pihak swasta. Pelaksanaan KPI di jabatan-jabatan kerajaan ini akan dimulakan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri.

ii. Memperkasakan Pentadbiran Tanah Ke Arah Jabatan Berprestasi Tinggi. Pentadbiran tanah Negeri Johor akan diperkukuhkan sempena peranannya sebagai penyumbang tertinggi hasil kerajaan negeri. Sehubungan itu, Pejabat Tanah dan Galian termasuk Pejabat Tanah Daerah akan diberi keutamaan dalam pengisian jawatan dengan sumber tenaga kerja berpengalaman dan mahir, dibekalkan peralatan terkini, sistem sokongan terbaik serta suasana kerja yang kondusif.

Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan PTG Negeri Johor sebagai PTG terbaik di Malaysia dengan pencapaian yang menjadi penanda aras kepada jabatan-jabatan (Dewan bertepuk). Dalam tahun ini, semua jenis urusan pendaftaran pindah milik telah diselesaikan dalam tempoh satu hari bekerja sekiranya lengkap dan sempurna untuk didaftarkan. Program ini telah mendapat pengiktirafan sijil penghargaan dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Program Sistem Maklumat Strata Johor akan dilaksanakan bagi merekod Sistem Data Permohonan Hak milik Strata dalam usaha mempercepatkan lagi pengeluaran Hak milik Strata. Program yang berasaskan sistem 'E-Kadastra' mampu mempercepatkan proses pendaftaran Hak milik Strata daripada 170 hari kepada 70 hari sahaja.

Seterusnya, Kaunter Pungutan Cukai Tanah di PTG Johor akan mula dilaksanakan dalam tahun 2011 ini. Ini akan memudahkan orang ramai yang datang berurusan di Pejabat Tanah dan Galian untuk terus membuat pembayaran cukai, tanpa perlu ke Pejabat Tanah Daerah. Perkhidmatan ini adalah tambahan kepada kaedah-kaedah lain yang telah ada seperti pembayaran *online* dan sebagainya.

iii. Melaksanakan Bengkel Perekayasaan Proses Kerja (BPR) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Bagi mencapai matlamat, Kerajaan dalam Program Transformasi Perkhidmatan Awam, proses dan prosedur kerja yang seragam perlu diguna pakai di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Proses dan prosedur yang sedia ada perlu direkayasa bagi mempercepatkan proses

permohonan tanpa melibatkan pertambahan kos dan guna tenaga. Dengan cara demikian, masa menunggu dan aduan pelanggan dapat dikurangkan, di samping meningkatkan daya saing negara serta meningkatkan daya tarikan pelabur. Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan akan mengadakan Bengkel Perekayasaan Proses Kerja (Business Process Reengineering) melibatkan semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan.

iv. Melaksanakan Aplikasi e-NCR dan e-Halal. Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan aplikasi e-NCR (Nikah, Cerai dan Rujuk.)

Y.B. Dato' Speaker : Oh nikah, yang itu nak dengar.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ya, dan e-Halal pada tahun 2011. Aplikasi e-NCR dan e-Halal ini akan memberi kemudahan kepada masyarakat untuk menjalankan urusan berkaitan dengannya tanpa perlu berulang-alik ke Jabatan Agama. Ia juga akan dapat mengatasi kekangan tenaga kerja di peringkat jabatan dan masalah kelewatan serta tunggakan.

v. Mengiktiraf Agensi Cemerlang. Bagi meningkatkan tanggungjawab jabatan Kerajaan terhadap kualiti, maka pada tahun 2011 Kerajaan Negeri bersetuju memberi insentif RM10,000.00 kepada setiap jabatan yang berjaya mencapai tahap lima bintang dalam penarafan bintang oleh pihak MAMPU.

vi. Mengagihkan Guna Tenaga Secara Berkesan. Penyusunan semula organisasi perkhidmatan awam pada tahun 2011 akan difokuskan kepada kaedah pertukaran dan perpindahan jawatan. Kerajaan akan mengenal pasti mana-mana jawatan yang kurang penting di sesuatu jabatan untuk dipindahkan ke jabatan lain yang lebih memerlukan terutama yang menjana hasil negeri. Kaedah *'deployment'* akan membantu operasi sesebuah jabatan menjadi lebih cekap dan berkesan tanpa melibatkan pertambahan perbelanjaan.

vii. Memberi Elaun Khas Kepada Jawatan Kenaikan Pangkat Hakiki (Kumpulan Sokongan). Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan Elaun Khas Tanggungjawab kepada gred kenaikan pangkat secara hakiki di dalam kumpulan sokongan. Pemberian elaun ini bertujuan untuk menaikkan motivasi/semangat kepada anggota yang dinaikkan pangkat secara hakiki agar memberikan komitmen kerja yang lebih tinggi.

viii. Memberi Insentif Tambahan Kepada Penjawat Awam Yang Cemerlang. Bagi memastikan anggota perkhidmatan awam sentiasa mengekalkan tahap kecemerlangan yang tinggi dalam perkhidmatannya, maka dicadangkan satu insentif tambahan kepada anggota perkhidmatan awam yang pernah menerima tiga kali perkhidmatan cemerlang dalam tempoh perkhidmatannya, maka satu panel penilaian akan dilantik untuk memilih anggota yang layak menerima anugerah tersebut. Insentif ini hanya diberikan sekali sepanjang tempoh perkhidmatan seseorang pegawai awam.

ix. Meningkatkan Kecekapan melalui Kemudahan Teknologi Maklumat. Pada Tahun 2010, Kerajaan Negeri telah melancarkan Portal 'E-Payment' Johor dengan mensasarkan kepada kutipan cukai hasil tanah Johor. Sehingga November 2010, sebanyak RM 1.3 juta telah dapat dikutip melalui Portal tersebut. Kerajaan Negeri mensasarkan untuk memperluaskan penggunaan Portal 'e-Payment' Johor pada Tahun 2011 kepada Sistem Pihak Berkuasa Tempatan bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Awam Negeri Johor kepada rakyat.

Kerajaan Negeri juga melaksanakan Perkhidmatan SMS Bersepadu Negeri Johor iaitu MySMS bagi memberikan alternatif kepada rakyat untuk berurusan dengan kerajaan dan kerajaan pula dapat menyalurkan maklumat dengan lebih cepat dan efektif. Sistem elektronik jawab, sistem e-Jawab pula akan menjadi platform setempat bagi rakyat membuat aduan kepada semua agensi Kerajaan di Negeri Johor. Manakala, Sistem GIS Kerajaan Negeri Johor akan dibangunkan bagi mempertingkatkan keberkesanan perancangan dan pemantauan Kerajaan.

ix. Menjalinkan Kerjasama Di Antara Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dengan Jabatan Teknikal maka pihak IRDA akan mengadakan '*Service Level Charter*' bersama Jabatan-jabatan teknikal untuk mendapatkan komitmen dan jaminan ulasan teknikal diperolehi dalam tempoh 7 hari. Dengan adanya '*Service Level Charter*', permohonan-permohonan seperti Kebenaran Merancang, pelan bangunan dan pelan kerja tanah projek pembangunan berimpak tinggi dapat diselesaikan dengan kadar yang cepat dan efisien.

Pada tahun 2011 juga pihak IRDA akan mewujudkan '*Standard Operating Procedure'* ataupun SOP bersama semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam Iskandar Malaysia agar dapat mempercepatkan tempoh masa pemprosesan pelan-pelan pembangunan dalam tempoh 30 hari.

Inisiatif 3 : Meningkatkan Ketelusan Kerajaan.

Ketelusan adalah perkara yang selalu disebut dan dituntut dalam mana-mana urusan mahupun perkhidmatan. Namun kadangkala persoalan ketelusan timbul atas sebab prasangka dan persepsi kurang tepat. Persepsi negatif terhadap sesuatu agensi itu biasanya berpunca daripada prasangka dan kekurangan maklumat tentang prosedur kerja di agensi terbabit. Langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbetulkan persepsi orang ramai terhadap perkhidmatan Kerajaan adalah seperti berikut:-

i. Memaklumatkan ketua-ketua masyarakat tentang prosedur Kerajaan di mana program taklimat kepada penghulu, ketua kampung dan ketua-ketua masyarakat mengenai proses dan prosedur kerja dalam perkhidmatan kerajaan akan dilaksanakan untuk membolehkan mereka menjadi sumber rujukan rakyat.

ii. Meningkatkan perhubungan di antara Kerajaan dan rakyat secara online. Penggunaan teknologi maklumat diperluaskan dalam urusan kerajaan untuk membolehkan rakyat mendapat maklumat secara terbuka. Oleh yang demikian,

Kerajaan Negeri akan memperkenalkan beberapa sistem perhubungan berasaskan kepada web yang boleh diakses oleh rakyat pada bila-bila masa.

iii. Mewujudkan piawaian kualiti perkhidmatan yang seragam untuk kakitangan barisan hadapan. Kualiti perkhidmatan barisan hadapan jabatan-jabatan kerajaan adalah tidak konsisten kerana tiada garis panduan piawaian kualiti perkhidmatan yang seragam. Satu garis panduan piawaian kualiti perkhidmatan yang seragam akan dirangka untuk kakitangan barisan hadapan.

iv. Meningkatkan Program hebahan dan promosi perkhidmatan kerajaan. Perkhidmatan dan pencapaian kerajaan yang kurang di promosi akan menyebabkan persepsi negatif di kalangan rakyat. Oleh itu, hebahan dan promosi tentang perkhidmatan kerajaan akan di pertingkat untuk membolehkan maklumat-maklumat berkaitan perkhidmatan kerajaan sampai kepada pengetahuan umum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, strategi kelima, yang terakhir, Pembangunan Masyarakat Sivil Yang Beridentiti Dan Mempunyai Nilai-Nilai Murni. Tamadun sesuatu bangsa mampu bertahan sekiranya diikat dengan pegangan nilai-nilai murni sebagai benteng utama mengharungi sebarang apa pun cabaran. Maka nilai-nilai yang kukuh ini akan membentuk daya tahan dan juga jati diri dalam menentukan kelangsungan sesebuah bangsa dan tamadunnya. Oleh itu Dato' Speaker, Kerajaan Negeri mengambil beberapa langkah demi membangunkan masyarakat yang mantap :-

Inisiatif 1 : Di antaranya Menerapkan Nilai-nilai Murni Secara Berkesan.

Nilai-nilai murni tidak sepatutnya terhakis oleh arus pembangunan. Penerapan nilai-nilai murni harus dibuat secara efektif merentasi segenap lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, langkah-langkah berikut dicadangkan:-

i. Meningkatkan Program Pembangunan dan Penghayatan Agama Islam. Program-program dakwah oleh Jabatan Agama Islam akan di perhebatkan untuk memantapkan akidah dan perpaduan umat Islam. Kursus Pemantapan Pendakwah yang melibatkan pegawai-pegawai dakwah Jabatan Agama Islam akan dilaksanakan untuk melahirkan pendakwah yang mampu menyampaikan mesej tepat. Program Dakwah Menerusi ICT dan Dakwah Menerusi Media akan diadakan untuk memastikan usaha dakwah dapat disampaikan kepada golongan sasaran dengan media penyampaian yang responsif dengan kehendak umat Islam masa kini. Seminar Pengukuhan Akidah disasarkan untuk peserta-peserta seramai 1,500 orang di seluruh Negeri Johor untuk memberi penjelasan kepada masyarakat Islam tentang isu semasa berkaitan akidah.

Kursus Asas dan Kursus Lanjutan Guru al-Quran Peringkat Negeri Johor akan diadakan untuk 130 orang yang baru, iaitu Guru al-Quran, untuk menambah bilangan guru yang telah pun terlatih dengan diberikan pengiktirafan mengajar seramai 2,050 orang guru al-Quran yang ada di kelas-kelas al-Quran di seluruh Negeri Johor.

Dan bagi menghargai usaha murni dan khidmat guru-guru al-Quran di seluruh Negeri Johor, maka Kerajaan Negeri dengan sukacita mengumumkan peningkatan elaun untuk guru-guru al-Quran kepada RM1.00, RM1.00 pulak...

Y.B. Dato' Speaker : Nak beli apa tu?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : RM100.00 bagi setiap sesi kelas al-Quran. Dengan ini seorang guru al-Quran akan memperolehi RM400.00 sebulan bagi empat kali sesi pengajaran.

Program Pendidikan Pemahaman al-Quran, untuk pelajar-pelajar di sekolah agama darjah 4, 5 dan 6 akan diadakan pada 25 minit waktu terakhir pembelajaran. Bagi darjah 4, pelajarnya mengkhusus kepada 10 juzuk yang pertama. Manakala, 10 juzuk berikutnya diajar di darjah 5 dan 10 juzuk yang terakhir di darjah 6. Program Pendidikan Pemahaman al-Quran ini dapat melahirkan generasi anak Johor yang bukan sahaja membaca al-Quran, tetapi memahami isi kandungan al-Quran. Jadi, setiap anak kita yang masuk sekolah agama, insya-Allah bukan sahaja boleh membaca al-Quran dengan tajwidnya...

Y.B. Dato' Speaker : Tahfiz.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Tetapi juga telah pun membaca terjemahan al-Quran.
Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menggalakkan usaha ke arah melahirkan lebih ramai Tahfiz al-Quran maka Kerajaan Negeri Johor akan menyediakan ganjaran RM1,000.00 sebulan untuk para Tahfiz yang berjaya menghafaz lengkap 30 juzuk al-Quran.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Alhamdulillah. (Dewan bertepuk).

Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

ii. Menerapkan nilai-nilai perpaduan. Perpaduan merupakan antara kunci untuk mewujudkan masyarakat yang utuh dan yang juga beridentiti berpaksikan kepada nilai-nilai yang murni. Program jiran muafakat akan diperkenalkan bagi meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama di kalangan penduduk di samping menerapkan nilai-nilai murni dan perpaduan di kalangan peserta yang terdiri daripada masyarakat bandar, luar bandar dan taman perumahan. Seminar 1Remaja 1Malaysia akan diadakan oleh Jabatan Belia dan Sukan bagi memberi pemahaman berkenaan konsep 1Malaysia yang mementingkan perpaduan masyarakat, meningkatkan semangat patriotisme di kalangan remaja.

iii. Memperkukuh nilai-nilai kekeluargaan. Institusi keluarga sebagai unit asas sesebuah negeri, masyarakat perlu diperkasakan untuk menjamin kekukuhan masyarakat. Antara program-program yang akan dijalankan ialah Program Mencari Pasangan Soleh dan Solehah. Mencari pasangan, bukan mencari kawan...

Y.B. Dato' Speaker : Mencari pasangan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Pasangan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang tambahlah.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Matlamat program ini ialah supaya masyarakat terutama pelajar institusi pengajian tinggi serta kolej lebih memahami ciri-ciri pasangan yang boleh membentuk keluarga yang bahagia. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada institusi pengajian dan diharap diteruskan bagi memperkukuhkan lagi nilai-nilai kekeluargaan. Anak Soleh Titian Ke Syurga yang melibatkan pelajar sekolah rendah bagi mengurangkan masalah gejala sosial di kalangan pelajar dengan pencegahan dan pemahaman isu ini di peringkat awal.

Program Keluarga Cemerlang Ummah Gemilang akan diadakan bagi masyarakat menghayati dan mengamalkan ciri-ciri keluarga yang cemerlang dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian dalam sesebuah keluarga dan mewujudkan masyarakat penyayang.

iv. Menggalakkan semangat kesukarelaan. Kesedaran masyarakat kini semakin kurang terhadap tanggungjawab menjaga serta memelihara kawasan perkuburan sebagai contoh. Di antaranya, kempen kesedaran seperti Program Ziarah Pusara akan dipertingkatkan dengan melibatkan masyarakat setempat akan mewujudkan perpaduan lebih erat selain kawasan perkuburan terpelihara. Kem Kesukarelaan Rakan Muda akan dihadiri oleh golongan remaja akan melahirkan generasi yang agak lebih prihatin serta meningkatkan semangat kesukarelaan di dalam diri mereka.

Program yang dirancang akan dilaksanakan oleh Universiti Teknologi Malaysia pula adalah Program Khidmat Bakti/Khidmat Masyarakat, Program Motivasi Pendidikan dan Program Lestari Bumi Hijau.

Inisiatif 2 : Merangka program pembangunan sukan belia Negeri Johor yang holistik.

Bagi membina masyarakat belia yang berakhlak tinggi dan berdisiplin, Kerajaan Negeri melalui Jabatan dan Agensi Kerajaan memberi fokus kepada 4 langkah utama:-

i. Membangunkan belia secara holistik. Antara program yang dirangka ialah Program Eksplorasi Belia Johor, Program Motivasi Belia FELDA dan Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional Negeri Johor. Ini diharap dapat melahirkan generasi belia Muslim yang menjiwai agama, berakhlak mulia, menghayati nilai-nilai unggul serta mempunyai jati diri yang kental dan keterampilan sebagai pewaris kepimpinan negara.

ii. Membangunkan sukan untuk belia. Keterlibatan belia dalam pelbagai kegiatan sukan diperluaskan lagi pada tahun 2011 dengan keutamaan kepada sukan bermotor dan senaman J-Robik.

iii. Mempergiatkan pembangunan Rakan Muda. Satu program yang dinamakan Program Rakan Muda Anugerah Remaja Perdana diperkenalkan bagi

menterjemahkan hasrat membentuk personaliti unggul di kalangan remaja. Program ini akan menggarap ciri-ciri utama pembangunan remaja yang terdapat dalam Falsafah Pembangunan Program Rakan Muda iaitu pembangunan fizikal dan mental dan kerohanian.

iv. Memantapkan program-program belia dan remaja oleh Jabatan Agama Johor. Antara program yang diperkenalkan adalah seperti Program Generasi Mukmin yang berteraskan pembangunan rohani dan memupuk kesuburan iman supaya menjadi benteng dalam diri seseorang. Pengisian program ini termasuklah aktiviti zikir, qiamullail dan sesi kaunseling kerjaya berkelompok.

Bagi belia yang terlibat dengan aktiviti bermotosikal yang dinamakan Program Rehlah Belia tetap dikehendaki mengikut kegiatan akan zikir, qiamullail, *explorance*, solat jamak dan qasar berjemaah. Ini membolehkan mereka rasakan dirinya hampir dengan institusi agama, masjid dan surau selain daripada terlibat dengan aktiviti seperti pembersihan tanah pusara dan rumah orang miskin.

Bagi keutuhan fardu kifayah, Kerajaan Negeri terus memperkukuhkan program pembangunan belia dengan memperkasakan pengetahuan serta penghayatan terhadap pengurusan jenazah. Justeru Program Bengkel Pengurusan Jenazah Untuk Golongan Belia akan dilaksanakan oleh Jabatan Agama.

Inisiatif 3 : Meningkatkan imej budaya beridentiti Johor.

Dalam menjenamakan dan mengembangkan aktiviti kebudayaan dan kesenian di Negeri Johor ini, beberapa pendekatan langkah telah di kenal pasti untuk meningkatkan imej budaya beridentitikan Johor. Oleh yang demikian, penyelarasan dan perancangan di antara agensi dan pihak NGO adalah perlu agar ianya dapat melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat.

i. Menyediakan pelan tindakan pembangunan seni dan budaya Negeri Johor dan sejajar dengan objektif serta inisiatif bagi memastikan agar perancangan aktiviti kebudayaan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya maka pelan tindakan pembangunan seni dan budaya Negeri Johor akan diwujudkan bagi memaksimumkan potensi warisan budaya Johor ini ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Pelan tindakan ini lebih tertumpu kepada aktiviti dan program yang dapat memberi impak kepada masyarakat serta melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat.

ii. Menjalankan program kajian sejarah Johor dan pembangunan tapak-tapak sejarah di sepanjang Sungai Johor. Program ini bertujuan mengenal pasti fakta sebenar tamadun silam di sepanjang Sungai Johor. Pemugarannya mampu memberi kesedaran berkaitan warisan seni budaya dan sejarah Negeri Johor serta memupuk semangat tanggungjawab masyarakat untuk menjaga tinggalan sejarah kepada generasi akan datang. Di samping itu, ianya dapat dijadikan sebagai pusat pembelajaran sebenar bagi pelajar serta pengkaji sejarah selain menjadi satu daripada produk pelancongan.

iii. Menubuhkan Akademi Seni Dan Warisan Negeri Johor. Akademi ini akan mengembangkan lagi ilmu berkaitan dengan seni, budaya dan warisan Johor khususnya generasi muda. Ia bakal menjadi pusat penggiat seni serta pelajar menimba ilmu berkaitan sejarah dan seni kebudayaan Johor.

iv. Memperkembangkan budaya Zapin Johor. Gerak langkah Zapin Johor akan dibukukan untuk dijadikan panduan kepada pendidik pelajar institusi pengajian tinggi, peminat seni tari serta persatuan seni bagi melahirkan lebih ramai jurulatih Zapin. Yayasan Warisan Johor dengan kerjasama Pejabat Daerah Johor Bahru dan Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan mengadakan Bengkel Kejurulatihan Tari Zapin yang disertai oleh kalangan komuniti *homestay* supaya mereka turut berperanan memperkembangkan tarian Zapin.

v. Memupuk dan melahirkan ADIGURU Seni Budaya. Program ini mengenal pasti penggiat-penggiat berkualiti yang dipupuk dan diberi pendedahan sehingga mencapai pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Kewujudan ADIGURU ini akan memastikan kesinambungan pengembangan pelbagai cabang seni dan budaya Negeri Johor.

vi. Menganjurkan Program Seni Dan Kebudayaan Identiti Johor. Kerajaan Negeri akan menganjurkan Festival Seni dan Budaya Johor 2011 yang akan menggabungkan beberapa pertandingan sama ada Zapin, Ghazal, Keroncong serta lain-lain aktiviti seni dan kebudayaan yang beridentitikan Johor. Program ini akan menjadi *Hallmark Event* yang akan dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan Johor di samping memberi peluang kepada penggiat seni dan budaya mempersembahkan hasil karya mereka.

vii. Selain daripada itu, aktiviti seni dan kebudayaan secara berterusan akan dilaksanakan dengan memaksimumkan penggunaan lokasi sedia ada. Adalah dicadangkan supaya Legaran Segget dijadikan Pusat Seni Setempat untuk kumpulan–kumpulan budaya mengembangkan bakat mereka manakala Taman Merdeka menjadi lokasi persembahan teater. Kedua-dua inisiatif ini dijangka menarik minat masyarakat tempatan dan juga asing.

viii. Menyuburkan Kekayaan Budaya Pelbagai Masyarakat. Kerajaan Negeri melalui agensinya akan turut memberi ruang, peluang menggalakkan kepada kumpulan-kumpulan kebudayaan pelbagai masyarakat, termasuk di kalangan masyarakat yang ada di Negeri Johor ini, Cina dan India untuk terus menggiatkan lagi aktiviti mereka. Kumpulan-kumpulan kebudayaan yang mengamalkan warisan budaya keturunan kita masing-masing seperti tarian-tarian, gendang dan juga yang lain boleh silih berganti menggunakan ruang persembahan yang disediakan. Malah, Kerajaan Negeri yakin gabungan kumpulan-kumpulan ini dalam kita memperagakan kekayaan budaya rakyat Johor, merupakan satu yang sewajarnya dapat kita sama-sama hayati dan sama-sama kita banggakan.

ix. Mewujudkan Pasar Budaya Negeri Johor. Sudah tiba masanya Pasar Budaya Negeri Johor diwujudkan sebagai wadah mengkomersilkan kekayaan seni

budaya negeri. Sehubungan itu, pihak Majlis Bandaraya IRDA serta Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri akan bekerjasama mewujudkan Pasar Budaya Negeri Johor. Pasar ini akan mempamerkan produk-produk kebudayaan, kesenian kraf tangan Negeri Johor. Seiring dengan inisiatif ini, usaha perlu ditingkatkan bagi menghasilkan produk warisan seni Johor yang berkualiti sama ada seperti seni khat untuk memenuhi cita rasa peminat seni dan penggemar koleksi seni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Negeri Johor Tahun 2011 merupakan Bajet Lebihan, di mana hasil dianggarkan berjumlah RM814.12 juta manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM811.35 juta. Oleh itu, bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM2.77 juta lebihan berbanding dengan defisit tahun 2010 berjumlah RM1.5 0 juta.

Hasil Kerajaan Negeri dipecahkan kepada tiga komponen utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai bagi tahun 2011 dianggarkan sebanyak RM316.88 juta iaitu penambahan sebanyak RM37.98 juta berbanding anggaran asal tahun 2010. Kutipan dari Hasil Bukan Cukai pula dianggarkan menurun sebanyak RM11.11 juta, kepada RM351.42 juta iaitu penurunan sebanyak 3.06%. Terimaan Bukan Hasil adalah dianggarkan sebanyak RM145.82 juta.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus dianggarkan meningkat sebanyak 3.27% daripada RM785.65 juta kepada RM811.35 juta.

Salah satu komponen bagi Perbelanjaan Mengurus adalah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang merupakan 31.52% daripada peruntukan yang disediakan dalam tahun 2011. Di antara perbelanjaan yang termasuk di dalam komponen tersebut adalah bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM31.88 juta dan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM100 juta.

Perbelanjaan emolumen pula berjumlah RM313.28 juta atau 38.6% daripada keseluruhan peruntukan tahun 2011. Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan pula sebanyak RM226.55 juta, Aset RM13.37 juta dan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM2.40 juta.

Peruntukan Pembangunan untuk tahun 2011 adalah sebanyak RM313.33 juta. Sejumlah RM58.50 juta diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar bagi tujuan pelbagai pembangunan termasuk pembinaan jalan-jalan kampung, pengambilan balik tanah, pembinaan dewan orang ramai, pembinaan padang di mukim-mukim dan program pembangunan usahawan. Jabatan Kerja Raya Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM143.45 juta yang mana sebahagian besar adalah untuk pembinaan jalan dan jambatan Negeri Johor serta bangunan kerajaan.

Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar diperuntukkan sebanyak RM35.99 juta, di mana RM20.25 juta adalah untuk projek pengairan dan saliran manakala selebihnya untuk projek-projek Perikanan, Pertanian dan Perkhidmatan Veterinar. Perbelanjaan lain yang mendapat peruntukan besar adalah Jabatan Agama Johor yang diperuntukkan sebanyak RM21 juta, bagi tujuan pendidikan agama, pembinaan sekolah-sekolah agama dan program-program pembangunan ummah.

Kerajaan Tempatan dan Perumahan menerima peruntukan berjumlah RM11.61 juta. Sebanyak RM9.20 juta untuk membantu penguasa-penguasa tempatan melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan mereka manakala baki sebanyak RM2.41juta adalah untuk pembinaan dan penyelenggaraan rumah-rumah rakyat. Sementara itu sebanyak RM31 juta disediakan untuk Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah. RM9.33 juta disediakan untuk projek-projek pembangunan hutan dan pelancongan.

Tabung Amanah Warisan Negeri Johor masih melaksanakan aktiviti pelaburan untuk menjanakan pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah modal sebanyak RM390.4 juta, nilai Pulangan Wang Tabung Amanah Warisan Negeri Johor sehingga akhir tahun 2009 mencatatkan penurunan kepada RM301.65 juta. Keadaan ini adalah berikutan kelembapan ekonomi semasa menyebabkan kejatuhan dalam nilai pelaburan Tabung dan menjadikan kerugian terkumpul berjumlah RM88.75 juta.

Sehingga akhir September 2010, Tabung telah berjaya merekodkan jumlah keuntungan bersih sebanyak RM11.03 juta. Sehingga akhir 2010 dan tahun 2011, pasaran dijangkakan adalah tidak menentu dan penuh cabaran. Indeks komposit mengalami sedikit peningkatan pada awal tahun tetapi ia tidak kekal lama. Oleh itu, pengurusan Tabung akan terus mengambil langkah berhati-hati dan mengambil pendekatan sederhana supaya pelaburan dijalankan memberi pulangan yang baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Apa yang dirangka dan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini adalah visi kerajaan dalam memenuhi aspirasi dan harapan rakyat. Pembentangan bajet sebegini rupa, sarat dengan pembangunan dan pembelaan untuk rakyat, tidak kira sama ada di bandar mahupun di desa, dewasa mahupun muda, telah dibolehkan oleh pengurusan kewangan negeri yang cekap dan berhemat selama ini.

Sekalipun berada dalam suasana ekonomi yang amat mengekang, kewangan negeri diurus dengan berhemah, sekali gus sentiasa berada dalam keadaan yang kukuh. Keupayaan ini membolehkan Kerajaan Negeri pimpinan Barisan Nasional tetap teguh dan mampu mengharungi cabaran, mengurus negeri dengan cekap, malah sentiasa mengotakan janjinya membawa kesejahteraan kepada rakyat. Sesungguhnya Kerajaan Negeri tetap meletakkan kepentingan rakyat di hadapannya dalam apa jua keadaan sekalipun.

Rekod pentadbiran sekian lama kerajaan Barisan Nasional di negeri ini telah membuktikan bahawa tidak sekalipun, malah dalam apa keadaan sekalipun, kepentingan rakyat diabaikan. Walaupun kita menempuh dua kali kemelesetan ekonomi dalam tempoh lebih kurang 15 tahun ini, yang turut menyebabkan hasil kerajaan merosot sebanyak 16%, Kerajaan Negeri tidak sedikit pun mengurangkan perbelanjaan pembangunannya.

Pembangunan tetap diteruskan sebagaimana dirancang supaya kesan daripada kemelesetan ekonomi tidak menjejaskan kesejahteraan rakyat terutama sekali di pekan-pekan dan di luar bandar. Saban tahun Kerajaan Negeri menumpukan usaha menaikkan taraf hidup rakyat melalui peruntukan dalam lingkungan RM180 juta hingga RM200 juta setahun. Yang melibatkan program yang pelbagai pembangunan termasuk pembinaan jalan-jalan sama ada di kampung, di pekan, kemudahan di

kampung baru, penyelenggaraan parit, sungai, bantuan industri asas tani pekebun kecil, sektor industri kecil dan sederhana, masjid, surau dan sekolah-sekolah.

Sebagai contoh, sepanjang tahun 2006 hingga 2009, Kerajaan Johor telah membiayai sendiri pelbagai projek pembangunan bernilai RM813 juta termasuk sekolah-sekolah, jalan-jalan dan lain keperluan rakyat di semua peringkat.

Dan kalau kerajaan ini tidak membuat sebarang perbelanjaan pembangunan di antara tahun 1998 hingga 2009 kita akan mencatatkan lebihan purata RM104 juta setahun dalam akaun semasa dan kalau dikumpulkan selama 12 tahun, maka Akaun Hasil Disatukan Negeri akan mencatatkan lebihan sebanyak RM1.2 bilion.

Oleh itu, Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor adalah sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin dan peka dengan hal rakyat, kesejahteraan rakyat, apalah gunanya wang simpanan agaknya berbilion-bilion agaknya, sedangkan rakyat tidak mendapat pembelaan lebih-lebih lagi dalam hal yang berkaitan dengan keperluan asas. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, perbelanjaan-perbelanjaannya bukanlah dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa kawalan, tapi memenuhi kehendak dan juga keperluan semasa sejajar pembangunan holistik untuk rakyat Negeri Johor.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan yang mendalam kepada rakyat Johor, yang amat-amat sedar mengenai kepentingan masa depan mereka dan terus memberikan sokongan kepada kerajaan untuk meneruskan misi kesejahteraan rakyat ini.

Kerajaan Negeri Johor juga amat menghargai komitmen para pegawai dan kakitangannya dalam menjalankan tugas serta peka dengan tanggungjawab masing-masing. Semoga segala usaha ini mendapat keberkatan dan perlindungan Allah serta diberi petunjuk dan hidayahNya untuk mencapai tahap negeri yang dilimpahi kebaikan dan beroleh naungan serta keampunanNya, insya-Allah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha… Kepada Yang Amat Berhormat, diucapkan berbanyak terima kasih yang telah dapat membentangkan belanjawan yang amat baik yang tidak ada defisit bagi tahun hadapan. Terima kasih dan juga tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya nampak Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan Jemputan macam belum makan tengah hari je? Maka atas kebaikan saya menjaga kepentingan kesihatan semua Ahli Dif-Dif, maka saya jemput Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dif-Dif Jemputan, Ketua-Ketua Jabatan ke majlis jamuan makan tengah hari di bilik Dewan selepas ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, jam 9:30 pagi, 12 November 2010, di mana Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang

Kedua Enakmen Perbekalan (2011) Bagi Tahun 2010 akan dimulakan. Dewan ini saya tangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12:10 tengah hari.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEDUA	JUMAAT, 12 NOVEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA
UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA
UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi

Y.B. Dato' Speaker mengetuai persidangan.

DOA
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Yang Dipertua Negeri Melaka telah mengurniakan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat sempena sambutan ulang tahun ke-72 pada 9 Oktober 2010. Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat, Ahli Dewan Negeri Johor kawasan Kemelah dan Yang Berhormat Dr. Lee Hong Tee, Ahli Dewan Negeri Johor kawasan Jementah telah dianugerahkan Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran Datuk. Tahniah kepada Yang Berhormat Dr. Lee dan jangan lupa jamuan ye, Yang Berhormat Encik Ayub menunaikan fardu haji.

Jurutulis. SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, jemput.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

Sukan permotoran telah menunjukkan peningkatan dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Apakah kerajaan Negeri Johor melalui Kementerian Belia dan Sukan atau Majlis Sukan Negeri bercadang untuk membina litar bagi pocket bike/go-kart. Memandangkan sukan ini disertai oleh mereka yang berumur enam tahun ke atas?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, program sukan *mini bike* atau *pocket bike* dengan izin, merupakan satu program sukan bermotor yang semakin diminati oleh golongan remaja atau belia dalam lingkungan umur enam hingga tiga puluh tahun. Untuk itu, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia setiap tahun telah mengadakan program-program yang berbentuk klinik *mini bike* dan *go-kart* di setiap negeri. Pada tahun 2010 Kerajaan Pusat melalui Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM10,260.00 kepada Negeri Johor bagi melaksanakan tiga siri klinik *mini bike* dan *go-kart*. Ketiga-tiga siri ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Minibike Negeri Johor iaitu dua siri diadakan di Daerah Johor Bahru dan satu siri di Daerah Kulaijaya. Di Daerah Johor Bahru klinik ini telah diadakan pada 9 dan 10 April 2010 di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Johor, manakala Daerah Kulaijaya pada 25 April 2010 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim.

Sementara itu, Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM5,000.00 kepada Persatuan Minibike Negeri Johor bagi menganjurkan program *minibike challenge* sempena sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Johor Tahun 2010 di IOI Mall, Kulaijaya pada 17 dan 18 Julai 2010. Menurut kajian terkini Institut Penyelidikan Pembangunan Belia dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia

Malaysia, golongan muda khususnya para belia kini optimis untuk melakukan aktiviti-aktiviti sukan bermotor dan lasak. Oleh itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah memajukan permohonan kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia untuk Rancangan Malaysia Ke-10 pada 5 Januari 2010 yang lalu, bagi membina sebuah stadium mini dan pembinaan litar *go-kart* dan *mini bike* di Indahpura Kulaijaya. Kos ini dianggarkan berjumlah RM20 juta dan terletak di atas tanah seluas 80 ekar yang dijangka dapat menampung seramai 5,000 orang. Walau bagaimanapun, permohonan ini bergantung kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya pembinaan litar ini dapat dilaksanakan ia akan dapat memberikan ruang kepada golongan ini untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berfaedah di waktu lapang dan menghindari budaya negatif.

Y.B. Dato' Speaker : Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih atas jawapan dan tahniah atas usaha yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri untuk membina sebuah stadium mini di Indahpura yang berjumlah lebih kurang RM20 juta, tapi akhir-akhir jawapan tu jika diluluskan oleh pihak UPEN. Saya melihat bahawa permotoran, sukan *moto bike* ini menunjukkan satu sambutan yang begitu meluas di kalangan ibu bapa dan anak-anak yang berumur empat tahun, sebab saya ada dua, tiga tempat yang saya pergi, mereka ini mengadakan pertandingan *moto bike* di kawasan-kawasan tempat letak kereta dengan menggunakan tayar dan sebagainya, sebagai pengadang untuk laluan trek itu. Jadi saya soalan saya sekarang ini, bagaimanakah caranya untuk kita mengembangkan sukan permotoran *moto bike* ini dan berlandaskan kepada generasi ataupun anak-anak muda yang berumur empat hingga tiga puluh tahun, memandangkan sukan permotoran ini satu sukan yang baru dan ianya dapat merapatkan hubungan kekeluargaan di antara anak dan juga ibu bapa. Dan ianya sebahagian daripada cara kita untuk kita menyelesaikan masalah mat rempit kerana kita ada klinik-klinik untuk kita…

Y.B. Dato' Speaker : Soalan dia.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ni, soalan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Panjang benar.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Takut tak faham, jadi saya khuatir kalau sekiranya kita biarkan perkara ini, masalah mat rempit ini akan berterusan dan ianya sebahagian daripada asas untuk kita melatih anak-anak ini supaya tidak terlibat dalam apa ini lumba haram dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, cadangan untuk membina litar khusus untuk *go-kart* dan *mini bike* ini memang apa nama kita telah kemukakan di peringkat Kerajaan Pusat. Tapi soal dari segi program

ataupun kegiatan peminat-peminat *mini bike* dan *go-kart* ini saya rasa apa yang kita perhatikan dari segi sambutan memang begitu menggalakkan dan setiap ada program yang berkaitan dengan belia sama ada Karnival Belia sempena Hari Belia Peringkat Negeri dan baru-baru ini Hari Belia yang dianjurkan oleh Majlis Belia FELDA di Kota Tinggi memang dapat sambutan yang baik, sebab tu di peringkat Kerajaan Pusat pun melalui Kementerian Belia memang ada peruntukan-peruntukan untuk mengadakan bukan hanya program tetapi klinik-klinik yang juga membimbing peminat-peminat ini yang berkaitan dengan permotoran ini. Dan sebenarnya kalau kita nak kaitkan antara peminat *mini bike* dengan mat rempit ini, saya berpendapat dia adalah golongan yang berbeza kerana *pocket bike* ini merupakan memang yang dia minat sejak kecil lagi, sedangkan yang mat rempit ini memang lepasan sekolah yang dia tak ada kerja, *that's why* yang golongan mat rempit kita ada program lain, program seperti jelajah sempena hari kemerdekaan dan sebagainya. Jadi, ini golongan yang berbeza, ye Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Hari ini kita tengok kalau di kampung-kampung pun dah banyak dibina litar-litar, jadi dah merata tempat ada, saya pun dah pernah pergi merasmikan litar tertutup. Jadi saya ingin tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, sejauh mana Kementerian Belia adakah satu cadangan untuk nak membuat pemantauan ataupun nak pergi melihat tentang kesesuaian litar-litar yang dibina yang berselerak bina kat kampung dan sejauh mana berhubung dengan masalah keselamatan, keselamatan mereka-mereka yang menggunakan litar-litar yang dibina ataupun dengan tak ada spek yang betul yang mana kita khuatir satu hari nanti akan berlaku kemalangan-kemalangan kerana apa sukan ni memang berbahaya dan saya ingin tahulah sejauh manakah Kementerian Belia adakah bercadang untuk nak membina ataupun nak membuat satu pemantauan, satu standard yang khusus bagi mengawal seluruh litar-litar yang ada, litar-litar motor yang ada kat kampung-kampung. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini memang kita belum ada satu kaedah untuk mengawal apa nama ni mereka-mereka yang terlibat dalam *mini bike* ataupun *pocket bike* ini, sebab tu kita ada beberapa apa nama ni…

Y.B. Dato' Speaker : Cadangan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Halangan, kalau kita nak terlampau sangat menghalang disebabkan oleh keadaan jalan ataupun *car park* yang tak begitu sesuai dan sebagainya, nanti dia akan mematikan program ini. Sebab itu, di peringkat Jabatan Belia kita cadangkan kalau dapat kita nak bina litar yang khusus yang berkaitan dengan *pocket bike* dan *mini bike* ini. *So,* dari segi pemantauan buat masa ini kita belum ada lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon jemput.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Apakah status perlaksanaan Draf Rancangan Tempatan Segamat 2015 dan tahap kemajuan Segamat berbanding dengan unjuran Draf tersebut? Apakah draf rancangan lain pada peringkat daerah, negeri dan kebangsaan yang akan mempengaruhi Draf Segamat 2015 tersebut untuk memandu pembangunan Daerah Segamat?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou jemput.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Pada ketika ini, adakah kawasan tertentu di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru yang sedang dikaji untuk dizonkan sebagai kawasan RKK (Rancangan Kawasan Khas)?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan menjawab sekali soalan Pemanis dan Stulang. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah meluluskan dan mewartakan Rancangan Tempatan Daerah ataupun RTD Segamat pada 10 Jun tahun ini. Majlis Daerah Segamat telah pun menggunakan dokumen RTD ini sebagai rujukan asas dalam membuat perancangan dan pemajuan di daerah tersebut. Adalah Yang Berhormat Dato' Speaker, agak terlalu awal pada ketika ini untuk menilai tahap kemajuan Segamat dibandingkan dengan rancangan tempatan daerah yang baru diluluskan dan diwarta kira-kira empat bulan yang lalu. Di peringkat persekutuan atau pusat pula, kerajaan telah mengeluarkan pekeliling berkaitan penilaian program di mana rancangan tempatan yang disediakan dinilai dari segi pelaksanaan. Ini melibatkan penubuhan sebuah unit khas yang memantau pelaksanaan rancangan tempatan di seluruh Negara di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Di peringkat persekutuan atau pusat pula, kerajaan telah mengeluarkan pekeliling berkaitan penilaian program di mana Rancangan Tempatan yang disediakan dinilai dari segi pelaksanaan. Ini melibatkan penubuhan sebuah Unit Khas yang memantau pelaksanaan Rancangan Tempatan di seluruh negara di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Unit ini akan memantau pematuhan Rancangan Tempatan yang telah diwartakan dan sebuah Jawatankuasa akan ditubuhkan di peringkat negeri untuk menilai pematuhan, pemantauan Rancangan Tempatan ini secara berkala.

Bagi menjawab soalan ADUN Stulang berkaitan dengan RKK ataupun Rancangan Kawasan Khas ianya Yang Berhormat Dato' Speaker disediakan bagi memenuhi keperluan perundangan seperti yang terdapat di dalam Akta 172 subseksyen 16B(1). Ianya juga disediakan bagi menangani isu pembangunan untuk satu-satu kawasan yang kecil, khusus atau khas. Dan, ini membolehkan perancangan dibuat berdasarkan penyelesaian masalah kawasan tertentu. Sehingga kini di kawasan bandar raya telah pun mempunyai 3 RKK bagi Kajian Sektoral iaitu :

1. RKK Perumahan.
2. Untuk Industri.

3. Industri Pelancongan.

Untuk makluman, Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2002 hingga 2020 yang disediakan pada tahun 2002, memerlukan tindakan pengubahsuaian berdasarkan kepada *trend* pembangunan semasa. Justeru itu, Kajian Pengubahsuaian Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru yang sedang giat dijalankan telah mengenal pasti keperluan RKK di persekitaran Jalan Wadi Hana, Jalan Wadi Hassan dan Jalan Abdul Samad. Satu RKK lain yang dikenal pasti adalah RKK Sekitaran Jalan Permatang dan Jalan Lurah di Kempas. RKK ini lebih bercorak merancang semula pembangunan bandar bagi meningkatkan kualiti persekitaran bandar dan dalam masa yang sama meningkatkan corak kepadatan pembangunan kawasan tersebut.

Kerajaan Negeri memahami bahawa beberapa kawasan yang khusus atau, atau khas penting untuk tindakan pelaksanaan pembangunan. Oleh itu, beberapa kawasan sedang dikenal pasti untuk dibuat perancangan yang teliti dan khas melibatkan pusat-pusat penempatan utama yang memerlukan pembangunan semula seperti di Bandar Tampoi, Pandan, Majidee, Bakar Batu dan beberapa penempatan yang sedang dalam proses pemilihan. Kerajaan Negeri sentiasa peka tentang perancangan pembangunan yang khusus ini dan penumpuan akan difokuskan pada Rancangan Malaysia yang Ke-10 yang bermula pada tahun hadapan sehingga 2015.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, lambat bangun. Oklah, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, ada baiknya Rancangan seperti RKK ini diadakan sebagaimana yang dinyatakan tadi untuk memenuhi akan keperluan semasa khususnya di kawasan bandar. Di kawasan saya ini ada dua tempat yang dimasukkan dalam Rancangan Kawasan Khas ini iaitu di Permatang dan Lurah. Adakah perkara ini diteliti dengan secara lebih teliti sebelumnya, sebelum diadakan Rancangan ini kerana impak daripada penggunaan Rancangan Kawasan Khas ini banyak kesannya. Umpamanya kawasan-kawasan ini adalah kawasan perumahan yang diberikan hanya lesen khas untuk didirikan industri. Tetapi, dari segi perkara yang lain yang ingin saya tekankan di sini ialah tentang masalah infra dia, kerana di kawasan-kawasan perumahan infra berlainan contohnya jalan hanya digunakan untuk kegunaan kenderaan-kenderaan yang ringan.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Itu saya kata tadi, soalannya adakah diteliti dengan sebenarnya?

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kalau nak dizonkan sebagai Rancangan Khas mestilah mengikuti selaras dengan infranya sekali. Sebab saya tengok mana Rancangan-Rancangan yang dikeluarkan macam ini kesannya umpamanya jalan akan rosak. Dan juga banyak kompelin daripada masyarakat sekeliling sebab kawasan itu adalah kawasan perumahan, didirikan kilang-kilang yang besar yang piawaiannya dari segi ganggu bisingnya tidak diambil kira.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Jadi, saya ingin tahu adakah sebelum dilaksanakan RKK ini diteliti dengan terperinci atau tidak? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Kempas telah merujuk kepada RKK yang dikenal pasti di Jalan Permatang dan Lurah di Kempas. Pada dasarnya RKK ini perlu kerana kawasan Kempas ini mengikut Rancangan Malaysia Ke-10 dan seterusnya akan menjadi satu kawasan hab pengangkutan yang melibatkan juga *double tracking* kita daripada Gemas ke selatan Semenanjung. Dan, seperti yang saya katakan tadi bahawa RKK ini adalah dibuat, dilakukan mengikut Akta 172 di bawah subseksyen yang telah saya sebutkan itu tadi iaitu subseksyen 16B(1) Akta 172. Dan, kalau mengikut Akta ini sebelum satu-satu RKK dilaksanakan dia terpaksa melalui beberapa lapisan penyelidikan yang diperlukan di bawah Akta 172 seperti misalannya dia perlu melalui beberapa protokol tertentu untuk menentukan bahawa akhirnya kawasan khas yang dikenal pasti perlu kepada satu-satu RKK ini akan meliputi keseluruhan pembangunan yang baru. Kalau dulu kawasan Lurah Kempas ini Jalan Permatang mungkin tahun 70-an merupakan kawasan yang di pinggiran. Tetapi, oleh kerana RKK dia akan masuk dalam kawasan yang pesat membangun dan ini adalah merupakan satu kalau dengan izin, saya boleh gunakan Pembangunan Perbandaran ataupun *Urban Renewal* mengikut perkembangan semasa. Dan, segala perubahan yang dilakukan akan mengambil kira pandangan-pandangan daripada keseluruhan sektor masyarakat sebelum diwartakan kerana dia ada proses Pendengaran Awam yang memang dibuka dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Teknikal yang tertentu sebelum dibawa kepada peringkat Majlis dan kemudiannya dibawa kepada kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, jemput.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Masalah penceraian khasnya di kalangan pasangan muda di dalam masyarakat India semakin bertambah. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menjayakan program seperti ini selain dengan modul tertentu boleh dijalankan bagi kaum India?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.
Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia telah membangunkan beberapa program dan perkhidmatan mengukuhkan institusi kekeluargaan dan perkahwinan melalui beberapa modul:

1. Pakej Modul Kasih.
2. Belaian Kasih itu adalah keibubapaan anak kecil.
3. Mutiara Kasih keibubapaan anak remaja.
4. Pancaran Kasih kebapaan.
5. Bahtera Kasih persediaan perkahwinan dan pemantapan keluarga.
6. Permata kasih adalah pembangunan remaja.

Selain itu, ada juga kursus ilmu keluarga LPPKN. Peserta khusus adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan, pihak swasta, NGOs dan orang perseorangan. Pada tahun 2010 sahaja, 6 kursus telah diadakan dan kursus ini melibatkan 621 orang peserta, 202 remaja, 419 orang ibu bapa. Topiknya adalah Pembangunan Remaja, Keibubapaan Anak Remaja, Keibubapaan Anak Kecil dan Pemantapan Perkahwinan. Di bulan November dan Disember ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, tambah lagi 3 kursus, Kursus Keibubapaan Datuk dan Nenek.

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia punya tujuan tu nenek dan datuk?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kan, kalau sesuatu keluarga tu dia ada *extended family*, jadi datuk nenek kadang-kadang melibatkan diri untuk memelihara anak-anaknya dan kaunseling apa tu, permesyuaratan kalau dia ada konflik dalam keluarga, jadi bagaimana datuk nenek ni boleh membantulah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah macam sayalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ya. Selain itu ada juga kursus Keluarga *At Work*, *Smart* Belanja LPPKN, LPPKN *At Community,* ada juga Panel Kaunselor dan yang penting adalah kursus *SmartStart*. *SmartStart* adalah kursus pra perkahwinan kepada pasangan yang akan berkahwin dan baru kahwin sebelum sampai 5 tahun, baru kahwin. Kursus ini dikhaskan untuk, dijalankan dalam 4 bahasalah. Ini adalah satu, apa tu contoh ini dalam Bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil dan Bahasa Malaysia. Dan, kerjasama NGO kepada kumpulan sasarnya. Jadi, NGO ni mengadakan kursus *SmartStart* ini kepada kumpulan sasarnya. Kalau Yang Berhormat daripada kaum India boleh menganjurkan *SmartStart* ni untuk kumpulan sasar kaum India ya.

Pada tahun 2010 sahaja, 12 program telah diadakan melibatkan 344 orang. Lagi satu yang penting adalah Bantuan Khas Perbendaharaan. Bantuan Khas ini adalah kepada NGOs berbilang bangsa. Jadi, mana-mana NGOs boleh memohon dan program ini boleh dalam Bahasa Tamil dan semua program itu dengan izin ye, boleh diadakan dalam Bahasa Tamil, Bahasa Mandarin memang kita adakan sebegitulah. Dan, pada tahun 2009 sampai 2010, 8 NGOs daripada masyarakat India telah diluluskan bantuan geran ini sebanyak RM113,070.00 dengan melibatkan 650 orang. Jadi, kami akan terus berusaha meningkatkan program yang mengukuhkan institusi kekeluargaan dan pemantapan perkahwinan bagi menangani faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan keluarga dan dapat membantu kadar penceraian…

Y.B. Dato' Speaker : Penceraian.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Penceraian di kalangan masyarakat khususnya kaum India.

Y.B. Dato' Speaker : Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasihlah atas jawapan daripada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan pelbagai program untuk menangani masalah penceraian di kalangan masyarakat bukan Melayu. Nampaknya, ada banyak modul kasih, modul pelbagai kasih ini. Tapi, apa yang kita dapati bahawa masalah kekeluargaan timbul kerana kurang sayang kasih dalam kekeluargaan ini. Walaupun kita dapat program-program begitu rancak dijalankan oleh LPPKN tetapi kes-kes penceraian makin lama makin bertambah. Saya tidak tahu bagaimana efektifnya program-program yang dijalankan oleh pihak kerajaan ini dan bagaimana pula respons daripada golongan pasangan muda. Ada tak respons itu kita boleh terima ataupun kekurangan. Tetapi kita, apa yang kita nampak, bukan sahaja kes-kes penceraian tetapi juga ada kes-kes pemisahan. Sebenarnya prosedur penceraian bagi pasangan bukan Melayu, amat susah Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Kadang kala mereka ambil masa beberapa tahun. Mereka perlu melalui kaunseling, melalui tribunal barulah sampai ke *court*, itu pun *high court*, dan *high court* juga boleh memutuskan yang keputusan muktamad. Dan, sementara waktu itu, masalah keluarga itu tidak kurang. Mereka berpisah...

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya apa Yang Berhormat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : ...dan anak pula berpisah. Banyak masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalan dia.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Oleh itu saya minta apakah program-program ini berjaya di kalangan masyarakat bukan Melayu. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Kes-kes penceraian ini bukan hanya kaum India sahaja, kaum Cina pun ada, kaum Melayu pun banyak ya. Kalau kita lihat statistik penceraian masyarakat India yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Johor Bahru bagi tahun 2005 hingga 2010 aje, hingga Oktober 2010, 2005, 110 meningkatlah, 110 naik 105 ops *sorry*, 2007, 177; 2008, 192; 2009, 239 penceraian. Memang banyak penceraian. Proses penceraian memanglah melalui tribunal. Kalau boleh kita nak selamatkan keluarga itu, kita adakan kaunseling dan sebagainya. Tapi, tergantunglah kepada pasangan ini nak bercerai atau tidaklah. Jadi, pada yang kalau kita lihat pun dari sini, yang banyak bercerai ini adalah umur antara 31 hingga 45

tahun ya. Sebab, mungkin satu lagi punca sebab penceraian ini keadaan ekonomilah, keadaan ekonomi dan tak ada kerja dan sebagainyalah. Banyak faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya penceraian. Jadi, justeru itulah kita ada modul-modul ini, kita adakah kursus Keluarga *At Work*. Jadi, yang pasangan muda ini, dia nak imbangkan antara keluarga dengan dia punya pekerjaan pun banyak..

Y.B. Dato' Speaker : Dia tak ada kena politik eh, penceraian ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tak de politik, tak de. Dan, belanja pun kita ada Smart Belanja LPPKN. Jadi, untuk keluarga itu membiayai keluarganya. Apakah efektif atau tidak? Selama ini memang kita buat kursus-kursus ini, tetapi penyertaan itulah, minta maaf banyaklah, kalau kita buat kursus begini penyertaan terutama dari kaum India tak ramai. Jadi, macam mana kita nak bimbing. Kalau dia sendiri *volunteer* nak pergi menghadiri kursus sebegitu, mungkin penceraian tak jadi. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat bolehlah menganjurkan kepada kaum masyarakat India itu, kumpulkan ramai-ramai biar dia sendiri datang, mendengar apa penerangan, kalau macam ini, macam-macam *guide* yang kita adakan. Jadi, insya-Allah kalau mereka melibatkan diri juga dalam apa tu, kursus-kursus yang kita adakan ini, insya-Allah, penceraian tidak akan terjadi.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih Dato' Speaker. Ini kes masalah, kes penceraian. Itu selepas penceraian masalah timbul. Selalunya suami diperintah oleh mahkamah bayar sara hidup kepada anak mereka. Tapi dia bayar 2 bulan, 3 bulan lepas itu hilang, terus tidak bertanggungjawab. Sekarang masalahnya macam mana kita nak membantu ibu tunggal ini? Adakah pihak kerajaan bercadang supaya bercadang kepada pusat ke supaya, saya ada satu cadangan *Welfare officer*, pegawai kebajikan bertanggungjawab sekiranya suami tidak membuat bayaran, pegawai kebajikan masyarakat akan menuntut bagi pihak isteri. Jangan, isteri kesian, kena pasang *lawyer* lagi, mana ada duit.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ha, itu, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Serius dia ni.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kes-kes macam ini memang banyak berlaku. Jadi, walaupun mahkamah telah memutuskan untuk mereka ini membayar pampasan, bukan pampasan, tanggungan kepada anak, isteri tak kisah sangatlah, anak terutamanya, jadi, kalau mereka ini yang dituntut ini lari ataupun tak dapat dikesan. Macam mana nak cari. Pegawai kebajikan pun dah banyak kerja untuk mencari mereka ini. Dia orang ini *just disappear*. Jadi, banyak, kebanyakannya tak dapat

dikesan. Jadi, macam mana kita nak bantu. Mungkin Wakil Rakyat, Yang Berhormat boleh apa, bantu dalam segi apalah, yang bolehlah. Ada yang ceritakan ibu tunggal ini kalau masalah kita kahwinkan dia, ha jadi masalah kemiskinan...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, makna minta Yang Berhormat tolonglah kahwin dengan dia, selesailah kes itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Cari pasanganlah(ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah itu. Cadangan baik tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Sebab kemiskinan pun akan kurang kalau kita carikan pasangan dia kahwin, ibu tunggal ini kahwin. Kemiskinan, dia tak miskin dah. Dah keluar daripada golongan miskin. Jadi, minta maaflah kalau *Welfare Officer* kita tak dapat menggalakkan mereka ini untuk mencari ataupun memotong gaji dia. Kita bukan berkuasa, tak de kekuasaan untuk menjalankan tugas begitu.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada undang-undang, mana boleh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah penceraian ini tidak mengira bangsa dan agama, dan saya dapati ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam ada menyebut tentang strategi kelima untuk menerapkan nilai-nilai murni dan di antara langkah yang dicadangkan ialah memperkukuhkan nilai kekeluargaan dengan mengadakan Program Mencari Pasangan Soleh dan Solehah, Anak Soleh Titian Ke Syurga dan juga Program Keluarga Cemerlang, Ummah Gemilang. Bunyinya macam untuk masyarakat Islam sahaja? Adakah dalam strategi ini melibatkan mereka yang bukan beragama Islam? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi penceraian perkahwinan ini memang kita merangkumi semua bangsalah dan agama. Jadi, untuk yang beragama Islam, kita ada Modul Sakinah yang telah dibawa dan dilakukan juga. Jadi, apa, apa tu? Jadi, dalam Modul Sakinah...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak soal dia pulak..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Sebab soal ini adalah soal kaum India. Tapi kita sebut jugalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Soalan dia soalan India.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tak pelah, saya akan...

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Soalan yang nak ni, program baru yang kerajaan cadangkan dalam..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia ni soalan tambahan dia tak ada bahas.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Insya-Allah...

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Maksudnya itu yang program baru, apakah, adakah ini melibatkan masyarakat Islam sahaja ataupun boleh gunakan untuk masyarakat bukan Islam tentang anak soleh, solehah semua ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Insya-Allah. Agama, boleh diaplikasikan kepada agama-agama lain. Mereka ini kalau dia ada agama, dia akan ikut yang terbaik. Jadi, anak solehah dan sebagainya kita akan aplikasikan kepada kaum-kaum lain juga. Insya-Allah modul...

Y.B. Dato' Speaker : Macam anulah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kita sama-samalah...

Y.B. Dato' Speaker : Macam PAS dengan DAP lah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Insya-Allah, macam modul Sakinah pun kita akan buat *translation* dalam bahasa lain supaya mereka ini lebih memahami, kalau boleh dia akan terapkan kepada agama-agama lain.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Tangkak last.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Tadi dari penjelasan Yang Berhormat EXCO, memang jawatan dia memang banyak program dan juga banyak kaunseling. Tetapi nampaknya penjelasan daripada Yang Berhormat Exco, respons tak begitu baik. Memang barangkali pandangan saya ialah orang yang beri kaunseling itu ada yang juga belum kahwin lagi, tidak berumah tangga. Mana yang itu nak percaya pada dia. Cadangan saya, soalan saya, adakah jabatan Yang Berhormat EXCO ini ubah strategi dia, makna adakan orang yang datang kaunseling ini yang lebih meyakinkan. Makna, dia dapat jaga lebih daripada satu rumah tangga. Melalui pengalaman dia, kalau dia ada 3, 4 bini, saya ingat orang percaya dia tu.

Y.B. Dato' Speaker : Ya?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Macam mana dia dapat *control*. Itu sebab saya harap kalau dapat ubah strategi, tarikan dia barangkali bagus.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat soalan asal ni cerita kaum India je. Ini dah pergi ke lainlah Yang Berhormat (ketawa).

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Ada, ada yang antara pun, ada lebih daripada satu rumah tangga Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak jawab?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : (ketawa). Terima kasih Yang Berhormat. Tentang kaunselor ni memang kita pilih orang yang betul-betul ada kepakaran. Kalau kaunselor itu ada empat bini, tak boleh, tak boleh jadi kaunselor (ketawa). Tak boleh. Jadi, kita nakkan (ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Apasal tak boleh? Kena mengena pulak. Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dia ada *certain* kriterialah. Dia ada apa...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yang empat tak boleh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dia ada berapa jam dia punya ini apa tu kepakarannya. Jadi kaunselor berapa jam, lepas itu dia punya kelulusan dia eh, mesti sertakan kelulusanlah dan sebagainyalah. Jadi, saya rasa nak ubah strategi ini...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau dua boleh tak? (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, yang sedapnya yang jawab pun bukannya ada, tunggal juga. Ha...(dewan ketawa). Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, jemput.

Y.B. Tuan Haji kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Apakah perancangan strategik Jabatan Pelancongan negeri pada tahun hadapan dalam melihat potensi kedatangan pelancongan dari Asia Timur terutama pasaran Korea ke Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor memangnya mempunyai perancangan untuk menarik lebih ramai pelancong dari Asia Timur termasuklah Negara Korea untuk datang ke Negeri Johor. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada bulan April tahun ini Kerajaan Negeri Johor telah pun menghantar satu rombongan termasuklah wakil Kelab Golf Negeri Johor termasuk Senai Airport Terminal Services buat julung kali telah mempunyai satu ataupun menyertai pameran golf, pameran Korea Golf Show 2010 di Korea Selatan bagi mempromosikan produk pelancongan golf Negeri Johor.

Di samping itu, juga turut diadakan pertemuan dan perbincangan dengan beberapa pihak pelancongan di Negeri Korea ini termasuk kita jumpa dengan wakil daripada Kelab Golf di Korea, syarikat-syarikat pelancongan termasuklah syarikat *Airline*. Dan, hasil daripada pertemuan dan perbincangan dengan beberapa pihak ini, tentulah juga kita mempunyai *follow up* ataupun kerja susulan, jadi tercapai sebanyak 20 penerbangan *chartered flight* dari Korea dengan jumlah penumpang ataupun pelancong, mungkin 4,000 – 5,000 orang dijangka akan tiba ke Negeri Johor melalui Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai mulai bulan Disember tahun ini hingga bulan Mac 2011. Dijangka *flight* pertama akan sampai pada 23 Disember 2010 ini dan saya cubalah hadir sendiri untuk menyambut *flight* pertama ini. Oleh itu, pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk meneruskan penyertaan *travel fair* di Korea dan memperhebatkan lagi kempen promosi melalui media cetak di Korea. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan bercadang untuk mengaturkan satu program lawatan iaitu *time trip* kepada agensi pelancongan dan media dari Korea ke produk-produk pelancongan selain daripada pelancongan golf dan juga destinasi pelancongan yang lain yang terdapat di Negeri Johor ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai): Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Mengenai cara penarikan pelancong-pelancong daripada Asia Timur, saya ingin menyentuhkan satu perkara yang penting. Kita tak usah mengharapkan pelancong jauh-jauh daripada negara yang jauh. Kita lihat, kenapa kita tak boleh menikmati kesan *spillover effect* daripada Singapura.

Singapura sekarang ada dua resort, Marina Sands dan Sentosa Island, di mana boleh didapati bahawa pelancong di situ ada kosmopolitan berhasil daripada berbagai-bagai bangsa di antarabangsa seperti warga daripada China, warga daripada Barat, warga daripada Tenggara Asia, warga daripada Jepun, kenapa kita tidak melancarkan program ataupun cara yang betul untuk menarik pelancong daripada negara jiran kita, *spillover* effect, itu sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, *spill effect* ini memang ada. Kerajaan Negeri Johor sentiasa ada hubungan yang rapat dengan pihak agensi pelancongan di Singapura juga. Selain daripada *spill effect* yang mungkin kita dapat menikmati, Kerajaan Negeri akan terus usaha juga untuk cari pasaran sendiri selain

daripada *spill effect*, memang betul. Cuma lihat dari segi kemasukan. Macam tahun lepas kemasukan melalui pintu masuk melalui Negeri Johor ini 15 juta lebih. Ini bermakna ada pelancong yang datang ke Singapura, dia juga akan datang ke Negeri Johor. Sama juga dengan pelancong yang datang ke Malaysia melalui Negeri Johor pun dia akan pergi ke Singapura. So, *spill effect* itu memang benar kita akan ambil apa yang boleh untuk menarik mereka. Tetapi pandangan saya, selain daripada usaha ini pun, usaha untuk cari pasaran baru dan juga menarik pelancong dari tempat-tempat negara asing itu masih perlu untuk kita menambah pelancong yang datang ke Negeri Johor. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 6.

Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dalam mengatasi masalah bekalan dan kualiti air di Negeri Johor amnya, Wilayah Iskandar Malaysia khasnya dan Bandar Nusajaya khususnya, dalam mengimbangi perancangan pembangunan kota kosmopolitan yang berlaku dalam masa 10 tahun akan datang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, mulai Mac 2009 di bawah Perjanjian Penyerahan Aset Bekalan Air Kerajaan Negeri Johor Kepada Kerajaan Persekutuan, fungsi kawal selia industri perkhidmatan air di Johor terletak di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bukan lagi oleh Badan Kawalselia Air Negeri (BAKAJ) atau Kerajaan Negeri seperti sebelum ini. Di bawah Rancangan Perniagaan SAJH yang telah diluluskan oleh pihak SPAN, beberapa program perbelanjaan modal (*CAPEX)*, dengan izin, bakal dilaksanakan dalam meningkatkan mutu dan kesinambungan perkhidmatan air di negeri ini. Program ini turut memberi keutamaan kepada perancangan bekalan air di Wilayah Pembangunan Iskandar yang merangkumi Bandar Nusajaya dalam mengimbangi perancangan pembangunan Kota Kosmopolitan yang akan berlaku dalam masa 10 tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui Pelan Induk Wilayah Persekutuan Iskandar, populasi penduduk di kawasan ini dijangka akan mencapai 3 juta orang menjelang tahun 2025. Dan selari dengan peningkatan ini juga, permintaan terhadap bekalan air bersih pastinya akan turut bertambah seperti mana ringkasan berikut:

Unjuran permintaan bekalan air bersih di Wilayah Persekutuan Iskandar sehingga tahun 2020, pada 2010, tahun ini, populasi adalah dianggarkan 1,538,900 orang dan jumlah permintaan adalah 809.8 juta liter sehari. Dan pada tahun 2013, populasi akan dijangka sampai 1,753,000 dan jumlah permintaan air bersih adalah dianggarkan 920.4 juta liter sehari. Dan pada tahun 2016, populasi akan dijangka akan mencapai 2,000,800. Dan itu jumlah permintaan air bersih adalah dijangka 1067.6 juta liter sehari. Dan pada tahun 2020, populasi akan dijangka mencapai 2,396,200 orang dan permintaan adalah dijangka 1329.5 juta liter sehari. Jumlah kapasiti pengeluaran loji-loji sekarang termasuk pengambilan dari sumber PUB yang membekalkan air ke WPI buat masa ini adalah sebanyak 922.18 juta sehari dan dijangka mampu bertahan

sehingga tahun 2014. Justeru dalam memenuhi permintaan yang semakin bertambah dalam masa terdekat ini, satu program dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran air bersih bakal dilaksanakan pada awal tahun 2011 iaitu melibatkan kerja-kerja menaik taraf di Loji Air Semanggar dengan kos sebanyak RM210 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui program ini kapasiti pengeluaran loji itu akan dapat ditingkatkan sekali ganda dari 159.1 juta sehari sekarang ini kepada 318.2 juta liter sehari menjelang pertengahan tahun 2012. Bagi memastikan kemampuan untuk menampung keperluan air bersih sehingga tahun 2020 tidak terjejas di samping perancangan dalam meningkatkan kapasiti loji-loji sedia ada, kemudahan Loji PUB Gunung Pulai dan Skudai akan turut dimanfaatkan selepas proses penyerahannya kepada Kerajaan Negeri Johor. Seterusnya bagi menampung pertambahan permintaan bekalan air di Negeri Johor dalam jangka panjangnya, satu kajian menyeluruh berhubung dengan sumber air negeri ini bagi tempoh 2010 hingga 2060 kini sedang giat dijalankan oleh juru perunding pakar dan juga termasuk Universiti Teknologi Malaysia melalui inisiatif Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan kualiti bekalan yang disalurkan menepati piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia, mahupun Pertubuhan Kesihatan Dunia, Program Penyelenggaraan dan Pencucian Loji Rawatan Air, Tangki dan Paip dilaksanakan secara berkala dengan menggunakan teknologi baru yang bersesuaian dengan kehendak semasa. Manakala parameter-parameter air diuji dan sentiasa dipantau selaras dengan penunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan.

Y.B. Dato' Speaker : Nusajaya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Pada hari ini kita lihat terdapat pengguna-pengguna membazirkan air, contohnya, cuci kereta, siram bunga dan sebagainya. Dan kita juga telah dengar beberapa negeri yang agak kekurangan dengan air bersih ini. Soalannya, tidak adakah rancangan Kerajaan untuk mengasingkan penggunaan air bersih dan penggunaan yang digunakan harian. Tidak adakah rancangan, contohnya, pada hari ini kalau kita nak gunakan air bersih, gunakan untuk makan, minum, tidak digunakan mencuci kereta dan sebagainya. Jadi kita minta tidak adakah perancangan Kerajaan untuk jangka masa hadapan supaya air bersih ini terkawal dan tidaklah digunakan sewenang-wenangnya. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker,...

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kalau saya tak tersilap, ada soalan lisan ke atau soalan bertulis ke yang sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat berkenaan. Macam mana pun saya boleh jawab sedikit sebanyak. Memang dalam Negeri Johor kita baru memulai dengan air industri yang kita telah pun bekalkan air industri kepada satu syarikat di Tanjung Langsat. Walau bagaimanapun, kita menggalakkan pengguna yang menggunakan air dengan jimat dan berhemat kerana air ini adalah memang

semakin hari semakin kekurangan air dalam dunia ini. Dan kita patutlah gunakan air yang dengan cara yang berpatutan. Di Negeri Johor kita boleh akan gunakan air lagi kerana seorang biasanya gunakan 205 liter sehari kalau banding dengan piawaian sedunia iaitu dekat 160 liter, maknanya ada peluanglah untuk pengguna kita kurangkan gunakan air. Dan memang pun saya setuju di negara-negara lain di mana kekurangan air bersih memang menghadapi masalah. Mereka terpaksa mengambil air dari bawah tanah untuk gunakan. Kalau dibandingkan itu, di Afrika, satu orang hanya dapat 50 liter sehari sahaja oleh kerana kekurangan air. Kita bersyukurlah kerana di Negeri Johor ini kita dikurniakan air bersih. Tetapi tanggungjawab kita bersama-sama untuk menjaga kebersihan air, sama ada di sungai atau di mana-mana lain. Kerajaan belum ada, di pihak Kerajaan belum ada menguatkuasakan undang-undang seperti negara lain di mana gunakan air terawat itu adalah satu kesalahan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tak boleh. Dia terpaksa air yang gunakan air hujan untuk cuci-cucian atau menyiram bunga, rumput ataupun cuci kereta.

Y.B. Dato' Speaker : Ataupun itu, ya....

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tapi negara kita masih belum ada undang-undang itu. Tetapi kerajaan dasarnya, kalau saya tidak silap, Kerajaan Pusat adalah menggalakkan bangunan baru, di dipanggilkan *green building index,* dengan izin, di mana adalah cara untuk mendapat air hujan supaya air hujan yang boleh ditangkap dengan cara bangunan itu boleh digunakan, bukan untuk minum tetapi untuk kegunaan cuci kereta, kegunaan siram bunga ke...

Y.B. Dato' Speaker : Itu basuh Yang Berhormat, basuh bola golf, ha, tu air tu boleh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ok, terima kasihlah. Itu cara.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah *last.* Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih Dato' Speaker. Baru-baru ini masalah tiada air di tempat saya. Sejak Sabtu lalu sampai sekarang. Banyak kawasan ada macam catuan air, pukul 9, pukul 10 baru datang, malam. Saya pergi tanya pejabat, pegawai kata kualiti tak baik. Jadi ini masalah, bilakah kualiti itu akan dipulihkan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Mengkibol tu dia tahu bahawa soalan itu melanggar peraturan...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah saya tahu, saya memang biarkan tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat daripada Mengkibol itu juga tanya soalan itu pasal soalan yang asal ini...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Hanya tertumpu kepada Wilayah...

Y.B. Dato' Speaker : Iskandar.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Wilayah Iskandar. Bagaimanapun, bagaimanapun saya boleh jawab.

Y.B. Dato' Speaker : Jawablah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Masalah Kluang ini, dia berlaku selepas hari Deepavali. Oleh kerana proses di Loji Rawatan Air Semberong itu ada menghadapi sedikit masalah untuk memproses sepenuh kapasitinya. Jadi perkara ini, pagi ini dapat, saya dapat maklumat bahawa keadaan telah bertambah baik. Semalam kapasiti pengeluaran air hanya 37 juta liter sehari, hari ini telah bertambah sehingga 47 liter sehari. Jadi, proses kalau diperbaiki itu, dia akan pulihkan dalam 24 jam ataupun lebih satu hari. Lepas tu kita akan dapat bekalan air penuh. Tidak ada masalah dengan kualiti air mentah, saya sudah semak, semalam saya telah ada perjumpaan dengan SPAN, dengan SWC, dengan BAKAJ, dengan SAJ. Kualiti air di waduk empangan tiada masalah, kualiti dia memang PH 6 lagi, tiada masalah, hanya proses dia ada masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Proses untuk keluarkan air sepenuh kapasiti ada salah, ada masalah. Jadi telah diambil tindakan untuk memperbaiki. Jadi, saya harap mudah-mudahan dalam 24 jam atau 1-2 hari perkara akan diselesaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Mudah-mudahan eh. Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsudin, jemput.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 7 dan 8.

Berapa ramaikah pelajar Negeri Johor yang menuntut di Universiti Al-Azhar yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor?

Berapakah jumlah biasiswa yang diberikan oleh MAIJ kepada setiap penuntut yang telah diluluskan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan 7 dan 8 bersekali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga tahun 2010 ini, seramai 115 orang pelajar Negeri Johor yang menuntut di Universiti Al-Azhar, Mesir telah menerima pembiayaan dari Majlis Agama Islam Negeri Johor. Mereka terdiri daripada 76 orang laki-laki dan 39 orang perempuan yang mengikuti Bidang Pengajian Agama Islam di universiti berkenaan. Sementara itu kadar derma biasiswa yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada pelajar yang mengikuti kursus Pengajian Islam ini adalah sebanyak RM4,000.00 setahun.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah habis soalan lisan. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2), maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran Kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini.

Perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 dimulakan sekarang. Dan sebelum saya minta Ahli yang nak berucap, saya minta jaga masa. Bila saya minta diberhentikan minta kerjasama eh, kerana perbahasan dihadkan 7 hari untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat, jadi untuk beri peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk berikan ucapan. Tapi kalau rasa Ahli Yang Berhormat tak nak berucap tulis surat kepada saya, jadi saya boleh jaga masa. Jemput perbahasan diteruskan.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Dari Puteri Wangsa saya datang, datang ke Dewan amanah rakyat, pembentangan Bajet bukti kerajaan matang, komitmen Barisan Nasional untuk kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam kita telah mendengar ucapan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang berteraskan dan bertema mendahulukan kesejahteraan rakyat. Dalam pembentangan bajet tersebut,

Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan kepada kesejahteraan hidup rakyat selaras dengan matlamat Perdana Menteri untuk menjadikan negara sebuah negara maju dengan rakyat yang berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tahu bahawa dalam keadaan ekonomi yang sedang meningkat, dalam keadaan ekonomi Amerika yang mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar 2.4% pada suku kedua tahun 2010, berbanding 3.7% pada suku tahun pertama 2010. Kemerosotan yang besar dalam eksport bersih dan peningkatan inventori yang lebih perlahan menyebabkan ekonomi pada kadar sederhana meskipun ianya terus disokong oleh pengguna swasta, perbelanjaan kerajaan dan pelaburan tetap. Begitu juga di Eropah, yang mencatat pertumbuhan dan di Asia, dan kita lihat bahawa keadaan ini juga menjadikan kerajaan negara kita ini lebih berhati-hati dan menetapkan satu arah tuju untuk kita memajukan negara kita mengikut cara dan pendekatan rakyat yang berbilang kaum dalam negara kita ini. Dan, dalam program untuk memajukan negara, kerajaan juga telah mencadangkan agar ada projek Kelas Pertama dan Kelas A yang melibatkan 20 projek di dalam negara kita, termasuk perlaksanaan, pembinaan, pusat minyak dan gas. Yang tidak termasuk dalam 20 projek pertama, tetapi pusat beli belah di Kulaijaya yang berjumlah RM200 juta ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Pusat untuk di bina di dalam Negeri Johor. Ini menunjukkan bahawa komitmen kerajaan untuk memastikan bahawa ekonomi negara kita ini terus bergerak dapat dilaksanakan dengan teratur dan tersusun. Begitu juga dalam bajet yang baru dibentangkan semalam, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCO dan kakitangan kerajaan yang telah merangka bajet yang begitu baik untuk kesejahteraan rakyat. Ini penting.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat dalam kita menjana ekonomi dan memajukan negara, kita kena lihat bahawa apakah, apa yang kita rancangkan ini akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan rakyat dapat berpayung di bawah kerajaan yang memerintah. Dan, tidak lupa juga di dalam kita mengharungi kehidupan, perjalanan hidup, untuk kita memastikan mengekalkan keharmonian, keadilan, kesaksamaan dan perpaduan dalam negara kita ini, saya ingin menyentuh mengenai dengan Perlembagaan Persekutuan walaupun pada Menteri, Presiden UMNO telah memberi peringatan semasa menggulung perbahasan perhimpunan yang lepas, supaya semua pihak berhenti mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Malahan Perdana Menteri juga telah menjelaskan, penjelasan yang sejelas-jelasnya mengenai Perlembagaan Persekutuan dalam ucapan dasar dalam perhimpunan tersebut.

Sebelum ini Duli Yang Amat Mulia Ke Bawah Duli, turut menyentuh mengenai Perlembagaan Persekutuan dalam taklimat Perlembagaan Negeri yang diadakan di Persada pada bulan lepas. Tetapi yang mendukacitakan, keluar pula dalam *Facebook*, dalam *website*, dalam *blog*, dalam *Twitter*, ini semua media baru, yang mengatakan bahawa pengerusi Hindraf, dia *declare* dia ni pengerusi Hindraf, saya tak nak sebut namalah eh, yang berani mempersoalkan kuasa Raja dan mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu yang merupakan satu kebiadaban dan kurang ajar beliau yang saya anggap begitu melampau.

Sedangkan Hindraf adalah satu pertubuhan haram, sama Parti Komunis Malaysia. Jadi, kalau misal kata Pengerusinya lari ke London, tak berani berhadapan dengan Undang-Undang, saya anggap beliau adalah seorang yang pengecut dan dayus. Bagaimana pula dengan pengikut-pengikutnya yang menganggotai pertubuhan haram tersebut? Apakah tindakan, apakah yang boleh kita ambil tindakan terhadap mereka? Dan yang pastinya, Hindraf ini telah cuba menimbulkan ketegangan kaum dengan mencabar kerajaan dan Institusi Raja yang patut dikenakan tindakan tegas.

Dalam sistem negara kita ini, Sultan adalah payung negeri manakala Yang Di Pertuan Agong adalah payung negara. Kenyataan yang dikeluarkan oleh ketua negara di mana-mana sekalipun orang tak pernah pertikaikan. Saya mengambil contoh di Thailand, orang asing datang mempertikaikan tentang Sultan mereka, akhirnya mereka di penjara. Tindakan tegas oleh pihak kerajaan. Tetapi saya lihat, saya nak minta maaf, kadang-kadang kita banyak bercakap, Menteri cakap jangan cabar kami, tetapi apakah tindakan yang diambil? Kita bercakap dalam media, banyaklah menteri-menteri cakap, kuasa yang kita ada tidak kita gunakan kerana apa? Takut? Kerana apa kita tidak berani, maka banyaklah demonstrasi-demonstrasi yang telah dilakukan khususnya oleh pihak-pihak pembangkang sebelum ini. Bila mereka menjadi kerajaan, mereka cakap orang yang buat demonstrasi sebenarnya adalah monyet. Sedangkan monyet-monyet yang awal itu telah duduk dalam Dewan-Dewan Negeri dan Parlimen Malaysia inilah monyet yang sebenar, yang mengajar yang dikatakan monyet yang ada di Pulau Pinang.

Tak sepatutnya seorang pemimpin mengeluarkan perkataan monyet, tapi Alhamdulillah kita di sini, kita ini matang. Kita matang. Baik apa Parti sekalipun matang, tak di negara ataupun negeri yang diperintah oleh pembangkang. Saya nak berbalik pada keadaan ini, jadi soalnya sekarang ini dimanakah ketetapan Rukun Negara yang menjadi salah satu daripadanya adalah menyebut Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan sebagainya yang patut kita pertahankan. Kalau kita sendiri sebagai rakyat Malaysia, mempertikaikan tentang Perlembagaan Negara, bagaimana pula masyarakat luar yang melihat negara ini yang berpegang kepada Perlembagaan Persekutuan untuk kita pertahankan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyebutkan ini kerana apa? Kalau gereja dibaling dengan Molotov, dapat tangkap penjara 2 tahun. Surau di cat dibaling dengan arak, dapat tangkap minta maaf lepas, apa bezanya? Begitu juga dengan seorang rakyat Malaysia yang tak dapat biasiswa yang menamakan dirinya, nama betul saya tak sebut, tapi Namawee, keluar dalam blog, keluar dalam *personel* media, yang mempertikaikan Negaraku sebagai negara kuku. Istimewa sangat ke Namawee ni, sampai sekarang apakah tindakan? Saya bukan mempertikaikan tentang tindakan, Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan tegas terhadap pengkhianat-pengkhianat bangsa seperti ini, kerana kalau kita biarkan, akhirnya orang akan terikut-ikut dan mempertikaikan tentang tindakan yang bakal diambil oleh mereka. Kita tidak boleh biarkan, kita tidak akan melihat perkara-perkara seperti ini supaya berleluasa, begitu juga bila seorang guru di Kulaijaya yang mengeluarkan kata-kata peringatan atau nasihat, dianggap *resist,* yang bawa DAP lah. Dulu ingat tak ketuk ketampi, di Parlimen, bahas, bahas, bahas, bahas sekali *check* orang Melayu, senyap sampai sekarang. Mana perjuangan mereka, adakah mereka memperjuangkan tentang

orang Cina sahaja ataupun orang-orang lain tetapi dalam masa yang sama mengatakan bahawa memperjuangkan kesamarataan, tetapi Barisan Nasional lah sebenarnya yang memperjuangkan semua masyarakat berbilang kaum dalam negara kita ini dan *resist* sebenarnya adalah pembangkang yang dinamakan DAP. (Dewan bertepuk) Kerana apa? Mereka mempertikaikan tentang apa juga yang melibatkan orang Melayu...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker..

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan Tetap...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Kalau kita lihat...

Y.B. Dato' Speaker : Puteri Wangsa, sekejap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan Tetap 45(13)(C) gunakan bahasa yang kesat itu, saya minta Yang Berhormat Puteri Wangsa tarik balik, sebab tuduhan kepada DAP, Parti DAP itu tidak sesuai dalam Dewan ini.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat, saya rasa saya tak menggunakan bahasa kesat, sebab saya belajar Bahasa Malaysia. Kalau monyet boleh cakap dalam Dewan, itu bahasa kesat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, sekejap, sekejap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker kalau satu Parti politik di buka kepada semua bangsa Malaysia, saya mintalah kalau UMNO bermula di Negeri Johor, kita pun bermula di Negeri Johor, UMNO di buka dan MCA di buka kepada semua bangsa Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, gini, gini. Ha.... ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa adalah perkara yang telah pun diketahui oleh umum ya, bukan perkara mendatang baru, makna cerita monyet, makna dah keluar surat khabar, dah cerita monyet di Dewan ini, begitu juga berhubung dengan kes ini tapi, dia cerita yang dah berlaku. Makna dah berlaku dan umum tahu, tidak membangkitkan isu yang baru, menuduh parti itu, tidak. Sama juga kalau nak menuduh UMNO nak mengata begini, tak jadi hallah, memang dah terbelaku perkara itu ya. Jadi saya ingat perkara ini sebagai mengingati, menasihatlah, kalau mana yang benda tu elok, eloklah, kalau tidak jadi ingatan kepada kita. Saya ingat perkara ini yang dah berlaku dan dah diketahui umum, bukan perkara baru yang dibangkit-bangkitkan. Kalau itu lain sikit, saya boleh tegurlah eh, jemput.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kadang-kadang itulah, kadang kita tak faham sebenarnya apa yang

dinyatakan. Kita dengar, tapi kita buat persepsi yang tak elok. Seolah-olah macam kita ini tak betul semua, apa yang kita cakap semua tak betul, dia cakap semua betul. Ini yang berlaku.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. teruskan yang lain.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi saya nak sebut pasal apa tadi, cuma saya nak ingatkan apakah tindakan? Bagaimanakah harus kita lakukan untuk kita lihat bahawa, kalau kita tengok Kerajaan ataupun negara dia, Europe atau Amerika Syarikat, kadang-kadang bila ada sesuatu kes, demokrat katakan mencadang ini, kadang-kadang orang demokrat tidak menyokong, *republican* yang akan menyokong kepada kerajaan. Ini namanya keterbukaan melihat kepada situasi dan isu untuk kita bangunkan negara. Bukan kita nak menangkan parti kita. Bukan kita tak mahu bangsa kita tapi melihat kepada negara ini yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO sebagai tunjang kepada kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Kadang-kadang UMNO pun gasak UMNO juga ek.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Kalau UMNO pun ada tak betul juga, kita akui tapi kita kena betulkan. Tak betul kita tegur, kita perbaiki. Tapi tak semualah yang tak betul. Jadi, kalau saya harap agar perkara ini dilihat, jangan banyak bercakap dalam media dalam apa, jangan cabar itu cabar ini tapi tidak ada tindakan. Sampai sekarang saya tak tahu ini, apa tindakan. Saya nak tahu apa tindakannya. Saya harap jika sekiranya ia menyentuh kepada sensitiviti negara kita dan menyentuh perlembagaan dan sebagainya yang boleh kita ambil tindakan, ambil tindakan dengan kadar segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi perkara mengenai dengan isu cukai tanah. Saya dimaklumkan bahawa banyak cukai tanah yang belum dipungut, mungkin melebihi berpuluh-puluh juta ringgit. Kalau kita lihat daripada ucapan awal Yang Amat Berhormat bahawa tahun ini jika dibandingkan tahun 2010 yang mengalami defisit sebanyak RM1.5 juta. Tahun ini. bajet iaitu surplus sebanyak, lebihan sebanyak RM2.77 juta. Tahniahlah sebab *at least*, sekurang-kurangnya ada peningkatan dan kita nampak bahawa kesan daripada perancangan yang baik itu, kerajaan dapat kelebihan ataupun surplus sebanyak RM2.77 juta. Begitu juga kalau saya lihat premium tanah. Bukan premium tanah. Minta maaf, cukai tanah yang tidak dipungut. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Kerana ianya melibatkan berpuluh-puluh juta ringgit yang boleh membawa hasil dan salah satu hasil kerajaan adalah daripada hasil cukai tanah. Mungkin lebih 50 juta, mungkin lebih 70 juta ataupun 100 juta yang perlu kita fikirkan kerana ia juga melibatkan kewangan Kerajaan Negeri. Kalau kita dapat pungut mungkin surplus kita akan bertambah sebab ianya digunakan untuk pentadbiran, untuk pembangunan, untuk membuat kerja-kerja kontrak kepada orang-orang kampung dan sebagai yang akan menggerakkan ekonomi dalam negeri kita ini. Dan bilakah ianya nak dimulakan pungutan tersebut. Dan saya melihat bahawa ini perlu disegerakan, saya tidak tahu sama ada kerajaan mungkin nak beri *remit, remitance* ataupun nak beri diskaun kepada penghutang-penghutang cukai tanah ini. Kalau ada baguslah, kalau tidak kena pastikan bahawa ianya dapat dipungut dan ia akan dapat menambahkan hasil kepada kerajaan.

Begitu juga dengan pasir ini. Pasir ini tak habis sampai bila-bila. Saya tak tahu bila jangka masa pasir ini akan berakhir. Tiap-tiap hari ada je pasir keluar, korek, korek, korek, ada. Korek, korek, korek ada. Kadang-kadang dia hantar ke luar negara. Mungkin ya, mungkin tidak. Tapi dah dikeluarkan, dah dinyatakan. Saya nak tahu kadang-kadang siapa yang melabelkan pasir, yang hantar kesana dan kesini. Sama ada Qualidas ke Silica atau sebagainya dan kemasukan pasir ini ke negara-negara luar, kalau ada, kalau tak ada bagaimana caranya untuk kita mengawal. Mungkin penguatkuasaan kurang, pengeluaran lebih ataupun kenderaan yang digunakan lebih atau kawalan pintu masuk yang banyak yang tidak dapat kita kawal. Tapi kena cari mekanisme untuk kita kawal mana-mana yang tidak boleh dieksport, kita kekang daripada dijual. Dan yang dalam negara kita ini, kita kawal supaya ianya tidak dicuri oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini juga adalah sebahagian daripada hasil kerajaan yang harus kita pertahankan untuk kegunaan Kerajaan Negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat dalam ucapan bajet yang lepas pada 15 Oktober 2011, Perdana Menteri juga berkata industri minyak, gas dan tenaga merupakan antara penyumbang utama pendapatan ekonomi negara. Oleh kerana industri ini mempunyai potensi untuk dikembangkan lagi terutama aktiviti hiliran, kerajaan memerlukan sebanyak berjuta-juta ringgit mungkin berbilion bilion ringgit untuk sektor ini. Dan penubuhan pusat perkhidmatan dan peralatan minyak utama rantau Asia di Johor pula melibatkan pelaburan swasta yang dibangunkan oleh Syarikat Dialog Group atau terminal minyak sebanyak RM4.6 bilion. Ini satu kejayaan kita menarik pelabur dan akhirnya mereka dapat melabur di dalam negeri kita dan akhirnya dapat memberi kesan yang baik kepada kawasan tersebut yang boleh menggunakan tenaga kerja sebanyak lebih kurang 800 hingga 1,000 orang jika terminal ini dapat dibangunkan. Tapi adakah Teluk Ramunia sebelum ini telah diumumkan sebagai hab minyak dan gas, merupakan pusat perkhidmatan dan peralatan minyak rantau Asia. Apakah peranan dan fungsi hab minyak dan gas di Teluk Ramunia?. Adakah ia setakat untuk tempat penyimpanan minyak dan gas atau adakah kemungkinan ia bakal menjadi seperti Kertih dekat Terengganu. Tetapi setakat ini kita tidak tahu apa sebenarnya peranan hab minyak dan gas di Teluk Ramunia itu memandangkan kita sendiri tidak tahu adakah kawasan dalam perairan Johor khususnya di sepanjang Pengerang dan di Teluk Ramunia mengandungi sumber asli minyak atau gas.

Bagaimanapun, baru-baru ini dalam satu laporan akhbar bulan lepas, Dekan Fakulti Kejuruteraan Gas dan Minyak di UTM Skudai menyatakan bahawa sepanjang kawasan perairan laut di sebelah Pantai Timur dari Thailand hingga ke sebelah Pengerang ada sumber minyak dan gas. Kalau betul ada, ianya adalah satu petanda positif terhadap Kerajaan Negeri. Dan ini juga berdasarkan keadaan perut bumi laut dalam yang berubah ekoran kejadian tsunami. Ia boleh diketahui sekiranya kajian dilaksanakan di kawasan berkenaan dan untuk tujuan itu perlu mendapat kebenaran pihak berkuasa dan pihak kerajaan. Dan sekiranya ada kajian, ia akan membabitkan kos yang tinggi. Saya berpendapat sekiranya kajian dijalankan sudah tentu kita akan dapat lebih jelas mengenai sumber gas dan minyak di lokasi tertentu di kawasan laut dalam Johor ini. Dan sekali gus Kerajaan Negeri akan memperolehi hasil lagi sekiranya ada sumber mentah. Dan ini kalau menjadi realiti bermakna Kerajaan Negeri Johor ada tambahan hasil untuk digunakan bagi pembangunan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya menyentuh mengenai dengan satu kampung satu industri dan saya lihat perancangan kerajaan mengenai produk-produk hasil daripada pemilik-pemilik IKS, pengusaha-pengusaha IKS ini amat baik. Dan, kalau kita lihat bagaimana tumpuan yang diberikan terhadap bidang yang diceburi dalam bidang perniagaan yang boleh meningkatkan ekonomi dan baru-baru ini saya dimaklumkan lebih kurang dalam 50 pengusaha yang telah menghasilkan lebih kurang 90 juta pendapatan. Ini satu petanda yang baik. Dan, baru-baru ini saya melancong dengan EXCO Usahawan.

Y.B. Dato' Speaker : Pergi mana? Melancong ke mana?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ke Jogjakarta sebelum diarahkan *airport* ditutup.

Y.B. Dato' Speaker : Fuhh. Handallah.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bukan nak tengok gunung berapi tetapi nak melihat bagaimana IKS di negara tersebut dibangunkan dan dilaksanakan walaupun negara tersebut, kalau kita lihat dari sudut ekonomi tidak sebaik kita tapi perancangan yang teratur. Saya mengucapkan terima kasihlah kepada EXCO kerana membawa saya…

Y.B. Dato' Speaker : EXCO mana?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : EXCO Pembangunan Usahawan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia apa. Dia Ketua Bahagian eh? EXCO. Ya?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dia Ketua Bahagian.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat apa?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Timbalan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Bagus.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi, yang menurut perintah. Ini bukan nak mengampu dia.

Y.B. Dato' Speaker : Ini contoh kepada bahagian-bahagian lainlah. Punya rapat sahabat, ketua dan timbalan. Memang Tebrau baik, saya tahu dari dulu.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Kerja dengan pasukan bukan kumpulan. Ha, ini pasukan yang kita tubuhkan untuk kita majukan negeri kita.

Y.B. Dato' Speaker : Bahagian, bahagian mana?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bahagian Tebrau. Pengerusi Tetap Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Itu yang saya nak dengar. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Kalau kita lihat, saya pergi, saya melihat keadaan IKS di sebuah tempat nama Kalungan. Sepanjang 2 hingga 3 kilometer kiri dan kanan jalan, kerajaan menyediakan tempat bukan rumah tapi sebuah kedai yang mereka ini mengusahakan kraf tangan mungkin tembikar, pasu dan apa-apa yang berbentuk kepada kesenian dan juga jualan-jualan makanan dan sebagainya yang diletak di kiri kanan jalan. Kita lihat bahawa pertamanya produk tersebut dijual secara *direct,* sama ada kepada penduduk tempatan ataupun kepada pelancong-pelancong. Bila pelancong datang mereka ada pilihan untuk membeli. Kalau di luar umpamanya sebuah lukisan, kalau kita anggarkan di luar dalam 3 juta, 3 juta duit dialah lebih kurang RM1200 lah duit kita. Tetapi di sana berharga 400 ribu. Perbezaan begitu jauh yang jualan ini dapat terus kepada pengusaha tersebut tanpa menggunakan orang tengah. Maka pelancong datang, tak ada dia pun dia beli, saya dengar satu syarikat, apa nama syarikat eh?. Syarikat perabot pun dia beli dekat sana dia jual kat sini. Kalau pasu bunga itu, kalau kat sana lebih kurang RM80 di sini dia jual RM380. Dia beli *by* kontena. Begitu juga di Guangzhou, kita lihat di Guangzhou ada *electric goods*.

Y.B. Dato' Speaker : Guangzhou kat mana?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : China. Saya dah pergi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah pergi?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dah.

Y.B. Dato' Speaker : Saya dahulu Wakil Rakyat biasa teruk nak melawat luar negeri, tak dapat-dapat.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat, kita kalau nak pergi kena usaha sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah itu kelebihan Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Di Guangzhou, barang-barang elektrik dekat situ, barang-barang perabot di situ. Besar, banyak, banyak pilihan, dan pelancong, pengusaha sama juga dengan yang buka kedai-kedai perabot di negara kita ini, mereka beli di sana bawa sini *rebrand* balik. Hasil, Kerajaan Negeri dapat, pengusaha dapat. Dan di sini adalah sebahagian daripada pelancong yang melihat kepada prospek yang begitu meluas bahawa mereka juga banyak pilihan untuk mereka beli dan mereka kembangkan perniagaan mereka. Dan ini juga patut dicontohi. Sebagai contoh dalam negara kita. Kita ada Ayer Hitam, Ayer Hitam adalah. Tempat-tempat lain, kalau ada di DUN Puteri Wangsa, saya cadangkan buatlah. Di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, kalau kerajaan kata ada tanah nak bangunkan tempat ini, tempat ini, tetapkan satu tempat, contohnya di Danga.

Berapa banyak kerajaan bayar. Mungkin RM1 ataupun mungkin lebih *value* tanah. Apa salahnya dengan *Golden Shake Understanding*, ok tempatkan ini sebanyak seluas satu ekar ke, 2 ekar buatkan tempat. Jadi pelancong dapat datang ke tempat tersebut. Selain daripada mungkin *factory outlet* dan sebagainya.

Dan, ini juga dapat mengembangkan industri pelancongan. Saya melihat kalau pembangunan usahawan sama dengan pelancong dan kebudayaan dapat digabungkan, ianya akan memberi kesan yang begitu baik. Tadi daripada Senai pun ada mencadangkan *Spillover* daripada Singapore sebab kalau saya lihat daripada statistik ya, pintu masuk sektor pelancongan ini, Singapura je, lebih kurang 12,792.076 juta pengunjung. Cuma ini ambil daripada Tambak, tak silap saya. Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor Statistik, Indonesia lebih kurang 800, China satu ratus lebih, Thailand 78, Jepun seratus lebih. Mereka ini sama ada di Negeri Johor ataupun *just pass by*, tumpang lalu. Kadang-kadang dia ke Kuala Lumpur, kadang-kadang di Singapura, menggunakan pintu masuk dalam negara kita ini. Kita tak tahu sama ada 12 juta ni dia ada di sini ataupun keluar.

Begitu juga dengan negara-negara Arab, ada di Kuala Lumpur, *spillover*nya tak ke Johor sebab tidak ada tarikan untuk datang ke Johor. Dia *fly,* dia terbang ke Singapura. Kita ada terminal feri di Changi, kita ada Terminal Belungkor, saya dengar dah tutup. Terminal feri pun dah tutup tak kita gunakan. Tak tahulah mungkin Kerajaan Pusat yang *monitor* saya tak tahu Kementerian Pelancongan yang *control* kita tak boleh nak buat apa-apa, tutup. Yang telah membelanjakan begitu banyak dengan tujuan untuk menarik pelancong-pelancong ini dan datangkan hasil. Jikalau ini dapat kita selaraskan, kalau kita tengok di Thailand, contoh ya, bagaimana industri perhotelan yang dibantu oleh pihak kerajaan. Kalau kita *walk-in* atau datang kemudian kita register di hotel, kadang-kadang hotel penuh, ataupun harga dua kali ganda kerana dia tak menggalakkan orang datang *direct* untuk, dengan izin, untuk tinggal di hotel tersebut. Mesti melalui agen pelancongan. Jadi agen pelancongan ini akan *less*kan *may be* mungkin 20% hingga 30% daripada harga hotel tersebut dan ini adalah satu perkara yang telah dilaksanakan begitu lama dan industri pelancongan mereka begitu berjaya.

Manakala di Malaysia saya lihat, kenapa kita tak wajibkan pihak pelancongan, pihak apa, *players players* ataupun pengusaha-pengusaha pelancong ini, bas-bas dan sebagainya. Wajib kena datang ke tempat-tempat yang kita tetapkan. Kalau mungkin ada tempat yang telah disediakan sepertimana yang saya nyatakan tadi, ada tanah kita sediakan untuk tarikan, dia mesti datang sebagai salah satu syarat, maka dia akan datang bila dia beli barang tersebut dia akan menggerakkan pertumbuhan ekonomi Kerajaan Negeri dengan baik dan berkesan. Begitu juga hotel, mesti melalui agen. Jadi sekurang-kurangnya bila agen mendapat *customer* ataupun pelanggan ianya akan membantu menggerakkan pelancongan yang ada dalam negeri juga. Barulah kita boleh *admit* ataupun *declare* 12 juta ini adalah pelancong yang datang ke Negeri Johor dan berjumlah lebih kurang 15 juta sehingga tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita amati keadaan ini sebenarnya pasukan inilah yang akan membentuk kepada kejayaan bukan kumpulan. Sebab itu saya cakap tadi pelancongan, kebudayaan, pembangunan usahawan, Industri Kecil dan Sederhana, digabungkan. Memikirkan tentang *mekanisme* untuk kita majukan IKS

supaya pengusaha-pengusaha IKS ini dapat melaksanakan perniagaan mereka tanpa menggunakan orang tengah. Sebenarnya kalau kita lihat daripada keseluruhan, daripada IKS ini ianya boleh menggerakkan, membantu untuk ibu-ibu tunggal, orang-orang susah menjual produk-produk mereka secara terus kepada pelancong-pelancong dan pembeli-pembeli. Dan satu lagi yang saya ingin sentuh di sini …

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa dah 30 minit.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : ...ialah mengenai dengan pasukan bola sepak Negeri Johor. Saya masa duduk-duduk, ada juga orang datang. Apa pasal bawak pasal bola sepak ni? Saya cakap saya ni pemain bola sepak sebelum ni. Saya minat main bola. Jadi kalau ada benda-benda yang boleh saya berikan idea, pandangan, saya rasa kalau diambil kira, kalau hendak diambil kira, ianya boleh membangunkan pembangunan bola sepak di Negeri Johor dengan begitu baik setelah berapa lama keadaan bola sepak negara kita ini dalam keadaan yang merudum. Baru-baru ni ajalah, *semi final*, mula-mula menang 1-0, lepas tu kita kalah. Tapi tak apa, apa pun tahniah, sebab ada usaha untuk meningkatkan mutu bola sepak dan permainan bola sepak. Saya dengar bahawa nak adakan penggabungan antara Johor FC dan Johor FA, nak digabungkan. Saya tak tahu sama ada ianya sudah dibuat kajian secara terperinci sebelum usaha untuk menggabungkan kedua-dua pasukan ini. Terutamanya dari aspek gaji pemain, kemudian nama. Mungkin nama mungkin Johor FAlah. Tetapi Johor FA sendiri daripada Liga Perdana kepada Division Pertama, turun.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm, pasukan yang mana turun?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Johor FA, Johor FA, bukan Johor FC, Johor FA.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa dia punya Timbalan Pengerusi ni?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya, Timbalan Pengerusi saya tak tahu. Pengurus Pasukan saya kenallah.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Pengurus Pasukan saya kenallah.

Y.B. Dato' Speaker : Pengurus. Pengurus siapa Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya tak boleh sebut nama dalam Dewan. Salah.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, saya tak suruh sebut nama. Siapa, ah jawablah. Sipolan.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Adalah…

Y.B. Dato' Speaker : Oh adalah. Rahsia kerajaan ya.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Tapi apa pun…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak ada kena mengena. Dia saja… (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Adalah kemakmuran kita di dalam Dewan ni.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dulu masa ambik, semangat. Gaji dan sebagainya. Sekarang pun ada gaji tak bayar. Jadi kena cari jalanlah supaya tak jadi isu. Kesian budak-budak ni. Saya main bola, dulu main bola ni kita tak payah allowance, tak payah apa. Semangat negeri, semangat pasukan. Sekarang ni dah ada *allocation* ataupun mungkin *allowance* ataupun gaji kepada pemain. Johor FC gajinya sekian banyak, Johor FA sekian banyak.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dulu main bola *position* apa?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya boleh main *forward,* saya boleh main *defend*, saya boleh main *keeper.* Tapi yang saya minat, saya penjaga gol.

Y.B. Dato' Speaker : Sama dengan saya. Saya pun *goal keeper*. Lepas tu saya berhenti, banyak sangat bola masuk, malas main. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dia kalau jadi penjaga gol bola tak masuk, saya rasa ada *something wrong* la kat situ.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak sangat.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi saya tak hendak bila bergabung, ianya akan menambah masalah. Saya setuju kalau ada penggabungan. Tapi kena cari mekanisme yang terbaik. Supaya imej bola sepak ini dapat kita pertingkatkan dan kita dapat menarik lebih ramai *supporters*, penyokong-penyokong ke stadium, kerana ini sebahagian daripada hasil. Kalau kita tak kaji betul-betul, dikhuatiri akan menambah masalah kepada pasukan terutamanya kepada pemain itu sendiri. Saya bimbang juga kalau masalah kewangan hingga menjejaskan prestasi pemain dan pasukan. Jangan sampai kita nak tutup lubang ni dan korek lubang lain yang akhirnya menjadi mangsa adalah pemain-pemain bola sepak Negeri Johor. Sebenarnya, apakah alasan sebenarnya Persatuan Bola Sepak Negeri Johor untuk digabungkan, dan dalam pengetahuan saya pasukan FA memang dah tersingkir daripada saingan Liga Super yang satu penggal sahaja dan sekarang ini bermain pada Liga Perdana untuk tahun depan.

Dan, saya lihat bahawa Johor FC ni adalah satu pasukan yang paling konsisten sejak Liga Super mula diperkenalkan dan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor didapati masih lagi gagal memberi budaya kejayaan kepada pasukan ni yang pada kali terakhir

memenangi Kejuaraan Liga saya ingat dalam 1986, itu *last* sekali saya pergi stadium. Lepas tu bila saya dengar pemain dia beli dan sebagainya sampai sekarang saya tak jejakkan kaki di stadium. Saya di padang-padang sahaja membantu untuk mencari pemain-pemain muda dan bersama-sama dengan mereka bermain. Dan, pada tahun 1991, jika perlukan penggabungan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini perlu lihat segenap aspek bermula dari Perlembagaan Persatuan, barisan kepimpinan yang baru, perbelanjaan persatuan, struktur organisasi malah pasukan kejurulatihan juga perlu dinilai semula. Kita lihat sendiri formula yang diguna pakai oleh persatuan-persatuan bola sepak negara luar ataupun negara kita yang menekankan pada pengurusan yang cekap, yang boleh membawa kejayaan dijangka masa pendek, sederhana dan panjang. Persatuan Bola Sepak Negeri Johor juga perlu belajar untuk mempunyai pasukan bola sepak yang berkualiti dan menuju ke arah kecemerlangan. Jangan kita asyik marah, keluar dalam akhbar orang tu tak betul, orang ni tak betul, pemain tu tak betul, pengurus tak betul akhirnya ia akan merosakkan imej bola sepak yang ada dalam Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Hah, minta akhirkan.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya ingin menyatakan bahawa dalam kita menjalankan tugas banyak perkara-perkara yang kita terlepas pandang ataupun perkara-perkara yang boleh kita tingkatkan kualiti sesuatu tempat berdasarkan pada tindakan yang pantas. Kadang-kadang bila kita bawa perkara ini di sini, tahun depan pun belum selesai, dua tahun belum selesai, maknanya tindakan yang lambat. Saya mengambil contoh kekurangan kakitangan Hospital Sultan Ismail. Anak saya masuk hospital, adik saya masuk hospital dan lawatan saya di hospital di E*mergency Ward* dan juga *Green Lane*. Pesakit ramai, sebab Hospital Sultan Ismail ini menjadi tumpuan daripada Mersing kalau ada *special case*, Kota Tinggi, kawasan Johor Bahru sendiri, dengan kawasan Pasir Gudang. Memang tidak dapat menampung. Kekurangan doktor dan juga kakitangan menyebabkan kelewatan mereka untuk memeriksa pesakit-pesakit. Pesakit sekarang tak macam dulu. Kadang-kadang bila tak betul sikit, disalahkan doktor. Saya kesian tengok doktor. Kadang-kadang sampai 24 *hours* bekerja. Mereka dipersalahkan sedangkan bukan salah mereka sebab kekurangan kakitangan. Kadang-kadang dah dua doktor atau 3 doktor, kekurangan doktor ni, tiga-tiga ni, satu sakit, dua dah habis tempoh masa, jadi terpaksa sambung. Jadi bila kekurangan ini menyebabkan kelewatan, rakyat akan melihat bahawa ini adalah kegagalan Kementerian Kesihatan, kegagalan doktor, kegagalan kerajaan. Sepatutnya kekurangan kakitangan Hospital Sultan Ismail ini perlu disegerakan untuk ditambah kerana bilangan pesakit dan rakyat yang bertambah di dalam daerah Johor Bahru. Perlu disegerakan, yalah kadang-kadang kalau kita nak pergi hospital atau klinik, sekarang ini kalau musim penyakit denggi contohnya, kita bawa pergi klinik, ada satu klinik tu la dia ambil dia punya apa tu yang taruk kat telinga, apa…

Y.B. Dato' Speaker : *Ear phone*, bukan, habis susah sangat… *ear phonelah.*

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Bukan, dia *check*, ok demam. Ha ni keluar kasi ubat, RM35.00. Sebab budaya swasta ini adalah untuk mencari keuntungan. Ini pun perlu dikawal. Ini pun perlu dijaga. Begitu juga saya ambil contoh, arwah orang tua saya masuk ke *Specialist* sebab dia masuk HSA, saya tengok keadaan tak selesa, saya kesian, saya bawa ke, saya cubalah ke hospital pakar, so bila *check,* doktor senang dia punya *conclusion*, potong kaki sampai lutut. Dia cakap senang aja, biar saya mati, namun nak potong kaki saya tidak sama sekali. Saya khuatirlah pasal ni doktor *specialist* ni, hospital *specialist* ni. Betul ke Yah. Dia kata, tak apa-apa berlaku saya tak nak potong kaki. *So* saya bawa balik HSA. Bila balik HSA dirawat, rawat, rawat kaki tu cuma potong jari aja. Hilang jari tak payah potong sampai dia meninggal. Jadi menunjukkan bahawa etika kepada pengusaha-pengusaha rumah sakit ini perlu diperbetulkan termasuklah klinik-klinik swasta. Kadang-kadang demam pun tak *check* pun, ni sekarang ini ambil kesempatan, *check, check, check* lepas tu akhirnya denggi, tak *check* dengan betul. Sepatutnya dah tahu ada penyakit yang menyerang negara kita ini, negeri kita ini kita *check*lah betul-betul. Ini sakit denggi, ini perlu diperbaiki, ini perlu dirujuk kepada hospital. Ini dah sampai lima hari, lima hari dah tumbuh bintik-bintik dah merebak ke lain dan akhirnya boleh menyebabkan kematian dan khidmat mereka ini sebagai doktor tidak berpatutan dengan etika mereka sebagai seorang doktor.

Begitu juga persepsi, kadang-kadang orang ni dia suka main persepsi. Begitu juga saya tengok ya, ada satu klinik dalam Hospital Sultan Ismail, dinamakan Klinik Johor Jaya, dalam DUN Puteri Wangsa, dalam Parlimen Tebrau. Saya lalu, belum buka, nasib baik belum buka. Kalau misal kata dah buka, orang tanya mana Klinik Johor Jaya? Itu tanya dengan YB Johor Jaya. Jalan Dedap cari tak jumpa, Jalan Anggerik cari tak jumpa, sebab klinik ini berada dalam Hospital Sultan Ismail. Saya cadangkan tukar kepada Klinik Sultan Ismail atau Klinik Mount Austin. Sebab kawasan tersebut.

Jadi, begitu juga dengan *fogging* ni, *fogging* denggi. Bila kata ada sakit baru kita buat *fogging*. Kempen-kempen dah buat dah, tetapi penyakit tu bertambah, denggi ni. Sepatutnya kena berkala, sehingga nyamuk tersebut betul-betul dapat dihapuskan dan tempat itu menjadi tempat yang tidak ada nyamuk denggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, dah habis dah Yang Berhormat. Dah lebih 45.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya rasa ada lagi isu yang perlu saya bawa, yang belum habis untuk saya bahaskan dalam Dewan yang mulia ini sebagai pencadang.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah nanti tambahanlah. Itu memang kita lebihkan.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Minta sikit masa lagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : 5 minit.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya nak menyentuh tentang pungutan sampah. Saya tak tau ni, SWM. Masalah besar sebenarnya. Baru-baru ini, di Taman Mount Austin, saya mendapat panggilan telefon daripada salah seorang daripada penduduk Taman Mount Austin. "Y.B. sampah sudah satu minggu tak ada angkat. Ini besok sudah Deepavali." "*You* tak mengadu dengan Ahli Majlis ke?" Sudah mengadu pada Ahli Majlis tapi bila Ahli Majlis telefon tak ada tindakan. Jadi saya telefon. Telefon, malam tu dia angkat. Kemudian, selang 5 hari kemudian, telefon lagi, ni sampah tak angkat lagi. Saya cakap macam mana boleh jadi macam ni? Saya telefon balik, baru dia angkat saya tanya "Sebenarnya kawasan ni 1 hari berapa kali?" "1 minggu 2 hari sekali atau 3 hari sekali angkat sampah." Ini kes-kes terpencil begitu juga dah sebulan lebih. Baru Mesyuarat Tindakan yang lepas saya cakap tak tau ni dah ambil belum, saya nak *check*. Dia kata dia nak ambil. Dah berapa lama. Kalau SWM ni tak mampu untuk buat kerja, balikkan semula kepada Pihak Berkuasa Tempatan ni, Majlis-Majlis boleh buat dan boleh membantu kepada kontraktor-kontraktor kecil, yang boleh kita buatkan ketetapan pada hari ni minta Kerajaan Negeri buat kertas kerja. Kalau Tol tu UEM boleh ambil, kenapa SWM kita tak boleh ambil kita bayar? Pulangkan balik pada Pihak Berkuasa Tempatan. Sebelum ni pun saya lihat, tak ada masalah. Kalau kontraktor yang dibuat oleh pihak yang diberikan kerja oleh Majlis Perbandaran atau Majlis Bandaraya atau Majlis Daerah, bila tak buat, maka pihak Majlis boleh menggunakan lori mereka. Kalau setakat nak buat sebagai sistem payung, kemudian dia tak buat kerja tetapi dia *claim* dengan kerajaan, yang ruginya kerajaan. Kita mengayakan seorang individu, tetapi kita menyusahkan rakyat. Rakyat akan menyalahkan kerajaan hanya kerana sistem pungutan sampah yang tak efisien. Dan SWM ni saya rasa tak berkaliber untuk menjadi kontraktor di dalam Negeri Johor. Saya minta Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk berunding dengan pihak Kerajaan Pusat batalkan kontrak dan diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk dilaksanakan. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat dah habis dah.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini masalah dengan kemiskinan tegar.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini tak boleh lama lagi.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya ada satu lagi, dua, dua. Sikit lagi, sikit, sikit. Program yang saya nak katakan ini menyentuh kepada perancangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan pendapatan daripada RM1,000.00 kepada RM2,000.00, kepada RM3,000.00, kepada RM4,000.00 per kapita akan datang. *So*, saya lihat bahawa pembangunan rumah-rumah murah kepada golongan yang memerlukan. Kita cari kontraktor buat, lepas tu serah. D*efect* dengan *septic tank*nya tak boleh gunakan, dengan najis yang melimpah ruah keluar macam PPR Desa Tebrau, dengan paip bocor terpaksa pakai botol gantung, dengan *management consultant* yang tak mampu untuk buat kerana masih lagi dalam pihak perumahan yang tidak ada bajet dan sebagainya. Ini menyusahkan. Kalau kita nak membantu kemudian bila mereka duduk, mereka susah, mereka akan tetap menyalahkan kerajaan. *So,* yang buat sebenarnya adalah kontraktor yang tidak bertanggungjawab.

Saya mengambil contoh, untuk Program Kemiskinan Bandar Tegar, yang di Setia Indah, satu syarikat buat, *Techno Chase*, sampai sekarang tak boleh selesai sebab banyak *defect defect* yang ada, banyak kerosakan, kerosakan yang ada. CF tak boleh dikasi. Jadi, sekarang ni, rumah tersebut sepatutnya kepada mereka-mereka yang telah diberi kelulusan dalam e-Kasih untuk mereka duduk tanpa bayaran. Jadi, kalau dibiarkan ni dah hampir dekat lebih daripada 8 bulan. Kalau dibiarkan setahun. Begitu juga masjid, begitu juga sebagainya, terbengkalai. Tak boleh nak dibuat. *So*, saya harap kalau perkara ini dapat kita pantau dan kita segerakan maka ianya akan memberi kesan yang positif kepada kerajaan tapi, kalau kita biarkan ia akan sebaliknya, persepsi masyarakat terhadap kerajaan akan menjadi negatif. *So*, cari, cari kontraktor-kontraktor yang benar-benar boleh untuk menjadi kontraktor yang berjaya dan dapat serahkan projek tersebut kepada pihak kerajaan di dalam keadaan yang baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat, dah panjang dah ni.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Satu lagi *last*. Ni betul, betul *last* Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi pendek. Dia bukan *last* panjang.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ini pendek, lepas tu ada sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh, tak boleh Yang Berhormat. Nanti saya terus tutup suis nanti.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat statistik Polis mengenai jenayah rogol, cabul, mengenai tentang *accident* hari-hari, saya tak tau kenapa. Kalau tengok kes rogol tahun 2008 hingga Ogos tahun ni, kira-kira 40% mangsa serangan seksual adalah kanak-kanak, sementara baki 60% wanita. Lepas tu kita dengar *accident* bas, lori. Sekarang ni bila *accident*, terbakar, *accident* terbakar, kenapa ni? Baru-baru ini FOMCA kata kerana Ron95. *Check* balik besok kata tak ada. Tetapi sebenarnya bila statik sana, ops statik sini, oopss steng sana, ah steng sini, uh, tak mendatangkan apa-apa kesan. Saya tak tau. Mungkin cara pemanduan kita ataupun disiplin pemandu-pemandu kita atau ke jalan raya atau penguatkuasaan? Jadi kena cari mekanisme. Bila ada hari-hari kebesaran, Raya dan sebagainya, Polis tercegat. Ada juga *accident*, makin bertambah tiap-tiap tahun. Kenapa jadi macam ni? Saya harap perkara ini dapat kita fikirkan agar kes-kes seperti ini dapat dikurangkan begitu juga dengan bas-bas kerana kita nak perkhidmatan yang baik dan sebagainya. Kena ada pemandu. Ini tak ada lesen pun boleh memandu. Saya tak tau macam mana ni. Sampai terlepas pandang oleh JPJ, Polis, boleh sampai. Mungkin dah itu *accident* nasib baik, sebab tertangkap, kalau tidak, tak tau berapa banyak. Ini betul ke, ada permit, betul ke ada lesen, betul ke ada *road tax*, betul ke dalam keadaan baik dah *check* PUSPAKOM.

Kadang-kadang dia tukar *plate number* ke bas lain pun mungkin juga, kita tak tau. Kemungkinan-kemungkinan yang berlaku. Yang menjadi mangsa adalah mereka-mereka yang menjadi penumpang kepada perkhidmatan awam ini, yang menjadi pengguna kepada jalan raya, yang menjadi rakyat kepada negara kita, yang tunggangnya, keselamatannya adalah pihak berkuasa yang perlu melihat untuk mengkaji perkara ini agar dapat kita atasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, kalau kita lihat, elaun Imam, Ketua Kampung dah naik. Ni masjid, surau macam mana? Bilal macam mana, Noja macam mana? Kalau boleh, pertimbangkanlah. Nak beli baju juga, jubah dan sebagainya. Jadi kalau dapat dipertimbangkan mereka ini diberikan sedikit agar mereka juga keluar daripada miskin tegar ke...

Y.B. Dato' Speaker : Ini untuk bilal mana? Surau?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Surau, masjid dah tentulah. Tapi masjid Imam Pertama, Imam Kedua pertikaikan juga. Kasi orang ni, Bilal pula pertikaikan. Jadi buatkan satu mekanisme supaya dapat kita atasi masalah miskin dah mudah miskin yang ada dalam negara kita.

Akhir sekali, pinjam kata-kata daripada Yang Berhormat Dato' Speaker, Ikan jerung, ikan yu; terima kasih, *thank you*.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Puteri Wangsa mencadangkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok perbahasan diteruskan lagi, siapa nak berucap? Ah, Parit Yaani.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Salam bahagia, selamat sejahtera, salam mesra, salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2011 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini.

Bajet 2011 ini merupakan satu bajet lebihan. Bajet 11. Saya rasa bajet ini memberi perangsangan kepada setiap anak Johor dan juga memberi keyakinan bahawa Kerajaan Johor akan membawa Negeri Johor ke arah sebagai satu negeri yang maju. Saya fikir mungkin ada lebih kurang 5 orang tak suka nak dengar bajet lebihan. Kalau boleh bajet tu setiap tahun defisit. Ini saya agak ajelah. Tapi oleh kerana bajet ini telah memberi keyakinan, perangsangan, kebanggaan kepada kita dan mengikut Laporan Ekonomi Johor yang begitu komprehensif dan juga begitu jelas bahawa ekonomi Johor kembali cergas. Satu berita yang baik. Ini memang cukup jelas.

Saya juga tertarik dengan penubuhan satu pasukan untuk memberi pemantauan terhadap birokrasi perkhidmatan kerajaan. Terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri Johor. Ini dah menunjukkan dan membuktikan bahawa Kerajaan Johor memang prihatin, peka dan amat komited untuk membela nasib rakyat. Pasukan ini bermula dengan KPI pada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor. Ini bagus. Tetapi saya harap patut diteruskan. Ini permulaan. Selepas ini diteruskan kepada semua jabatan-jabatan yang ada berkaitan dengan orang awam. Dan kalau boleh sampai ke peringkat daerah. Bukan sahaja peringkat negeri. Seperti mana slogan 'Rakyat Didahulukan'. Ini yang kita nak titik beratkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan pada pagi ini merakamkan syabas, tahniah kepada Barisan Nasional oleh kerana memperolehi kemenangan yang begitu cemerlang di Pilihan Raya Kecil di Batu Sapi, Sabah dan juga di Galas, Kelantan. (Dewan bertepuk). Ini saya ada 2 rangkap pantun,

Tikus mondok jatuh ke beras,Kekenyangan makan hingga terlentang;Batu Sapi kita pertahankan, Galas kita rampas.

Pengundi sudah tak percaya Pakatan Pembangkang, Pakatan Pembangkang Pakatan yang longgar; Tidur sebantal mimpinya berlainan, Pengundi dan rakyat sudah semakin sedar, Barisan Nasional juga jadi pilihan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok. Pengundi Yang Berhormat ada bersama ini. Eh, ucap baik-baik eh.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Daripada Tongkang Pecah.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Pengundi daripada Tongkang Pecah dia datang sebab ada satu isu. Nanti saya akan bawa juga, ambil kesempatan ini bawa.

Y.B. Dato' Speaker : Pergi Bandar Kukup, masa dah cukup. Sikit lagi eh.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini baru *start,* tak sampai 5 minit Dato'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga faham, kini parti Pembangkang tengah sibuk. Sibuk apa? Sibuk *Party Election*, pemilihan parti. Pembangkang sibuk, sehingga ada yang kecoh, ada yang roboh, yang heboh, tapi saya ucapkan tahniahlah kepada ADUN Skudai, sebab nampaknya dia dah menang dalam *Party Election* Peringkat Negeri. Tapi dia menang, saya pun ada baca surat khabar, dari atas sampai ke bawah, dari kiri ke kanan. Saya tak nampak nama ADUN Bentayan. Saya rasa mungkin tercicir atau tertinggal atau dilupakan. Saya haraplah kalau Bentayan tak ada dalam *list* tak apa lah. Masuk...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dato' Speaker, saya rasa ini tak sesuai disebut di Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah, Yang Berhormat, dia biarlah parti dia pilih dia.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' Speaker, saya hanya sebut sahaja.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Dato' Speaker saya nak ingatkan Parit Yaani, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalah juga dalam pemilihan parti dia juga.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker mungkin minta Yang Berhormat Parit Yaani keluar parti dan selalu diingatkan sentiasa pakai seluar, masuklah parti DAP, dia ada *chance* lah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, yang mana DAP kalah masuk pula MCA, dia gilir-gilir ok lah.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' Speaker, Pembangkang jangan sebut DAP, tadi dia tak benarkan orang sebut DAP, dia sendiri sebut DAP.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dia kata Pakatan Rakyat ini pakatan yang longgar, jangan sampai ada orang tali seluar itu yang longgar.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya sebut longgar, kalau tak longgar *you* bagi contoh.

Y.B. Dato' Speaker : Saya tidak kisah ini Cina sama Cina gaduh oklah.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ok tidak apalah, saya hanya bagi tahu kalau pintu, ini Parti Komponen Barisan Nasional terbuka kalau hendak masuk mana-mana parti kata *welcome,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Ok masuk PKR ke.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa isu dan permasalahan di kawasan saya dan juga yang dihadapi oleh rakyat.

1. Masalah rumah berhala. Tapak, tanah rumah berhala yang mohon tapak kerajaan.
2. Ubah syarat tapak yang berkenaan.
3. Mendapat kelulusan Pelan Pembangunan Rumah Ibadat.

Saya difahamkan bahawa di Negeri Johor ada banyak bilangan yang begitu besar, rumah berhala ada satu bangunan sudah lama hendak baik pulih, hendak mintak bantuan daripada kerajaan tetapi tidak diluluskan oleh kerana tapak itu tidak ada dapat kebenaran, tidak diubahsuaikan. Mereka ini memang risau, bimbang. Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini Ahli Jawatankuasa daripada Tongkang Pechah, mereka Ahli Jawatankuasa Rumah Berhala Hong Thian. Dato' Speaker, Rumah Berhala Hong An, umur ini rumah berhala lebih kurang dengan Kampung Baru Tongkang Pechah. Kalau Tongkang Pechah umur 55, rumah berhala itu pun sama umur.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat berapa umur?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sama jugalah.

Y.B. Dato' Speaker : Kira belum ada lagilah. Itu tokong sudah ada.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka ini sudah mohon tapak, tapak disebelah rumah berhala itu, itu hanya berapa kaki persegi sahaja, bukan besar sangat. Sudah 40 tahun Dato' Speaker, permohonan ditolak lepas itu rayu. Tolak, rayu. Tenggelam, timbul. Sampai sekarang mereka hari ini datang, dia senyum. Senyum sebab datang ke Dewan yang begitu mulia, rasa bangga. Tapi senyum dalam tangisan. Mereka ini risau dan khuatir. Mereka hendak kalau boleh saya suarakan mereka, semalam saya bagi tahu mereka. Hari ini saya akan bawa ini dalam Dewan, saya harap dapat jasa baik dan juga timbang rasa daripada pihak kerajaan untuk meluluskan tapak yang mereka sudah mohon hampir setengah abad. Inilah dia punya memorandum. Dalam kereta saya pun ada lebih kurang lima buku memorandum dan semua jabatan-jabatan lain sudah ada ini buku. Ini buku memorandum menunjukkan permohonan mulai pada tahun 70-an. Orang yang datang ini empat orang sahaja sebab mereka terpaksa ambil cuti datang ke sini oleh kerana mereka juga harap, harap permohonan mereka dapat diluluskan, kalau boleh kerajaan bagi timbang rasalah. Itu tapak bukan membangunkan apa. Itu tapak mintak untuk jalankan aktiviti setempat, aktiviti yang sihat, aktiviti komuniti. Dato' Speaker, kalau satu tapak di sebelah rumah berhala mereka itu dimohon untuk aktiviti sihat, apa salahnya bagi luluskan. Sudah 40 tahun Dato' Speaker. Bukan 40 hari.

Y.B. Dato' Speaker : Besar kawasan? Kawasan?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tidak sampai 5000 kaki persegi. Kawasan di Kampung Baru, Tongkang Pechah. Itulah sebab saya ucapkan terima kasih kepada PTD yang sudah tukar ke Johor Jaya sebagai YDP. Dia dulu ada pantau, ada buat satu ini tinjauan, kajian. Sudah panggil beberapa kali mesyuarat, saya pun ada sama dan pergi lawat tapak yang berkenaan. Tetapi malangnya, dia naik pangkat tukar pula. Orang baru datang, kita kena mohon semula. Itu tenggelam, hanyut lepas itu kita kena cari jalan. Ini menjadikan satu masalah, rakyat hadapi masalah tunggu 40 tahun. Tolonglah bagi. Mereka ini memang berhasrat kuat, berharapan penuh untuk dapat tapak ini bukan untuk kepentingan diri. Untuk menjalankan aktiviti komuniti setempat yang boleh beri kemudahan kepada orang tempatan. Saya beri ini contoh, oleh kerana saya bila sampai ke Tongkang Pechah, orang ini juga jumpa saya suruh saya pergi kedai kopi. Dia bertanya saya macam mana, saya kadang-kadang nampak dia macam saya pun risau.

Y.B. Dato' Speaker : Macam mahu lari ha?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya mahu lari pun tak boleh. Sana satu jalan sahaja. Saya kadang-kadang elak-elak dari pintu. Tapi mereka, dia *block*.

Y.B. Dato' Speaker : Bertanggungjawab ye?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Mulai dari tahun 2004, saya sudah sampai ke situ masalah ini sudah jadi satu tekanan. Bukan saya takut tekanan, ini masalah saya

memang berani hendak hadap tetapi saya harap, saya cuba mencari jalan, cara untuk menyelesaikan. Kita harap supaya kerajaan juga bagi peluang kepada mereka. Ini hanya satu contoh sahaja. Saya juga beri jaminan bahawa tapak tanah mereka dapat mereka akan jalankan aktiviti untuk kebaikan dan untuk permuafakatan setempat. Saya harap pihak yang berkenaan berilah peluang kepada mereka. Mereka ini datang pagi-pagi semalam. Semalam mereka hendak datang, saya kata jangan. Ini pagi saya suruh dia datang sampai pagi ini. Ada lagi satu bas tetapi saya cakap jangan, ramai sangat nanti tidak ada tempat duduk.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan tidak ada tempat duduk. Yang Berhormat kena belanja besar sangat. Kalau empat orang oklah. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : AJK yang ada ini apa kedudukan yang penting itu. Itu sahaja saya harap kehadiran mereka di dalam Dewan yang mulia ini akan membuktikan bahawa mereka ini memang ikhlas. Keikhlasan, kejujuran terhadap permohonan mereka yang sudah menunggu lama-lama ini, kalau menunggu buah tidak gugur, mereka goyang pokok buah pun tidak mahu gugur. Saya harap ini kalau masak bagilah buah. Jangan sampai itu buah langsung tiada buah.

Y.B. Dato' Speaker : Saya pun tidak faham, tapi oklah.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya akan bawa isu berkenaan dengan kemalangan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Batu Pahat terkenal sebagai satu pusat beli-belah, pusat yang ada berjenis-jenis makanan tidak kira berbagai kaum, makanan, minuman pun lebih kurang murah juga. Ini popular *shopping centre,* kalau *hawker Centre,* dengan izin, memang popular. Ada satu benda pun popular Batu Pahat, iaitu kita dapat johan macam Negeri Kelantan dapat johan oleh kerana bola sepak. Kita dapat johan apa? Kemalangan yang paling tinggi sekali dalam negara. Kita dalam Negara Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sini, kita ada 222 dikatakan *blackspot accident, blackspot,* dengan izin. Maknanya kawasan hitam kemalangan tegar. Saya gunakan perkataan tegar maknanya *very serious,* dengan izin. Dan di sepanjang Jalan Kluang sudah ada tujuh tempat kawasan hitam. Dan di sepanjang Jalan Yong Peng pun ada banyak tempat. Saya harap pihak kerajaan ambil tindakan.

Mengikut laporan satu hari ada 19 *accident* berlaku, kemalangan berlaku di Batu Pahat, 19. Dan dua hari ada satu kemalangan maut, maknanya dua hari satu orang mati. Itu kira kemalangan maut. Dan saya harap kerajaan perlu ambil tindakan untuk masa jangka pendek kena selesaikan takkan tunggu sampai orang sudah kena langgar mati lepas itu nak ambil tindakan. Ini kalau boleh ambil tindakan yang untuk jaga keselamatan semua pengguna jalan untuk jangka pendek dan untuk masa jangka panjang kita perlukan satu pelan yang betul-betul boleh mengelakkan kemalangan di tujuh tempat di Jalan Kluang ini. Dan saya juga difahamkan bahawa ada juga oleh kerana sikap pemandu itu jadi *problem.* Pemandu itu kadang-kadang sikap mereka itu pun tidak betul. Ini akan jadi punca kemalangan. Tapi minggu lepas saya melawat kawasan saya di Jalan Yong Peng hendak menghala ke pekan Parit Yaani. Di selekoh berhampiran dengan Parit Tengah dan Parit Yusof, itu selekoh Yang Berhormat Dato' Speaker, cukup tajam walaupun saya ucapkan terima kasih kepada JKR ada ambil langkah-langkah supaya bagi amaran kepada pemandu tapi langkah-

langkah *thermoplastic* dan juga *signboard* tidak ada apa-apa kesan. Langgar juga. Tapi tempat situ kalau langgar mesti mati. Sebab kereta laju. Saya sudah dapat ini bantuan dari pihak JKR, JB, Batu Pahat memang beri kerjasama penuh datang tengok tempat dan dia pun tahu keadaan memang bahaya. Tapi bahaya-bahaya. *No money* pun jadi satu *problem* sebab Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau hendak luruskan jalan itu memerlukan satu peruntukan yang lebih begitu besar dan tidak mampu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap keadaan macam ini kita kena mengatasi tidak boleh tunggu-tunggu. Tunggu sampai ada wang nanti *accident* maut berlaku lagi. Saya harap selekoh yang tajam yang begitu bahaya itu kena diluruskan dengan segera. Tidak boleh tunggu-tunggu lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat semenjak jadi Wakil Rakyat tidak pernah berlaku kemalangan? Ada?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya punya sikap lain, saya bawa *slow-slow*, *steady*. Tapi ada dari orang luar, jalan itu digunakan semua orang bukan sahaja orang pekan Parit Yaani sahaja. Sebab itu saya kena tahu sebagai Wakil Rakyat, kita prihatin, peka dan juga kita, rakyat didahulukan. Rakyat tidak kira mana-mana punya rakyat, jangan saya asingkan ini saya punya pengundi, itu bukan pengundi, tidak ada. Siapa datang kita pun cuba hendak selesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.
Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, bagi masa sedikit lagi.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini baru masa 15 minit sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Baru, tidak baru ini masa berjalan.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga harap pihak kerajaan kena ambil keprihatinan terhadap masalah Dana Johor. Ini 31 Disember tempoh sudah sampai. Ramai orang telefon saya dia cakap hendak jual ke tidak mahu jual ke mereka risau, bimbang. Saya rasa kalau boleh ini batalkan itu had tempoh yang dihadkan jangan 31 Disember ini, hendak jual RM0.50 sen mereka juallah. Kalau mereka mampu tunggu, tunggulah. Saya harap kerajaan kena, kalau boleh dalam tempoh yang terdekat sekali bagi satu jaminan bahawa pulangan RM1.00 akan dibagi kepada pemegang saham, ini saya berharap.

Seterusnya lagi satu masalah berkenaan dengan JKM. JKM ini hendak bantu orang susah, orang miskin. Pemohon-pemohon daripada seperti ibu tunggal, warga emas, pesakit kronik, warga emas miskin dan bantuan untuk membaiki rumah senarai daftar dalam program e-Kasih melalui *online,* mereka dan tunggu dah, memohon tapi macam tak ada jawapan. Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau mereka tidak layak terus bagi jawapan tak layak, oleh kerana itu mereka puas hati.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm...

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini tunggu-tunggu mereka tak tahu ada ke tak ada. Siapa yang jadi mangsa? Wakil Rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Mereka bawa surat, oh, tengok saya mohon kita kena telefon, cari ini cari itu, lepas itu cari fail. Tak boleh terus beritahu *no*, dengan izin, kalau boleh, *yes*.

Y.B. Dato' Speaker : Hem..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ha, senang jangan tunggu-tunggu, kita susah juga. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin hendak ambil kesempatan ini untuk memberi satu cerita berkenaan dengan ambulan. Yang Dato' Speaker, ada ungkapan pelik tetapi benar.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm…

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Akan tetapi, ungkapan itu menjadi benar tetapi pelik. Ada seorang yang mengadu bahawa, orang ini dia punya kerja, ulang-alik dari Yong Peng ke Batu Pahat. Ini jadi dia punya rutin harian, kerja harian. Ada suatu hari, satu pagi, satu ambulan bawa laju dan bunyi isyarat kecemasan, *siren*, dengan izin, semua orang pengguna jalan beri laluan, bagus.

Y.B. Dato' Speaker : Ehem..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Malaysia, Negeri Johor, kita memang tertib.

Y.B. Dato' Speaker : Hhmm..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bagi laluan, ambulan tu, br…laju je. Semua orang anggap bawa, mesti ada pesakit dalam...

Y.B. Dato' Speaker : Heh..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : ...Ambulan itu dan pesakit itu perlukan rawatan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang segera.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sekiranya mesti dengan secepat mungkin sampai ke destinasi. Memang semua orang fikir macam itu. Orang pengadu ini pun lepas itu urusan sudah habis, dia pun balik, nak balik Yong Peng. Bila dia sampai ke Jalan Bukit Pasir, belum sampai Bukit Pasir, hampir dekat Crystal Eight, ini ambulan pun patah balik. Bunyi siren.. oh.. eh, ini tadi pergi Hospital, bunyi *siren*, sekarang nak pergi mana bunyi *siren?*

Y.B. Dato' Speaker : Hem..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tapi, dia pun bawa kereta dia sampai Bukit Pasir nampak di tepi satu gerai makan ambulan itu berhenti ambil sarapan plak, makan dekat gerai. Ini macam mana? Dia ingat ini, ha semua orang beri laluan, dia pun.. lepas itu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak da, ambulan tu tak ada orang sakit?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato', cerita belum abis. Sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Berkenaan dengan ini cerita, lepas itu dia pun percaya mungkin, mungkin pesakit itu sudah dilari dan tidur dalam van atau macam mana tak tahu. Lepas selang beberapa hari, ha, ini cerita ini berulang lagi. Pada masa yang sama, ambulan itu pun laju, buka *siren*, semua bagi laluan, lebih kurang pukul 11.00 dia pun balik. Sampai Simpang Tiga itu dekat Munchy, Kilang biskut Munchy's itu Simpang Tiga itu, ini pengadu pun nampak itu ambulan berhenti di satu gerai buah-buahan.

Y.B. Dato' Speaker : Hah.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dia berhenti beli buah, ini buka *sound*.. bising-bising, semua orang bagi laluan lepas itu dia berhenti beli buah.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, itu Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Orang ini, ok, pengadu ini Dato Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ha..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Pengadu ini pun mungkinlah, mungkin pesakit nak makan buah.

Y.B. Dato' Speaker : Hem. (Dewan ketawa). Tanyalah..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dia pun berhenti.

Y.B. Dato' Speaker : Hah..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dia pun pergi tengok, bukan sengaja dia nak *make sure,* nak pastikan bahawa ada pesakit, lepas itu tengok, dalam tak ada, kosong. Ini jadi *problem*, saya harap pengguna jalan ini memang tertib, memang tertib, memang baik.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Memang boleh beri kerjasama, beri laluan. Sekiranya mereka dah hilang kepercayaan tak percaya lagi, satu kali kena, dua kali

tahu, mereka dah, oh ini mesti van tak ada pesakit. Siapa nak bagi laluan? Nanti satu hari betul-betul ada pesakit, ha jadi banyak masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ini Yang Berhormat ada ya sama?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ha?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada sama, berlaku ni?
Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Selalu kita adalah, van ambulan bawa laju-laju semua beri laluan.

Y.B. Dato' Speaker : Saya ingat Yang Berhormat terlibat? Yang Berhormat tidak terlibat.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tapi itu, itu van ambulan kita pun tahu dari mana Daerah ke? Berhampiran dengan Batu Pahat. Saya tak mahu sebut di sini, tak patut sebutlah, saya pun tak nak sebut.

Y.B. Dato' Speaker : Heh..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya harap keadaan ini dapat diperbaiki.

Y.B. Dato' Speaker : Heh. Yang Berhormat takut juga eh.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya bukan takut, sebab tak naklah kita mungkin dia ada dia punya *problem* ke apa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya rasa keadaan ini kalau boleh, kita kena pantau dengan betul-betul supaya jangan salah guna kuasa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Teruk eh, kawasan Yang Berhormat ini, macam-macam hal eh.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bukan, bukan. Eh, itu van bukan dari kawasan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bukan?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bukan. Dari daerah lain.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dahlah. Masa pun dah nak habis.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tapi dia lalu kawasan saya, Yang Berhormat Dato' Speaker, pengundi kawasan saya itu memang prihatin. Dia *very, you know,* dia boleh nampak semua. Sebab itu kita kadang-kadang buat sesuatu jangan ingat orang tak nampak?

Y.B. Dato' Speaker : Hhm..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Satu dunia punya mata, nak pandang pada kita. Kita kena berhati-hati.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Jangan ingat *no body look at you*, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm. Ok.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini lagi sikit saja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini kelulusan pembinaan jejantas di Panchur, saya sudah terima surat. Jejantas itu sudah ok, diluluskan oleh Kerajaan. Saya pun umumkan dalam satu majlis jamuan di Panchur, mereka pun rasa bangga, tepukan begitu baik, sambutan begitu baik.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dan mereka semua salam dengan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ucapkan terima kasih. Tapi tunggu, tunggu, tunggu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Pulak tak jadi Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Heh, haiya..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya tanya JKR, JKR kata, dia pernah hantar satu surat kepada Kementerian.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sekarang tengah tunggu jawapan. Dato', apa yang kita umumkan, Wakil Rakyat umumkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dapat tahu mana? Yang Berhormat umum itu?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dalam Mesyuarat Tindakan, saya dapat jawapan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dah ok. Tapi lepas itu, *ko*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Jangan itu kerani je jawab?

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tak, tak. Saya dah terima jawapan itu saya teruskan, terus umumkan. Tak akan saya tunggu-tunggu, kalau saya tunggu nanti, parti pembangkang pula ambil kesempatan, dia pun cakap dia *fight* punya.

Y.B. Dato' Speaker : Heh.. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya cakaplah, mungkinlah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah. Ok. Sambung sikit lagi.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ok, saya ha.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat, saya yang tengok jam, Yang Berhormat tak payah.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Oklah. Saya pendekkan sikit sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Musim tengkujuh sudah sampai, musim hujan, saya harap pihak JPS dan pihak kerajaan ambil tindakan untuk mencegah banjir-banjir yang akan melanda tempat-tempat yang rendah. Sediakan payung sebelum hujan. Saya harap saya dapat kerjasamalah. Dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Jemput. Ha, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberikan peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor 2011. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2009, KDNK, atau Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri Johor telah menguncup sebanyak 1.1 %. Walaupun ekonomi Negeri Johor diramalkan akan meningkat melebihi 6% pada tahun ini, rakyat jelata masih belum dapat menikmati pertumbuhan ekonomi dengan sesungguhnya. Memandangkan hakikat bahawa KDNK per kapita menguncup -3.2% dari RM15,107 pada tahun 2008 kepada RM16,621 pada tahun 2009 Negeri Johor memerlukan kadar pertumbuhan pada tahap 15% setahun untuk mencapai tahap negeri maju pada tahun 2020 dengan KDNK per kapita sebanyak RM65,000.00 menurut sasaran bank dunia, atau Wawasan 2020. Oleh itu, kadar pertumbuhan ekonomi Negeri Johor diramalkan sebanyak 6% pada tahun 2010 tidak mencukupi untuk menjadikan Negeri Johor sebagai negeri maju menjelang tahun 2020. Di samping kadar pertumbuhan ekonomi mustahil mencecah 15% setahun pada waktu ini, kecuali

kita menggunakan strategi yang amat efisien untuk menarik pelaburan langsung asing dan setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada pandangan saya disebabkan *red tape*, dengan izin, atau ketiadaannya perubahan dalam dasar-dasar kerajaan khasnya dalam membuka persaingan di antara pelabur asing dan setempat. Sehingga Jun tahun ini, RM62 bilion pelaburan dijanji di Iskandar Malaysia, tapi Cuma RM25 bilion atau 40% telah direalisasikan. Adalah amat merisaukan bahawa pelaburan asing secara langsung atau FDI telah menurun sebanyak 81% di antara 2008 dan 2009 apabila negara-negara serantau seumpamanya Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam, FDI telah meningkat sebanyak 30% hingga 40%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Indonesia, Vietnam, Thailand dan Filipina telah menjadi destinasi serantau untuk pelabur-pelabur asing selain daripada Singapura. Malaysia masih menjadi destinasi yang lebih menarik kepada para pelabur asing jika berbanding dengan Myanmar dan Zimbabwe. Demi merangsang pertumbuhan ekonomi, kerajaan sewajar mengelakkan pembangunan ekonomi yang terlalu disentralisasikan di kawasan Lembah Kelang. Menggunakan *red tape* dengan izinnya, dan memerangi budaya rasuah di sektor awam, mengurangkan perbelanjaan mengurus kerajaan, manakala meningkatkan peruntukan pembangunan serta mengurangkan defisit kerajaan dengan meyakinkan para pelabur bahawa kerajaan mentadbir negara ini dengan keazaman baik dan ketelusan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Bajet 2011 cuma sebanyak RM339 juta akan diperuntukkan untuk tujuan pembangunan infrastruktur termasuk lebuh raya dan pengangkutan awam di Iskandar Malaysia. Maka sebahagian besar peruntukan akan digunakan untuk pembangunan Greater *KL* dengan izinnya, atau Lembah Klang termasuk Menara Warisan dan MRT. Memandangkan hakikat bahawa 26.6% ruang pejabat di Kuala Lumpur masih kosong lagi, projek Menara Warisan setinggi 100 tingkat sewajarnya diketepikan manakala peruntukan disalurkan untuk pembangunan wilayah-wilayah lain di luar Kuala Lumpur termasuk Iskandar Malaysia. Ekonomi yang terlalu di sentralisasi di Lembah Klang telah menjejaskan peluang pemulihan dan transformasi ekonomi di negara kita. Di sebaliknya pembangunan ekonomi seharusnya disentralisasikan ke wilayah-wilayah sekeliling dan infrastruktur setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hutang awam Kerajaan Negeri telah melonjak sebanyak 26% dari RM1,014.70 juta pada tahun 2008 dan kepada RM1,274 juta pada tahun 2009, atau melonjak sebanyak 40% dari tahun 2005 ke tahun 2009. Oleh itu, menurut haluan perkembangan fiskal ini hutang awam Kerajaan Negeri mungkin akan berlipat dua kali ganda menjelang tahun 2015, iaitu pada tahap RM2.4 bilion jika ketiadaan strategi fiskal yang berkesan dilakukan untuk mengurangkan hutang awam Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan wang tunai rizab Kerajaan Negeri adalah RM40.23 juta dan wang pelaburan RM191 juta iaitu aset semasa kerajaan adalah RM231.39 juta pada 31 Disember 2009 berbanding dengan hutang awam sebanyak RM1.2 bilion. Di antara hutang awam Kerajaan Negeri sebanyak RM677 juta adalah untuk tujuan projek bekalan air. Pengurusan Aset Air Berhad telah membeli aset SAJH dengan harga RM4 bilion pada Mac 2009. Namun begitu pembayaran RM4

bilion itu oleh pihak PAAB sepatutnya menghapuskan hutang awam Kerajaan Negeri dengan baki perolehan RM2.7 bilion tapi ianya tidak terbayar dalam akaun Kerajaan Negeri lagi. Nampaknya persoalan sama ada kemungkinan tertimbul akaun berlainan daripada akaun kerajaan yang menerima pembayaran RM4 bilion itu oleh PAAB perlu dijawab kepada Dewan yang mulia ini untuk pengetahuan awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, malahan hasil pendapatan kerajaan negeri dijangka melonjak dari RM750.43 juta pada tahun 2009 kepada RM945 juta pada tahun 2010. Walaupun nampaknya hasil pendapatan bertambah sebanyak RM195 juta di antara tahun 2009 dan 2010 sebagai punca hasil pendapatan kerajaan negeri meleset kecuali kenaikan amaun perolehan dari jualan barang-barang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sewajarnya menyatakan apakah barang-barang kerajaan yang telah dijual pada tahun 2010 yang akan mendatangkan hasil pendapatan kerajaan melonjak ke amaun RM287 juta pada tahun 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bajet 2010, 77% atau RM785 juta perbelanjaan kerajaan negeri diperuntukkan untuk tujuan perbelanjaan mengurus kerajaan. Di sebaliknya cuma 23% atau RM228 juta diperuntukkan untuk tujuan pembangunan. Kadar yang lebih kurang sama iaitu 72% peruntukan untuk tujuan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri dan 28% untuk tujuan pembangunan. Demi menjana pertumbuhan ekonomi, kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan mengurus kerajaan apabila menambah peruntukan pembangunan khasnya dalam sektor industri bio-fuel, bio-tenaga serentak dengan usaha menjana bio-tenaga dari sisa pepejal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai Ahli-Ahli Dewan Undangan atau *Law Makers* dengan izinnya, kita boleh disifatkan sebagai tukang bahasa atau *wordsmiths* dengan izinnya, apa bahasa atau perkataan yg sesuai dengan erti yang ingin disampaikan dalam Dewan ini adalah amat mustahak. Saya tidak menyalahkan mana-mana YB dibekalkan dengan penterjemahan yang tersilap terhadap sebuah artikel saya diterbitkan dalam China Press pada 2 Jun berkenaan masalah kekurangan *efficiency* atau budaya rasuah birokrasi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Skudai. Ini hari Jumaat, orang Islam nak pergi sembahyang Jumaat. Oleh itu, saya tangguhkan persidangan ini sehingga hari Isnin, 15 November 2010, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETIGA	ISNIN, 15 NOVEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Seri Paduka Yang Dipertuan Agong telah berkenan menyampaikan anugerah *FIABCI Property Award 2010* kepada Kota Iskandar dalam kategori sektor awam berdasarkan enam kriteria iaitu.

1. Objektif pembangunan
2. Reka bentuk dan seni bina
3. Pembangunan dan pembinaan
4. Kewangan dan pemasaran
5. Impak alam sekitar
6. Faedah masyarakat

Kota Iskandar akan mewakili Malaysia bagi kategori yang sama di peringkat antarabangsa iaitu *FIABCI Prix D'xcellence Award 2011* di Cyprus kelak, diucapkan tahniah. Ha, lupa yang depan ini ada kat depan meja saya ini dia punya *award* diambil oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, tahniah kepada pihak Iskandar akan pergi ke antarabangsa 2011, cuma saya nak ingatkan kalau pergi Cyprus tu jangan lupa Dato' Speaker Dewan Negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Jurutulis. SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Dengan kenaikan gaji dan elaun Imam, adakah pihak kerajaan melihat kembali syarat-syarat pelantikan dan bidang tugas agar tidak terjadi perebutan jawatan dan perpecahan masyarakat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini dengan kenaikan elaun bulanan imam daripada RM450.00 kepada RM750.00 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2011, seramai 2,404 orang Imam menerima faedah daripada kenaikan ini yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.8 juta sebulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi melahirkan Imam yang berkualiti dan sahsiah yang baik, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Johor telah menyediakan syarat-syarat pelantikan Imam yang bertugas di masjid dan surau. Di antara penekanan yang diambil oleh kerajaan dalam proses pelantikan Imam adalah seperti pengetahuan asas ilmu agama, kelayakan akademik, kemahiran dan personaliti, terutamanya pelantikan Imam-Imam di masjid-masjid kerajaan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, di peringkat masjid kariah, kerajaan lebih menekankan kelayakan sahsiah diri dan kemahiran di dalam bacaan al-Quran berbanding kelayakan akademik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan merasakan bahawa syarat-syarat pelantikan dan bidang tugas Imam-Imam masjid di Negeri Johor adalah memadai seperti mana dalam buku panduan kerja dan pelantikan pegawai masjid yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Johor. Namun demikian, kerajaan bersedia mempertimbangkan untuk membuat kajian semula khasnya berhubung kelayakan, had umur dan personaliti Imam-Imam ini, di masa akan datang.

Y.B. Dato' Speaker : Penawar.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Berapakah jumlah Imam yang ditamatkan mengikut daerah dan sebab-sebabnya?

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada soal asal Yang Berhormat. Boleh jawab Yang Berhormat. Dia tanya jumlah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penawar. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi di Negeri Johor terdapat 2,404 orang Imam dan bagi tahun 2008 seramai 120 orang Imam telah ditamatkan perkhidmatan mereka, 2009, 109; dan 2010 seramai 69 orang, yang kesemuanya berjumlah 298. Dan kalau kita pecahkan mengikut daerah Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor Bahru seramai 50, Muar, 31; Batu Pahat, 66; Segamat, 13; Kluang, 8; Pontian, 24; Kota Tinggi, 38; Mersing, 20; Ledang, 38 dan Kulaijaya, 10. Ada beberapa faktor Yang Berhormat Dato' Speaker, Imam-Imam ini ditamatkan tugas mereka, ada disebabkan oleh telah melebihi had umur dan tidak layak menjalankan tugas seperti telah berubah kualiti bacaan di dalam sembahyang, faktor keuzuran fizikal, telah berpindah lokasi atau tempat kediaman mereka dan juga terdapat kelayakan Imam yang tidak melepasi *standard* penilaian khasnya dalam sesi pemantauan semula yang diadakan setiap tiga tahun, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Agama Johor begitu prihatin tentang kecekapan Imam-Iman ini dan kita dari semasa ke semasa telah mengadakan beberapa bengkel, kursus dan sebagainya kepada Imam-Imam ini. Sebagai contoh bagi tahun 2008, Jabatan Agama Johor telah mengadakan Bengkel Penilaian Teknik Penyampaian Khutbah yang melibatkan 1,000 orang. Bagi tahun 2009, jabatan juga mengadakan Ujian Penilaian Imam Kariah dan Khusus Qiraah Al-Fatihah. Imam Masjid Kariah yang melibatkan seramai 2,300 imam. Dan selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, jabatan juga mengadakan Bengkel Penyampaian

Khatib Yang Berkualiti Dan Fisollah yang melibatkan seramai 2,150 orang Imam. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi yang menyatakan bahawa penilaian Imam-Imam ini diadakan setiap tiga tahun sekali, jadi saya pertama saya ingin nak tahu berapakah had umur apa ini, seseorang Imam itu kerana kadang-kala apa kita dapati di setengah-setengah tu Imam yang kita jangka tak berapa, sebabkan faktor umur tu kadang-kadang dia lupa banyak, jadi saya ingin tahu had umur itu adakah kita perlu rendahkan sikit, kerana mungkin kita boleh beri peluang kepada Imam-Imam muda yang kadang-kadang kita nak ambil alih tempat sesuatu Imam itu agak susah, Dato' Speaker dan...

Y.B. Dato' Speaker : Dahlah tu.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Tak…

Y.B. Dato' Speaker : Apa lagi dah dua dah, tadi dah satu umur, lagi satu apa, soalan?

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Dia ada kaitan dengan umur juga Dato' Speaker. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah pemantauan dan penilaian ini diadakan, adakah apa ini tiap-tiap tahun mereka pergi kursus ke? Kerana saya dapat banyak apa ini, kompelin daripada orang kampung berhubung dengan kadang-kadang nak apa berhentikan imam itu satu masalah besar. Jadi saya ingin tahu macam mana peraturan ini diadakan. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah umur ini satu masalah juga Yang Berhormat Dato' Speaker terutama bagi masjid-masjid kariah. Secara umumnya kalau nak kirakan kita hadkan umur sampai 65 tapi kadang-kadang ada yang lebih dari itu, bergantung kepada kemampuan sebagaimana yang saya kata pembacaan mereka, kalau pembacaan mereka baik, pihak jabatan bersedia untuk menimbang pelanjutan tempoh. Tapi saya nak beritahu, nak berhentikan Imam ini pun kadang bukan senang juga, kadang-kadang ada, tempat saya sendiri pun ada dah agak lanjut tua tapi dia merasakan kalau kita berhenti dia seolah kita macam tidak menghormati dia, sebenarnya tidak. Kadang-kadang kita agak objektif antara faktor yang kita ambil seperti bacaan dia mesti baik dan lebih-lebih lagi kalau dia nak menyampaikan khutbah, sebab itu kita adakan kursus-kursus yang nyatakan tadi. Dan kalau saya nyatakan tadi faktor usia sebagai contoh pada 2008 seramai 29 orang yang kita tamatkan perkhidmatan, 2009, 35 dan 2010, 7. Makin sehari makin kuranglah sebab kebanyakannya dah generasi baru mengambil tempat di masjid-masjid kariah kita sebagai Imam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang jabatan mengadakan pemantauan dari semasa ke semasa selain daripada pemantauan untuk memastikan bahawa Imam ini mencapai *standard* yang telah ditetapkan oleh jabatan. Kalau mana-mana imam ini yang telah tidak mencapai *standard* terutama apabila kita melakukan pemantauan ataupun proses temu duga dan sebagainya, maka Imam-Imam ini akan diberhentikan,

tapi sebelum kita berhenti sudah tentulah kita berikan peluang kepada mereka untuk memperbaiki mutu bacaan ataupun penyampaian khutbah dan sebagainya. Sebab itu kita adakan kursus sebagaimana saya nyatakan tadi yang keseluruhannya sejak daripada 2008 hingga 2010 melibatkan hampir 5,500 orang Imam di seluruh negara. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Maharani.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Saya beri Maharani.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat duduk dulu, saya sebut nama dia.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan kenaikan elaun Imam ini, saya difahamkan adalah Imam masjid. Adakah ini melibatkan Imam-Imam surau yang juga memberi khidmat yang sama pada masyarakat dan mengikut soalan ini, adakah benar dengan kenaikan elaun imam ini menyebabkan perebutan jawatan dan perpecahan masyarakat? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Maharani. Elaun-elaun ini hanyalah untuk Imam-Imam di masjid-masjid kariah, dia tidak merangkumi Imam-Imam di surau. Pada soalan kedua, saya ingin nyatakan bahawa kebanyakannya sebab kita menamatkan perkhidmatan Imam-Imam ini adalah disebabkan meninggal dunia, meletakkan jawatan, faktor usia dan pindah lokasi kariah mereka. Saya akui kadang-kadang adalah serba sedikit mana-mana pun bukan masjid-masjid, surau, kat mana-mana pun kadang-kadang ada pertelingkahan tapi bilangannya adalah amat kecil dibandingkan sebab-sebab yang dinyatakan tadi seperti meninggal dunia, meletakkan jawatan, faktor usia dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat tak perlu bimbanglah, kalau ada pun sedikit sangat jumlahnya.

Y.B. Dato' Speaker : Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Apabila menyebut soal elaun dan bidang tugas, kadang-kadang terdapat sebagaimana perbalahan tadi, dua perkara. Yang pertama, perbalahan mungkin ada setengah-setengah imam tidak mahu memperakui Imam-Imam yang dilantik oleh kerajaan, maka berlaku perbalahan dalam satu masyarakat. Tetapi dalam satu sudut yang lain yang saya nak timbulkan Dato' Speaker, Imam ini elaun yang dibagi cuma Imam yang pertama, tetapi setengah-setengah masjid sampai ada tiga Imam, Imam satu, Imam dua, Imam tiga. Jadi yang saya nak persoalkan ini apakah Kerajaan Negeri mempunyai satu mekanisme, macam mana nak mengagihkan imam dua, Imam tiga dan sebagainya. Bagi setengah-setengah masjid yang ada tabungnya banyak mungkin tak ada masalah, tapi setengah-setengah masjid yang tabungnya tak ada, jadi elaun kepada Imam kedua, Imam ketiga ini jadi satu masalah. Maka berlakulah Imam satu, kadang-kadang Imam dua rasa iri hati dan

sebagainya tak puas hati. Ha, ini yang berlaku juga masalah-masalah di setengah-setengah masjid, Jadi yang soalan saya bagaimana Kerajaan Negeri menangani masalah ini, adakah nak dibiarkan dia macam tu Imam pertama dapat RM750.00, yang Imam dua, Imam tiga itu apa hal, sedangkan Bilal dan Noja pun ada elaun. Ha, ini yang saya nak mintak penjelasan, terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, elaun-elaun ini biasanya dibagi pada dua orang sahaja, dua orang Imam pada satu-satu masjid. Tetapi saya ada juga dengar ada juga yang imam tiga, sebenarnya dia Bilal, dia kadang-kadang buat kerja Imam, yalah kadang-kadang Imam mungkin ada urusan-urusan lain yang nak buat, jadi dia bayarkan untuk Imam-Imam ini. Tapi ini terpulanglah kepada Jawatankuasa Masjid, kalau mereka mempunyai kemampuan kewangan yang membenarkan membayar, saya rasa tak ada masalah. Tapi kalau kita tak mampu, saya rasa dua Imam tu pun dah cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, selesai. Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon, jemput.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2. Terima kasih.

Iskandar Malaysia pesat membangun ke arah koridor antarabangsa. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan ia dapat bersaing dengan negara-negara serantau dari segi pengekalan dan perolehan tabung pekerja profesional dan sokongan serta bakat lain yang bernilai tinggi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Selamat Pagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hah, panjang. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ni, kerajaan menyedari perlunya Malaysia amnya dan Johor khasnya mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran dan berdaya saing agar dapat bersaing dengan negara-negara serantau dari segi pengekalan dan perolehan tabung pekerja profesional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah lebih ketara dengan adanya Iskandar Malaysia maka Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Johor berhasrat untuk memastikan adanya bekalan tenaga kerja khasnya mereka yang mahir dan mencukupi dari segi kualiti dalam bidang yang diperlukan oleh syarikat-syarikat dan pelabur terutamanya dalam 9 bidang yang diberi keutamaan dalam Iskandar Malaysia mengikut klusternya iaitu:-

1. Kreatif.
2. Pendidikan.
3. Penasihat Kewangan dan Perunding.
4. Penjagaan kesihatan.
5. Logistik.
6. Pelancongan.
7. Elektrik dan Elektronik.

8. Petrol dan bahan kimia Olio.
9. Memproses makanan dan asas tani.

9 kluster di Iskandar Malaysia. Dengan usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk membawa masuk pelaburan dari luar negara, ianya akan dapat memacu pertumbuhan Iskandar Malaysia. Maka, kumpulan bakat mahir dan berdaya saing global adalah amat penting dan memandangkan pentingnya Pembangunan Modal Insan di Iskandar Malaysia maka Pelan Induk Modal Insan ataupun *Human Capital Blue Print,* dengan izin, bagi Iskandar Malaysia telah diwujudkan. Antara lain objektif *Blue Print* ini adalah untuk mengenal pasti inisiatif yang akan diambil bagi memastikan bekalan Modal Insan yang dikeluarkan oleh sekolah dan juga institusi pengajian tinggi adalah selaras dengan kehendak keperluan industri di koridor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menampung keperluan permintaan Modal Insan industri terpilih, pelbagai program latihan dan inisiatif peningkatan kemahiran telah diwujudkan bagi memudahkan penduduk tempatan melengkapkan diri mereka sebagai pekerja berpengetahuan ataupun dikenali sebagai *K-Worker,* dengan izin, dan mempunyai daya saing. Dalam usaha ini beberapa program telah diwujudkan Yang Berhormat Dato' Speaker:-

1. *Graduate Employability Management Scheme* dengan ringkasnya dipanggil *GEMS*.

2. *Graduate Employability Enhancement* ringkasnya dipanggil *GREEN*.

3. *Iskandar Malaysia Graduate Leadership Assessment Development* ringkasnya dipanggil *IM GLAD*.

4. Belia Rakyat Tempatan Mahir ringkasnya dipanggil BERTAM.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau secara ringkasnya kalau saya nak jelaskan pertama, Graduan *Employability Enhancement GREEN* dan *Graduate Employability Management Scheme, GEMS*. Kedua-dua program ini Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah satu program yang dibangunkan oleh kerajaan sebagai inisiatif untuk melengkapkan graduan menganggur khususnya dengan kemahiran dan pengalaman yang berguna dan boleh mempertingkatkan peluang pekerjaan mereka. Di samping itu, antara lain objektif program ini adalah untuk membantu mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia terutamanya di kalangan para graduan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini 5,000 peserta berjaya ditempatkan di pelbagai syarikat dan organisasi yang terlibat dengan penyertaan sebanyak 619 buah syarikat dalam program ini.
Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya adalah *Iskandar Malaysia Graduate Leadership Assessment Development* iaitu *IM GLAD*. Program Pembangunan dan Penilaian Kepimpinan Graduan Iskandar Malaysia yang bermatlamat melahirkan Modal Insan berkualiti dan mempunyai kemahiran insaniah dalam menjayakan aktiviti pembangunan koridor tersebut. Modul latihan di bawah *IM GLAD* ini Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah bertumpu kepada kemahiran insaniah seperti kreativiti, keyakinan diri, pemikiran kritis dan sebagainya yang diperlukan oleh majikan. Jadi, *IM*

GLAD yang melibatkan 300 siswazah itu merupakan olahan daripada program pembangunan dan penilaian kepimpinan graduan *Dloyd United Kingdom* dan dibangunkan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Iskandar Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia, IMRET dan *Dloyd Consulting* Malaysia.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah Program Belia Rakyat Tempatan Mahir itu ringkasnya dipanggil BERTAM. Golongan etnik Orang Asli yang berada di Johor diberi perhatian agar mendapat kemahiran yang sewajarnya bagi membantu mereka mencapai tahap kemahiran yang diperlukan oleh industri dan sekali gus membantu mereka untuk menaikkan taraf hidup mereka. Oleh yang demikian, kerajaan telah mewujudkan program latihan untuk belia Orang Asli menerusi Program Belia Rakyat Tempatan Mahir iaitu BERTAM. Bermula dari tahun 2008 hingga kini, seramai 1,600 orang telah dilatih dalam pelbagai bidang termasuk teknologi automotif dan mekanik motosikal. Kira-kira 80% daripada pelatih ini berjaya mendapat pekerjaan, membuka bengkel sendiri ataupun bekerja dengan swasta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada program-program di atas peranan membekalkan tenaga modal bagi industri turut digalas oleh Kementerian Sumber Manusia. Selain daripada 26 buah ILP di bawah Jabatan Tenaga Kerja bagi Negeri Johor khususnya, terdapat 4 Institut Latihan Perindustrian di bawah Jabatan Tenaga Manusia iaitu ILP Pasir Gudang, ILP Mersing, ILP Ledang dan ADTEC di Batu Pahat. ILP Pasir Gudang, Mersing, Ledang menawarkan program-program dalam bentuk sijil sehingga SKM 1 dan SKM 2. Manakala ADTEC Batu Pahat menawarkan untuk sijil, diploma. Kementerian juga bercadang akan menubuhkan sebuah lagi ILP di Segamat sebagai cawangan ILP Ledang. Jadi, kewujudan 5 institut latihan ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada Negeri Johor untuk menarik lebih ramai pelabur datang ke Negeri Johor terutamanya bagi menyokong pembangunan Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara purata graduan yang dikeluarkan oleh institusi-institusi itu pada setiap tahun ialah dalam anggaran 2,000 orang. Jadi, jumlah ini akan bertambah kerana banyaknya kursus-kursus separa masa yang dijalankan yang program-programnya menjurus kepada keperluan-keperluan di bawah 9 kluster yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Program-program yang disenaraikan oleh EXCO yang bertanggung jawab tadi, terima kasih. Tapi, pada pendapat saya lebih, lebih mirip kepada pengwujudan golongan sokongan daripada golongan bakat bernilai tinggi. Kerana kalau kita tengok masa yang diperlukan untuk seorang pelatih dianjak sampai ke peringkat kalau dapatlah peringkat bernilai tinggi sekurang-kurangnya 10 tahun. Jadi, soalan saya adakah usaha kerajaan telah diatur untuk kita dapat bakat yang sedia ada yang bernilai tinggi daripada contohnya Lembah Klang atau mereka yang masih ada kat universiti? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan tadi. Kalau kita tengok Yang Berhormat Speaker, graduan-graduan yang telah keluar ini

kadang-kadang mereka ini sukar untuk diserapkan dalam bidang-bidang pekerjaan yang sedia ada memandangkan bukan mereka tidak punyai kemahiran tetapi apa yang pihak JTK dan Sumber Manusia mendapat aduan adalah mereka ini kurang menyerlah dari segi kemahiran-kemahiran asas. Sebagai contoh dari segi komunikasi, dari segi kebolehan berbahasa Inggeris, dari segi kepimpinan sebab semua-semua ini mungkin tidak diserapkan dalam pengajaran sewaktu mereka menjalani pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi. Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker dan Dewan yang mulia ini dapat kita tengok kepada perancangan program-program Bajet 2011, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah membentangkan perkara-perkara yang menjurus ke arah itu untuk kita laksanakan pada tahun 2011. Sebagai contoh, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak sentuh pasal satu program yang dinamakan Program KEPAK. Program KEPAK ringkas, ringkasan untuk Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran. Jadi, dalam program itu nanti kita akan pusatkan semua peluang-peluang berkaitan dengan kerjaya, berkaitan dengan perniagaan dan berkaitan dengan kemahiran.

Kadang-kadang Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana ADUN Pemanis sebut tadi, katalah seseorang itu pergi mencari kerja, menjalani temu duga tetapi akhirnya tidak berjaya. Tapi kita telah minta pada pihak yang menemu duga ini memaklumkan kenapa beliau ini ditolak. Jadi, di antara sebab yang kita terima sepertimana saya sebutkan tadilah. Jadi, saya rasa perancangan yang telah dibuat pihak Iskandar Malaysia juga Jabatan Tenaga Kerja adalah kali ini lebih terperinci dan akan menjurus kepada menghasilkan pihak-pihak yang lebih profesional dan mampu untuk diserapkan dalam Sumber Manusia bagi bidang-bidang yang profesional disebutkan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Hm... Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Banyak langkah-langkah telah diambil untuk melatih, telah menjalankan latihan untuk mereka-mereka. Akan tetapi apakah langkah-langkah yang perlu dibaiki ataupun perlu dikaji dari segi *market capability*, bermakna kehendak pihak swasta. Kalau tidak latihan dibuat itu sahaja tetapi tak berkesan dan pihak swasta rasa mereka tidak relevan untuk memberi kerja pada mereka. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada ADUN Yong Peng. Sepertimana saya sebutkan tadi, kalau kita lihat lagi sekali pada Bajet 2011, program-program yang berikutnya menjurus ke arah itu sebagai contoh, sepertimana ADUN Yong Peng sebut tadi. Kalau kita tengok dalam program yang diaturkan iaitu Program Ketiga iaitu Program Kerjasama Pintar di antara Industri Kecil Sederhana dan Institusi Latihan dan Penyelidikan. Sebagai contoh, katalah kita ada dihasilkan satu produk baru sebagai contoh. Kita nak menghasilkan memperkembangkan penghasilan produk tersebut. Tapi apa yang kita dirancangkan di sini adalah kita akan menjalinkan penghasil produk itu dengan syarikat-syarikat yang berdaya maju yang boleh memajukan produk tersebut. Kita menjalankan kerjasama Pintar supaya produk yang dihasilkan oleh IKS ini dapat berkembang dan memajukan IKS yang menghasilkan produk tersebut.

Dari segi latihan yang disebutkan tadi Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana saya sebutkan tadi untuk memastikan latihan yang kita hasilkan itu standard dan memenuhi keperluan antarabangsa, sepertimana saya sebutkan IM GLAD tadi. IM GLAD ini, program Pembangunan dan Penilaian Kepimpinan Graduan, DLOYD United Kingdom. Kita gunakan sistem pembangunan kemahiran yang diamalkan di United Kingdom dan kita jalinkan kerjasama dengan Pusat Penyelidikan Iskandar Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia, IMREC. Ertinya DLOYD Consulting Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Pusat Penyelidikan Iskandar Malaysia. Ketiga-tiga pihak ini bergabung untuk memastikan graduan ini mempunyai kemahiran yang bertaraf antarabangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Hm...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Ini ada mengenai kehilangan bakat dan kemahiran negara kita yang alami. Khususnya saya nak bawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini, maklumat yang berkenaan. Terdapat 300 lebih ribu pekerja warganegara telah bekerja di luar negeri. Ini termasuk 200 lebih ribu ke Singapura dan daripada itu 80,000 adalah profesional ataupun orang-orang yang mempunyai kelulusan teknikal. Jadi, macam mana Kementerian menangani masalah ini, sama ada kerajaan mengambil berat terhadap perkara yang mengenai kehilangan bakat. Sekian sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ini, Yang Berhormat, soalan ini adalah dia berkaitan luar daripada Iskandar. Saya tak tahu Yang Berhormat nak respons. Kalau ikut saya...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Ha, seperti mana Dato' Speaker sebut soalan ini memang keputusan daripada Kementerian tapi satu perkara yang saya boleh jawab adalah bahawa Kementerian telah memberi kelonggaran dari segi cukai pendapatan.

Dari segi beberapa faktor-faktor istimewa diberi kepada pekerja-pekerja berkemahiran tinggi yang berada di luar untuk datang bekerja semula di negara kita. Jadi, perkara-perkara ini ada diberi keistimewaan melalui Kementerian Sumber Manusia. Itu sahaja yang saya boleh katakan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Berapa ramaikah pemohon rumah kos rendah yang masih dalam senarai menunggu? Apakah perancangan kerajaan di dalam hal ini?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, jemput.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Hari ini kita melihat dengan jelas bahawa terdapat golongan yang tinggal di bawah-bawah jambatan. Sebelum perkara sama berlaku di dalam Negeri Johor, adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk membina rumah pangsa 3 bilik di kawasan-kawasan bandar di dalam Negeri Johor yang mampu dimiliki oleh mereka yang berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan untuk memiliki rumah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan menjawab kedua-dua sekali soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Layang-Layang dan Sungai Abong.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan komitmen kepada pembangunan sektor perumahan yang mana kita berikan tumpuan kepada penyediaan rumah yang mencukupi dan mampu untuk dibeli atau disewa oleh rakyat. Bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah ini, penekanan akan terus diberikan kepada pembangunan rumah kos rendah dan rumah kos rendah sederhana di kawasan yang sesuai termasuk di bandar-bandar yang lengkap dengan infra dan kemudahan awam yang mencukupi. Setakat ini berbagai program telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat dan pihak swasta bagi memastikan rakyat di negeri ini dapat kemudahan tempat tinggal sama ada dimiliki atau disewa dan bersesuaian dengan kemampuan masing-masing. Di Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Speaker pembinaan rumah untuk mereka yang berpendapatan rendah melibatkan komponen rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah telah dijadikan sebagai syarat wajib pembangunan perumahan. Bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah menyediakan pembangunan perumahan disewa melalui Program Perumahan Rakyat atau ringkasnya PPR dengan kadar sewa serendah RM124.00 sebulan dan semua rumah PPR ini sekarang dibina adalah rumah yang mempunyai 3 bilik tidur.

Pada masa ini terdapat 4 PPR di daerah Johor Bahru disediakan oleh jabatan Perumahan Negara yang mampu mengatasi masalah rakyat yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah iaitu PPR Tampoi, Kempas, 2250 unit; PPR Desa Mutiara, Tebrau 2,000 unit; PPR Stulang, 1500 dan PPR Iskandar, 960. Manakala 2 lagi yang telah siap dibina iaitu PPR Yong Peng di Batu Pahat, 54 unit dan PPR Batu Anam di Segamat, 102 unit masih lagi belum mendapat CFOnya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Menyedari bahawa PPR sedia ada masih belum dapat memenuhi keperluan tempat tinggal terutamanya di kalangan setinggan di negeri ini, kita melalui Jabatan Perumahan Negara sedang membina satu lagi PPR disewa sebanyak 3 buah blok setinggi 12 tingkat di Sungai Melana, Skudai Kiri di atas tapak seluas lebih kurang 19 ekar yang melibatkan pembinaan 1,170 unit rumah pangsa 3 bilik, lengkap dengan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2013. Selain projek PPR, kerajaan juga melalui IRDA sedang membina projek

perumahan Iskandar Malaysia yang terletak di Nusajaya, ini pun 3 bilik juga yang saya sebut semua ini bagi memenuhi keperluan tempat tinggal khusus untuk mereka yang bekerja di wilayah Iskandar serta tidak berkemampuan ketika ini untuk membeli rumah sendiri. Projek perumahan Iskandar, 1,500 unit 4 tingkat dibina atas tanah seluas 60 ekar dan dijangka siap pada suku kedua 2011, tahun hadapan.

Kerajaan melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun ringkasnya SPNB juga menyediakan kediaman yang mampu dimiliki dan selesa untuk didiami oleh semua orang, golongan yang layak terutamanya yang berpendapatan rendah, antara program rumah mampu milik ini di Johor adalah di Taman Seri Setanggi, Johor Bahru yang mempunyai 752 unit rumah pangsa berkeluasan 750 kaki persegi dijual dengan harga RM50,000.00, manakala yang 850 kaki persegi dijual dengan harga RM80,000.00 dan kini telah pun semuanya penuh diisi. Yang kedua adalah di Taman Molek Perdana, Johor Bahru sebanyak 972 unit rumah pangsa yang dijangka siap pada pertengahan tahun hadapan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Sungai Abong, pada masa ini kita ada terdapat seramai 3,507 orang pemohon rumah kos rendah yang masih dalam senarai menunggu. Bilangan pemohon ikut daerah yang terbanyak sekali ialah di Johor Baru,1,170; Batu Pahat, 359; Kulaijaya, 67; Kluang, 217; Kota Tinggi, 79; Mersing, 462; Muar, 274; Ledang, 242; Pontian, 188 dan Segamat, 449. Jadi, jumlah sepenuhnya ialah 3,507 dan sebagaimana biasa apabila terdapat penawaran rumah kos rendah di zon ataupun daerah pilihan yang telah pun tercatit dalam borang-borang pemohon, maka pemohon yang telah dikategorikan dalam senarai menunggu akan diberikan surat pemberitahuan sijil dan dalam tempoh 21 hari jika pemohon bersetuju dan berminat dengan rumah tersebut maka sijil layak menduduki rumah akan dikeluarkan dalam tempoh insya-Allah satu hari. Langkah-langkah sedang kita ambil untuk menambah baik sistem pendaftaran, Sistem Putra ini, yang kita panggil Sistem Putra dan pengagihan rumah kos rendah bagi memastikan pembahagian yang lebih teratur dan mengelakkan golongan sasar daripada tidak memperoleh peluang untuk membeli rumah. Maklumat daripada pangkalan data tersebut dikemas kini secara berkala dan kriteria pemilihan pembeli yang layak akan, alamak...

Y.B. Dato' Speaker : Alamak...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Salah tekan. Dan maklumat daripada pangkalan data ini akan dikemas kini secara berkala dan kriteria pemilihan pembeli yang layak akan dikaji dan diseragamkan. Selain daripada tahap pendapatan, keutamaan juga akan diberi kepada golongan kurang mendapat faedah seperti keluarga yang mempunyai tanggungan yang ramai, golongan kurang upaya dan juga ibu tunggal.

Kelembapan ekonomi serta harga kenaikan bahan-bahan pembinaan sejak akhir-akhir ini telah mengakibatkan sebahagian pemaju pemohon Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk membina, pembinaan rumah murah kepada rumah yang mampu dimiliki. Pada tahun 2009, sebanyak 146 rumah kos rendah dan 849 unit rumah kos sederhana rendah telah dibina, manakala pada tahun ini hanya 432 rumah kos rendah dan 1,227 unit rumah kos sederhana rendah dibina. Dan jika dilihat daripada jumlah

penawaran rumah murah kepada pemaju jelas menggambarkan bahawa permintaan selalunya melebihi daripada rumah murah yang dibina.

Y.B. Dato' Speaker : Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah benar dalam pembahagian rumah-rumah murah diberikan kuota-kuota kepada beberapa pihak-pihak yang tertentu seperti macam pemaju dia ada kuotanya, dan sesetengah parti politik diberi kuota untuk diagih-agihkan rumah murah ini. Jadi saya ingin tahu, adakah ini berlaku dan adakah kiranya ia berlaku, ianya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perumahan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, dasar yang ada yang dibuat oleh kerajaan ialah, kuota yang ada adalah kuota awam, kuota penegak kerajaan, dan kerajaan tidak berhasrat setakat ini mengubah dasar ini kerana dasar-dasar ini adalah dasar-dasar yang kita yakin perlu kita jalankan.

Y.B. Dato' Speaker : Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita telah dengar daripada Yang Berhormat EXCO bahawa rumah-rumah PPR yang dibina sekarang adalah memiliki tiga bilik. Pada satu ketika kerajaan telah membina rumah-rumah PPR ini dengan dua bilik. Ada tak cadangan kerajaan untuk mengubahsuai dan menaik taraf rumah-rumah yang telah dibina seperti di Taman Cendana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Dasar yang ada sekarang, macam yang telah saya terangkan tadi, untuk rumah-rumah PPR memang bilik tidurnya memang ada tiga bilik, sebelum itu dua bilik, sebelum itu, awal tahun 1990-an, satu bilik. Jadi kalau ikut struktur rumah yang bertingkat ini, kalau dia dah dua bilik, memang dari segi kejuruteraannya susah nak ditambah bilik, apa yang kita boleh buat ialah buat dasar baru, kita tambah tiga bilik. Dan sekarang tiga bilik dengan keluasannya ialah rumah PPR ni 680 kaki persegi untuk yang dibuat oleh Jabatan Perumahan Negara, bagi yang dijual, yang dibuat oleh syarikat, dia besar sikit, 750 kaki persegi dan yang dibuat oleh Iskandar lagi besar 850, 90% kaki persegi, dan 10% lagi 1,200 kaki persegi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong, jemput.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5 dan 6.

Kawasan parit rizab JPS sebelum ini dibersihkan setiap 2 bulan sekali, tetapi arahan JPS kawasan parit rizab hanya perlu di tebas 3 bulan sekali dan ini merumitkan kerja-kerja pembersihan kerana rumput yang terlalu tinggi. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Difahamkan juga bayaran upah gaji-gaji pembersihan parit rizab hanya RM0.24 semeter. Adakah pihak kerajaan akan menimbangkan semula kadar bayaran upah tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, pembersihan parit-parit di kawasan perparitan dilaksanakan empat pusingan setahun atau tiga bulan sekali oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau ketua kampung bagi kampung berkenaan. Oleh itu, kenyataan bahawa sebelum ini JPS Pontian melaksanakan kerja pembersihan parit oleh Pengerusi JKKK pada kekerapan dua bulan sekali adalah tidak tepat. Kadar harga pembersihan parit-parit telah ditetapkan dan perlu mendapat kelulusan di Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Kadar harga purata di antara RM0.24 semeter ataupun RM240.00 per kilometer hingga RM0.36 per meter ataupun RM360.00 per kilometer bergantung kepada saiz parit. Pada dasarnya Kerajaan Negeri Johor telah ada persetujuan awal di mana mulai 1 Januari 2011, kadar harga itu akan dinaikkan 10% daripada harga semasa.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Hong Tee, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Berapakah jumlah pelancong asing yang melancong ke Johor bagi tahun 2010 dan apakah produk pelancongan utama yang menjadi tarikan mereka untuk ke Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah kemasukan pelawat asing Negeri Johor menerusi pintu-pintu masuk yang terdapat di Negeri Johor bagi tempoh Januari hingga September 2010 mencatat seramai 12,170,978 orang. Berbanding dengan 10,819,045 orang bagi tempoh yang sama pada tahun 2009. Ini bererti peningkatan sebanyak 12.5% dalam tempoh yang sama pada tahun ini. Selain daripada kami di Jabatan Pelancongan Negeri mengenal pasti tempat-tempat tarikan di semua daerah dan mewujudkan pakej-pakej yang tertentu dan produk-produk pelancongan yang menjadi daya tarikan utama para pelancong ataupun pelawat ke Negeri Johor adalah destinasi yang berasaskan bangunan-bangunan:

1. *Heritage* dan bersejarah
2. Ekopelancongan dan;
3. Agro pelancongan

Termasuk 10 ikon pelancongan iaitu:

1. Kawasan di Kota Iskandar
2. Muzium Diraja Abu Bakar
3. Masjid Sultan Abu Bakar
4. Pulau Rawa
5. Pulau Sibu
6. Teluk Danga ataupun Danga *Bay*
7. Gunung Ledang
8. Taman Negara Endau Rompin

9. Desaru
10. Taman Negara Tanjung Piai

Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8.

Berapa banyakkah rumah kebajikan swasta yang terdapat di Negeri Johor mengikut daerah. Adakah mereka merupakan entiti yang berdaftar dan adakah mereka menerima sebarang peruntukan dari pihak kementerian atau Kerajaan Negeri?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat sebanyak 123 buah pertubuhan sukarela kebajikan di Negeri Johor. Daripada 123 pertubuhan ini, sebanyak 39 buah pertubuhan yang berdaftar dengan pihak jabatan melalui Akta Pusat Jagaan 1993 di mana pusat jagaan tersebut mengendalikan jagaan kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada orang-orang kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak. Pecahan pertubuhan swasta kebajikan mengikut daerah adalah seperti berikut, Johor Bahru jumlahnya 54, 12 yang berdaftar sebagai pusat jagaan; Muar, 14, hanya 3 yang berdaftar sebagai pusat jagaan; Batu Pahat, 32, 16 yang didaftar; Segamat, 7 buah, 2 yang berdaftar sebagai pusat jagaan; di Kluang, 10 pusat sukarela kebajikan, hanya 3 berdaftar; Pontian, 2, 1 yang berdaftar; Kota Tinggi, 3, 1 aje berdaftar; Mersing, 1, dan 1 itu yang berdaftar menjadikan 123 pusat sukarela kebajikan, 123 dan 39 jumlah pusat berdaftar sebagai pusat jagaan. Daripada jumlah pertubuhan sukarela kebajikan ini, sebanyak 21 pertubuhan sukarela kebajikan telah menerima peruntukan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Geran yang diterima bagi tahun 2010 adalah seperti berikut: geran ransom, maknanya *ratio*n makan minum yang diberikan berjumlah RM2,196,800.00, geran per kapita elaun khas OKU dan elaun khas pekerja sebanyak RM888,724.14. Sebanyak 49 pertubuhan sukarela kebajikan yang telah menerima geran peruntukan kerajaan negeri tahun 2010 berjumlah RM1.18 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Kahang.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Dato' Speaker, daripada penjelasan yang diberikan oleh EXCO, kita dapat lihat bahawa terdapat pusat-pusat yang masih lagi belum berdaftar. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak memastikan ataupun tidak membuat sebarang, tidak ada sebarang kuat kuasa undang-undang untuk pastikan pusat-pusat ini harus didaftar kerana pada hari ini kita terdengar juga cerita-cerita bahawa sesetengah pusat ini lebih bersifat komersil di mana mereka, orang-orang yang dihantar ke pusat asuhan ataupun pusat-pusat orang tua dan sebagainya mereka dikenakan bayaran yang terlalu tinggi dan juga terdapat layanan-layanan yang di mana terdapat kes-kes penderaan yang kita dengar dan baca di surat khabar. Jadi kenapa kerajaan tidak mengambil satu ketetapan untuk memastikan bahawa semua pusat penjagaan ini harus didaftar dan terletak terus di bawah Jabatan Kebajikan

supaya tidak terdapat kes-kes seperti yang saya katakan tadi, bersikap komersil ataupun kes-kes penderaan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Dalam Akta 193, Akta Pusat Jagaan 1993 ditakrifkan pusat-pusat yang didaftar tu, dia haruslah mengikut ketetapan daripada akta inilah, dia ada *technical proof* yang dia menyelidiki apakah selamat untuk diduduki, tidak ada penganiayaan dan sebagainyalah, tu dah ada dalam akta tersebut dan kalau pusat jagaan ini hendaklah berpenghuni empat orang, sekurang-kurangnya empat orang dan berkediaman. Jadi kalau yang ada apa tu, mereka ini mesti berdaftar, kalau tidak berdaftar memang salahlah. Tapi kalau terdapat penganiayaan dan sebagainya, boleh buat laporan, jadi kita ambil tindakan sebab kita ada aktanya untuk melindung apa tu, kebajikan penghuni-penghuninya. Tentang bayaran tu, terpulang kepada pengendali pusat tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Dato' Speaker. Memandangkan keperluan begitu mendesak untuk mewujudkan rumah kebajikan swasta atau taska, tadika di kawasan perumahan sebab tak ada tanah atau rancangan untuk merizabkan tanah untuk tujuan katanya untuk mewujudkan rumah kebajikan swasta atau tadika dan taska, adakah Jawatankuasa Yang Berhormat Pengerusi membuat satu cadangan kepada jabatan-jabatan berkenaan supaya dalam kawasan perumahan baru ditetapkan tanah-tanah rizab untuk tujuan sedemikian?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Akta ini, saya akan sebutkan di bawah pusat jagaan ini, Akta ini tidak termasuk hospital-hospital kerajaan, ataupun premis yang dikendalikan dalam Akta Pendidikan, di mana-mana taman asuhan kanak-kanak tak termasuk dalam Akta ini. Itu taman-taman asuhan kanak-kanak lain punya itu eh, dan institusi atau premis –premis bagi rawatan pemulihan pun tidak termasuk dalam Akta ini. Jadi Yang Berhormat katakan tadi untuk taska dan sebagainya tidak termasuk.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan nombor 9.

Apakah rancangan tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah tempat-tempat yang memerlukan bajet saluran bekalan air luar bandar untuk mendapat bekalan air yang tidak dapat dibuat oleh SAJ?

Y.B. Dato' Speaker : Ehem, Pengerusi baru.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi merupakan salah satu inisiatif di bawah kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Skop perlaksanaan Program BALB Sistem

Retikulasi merangkumi kerja-kerja penyambungan paip retikulasi dari sistem sedia ada iaitu paip utama Pihak Berkuasa Air Negeri. Termasuk pembinaan tangki dan sistem *booster pump,* membaiki, membesar, mengganti dan mengubahsuai paip dan loji rawatan, *treatment plant* dan juga pembinaan sistem pembekalan air yang dirawat sepenuhnya, *fully treated*. Bagi tujuan mempercepat dan memperkemaskan perlaksanaan program BALB, Bekalan Air Luar Bandar ini di seluruh negara, kerajaan memutuskan supaya kaedah perlaksanaan secara bersepadu dilaksanakan oleh kontraktor induk yang dilantik oleh kerajaan di kalangan Kontraktor Bumiputra Kelas A dan B dan mematuhi garis panduan perancangan projek. Bagi tahun 2010, sebanyak RM28.76 juta telah diperuntukkan bagi perlaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar di 71 buah kawasan kampung yang terlibat di Negeri Johor. Manakala bagi tahun 2011 hingga 2012 siling peruntukan sebanyak RM139 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi perancangan Program Bekalan Air Luar Bandar di bawah *National Key Result Areas* (NKRA) dan kelulusan bagi siling peruntukan ini juga adalah bergantung kepada senarai projek yang akan dimuktamadkan oleh pihak Kementerian.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat masa soalan lisan dah cukup. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2) maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini.

Sambungan perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 disambung sekarang. Jemput, Ahli Yang Berhormat yang nak berucap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Seperti yang dikatakan oleh saya pada hari Jumaat yang lalu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, *Guan Liao. Guan Liao* dalam bahasa Mandarin dengan izinnya bermakna birokrasi atau sektor awam. Akan tetapi *guan liao Zhu Yi,* dengan izinnya bermakna *red tape* atau budaya korup disebabkan penekanan yang keterlaluan terhadap formaliti dalam sektor awam yang menyusahkan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak membuat tuduhan yang tidak berasas terhadap semua kakitangan kerajaan, tetapi aduan terhadap *red tape* atau kekurangan *efficiency* bukan sahaja di jabatan-jabatan kerajaan bahkan GLC-GLC yang disyaki katakan rasuah mesti diambil berat oleh semua pihak termasuk Pihak Berkuasa atas seruan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Yang Berhormat Dato' Speaker, birokrasi yang lebih telus dan prihatin kepada kehendak para pelabur diperlukan untuk menarik dua-dua pelabur tempatan dan asing dalam pembangunan Iskandar Malaysia termasuk melibatkan dua-dua pelabur tempatan

dan asing dalam projek kerajaan melalui tender terbuka dan kita perlukan kakitangan awam yang mampu berkomunikasi dengan para pelabur dari seluruh pelosok dunia.

Setakat ini liberalisasi 27 sektor perkhidmatan oleh Kerajaan Pusat masih tidak dapat memikat baik pelabur asing atau setempat yang memasuki Iskandar Malaysia dan Malaysia pada keseluruhan. Ini disebabkan *red tape,* dengan izinnya atau kekurangan keberkesanan birokrasi merupakan salah satu faktor terutama yang menghalang para pelabur mendarat di Iskandar Malaysia. Oleh itu, penyusunan semula dan peningkatan prestasi sektor awam amat diingini. Saya tidak pernah menyalahkan semua kakitangan awam, tetapi perubahan budaya dan pemikiran kakitangan kerajaan amat mustahak dalam usaha memikat pelaburan. Kekurangan, kepakaran kepada kehendak kakitangan awam dan para pelabur akan menghindar kemajuan sosioekonomi kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, *Transparency International* dalam kenyataan bertarikh 26 Oktober adalah membuat kesimpulan bahawa CPI iaitu *Corruption Perception Index,* dengan izinnya atau Indeks Persepsi Rasuah Malaysia 2010 menurun dari 4.5 ke 4.4 serta menduduki tempat ke-56 di antara 178 negara. Bukan sahaja Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini tetapi orang awam pula sepatutnya menegur jabatan kerajaan kerana mempunyai prestasi yang kurang kompeten. Disebaliknya jika sebarang jabatan menunjukkan peningkatan prestasi, Dewan yang mulia ini sewajarnya memberikan pujian yang sejujur.

Saya pernah membawa aduan awam terhadap Jabatan Bomba dan Penyelamat, maka saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ahli-ahli Bomba telah menunjukkan keprihatinan kepada aduan penduduk dan setakat ini mereka dapat tiba ke tapak kebakaran dengan masa yang singkat. Di antara jam 10:00 dan 11:00 malam 20 Julai, kebakaran berlaku di Blok 67, Taman Ungku Tun Aminah, ahli-ahli Bomba tiba ke tempat kejadian dalam masa yang singkat dan keprihatinan mereka juga di saksi oleh saya sendiri. Oleh itu di sini, saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi pihak penduduk Skudai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banjir lumpur masih berlaku di Kampung Poh Chee Leng, Skudai selama 10 tahun ekoran pembinaan Kem Tentera Skudai adalah terbengkalai selama 8 tahun. Menurut laporan Ketua Audit Negara 2009, Ketua Audit telah mengenal pastikan tanggungjawab Pemaju KCSB terhadap penyelenggaraan kolam kelodak di tapak terbabit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kemajuan kerja pembangunan Kem Tentera Skudai telah berhenti pada tahap 18.3% dari Disember 2002 sehingga sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan menghadapi risiko menanggung kerugian kerana tanah Kem Majidee dan Kem Tebrau seluas 155 hektar telah dipindah milik kepada pemaju dan seterusnya digadai kepada MBSB untuk membuat pinjaman sebanyak RM465 juta yang sepatutnya ditujukan untuk pembinaan Kem Skudai. Bon pelaksanaan KCSB bernilai RM12.8 juta dan bon tanah sejumlah 256 juta telah tamat tempoh sah lakunya. Yakni Kementerian Pertahanan tidak dapat menuntut kerugian daripada KCSB. Manakala tanah Kem Majidee dan Kem Tebrau telah di cagar kepada MBSB.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu jika kontrak di antara KEMENTAH, KCSB dan MBSB ditamatkan, KCSB sebagai *chargee* dengan izinnya, tanah terbabit mempunyai *locus standi,* dengan izinnya untuk menuntut hak milik kepada tanah Kem Majidee dan Tebrau. Apabila Tentera di kedua-dua kem ini masih ketiadaan tapak baru yang menentu untuk berpindah. Baru-baru ini Menteri Pertahanan menyatakan dalam Dewan Rakyat bahawa jumlah masyarakat Cina dan India yang rendah menganggotai Angkatan Tentera negara ini mungkin kerana kekurangannya semangat patriotisme. Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah tindak tanduk patriotik KEMENTAH membenarkan KCSB menggadaikan tanah Kem Tebrau dan Majidee kepada MBSB serta mendedahkan tanah Kem Tentera terbabit kepada risiko dilelong oleh MBSB. Adakah kecurian enjin jet perang di bawah jagaan KEMENTAH itu sendiri dan dijual sebagai besi buruk kepada Uruguay boleh dikatakan patriotik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila Menteri Pertahanan menunjukkan jari, satu jari kepada kaum India dan Cina sebagai kurang patriotik sebaliknya empat-empat jarinya menunjuk ke arah KEMENTAH itu sendiri. Yang Berhormat Dato' Speaker, lokasi Kem Skudai adalah amat strategik dari segi dua-dua komersial dan keselamatan negara. Saya mencadangkan supaya KEMENTAH terpaksa menjual tapak berkenaan serta menggunakan pendapat penjualan tanah itu untuk menempat semula Kem Skudai ke tapak lain. Di antara lokasi baru yang dicadangkan adalah tapak-tapak berhampiran Empangan Bekok, Machap dan Sembrong. Bukan sahaja lokasi pegangan adalah strategik tetapi angkatan Tentera dapat mempertahankan keselamatan empangan-empangan tersebut daripada pencerobohan aktiviti tani haram yang telah mencemarkan sumber-sumber bekalan air di kawasan Batu Pahat, Yong Peng, Kluang dan Sembrong.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah bekalan elektrik sering terputus di kawasan Jalan Hang Jebat dan Hang Tuah, Taman Skudai Baru dan Taman Nesa Skudai sehingga empat kali sebulan pada bulan Julai. Sekali sebulan pada bulan September, Oktober dan baru-baru ini pada malam hari Jumaat yang lalu. Yang Berhormat Dato' Speaker, janji-janji untuk memperbaiki masalah ini masih belum diperkotakan sejak aduan ini dibawa ke Dewan ini pada tahun lalu. Pihak TNB sewajarnya turun ke padang untuk meninjau apa sebab-sebabnya, penduduk kawasan tersebut tidak puas hati terhadap masalah bekalan elektrik terputus-putus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", adalah slogan yang dialu-alukan, jika benar-benar diambil berat oleh semua pihak, saya mempercayai bahawa Ahli-Ahli Dewan menegur mana-mana jabatan di Dewan ini bukan untuk menyusahkan Ketua Jabatan atau kakitangan kerajaan, disebaliknya memperingatkan Ketua-Ketua Jabatan bahawa supaya dapat mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku di mana kakitangan kerajaan sentiasa terpaksa berjawab kepada keputusan yang dibuat oleh Ahli-Ahli Politik yang tidak mempunyai kemahiran teknikal. Saya ingin memberikan satu contoh sahaja, saya pernah beberapa kali cuba membawa perkara berkenaan keselamatan dan perbelanjaan tiang-tiang lampu kesenian di Jalan Skudai kepada PBT. Malangnya isu ini dipolitikkan oleh sesetengah Ahli Majlis Tempatan yang berkepentingan politik.

Masalah keselamatan pengguna jalan raya dan aduan rakyat terhadap kekurangan infrastruktur tidak sewajarnya dipolitikkan. Oleh itu, kemalangan jalan raya berlaku jam 6:45 pagi, 4 November. Saya dapat panggilan terpaksa bangun dari tidur dan sampai ke tempat kejadian di mana sempadan tiang lampu kesenian di atas jambatan bertingkat Taman Ungku Tun Aminah telah tertumbang serta mengempiskan sebuah kereta Myvi. Pemandunya Mohd Sufian Mohd Salleh dalam perjalanan ke tempat kerja telah mengalami kecederaan kepala. Nasi baik kereta beliau dipandu dengan kelajuan yang sederhana dan nyawa beliau terselamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini sampah tidak dipungut selama 10 hari di kawasan Jalan Temenggong, Jalan Pekasa, Taman Tun Aminah dan Jalan Besi Taman Seri Puteri. Saya difahamkan bahawa PBT tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan sebarang tindakan kepada kontraktor selain daripada mengisukan *Notice To Collect*, dengan izin, NTC. Menurut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pemeriksaan Awam 2007, KPKT pula diberikan kuasa melantik kontraktor. Oleh itu, isu ini akan dibangkit semula oleh Ahli Parlimen Bakri di Dewan Rakyat. Menurut laporan *The Star* pada 11 November, pekerja-pekerja kontraktor memungut sampah telah menuntut angpau sebanyak RM50 sebulan daripada setiap pekedai. Menurut aduan pekedai jika mereka tidak membayar angpau, mereka akan disabotaj dengan tindakan memercik air busuk dari sampah di depan di belakang kedai mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan yang amat memalukan jika kerajaan gagal menguruskan sampah dengan baik, di sebaliknya di sesetengah negara maju bukan sahaja menguruskan sisa pepejal dengan berkesan malahan menjana bio tenaga dan proses penghapusan sampah. Oleh itu, negara kita seharusnya membangun teknologi menjana tenaga solar, bio tenaga dan proses penghapusan sampah dan sisa kelapa sawit dan minyak kelapa sawit. Jangan kita kalau tiang lampu kita boleh tertumbang Dato' Speaker, kalau kita nak satu nuklear pelan, satu loji penjana tenaga dengan nuklear, tenaga nuklear. Bayangkanlah kalau apa-apa berlaku, kemalangan berlaku itu bukan sahaja seperti tiang lampu kita tertumbang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengurusan sisa pepejal sewajarnya ditangani dengan berkesan dan secepat mungkin. Masalah tapak pembuangan sampah haram secara landfill misalnya di Taman Melawati Skudai berlarutan selama lima tahun serta mengakibatkan kebakaran keliaran sering berlaku. Malangnya sesetengah Ahli Majlis Tempatan berdemonstrasi atas masalah ini seolah-olah mereka berlagak Ahli-ahli NGO atau parti pembangkang. Masalah sudah ada lima tahun. Diharapkan sebagai seorang YB, ADUN Pembangkang untuk menyelesaikan masalah itu dalam lima hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah kerap kali cuba menjumpai Pihak Berkuasa berkenaan aduan dan masalah setempat termasuk Jurutera JKR Daerah. Sesetengah kakitangan kerajaan enggan menjumpai saya YB Pembangkang dan tidak ingin menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Seperti yang dibangkitkan di dalam Dewan ini dahulu, ketiadaan penutup longkang di Jambatan Bertingkat, Jalan Pontian dan perhentian bas depan Skudai Parade telah menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya. Alasan yang diberikan oleh JKR adalah ketiadaan peruntukan untuk menggantikan penutup longkang terbabit malahan belum ada kematian lagi berpunca daripada masalah itu. Maka penyelesaian masalah itu ditangguhkan

sehingga sekarang. Sebenarnya cuma 45.1% peruntukan JKR di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dapat dibelanjakan untuk pembangunan sehingga tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dahulu dikatakan ada kematian berlaku, baru bikin. Sekarang bila ada kemalangan maut jalan raya berlaku, JKR pun tidak prihatin kepada penderitaan rakyat walaupun kemalangan maut jalan raya sering berlaku di simpang jalan Gelang Patah, Jalan Ronggeng 19, Taman Nesa Skudai dan Jalan Gemilang 5, Taman Bukit Gemilang. Masalah ini telah beberapa kali dimaklumkan kepada JKR dan PBT. Pihak Berkuasa telah menjadi kebal kepada aduan berkenaan kematian dan penderitaan rakyat sehingga orang awam semakin memperolehi perspektif negatif terhadap JKR walaupun dengan inovasi yang penuhnya ialah mereka kata, JKR sinonim "Jangan Kerja Rajin". Oleh itu JKR dan MPJBT diharapkan mengurangkan simpang sial di sepanjang Jalan Gelang Patah serta menyediakan *divider, U-Turn dan* lampu isyarat, dengan izinnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang bersama dengan kita pada hari ini ialah penduduk-penduduk dari FELDA Air Tawar 2, Kampung Tunjuk Laut. Mereka tidak dapat masuk ke dalam Dewan sebab tak sempat nak buat baju melayu baru dan tidak sempat mampu nak beli songkok. Jadi mereka pakai baju batik dan bersongkok tetapi sebab itu protokol kita, mereka tidak dapat masuk ke dalam Dewan ini. Akan tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, lebih kurang 200 orang peneroka Kampung Baru Tunjuk Laut, Kota Tinggi telah menghubungi pejabat saya serta mengutarakan ketidakpuasan hati mereka terhadap hak milik tanah diusahakan oleh mereka telah dikurniakan kepada pihak lain. Mereka bertahun-tahun memohon hak milik tanah lot PTD 404, 423,434 Mukim Kambau, Kota Tinggi seluas 1200 ekar diusahakan selama 10 tahun. Saya difahamkan akhirnya tanah tersebut telah dikurniakan kepada YPJ dan Ahli-Ahli politik yang berpengaruh. Malangnya soalan saya mengenai keadaan hak milik tanah tersebut telah ditolak di bawah Peraturan Tetap Bilangan 25 (2)(a) sebab ada nama individu terlibat. Namun begitu jika Badan Berkanun Kerajaan terlibat dalam kes ini, berkepentingan awam yang melibatkan 200 peneroka sepatutnya dengan izinnya dapat dibangkit dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini tanah apa? Tanah peneroka ke tanah ceroboh?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Mereka dah mohon...

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tetapi permohonan mereka ditolak.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Saya rasa Yang Berhormat Skudai, dia pembohong. Itu kawasan saya. Dia jaga kawasan dia, bukan jaga kawasan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok. Saya saje tanya, melainkan dia salah je Yang Berhormat betulkanlah. Yelah ini saya tanya tanah ceroboh ke tanah sendiri?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dari segi undang-undang dikatakan cerobohlah.

Y.B. Dato' Speaker : Kena cakaplah ini tanah ceroboh. Mana…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi mereka di usaha, mereka dah mengusahakan tanah itu 10 tahun...

Y.B. Dato' Speaker : Saya tahulah, makna dia duduk tapi lepas dia dah tanamlah semualah gitu…

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan kena fakta yang tepat. Jangan bohong, ini persepsi yang tak elok ini.

Y.B. Dato' Speaker : Mana tanah, tanah, tanah setingganlah. Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak apa. Itu terpulang kepada persepsi lain-lainlah.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, cuma saya ingat dia punya tanah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Maka, para peneroka mengharapkan ganti rugi yang munasabah terhadap kerugian pelaburan dan kemusnahan tanaman yang dijangka bernilai berjuta-juta ringgit atau atas prinsip "Rakyat Didahulukan"…

Y.B. Dato' Speaker : Oh dia tak, belum, belum berhasil lagi Yang Berhormat? Belum dapat hasil lagi?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada yang sudah.

Y.B. Dato' Speaker : Habis dia bayar cukai tak?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak ada. tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah. Dia tak bayar cukai. Oklah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Rakyat didahulukan dan keprihatinan kepada..

Y.B. Dato' Speaker : Yalah dia tidak, Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Kejap, kejap tak apa..

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini masalah rakyat.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Taat (Bukit Serampang) : Ikut Peraturan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita bawa ke Dewan untuk pertimbangan kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Tidak, yalah, saya, saya, betullah Yang Berhormat bawalah cuma saya persoalkan sama ada tanah dia, kalau ya tanah dia, dah dapat hasil tak? Baguslah Yang Berhormat cakap dapat. Makna..

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Itu terpulang pada pihak kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, tak, Yang Berhormat, Yang Berhormat…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kepentingan kepada sesetengah ahli politik atau untuk 200 peneroka.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah sama juga Yang Berhormat…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Itu kuasa kerajaan, cuma saya peringatkan lebih ramai 200 peneroka sepatutnya diberikan kepentingan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, betullah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kalau nak berikan satu ruang ahli politik, kita kena menghadapi rakyat jelatalah. Terpulang pada merekalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat kata Rakyat Didahulukan, betullah..

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tak benar cakap, ini bukan giliran Yang Berhormat nanti Yang Berhormat cakap. Tak ada mana…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jangan risau Yang Berhormat, saya belum sebut nama Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, saya dah sebut Yang Berhormat, saya dah tak kasi dia cakap. Sama juga tanah dekat Pulai Pinang, ada juga dah ceroboh lama, kerajaan ambil juga. Tak di dahulu rakyat dulu. Samalah juga. (Dewan bertepuk).
Dia wahasil begitulah Yang Berhormat dalam politik…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi kerajaan bagi rumah dua tingkat.

Y.B. Dato' Speaker : Ini kerajaan kalau tahu, dia siasat dia mesti ada kerajaan bagi rumah atau tanah. Ok terus.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Di samping itu tanah milik seramai 60 peneroka FELDA Air Tawar 2 telah diambil oleh TNB di bawah Seksyen 16(2) Akta Bekalan Elektrik 1990 yang 60% dari harga pasaran

sehektar, sehektar akan dibayar kepada peneroka atas sebab kehilangan penggunaan atau *disability*, dengan izinnya. Tanah seperti yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2009 tanpa bantahan daripada FELDA. Pada purata 2 ekar dari 10 ekar tanah ladang sawit dimiliki peneroka diambil sebagai izin lalu di bawah Akta berkenaan untuk tujuan pemasang kabel voltan tinggi, TNB. Maka mereka sebenarnya kehilangan penggunaan tanah 100% selepas diambil oleh TNB. Maka peneroka merayu kepada kerajaan, supaya Akta Pengambilan Tanah digunakan oleh Pihak Berkuasa dan TNB untuk mengambil alih tanah mereka dengan ganti rugi berdasarkan 100% harga tanah pasaran dibayar oleh TNB. Di sebaliknya TNB akan memiliki sepenuhnya kawasan tanah yang diambilnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah diberikan mandat kalangan Islam tempatan untuk mempertanyakan Pihak Berkuasa sama ada tapak sekolah agama Bukit Senyum telah diistidal atau digantikan dengan tapak lain selepas tanah tersebut diambil oleh pembinaan KIK Iskandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dimaklumkan bahawa masalah banjir kilat di pekan Parit Yaani, Yong Peng tetapi JPS dan Majlis Daerah Yong Peng tidak dapat mengambil sebarang tindakan untuk memperbaiki masalah ini walaupun permasalahan ini telah dibawa ke perhatian Pihak Berkuasa. Apakah punca banjir kilat di Parit Yaani sewajarnya selesai secepat mungkin tanpa campur tangan..

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak bagi tahu Skudai bahawa banjir kilat yang melanda pekan Parit Yaani pada tahun 2006 dan 2007 lepas tu tak ada banjir. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Betulkanlah. Kesilapan. Ha yalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita tunggu musim tengkujuh kali ini lah.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' Speaker, ini belum sampai punya dia pakai agak-agak aje…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak, tak…

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Peraturan, Yang Berhormat Dato' Speaker, bolehkah kasi seseorang ADUN boleh celah sesuka hati?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia membetulkan, boleh. Kalau Yang Berhormat tengah berucap ada berlaku kesilapan. Nanti, Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat cuba dengar saya cakap. Kalau seseorang tengah berucap boleh menegur bangun mengatakan yang dia sebut itu tidak betul. Itu bukan maknanya. Dia nak menegakkan yang betul. Itu boleh. Tapi yang macam Yang Berhormat bangun ini , salah. Yang Berhormat menyampuk. Yang Berhormat nak bangun betulkan ucapan Yang Berhormat ini, itu boleh saya izinkan ikut Peraturan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak apalah, saya...

Y.B. Dato' Speaker : Ini kalau ikut aturan semua tak jadi kecohlah. Pasal semua langgar, itu yang jadi kecoh (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, tak apa. Itu buatkan kita, Dewan ini lebih *interesting,* lebih menarik dengan izin. Pembangkang sebenarnya Dato' Speaker, sebab yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani. Saya terpaksa membuat penjelasan sebab kita pembangkang selalu kalau bersuara lantang di dalam Dewan dikatakan kita berbising atau nak cari pasal.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan bising, tak ini betul cuma salah je, sedikit kadang Peraturan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak apa. Tapi saya...

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : ... saya tak ada salahkan dia bising ke apa, benda yang tak betul sebut tak betul. Yang tak patut disebut di sini tak logik itu jangan tembak. Pakai tembak je suka-suka.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Parit Yaani, teruskan Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebab saya sebut kawasan dia, itu sebab dia tak boleh tahan…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pun merayaulah satu Johor, itu yang gaduh itu. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa dia jangan umumkan…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat Parit Yaani ni apa pasal asyik nak bangun je.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, sekarang saya nak bagi kepujian kepada Yang Berhormat Parit Yaani. Kita semua Ahli Dewan berbahas demi kepentingan rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, masa dah cukup.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Adalah budaya yang lebih positif kepada kami. Lebih baik daripada kami mengantuk di dalam Dewan ini. Oleh itu, saya berharap semua pihak lebih memahami peranan pembangkang dan kepentingan masing-masing. Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sedikit lagi untuk kesimpulan Dato' Speaker, dengan izinnya. Itu amat mustahak kalau kita memastikan semua jabatan dijalankan dengan secara cekap dan bersih. Saya berikan satu contoh kalau JPJ satu kali mengutip tender untuk nombor-nombor pendaftaran, sampai 300, 500 ribu satu kali, sebulan, dua kali. Maknanya sebulan kutipannya adalah dah nak dekat RM1 juta. Dan wang dikutip itu adalah hasil pendapatan, saya bagi contoh, hasil

pendapatan untuk meningkatkan gaji kakitangan bawahan. Kalau, *I* cakap tak ada buktilah, tapi cakap saya kasi contoh, kalau Ketua Jabatan suka simpan nombor pendaftaran dalam laci dia sendiri, itulah jadi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tak baik. Yang Berhormat tengok surat itu dalam laci dia? Mana Yang Berhormat tahu dalam laci orang ada surat. Yang Berhormat ini tuduh, tak boleh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Itu saya bagi contoh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Lain kali Yang Berhormat nak saksikan, saya datang, saya nampak surat itu dalam laci. Itu boleh. Kalau Yang Berhormat cara umum, ha, saya tahu Pejabat Tanah sembunyi fail. Kalau cakap gitu kalau orang lain dengar seolah-olah orang itu salah. Ini sebut dalam laci ini, berat Yang Berhormat. Yang Berhormat tak tengok. Betul tak nombor tu dalam laci…

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta dia tarik balik tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ini pun satulah. Yang Berhormat tak boleh kacaulah. Duduk je.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, tak apa.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak boleh Yang Berhormat. Saya dengar difahamkan, itu lain. Ini Yang Berhormat cakap dia simpan dalam laci. Saya tak benarkan cakap gitu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Simpan atas meja saja, dua inci dari laci. Sekianlah terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Ok. Ok siapa nak cakap lagi, tak ada Dewan tangguh. Ha, ada eh. Dijemput Pemanis (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana beri peluang berucap. Yang Berhormat Dato' Speaker, Pemanis ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat di atas strategi dan pengisian Bajet yang bertemakan "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat", program-program yang inovatif, menarik dan menepati keperluan rakyat telah diaturkan khasnya program sosial dan nampaknya dapat membaca dan menjawab rintihan rakyat pada, sepanjang ini. Pemanis juga ingin mengambil ruang ini untuk mencadangkan beberapa perkara yang dapat diserap ke dalam pelaksana Bajet 2011 dan juga Program Transformasi Kerajaan dan termasuk juga untuk RMK yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, transformasi besar-besaran kerajaan menerusi Program Transformasi Kerajaan, GTP tidak akan berjaya tanpa tindak balas positif, sokongan dan azam politik yang kuat daripada institusi dan parti-parti politik melalui pemimpin dan jentera parti politik serta Wakil Rakyat iaitu ADUN dan Ahli Parlimen, dan Wakil Kerajaan mereka termasuk Ketua Kampung, Ketua Masyarakat dan Ahli-Ahli Majlis.

Parti politik memainkan peranan penghubung iaitu *connector,* dengan izin, mereka juga memainkan peranan sebagai penjual konsep dan idea GTP iaitu sebagai *salesman,* dengan izin. Oleh kerana GTP merupakan proses atas ke bawah, Yang Berhormat Dato' Speaker, maka pelopor konsep GTP yang berani boleh dianggap sebagai agak lain daripada orang biasa, yang saya guna cipta istilah pelain dalam bahasa Inggeris *maverick,* dengan izin, oleh orang mereka. Jadi dengan adanya ketiga-tiga unsur iaitu pengabung, penjual dan pelain, barulah satu titik genting iaitu *tipping point* bakal dicapai dan arus transformasi dapat membawa ombak menembusi rintingan hingga ke akar umbi. Barulah transformasi jitu dan berkesan dapat tercapai matlamatnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, justeru adalah menjadi kewajipan kepada semua pekerja-pekerja politik yang ada di negara ini untuk memahami tunjang bahasa, konsep dan model yang dipakai menerusi sistem transformasi sama ada ianya Program Transformasi Kerajaan ataupun Transformasi Ekonomi. Daya pemikiran kita sebenarnya bergantung kepada sejauh mana kita menguasai bahasa dan istilah yang digunakan. Lantas tidak ada sebab untuk pekerja politik berhenti dari terus menjadi pencari ilmu dan pada pendapat saya Program Transformasi Kerajaan boleh dijadikan platform untuk kita terus mengejar ilmu. Usaha ini dengan tersendirinya akan menyumbang kepada proses transformasi politik. Jadi, dalam hal ini sukalah saya mengkelaskan aktiviti politik Malaysia kepada dua elemen utama:

1. Bagi seorang ADUN daripada kawasan luar bandar, satunya kita tengok biasa kat media politik besar, merupakan politik hangat yang lebih banyak melibatkan percaturan dan tidak banyak kelihatan menyelesaikan masalah pokok dan memenuhi keperluan rakyat dan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang saya cuba tekankan di sini ialah, pembangunan negara ini adalah melalui politik relevan. Menerusi ini kita sebenarnya bekerja untuk menyelesaikan masalah dan keperluan rakyat dan negara kita ini. Justeru saya mencadangkan 20 perkara di mana kebanyakannya telah berpuluh-puluh tahun menghantui rakyat Malaysia dan yang boleh dijadikan penunjuk aras (KPI) untuk politik relevan yang boleh diguna pakai untuk menilai kejituan dan keupayaan parti politik, pemimpin politik dan unit-unit mereka, di mana rakyat pada amnya menganggap pihak bukan kerajaan termasuk pihak politik tidak kelihatan ketara dalam menangani isu-isu ini.

1. Masalah along atau peminjam haram yang menindas peminjam. Kita sarankan supaya kemudahan kredit atau perkhidmatan peminjaman yang terkawal lebih akan diadakan.

2. Kita perlu kuasa politik untuk mengatasi masalah penipuan bersistem atau berorganisasi, yang berlaku di dalam contohnya penjualan gores dan menang, skim piramid, skim cepat kaya, penipuan pelaburan menerusi Internet ataupun kebelakangan ini bilangan yang besar budak Malaysia ditipu untuk membawa dadah di luar negeri.

3. Mengatasi masalah ketagihan yang secara jelas menjadi racun dalam kehidupan. Ketagihan rokok, dadah, judi, arak dan juga ketagihan politik.

Y.B. Dato' Speaker : Ketagihan?

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Politik. Ertinya terlalu ramai politiking yang tidak akan berhenti dari menyerang orang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Politikus.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Dan sentiasa memperpolitikkan apa-apa keadaan yang ini saya kira ketagihan kalau banding dengan negara-negara lain.

4. Membawa perkhidmatan yang berterusan kepada individu dan keluarga termasuk mereka yang kurang upaya, miskin, bermasalah dan orang gelandangan dan juga orang tua.

5. Menjaga keselamatan setempat. Menjamin satu lapisan masyarakat yang mampu mengekang perlakuan jenayah dalam komuniti dan memberi rasa dan jaminan bahawa orang politik penjaga kepentingan dan rakyat berada dalam keadaan selamat untuk hidup.

6. Memberi contoh dan tauladan yang baik untuk remaja dan generasi muda.

7. Memberi pendidikan kewangan. Banyak punca masalah keluarga dan masyarakat hari ini datangnya dari ketidakupayaan mengurus sumber dan kewangan dengan bijak. Jadi pendidikan kewangan seharusnya ditekankan kepada semua rakyat agar mereka mampu mengatur hidup dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

8. Perkhidmatan kaunseling.

9. Mengatasi masalah pembulian masyarakat termasuk fenomena mereka yang wujudnya sesetengah ahli politik atau perniagaan yang memesongkan perjalanan dan amalan demokratik, peraturan dan keadilan dengan pengaruh daripada wang dan juga kuasa.

10. Menyelesaikan masalah rumah terbengkalai.

11. Menjaga kebajikan dan kesihatan menerusi gaya hidup sihat supaya kita tidak mengakibatkan bil perbelanjaan kesihatan yang banyak untuk anak dan cucu kita.

12. Pertahanan awam. Kita perlu mewujudkan lapisan pertahanan komuniti untuk mengurus dan menangani masalah bencana alam dan keupayaan menyelamat akibat banjir, tanah runtuh dan sebagainya.

13. Pendidikan agama khasnya di kalangan bukan Islam. Pekerja politik perlu untuk menjadi lebih faham alam kerohanian agar mereka mampu menyelesaikan masalah berkaitan dengan agama masing-masing demi mempertahankan institusi agama dan memastikan ajaran yang betul, sesuai dan bersikap universal.

14. Memberi pendidikan politik yang sihat supaya rakyat lebih faham tentang kerangka bidang politik kerajaan dan cabang-cabang dalam sistem pentadbiran negara.

15. Produktiviti dan saya percaya pemimpin politik perlu memantau pencapaian dan hasil setempat yang memuaskan selaras dengan produktiviti supaya menjadi contoh yang baik, bagaimana hasil dan proses dilaksanakan.

16. Memperjuangkan privasi dan kerahsiaan individu. Terlalu banyak maklumat yang tersebar sekarang, sehingga ia menceroboh kerahsiaan individu seperti data bank, data peribadi menerusi Internet dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

17. Memahami sejarah dan geografi setempat serta memelihara alam sekitar.

18. Pengekalan seni warisan budaya untuk menjamin kelangsungan seni budaya ini. Pekerja politik seharusnya menjadi agen yang dapat memupuk pengekalan warisan seni budaya serta inovasi pelbagai kaum yang ada di negara ini.

19. Meningkat dan mengekalkan kualiti kepimpinan yang tinggi. Satu *standard* kualiti kepimpinan dan pengurusan perlu dibuat. Kerja politik perlu mencapai *standard* kualiti kepimpinan ini kerana mereka akan menjadi contoh kepada masyarakat dan mereka boleh menggunakan kuasa mereka untuk memastikan hanya yang terbaik menjadi pemimpin di semua arena.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

20. Mengambil berat hal pendidikan setempat. Contohnya menyokong PIBG, memberi bantuan kepada mereka yang menghadapi masalah pembelajaran sama ada dari segi keupayaan, persekitaran keluarga atau pengajaran yang tidak merangsangkan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mencapai KPI politik relevan ini beberapa prasyarat saya cadangkan di sini :

1. Pekerja politik seharusnya ingat bahawa mereka adalah pekerja masyarakat dan bukannya bos atau *taiko* atau tauke yang menentukan semua perkara. Pekerja politik relevan seharusnya menunjukkan tahap kualiti *servant leadership* yang tinggi. Mereka juga tidak seharusnya menceroboh dan juga menjajah ruang kesukarelaan yang telah dipupuk secara jitu. Mereka perlu untuk menentukan pengagihan sumber dibuat secara adil dan untuk perkara-perkara yang menjadi keutamaan. Pekerja politik mesti dapat merangka polisi dan

dasar yang sesuai untuk masyarakat dan di mana perlu untuk merangka Akta untuk mengatasi masalah yang wujud pada peringkat dasar.

2. Mereka harus menjadi pemantau yang berkesan terhadap peranan NGO dan kerajaan dalam melaksanakan sesuatu perkara dan mereka perlu sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Dunia sentiasa berubah terutama berkaitan teknologi maklumat dengan terhasilnya komunikasi menerusi media baru, ancaman baru, pemikiran baru dan tuntutan-tuntutan baru. Jadi untuk kekal relevan, pekerja politik seharusnya sentiasa mengikuti perkembangan ini agar mereka tidak diperbodohkan atau dipandang rendah oleh generasi Y dan Z yang makin dinamik, pantas dan kurang bersabar.

3. Saya berharap perkara tertentu di atas dijadikan NKRA baru dengan peruntukan satu cabang Program Transformasi Sosiopolitik. Pemanis juga mencadangkan agar diwujudkan Majlis Tindakan Sosial Negara dalam usaha kita untuk mencapai KPI sosiopolitik relevan ini. Majlis ini akan bertindak sebagai platform untuk membincang dan menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan sosial dan kemasyarakatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, generasi pekerja politik di barisan hadapan contohnya yang berada di Dewan yang mulia ini merupakan generasi pada pendapat saya, *transitional*, di mana pada masa kita perlu berdepan dan terikat dengan cara politik tradisional dan legasi lama, generasi baru yang bilangannya jauh lebih ramai yang akan menuntut cara dan prestasi yang agak berlainan. Semoga kita dapat kekal relevan untuk memainkan peranan, penghubung dua generasi politik berlainan demi melicinkan transformasi negara. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan cadangan-cadangan tersebut di atas, saya turut menyokong.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, terima kasih, sebelum ditegur. Seterusnya dibuka lagi untuk, ha, Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Ucapan Bajet Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2011. Permas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah membentangkan satu bajet *surplus* sejumlah RM2.77 juta. Bajet yang merupakan holistik dan komprehensif bagi menjamin kesejahteraan rakyat serta memacu pembangunan rakyat dan Kerajaan Johor, seiring dengan iltizam Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, dalam usaha mentransformasikan negara ke arah negara pendapatan tinggi. Permas menyokong penuh dan yakin akan kejayaan strategi-strategi yang digariskan oleh Kerajaan Negeri dalam Bajet 2011 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan itu Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) yang diterjemahkan dalam Bajet 2011 ini diyakini mampu merealisasikan strategi-strategi yang digariskan seperti mendaya ekonomi

secara strategik, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapat rendah, meningkatkan kualiti hidup setaraf negara maju, mentransformasikan perkhidmatan awam Negeri Johor serta pembangunan masyarakat sivil yang beridentiti dan mempunyai nilai-nilai murni. Setiap strategi yang telah menggariskan inisiatif-inisiatif tertentu untuk memastikan strategi ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Dengan tema `Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat' Permas sesungguhnya amat yakin dan penuh percaya bahawa negeri dan rakyat Johor di bawah Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat terus maju membangun, makmur serta mampu mengharungi apa juga badai ekonomi yang melanda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perancangan Johor dalam Bajet ini untuk meneruskan dasar-dasar pembangunan holistik tanpa mengenepikan keperluan rakyat serta usaha merealisasikan isu-isu berbangkit yang menggugat kesejahteraan rakyat amat dibanggakan dan perlu di dokong secara sepadu oleh semua Wakil Rakyat kerajaan mahupun pembangkang. Ini termasuklah usaha-usaha memperkukuhkan jalinan hubungan kerjasama antara pihak kerajaan dengan swasta dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO). Penyediaan Pelan Pembangunan Negeri Johor tahun 2011 hingga 2020 telah melibatkan pandangan, cadangan daripada semua pihak termasuk swasta dan NGO untuk merancang pembangunan Negeri Johor bagi 10 tahun ini. Usaha-usaha beginilah yang mampu mencari keseimbangan dengan tumpuan kepada Program Transformasi Ekonomi serta merapatkan jurang perbezaan antara rakyat berbilang kaum, masyarakat dan daerah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor juga telah memberi tumpuan khas bagi meningkatkan taraf hidup rakyat pendapatan rendah yang merupakan di *bottom 40 percent* dengan izin, dengan pendapatan isi rumah bawah RM2,300.00 sebulan mengikut taksiran RMK-10. Banyak program telah dirancang untuk membangun secara inklusif modul insan dan pembangunan usahawan. Saya ucap tahniah dan syabas kepada pucuk yang pimpinan Y.A.B Menteri Besar kita yang telah berjaya mengurangkan kemiskinan tegar di Negeri Johor daripada 1,232 orang pada Januari 2010 kepada hanya 13 keluarga sahaja kini tetapi saya merasa terdapat lebih ramai keluarga-keluarga miskin dan mudah miskin yang perlu diberi bantuan.

Dalam bajet ini Y.A.B Menteri Besar telah menggariskan 9 langkah untuk masyarakat yang kurang pendapatan ini. Pejabat Daerah telah diberi tanggungjawab untuk kenal pasti kes-kes baru agar bantuan dapat disalurkan dengan segera di semua kawasan bandar, luar bandar, masyarakat Orang Asli dan juga pekerja ladang. Di sini saya ingin mengutarakan beberapa kelemahan-kelemahan Program e-Kasih yang mana ramai belum didaftar terutamanya daripada masyarakat India dan tidak boleh menerima bantuan melalui Program e-Kasih ini. Oleh itu, saya sangat berharap bahawa kali ini usaha dan langkah-langkah konkrit diambil untuk memastikan setiap keluarga daripada seluruh kaum yang layak didaftar melalui e-Kasih ini dapat dikenal pasti dan masukkan dalam senarai e-Kasih. Saya percaya bantuan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat di akar umbi boleh didapati bagi menjayakan program ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu langkah yang menarik adalah penyediaan peluang kemahiran bagi golongan miskin dan mudah miskin iaitu bagi mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun dalam keluarga yang berpendapatan rendah ini untuk memberi kursus latihan sepenuh masa bagi mempertingkatkan lagi kemahiran mereka

dalam pelbagai aspek. Dengan ini diharapkan bahawa pendapatan mereka dapat dipertingkatkan khususnya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Saya percaya ini akan membantu mereka yang berpendapatan rendah ini untuk meningkatkan status kehidupan mereka selaras dengan polisi kerajaan dalam program transformasi ekonomi. Di sini, saya juga memohon supaya golongan masyarakat India tidak ketinggalan. Masyarakat Asli juga perlu dipujuk untuk menyertai dalam program ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Permas menyokong Penyusunan Semula Dasar Perumahan Negeri Johor dan berharap Pelan Pengurusan dan Penyelesaian Setinggan Negeri Johor mampu memberi sinar dan cerah kepada penduduk kampung-kampung setinggan yang terdapat di kawasan Pasir Gudang. Ini termasuklah cadangan kerajaan untuk membuat penempatan semula terhadap para penduduk setinggan berkenaan. Namun, Permas yakin dengan tema bajet kali ini, "Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat" pastinya tidak akan mensia-siakan kepercayaan, kesetiaan dan harapan yang diberikan sejak sekian lama ini. Penempatan semula yang dirancang perlulah terlebih dahulu dilengkapi kemudahan asas. Jika tidak dapat dilengkapi prasarana dan pelbagai kemudahan ianya dari segi geo politik pula penempatan semula ini hendaklah dipastikan tidak menggugat suasana yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi langkah adalah untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja ladang yang mana Y.A.B Perdana Menteri kita telah mengumumkan Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah untuk membantu golongan pekerja ladang ingin memiliki rumah sendiri melalui BSN. Kerajaan Negeri sedia membantu pihak majikan dan menggalakkan mereka mengenal pasti lokasi yang sesuai di kawasan perladangan mereka untuk melaksanakan projek ini dengan bantuan daripada SPNB melalui pendekatan rumah mesra rakyat atau rumah mampu milik. Saya percaya ramai penduduk perladangan sudah tentu akan mengalu-alukan pengumuman ini dan saya cuma meminta pihak perladangan memberi kerjasama penuh untuk merealisasikan projek ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, satu aspek yang sangat penting diberi keutamaan adalah *delivery system* atau sistem perlaksanaan yang berkesan dalam bajet ini. Sebagai langkah penting, Skop Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Modul Insan Iskandar Malaysia juga akan diperluaskan seluruh Negeri Johor supaya sistem koordinasi antara agensi-agensi pusat dan negeri akan lebih efektif bagi melaksanakan program-program dijalankan. Tanpa sokongan dan kerjasama agensi-agensi pelaksana ini sudah tentu tidak akan mencapai kejayaan dalam program kerajaan. Penubuhan pasukan khas juga adalah satu langkah yang menunjukkan komitmen kerajaan untuk memantapkan *delivery system* Kerajaan Negeri. Penglibatan pihak swasta dan NGO dalam pasukan khas ini bersama wakil kerajaan sudah tentu akan merangkumi harapan orang awam dalam sistem penyampaian ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membangkitkan beberapa perkara di kawasan saya. Permas mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah membina Lebuh raya Pesisir Pantai dan Jambatan Ke-2 Permas Jaya di kawasan Permas yang sedang dibina tetapi kerja-kerja amat *slow*, Yang Berhormat Dato'

Speaker. Diharap ini dapat disempurnakan mengikut jadual kerana telah menimbulkan banyak kesulitan kepada para pengguna jalan raya yang bertali arus. Saya sentiasa meninjau pembinaan jalan ini dan didapati bahawa separuh jalan daripada Permas Jaya hingga ke Kampung Teluk Jawa kemungkinan akan disiap dalam satu atau dua bulan. Itulah laporan yang saya terima daripada pihak JKR dan kontraktor. Saya ingin membawa hasrat penduduk kawasan supaya sebahagian jalan yang disiap nanti dibuka untuk kegunaan orang ramai dan tidak menunggu…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah siap dia bukaklah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : … separuh, saya mohon supaya separuh yang sudah siap dibuka dulu. Janganlah tunggu sampai stretch daripada Permas Jaya sampai ke Pasir Gudang siap sepenuhnya baru bukak.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, siap sikit bukak.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Siap sikit buka dulu. Dengan cara ini sebahagian kesesakan lalu lintas Lebuh Raya Pasir Gudang akan dikurangkan di samping menunggu kelebaran Lebuh Raya Pasir Gudang dalam RMK-10. Keadaan bertambah sulit apabila pembinaan jalan raya ini telah secara langsung mengancam keselamatan para pelajar sekolah berdekatan yang sentiasa berulang alik. Permas suka menyarankan agar sebuah jejantas turut dibina demi keselamatan dan keselesaan dan menjamin keselamatan berpanjangan kepada para pengguna khususnya pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga bercadang supaya jalan barat yang menyambung Permas Jaya ke Plentong diperbesarkan dan *bottleneck*, dengan izin atau laluan kecil di Persimpangan Plentong di bawah Lebuh Raya Pasir Gudang dan landasan kereta api diperbesarkan supaya kesesakan jalan ini dapat diatasi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh sibuk eh jalan tu sekarang?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Memang sibuk, kadangkala setengah jam daripada Jusco sampai ke Plentong.

Y.B. Dato' Speaker : Jusco.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Jusco, Jusco.

Y.B. Dato' Speaker : Oh Jusco eh? Oh saya selalu cakap Jusco.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Bila JU, sebab tu kita boleh cakap Jusco.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah takpalah, saya Jusco lah sedap.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Permas juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Pusat di atas peruntukan sebanyak RM40 juta dalam RMK-10 bagi tujuan melebarkan Lebuh Raya

Pasir Gudang. Pengguna lebuh raya ini sudah tentu akan lega dengan pengumuman ini. Permas berharap agar projek ini akan dapat dilaksanakan segera dan mendapat keutamaan kerana telah menjadi isu lapuk pengundi sejak pilihan raya yang ke-10. Saya cuma mohon kepada pihak kerajaan supaya janganlah menunggu sehingga akhir-akhir tempoh RMK-10 untuk melaksanakan projek. Saya sangat berharap projek ini akan dimulakan dengan segera untuk manfaat pengguna lebuh raya ini. Semoga projek ini akan menyelesaikan masalah kesesakan yang sentiasa menghantui pengguna-pengguna Lebuh Raya Pasir Gudang sejak lama ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah habis masa, ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Sikit, sikit lagi. Permas juga ingin menyentuh soal pendidikan. Umum sedia maklum tentang keperluan meruncing sekolah agama untuk penduduk di kawasan Taman Scientex, Bandar Nusa Damai dan juga Taman Bukit Dahlia. Buat masa ini, anak-anak dari kawasan perumahan berkenaan berasak-asak di Sekolah Agama Kampung Kopok dan Taman Cendana. Justeru itu Permas sangat berterima kasih di atas peruntukan sebanyak RM21 juta yang diberikan kepada Jabatan Agama Negeri Johor. Permas berharap agar sebuah sekolah agama dapat dibina di salah satu daripada tiga kawasan perumahan ini. Selain daripada itu, Sekolah Agama Rakyat di kawasan Taman Scientex dan Bandar Nusa Damai juga berkehendakkan kepada pembinaan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Ini berikutan kos pengangkutan yang tinggi terpaksa ditanggung oleh para ibu bapa kerana jarak jauh antara sekolah dengan rumah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Taman Scientex ada sekolah agama?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Belum ada, kita mohonlah sekarang.

Y.B. Dato' Speaker : Ada orang budak belajar tu dekat mana?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang paling dekat adalah dekat Taman Cendana, jauh.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Taman Scientex takda eh.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Oleh itu kita mohon supaya kita adakan satu sekolah kebangsaan di kawasan ini juga. Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang terakhir adalah perkara perkhidmatan harian daripada pihak PBT dan Majlis-Majlis Perbandaran. Kawasan saya terlibat dengan 3 PBT iaitu MPJB, MPJBT dan MPPG. Peranan mereka dalam kehidupan harian penduduk tempatan adalah sangat penting. Perkhidmatan kepada pembayar cukai adalah tanggungjawab setiap PBT. Perkara-perkara penyelenggaraan kawasan seperti pembersihan kawasan, pemotongan rumput, membaiki jalan, parit sumbat, sistem saliran di taman-taman perumahan adalah sangat penting bagi penduduk-penduduk. Walaupun perkara ini nampak remeh-temeh tetapi sentiasa disebut-sebutkan oleh penduduk dan pengundi-pengundi. Sentiasa diadukan kepada Wakil-Wakil Rakyat juga.

Y.B. Dato' Speaker : Pening kepala Yang Berhormat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Banyak pening.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : … dan kita sentiasa perlu berhubung dengan pegawai-pegawai berkenaan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Baru-baru ini, pihak MPPG telah menubuhkan satu unit yang dinamakan Skuad Tinjau. Skuad ini merupakan satu unit pasukan unit lengkap dengan kenderaan yang mana mereka tinjau seluruh kawasan untuk mengenal pasti masalah-masalah seperti ini. Masalah-masalah parit sumbat, rumput yang tidak dipotong, parit yang sumbat dan saya difahamkan bahawa unit ini sangat efektif. Saya ingin ucap tahniah dan syabas kepada pihak MPPG khasnya kepada Yang Dipertua dan juga Setiausaha yang nampaknya pro-aktif untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat tempatan. Semenjak diambil alih pentadbiran, MPPG sangat bergiat dan bagi saya, saya boleh katakan saya tidak terima banyak aduan seperti ini daripada penduduk kawasan MPPG. Oleh itu, saya mohonlah kepada PBT lain khususnya MBJB dan juga MPJBT turut menubuhkan satu kawasan seperti ini. Bukan sahaja di kawasan-kawasan ini saya rasa ini amat penting kalau boleh ditubuhkan di semua PBT di seluruh Negeri Johor supaya kita boleh memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat tempatan pembayar cukai.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Itu saja Yang Berhormat Dato' Speaker dan sebelum akhiri ucapan saya, Permas ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua yang meraikan. Dengan ini saya menyokong usul di bawa oleh Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Bila? Yang Berhormat, bila Hari Raya Aidiladha?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat bila Hari Raya Adha?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Belum diumumkan.

Y.B. Dato' Speaker : Sudahlah. Hai, penat Pemohor-Pemohor Diraja umum. Yang Berhormat belum kata diumumkan. Apalah.. (Dewan Ketawa). Ok, teruskan lagi, siapa yang hendak berucap. Dipersilakan. Teruskan. Jemput Yang Berhormat. Jorak.

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Alhamdulillah pujian ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat sama-sama berada di dalam Dewan yang mulia ini dalam membahaskan Bajet 2011 ini. Juga saya ucap

banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah mengizinkan saya berucap dalam Dewan pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Jorak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet 2011 yang bertemakan 'Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat'. Di mana dalam bajet itu menyebut bahawa hasil Negeri Johor dianggarkan berjumlah RM814.12 juta dan nantinya akan digunakan untuk perbelanjaan belanja mengurus sebanyak RM811.5 juta dan mencatitkan lebihan surplus sebanyak RM2.72 juta. Kita harapkan agar bajet ini akan mencapai matlamatnya sebagaimana bajet yang lalu dan Kerajaan BN dapat terus berkhidmat untuk rakyat, memelihara kebajikan dan memakmurkan dan mensejahterakan rakyat seterusnya merealisasikan hasrat kita untuk menjadikan sebuah negara, Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi.
Yang kita mahu capai bukan hanya kemajuan ekonomi dan teknologi semata-mata tetapi juga mencapai kualiti hidup tinggi iaitu kemajuan dalam bidang pembangunan sosial, budaya, intelek dan rohani. Sebagaimana yang disebut *baldatun tajibbah waradun saffur,* negara yang baik, yang diberkati, negara yang makmur dan mendapat pengampunan Tuhan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Sekolah Agama darjah berapa?

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Darjah Khas.

Y.B. Dato' Speaker : Patutlah...

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, aspirasi pemimpin negara menjadikan Malaysia sebuah negara maju, berpendapatan tinggi dan cita-cita hasrat ini akan menjadi kenyataan apabila disokong dengan pelaksanaan yang pantas, tepat dan berkesan terutamanya peranan yang dimainkan oleh penjawat-penjawat awam. Pihak sektor awam, kerajaan juga GLC, termasuk juga mereka yang berada di sektor swasta dan akhirnya penyertaan rakyat seluruhnya. Oleh itu, saya mencadangkan agar penjawat awam di sektor kerajaan berfikiran business, *think business,* bukan nak suruh jadi *businessman, with no business interest* dengan izin, supaya penjawat awam hargai wang, supaya pantas dan cepat bertindak dan tepat dalam membuat keputusan iaitu dengan sistem penyampaian yang cekap dan pantas terutama dalam hal yang membabitkan kelulusan urus niaga, pemberian lesen, *development orders* dengan izin (DO), tender, kontrak, sebut harga, pembayaran kerja atau apa sahaja perkara yang membabitkan implikasi kewangan. Istilahnya mempercepatkan *velocity of money* dengan izin atau had laju kitaran wang kerana ia akan mampu dan boleh merangsang pertumbuhan ekonomi negara begitu juga dengan sektor swasta, kerana banyak juga rungutan tentang bank lewat memberikan kelulusan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Malaysia telah menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-53. Lebih 5 dekad. Banyak kejayaan negara, banyak pelbagai kemajuan yang telah kita kecapi dan negara kita adalah negara yang aman damai, hidup dalam sebuah keluarga walaupun kita dalam berbagai kaum dan agama. Selalu kita sebut, tiap-tiap kali tanpa jemu. Sebagai pemimpin dan Wakil Rakyat, tanpa mengira parti yang kita wakili, sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab sentiasa berusaha,

bertindak dan menjaga cakap-cakap kita untuk mengekalkan perpaduan kaum supaya dapat kita hidup saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Asas integrasi rakyat Malaysia adalah yang sudah terkandung dalam ideologi kebangsaan iaitu Rukun Negara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Negara sebagai konteks sosial dan nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, janganlah yang elok menjadi retak dan yang sudah bersambung menjadi putus, membangkitkan perkara yang bukan-bukan dan juga membangkitkan perkara-perkara yang telah kita persetujui. Adalah sesuatu yang mustahil, *impossible and ridiculous* sesuatu yang mustahil dan nampak tidak wajar. Jika pada hari ini orang Melayu atau bumiputera menuntut agar kaum Cina dan India dilucutkan kerakyatan sebagai warganegara Malaysia iaitu Perkara 14 hingga Perkara 18 berkenaan dengan pemberian kewarganegaraan Malaysia kepada orang-orang bukan Melayu. Sebenarnya ini, kata-kata ini adalah sebagai reaksi kepada tuntutan dan cabaran tentang tercabarnya peruntukkan Perkara 3 contohnya Perkara 3, Perkara 41, Perkara 50, Perkara 52 dan 53 Perlembagaan Negara tentang hak istimewa orang Melayu, tuntutan supaya dimansuhkan dan digugurkan kerana Perlembagaan Negara secara ketara memberikan hak, tanah rizab Melayu dan Bumiputera, kuota dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak perbahasan tentang perkara 153 ini. Perkara 153 ini dimasukkan dalam Perlembagaan. Ini bukan kerana hutang orang bukan Melayu kepada orang Melayu, bukan hendak minta orang bukan Melayu mengucapkan terima kasih kepada orang Melayu. Ini adalah sebagai ganti orang bukan Melayu diterima sebagai warganegara, tetapi ini adalah pengorbanan sesuatu yang amat pahit untuk orang Melayu bersetuju dan menerima kerana orang Melayu telah mempertaruhkan nasib mereka, mati hidup masa depan dan anak cucu orang Melayu dan Bumiputera bahawa dengan menerima orang bukan Melayu sebagai warganegara, nasib dan hak mati hidup dan untung rugi orang Melayu dipertaruhkan di peti-peti undi kerana dalam setiap kali pilihan raya sebagai warganegara dan rakyat Malaysia, orang Cina, India adalah berhak mengundi. Dan, dalam apa jua keadaan, undi orang Cina dan India boleh menguasai dan mempengaruhi Dewan Negeri dan Parlimen dan seterusnya menjadi penentu pemerintah negara ini pada masa ini dan akan datang dan sampai bila-bila.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cakap-cakap orang Melayu sebegini yang kadang-kadang kalau tidak dibendung, andai kata kaum Cina dan India bukan warganegara ini, tetapi hanya sebagai penduduk tetap sahaja, mereka boleh hidup dan tinggal dalam negara ini, maka Perkara 153 ini yang merujuk kepada hak keistimewaan orang Melayu mungkin tidak perlu wujud dalam Perlembagaan Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh satu sahaja, suara-suara dan tuntutan-tuntutan sebagai contohnya menghapuskan kuota 30% kerakyatan negara yang hendak dihapuskan secara berperingkat yang telah diberikan kepada orang Melayu dan Bumiputera mestilah, suara-suara ini mestilah dihentikan segera. Kenapa persoalkan 30% ?. Orang bukan Melayu ada 70% kekayaan negara yang mereka boleh bagi dan kuasai. Janganlah cemburu kepada kaum Melayu, orang Melayu dan Bumiputera masih jauh ketinggalan dalam banyak perkara. Memang cakap-cakap

dan tulisan-tulisan menuntut supaya hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera digugurkan. Dan Perkara 153 terus di persoal, diperdebatkan adalah sesuatu yang amat popular. Bagi sesuatu kaum dan pengungkapannya boleh dianggap sebagai hero, tapi harus diingat di satu pihak satu lagi juga ada kaum yang akan menyimpan hati dan dendam, timbul perasaan benci, marah dan sebagainya.

Saya menyebutkan ini Yang Berhormat Dato' Speaker kerana bila membaca suatu kajian pakar universiti tempatan menyatakan bahawa mengikut kajian tersebut tahap hubungan antara kaum dalam negara kita pada masa ini berada di tahap 2 iaitu tahap 2 ini ialah, iaitu tegang tapi stabil. Tahap 1, aman damai dan harmoni. Tahap 3, tegang dan tak stabil. Tahap 4 maka tercetuslah rusuhan kaum dan pergaduhan. Oleh itu, saya menggesa agar pihak KDN mengambil tindakan yang cepat, pantas dan tepat kepada siapa juga tanpa mengira kaum dan parti. Mereka yang bermain api perkauman, pantaulah ceramah-ceramah dan tulisan-tulisan di media-media cetak dan elektronik, di blog, di *facebook* dan macam-macam lagi. Jangan sampai dibiarkan ke tahap 3, apatah lagi di tahap 4, nanti nasi sudah menjadi bubur baru hendak bertindak akhirnya semua sudah terlambat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jorak juga ingin memberi cadangan kita sebagai Wakil Rakyat tanpa mengira parti yang kita wakili untuk turun dan memberi peranan kepada rakyat Gagasan 1Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Gagasan 1Malaysia adalah suatu falsafah induk yang bersifat merentas dasar serta pelaksanaannya. Gagasan 1Malaysia yang berpaksi kepada Perlembagaan Negara dan Rukun Negara, matlamat akhirnya 1Malaysia adalah perpaduan nasional penentu kepada kestabilan dan keharmonian kaum dalam negara. Perbedaan kaum dan agama, bukanlah punca persengketaan, tetapi merupakan sesuatu sumber kekuatan yang boleh sama-sama memanfaatkan. Jangan sampai kita gaduh, boleh hancur segala-galanya apa yang telah kita bina selama ini. Pendekatan perundangan tidak mampu menyelesaikan semua masalah. Perlembagaan mengingatkan akan tanggungjawab kita, seandainya sesuatu isu dipertahankan berdasarkan perlembagaan ini tidak bermakna permasalahan tersebut telah pun selesai. Orang Melayu kena berubah, pemimpin Melayu apa juga fahaman politik kena bersatu dan saling bekerjasama demi melonjakkan dan memperkasa orang Melayu yang sudah banyak tertinggal dalam apa jua bidang, baik dalam bidang ekonomi, pendidikan, perdagangan dan sebagainya. Cukup-cukuplah kita berbalah, jangan sekali-sekali menganggap sesama Islam sebagai musuh. Marilah kita duduk dan sama-sama berbincang. Kadang-kadang kita malu dengan orang bukan Islam sendiri. Orang Melayu harus bina kekuatan sendiri walaupun kita, orang Melayu telah dijajah begitu lama hampir 500 tahun, memang itu bukanlah satu masa yang mudah untuk kita bangkit dalam masa yang singkat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, ada sedikit lagi masa.

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Beri sedikit masa lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhiri ucapan saya ini ingin sedikit menyentuh tentang ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang menyebut tentang tempat pelupusan sistem pepejal yang akan di bina di Pagoh. Iaitu Pagoh akan menjadi tempat pelupusan sistem pepejal baru. "Kata orang Pagoh, kata Persatuan Penanaman Sayur Pagoh, dah elok-elok baik-baik tempat tu, nyaman, bersih, airnya jernih, kenapalah hendak

dikotorkan dan tempatnya akan menjadi bau busuk dan sebagainya". Oleh itu orang Pagoh merayu agar dicarilah teknologi moden, teknologi hijau supaya tempat pelupusan sistem pepejal yang sedia ada diberikan nafas baru, di kitar semula, diberi nilai tambah supaya menjadi pusat pelupusan sistem pepejal yang termoden dan tercanggih dalam Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker mengakhirkan ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha Al-Mubarak kepada semua para Muslimin dan Muslimat yang ada di dalam Dewan ini. Esok 9 Zulhijah dianjurkan kita semua berpuasa, semoga Allah mengampunkan dosa kita yang lalu dan setahun yang akan datang, juga dapat pula kita mengejarkan ibadah korban yang amat digalakkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat banyak korban? Berapa ekor?

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin b in Md. Salleh (Jorak) : Jorak, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, bukan. Jorak itu besar, Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin b in Md. Salleh (Jorak) : Satu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin b in Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan kata-kata itu Jorak menyokong usul yang dibawa oleh Puteri Wangsa. Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi. Jemput, mana? Ha, Johor Jaya.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin nak ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizin saya berucap dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Yang Berhormat nak apa? Nak rehat? Ok duduk. Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:15 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai anak Johor saya berasa syukur dan bangga dengan pembentangan Bajet tahun 2011, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. Walaupun kita menghadapi masalah krisis ekonomi globalisasi tetapi bagi tahun-tahun yang lepas, Kerajaan Negeri Johor tetap membawa kemajuan yang pesat dalam sektor industri infrastruktur dan ekonomi. Yang Berhormat Datuk Speaker, bandar Johor Bahru telah berubah dengan mendadak. Dulu sini hutan bandar, sekarang penuh dengan pembangunan. Kerajaan Negeri Johor telah membangunkan Pelabuhan Pasir Gudang, Tanjung Langsat dan sekarang pembangunan Nusajaya merancak dijalankan. Pembangunan-pembangunan ini memberi impak yang mendalam kepada anak cucu kita demi menjamin kehidupan cucu cicit kita yang bahagia dan aman. Saya berani kata, hanya Kerajaan Barisan Nasional yang mampu membawa pembangunan yang pesat kepada negara dan negeri. Membawa jaminan kehidupan yang berbahagia kepada rakyat jelata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bukan cakap sombong ataupun hendak merosakkan pentadbiran Parti Pakatan. Kita dapat lihat pembangunan di negeri pentadbiran Parti Pakatan sangat lambat. Macam orang yang sudah uzur. Bergerak dengan lambat dan perlahan. Pelabuhan di Pulau Pinang juga berkurangan. Hanya Kerajaan Barisan Nasional mampu membawa rakyat menuju ke arah yang lebih maju, cemerlang dan gemilang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun 70-an, kawasan Pasir Gudang merupakan hutan. Rumah kediaman amat kurang. Jumlah penduduk tidak lebih daripada 5,000 orang. Kerajaan telah membangunkan pelabuhan di sini, membina Lebuh Raya Pasir Gudang walaupun lebuh raya ini, hari ini, hari-hari jem. Kewujudan pelabuhan dan lebuh raya ini telah membangunkan industri di kawasan Pasir Gudang dan sekali gus telah membawa peningkatan penduduk yang mendadak iaitu hari ini terdapat seramai 150,000 orang penduduk di kawasan Pasir Gudang. Hari ini, kita lihat PBT Pasir Gudang juga telah ditubuhkan. Dari sini, jelas memperlihatkan bahawa dengan pembinaan lebuh raya, Kerajaan Negeri Johor telah berjaya memajukan kawasan Pasir Gudang. Lebuh Raya Pasir Gudang telah menjadi nadi pembangunan ekonomi Negeri Johor khususnya di bandar Johor Bahru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan Timur Laut Johor Bahru, terdapat seramai 600,000 orang penduduk. Lebuh Raya Pasir Gudang merupakan laluan utama yang digunakan oleh 600,000 orang penduduk ini. Akan tetapi, pengalaman penggunaan lebuh raya ini merupakan satu pengalaman yang pahit dalam hati penduduk. Pagi jem, petang pun jem. Kadang-kadang malam jem juga. Kadang-kadang kita pun tak tahu apa puncanya berlaku jem ini. Bila nak pakai Lebuh Raya Pasir Gudang ini, dalam hati kita mesti tanya hari ini jem ke tidak? Yang Berhormat Datuk Speaker, tahun ini, Yang Amat Menteri Besar telah banyak kali ke kawasan Parlimen Pasir Gudang untuk majlis perasmian seperti Majlis Perasmian Projek Senibong Curve, Hari Lanskap Negeri Johor, Pengisytiharan PBT Pasir Gudang, Majlis Makan Malam di SKJ(C) Chee Tong dan Majlis Rasmi Pecah Tanah SKJ(C) Nam Heng. Penduduk kawasan Pasir Gudang amat gembira dengan lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke kawasan Pasir Gudang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di mana terdapat satu majlis perasmian yang sudah lama tertunggu-tunggu oleh penduduk kawasan Timur Utara. Sudah panjang leher mereka menunggu dari rambut hitam tunggu sampai jadi uban. Dari bapa sudah jadi datuk. Apa majlis yang ditunggu-tunggu oleh mereka? Iaitu, Majlis Perasmian Projek Naik taraf Lebuh Raya Pasir Gudang. Banyak kali kerajaan kata nak naik taraf lebuh raya ini tetapi tak tahu bila?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan bahawa kerajaan akan menaik taraf lebuh raya pada 30 Jun yang lalu di Majlis Pengisytiharan PBT Pasir Gudang, maka saya berpendapat bahawa kerajaan seharusnya menjalankan majlis perasmian pelancaran projek naik taraf lebuh raya ini dalam masa yang tersingkat supaya penduduk tidak beranggapan di mana kerajaan hanya setakat umum sahaja. Tapi tak tahu berapa lama lagi kena tunggu. Kita harus meyakinkan orang ramai bahawa Kerajaan Negeri Johor memang bertekad untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas Lebuh Raya Pasir Gudang, maka cara yang paling baik untuk meyakinkan orang ramai ialah projek itu seharusnya dilaksanakan dalam masa yang tersingkat. Kita percaya dengan adanya rangkaian dan sistem yang lebih dipertingkatkan, rakyat bukan sahaja akan menggunakan sistem pengangkutan dengan lebih selesa, malah ekonomi juga akan dipermajukan lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", memang merupakan satu pegangan yang patut di *implement* oleh setiap orang yang duduk di dalam barisan kerajaan bagi memastikan dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan dan mendapat pencapaian yang memuaskan semua lapisan masyarakat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah bertekad untuk membawa perubahan dalam pentadbiran kerajaan. Beliau sentiasa turun padang untuk memperdengarkan suara orang ramai, untuk melihat dengan mata sendiri apa sebenarnya yang berlaku dan apa keadaan yang sebenarnya melalui lawatan-lawatan mesra rakyat yang sentiasa dijalankan. Beliau berharap dapat mengumpul masalah-masalah ketidakpuasan masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat ke Kampung Baru Plentong, pada 20 Mei tahun ini. Dalam lawatan tersebut, kita dapat melihat kecekapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang bertindak semasa duduk minum kopi bersama penduduk di kedai kopi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menanya, apa lagi kekurangan di kampung ini? Penduduk mengemukakan masih kurang satu jambatan konkrit untuk menggantikan jambatan besi yang sudah uzur. Dengan serta-mertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk membina jambatan di Kampung Baru Plentong. Inilah pemimpin yang disanjung tinggi kerana memahami kehendak penduduk. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berusaha untuk membawa negara kita ke arah yang lebih maju dan berusaha untuk membuat transformasi untuk memastikan semua lapisan masyarakat dapat dijaga dengan sama rata. Usaha dan tindakan Kerajaan Pusat memang baik dan patut dilaksanakan.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita juga sentiasa turun padang untuk melihat masalah masyarakat dengan lebih dekat lagi. Usaha Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga perlu mendapat kerjasama daripada pegawai kerajaan kita, di mana pegawai kita juga perlu sentiasa turun padang untuk melihat masalah,

bincang bersama-sama dengan Wakil Rakyat mewakili orang ramai untuk mencari langkah-langkah bagi mengatasi masalah. Kita, kakitangan kerajaan tidak sepatutnya membuat sesuatu tanpa memaklumkan kepada orang yang patut dimaklumkan. Kita amat kesal melihat masih terdapat segelintir kakitangan kerajaan yang masih tidak dapat memainkan peranan dengan baik. Cara kerja mereka yang tidak bersungguh-sungguh akan merosakkan usaha kerajaan untuk melaksanakan sebarang cadangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada sikap segelintir yang membawa kegagalan kepada kerajaan, sikap dan mutu kerja kontraktor yang menjalankan projek kerajaan juga merupakan salah satu unsur kemarahan orang ramai kepada kerajaan. Setiap hari berapa banyak projek dijalankan oleh PBT dan Agensi Kerajaan Negeri Johor. Akan tetapi, kita dapati sikap kontraktor yang tidak menghiraukan kepentingan dan keselesaan orang ramai yang menyebabkan kerajaan menjadi mangsa kemarahan rakyat jelata. Baru- baru ini, satu kontraktor yang dijalankan kerja menaik taraf perparitan di Taman Johor Jaya, kerajaan telah mengeluarkan belanja untuk menyediakan kemudahan yang baik kepada penduduk, satu perkara yang begitu baik. Akan tetapi, semasa projek dijalankan, kontraktor menjalankan kerja dengan betul di mana semasa kerja dijalankan, dia boleh longgokkan tanah-tanah di depan pintu masuk rumah orang. Apabila saya terima aduan penduduk, saya telah pergi ke tapak projek. Kontraktor yang kurang sopan, bukan sahaja tidak memberi kerjasama malah tanya saya, awak tahu apa? Awak faham tidak?

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita Wakil Rakyat mendapat layanan yang begitu teruk. Apatah lagi orang ramai. Kadang-kadang orang ramai yang tidak puas hati dengan semua yang berlaku ini, mereka tidak ada saluran untuk meluahkan kemarahan dan ketidakpuasan mereka. Tetapi apabila sampai sahaja pilihan raya, mereka akan memberi ajaran kepada kerajaan kerana mereka anggap kontraktor itu sebagai wakil kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat juga segelintir kontraktor yang membuat kerja tidak mengikut aspek yang ditetapkan. Ukuran tidak ikut. Tiga inci jadi satu inci setengah. Lima batang besi patut diguna pakai, tetapi hanya dua batang besi yang digunakan. Banyak berlaku kekurangan bahan yang patut digunakan. Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat kita pada zaman sekarang, banyak yang berpelajaran tinggi, ada banyak *engineer,* arkitek, di sekitar kita. Mereka inilah yang sentiasa memberi komen tentang projek yang tidak mengikut spek. Kadang-kadang kerja yang sudah siap tidak dapat memainkan fungsinya. Misalannya, parit yang dibuat untuk mengatasi masalah banjir, tidak dapat menyelesaikan banjir. Jalan yang diturap semula menyebabkan takungan air. Kerajaan terpaksa mengeluarkan lagi wang untuk membetulkan kelemahan-kelemahan projek yang sudah siap dibina. Kerajaan seharusnya mendenda kontraktor seperti ini kerana kerja mereka yang tidak baik yang membawa kritikan dan kemarahan orang ramai terhadap Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan keluarkan duit, kontraktor yang mendapatkan keuntungan. Kerajaan tidak dapat mutu kerja yang baik, malah dibenci oleh orang ramai. Maka saya menyeru kepada kerajaan terutamanya kepada PBT supaya boleh melantik kontraktor yang betul-betul menjalankan kerja dengan baik, dengan mutu kerja yang tinggi. Namun Datuk Speaker, jika semua kerja dapat

dijalankan dengan baik, tidak mungkin akan timbul ketidakpuasan penduduk. Kalau *Southern Waste* dapat mengumpulkan sampah mengikut jadual, penduduk tidak akan marah-marah. Jika Tenaga Nasional Berhad dapat memastikan lampu jalan sentiasa dalam keadaan menyala dan bukan selepas aduan sudah dibuat masih tidak menyala-nyala, mana mungkin orang ramai akan marah? Jika agensi kerajaan dan kontraktor dapat menjalankan kerja dengan baik, Kerajaan Barisan Nasional tidak akan menghadapi masalah.
Yang Berhormat Datuk Speaker, orang ramai memang berkehendakkan sebuah kerajaan yang betul-betul memahami kehendak dan keperluan asas mereka. Jika keperluan asas mereka dapat dipatuhi dan dipenuhi, mereka akan tetap memberi sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dikatakan sebuah kerajaan yang dapat menjaga keperluan semua bangsa. Ini memang satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Kerajaan Negeri Johor sentiasa memberi peruntukan tapak sekolah kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di kawasan Pasir Gudang. Dua tapak sekolah telah diperuntukkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina iaitu Chee Tong dan Nam Heng.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menghadiri majlis kutipan derma yang dianjur oleh kedua-dua sekolah ini. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, juga telah memberi peruntukan kepada kedua-dua sekolah ini iaitu RM500,000.00 kepada SJK(C) Chee Tong dan RM300,000.00 untuk SJK(C) Nam Heng, untuk membantu pihak sekolah membina bangunan sekolah. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Kerajaan bukan sahaja memberi tapak sekolah malah memberi peruntukan kepada sekolah untuk membina bilik darjah. Usaha kerajaan ini telah mendapat pujian dan penghargaan daripada orang ramai khususnya, masyarakat Tionghoa di Pasir Gudang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bantuan sama ada dari segi tapak sekolah ataupun peruntukan kewangan kepada SJK(C) atau SJK(T), kurniaan tapak tokong dan juga peruntukan kepada rumah ibadat masyarakat Cina dan Tamil yang telah mengamalkan oleh Kerajaan Negeri Johor perlu diteruskan bagi merealisasikan konsep semangat 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Bajet Tahun 2011 kerajaan juga menekankan pembangunan sektor perkilangan kerana kita faham, sektor industri memang satu sektor yang memajukan pembangunan Negeri Johor. Maka, pengusaha-pengusaha sektor industri, baik industri berat, ringan atau sederhana harus dijaga dengan baik.
Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat pengusaha kilang yang sering didatangi oleh kakitangan kerajaan yang mengatakan mereka membuat tambahan bangunan yang tidak dibenarkan dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pengusaha kilang yang sering menghadapi masalah sedemikian, merupakan pengusaha kilang sederhana dan bukan tauke besar dan tauke yang kaya raya. Kebanyakan mereka menyewa kilang dengan orang lain. Ada yang kilang sendiri. Oleh kerana keperluan tempat untuk menjalankan urusan perniagaan, perkilangan ini akan menggunakan bahkan setiap inci kilang mereka. Dari

pintu masuk sampai ke pintu belakang, mereka akan menggunakan ruang dengan sepenuh-penuhnya kerana kilang tidak cukup besar. Nak pindah ke kilang yang lebih besar, tak mampu. Jadi, mahu tidak mahu, terpaksa berniaga di kilang yang kecil ini. Jadi, mereka akan pasang *awning* ataupun membuat bangunan tambahan di depan kilang, di tepi kilang ataupun di belakang kilang, untuk menyimpan barang dan sebagainya. Kalau ikutkan dasar bangunan, memang tidak dibenarkan tetapi boleh, oleh kerana keadaan terdesak mereka buat macam itu. Mohon permit tak dapat, nak pindah tak mampu, Ali, Ah Seng pulak datang ikut jadual. Hati mereka sentiasa tidak tenteram kerana tidak tahu bila lagi Abu atau Ah Meng akan muncul lagi. Dalam hati mereka geram kepada kerajaan, marah kepada kerajaan kerana orang yang datang ini mengatakan bahawa, dia mengusaha kilang ini melakukan kesalahan dan hendak keluarkan kompaun tetapi biasanya, perkara ini diselesaikan dengan cara yang tidak boleh saya disebut di sini. Kekerapan pengusaha kilang ini didatangi oleh kakitangan kerajaan yang menimbulkan kemarahan mereka kepada PBT dan Kerajaan Barisan Nasional. Kita juga tidak pasti orang yang mengatakan dari diri itu, kakitangan kerajaan betul-betul, kakitangan kerajaan ataupun penyamar. Tapi ketidakpuasan orang ramai terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pengusaha kilang sederhana ini merupakan golongan yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan ekonomi Negeri Johor. Mereka telah membantu kerajaan membawa masuk wang negara asing. Sumbangan mereka ini patut kita hargai dan masalah mereka juga harus dibantu oleh Kerajaan Barisan Nasional agar mereka dapat menumpukan perhatian untuk memajukan peniaga mereka. Peniaga mereka maju, ekonomi Negeri Johor juga akan terus dimajukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mencadang supaya kita membuat satu dasar yang boleh membantu para pengusaha kilang ini. Kita boleh mengkajikan kelulusan permit sementara kepada pengusaha kilang yang sudah membuat tambahan bangunan. Mereka dikenakan bayaran permit sementara untuk bangunan tambahan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Sedikit saja lagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, Bandar Johor Bahru merupakan sebuah bandar yang menjadi tumpuan orang ramai untuk mencari peluang bekerja dan tempat tinggal. Pendapatan penduduk telah menyumbang kepada bermacam peniaga restoran dan kedai kopi. Kita boleh dapati banyak kedai *corner* di setiap taman menjadikan kedai kopi yang penuh sesak dengan pelanggan. Peniaga pula meletak meja dan kerusi di kaki lima, di lorong belakang, di tempat letak kereta di hadapan kedai. Keadaan ini sudah menjadi satu trend pada masa kini. Orang ramai lebih suka duduk di luar kedai untuk menikmati makanan kononnya, duduk di luar kedai lebih selesa. Tidak sempit dan himpit. Tidak panas sangat seperti duduk di dalam kedai. Lama kelamaan sudah menjadi konsep kedai kopi *open air*. Akan tetapi, peniaga-peniaga kopi ini sentiasa menghadapi masalah di mana mereka sentiasa didatangi oleh orang yang mengatakan diri sebagai kakitangan PBT. Hari ini Ali datang, semalam Abu datang, esok pula Ah Seng yang muncul.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita sedia maklum kedai-kedai kopi yang sedemikian biasa tauke kedai kopi hanya menjual minuman sahaja. Gerai-gerai makanan disewa kepada penjaja untuk berniaga. Penjaja-penjaja ini tidak dilesenkan oleh PBT dan mereka juga tidak menerima suntikan seperti syarat yang dikehendaki kepada penjaja-penjaja makanan. Mereka juga tidak mengikuti kursus kendali makanan. Kadang-kadang kebersihan gerai juga tidak dihiraukan sangat oleh penjaja ini. Golongan inilah juga selalu dikacau oleh Ali dan Ah Seng.

Yang Berhormat Datuk Speaker, golongan penjaja ini terdiri daripada golongan miskin. Mereka bekerja penat lelah, rela mencari rezeki, untuk menyara kehidupan keluarga. Golongan ini patut ditolong oleh kerajaan agar mereka dapat berniaga dalam keadaan yang dilindungi oleh dasar-dasar kerajaan, agar mereka dapat berniaga dalam keadaan yang terkawal dan terjamin. Dengan itu, pendapatan mereka itu barulah bertambah. Matlamat Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan baru akan tercapai. Maka, saya mencadangkan agar penjaja-penjaja dilesenkan secara individu dan mereka juga mengikuti kursus kendalian makanan serta diwajibkan mendapat suntikan kesihatan. Cara ini akan menjamin kebersihan makanan dan keadaan sekeliling dikawal malah akan mengurangkan kacau ganggu daripada Ali dan Ah Seng. Dan untuk mengawal peniaga kedai kopi, kita boleh tetapkan satu dasar di mana setiap meja yang diletak di luar kedai, dikenakan bayaran dan hadkan bilangan meja yang diletakkan bukan dengan semata-mata di tepi jalan. Buat setakat ini, tidak ada kawalan yang dijalankan. Keadaan ini telah menyebabkan peniaga meletak beberapa banyak sahaja meja mengikut suka hati mereka. Keadaan ini telah menimbulkan kacau ganggu kepada orang ramai. Dengan adanya dasar untuk kawalan, saya percaya, masalah kacau ganggu kepada orang ramai dan masalah peniaga kedai kopi dikacau oleh Abu dan Ah Seng ini juga akan berkurangan. Ketidakpuasan peniaga terhadap Kerajaan Barisan Nasional juga akan berkurangan.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tinggi dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Dewan dan sudi mendengar ucapan saya. Dengan ini saya menyokong usul ini yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, terima kasih. Jemput yang lain.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, selamat tengah hari dan selamat sejahtera. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasihlah oleh kerana diberikan kesempatan untuk memberikan peluang untuk berucap sempena dengan Bajet 2011.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh mengenai beberapa komponen Bajet 2011 ini. Terutama sekali saya ingin, ini adalah pandangan saya bahawa Bajet 2011 ini memang satu yang amat mengelirukan. Sambil tidak menyentuh tentang isu-isu yang termustahak. Bajet dianggar pada tahun depan hasil adalah RM814.12 juta. Perbelanjaan mengurus RM811.35 juta, maka kelebihan akan dirakamkan sebagai RM2.77 juta. Memang saya berpendapat bahawa berbanding dengan tahun yang lalu, defisit RM1.5 juta maka dari segi perakaunan, kelebihan ini anggaran sahaja bukan ketetapan sebenarnya. Lebihan RM2.77 juta ini tidak ada

makna semata-mata. Bukan satu anggaran yang lebihan berjuta-juta ringgit, sebagaimana berlaku di Pulau Pinang dan Selangor. Apa *insignificant, the figure is insignificant for accounting purposes,* dengan izin. Saya mencadangkan bahawa apakah punca bahawa lebihan itu adalah begitu rendah sekali, maka memang perbelanjaan mengurus harus dikurangkan, *trimming*, bagaimana *trimming* ini boleh dihasilkan. Saya rasa bajet ini jangka akan dilancar dalam tahun depan, maka akan mengadakan satu situasi yang lebih buruk daripada apa yang hakikatnya sebenar. Kenapa perbelanjaan urus tidak boleh dikurangkan? Apakah punca penyalah, salah pengurusan ekonomi kita di Negeri Johor ini? Punca pada taksiran saya ada tiga atau empat.

1. Lebihan bayaran, *over payment*.
2. Pembaziran.
3. *Over staff*, kelebihan, lebihan anggota kerajaan. Bagi satu kerja yang melibatkan dua, tiga anggota, maka yang dilantik adalah 10 orang, jadi pembaziran.

Jadi, saya juga berpendapat bahawa selagi tiga penyakit yang kian sentiasa menghantui pentadbiran adalah, kalau tiga penyakit ini tidak dihapuskan maka saya rasa bila-bila bajet itu akan, tidak akan mencapai serta lebihan yang munasabah.

1. Penyakit yang pertama, rasuah.
2. Penyelewengan.
3. Penyalahgunaan kuasa.

Saya ambil amalan depotisme, kronisme bagi projek-projek setiap kali di*award*kan kepada yang ada talian dengan ahli politik. Jadi, komponen kedua yang saya nak sentuh adalah, dalam Bajet kata-kata yang manis yang mengatakan bahawa menjelang..

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Peraturan 45 (13) Datangkan syak wasangka kepada soalan ahli lain.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Duduk Yang Berhormat, ya.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Kalau dia ada bukti, buktikan tuduhan terhadap perkhidmatan awam yang mengamalkan rasuah dan sebagainya. Ini tuduhan. Saya rasa dia mintak bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pegawai-pegawai kerajaan ini rasuah dan despotisme, kronisme dan sebagainya. Ini dalam Dewan yang mulia mana boleh tuduh-tuduh macam tu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Melainkan ada bukti ini. Ini saya dah mintak ini. Mengikut Peraturan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, nampaknya Yang Berhormat Puteri Wangsa tak faham Bahasa Melayu. Dia kata ditujukan kepada seseorang.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya faham Bahasa Melayu sebab saya orang Melayu. Yang tak faham...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, jemput duduk dulu.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : ...adalah Skudai. Menyampuk. Saya mengikut Peraturan. Dia cakap tadi pegawai-pegawai kerajaan mengamalkan rasuah. Semua pegawai kerajaan mengamalkan rasuah ke? Kalau ada bukti, buktikan. Jangan tuduh. Ini tak betul.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ini atas taksiran saya. Setakat, ini ucapan. Saya rasa ini...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : ... kan, ada yang tak betul, pasal persepsi yang tak elok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai).: Perkara ini tidak boleh tuduh sewenang-wenangnya.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jangan tuduh-tuduh macam tu, tak elok. Cari bukti kalau ada bukti. Tarik balik. Mana boleh tuduh pegawai kerajaan macam tu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput duduk Yang Berhormat. Yalah kita harap dalam Dewan ini, kita cakap dengan faktalah. Kalau ada fakta dan bukti yang sahih, kita kemukakan. Kalau tidak, kita cara umumlah. Kita tak menuduh mana-mana pihak. Jemput Yang Berhormat Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ini Yang Berhormat Datuk Speaker, ini rasuah amalan ini, ini diketahui umum. Setakat berapa seriusnya saja. Singapura pun ada rasuah. Maksud saya perbandingan dengan Singapura setakat mana amalan itu. Saya teruskan dengan isu yang lain Yang Berhormat Datuk Speaker. Dalam satu komponen Bajet 2011 ini, ada dikatakan menjelang tahun 2020 negara akan mencapai negara maju berpendapatan tinggi. Ini sebagai balasan saya ingin memberikan satu statistik serba sedikitlah untuk maklumat Dewan yang mulia ini. Sehingga tahun 2007 GDP, *Gross Domestic Product*, maksudnya, jumlah barang yang di kilang dengan jumlah perkhidmatan yang dihasilkan adalah pada tahun 2009, Malaysia mencatatkan GDP sebanyak USD210 bilion. Di banding dengan Singapura, bukan, mencatatkan USD205 bilion. Berbanding dengan *Singapore* dicatatkan USD210 bilion. *Singapore* saiznya adalah, Malaysia keluasannya adalah 478 kali lebih besar daripada Singapura. Daripada segi per kapita sehingga tahun 2009, Malaysia mencatatkan USD6,975 manakala Singapura USD36,537.

Jadi, saya rasa memang sebagai warganegara memang mengharapkan Wawasan 2020 boleh direalisasikan. Tapi memandangkan bahawa keadaan sebegini berbandingkan dengan sebuah negara yang tidak ada punca hasil semula jadi boleh

mencatatkan GDP lagi tinggi. Macam mana menjelang 2020? Saya rasa ini Wawasan 2020 yang dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir sekarang adalah dilancarkan dengan konsep pendapatan tinggi. Ini mungkin merupakan satu slogan sahaja, propaganda. Tidak boleh direalisasikan kecuali penghapusan rasuah, penyelewengan dan penyalahguna kuasa yang mana telah dihapuskan di Negeri Pulau Pinang dan Selangor. Jikalau pemerintahan digantikan dengan pemerintahan yang bersih, memang akan tercapai. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Elok sangat ke Yang Berhormat, Selangor dengan Pulau Pinang? Ok, ok, jemput, jemput.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Komponen yang selanjutnya adalah mendahulukan kesejahteraan rakyat, bangunan rakyat, mendahulukan kesejahteraan rakyat. Saya cuma ingin menyentuhkan serba sedikit. Baru-baru ini adalah diisytiharkan bahawa sebuah bangunan warisan merdeka 100 tingkat melibatkan jumlah kos pembinaan RM5 bilion. Saya nak tanya kenapa tak bina rumah kos rendah dengan setiap unit 20,000? Dengan RM5 bilion ini akan menghasilkan 250,000 buah rumah kos rendah untuk faedah dan kebajikan rakyat. Kenapa kita tidak salurkan wang yang, dalam projek yang sesuai bagi faedah rakyat seperti MRT. Bangunan tinggi-tinggi tidak dibina di Bangkok, tidak dibina di Jakarta, Ho Ching Min, Singapura, Tokyo, Seoul. Kenapa nak dibinakan di Kuala Lumpur? Apakah maksudnya, apakah agenda yang tersembunyi. Saya nak tanya kerajaan.

Isu yang selanjutnya saya nak bangkitkan adalah yang komponen, salah satu komponen adalah demi kesejahteraan rakyat turut mengutamakan memuliharakan alam sekitar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya terbaca satu artikel yang disiarkan melalui Sin Chew Jit Poh pada tarikh 27 Oktober tahun ini, ini artikel dia. Saya cuba menterjemahkan apakah yang dilaporkan melalui media ini, Sin Chew Jit Poh. Tajuknya, *front page*, *Johor edition*. Tajuknya. Adalah dinyatakan bahawa Pejabat Tanah dan Galian Johor Bahru, kelalaian pengawasan kegiatan perlombongan pasir Johor Bahru, menurut laporan audit 2009 kelalaian Jabatan Tanah dan Galian Johor Bahru dalam pengawasan kegiatan perlombongan pasir telah menyebabkan pelbagai masalah telah berlaku seperti kerosakan alam sekitar, sungai berlumpur dan kestabilan tebing sungai, perubahan haluan sungai, mempengaruhi rezeki nelayan, memudaratkan kehidupan sungai dan juga menyebabkan kerosakan infrastruktur dan lain-lain. Dia pecahkan 5 komponen di situ. Kualiti air terjejas. Kestabilan tebing sungai, pengaliran sungai di pengaruhi, rezeki nelayan dipengaruhi dan memudaratkan kehidupan sungai, kerosakan infrastruktur. Jadi, ini selain daripada satu skandal yang saya sentuh bagi mesyuarat yang terdahulu, skandal mengenai penyeludupan pasir. Kini adalah pengacauan, kerosakan alam sekitar yang tidak dipantau secara baik oleh pihak yang PTG.

Selanjutnya, saya nak pergi ke satu komponen yang lain. Adalah mengenai menyelesaikan masalah hak milik tanah masyarakat Kampung Baru. Menurut Yang Amat Berhormat Menteri Besar katakan dijangka *Task Force* ini akan selesai, menyelesaikan masalah ini dalam jangka masa 2 tahun. Tapi pada hakikatnya 2 atau 3 masyarakat yang terdahulu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun cakap

sedemikian. Menurut beliau, terdapat sejumlah 2,841 unit masih belum diselesaikan dengan pengeluaran surat hak milik kurniaan tanah itu. Pada tafsiran saya, tanah ini tidak boleh diangkat sebagai dikurniakan. Semacam dihadiahkan, semacam diberikan kepada rakyat. Walaupun dari segi undang-undang di bawah Akta Kanun Tanah Negara, selagi tapak tanah itu tidak didaftarkan ke atas pihak mana-mana warga Malaysia, maka ia ini adalah milikan Kerajaan. Walau bagaimanapun, mereka sudah menduduki di situ, menggunakan tanah di situ, tapak di situ selama bertahun-tahun sebelum tarikh kemerdekaan pada tahun 1957 pun. Apa maksud dikurniakan?

Saya rasa kerajaan pentadbiran negeri ini harus bertindak lebih proaktif, lebih dikatakan rakyat didahulukan. Apa maksudnya 1Malaysia ini? Alasan pihak Kerajaan Negeri adalah mereka tidak mengemukakan permohonan. Sebenarnya, kebelakangan ini apa yang berlaku, permohonan kadang kala ditujukan kepada pihak kerajaan oleh orang-orang yang tidak ada kena mengena dengan tanah. Jatuh kepada pihak ketiga, penyelewengan berlaku terhadap pentadbiran tanah. Jadi, saya harap kerajaan ini jikalau secara ikhlas, jujur nak atasi sepenuhnya perkara ini, *identify*kan, kenal pastikan siapakah pemilik yang sebenar. Jangan atas nama yang tidak boleh mengesan pemilik yang sebenarnya, maka jatuh kepada pihak ketiga. Itu berlaku di kawasan saya di mana-mana di seluruh Johor juga.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat kata ada contoh tadi, dapatkan maklumat tu, maklum kepada pihak yang berkenaan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya ada contoh. Saya akan…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, makna kena beri kepada pihak Pentadbir Tanah ke ataupun pihak PTG untuk disiasat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ya, saya akan, saya akan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ya, isu yang selanjutnya. Masalah setinggan ada seumpama semacam pemilik-pemilik di Kampung Baru setinggan. Katakan setinggan ini diduduki di tapak yang berkenaan bertahun-tahun juga. Mereka digelar sebagai setinggan bukan Kampung Baru yang ada sempadannya setinggan. Tapi tanah ini kenapa tidak boleh dengan tanpa syarat dikurniakan kepada mereka? Atas nama pembinaan pembangunan, maka mereka diusir keluar. Dijemput syarikat-syarikat kroni, pemaju mengambil alih tanah itu tanpa satu sen pampasan pun. Baru-baru ini saya difahamkan, saya tak tahu sejauh mana ketepatannya, kawasan Tunjuk Laut yang seluas 400 ekar yang dibangkit oleh rakan saya Skudai, YB Skudai, peneroka sudah dijemput mengusahakan tanah di situ selama 2 lebih tahun. Wang duit secara peribadi telah dibelanjakan untuk mengusahakan tanam kelapa sawit. Pula baru-baru ini saya difahamkan mereka akan dihalau, telah dihalau, diusir, diganti dengan atas nama pembangunan. Ini pertanian. Syarikat ketiga masuk yang ada rezeki yang ada *connection*, kronisme, ada *connection* masuk ambil alih. Ini mana ada keadilan. Ini melibatkan, saya difahamkan seramai 200 lebih orang. Ini ada satu contoh. Setinggan

harus diberikan pengiktirafan supaya kurniaan tanah ini diberikan kepada mereka. Mereka tak payah ditempatkan semula...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, kalau macam tu besok, orang ceroboh tanah tu semua sekali.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ya?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau orang ceroboh tanah tu semua sekali macam mana kerajaan nak bagi.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya tak tahulah, penyelesaian bukan penempatan semula, kurniaan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, kerajaan ada kuasa untuk menentukan hak kepada siapa.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ya, *i know*, kerajaan ada kuasa mutlak, saya tahu. Tapi apa gagasan 1Malaysia ini, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Jangan jadi rasuah didahulukan kemudian pemimpin diutamakan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, masa cukup Yang Berhormat. (Dewan bertepuk).

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya ada satu dua perkara lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, yang akhir.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Fasal ini saya rasa untuk jimatkan masa, saya bawa isu tempatan sahaja, jikalau tidak saya tak ada masa langsung pun.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, Yang Berhormat bawa isu orang lain.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ok, mengenai sekolah. Sekolah Jenis Kebangsaan Kulai 2 ini. Satu berita yang amat mengetawakan, bahan ejekan di antara kalangan orang-orang di Kulaijaya. Lembaga Pengarah sekolah ini dia tunjuk perasaan melalui Sin Chew Jit Poh juga. Yang bertarikh 14 November 2010. Tajuknya, bilakah murid-murid sekolah akan berpindah kepada sekolah ini yang dijangka akan siap menjelang 12 Oktober tahun ini? Tapi setelah disemak pula tak sampai 80% persiapan. Mereka tunjuk perasaan, mereka tidak mengekspresi keazaman ibu bapa nak pergi sekolah pada tahun menjelang tahun depan, Januari oh, sekolah baru ni. Tapi terkandas. Apa sebab? Ini, masalah ini berlarutan selama 17 tahun. 17 tahun. Saya, ini statistik saya dapat masalah ini berpanjangan selama 17 tahun melalui 4 kali pilihan raya. Tiga kali pertukaran Perdana Menteri, empat kali pertukaran Menteri Pelajaran, empat kali pertukaran Presiden MCA, masih perkara ini tidak boleh diselesaikan. Saya harap, pihak kerajaan sama ada Negeri ataupun Pusat harus memberikan penjelasan...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ada satu isu lagi...ni terakhir.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat nak apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Datuk Speaker, apa kena mengena dia sebutkan Presiden MCA? Ini Menteri Pelajaran.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput-jemput duduk Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Apa kena mengena?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak payah sebutlah. Ok, akhir Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Akhir sekali, mengenai pemasangan alat pemancar telekomunikasi. Ini satu masalah yang mencetuskan perasaan yang kurang sihat, perasaan yang tak puas hati di kalangan rakyat, penduduk-penduduk di kawasan yang tertentu.

Baru-baru ini juga, di Jalan Iris, Taman Iris, Bandar Indahpura. Satu demonstrasi yang hebat ditunjukkan. Sabtu yang lalu, mereka menunjukkan *banner*. "Kita mahu kesihatan, tak mahu pemancar telekomunikasi." Jadi, tiap kali kedai komersil, kedai pun boleh dipasang alat sedemikian. Manakah garis panduan? Kenapa pemasangan tidak boleh di tempat yang jauh daripada tempat kediaman dan juga tempat komersil dagangan? Kenapa mesti di tengah-tengah pusat kawasan kediaman? Radiasi dia, walaupun frekuensi rendah, tapi sudah terdedah di sepanjang batu, sehingga berapa *tower-tower*. Bayi selagi dia lahir terdedah kepada radiasi ini, saya rasa sampai dewasa, dia akan menjangkiti penyakit macam kanser.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Datuk Speaker...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, cukup Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Jadi saya harap...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat Yong Peng, nak apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Datuk Speaker, ada bukti tak? Dapat kanser ke, apa kajian ke? Ada tak?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ada kepakaran...

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jangan buat-buat *assumption*, andaian...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yong Peng...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yong Peng bukan pakar, saya pun bukan pakar. Tapi ada laporan yang bercakap sedemikian.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Mananya laporan, jangan cakap kosong aje...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ini keadaan macam ini...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, tak apalah...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Jikalau kita tinggal di kawasan, jikalau Yang Berhormat Yong Peng tinggal di rumah sebelah, rumah yang ada pancaran, dia akan buat bising. Sekarang dia tak terasa, semua tak terasa pasal kita tak terkena. Tapi kita bayangkan *we put ourselves in their position,* dengan izin. Macam mana mereka merasai.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, Yang Berhormat...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ini saya rasa atas, demi untuk keadilan, benda ini saya harap pemancar itu atas campur tangan oleh pihak Kerajaan Tempatan harus dirobohkan demi untuk keadilan rakyat.
Dengan kata-kata ini, saya, berakhirlah ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya ada satu pantun dulu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Satu aje Yang Berhormat. Satu saja saya izinkan. Panjang ke pendek?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ini bagi saya sikit mukadimah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Untuk pantun cukuplah?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya ada satu pantun sebelum saya...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Akhiri ucapan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : ...meneruskan ucapan saya khas ditujukan kepada Pembangkang.

Bungkus nasi pakai upih, Maka dimakan sewaktu; orang Jawa kata tu *ngeleh*, lapar,
Kata dulang, paku serpih; Kata orang, diri dia yang lebih. (Dewan bertepuk).

Kuali kata belanga, bontot belanga hitam,

Sebenarnya kuali punya bontot lagi hitam. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya peringatkan Yang Berhormat Kempas. Dulu dia pun orang Pembangkang.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak, itu dulu.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Itu cerita lain.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dia sudah insaf. Yang Berhormat Kempas sudah insaf.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya dan juga Yang Berhormat Skudai ni, tak pernah nak kacau dia. Tapi janganlah kacau saya. Nanti kalau saya kacau betul-betul...

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Susah dia.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Susah dia. Sampai dia tak bersuara nanti saya kerjakan. Dia dah janji dengan saya dia kata dengan saya dia tak kan kacau. Ini hari dia kacau pulak. Siap. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebutkan sejarah sahaja.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, nak berucap tak?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Perang, perang.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Alhamdulillah, kita sebagai rakyat Malaysia dapat tinggal di sebuah negara seperti Malaysia ini dengan aman dan makmur. Ok. Kita tidak mengalami seperti ada sesebuah negara bukan sahaja berada dalam keadaan huru-hara. Kena tsunami, kena banjir, kena gunung berapi dan sebagainya. Kita alhamdulillah. Dan kita berharap suasana yang telah pun dibuat oleh kerajaan yang diberikan mandat lebih daripada 53 tahun iaitu Kerajaan Barisan Nasional, sehingga dapat memajukan sebagaimana segala keamanan, kebahagiaan dan kemakmuran yang kita kecapi hari ini akan dapat bukan sahaja kita rasai tetapi diteruskan, anak, cucu, cicit kita. Tetapi kalau kita sebagai seorang rakyat yang tidak mengenang jasa dan juga mengakui akan apa yang dibuat oleh kerajaan pada hari ini yang kita sama-sama rasai, saya harap mereka-mereka ini bermuhasabah dirilah mulai daripada hari ini.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, panjang lagi Yang Berhormat, nak berucap?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Insya-Allah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau panjang, duduklah Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 16 November 2010, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEEMPAT	SELASA, 16 NOVEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi

Y.B. Dato' Speaker mengetuai persidangan.

DOA
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persidangan diteruskan.

Jurutulis. SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Adam bin Sumiru, jemput.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Sering kita lihat paip air bocor dan longkang pecah akibat kenderaan berat seperti lori dan bas *parking* dalam kawasan perumahan. Sila nyatakan berapa banyak kenderaan seperti ini di saman dan dikenakan tindakan oleh pihak PBT pada tahun 2009?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang tahun lepas tahun 2009 sebanyak 606 notis telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor kepada pemilik-pemilik kenderaan berat, seperti lori, bas, treler dan lain-lain yang telah meletakkan kenderaan mereka dalam kawasan perumahan. Dan daripada jumlah tersebut notis yang dikeluarkan 606 itu, 350 kompaun telah pun dikeluarkan kepada pemilik-pemilik kenderaan tersebut yang terdiri daripada lori, 224 buah dan bas, 126 buah dan kompaun telah dijelaskan kesemuanya, yang semuanya bernilai RM68,868.00.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ya Stulang, Tanjung Puteri.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berterima kasih kepada EXCO yang telah memberi maklumat tentang kompaun yang diberikan. Tetapi dalam masa yang sama kita lihat perkara seperti ini memang satu perkara yang telah merugikan kerajaan melalui PBT yang mana terpaksa membaiki parit dan juga tembok-tembok jalan tersebut. Kenapa tidak kita gunakan kaedah yang lain, yang mana Polis DiRaja dan juga JPJ untuk sama-sama mengeluarkan kompaun dan notis dan memberi hukuman kepada mereka ini kerana mereka dah ada tempat *parking* mereka sendiri, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya di dalam apa ni, KM (Kebenaran Merancang) secara rasminya belum ada lagi syarat yang boleh

dikenakan dalam satu-satu kawasan pemajuan itu, dikhaskan untuk kawasan rizab kenderaan-kenderaan berat ini. Tetapi di Negeri Johor atas inisiatif pentadbiran PBT sendiri misalannya di Bandaraya kita dah sediakan dua tempat dalam kawasan perindustrian Mount Austin ada, satu lagi di Taman Permas Jaya pun ada, disediakan rizab-rizab untuk syarikat-syarikat yang berkenaan atau tuan-tuan punya kenderaan berat ini meletakkan kenderaan mereka di tempat yang telah dikhaskan daripada di letakkan di tempat kediaman, di rizab-rizab jalan yang berdekatan atau berhadapan dengan rumah masing-masing. Itu dari segi praktikalnya yang sebenarnya berlaku, pemandu-pemandu bas persendirian, bas dan juga lori-lori ini oleh kerana atas kemudahan diri sendiri telah meletakkan kenderaan ini di sebelah malam khususnya apabila mereka balik lewat, di letakkan di hadapan rumah ataupun di tempat yang berdekatan dengan rumah masing-masing. Dan ini telah pun menyebabkan beberapa infra dalam kawasan perumahan rosak seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjung Puteri.

Dan terhadap permasalahan ini memang betul kalau ikut syarat perlesenan yang dikehendaki oleh LPKP sebelum permit dikeluarkan PBT pun dah nak tentukan, memberi pandangan bahawa had PBT akan hanya beri sokongan apabila ada dikhaskan tempat untuk meletak permit yang dipohon untuk kenderaan-kenderaan berat ini. Dan saya juga bersetuju dengan pandangan apa ini , Ahli Yang Berhormat bahawa pihak JPJ misalannya, polis pun mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan seumpama ini. Tetapi saya nak maklumkan bahawa tindakan yang berterusan untuk mengatasi masalah seumpama ini adalah merupakan tindakan jangka pendek. Oleh kerana itu di peringkat Jabatan Perancang Bandar dan Desa, saya nak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, di masa kini telah pun ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Jawatankuasa Teknikal yang melibatkan jabatan-jabatan yang berkenaan dan syarikat-syarikat yang berkenaan dan tempat-tempat kawasan yang nak ditentukan misalannya di peringkat negara, di peringkat negeri dan juga di peringkat tempatan. Peringkat tempatan ini yang melibatkan PBT-PBT untuk dibuat satu garis panduan supaya disyaratkan dalam semua pemajuan tanah, untuk mengenakan kepada pemaju-pemaju dan mereka yang berkenaan di masa akan datang supaya menyediakan tempat-tempat letak kenderaan berat yang bersesuaian dalam setiap kawasan pemajuan bagi kemudahan yang diperlukan oleh sektor kenderaan berat ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah. Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Pengerusi bahawa kalau memberikan saman tu memang merupakan tindakan jangka masa pendek, Sebenarnya seperti yang dicadangkan oleh Persatuan Pemandu Lori pada beberapa tahun dahulu iaitu menetapkan satu, dua zon untuk sebagai zon khas meletak kenderaan berat. Mereka cadangkan di Kempas, di kawasan Plentong dan juga satu tapak berdekatan dengan *link kedua.* Saya cuma nak bertanya sama ada cadangan mereka diambil berat oleh kerajaan khasnya kerajaan bukan sahaja Negeri tapi Kerajaan Pusat supaya memberikan peruntukan dan tapak tanah untuk tujuan seperti yang dikatakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, atas memorandum-

memorandum antaranyalah yang telah dimajukan oleh syarikat-syarikat ataupun mereka yang berkenaan seperti yang disebut oleh ADUN Skudai itu, maka oleh kerana itulah bukan sahaja di Johor tapi di seluruh negara, Kerajaan Pusat telah memutuskan bahawa di tubuh jawatankuasa yang saya sebut itu tadi dan masih lagi di peringkat awal dan saya juga dimaklumkan insya-Allah dalam setahun ataupun dua tahun ini, apabila siap akan dibawa kepada Majlis Negara Kerajaan Tempatan untuk dijadikan garis panduan untuk kegunaan seluruh negara.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan Program Pembasmian kemiskinan membantu keluarga miskin dan peratus kemiskinan yang dapat diturunkan?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Nyatakan daripada 9,596 keluarga yang berdaftar dengan Pangkalan Data Nasional e-Kasih, berapakah keluarga yang telah berjaya dapat dikeluarkan dari masalah kemiskinan ini melalui 9 program yang dijalankan di dalam Bajet 2010. Nyatakan jumlah keluarga miskin dan miskin tegar terkini mengikut daerah di Negeri Johor. Apakah masalah yang dihadapi dan perancangan ke arah mencapai 'miskin sifar' bagi Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Dan Yang Berhormat Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, jemput.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih Yang Berhormat, soalan saya yang nombor 4.

Tahun 2010 adalah tahun akhir sasaran Program Pembasmian Kemiskinan di Negeri Johor. Jelaskan sejauh mana Program Pembasmian Miskin Tegar dan Miskin Am dapat di capai?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab bersekali bagi soalan nombor 2, 3 dan 4. Yang Berhormat Dato' Speaker, bilangan ketua isi rumah miskin tegar di Johor yang berdaftar dengan e-Kasih telah pun menurun daripada 1,497 orang keluarga isi rumah daripada bulan September 2009 kepada 13 orang sahaja pada bulan Oktober 2010. Manakala dalam tempoh yang sama bilangan ketua isi rumah miskin turut menurun daripada 2,546 orang kepada 2,118 orang. Bagi miskin tegar Daerah Johor Bahru masih mencatat 8 orang ketua isi rumah, Batu Pahat 3 orang, Kulaijaya dan Ledang masing-masing seorang. Bagi insiden kemiskinan Daerah Batu Pahat mencatat seramai 559 orang ketua isi rumah; diikuti Pontian, 448 orang; Johor Baru, 292; Ledang, 181; Kota Tinggi, 168; Muar, 156; Kluang, 109; Segamat, 96; Mersing, 71 dan Kulaijaya, 38.

Jelasnya bahawa Kerajaan Johor sudah pun menghampiri kepada sasaran membasmi kemiskinan tegar sepenuhnya pada akhir tahun ini. Manakala usaha-usaha akan terus dilipatgandakan untuk menurunkan bilangan keluarga isi rumah yang miskin kepada separuh daripada bilangan sedia ada yang dicatat pada bulan September menjelang akhir tahun ini. Sebahagian besar daripada ketua isi rumah miskin tegar yang dapat ditingkatkan pendapatan seisi rumah adalah daripada penglibatan mereka di dalam program-program peningkatan pendapatan seperti Projek Ekonomi yang meliputi perkhidmatan, pertanian dan industri asas tani, perniagaan kecil-kecilan serta penternakan yang telah melibatkan seramai 317 orang peserta daripada Januari 2010 hingga kini.

Selain itu, bagi mereka yang tidak produktif, tidak boleh bekerja serta mempunyai ramai ahli isi rumah, bantuan-bantuan kewangan bulanan terus disediakan seperti Bantuan Am Negeri, Bantuan Orang Tua, Bantuan Sara Hidup Bulanan dan juga Bantuan Dividen Bulanan FELCRA. Sehingga kini, hampir 7,000 penerima telah menerima bantuan-bantuan ini. Manakala program-program *Job Matching* yang dilaksanakan di peringkat daerah juga berjaya membantu golongan sasaran ini untuk mendapat pekerjaan tetap sekali gus membantu meningkatkan pendapatan seisi rumah. Bagi memastikan golongan ini menikmati keperluan asas yang sempurna, kerajaan terus menerus menyediakan bantuan di bawah Program Bantuan Rumah. Pada tahun 2010, sebanyak RM18.9 juta telah diluluskan dan sehingga kini sebanyak 182 unit telah siap sepenuhnya manakala bakinya sebanyak 505 unit rumah akan disiapkan sebelum penghujung tahun ini.

Program-program latihan kemahiran di dalam bidang perkhidmatan dan pembuatan juga diperkenalkan kepada ahli-ahli isi rumah terutamanya lepasan sekolah dan belia. Seramai 77 orang ahli isi rumah sedang mengikuti latihan kemahiran selama 6 bulan ini bagi memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia yang bermula pada pertengahan tahun ini. Mereka yang masih berada di bangku sekolah, program-program bagi meningkatkan kecemerlangan pencapaian akademik seperti perkhidmatan tuisyen turut dilaksanakan terutamanya bagi mereka yang akan menghadapi peperiksaan-peperiksaan penting. Seramai 950 peserta telah mengikuti program ini di seluruh negeri.

Melalui Bajet Negeri Johor 2010, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Bantuan Kewangan bagi pendaftaran ke Institut Pengajian Tinggi khusus kepada golongan ini melalui Yayasan Pelajaran Johor. Sehingga kini, sejumlah RM133,000.00 telah dibelanjakan melibatkan seramai 140 ahli isi rumah yang melanjutkan pelajaran di pelbagai peringkat telah menikmati faedah ini. Dan seterusnya, bagi meningkatkan tahap mentaliti golongan ini program berbentuk motivasi dan perubahan sikap turut dilaksanakan kepada ketua-ketua dan ahli isi rumah dengan matlamat untuk membangunkan minda dan sikap kumpulan sasaran supaya lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan sama ada keupayaan dalam bidang ilmu kemahiran dan juga pendapatan keluarga. Program ini mendapat penyertaan seramai 635 peserta pada tahun ini.

Dan, kejayaan setakat ini dalam membasmi kemiskinan turut diwarnai dengan beberapa isu dan cabaran. Antara masalah di peringkat awal yang dihadapi adalah dari segi penyediaan maklumat dan data golongan sasaran yang tidak selaras. Walau bagaimanapun, komitmen semua pihak agensi dan Pejabat Daerah melalui

mesyuarat apa yang dipanggil *Focus Group* membolehkan e-Kasih menjadi sumber maklumat utama di negeri ini. Selain daripada itu, rekod e-Kasih menunjukkan bilangan isi rumah, ahli isi rumah golongan sasaran ini yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun yang tidak bekerja masih lagi tinggi. Faktor utama yang telah dikenal pasti adalah kerana tahap pendidikan mereka yang rendah. Justeru itu, untuk meningkatkan *employability* kumpulan ini dengan izin, kerajaan akan menggandakan usaha untuk menyediakan latihan kemahiran khusus kepada mereka seperti mana yang telah diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2011. Jelasnya, dengan adanya kemahiran membolehkan mereka bekerja dan mengubah taraf kehidupan mereka sekali gus mengelakkan daripada terbentuknya ketua-ketua isi rumah miskin tegar yang baru pada masa akan datang.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua yang bertanggung jawab untuk nak membasmi kemiskinan bagi seluruh Negeri Johor yang mana menunjukkan satu pencapaian yang sungguh baik. Dulu, saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa dulu kita ada satu program iaitu Program Miskin Bandar, yang mana kalau kita tengok orang miskin kat bandar ni kadang-kadang lebih teruk daripada kemiskinan kat kampung. Kalau kita tengok daripada program-program dan rancangan yang disusun kebanyakannya menjurus kepada golongan-golongan di kawasan luar bandar. Jadi, saya ingin tahu sejauh mana melalui Program Miskin Bandar yang kita buat satu ketika dulu kemudian dihentikan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan. Jadi, kerana golongan miskin di bandar ni mereka akan termasuk dalam golongan yang mudah miskin bila-bila, disebabkan oleh apa keadaan ekonomi yang hari ini sara hidup yang tinggi maka mereka terdedah kepada mudah miskin. Jadi, saya ingin tahu apakah program khusus yang kita tujukan kepada golongan-golongan yang duduk kat bandar, di pinggir-pinggir bandar, di rumah yang bayar sewa. Ini, apa program yang kita nak buat untuk tentukan mereka ini terlepas daripada kemiskinan? Terima kasih Dato' Speaker.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya tegaskan bahawa cakupan e-Kasih ini, termasuklah keluarga sama ada dia ada di ladang, di luar bandar ataupun di bandar. Itu sebenarnya cakupan kepada agenda untuk membasmi kemiskinan tegar dan juga kemiskinan. Oleh itu, Dato' Speaker, saya menyebut sebentar tadi bahawa pada mulanya di antaranya ialah untuk kita mengenal pasti keluarga yang berkenaan. Oleh yang demikian, pernah turun daripada pihak Kementerian Kerajaan Tempatan, satu program untuk mengenal pasti keluarga miskin tegar di bandar. Tapi, akhirnya agenda daripada pihak Kementerian telah pun dimansuhkan kerana kesemuanya dimasukkan dalam pendekatan e-Kasih ini. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita mengenal pasti keluarga yang berkenaan, maka di Johor ini kita mengerakkan jentera untuk mengenal pasti keluarga ini. Maka, di peringkat daerah digerakkan sama ada Penghulu dan Ketua Kampung dan juga melalui wakil-wakil daripada Majlis Daerah dan Ketua Masyarakat untuk mengenal pasti keluarga yang berkenaan. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama, yang sepatutnya mendapat penjelasan ialah cakupan ini termasuk mereka sama ada di ladang, di estet ataupun di luar bandar, di kampung ataupun di bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai langkah yang diambil untuk membantu mereka ni sama ada di bandar sekalipun, saya telah sebutkan tadi bahawa pendekatannya dan caranya agak berbagai di antaranya termasuklah yang mana sama ada di bandar ataupun di kampung yang telah pun sampai daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mendapat bantuan secara langsung. Sebagai contoh, saya pernah berjumpa juga satu kelamin di Bandar Muar dulunya seorang penarik beca sekarang masih lagi berada di Bandar Muar, tinggal dengan isteri, menyewa sebuah rumah di Bandar Muar, saya percaya Yang Berhormat setuju bahawa kita boleh takrifkan dia miskin tegar di bandar iaitu di Bandar Muar. Saya pernah dikunjungi oleh penarik beca ini, bekas penarik beca pada usia yang agak lanjut juga. Jadi, jelas bahawa bantuan sampai kepada beliau melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana mereka yang tak mampu untuk kegiatan ekonomi maka bantuan secara langsung. Jadi, cara pendekatan yang diambil di Negeri Johor ini Dato' Speaker, ialah secara langsung sasaran tu tepat, dia tidak rambang, dia tidak ialah mencakupi sasaran yang mungkin tidak boleh dimuat, dikategorikan sebagai miskin tegar ataupun miskin.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa bantuan dalam bentuk mereka mendapat peluang untuk mewujudkan kegiatan ekonomi. Sama ada ianya dibantu secara langsung oleh pihak Pejabat Daerah. Di mana Pejabat Daerah sendiri mewujudkan kegiatan ekonomi yang disertai oleh keluarga yang berkenaan. Sementara itu pula, ada juga jabatan lain sama ada RISDA ataupun Jabatan Pertanian juga mempunyai projek-projek kegiatan ekonomi yang membawa bersama keluarga-keluarga yang berkenaan. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya di antara mereka yang ada di bandar dalam kategori miskin tegar ini, mereka sudah pun saya percaya telah pun dapat dikenal pasti dan rata-rata mendapat bantuan secara langsung daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sementara itu pula, saya ingin maklumkan juga pada Dewan yang mulia ini, bahawa keluarga yang dimaksudkan ini tidak bermakna dia bilangannya muktamad. Kita masih lagi terbuka dengan usaha untuk mengenal pasti ada lagi ke yang mungkin terlepas pandang, ada yang tertinggal maksud saya, sama ada di bandar ataupun luar bandar. *So,* senarai e-Kasih ini, kita di Johor, kita bermula pada awal tahun ini pada angka yang saya sebutkan tadi dipanggil istilah *Locked In* pada angka yang berkenaan tapi kita mengambil pendekatan bahawa dia adalah senarai yang terbuka.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor untuk memperkenalkan perusahaan burung Walet dalam Program Pembasmian Kemiskinan untuk membantu keluarga miskin kerana inilah ada satu perusahaan yang agak menguntungkan. Dan, kalau kita nak beri ikan kepada orang miskin baik kita kasi tunjuk ajar bagaimana nak buat perusahaan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ini cerita burung Walet ni.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha, ya, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Soal...

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Projek menguntungkan untuk memperkenalkan projek ini kepada golongan miskin. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat (ketawa), Yang Berhormat nak jawab dia cerita burung Walet ni nak bantu orang miskin, saya ingat...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Dato' Speaker, saya sekadar nak memberi satu contoh yang lain. Misalnya di Segamat ada satu ladang yang dimiliki oleh, yang dibangunkan oleh FELCRA, kalau tak salah saya dekat 1,000 lebih ekar tanah. Maka Kerajaan Negeri Johor mengambil keputusan bahawa 1,000 kelapa sawit itu digunakan untuk pendapatan dan pendapatan itu disalurkan *direct* kepada akaun, akaun pos miskin tegar ini. Itu antara yang agak unik, 1,000 ekar kelapa sawit. Tapi kalau idea burung walet ini agaknya, boleh kita dalam pada lokasi yang agak sesuai boleh menjadi satu sebuah pendapatan. Hasilnya boleh diagihkan kepada...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, kita cuba orang perempuan bela burung walet, macam mana agaknya selalu orang lelaki. Ok, saya beri Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih Speaker. Dan, saya juga mengucap syabas, tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor sama ada melalui Pejabat Menteri Besar, Majlis Agama Islam dan Yayasan Pelajaran Johor di atas usaha-usaha murni dalam membantu membasmi kemiskinan. Cuma saya nak tanya, di peringkat Negeri Johor, sebahagian daripada jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini ada juga mengeluarkan beberapa cara membantu. Tertarik saya apabila cerita pasal burung walet tadi Dato' Speaker.

Soalan yang nak saya timbulkan, adakah di peringkat negeri dah dibincangkan mekanisme sasaran yang nak ini sampai tak matlamatnya. Saya ambil contoh, Jabatan Veterinar, dia ada satu skim kepada membasmi kemiskinan ini dalam program memelihara burung walet. Satu orang dia baginya 10,000. Jadi, kalau kita fikirkan secara mudahnya, ini ambil konsepnya difahamkan ambil konsep dekat Sabah ataupun Sarawak, Sarawak kalau tak silap saya. Tapi kalau dalam konteks 10,000 cuba bayangkan kita nak buat dia punya sarang je pun dah ratus-ratus ribu, puluh ribu. Tapi, kalau kita nak bagi setakat 10,000 satu orang, bagaimana sasaran ini sampai matlamatnya. Ha...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Ini yang saya nak setengah-setengah jabatan, Speaker, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : (ketawa) Soalan lagi...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, agaknya kalau 10,000 agaknya yang boleh dibela burung Puyuh agaknyalah (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : (ketawa) Betul ke?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Burung walet ataupun ayam kampung, betul. Tapi, betul. Bila bercakap tentang bab ini, saya pernah melawat satu keluarga India membela itik. Kalau tak salah saya. Itik, berjaya. Kalau tak salah saya di Segamat, di Labis. Itik. Kemudian, satu lagi keluarga India membela lembu dan susu lembu. Jadi, Dato' Speaker, saya katakan tadi bahawa mungkin inilah satu-satunya 1,000 ekar kelapa sawit yang dibangunkan oleh FELCRA, Kerajaan Negeri Johor, ok kita tak masukkan peneroka, kita masukkan keluarga miskin tegar. Rata-rata di daerah Segamat, *so*, sumbernya datang dari ladang yang berkenaan. Jadi, kalau RM10,000.00 dicampurkan dengan yang lain agaknya, mungkin ada keluarga yang boleh menikmati daripada sangkar burung walet, agaknya tu.

Y.B. Dato' Speaker : Sangkar. Ok, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker. Tujuan murni kerajaan untuk melihat negara ini tidak ada ataupun bebas daripada kemiskinan adalah satu niat yang amat baik, yang terpuji dan kesan daripada program seperti ini saya lihat ramai di kalangan mereka-mereka yang dahulunya miskin nampaknya sudah mula agak ceria sedikit dalam soal ini. Saya berpendapat dengan peruntukan yang besar yang diuntukkan oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi program ini mudah-mudahan dapat dimanfaatkan. Cuma adakah Kerajaan Negeri ingin menyuarakan sesuatu perkara yang timbul pada hari ini kepada Kerajaan Persekutuan? Contohnya dulu Program Pembasmian Kemiskinan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan, Miskin Bandar, PPKB. Tukar sahaja menteri lagi kepada e-Kasih di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jadi, senarai nama-nama yang sudah pun menerima bantuan daripada PPKB ini tergantung begitu sahaja tidak boleh diserapkan kepada e-Kasih. Ini yang menimbulkan rasa tidak puas hati...

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya apa Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Soalannya tadilah tu.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, soalan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Soalannya adakah Kerajaan Negeri ingin menyuarakan dan membetulkan keadaan yang tidak betul, penyelarasan yang lebih teratur dalam soal ini? Kerana niat kita awalnya memang baik. Mereka dapat bantuan membayar rumah PPR umpamanya alih-alih menteri lain ambil berubah, dah tak dapat lagi...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : ...dan mereka menjadi satu isu yang agak gusar di kalangan...

Y.B. Dato' Speaker : Dah panjang Yang Berhormat, ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak jawab? Saya ingat dia lari sikit daripada...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menerima perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Benar, pernah turun daripada pihak Kementerian berkenaan agenda membasmi kemiskinan di bandar dalam bentuk pemberian sewaan. Kemudian ada masuk juga untuk peruntukan untuk membantu dalam bab pendidikan daripada kementerian berkenaan. Entah apa jadi saya tak tahu.

Oleh yang demikian Dato' Speaker, sebenarnya apa yang dapat kita jayakan di Negeri Johor ini ialah melalui Kerajaan Negeri yang dapat digerakkan di peringkat tempatan melalui Pejabat Daerah. Jadi, dalam hal ini kalau ada pun, bila ada program dalam bidang ini, seperti FELCRA ke, RISDA ke, Pertanian ke maka Yang Berhormat Dato' Speaker, ianya dapat digerakkan melalui Kerajaan Negeri di peringkat Jawatankuasa Penyelarasan yang dipengerusikan oleh Dato' SUK sendiri dan di daerah itu oleh Pegawai Daerah. Diselaraskan, sama ada mengenal pasti kumpulan sasarnya dan dipadankan dengan program yang datangnya daripada jabatan-jabatan berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat tadi.

Apabila bercakap tentang miskin tegar dan miskin, Dato' Speaker, selalunya kita tertinggal satu lagi golongan yang tak tahu nak masuk di mana. Golongan ini adalah golongan yang saya rasa agak besar jugak jumlahnya dan kebanyakan daripada macam kita juga rupanya. Ialah golongan-golongan yang berpendapatan seperti pegawai kerajaan, pekerja kilang yang mana mereka ini bukan berhutang, pendapatan dengan tanggungan tak cukup. Saya banyak boleh bagi contoh. Dekat tempat saya satu orang tu, kerja cikgu. Nak masuk ke senarai mana? Nak masuk e-Kasih pun saya rasa dia tak layak. Nak pergi minta bantuan ke mana-mana pun sudah tentu tak dilayan. Dengan isteri yang tidak bekerja, anak yang ramai, membeli rumah, kenderaan yang merupakan keperluan. Jadi, si bapa ini terpaksa membuat kerja-kerja yang saya rasa bukan tak layak tapi tak sepatutnya dibuat oleh seorang guru untuk menanggung.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan Yang Berhormat ni apa?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi, adakah golongan ini mendapat perhatian daripada pihak-pihak kerajaan atau yang berkenaan dan nak masuk dalam senarai mana, golongan mana ni?

Y.B. Dato' Speaker : Hm...

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ini merupakan majoriti di kawasan-kawasan yang pinggir bandar, khasnya. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau Yang Berhormat perasan dalam ucapan saya untuk Belanjawan 2011, saya merujuk kepada kumpulan 40% terendah, saya takrifkan 2,301 keluarga dalam kumpulan ini dianggap kumpulan masyarakat Johor dan juga di peringkat negara, *the 40% bottom*, 40% terbawah dalam masyarakat kita yang perlukan kepada pembelaan. Oleh yang demikian, Dato' Speaker, di antara yang dapat saya sebut dalam ucapan belanjawan ialah :

1. Untuk kita sampai kepada keluarga yang berkenaan untuk membantu dalam hal pelajaran anak mereka sama ada di peringkat pembelajaran, pelajaran ataupun di peringkat untuk dia mendapat kemahiran. So, Kerajaan Johor cuba nak sampai kepada keluarga yang berkenaan dengan memberi bantuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita kata bahawa di antaranya termasuk kumpulan mungkin kategori, ada juga kategori mungkin ibu tunggal, tak masuk dalam e-Kasih pun tak layak tapi dia di antara yang 40% terbawah, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, dalam hal ini bila kita nak melihat mengenai kumpulan 40% terbawah ini Yang Berhormat Dato' Speaker, satu, *of course* kita perlu mencari pendekatan bagaimana boleh meningkatkan pendapatan mereka.

Cara yang keduanya ialah untuk mereka mendapat apa yang saya percaya Ahli Yang Berhormat semua bersetuju bahawa *affirmative approach*, *affirmative action* mungkin dapat ditumpukan kepada kumpulan ini dan sepatutnya *affirmative,* pendekatan *affirmative*, tindakan *affirmative* membantu 40% terbawah ini tak sepatutnya menjadi isu untuk kita berbalah dalam bentuk bantuan-bantuan yang boleh disampaikan kepada mereka. Di antaranya sebagai contoh, mungkin di antaranya *affirmative* dalam bentuk saraan untuk pelajaran anak mereka, itu *affirmative direct* kepada mereka. Keduanya, itu sebab saya katakan tadi bahawa kalaulah kita boleh memperbaiki misalnya *public transport system*, sebagai contoh *that is also*, itu juga boleh membantu mereka, mereka mendapat sampai kepada destinasi untuk bekerja ke untuk ke mana pun, pada kos tiket yang lebih rendah. Tak perlu kepada motokar tetapi dia dapat sampai ke mana-mana kerana perkhidmatan awam yang baik dan murah, sebagai contoh. Ini adalah di antara, selain daripada itu *of course,* kemudahan hospital ke yang baik untuk dinikmati.

Jadi ini adalah di antara Yang Berhormat Dato' Speaker, yang boleh kita olah di antara berbagai *affirmative approaches*, pendekatan *affirmative* ini untuk kita sampai kepada 40% yang terbawah dalam masyarakat dan saya percaya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam kategori yang saya cadang dimuatkan dalam kategori 40% terbawah dalam masyarakat kita yang memerlukan kepada, apa dipanggil pendekatan *affirmative* ataupun *touch point* yang lebih berbagai lagi untuk membantu mereka daripada tekanan saraan hidup pada paras pendapatan yang mereka nikmati pada ketika ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Hong Tee, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Berapa ramaikah jumlah pelabur asing dan tempatan yang telah melabur di Negeri Johor bagi tahun 2010 dan berapakah jumlah pelaburannya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor adalah salah satu negeri di Malaysia yang menjadi tarikan utama pelabur dari serata dunia. Setakat bulan Julai 2010, sebanyak RM1,579,291,594.00 merupakan pelaburan tempatan dan bakinya adalah Pelaburan Terus Asing iaitu sebanyak RM1,150,605,064.00 jumlah pelaburan bagi tempoh Julai 2010 sehingga Julai 2010 adalah RM2,729,896,658.00. Dengan itu, 108 projek perkilangan telah diluluskan untuk mewujudkan lapangan pekerjaan bagi 10,327 di pelbagai peringkat sepanjang tempoh Januari 2010 sehingga Julai 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maklumat lebih lanjut boleh dirujuk kepada teks ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita di mana muka 6 iaitu prestasi pelaburan Negeri Johor dan muka 9 sehingga muka 14 adalah untuk meningkatkan daya tarikan Johor sebagai destinasi pelaburan. Angka-angka yang telah saya sebutkan adalah bagi sektor perkilangan sahaja. Ini tidak termasuk komitmen pelaburan berjumlah RM64.38 bilion untuk Iskandar sehingga September 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, Parit Yaani.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Adakah kawasan Nusajaya sebagai satu kawasan yang berdaya tarikan kuat untuk menarik pelabur asing ke kawasan ini dan mengikut peratusan, kawasan Nusajaya bandingkan dengan tempat-tempat lain, berapakah peratusan pelabur asing yang ada di kawasan ini? Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ada, Yang Berhormat nak jawab?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tak...

Y.B. Dato' Speaker : Dia lari sikit.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut Kaedah 265...

Y.B. Dato' Speaker : Yalah saya tahulah tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Memang tidak dan..

Y.B. Dato' Speaker : Dan tidak dapat...

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan...

Y.B. Dato' Speaker : Siapa suruh Yang Berhormat bangun? Belum sebut pun. Ha, ok, jemput Jementah.

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Memandangkan rantau Asia Tenggara, banyak negara sudah membangun, dan dia merupakan daya persaingan yang hebat kepada negara kita. Jadi, saya nak tanya, apakah prasarana-prasarana ataupun insentif-insentif yang lebih menarik dari semasa ke semasa diwujudkan ataupun dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk menarik lebih ramai pelabur asing dan juga domestik? Saya juga ingin tahu, apakah Kerajaan Negeri Johor daripada segi membantu pelaburan industri ke daerah Segamat?

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker. Memang segala jawapan telah tercatit dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat dalam bajet, teks ucapan bajet, tapi saya ulangi sekali lagi, memang Kerajaan Negeri mengadakan program-program untuk mempertingkatkan lagi daya tarikan pelaburan di Negeri Johor dengan mengadakan lawatan kilang di kilang-kilang yang sedia ada di Negeri Johor oleh JSIC, *Johor State Investment Centre*, dengan izin, juga dengan MIDA, juga MITI dan juga oleh EXCO sendiri dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sendiri. Dan di samping itu, kerajaan juga adakan bersama dengan industri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sendiri telah berjumpa kapten-kapten industri di Taman Negara dan juga di tempat bertempat di *Sebana Cove* di mana perhubungan kita dengan kapten-kapten industri yang sedia ada di Negeri Johor ini dapat dirapatkan. Dan di samping itu, kita mempunyai juga, menyertai juga misi galakan pelaburan ke luar negara yang dari satu masa ke satu masa. Di samping itu, Perbadanan JCorp sendiri juga ada program untuk menarik pelabur-pelabur asing kerana JCorp juga mempunyai hartanah untuk didirikan, dibangunkan kilang-kilang. Jadi, mereka ada program masing-masing. Di samping itu, pemaju-pemaju swasta di kawasan industri seperti Desa Cemerlang, Nusa Cemerlang, *The* SP Setia, IRDA juga mempunyai rombongan menarik pelabur luar negeri dan juga SIOC di bawah UEM dan juga termasuk Biotech Johor. Mereka mempunyai program masing-masing untuk bersama-sama menarik pelabur daripada negara asing.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Minta penjelasan pencapaian program latihan kemahiran yang telah lama dijalankan oleh Kolej Komuniti Johor yang dikendalikan oleh Kumpulan Pendidikan Johor. Nyatakan pencapaiannya dari segi bilangan pelajar, kursus dari tahun 2005 hingga 2010?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, daripada tahun 2005 sehingga Oktober tahun 2010, Kumpulan Kolej Komuniti YPJ telah berjaya melatih seramai 5,358 orang pelatih di semua kolej komuniti di daerah-daerah. Antara kursus yang ditawarkan ialah:

i. Sijil Juruteknik Elektrik
ii. Sijil Penyediaan Makanan
iii. Sijil Mekanik Kenderaan Motor
iv. Sijil Pembuat Pakaian Lelaki dan Wanita
v. Diploma Kemahiran Malaysia, Sistem Komputer
vi. Diploma Kemahiran Malaysia, Sistem Maklumat
vii. Sijil Artis Multimedia Visual
viii. Sijil Pereka Artis Multimedia Animasi
ix. Sijil Pereka Bentuk Multimedia Animasi dan Visual
x. Sijil Pendawaian Bangunan
xi. Sijil Penghawa Dingin
xii. Sijil Pendawaian Bangunan
xiii. Sijil Landskap

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Menjelang 2020 ni, negara kita akan menuju negara maju yang berpendapatan tinggi. Saya ucapkan terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Cuma saya nak tahu, sejauh mana kursus kemahiran yang dirangka oleh kolej komuniti ini, dia memenuhi pasaran atau *market demand*, sesuai dengan izin ya, permintaan pasaran, dan adakah dibuat kajian terperinci sejak program ini dijalankan, berapa bilangan graduan ataupun lepasan kolej komuniti ini mendapat, mudah mendapat pekerjaan di pasaran?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, semenjak Kerajaan Negeri mengambil alih kolej-kolej komuniti ini daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor dalam tahun 1997, kita telah pun melahirkan lebih daripada 10,000 orang pelatih. Dan dengan jumlah yang begitu banyak, memang kita tidak mempunyai maklumat yang agak lengkap tentang di mana pelatih itu sekarang. Tetapi maklum balas yang kita terima daripada pelatih-pelatih yang keluar daripada kolej-kolej komuniti ini, rata-rata boleh dikatakan lebih daripada 90%, sama ada telah pun mendapat pekerjaan ataupun telah menjalankan bidang keusahawanan dengan kemahiran yang mereka perolehi daripada kolej-kolej komuniti ini. Dan sijil-sijil yang dikeluarkan termasuk diploma oleh kolej-kolej komuniti ini diiktiraf oleh dulunya Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dan sekarang dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia yang lebih diiktiraf di kalangan pihak industri.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, *last*, Permas Jaya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasihlah, baru nampak...

Y.B. Dato' Speaker : Tak berapa perasan, gelap sikit.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Hampir letih Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah. Kalau..

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Bangun beberapa kali. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Nampaknya program-program, 13 jenis program yang dijalankan oleh kolej komuniti ini walaupun sangat diterima ataupun di, respons dia ada bagus, tetapi ada tak kolej komuniti ini boleh mereka, mereka program-program atau kursus-kursus mengikut kehendak pasaran terutamanya di kalangan pekilang-pekilang. Ada juga pekilang-pekilang yang minat menghantar pekerja-pekerja mereka untuk dilatih dalam kolej-kolej komuniti ini. Sekiranya begitu, ada tak pihak kolej komuniti boleh mereka kursus-kursus mengikut kehendak daripada pekilang-pekilang terutamanya di kawasan Pasir Gudang yang terdapatnya ramai, banyak pekilang-pekilang dan juga banyak *opportunity* bagi pekilang-pekilang menggunakan kolej komuniti yang beroperasi di Pasir Gudang? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, kolej komuniti di bawah Kerajaan Negeri sentiasa menilai kursus-kursus yang ditawarkan dari masa ke semasa. Dan kerja-kerja *upgrading* ini, sama ada dari segi kemudahan ataupun kursus ini, kita berdasarkan kepada permintaan, sememangnya ianya berdasarkan kepada permintaan semasa. Kita ambil contoh dulu. Beberapa tahun dulu, kita mempunyai ramai pelajar yang mengambil Sijil Komputer. Tapi itu mungkin tahun 1990-an. Tapi sekarang, Sijil Komputer tidak lagi ditawarkan tetapi kita tawar di peringkat diploma kerana rata-rata anak-anak kita telah pun mempunyai kemahiran asas komputer di peringkat sekolah lagi. Di sekolah-sekolah di merata sekolah sekarang ni ada makmal komputer, sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Jadi, kita tawarkan diploma dalam bidang komputer. Namun begitu, ada juga sijil-sijil lain yang memang menjadi, menjadi suatu yang dituntut oleh industri seperti mungkin Sijil Juruteknik Elektrik, sebagai contoh. Walaupun sijil ini tidak diiktiraf, belum diiktiraf oleh JPA, tetapi ia diiktiraf oleh industri. Dan kalau ikut Skim Juruteknik di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, mungkin gajinya hanya sekadar RM1,000 lebih sedikit. Tapi rata-rata pelajar-pelajar yang telah pun habis Sijil Juruteknik Elektrik ini di peringkat 1, 2, 3, sekiranya mereka masuk bekerja di peringkat, di sektor swasta, mereka akan dapat gaji lebih daripada itu, ada yang dapat gaji RM1,500.00, ada juga yang dapat gaji RM2,000.00, malah lebih daripada itu.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Kerana untuk mendapat lesen setengah apa tu, pemborong, apa tu, untuk mendapatkan lesen pendawaian elektrik tu mereka kena ada, mereka yang mahir dalam bidang elektrik dan perlukan sijil-sijil tertentu. Begitu juga dengan kursus-kursus yang lain, Yang Berhormat Dato' Speaker, ianya selaras dengan kehendak industri. Sebab itulah kolej komuniti kita telah pun buat penyelarasan, di mana setiap daerah akan mengadakan kursus-kursus tertentu, tidak *overlapping,* dengan izin, tidak bertindih di antara satu sama lain, sesuai dengan kehendak daerah itu sendiri. Misalannya, di setengah daerah, kita adakan kursus sijil untuk pembuat pakaian, kerana dekat situ ada *demand* untuk buat pakaian. Di Johor Bahru, mungkin kita lebihkan kursus-kursus kemahiran dalam bidang juruteknik, penyediaan makanan dan Sijil Mekanik Kenderaan, yang mana ianya sesuai dengan persekitaran yang ada di daerah Johor Bahru itu sendiri, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) bagi pihak Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Soalan nombor 7.

Bagaimanakah Kerajaan Negeri Johor dapat menggalakkan lebih ramai pelancong untuk datang ke daerah Kluang memandangkan kawasan Kluang mempunyai tempat-tempat yang menarik seperti Gunung Lambak, Gunung Lumut, kawasan pertanian serta terdapat 2-3 pusat membeli belah yang besar di Kluang?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Boo, saya panggil Ng Lam Hua.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) bagi pihak Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Wakil dia, sebab dia ambil cuti ada kes mahkamah hari ini.

Y.B. Dato' Speaker : Tidak, Yang Berhormat kena soal, ini soalan saya, ye, dalam Peraturan. Tak boleh ambil tempat dia, ini soalan, mana-mana soalan, boleh ambil, terus bangun. Ok, jemput. Ha...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pelancongan Negeri dengan kerjasama Agensi-Agensi Kerajaan yang lain sentiasa berusaha dari masa ke semasa untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Johor terutamanya ke daerah-daerah termasuklah daerah Kluang, yang sememangnya mempunyai daya tarikan pelancongan tersendiri. Kluang kini telah dikenal pasti dan boleh dipromosikan sebagai pelancongan agro ataupun *agro tourism* kerana mempunyai produk pelancongan agro yang istimewa seperti Kluang mempunyai *Ginseng Organic Farm*, UK Agro Resort, Kahang Organic Farm, Gunung Belumut, Gunung Lambak dan sebagainya. Selain daripada itu, usaha-usaha seperti menganjurkan acara pelancongan dan juga setiap tahun Jabatan Pelancongan Negeri menyertai pameran-pameran pelancongan di dalam dan juga di luar negara. Menerbitkan risalah maklumat pelancongan, mewujudkan laman web pelancongan dan juga memperbanyakkan lagi iklan dan publisiti di media-media massa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelancongan Daerah yang di Pengerusikan oleh Pegawai Daerah dan ahli-ahlinya terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan pengusaha-pengusaha pusat pelancongan di daerah yang berkenaan. Untuk bersama-sama berbincang serta mengambil tindakan untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke daerah tersebut. Tujuan utama menubuhkan Jawatankuasa ini adalah untuk menggalakkan agensi-agensi di peringkat daerah untuk bersama-sama memainkan peranan dan menjadikan pelancongan sebagai salah satu agenda pembangunan di daerah yang berkenaan. Dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah pun buat banyak lawatan, lawatan kerja saya ke daerah-daerah, dan kini Jawatankuasa Pelancongan Daerah Kluang telah pun maklumkan kepada saya, mereka sudah siap pusat informasi pelancongan di daerah dan juga menyediakan *tourist map* dan juga pakej-pakej yang boleh menarik pelancong. Maka selepas Persidangan Dewan kali ini saya akan buat lawatan ke Daerah Kluang bagi meninjau sendiri potensi produk-produk pelancongan yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, soalan masa dah habis. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa Rundingan mengikut Peraturan Tetap 121 supaya Peraturan Tetap Dewan ini ditangguhkan sementara bagi membolehkan saya mengemukakan Rundingan bagi melanjutkan tempoh Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap Dewan ini ditangguhkan sementara.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker saya memohon membawa Rundingan supaya perjalanan Dewan ini dalam membahaskan Rundingan bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tahun 2010 dikecualikan daripada had tempoh yang disyaratkan dalam Peraturan Tetap 112(2) iaitu, perbahasan yang sepatutnya ditamatkan pada jam 1.00 tengah hari 16 November ini dilanjutkan sehingga 1.00 tengah hari 1 Disember 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas Rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 diteruskan sekarang. Jemput yang berucap.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon untuk menyambung ucapan saya semalam.

Y.B. Dato' Speaker : Oh sambung, ok, jangan panjang.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Baru seminit sahaja cakap semalam.

Y.B. Dato' Speaker : Saya tak kiralah janji dah dua hari.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya berterima kasih diberikan kesempatan untuk membahaskan bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 11 November tahun 2010 yang lepas, yang bertemakan "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat" maksud rakyat di sini adalah rakyat Negeri Johor. Tema ini adalah selari dengan tema sebagaimana yang dibentangkan juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam Bajet 2011 iaitu "Negara Maju Berpendapatan Tinggi". Apa yang saya lihat dalam isi kandung ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang lepas ini adalah meliputi satu ucapan yang menyeluruh. Kerana, saya menilaikan di mana Kerajaan Negeri Johor merencanakan berbagai-bagai pelan tindakan untuk melihat Negeri Johor ini menuju ke satu anjakan paradigma yang lebih tinggi lagi tahun demi tahun, di mana dua pelan transformasi telah diutarakan dalam soal ini. Pertamanya, Pelan Transformasi, GTP yang dipanggil. Yang keduanya ialah Pelan Transformasi Ekonomi, EDP sebagaimana yang dinyatakan di dalam bajet 2011.

Di dalam dua-dua pelan ini Kerajaan Negeri menggariskan lima strategi-strategi yang saya rasa begitu mantap sekali. Dan insya-Allah dalam tempoh tahun hadapan kiranya kerjasama di kalangan kakitangan awam dan juga rakyat di Negeri Johor ini untuk melihat Negeri Johor ini menuju ke arah satu pembangunan yang lebih berjaya dalam tempoh setahun di tahun hadapan, saya rasa pelan seperti mendayakan ekonomi, meningkatkan lagi taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah, meningkatkan lagi kualiti hidup, mentransformasikan perkhidmatan awam dan yang kelima membangunkan masyarakat yang lebih bersivik *minded*. Ini akan lebih berjaya.

Dan saya lihat di dalam bajet hasil kutipan yang menjangkau sehingga mencecah RM1 bilion ini, adalah satu hasil dan usaha yang dibuat oleh seluruh jentera kerajaan bagi memastikan setiap tahun perbelanjaan di negeri kita ini mencukupi dan hasilnya

dengan kerjasama yang menyeluruh ini, pada tahun hadapan bajet kita ini adalah bajet lebihan. Saya ucapkan tahniah dan syabas dan insya-Allah kalau ini ditekankan tahun demi tahun, maka saya rasa Kerajaan Negeri Johor tidak akan mengalami defisit sebagaimana ada setengah-setengah negeri yang diperintah oleh pembangkang, pada setiap tahun mengalami defisit.

Daripada segi hasil kutipan cukai yang kita lihat yang berjumlah lebih kurang RM316.88, juta hasil bukan cukai RM351.4 juta dan terimaan sebanyak RM145.80 juta. Ini kalau kita pantau dan kita selidiki ataupun kita perincikan lagi berkemungkinan akan boleh dapat kita pertingkatkan dengan cara dan kaedah-kaedah yang perlu kita bincangkan dari masa ke semasa. Banyak perkara-perkara yang telah pun saya lihat daripada segi ruang dan juga peluang untuk mendapatkan hasil-hasil tambahan ini dari masa ke semasa di mana Kerajaan Negeri Johor saya rasa sebagaimana yang dinyatakan oleh setengah-setengah pihak tidak mempunyai wang, bankrap dan sebagainya, saya rasa saya sekeras-kerasnya menafikan dalam soal ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam saya rasa terkejut dengan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh pihak pembangkang. Contohnya, seperti menuduh kakitangan awam rasuah. Saya rasa perkara ini sebagai seorang yang dihormati, yang dipanggil Yang Berhormat, saya rasa tidak patutlah tuduhan-tuduhan liar seperti ini dilemparkan. Dan nyatakan tidak ada pembangunan yang dibuat selama ini oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Sentiasa menidakkan perkara yang wujud dan mempunyai kebenaran yang nyata dan asas. Kalau dahulu umpamanya pembinaan jambatan Pulau Pinang, siapa yang pada ketika itu Allahyarham Tun Hussien Onn, mengilhamkan supaya satu jambatan untuk menyambung Semenanjung Tanah Melayu dengan Pulau Pinang diwujudkan. Kritikan begitu dahsyat daripada pihak pembangkang. Tetapi, pada hari ini tak cukup, sesak. Perlu dibangunkan satu lagi jambatan yang menyambungkan kedua-dua belah semenanjung dan juga pulau ini dengan kehendak rakyat-rakyat Pulau Pinang sendiri. Begitu juga lebuh raya Utara-Selatan. Pada suatu ketika dahulu, Ketua Pembangkang dari DAP pernah tidak mahu membayar tol sehingga mereka ditahan dan dibawa kemuka pengadilan. Mengkritik habis-habisan, tetapi hari ini kita tengok bukan sahaja mereka-mereka ini dengan senang lenang menggunakannya, bahkan juga dengan adanya lebuh raya Utara-Selatan kita sudah nampak impak kesan ekonomi kita semakin lama semakin meningkat dari masa ke semasa. Kalau tidak ada lebuh raya ini, maka sudah tentulah kesulitan akan dialami untuk rakyat dan juga kerajaan membangunkan negara kita ini.

Walaupun baru sahaja merdeka 53 tahun kita bandingkan dengan negara-negara lain yang lebih lama merdeka tetapi pembangunannya kita lebih menonjol dari mereka-mereka ini. Kita lihat pada suatu ketika pihak pembangkang juga, projek Putrajaya, Menara Berkembar, disuarakan supaya dilelong akan menjadi gajah putih. Tetapi, hari ini ada pelan perancangan dari pihak pembangkang yang mengatakan program untuk pergi ke Putrajaya pula. Nak bawa rombongan ke sana pula, nak duduk kat Putrajaya, ini serupa macam cakap tak serupa bikin (Dewan bertepuk).

Jadi, saya rasa pihak-pihak yang seperti ini kena muhasabah dirilah. Ambil sedikit iktibar untuk mengucapkan terima kasih atau setidak-tidaknya mengatakan ya sahaja pun cukuplah. Jangan sentiasa hendak mengkritik, begitu juga di Negeri Johor, saya

lihat pembangunan Negeri Johor ini begitu pesat membangun di depan mata saya. Kalau awal tahun 70an tidak ada satu pembangunan yang cukup bahkan juga prasarana-prasarana serta kemudahan-kemudahan tempat-tempat tinggal. Hari ini kita lihat, Alhamdulillah ekonomi kita naik, pembangunan kita pesat, segala-galanya, bahkan menyeluruh dalam soal keselamatan juga saya rasa kita berjalan di Negeri Johor ini aman tanpa ada apa-apa gangguan dan juga kacau.

Adakah kita tidak berterima kasih dan beruntung tinggal di dalam sebuah negeri dan negara yang begini aman, maju dan makmur? Saya faham kerja sebagai seorang Ahli Politik, khususnya duduk di kerusi pembangkang ini adalah mengkritik, tetapi dalam soal mengkritik ini berwaspadalah dan juga ada batasan dan sempadannya. Saya juga menganggap ini sebagai satu *check and balance* tetapi *check and balance* itu biarlah kata orang tu pengimbangannya sesuai, tidak hanya berat sebelah dalam soal-soal tuduhan, dalam soal-soal mengkritik benda-benda yang wujud dan menjurus kepada kebaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam soal perkara pembangunan, kita bagi pihak kerajaan juga khususnya, Wakil-Wakil Rakyat, Ahli-Ahli yang Berhormat daripada Barisan Nasional sentiasa memberikan pandangan-pandangan dan juga teguran-teguran yang menjurus semata-mata kepada kebaikan dan tambah nilai dalam soal ini. Bukan kita hanya duduk diam semata-mata. Sama ada di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, sama ada dalam mesyuarat-mesyuarat di kalangan Ketua-Ketua Jabatan dan kita termasuklah di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Tidak payahlah tuduhan-tuduhan yang tidak berasas itu sentiasa nak dilemparkan kepada kita dan juga kepada kerajaan. Kita sama-sama bekerja menuju ke satu matlamat yang baik demi untuk kesejahteraan negara dan juga negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin menyarankan beberapa perkara contohnya tadi, untuk menambahkan lagi wang tabungan dan juga pungutan bagi melihat supaya ekonomi Negeri Johor ini lebih mantap, saya cadangkan banyak daripada kuarters-kuarters ataupun tempat-tempat tinggal yang kita sediakan kepada kakitangan kerajaan yang hari ni banyak kosong. Kalau di kawasan saya itu, Dwi Mahkota, Amona Condominium yang harganya ratusan juta, kosong. Ada 45-50 unit.

Y.B. Dato' Speaker : Untuk apa itu?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Untuk kuarters kakitangan kerajaan Negeri Johor khususnya.

Y.B. Dato' Speaker : Ada kuarters, banyak kosong?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Banyak kosong. Di Bukit Saujana pun ada kosong. Perolehan daripada penswastaan ada 100 unit. Di Kluang pun kosong. Saya cadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu badan untuk mengurus tadbirkan sama ada aset-aset ini dicairkan kepada wang dan wang ini boleh dimasukkan ke dalam tabung kerajaan. Saya rasa penerimaan kerajaan dalam soal ini ratusan juta ringgit. Daripada kita kosongkan, kemudian kita nak baik pulih lagi, apa, mengeluarkan peruntukan yang besar lebih baik kita jual. *Maintenance* dia tinggi. Kerana hari ini semua kakitangan kerajaan, pihak Kerajaan Negeri Johor mengeluarkan

pinjaman perumahan. Dia dah beli rumah sendiri, dia tak nak duduk kuarters lagi. Jadi, salah satu daripada pendekatan untuk kita melihat supaya tabungan wang Dana Negeri Johor ini berkedudukan yang lebih baik dari masa ke semasa.

Yang keduanya, dalam soal untuk kita menarik para pelancong untuk datang ke Negeri Johor, menginap dan juga berbelanja di sini. Apa yang saya lihat, 12.2 juta pelancong yang datang ke mari, kalau kita kirakan bermakna satu bulan ada satu juta pelancong. Sebab satu tahun ada 12 juta. Saya tak nampak ada 1 juta pelancong duduk dekat bandar Johor Bahru ini. Berkemungkinan yang 12 juta melalui pintu masuk daripada Singapura masuk ke Johor dan berkemungkinan terus pergi ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan sebagainya. Jadi, dengan adanya pembangunan yang pesat, dengan pasar raya-pasar raya yang hebat-hebat di kawasan Daerah Johor Bahru ini, kita adakan promosi di luar negara mengatakan kita sekarang ini, Kerajaan Persekutuan sudah menurunkan harga cukai barangan. Sebagai mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya mereka ini dapat gunakan kesempatan ini untuk mereka dapat tinggal di sini dan berbelanja di sini. Jadi, bukan hanya satu angka menunjukkan begitu ramai yang datang tetapi mereka hanya menganggap Negeri Johor ini sebagai satu laluan sahaja. Sedangkan pendapatan daripada mereka-mereka ini untuk Negeri Johor sendiri kita tidak dapat.

Yang ketiganya, dalam soal pembangunan yang ada yang kedapatan di Daerah Johor Bahru khususnya di mana Wilayah Pembangunan Iskandar ini wujud. Banyak pembangunan-pembangunan yang dibuat. Di mana IRDA sebagai satu pihak berkuasa yang mengendalikan sebahagian besar daripada projek-projek rancangan kerajaan 5 tahun, umpamanya. Tetapi malangnya pendekatan IRDA untuk digunakan supaya projek-projek ini berjalan lancar dan tidak menimbulkan apa-apa masalah kurang dimanfaatkan. Kalau dahulu umpamanya, kalau menjadi satu projek dijalankan, ada, ada apa-apa masalah, kita akan menghubungi pihak Jabatan Kerja Raya dan mereka ada satu jabatan yang khusus untuk menjaga sesuatu projek. Dengan cara yang cepat, mereka akan memantau serta melakukan sesuatu kalau ada perkara-perkara yang datangnya, rungutan yang datangnya daripada masyarakat setempat. Hari ini, kalau ada projek umpamanya banjir, jalan dan sebagainya, contohnya pada Persidangan Dewan yang lepas, seorang Wakil Rakyat daripada kita ini sangkut keretanya depan Bandar Baru Uda kerana pembetungan situ tersumbat. Tidak tahu siapa yang kita nak hubungi. Tanya JKR itu di bawah IRDA. Tanya MBJB pun, MBJB kata bawah IRDA. Kita telefon IRDA, IRDA kata tak ada orang yang boleh menangani dalam soal ini. Saya cadangkan supaya satu jawatankuasa dibentuk dalam IRDA ini untuk menangani dan juga menyelaraskan perkara-perkara yang seperti ini berlaku (Dewan bertepuk).

Projek ini baik tetapi jangan sampai menimbulkan rungutan daripada rakyat, masalah kepada rakyat. Saya juga ingin melihat pembangunan stesen baru kereta api di Kempas yang meliputi lebih kurang 100 hektar tanah supaya pembangunan ini mempunyai kesan sampingan yang baik bukan kesan sampingan yang boleh menimbulkan permasalahan kepada rakyat. Saya belum lihat lagi perancangan pembangunan stesen kereta api di Kempas ini. Tapi mudah-mudahan dengan apa yang saya nyatakan di sini pihak yang bertanggungjawab lebih berhati-hatilah dalam soal untuk membangunkan stesen kereta api yang begitu canggih dan juga besar, berkemungkinan akan didirikan di Kempas nanti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang masalah Jabatan Agama Islam. Perkara ini saya telah pun tegur begitu lama. Dana yang dipungut yang dikutip daripada derma, daripada bermacam-macam sumber oleh Jabatan Agama begitu besar tetapi saya lihat tanah-tanah perkuburan khususnya di Jalan Mahmodiah itu tidak terurus, di abai begitu sahaja dengan pokok-pokok yang besar, dengan semak samun dan sebagainya. Kalau kita bandingkan tanah-tanah perkuburan di negara jiran, di Eropah dan sebagainya bersih, cantik malah dijadikan tempat beriadah pada setiap petang, tapi kalau kita tengok tanah-tanah perkuburan kita khususnya di bandar Johor Bahru ini macam ditinggalkan begitu saja.

Y.B. Dato' Speaker : Itu, yang tu dia kena bayar Yang Berhormat, nak tanam. Kita punya *free*.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ini bukan soal bayar ataupun tidak…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, maknanya..

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tapi tanggungjawab kita, sikap kita. Apa salahnya gunakan sedikit dana yang ada di Jabatan Agama, itu juga kalau kita dapat, dapat mencontohi perkara-perkara yang baik yang dilakukan oleh negara-negara lain juga boleh meningkatkan imej Agama Islam kita.

Y.B. Dato' Speaker : Itu keluarga Yang Berhormat, itu macam, kes-kes kubur ini keluargalah bersihkan kubur. Macam saya ada orang tua, bersih hari Jumaat. Ini kita harapkan kerajaan, sampai kubur pun harap kerajaan…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, penyelarasan. Soalnya penyelarasan. Kalau keluarga dia bersihkan kubur situ sahaja. Kalau kita tengok jalannya, sempit. Longkangnya sempit, walaupun…

Y.B. Dato' Speaker : Jalan kubur itu mana boleh besar lagi. Dah tak boleh besar lagi dah memang dah tak ada tempat lagi tu. Kena cari tempat lain.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ini saranan saya Yang Berhormat..

Y.B. Dato' Speaker : Ha, iyalah, ini saya cakap ajelah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sebab ini juga bukan pandangan daripada saya semata-mata tetapi juga pandangan daripada umum. Jadi saya selaku Wakil Rakyat di dalam kawasan ini membawa akan rintihan dan juga pandangan yang saya rasa begitu baik juga datangnya daripada masyarakat umum. Kalau kita tengok menghantar pengebumian dan sebagainya, kalau kita terpijak ada rimbunan pelepah-pelepah atau ranting-ranting, dalam tu banyak semut hitam. Ini ke yang dinamakan kubur? Dan kita bertanggungjawab kita rasa malu daripada Kubur Mahmodiah ini didatangi oleh pelancong-pelancong daripada luar negara datang melihat kawasan itu bagaikan satu destinasi pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga menyarankan kepada kerajaan supaya mengadakan tempat-tempat riadah dan sebagainya. Perbanyakanlah kalau kita nak lihat gaya hidup rakyat kita ini sihat. Kerana untuk menuju ke tahap negara pembangunan yang pesat tanpa mempunyai rakyat yang sihat, maka sudah tentulah cita-cita kita ini tidak akan tercapai. Contohnya, perbanyakanlah padang-padang permainan, tempat-tempat riadah untuk kita melakukan senaman dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam soal untuk kita merealisasikan setinggan sifar dan sebagainya, Alhamdulillah pendekatan demi pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan baik Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan nampaknya semakin lama semakin berjaya. Dan menampakkan hasil dan usaha ini, tetapi apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah setiap kali kalau kita pindahkan orang setinggan, kalau dahulu dia duduk dekat setinggan walaupun bukan tanah dia, walaupun bukan rumah yang agak besar dan selesa tetapi dia tidak membayar apa-apa sewa, sama ada cukai pintunya, cukai tanahnya dan sebagainya. Oklah, kita nak memberikan penempatan yang agak selesa kepada mereka. Kita pindahkan ke Projek Perumahan Rakyat, tetapi mereka-mereka ini juga kena bayar pada setiap bulan, akhirnya mereka tidak akan mempunyai rumah-rumah itu dan dianggap sebagai penyewa sehingga bila-bila.

Saya berpendapat supaya perkara ini dapat dilihat oleh pihak kerajaan sampai bilakah mereka-mereka ini akan menjadi penyewa. Itu sebab ada sesetengah pihak khususnya mereka-mereka yang ingin dipindahkan daripada setinggan kepada Projek Perumahan Rakyat ini ingkar untuk pergi. Kerana dia beranggapan kalau saya duduk di setinggan ini macam rumah sendiri. Pindah, saya menyewa dia kata. Melainkan, kalau saya dipindahkan dan rumah itu menjadi rumah yang tetap dan rumah saya sendiri berkemungkinan mereka. Saya cadangkan supaya pihak Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri, kita banyak GLC. Dalam negara kita ini beribu GLC. Kalau kita lihat TNB satu tahun untung 1.2 bilion, kita lihat Perbadanan Nasional untung 2 bilion, kita lihat Petronas untung sampai berpuluh-puluh bilion, kita ada ribu-ribu.

Saya cadangkan supaya setiap GLC dan syarikat-syarikat besar, gergasi yang ada di negara kita ini, mereka ini membuat keuntungan yang banyak kerana negara kita maju supaya dapat mendermakan tabung amal jariah satu tahun RM5 juta. Kalau kita dapat 100 syarikat, kita dapat pungut lebih kurang, dekat-dekat 500 juta. Kita dirikan rumah dengan RM500 juta ini, kita boleh dapat lebih kurang 30,000 unit rumah. 30,000 unit rumah ini, kita kenal pasti orang-orang yang betul-betul miskin dan memenuhi kriteria dan syarat. Kita bagi percuma kepada mereka. Akhirnya, kalau satu tahun 30,000 orang miskin yang tak ada rumah ini, kita bagi percuma, 10 tahun kita sudah, sudah menghasilkan 300,000 keluarga miskin ini yang tidak ada rumah sudah mendapatkan rumah sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok, masa.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya rasa pendekatan ini perlu dibuat. Terima kasih. Saya rasa pendekatan ini perlu dibuat. Kalau kita tidak buat, hanya kita mendirikan rumah-rumah untuk mereka sewa ini akhirnya mereka juga akan jadi penyewa. Kita gunakan pendekatan-pendekatan walaupun sakit, walaupun susah, insya-Allah, kalau kita berusaha akhirnya akan dapat kita merealisasikan

matlamat negara kita ini negara maju berpendapatan tinggi, setinggan sifar dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, masa…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Jadi dengan itu, saya dengan ini menyokong akan rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Dijemput Yang Berhormat mana yang nak berucap. Oh. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Selamat Hari Raya Aidiladha besok.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm...

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya ucapkan ribuan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ini hari puasa?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tidak, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Alhamdulillah. Tak apa.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan ucapan Bajet bagi tahun 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 11 November 2010 yang lalu. Dalam pembentangan tersebut kita dapat rasakan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu prihatin terhadap kesungguhan untuk melihat rakyat Negeri Johor menikmati segala hasil kemakmuran dengan saksama di antara semua lapisan masyarakat. Oleh kerana Bajet ini menitikberatkan kepentingan rakyat keseluruhannya, maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi tema bagi Bajet tahun 2011 sebagai Bajet Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat. Seiring juga dengan matlamat Kerajaan Pusat yang akan dilaksanakan proses transformasinya meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik. Oleh itu semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam menyahut cita-cita kerajaan. Kita tak boleh lagi hanya berangan-angan hendak menjadi negara maju bagi tahun 2020. Kita perlu berubah atau kita ketinggalan. Kita berjaya membuat perubahan dari negara pertanian ke negara pengeksport terbesar dunia dengan perancangan yang rapi dan strategi yang jelas, insya-Allah kita akan berjaya.

Mengimbau semula bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ianya memberi tumpuan kepada empat strategi utama iaitu :

1. Mendaya kembali pelaburan swasta.
2. Membangunkan modal insan.
3. Mensejahterakan hidup rakyat.
4. Memantapkan penyampaian perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri Johor mestilah bijak memainkan peranan mengutamakan kesejahteraan rakyat ini. Dari semua peruntukan Bajet 2011 ini, terdapat beberapa peluang dan ruang yang perlu diambil oleh warga Negeri Johor sama ada dari kalangan penjawat awam mahupun swasta, termasuk juga usahawan IKS dan juga yang bersekala besar. Kalau kita lihat peruntukan sebanyak RM85.0 juta untuk meningkatkan prasarana hotel dan pusat peranginan, Negeri Johor merupakan pintu masuk utama di selatan ke negara kita. Oleh itu, pasaran pelancongan akan tertumpu di daerah ini. Maka sistem pengangkutan udara, perkhidmatan kereta api, perkhidmatan bas ekspres mestilah di tahap yang terbaik. Semua pusat pengangkutan ini perlu di naik taraf, diberi imej baru dan dilengkapi kemudahan berteknologi tinggi sebagaimana saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, patutlah disokong.

Bajet ini juga memansuhkan duti import barangan kegemaran kepada pelancong. Oleh itu pengusaha tempatan yang berkemampuan boleh dibantu untuk menyediakan kemudahan tempat perniagaan mereka. Ruang niaga di pasar raya besar di Negeri Johor perlu memberi peluang dan ruang kepada semua rakyat terutamanya dalam daerah Johor Bahru ini.

Johor juga seharusnya merebut peluang sebagaimana peruntukan sebanyak RM119.0 juta untuk liputan kandungan tempatan *hosting*. Pembukaan saluran baru dan RM850.0 juta untuk infrastruktur pembangunan Koridor Wilayah Internet. Oleh itu Negeri Johor tidak sepatutnya ketinggalan, kerana peruntukan ini memberi harapan baru untuk lebih berjaya dengan pendekatan teknologi maklumat IT. Untuk itu saya mencadangkan supaya seluruh kawasan Wilayah Iskandar Malaysia dilengkapi prasarana pembangunan ICT dan dijadikan kawasan liputan Internet secara percuma, dengan izin, *free internet coverage* di dalam kawasan ini. Jika ini dapat dilakukan sudah pasti industri pelancongan akan meningkat, pertambahan dan peluang pekerjaan banyak dapat disediakan. Peluang perniagaan terbuka kepada semua rakyat. Kawasan ini juga menjadi hab pendidikan yang diminati oleh pelabur dalam dan luar negara dari segi pelaburan pendidikan. Usaha ini akan mempercepatkan proses ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesemua saranan ini akan hanya tinggal cadangan dan hanya akan menjadi angan-angan kosong kerajaan sahaja, kerana kita perlu mendapat liputan dan hebahan kepada rakyat. Media adalah jawapan tepat untuk persoalan ini. Tetapi kerap kali kita dapati apa yang dibahaskan di Dewan Rakyat, dibahaskan di Dewan Undangan Negeri tidak diberikan liputan ataupun *coverage* dengan izin, yang adil atau yang sebenarnya. Bagaimana segala usaha baik kerajaan dalam membangunkan kerajaan, negara, Kerajaan Barisan Nasional ini hendaklah disampaikan ke pengetahuan rakyat, jika apa yang diucapkan atau yang

dibahaskan di Dewan yang mulia seperti ini tidak dihebahkan. Yang diberi tumpuan hanya perbalahan atau kekecohan dalam Dewan, yang diperbesarkan siap dengan gambar-gambarnya sekali. Jelas di sini ada pengamal media yang tidak bertanggungjawab dalam menjalankan tugas mereka. Organisasi media itu juga terkenal, wartawannya juga terkenal, pasaran media itu meningkat penjualannya. Yang terduduk, jatuh tersungkur ialah usaha kerajaan juga.

Y.B. Dato' Speaker : Berita Yang Berhormat tak pernah keluar ya?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Pelan pembangunan yang dirancang hancur berkecai, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya berharap pengamal media di Negeri Johor ini adalah bukanlah dari kalangan mereka yang saya sebutkan tadi. Atas kenyataan tersebut saya mendesak pihak Kerajaan Pusat melihat dan memantau pengurusan, pengurusan Astro Awani Saluran 501, kerana pada 23 Oktober 2010, dalam berita Awani petang semasa Perhimpunan Agung UMNO berlangsung, mereka membuat tinjauan pendapat mengenai projek Warisan Merdeka oleh Permodalan Nasional Berhad. Berita yang dikeluarkan hanya kesemua yang ditemui oleh pihak Awani itu yang tidak bersetuju sahaja. Apa yang nak saya katakan di sini ialah tujuan projek ini dilihat dari sudut negatif sahaja. Dipermainkan oleh pihak media yang berpengaruh. Otak dan minda rakyat kini diasak dengan informasi yang tidak tepat hinggakan pihak pembangkang juga terkeliru dengan dakyah-dakyah seperti ini. Dalam akhbar Sinaran Harian hari Ahad, 24 Oktober 2010, muka surat 14, cetusan dalam tajuk, Kopi Pahit Hujung Minggu oleh Tok Perak, menulis, tak sampai 10 minit pembentangan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib di Dewan Rakyat semua penulis *blog* dan *facebook* laman web mempersoalkan kenapa kerajaan menggunakan wang rakyat untuk menara 100 tingkat itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lihatlah dua maklumat yang saya berikan itu. Pengurusan, sekali lagi saya kata, pengurusan Astro Awani jelas membuat provokasi mainan minda ke arah memutar belit fakta. Oleh itu, sekali lagi pihak Kementerian Penerangan perlu pantau perkara ini. Jangan tidur sahaja. Buat kerja kalau nak maju pada tahun 2010, 2020 nanti.

Y.B. Dato' Speaker : Yang tidur ni siapa?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Menteri dia agaknya.

Y.B. Dato' Speaker : Menteri dia jaga, hari-hari keluar TV.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Malam dia jaga.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sepatutnya seperti Sinar Harian memberi maklumat cetusan minda untuk kita berfikir cara jelas dan positif, tidak putar belit fakta. Ini barulah boleh dikatakan media, pengamal media ada etika dan tanggung jawab mereka. Semua Ahli Dewan, saya berharap harus beri tumpuan perkara ini kerana kita ada tugas yang besar bagi

menjayakan wawasan kerajaan untuk negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Y.B. Dato' Speaker : Ni Yang Berhormat nasihat kepada ADUN-ADUN lainlah ya.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Lebih kurang begitulah.

Y.B. Dato' Speaker : Kira handallah ya.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Mesej ini jelas. Jadi kita tak mahu ada juga pihak yang pusing-pusing cerita. Saya beri gambaran, Bangunan Warisan 100 tingkat akan menjadi mercu tanda baru bagi Kuala Lumpur bukan Johorlah pada tahun 2020. Projek bernilai RM5.0 bilion dijangka siap 10 tahun dari sekarang. Projek 19 ekar, 7.6 hektar ini, mengandungi ruang pejabat, kondominium dan pusat membeli belah. Pihak pembangkang berkata projek ini membazir kerana guna duit rakyat. Mereka kata duit itu wajar dibelanjakan pada projek yang lebih penting. Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Kamar...

Y.B. Dato' Speaker : Tak payah sebutlah nama. Pengerusi, Chief dah.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Minta maaf Dato' Speaker. Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, duit RM5.0 bilion itu bukan duit rakyat, bukan duit Perbendaharaan Negara dan bukan duit kerajaan pun. PNB kini mengendalikan 9 tabung unit amanah untuk 10.2 juta pelabur, kesemuanya bernilai lebih kurang RM115.0 bilion. Duit RM5.0 bilion tidak diambil dari duit pelabur. 100 tingkat memang tinggi pelaburan untuk mencabar ketinggian bangunan pencakar langit di seluruh dunia berterusan sekarang ini. Menara Berkembar Petronas setinggi 88 tingkat ataupun 452 meter tinggi ini, siap pada 1998. Ia menjadi pencakar langit yang tertinggi di dunia pada masa itu, mengalahkan juara pada tahun yang sama bangunan Chicago Sear Tower.

Yang Berhormat Speaker, rekod Menara Berkembar Petronas bertahan hanya lima tahun sahaja. Pada tahun 2004, Taipei Tower setinggi 101 tingkat, iaitu 509 meter dan sekarang ini, Korea Selatan sedang membina Menara Lotte World II setinggi 110 tingkat iaitu 501.5 meter yang akan siap pada tahun 2013. Pun begitu, bangunan pencakar langit yang tertinggi sekarang adalah Burj Khalifah di Dubai, 152 tingkat, setinggi 828 meter. Apa pun kemampuan PNB tidak terlawan dengan kesemua itu, hakikat sebenar pemegang saham PNB sebenarnya tak kisah. Yang penting pada mereka ialah bukan bangunan PNB yang tinggi, tetapi peluang keuntungan dan dividen PNB lebih utama. Berapa banyak peluang perniagaan terbentuk. Lebih utama peluang pekerjaan kepada anak-anak kita lebih utama. Jadi kenapa perkara pokok tidak disentuh dan dihebahkan oleh media dan juga pembangkang. Sekali lagi media perlu penjelasan. Mereka perlu memberi penjelasan apa sebenarnya Warisan Merdeka itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana sehingga Julai 2010 Negeri Johor telah menerima pelaburan sebanyak RM2.7 bilion berbanding RM2.6 bilion pada tahun sebelumnya. RM1.2 bilion merupakan pelaburan langsung asing ataupun FDI, adalah kedua terbaik di seluruh negara dan Johor juga pernah menjadi penerima tertinggi pelaburan asing,

3 tahun berturut-turut sejak tahun 2005. Tahniah Kerajaan Negeri Johor, tak macam kerajaan negeri lain terutamanya pembangkang.

Untuk meneruskan agenda ekonomi Negeri Johor, tumpuan akan terus diberikan terutama di bidang industri bioteknologi, minyak dan gas, industri berteknologi tinggi, perkhidmatan pelancongan dan kesihatan. Di bidang minyak dan gas, saya berharap kerajaan tidak hanya meniru dan mengadaptasi sahaja dari pembangunan negara lain dengan membuat kilang-kilang penapisan sahaja dengan membuat tangki penyimpanan minyak saja, kita mempunyai peluang juga dari industri sokongan kepada industri minyak dan gas seperti mengadakan kilang-kilang pengeluaran, bahan-bahan paipnya, bahan-bahan penggerudinya, bahan selut yakni untuk mengganti kawasan sedutan dan juga kilang industri berteknologi tinggi dengan usaha sama bersama-sama dengan negara asing.

Dengan adanya industri sokongan ini akan bertambahlah peluang pekerjaan kepada rakyat kita apabila sampai tahun 2020 sebagai negara maju yang mana sedang difikirkan, dikaji dan akan dilakukan di Johor, di Pengerang sana. Saya berharap dalam bidang pelancongan pula, kita bukan hanya menjadi pengharap saja, dalam sektor pelancongan ini contohnya kita hanya berharap kemasukan pelancong luar negara ke Malaysia hanya melalui agen-agen dari Singapura saja. Kita ada prasarana semula jadi pelancongan dan destinasi yang menarik yang dikagumi tetapi kita hanya masih menggunakan cara lama urus niaga iaitu tradisional katanya dengan menggunakan khidmat saudara-mara kita di Singapura dan juga rakan-rakan kita saja dari seberang tambak. Saya rasa ini patut dibuka seluas-luasnya kepada rakyat kita, bukan hanya secara tradisionalnya saja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dari segi bidang pelancongan kesihatan. Saya minta Kementerian Kesihatan supaya Akta Perubatan dapat dikaji dan dipinda seperti mengikut Kerajaan Pakistan dan juga India yang membenarkan pengamalan perubatan homeopati yang layak boleh menggunakan *IV drips* dan suntikan kepada pesakit mereka agar matlamat mensejahterakan rakyat dapat ditransformasikan. Jangan apabila ada kepentingan saja semua benda boleh dapat kelulusan. Integriti dalam melaksanakan tanggungjawab untuk kesihatan rakyat mesti juga didahulukan. Ini penting untuk menjadikan Johor menjadi pilihan destinasi di bidang pelancongan perubatan ini. Inilah sebab kenapa perubatan homeopati tidak popular di Malaysia, tidak diiktiraf sepenuhnya pengamalan perubatannya seperti *acupuncture* boleh seiring dengan perubatan hospital dan diterima pakai oleh Kementerian Kesihatan. Begitu juga perubatan singse boleh diterima penggunaannya. Perubatan herba juga baru diterima pakai di Malaysia. Sebenarnya homeopati ini, Yang Berhormat Dato' Speaker ianya berasal daripada Jerman diperkembangkan di Pakistan, di India baru masuk ke Malaysia. Bukan ianya datang dari satu-satu kaum saja, ianya internasional juga.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat eh, pengamal ni eh, homeopati?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya sedang berubat dengan homeopati.

Y.B. Dato' Speaker : Oh sedang, ok?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Nampaknya alhamdulillah, dia takda *drug*.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah mudah-mudahan.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Takda racun, ha itu ya, yang penting dia. Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Percuma Yang Berhormat, percuma?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Bayar juga Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok masa dah cukup.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ha sikit lagi, ni kalau tak cakap orang warga emas nanti dia marah saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha cakap, ni *last*.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Speaker, pertamanya dalam kawasan saya ini Transformasi Daerah Central Johor Bahru. Pelan Transformasi Daerah Central Johor Bahru akan menjadikan pusat bandar raya sebagai pusat ekonomi. Memastikan bahawa daerah ini berdaya saing, mampan dan sebagai pilihan utama untuk tujuan melancong, menetap, bekerja dan menjalankan perniagaan. Seiring dengan saranan ini, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru harusnya memberi segala kerjasama untuk tujuan itu. Saya dapati ada perancangan untuk didirikan kawasan pangsapuri ataupun *apartment* dalam kawasan CBD (*Central Business District*) tetapi malangnya pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak serius mengenainya. Rancangan tinggal perancangan saja untuk kita menyahut cadangan kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara maju, Majlis Bandaraya harusnya menterjemahkan apa yang dicadangkan bukan hanya dibukukan saja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 13 November, saya dijemput oleh penduduk Kampung Skudai Kanan dalam DUN saya, saya tak pergi DUN orang lain untuk merasmikan Majlis Titian Emas meraikan warga emas berumur lingkungan 70 tahun ke atas. Dalam ramah mesra saya dengan warga emas ini mereka mencadangkan agar Kerajaan Negeri Johor dapat terus memberi sumbangan wang ihsan RM100.00 sebulan kepada warga emas yang miskin dan tiada pendapatan. Mereka mengatakan masalah birokrasi jabatan dan kurang faham peraturan membuatkan mereka susah dapat bantuan dari JKM (Jabatan Kebajikan Malaysia). Mereka benar-benar minta saya mencadangkan dalam ucapan ini agar warga emas Negeri Johor secara automatik, bila umur dia sampai je 70 tahun diberi wang ihsan ini tiap-tiap bulan. Seorang cuma RM1,200.00 aja.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa ramai umur 70? Ramai Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya rasa ramai yang dah pupus, tinggallah yang ada tu saja. Jadi kita kalau kira dalam Johor pun sikit sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Skudai Kanan, dia Skudai Kiri, belakang kira.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ini cadangan yang baik.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya pun tak tau saya boleh sampai ke tidak umur 70 tu. Mungkin boleh juga menikmati RM100.00 tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ha oklah mudah-mudahan, entahlah eh Yang Berhormat pun tengah berubat ni, susah nak cakap.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : (Ketawa) Ini Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Agama Negeri Johor ni. Saya menyambut baik cadangan Kerajaan iaitu 25 minit akhir kursus pemahaman untuk pembelajaran Al-Quran di Sekolah Agama Kerajaan Johor bagi pelajar darjah 4, 5 dan 6. Mudah-mudahan pelajar-pelajar akan mempunyai akhlak yang mulia dan menjadi generasi yang mengamalkan ajaran agama yang mantap akan datang. Pada masa yang sama ada setengah masyarakat mempertikaikan tahap pendidikan sekolah agama ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka mengatakan yang murid berumur 7 hingga 9 tahun atau darjah 1,2 dan 3 sepatutnya tidak secara paksa naik darjah kerana pada masa ini terdapat murid darjah 3 sekolah agama masih tidak tahu menulis dan membaca jawi. Di peringkat darjah 6 pula mereka baru berumur 12 tahun mungkin ada yang belum akil baligh lagi dan apabila mereka di Kelas Khas mereka baru berusia 14 tahun. Dia kalau lulus, sesuaikah mereka menjadi guru kepada sekolah agama, sekolah agama seperti ini? Kalau dulu sekolah agama kita, sekolah Khas aja dia punya *certificate* tu dah boleh mengajar sekolah agama. Kalau ini budak baru 14 tahun dah lulus Kelas Khas, boleh ke jadi cikgu? Dengan dia punya pengetahuan macam tu mungkin belum mimpi lagi?

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, dah sampai masa.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya cadangkan, sikit lagi ni Speaker, saya mencadangkan Sekolah Agama Johor dipermantapkan lagi. Darjah 1, 2 dan 3 dimansuhkan kepada hanya kita panggil darjah awalan untuk pelajar berumur 7, 8 dan 9 ini. Di darjah ini dimantapkan pembacaan dan penulisan jawinya. Sekiranya tidak lulus, tak payah naik darjah. Kemudian di peringkat kedua darjah matang pula, umur antara 10 hingga 12 tahun. Kemudian baru dia boleh naik Kelas Khas, agama biarlah umur mereka 16 hingga 18 tahun. Janganlah kita pentingkan jumlah kuantitinya saja, pentingkan kualiti agama pada pelajar adalah lebih mujarab saya rasa untuk meningkat kualiti akhlak mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ok.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Akhir sekali pengerusi, ini usaha kerajaan mempercepatkan kelulusan mendapatkan *strata title* bagi Negeri Johor melalui sistem e-Kadastra yang dapat mempercepatkan proses permohonan dari 170 hari kepada 70 hari saja, patut diberi pujian. Ini dapat memberi keyakinan kepada pemilik rumah terhadap pemilikan hartanah mereka dalam bandar tetapi dalam masa yang sama saya berharap jangan dalam masa kita mengejar mengurangkan masa kelulusan, KPI jabatan ini dan pekerjanya dipertikaikan seperti kes Pangsapuri Larkin Indah di DUN saya. Lagi sekali saya cakap saya cuma dalam DUN saya je tak pergi DUN orang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ok.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Pangsapuri Larkin Indah semasa promosi penjualannya menjanjikan pembeli yang mana tidak akan dikenakan wang penyelenggaraan ataupun *free maintenance*. Pembeli hanya dikenakan bayaran tempat letak kereta saja, *Sale & Purchase Agreement* nya, dengan izin, tidak serupa dengan penjualan hartanah perumahan pemaju-pemaju yang lain. Mereka menuntut dalam *strata title* kawasan letak kereta menjadi hak milik mereka. Bermakna pembeli unit rumah tidak menjadi pemilik letak kereta dan terpaksa menyewa kepada pemaju seumur hidup mereka dan yang mengaibkan makna *free maintenance* dengan izin, yang dikatakan tu adalah pemaju tidak bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyelenggaraan setelah tamat tempoh kecacatan. Alasan pemaju kerana mereka tidak mengutip wang untuk kerja penyelenggaraan bermakna pembeli unit rumah kena buat kerja kerosakan dengan wang mereka sendiri. Ketirisan seperti ini sepatutnya tidak boleh berlaku sekiranya pihak yang bertanggungjawab seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru, Kementerian Pembangunan (KPKT), Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dan akhirnya PTG dengan *strata title* dan juga peguam-peguam yang menandatangani perjanjian ini menjalankan kerja dengan jujur.

Y.B. Dato' Speaker : Ini penswastaan ke?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Bukan, beli ni, orang rumah beli.

Y.B. Dato' Speaker : Tak projek?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Projek Rumah Swasta. Rumah tu buat sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Tanah kerajaan?

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tanah pemaju. Ini masalah betul ni. Saya...

Y.B. Dato' Speaker : Ha ok Yang Berhormat, dah habis ni.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Ha dah habislah ni. Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tiga kali dah.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Apa ada pangsapuri, banyak juga rumah pangsa, saya DUN Tanjung Puteri, sokong juga Puteri Wangsa. Sekian wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum.

Y.B. Dato' Speaker : Ok perbahasan disambung lagi terus, siapa nak berucap?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bentayan.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm…tidak nampak, ok…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan Bentayan mengambil bahagian dalam membahas Bajet Negeri Johor 2011, Rang Undang-undang Enakmen 2011 yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet 2011 merupakan satu *surplus* sebanyak RM2.77 juta. Sungguhpun bajet 2010 merupakan satu bajet *surplus* tetapi Bentayan amat berharapkan kerajaan Negeri Johor sentiasa meneruskan langkah-langkah berjimat-cermat serta mengurangkan peruntukan bagi aktiviti yang tidak proaktif dan mengelakkan pembaziran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, laporan Ketua Audit Negara Kerajaan Negeri Johor tahun 2009. Menurut laporan tersebut dari muka surat 137 sehingga muka surat 151 mengenai pengurusan kemudahan awam Majlis Perbandaran Muar MPM yang menyatakan bahawa objektif (MPM) adalah untuk menguatkuasakan kawalan pembangunan dan perkhidmatan kebersihan serta mempertingkatkan dan menggalakkan pembangunan yang komprehensif bagi memastikan kemajuan dan keutuhan sistem fizikal, sosial, ekonomi di seluruh kawasan pentadbirannya. Bagi mencapai objektif tersebut, salah satu tanggungjawab yang diperlu dilaksanakan oleh MPM adalah memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pengawalan dan penyelenggaraan kemudahan awam serta memastikan semua kemudahan awam berada di dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Bagi tahun 2007 hingga 2009, MPM telah membelanjakan RM1.57 juta atau 52.9% daripada RM2.97 juta peruntukan yang diluluskan bagi pembangunan atau pengurusan penyelenggaraan kemudahan awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penemuan Audit. Pengauditan yang dijalankan antara Ogos hingga November 2009, mendapati bahawa pada keseluruhannya, pengurusan kemudahan awam MPM ini tidak memuaskan dan mempunyai ruang untuk penambahbaikan di mana terdapat beberapa kelemahan yang menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak boleh dimanfaatkan oleh orang awam. Contohnya, 38 jenis kemudahan awam tidak di selenggara dengan sempurna. Penyediaan kemudahan awam yang tidak digunakan atau tidak mencukupi, berlaku pencerobohan di 29 tapak kemudahan awam yang terdiri daripada lot permainan dan tanah lapang serta kemudahan awam yang dirancang tidak dilaksanakan. Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2009, pada keseluruhannya prestasi penyelenggaraan kemudahan awam oleh MPM adalah tidak memuaskan seperti berikut :-

1. Kemudahan awam tidak di selenggara dengan sempurna. Kemudahan awam dalam kawasan pentadbiran MPM tidak di selenggara apabila rosak, usang dan tidak berfungsi. Pada September dan Oktober 2009, sekitar kawasan pentadbiran MPM mendapati bahawa 38 atau 71.1% daripada 53 kemudahan awam tidak di selenggara dengan sempurna.

2. Kerja-kerja penyelenggaraan projek pembangunan dan pemulihan paya bakau di Jeti Tanjung Ketapang tidak dilaksanakan. Skop kerja utama projek adalah untuk membina pelantar laluan dan wakaf, membekal dan menanam 1,500 pokok bakau dan penyelenggaraan projek pembangunan dengan kos sejumlah RM167,400.00 di Jeti Tanjung Ketapang. Semakan audit mendapati bahawa kontrak utama disahkan siap pada 28 November 2008 tetapi kerja penyelenggaraan selama 12 bulan seperti dipersetujui tidak ditentukan oleh pegawai penguat kuasa dan tiada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa pihak kontraktor telah melaksanakan kerja penanaman sebanyak 1,500 batang pokok bakau dan 6 batang pokok kelapa gading. Perkara ini berlaku disebabkan MPM tidak mengambil kira tempoh kerja penyelenggaraan semasa mengesahkan projek siap. Oleh itu, bayaran kontrak yang dijelaskan sepenuhnya adalah termasuk pembayaran bagi kerja membekal dan menanam 6 pokok kelapa gading, 800 pokok bakau minyak dan 700 pokok bakau kurap bernilai RM8,500.00 di tapak kerja serta kerja penyelenggaraan lain sebanyak RM40,000.00 yang tidak dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

3. Kompleks kolam renang Muar terbiar. Kompleks Kolam Renang Muar telah dibina pada tahun 1977 dengan kos RM1.5 juta. Projek ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan orang awam dalam aktiviti renang dan mempelbagaikan kemudahan rekreasi di kawasan MPM. Bangunan utama kolam renang perlu di selenggara jika terdapat kerosakan. Manakala penyelenggaraan di bahagian kolam dan mesin pam air perlu dilakukan secara berterusan untuk menjaga kualiti air kolam renang. Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2009 tersebut, menyatakan bahawa Kompleks Kolam Renang Muar telah terbiar dan ditinggalkan semenjak penutupannya pada tahun 1998 dan satu bangunan utama didapati telah rosak. Sebuah kolam renang bersaiz Olimpik tidak boleh digunakan lagi kerana air tercemar dan mengalami kerosakan kualiti air, mesin pam air juga tidak dapat digunakan kerana rekodnya tidak di selenggara. Akibatnya kompleks kolam renang Muar tidak ekonomi untuk dibaiki kerana kos membaik pulih dianggarkan berjumlah RM 3 juta. Apabila Kompleks Kolam Renang Muar ditutup kepada orang awam, pengguna dan peminat sukan renang yang ingin menggunakan kemudahan kolam renang tidak dapat melakukan aktiviti riadah tersebut. Alangkah terperanjatnya Bentayan membaca Laporan Ketua Audit Negara 2009, yang menyatakan bahawa MPM telah membuat permohonan kepada Pejabat Tanah Daerah Muar supaya tapak kolam tersebut dijadikan sebagai hak milik MPM untuk dijadikan tapak bangunan baru MPM. Bentayan ingin menanyakan kepada pihak kerajaan berapa banyakkah bangunan baru MPM akan didirikan di Daerah Muar? Difahamkan bahawa pihak MPM telah mencadangkan bangunan barunya yang bakal didirikan di Jalan Sulaiman

iaitu di Warung Aqua, Warung Pondan sekarang yang bersebelahan dengan Pejabat Telekom Muar.

Y.B. Dato' Speaker : Apa? Apa? Kawasan apa? Pondan?

Y.B Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ha, warung aqualah... warung pondan sekarang tu, tapak tu. Belakang *Post Office* sebelah Telekom.

Y.B. Dato' Speaker : Ada apa?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Pondan berniaga dekat sana.

Y.B .Dato' Speaker : Pondan?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pergi ke?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ha, memang sedap makanan itu. Selalu pergi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh saya ingat……oklah saya ingat pondan. Hmm…ok…ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bentayan berpendapat satu perancangan teliti haruslah dibuat dan pendapat daripada orang ramai adalah penting sebelum sesuatu projek dilakukan oleh MPM. Ini adalah untuk mengurangkan pembaziran wang rakyat. Sehubungan itu, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2009 telah mengesyorkan perkara-perkara berikut supaya ia dapat dipertimbangkan kepada pihak MPM.

a. Menyediakan rancangan penyelenggaraan kemudahan awam untuk tujuan penyelenggaraan secara berkala. Pencegahan dan pembaikan melalui penyediaan satu daftar kemudahan awam.

b. Membuat kajian menyeluruh terhadap keperluan kemudahan awam di seluruh kawasan pentadbiran MPM berdasarkan permintaan orang awam.

c. Meningkatkan rondaan dan mengambil tindakan terhadap aktiviti-aktiviti bertentangan Undang-Undang Kecil Taman (MBMS 1987) ke atas tanah lapang dan kawasan-kawasan permainan kanak-kanak di seluruh kawasan pentadbiran MPM.

d. Menggalakkan skim perumahan berskala besar untuk mengelakkan konflik penggunaan tanah dan masalah kekurangan kemudahan awam di kawasan mempunyai ramai penduduk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Laporan Ketua Audit Negara telah membuktikan kepada pihak MPM bahawa mereka telah membelanjakan RM1.57 juta atau 52.9% peruntukan tetapi kerja-kerja pengurusan penyelenggaraan tidak dikendalikan

dengan baik. Sekiranya MPM membuat perancangan teliti seperti menerima pandangan daripada penduduk Muar, maka banyak perbelanjaan dapat dijimatkan dan dapat dimanfaatkan kepada setiap golongan yang disasarkan. Dengan sifat berjimat-cermat dan pengurusan cemerlang MPM, mereka tidak perlu sakit kepala untuk mencari strategi macam mana untuk menambahkan cukai mereka kerana setiap wang yang dijimatkan itu merupakan pendapatan MPM. Di sini, Bentayan ingin menanyakan kepada pihak kerajaan negeri apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai YDP-YDP Majlis Berkuasa Tempatan di Negeri Johor dan sila kemukakan laporan penilaian prestasi mereka untuk tahun 2008, 2009 dan 2010. Misalnya dalam kes MPM, adakah YDP berkenaan haruslah dinaikkan pangkat kepada Penolong Pengarah Kanan Tanah dan Galian Negeri Johor ataupun dikenakan tindakan disiplin kerana keghairahan beliau untuk menjalankan tugas hariannya telah mengakibatkan kerugian besar kepada semua warga Muar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan-soalan yang saya tanya :-

1. Nyatakan sama ada kerajaan negeri johor boleh bersetuju meluluskan untuk setiap Ahli Dewan Negeri Johor tanpa mengira parti satu elaun khas yang munasabah tetapi cukup untuk membiayai kos pengendalian pusat khidmat – pusat khidmat mereka dan juga gaji kakitangan untuk tugas kaji selidik dan kesetiausahaan.

2. Pada tarikh 20 Oktober 2010, jam 10:00 pagi, indeks pencemaran udara (IPU) di daerah Muar telah mencecah tahap 432 iaitu dalam kategori bahaya sehinggakan pihak kerajaan terpaksa menasihatkan supaya sekolah-sekolah di daerah ini ditutup sementara sehingga situasi bertambah baik. Adakah IPU yang diumumkan itu betul dan apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya ia tidak menjadi malapetaka tahunan di negeri ini?

3. Mengapakah pihak kerajaan membenarkan pihak Digi dan TM mendirikan menara pemancar selular di hadapan rumah kediaman nombor 134-1, Taman Sri Treh, Muar dan adakah rangka besi yang dipasang itu selamat dan memenuhi spesifikasi pelan bangunan serta adakah pancaran tersebut boleh mengakibatkan penyakit kanser kerana terdapat tiga penduduk di kawasan tersebut telah menghidap penyakit tersebut.

4. Memandangkan kekurangan tempat letak kereta di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar adakah kerajaan bercadang untuk memperluas dan memperbaiki tempat tersebut dan apakah cadangan penyelesaian terhadap masalah kekurangan tempat letak kereta di hospital tersebut?

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah-masalah setempat di DUN Bentayan. Bentayan banyak menerima banyak aduan mengenai masalah setempat dan berharap pihak kerajaan negeri dapat menyelesaikan perkara-perkara berikut dengan kadar segera:

   a. Sistem perparitan di Jalan Ismail, Muar. Bentayan berharap pihak kerajaan negeri dapat membina satu perparitan baru di antara tiang lampu Jl 41

sehingga tiang lampu JI 50 kerana kawasan tersebut sering dilanda banjir kilat apabila waktu hujan.

b. Aduan lain penurapan jalan tar yang baru haruslah disegerakan juga di Jalan Ismail Muar dari tiang lampu JI 40/1 sehingga tiang lampu JI 40/9 kerana jalan tersebut tidak pernah diperbaiki sejak 30 tahun yang lalu.

c. Aduan juga terima mengenai kekerapan kemalangan berlaku di persimpangan Jalan Bakri, Muar ke pusat perniagaan Arosa, Muar. Jalan tersebut merupakan jalan berlorong tiga dari arah Bakri dan apabila tibanya di persimpangan tersebut terdapat satu kotak kuning yang telah dilukiskan di atas permukaan jalan. Tetapi pihak JKR hanya melukis kotak kuning itu di lorong pertama dan kedua dan terlupa untuk melukis kotak kuning di lorong ke tiga, iaitu lorong tiga juga merupakan lorong motosikal. Maka kemalangan sering berlaku apabila kenderaan dari arah Muar ingin membelok kanan masuk ke pusat perniagaan Arosa Muar. Sungguhpun kenderaan dari arah Bakri telah berhenti sebelum kotak kuning di lorong satu dan kedua untuk memberikan laluan kepada kenderaan dari arah Muar untuk masuk ke pusat perniagaan Arosa, tetapi apabila sampai ke lorong ketiga sahaja kemalangan sering berlaku kerana motosikal dari arah Bakri akan memandu kenderaan mereka disebabkan tiada arahan untuk berhenti. Keadaan yang sama juga berlaku di persimpangan Jalan Bakri iaitu di tiang lampu MYP 20 Muar iaitu di hadapan Bank of China Muar, maka Bentayan berharap pihak JKR Muar dapat menyiasat dan meneliti kedua-dua persimpangan di atas supaya satu formula penyelesaian dapat diwujudkan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di kawasan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya kawasan ini banyak masalah tak selesai ek?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Banyak masalah, banyak masalah, so kita bawak dekat Dewan la ataupun kasi masa sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Ataupun tukar Wakil Rakyat? Mungkin selesai ke? (Dewan bertepuk)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tukar Kerajaan la, kita tukar Kerajaan kepada Pakatan Rakyat, boleh selesailah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ya, oklah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sikap pemandu Mayang Sari Ekspres. Pada tanggal 10.10.10 satu kemalangan ngeri telah berlaku di lebuh raya Utara – Selatan yang telah mengakibatkan 13 nyawa terkorban dan lebih 40 orang cedera. Bentayan menerima aduan mengenai kecuaian pemandu bas Mayang Sari Ekspres iaitu berlaku pada 4 September 2010. Sebuah bas ekspres milik Mayang Sari, nombor pendaftaran JHF 7500 telah berlepas dari stesen bas Bentayan Muar untuk menuju ke Kuala Lumpur. Dalam perjalanan tersebut pemandu

bas berkenaan sering menggunakan telefon bimbit untuk berinteraksi dengan pihak ketiga dan juga sering bermain *game* dengan izin semasa memandu serta memandu menggunakan satu tangan sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Betul Yang Berhormat?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ha, saya ada buktinya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ada bukti di video. Difahamkan bahawa pada trip tersebut, bas berkenaan telah membawa 17 orang penumpang. Penumpang-penumpang dalam bas berkenaan berasa amat gelisah dan khuatir dengan keselamatan jauh mereka dan akan terancam dan telah membuat aduan terhadap pemandu berkenaan tetapi tiada tindakan lanjut di ambil oleh pihak syarikat berkenaan. Bentayan berpendapat kemalangan nyawa yang berlaku ke atas bas ekspres adalah besar berkemungkinan berpunca daripada sifat tidak bertanggungjawab dan kecuaian pihak pemandu bas ekspres.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lagi sikit ar. Saya berharap, pihak Kerajaan Negeri dapat menyiasat perkara di atas dan mengambil tindakan yang tegas kepada syarikat bas berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Persidangan Dewan Negeri yang lalu, Bentayan telah menanyakan soalan mengenai tiang-tiang lampu TNB yang masih dibiarkan di tengah-tengah Jalan Daud dan jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan adalah bahawa anggaran mengalihkan tiang-tiang tersebut adalah sebanyak RM60,000.00. Ini bermakna kos pengalihan setiap tiang lampu TNB adalah sebanyak RM4,615.38. Mengapakan kos yang begitu tinggi, diperlukan untuk mengalihkan 13 tiang lampu TNB tersebut. Menurut tinjauan kebiasaannya kos pengalihan setiap tiang lampu adalah dalam sekitar RM1,000.00 sahaja. Ini bermakna pengalihan 13 tiang lampu tersebut terdapat kos berlebihan sebanyak RM47,000.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tapak bangunan UMNO Bahagian Bakri. Tapak bangunan UMNO Bahagian Bakri telah didirikan dengan sederet 11 buah kedai tiga tingkat dan Bahagian UMNO, Bahagian Bakri Muar yang telah diluluskan pada 14 Mei 2010. Siapakah pembeli atau pemilik berdaftar untuk 11 buah kedai-kedai tiga tingkat yang baru dibina dan nyatakan berapakah jumlah nilai harga sesebuah kedai tersebut? Mengapakah MPM meluluskan Bangunan dan deretan kedai tersebut walaupun bahagian belakang deretan dan bangunan kedai tersebut, rizab jalannya adalah amat sempit, malahan bersebelahan dengan Sungai Bentayan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, di seberang Sungai Bentayan sana pula, terdapat pusat penjaja Bentayan yang mana rangka bangunan tersebut juga dibina sehingga ke tebing Sungai Bentayan. Apakah yang akan terjadi sekiranya pihak JPS, ingin membersihkan sungai tersebut dengan lorong belakang yang sempit? Bentayan berpendapat jentera-jentera JPS tidak dapat menjalankan kerja-kerja pembersihan

mereka dengan sempurna. Maka sekiranya lorong tersebut tidak dapat dilalui oleh jentera JPS adakah bangunan sedia ada perlu dirobohkan untuk kerja-kerja pembersihan Sungai Bentayan?

Y.B. Dato' Speaker : Ah ok, ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Di sini Bentayan, ingin bertanya dengan pihak Kerajaan apakah mekanisme yang akan digunakan untuk membersihkan Sungai Bentayan? Dan adakah pihak JPS akan mencipta jentera JPS berbentuk helikopter kerana tiada laluan masuk untuk jentera-jentera berat ke kawasan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ah ya, ok Yang Berhormat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lagi sikit lagi eh?

Y.B. Dato' Speaker : Eh...

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ah sikit lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, hala menuju...

Y.B. Dato' Speaker : Dua minit, dua minit.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Hala menuju ke Jalan Bentayan Muar. Bentayan menerima banyak aduan kepada para peniaga dan penduduk di Jalan Bentayan Muar, mengenai penukaran sistem lalu lintas oleh pihak MPM ke atas jalan tersebut. Para peniaga yang menjalankan perniagaan di sana telah merungut bahawa perniagaan mereka telah merosot sehingga 50% kerana ramai pelanggan dari luar susah hendak mencari jalan masuk ke Jalan Bentayan. Pada masa kini pihak MPM telah memasang 2 papan tanda untuk menunjukkan hala yang betul ke Jalan Bentayan iaitu satu di Jalan Abdullah dan satu lagi di Jalan Lama. Tetapi nampaknya, ramai yang masih sesat untuk mencari jalan tersebut. Bentayan berharap pihak MPM dapat menyelesaikan perkara tersebut dengan kadar segera agar para peniaga di kawasan tersebut dapat menyelesaikan, menjalankan aktiviti perniagaan mereka seperti sedia kala.

Yang Berhormat Dato' Speaker, *last* eh..hari...

Y.B. Dato' Speaker : Hei..

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Hari tanpa plastik, hari..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah panjang sangat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lagi satu minit lah, Hari Tanpa Plastik, yang diperkenankan oleh Kerajaan Pulau Pinang, Pakatan Rakyat yang memerintah Pulau Pinang akan memperkenalkan hari tanpa beg plastik di Negeri Pulau Pinang mulai 1 Januari 2011. Ini adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan seterusnya menyelamatkan bumi yang kita cintai. Bentayan berharap Kerajaan Negeri Johor

boleh mencontohi Kerajaan Pulau Pinang dalam kempen tersebut. Marilah kita sama-sama menyelamatkan bumi..

Y.B. Dato' Speaker : Itu contoh cuma Yang Berhormat, contoh untuk plastik aja, tak payah contohlah kalau plastik. Ialah untuk plastik, yalah oklah ok dah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ini adalah amalan yang baik untuk generasi yang akan datang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ok dah, masa dah habis.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Lagi setengah minit. Kerajaan juga boleh menggalakkan penghasilan beg plastik yang boleh biodegradasikan. Pada masa sekarang beg-beg plastik yang mesra alam sekitar ini hanya digunakan oleh pasar raya-pasar raya besar sahaja, manakala peniaga-peniaga kecil, masih menggunakan beg-beg plastik yang kurang mesra alam sekitar atau lebih teruk lagi, langsung tidak mesra alam sekitar. Maka, saya menggesa Kerajaan untuk meninjau cara-cara yang boleh dilakukan untuk mempertingkatkan penggunaan beg-beg plastik yang mesra alam sekitar dan mengurangkan atau mengharamkan penggunaan beg-beg plastik yang langsung tidak mesra alam sekitar. Kesimpulan eh, kesimpulan lah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok Yang Berhormat. Ok dah habis. Yang Berhormat,

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bentayan menggesa Kerajaan Negeri haruslah berjimat cermat dan segala kemudahan awam yang dibina perlulah di selenggara mengikut jadual bukannya di selenggara apa yang rosak, usang dan tidak dapat berfungsi lagi. Sikap berjimat cermat, haruslah *di praktis* di semua agensi Kerajaan Negeri kerana setiap sen yang dibelanjakan adalah wang titik peluh rakyat Negeri Johor. Rakyat tidak mahu melihat, Kerajaan Negeri sentiasa mencari jalan senang dan cara menaikkan cukai. Dengan tujuan untuk menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri Johor dan kemudiannya membelanjakan secara boros.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat... ok dah.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Nak tanya satu Y.B. boleh?

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh, tak boleh dah tak ada masa dah terlebih. Dia tak ada kena mengena, dia bukan Kerajaan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ooo ok, saya ingat nak tanya satu lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ah ah, ah ok. Sekian terima kasih.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ok sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, siapa lagi nak berucap? Oh Penggaram.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam bahagia, salam satu Malaysia saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang

Berhormat serta semua yang berada di dalam dewan yang mulia ini. Yang Berhormat, Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, rehat kejap, lepas itu kita sambung lagi eh. Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Persidangan dan Pembentangan Bajet 2011 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tema Pembentangan Bajet kali ini iaitu, Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat. Merupakan satu harapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, agar rakyat di negeri ini didahulukan kesejahteraannya, selari dengan slogan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sesuai dengan pelan transformasi kerajaan dan pelan transformasi ekonomi, maka kini kita lebih komited untuk menyelesaikan segala isu-isu pembangunan dan masalah rakyat berdasarkan lima strategi utama yang berkaitan ekonomi, taraf hidup rakyat, meningkatkan kualiti hidup, mentransformasikan perkhidmatan awam dan pembangunan masyarakat sivil yang beridentiti dan mempunyai nilai-nilai murni.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menarik perhatian berkenaan Strategi Ketiga dalam Bajet ini iaitu, meningkatkan kualiti hidup rakyat Johor khususnya, supaya setaraf dengan negara maju di mana inisiatif yang pertama ialah meningkatkan kualiti infrastruktur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejak akhir-akhir ini banyak kemalangan yang membawa maut kita dengar di media massa. Terdapat berbagai sebab berlakunya perkara ini. Selain dari kecuaian manusia, serta faktor kenderaan itu sendiri, masalah reka bentuk jalan raya dan sistem trafik juga memainkan peranan dalam menyumbang kadar kemalangan di dalam bandar. Dengan kepesatan pembangunan khasnya di daerah Batu Pahat, pertambahan kenderaan di jalan raya memang tidak dapat dinafikan. Antara jalan yang kini semakin sesak dan memerlukan pelebaran dan naik taraf iaitu, Jalan Bukit Pasir menghala ke Tongkang Pechah dan juga Jalan Tanjung Labuh menghala ke Pontian. Pemantauan terhadap di jalan-jalan yang saya sebutkan ini, telah saya lakukan dan berpendapat sudah tiba masanya pelebaran jalan, pembinaan pembahagi jalan, pertambahan lampu isyarat dan naik taraf jalan raya sedia ada, perlu dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu pelebaran jalan-jalan alternatif, pembinaan pembahagi jalan dan pembinaan jejantas serta kemudahan-kemudahan yang lain juga perlu dilakukan terutamanya bagi penyuraian trafik bagi mengelakkan kesesakan dalam bandar. Bandar Batu Pahat, merupakan sebuah bandar penghubung tiga buah daerah utama iaitu Kluang, Muar dan Pontian. Memandangkan kesesakan di dalam bandar, dicadangkan agar kajian dan perlaksanaan *outering* dan *innering road* dengan izin, serta jalan pesisiran pantai sebagai jalan alternatif dapat dijadikan keutamaan dalam usaha kita meningkatkan kualiti infrastruktur yang berkualiti kerana ianya adalah pemangkin kepada kegiatan ekonomi malah meningkatkan keselesaan rakyat dari segi perhubungan dan keselamatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, meningkatkan kualiti perumahan dan kemudahan awam adalah agenda utama Bajet kita tahun hadapan. Selain dari menggalakkan pembinaan rumah mampu milik dan masalah setinggan, masalah penyelenggaraan rumah –rumah pangsa atau swasta perlulah kita ambil kira, yang di daerah Batu Pahat sahaja ada lebih 10 buah rumah pangsa yang telah lama dan uzur dan memerlukan bantuan dari segi penyelenggaraan dan baik pulih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sesetengah penduduk telah mewujudkan jawatankuasa untuk memastikan keselesaan tinggal di rumah tersebut. Namun, bila berlaku kerosakan besar seperti tangki air pecah, bumbung rosak, baik pulih pengindahan dan sebagainya, mereka tidak tahu ke mana arah hendak dituju untuk meminta bantuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah dicadangkan agar ada agensi yang menjaga dan mengawal selia rumah-rumah pangsa ini. Majlis Perbandaran setempat mungkin boleh mengenakan sedikit bayaran cukai harta ataupun cukai pintu atau mana-mana yang sesuai dan seterusnya menjaga kepentingan penduduk rumah pangsa ini. Kita tidak mahu setelah ada kemalangan barulah kita berusaha untuk mengkaji masalah dan perkara-perkara yang berkaitan kerana kita beberapa tahun dulu kita telah dikejutkan dengan berita tangki air yang pecah di rumah pangsa serta jatuh hingga menyebabkan kemalangan jiwa dan harta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sistem pengaliran dan saliran juga satu lagi perkara yang perlu diambil perhatian. Banjir kilat terutamanya kini berlaku di bandar-bandar. Kajian pelan induk saliran bandar telah dijalankan dan hasilnya dalam mengatasi masalah banjir kilat amatlah memuaskan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Parit dan Saliran merupakan badan pelaksana bagi projek saliran dalam bandar. Apabila projek ini telah siap, ianya diserahkan kepada Majlis Perbandaran untuk diurus. Kos yang tinggi bagi pengurusan ini menyebabkan soal penyelenggaraan tidak dapat dilakukan. Dan akhirnya menyebabkan parit-parit ini tersumbat dengan sampah sarap, pagar keselamatannya pula berkarat dan diliputi pokok-pokok dan akhirnya berlakulah banjir kilat akibat daripada parit konkrit yang tersumbat. Sebaiknya perlulah ada pihak yang dipertanggungjawabkan bagi pengurusan dan penyelenggaraan. Seharusnya mereka diberi sedikit peruntukan memandangkan kos penyelenggaraan sama penting dengan kos pembinaan. Sesuatu projek yang dibina tetapi tidak di selenggara, pasti mengundang bahaya terutamanya kepada para pengundi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh itu cadangan bagi mewujudkan sebuah pasukan khas yang dikenali sebagai Pasukan Tindakan Kebersihan yang diumumkan dalam Bajet baru-baru ini adalah satu langkah bijak dan tepat. Adalah diharapkan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diamanahkan melaksanakan Pasukan ini akan mula beroperasi secepat mungkin kerana kini kita telah sampai ke penghujung tahun dan dengan ada negeri-negeri lain yang telah dilanda banjir, kita di Negeri Johor perlu bersedia dengan usaha-usaha mengurangkan masalah banjir kilat, yang berkaitan dengan sistem perparitan yang tersumbat dan tiada penyelenggaraan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pembentangan Bajet kali ini juga amat menggembirakan dengan pengumuman pembinaan tapak pelupusan sanitary baru, yang akan dibuat di Bukit Payung daerah Batu Pahat. Ini adalah berita gembira yang ditunggu-tunggu oleh penduduk Batu Pahat. Ini adalah kerana soal sisa pepejal ini merupakan satu isu besar. Adalah diharapkan perkara ini akan dapat diselesaikan secepat mungkin dan semoga tindakan kita selepas ini sedikit sebanyak dapat menyelesaikan rungutan rakyat berkaitan perkara yang tersebut di atas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita perlu memantapkan kecekapan kerajaan sebagai pemudah cara dan seterusnya memacu negara kita ke arah kemajuan dan berpendapatan tinggi. Dengan ini, rakyat akan menikmati peningkatan kualiti hidup dan seterusnya mengukuhkan jati diri rakyat agar tidak mudah terpedaya oleh pihak-pihak tertentu yang sering menyalahkan kerajaan dalam apa jua perkara tanpa pernah berterima kasih dan bersyukur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh itu diharapkan agensi-agensi kerajaan lebih peka dengan perubahan transformasi kerajaan agar selari dengan perkhidmatan yang diberikan. Kita dalam proses menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, oleh itu masalah birokrasi yang berlaku di sesetengah agensi yang tidak mengikut piagam pelanggan yang dipamerkan, sehingga ada permohonan yang dibuat oleh pihak pelanggan tidak dijawab suratnya sama ada dalam pertimbangan, sama ada diluluskan ataupun ditolak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kadangkala ada sesetengah kes kelewatan memproses permohonan melibatkan masa terlalu lama untuk diambil tindakan sehingga 8 hingga 10 tahun, terutamanya dalam mempertimbangkan kelulusan pembinaan rumah-rumah ibadat, tidak kira apa jua agama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, diharapkan perkara ini diberi perhatian sewajarnya sesuai dengan konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan.
Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu terdapat jua di dalam bandar banyak bangunan terbiar yang tidak diurus. Bangunan-bangunan lama itu telah usang dan lama serta terbiar. Ada diharapkan Pihak Berkuasa Tempatan mengambil langkah sewajarnya bagi menangani masalah ini kerana didapati bangunan terbiar ini menjadi tempat melakukan perbuatan tidak bermoral, menghisap dadah dan juga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Yang Berhormat Datuk Speaker, syabas dan tahniah buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas Pembentangan Bajet Negeri Johor Tahun 2011, yang merupakan

Bajet lebihan di mana ianya, sarat dengan pembangunan dan pembelaan kepada rakyat. Semoga Bajet ini akan diterima oleh rakyat dengan hati yang terbuka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sesuai dengan konsep mendahulukan rakyat yang kita perjuangkan selama ini, diharapkan Lima Strategi Bajet yang dirancang ini akan mencapai matlamat dan objektifnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekian ucapan dari saya dan dengan ini saya menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2011 bagi Negeri Johor yang makmur lagi sejahtera bagi tahun 2011. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan sejambak bunga dan sekalung tahniah yang berjaya merangka pelan kewangan Negeri Johor bagi tahun 2011 dengan penuh yakin bertemakan Ke Arah Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inilah bukti bahawa kita Barisan Nasional daripada dulu sentiasa bersungguh-sungguh untuk membela nasib rakyat di negara ini. Kita sudah buktikan lebih daripada 53 tahun yang lalu. Dunia mengiktiraf kita, kuasa besar juga mengakui apa yang kita buat. Seluruh dunia tahu dalam tempoh yang pendek kita telah mengubah landskap negara ke arah negara yang makmur. Kalau ada orang di luar atau dalam Dewan ini mengatakan kita tidak berusaha, mereka itu, fikiran mereka penuh perasaan cemburu. Sebab, mereka sentiasa memakai cermin mata hitam. Mereka sentiasa nampak hitam sahaja walaupun di siang hari yang terang. Apa lagi kalau waktu malam gelap, lagi tambah gelap mata mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka sudah diberi peluang memerintah 4 negeri. Buatlah. Apa jadi? Ada negeri orang pun tak ramai nak datang. Banjir disalahkan, disebabkan hujan, satu dunia pun tahu. Tapi kerana perasaan geram, mereka salahkan *double track* yang sedang dibina. Sedangkan bukti 2005 *double track* yang belum ada, Alor Setar juga banjir. Ini contoh mereka berfikir. Suka menyalahkan orang lain. Seperti kata pepatah Melayu, kokok berderai, ekor bergelumang dengan tahi. Yang ada dalam Dewan ini pula, seperti kata pepatah Melayu, kuman seberang laut nampak, bangkai gajah depan mata pun tak nampak. Dan seperti selalu disebut, cakap tak serupa bikin. Saya nak tanya Permas Jaya tak ada, Tenggaroh, Tenggaroh eh?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Nak tanya apa Yang Berhormat? Nak tanya pada Speaker, bukan pada Tenggaroh.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Oh, tanya Speaker eh? Tanya Speaker, tanya Tenggaroh. Dua-dualah. Apa nasib penduduk Kampung Buah Pala? Sebelum Pilihan Raya 2008, penduduk kampung tersebut berharap ada pembelaan dari kumpulan mereka. Mereka katanya berjanji. Tapi lepas menang, lagi cepat penduduk Kampung Buah Pala tu keluar dari kampung tersebut seperti pepatah Melayu sebut, harapkan pagar, rupanya pagar makan padi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita telah buktikan bahawa kita berjaya memacu negara ini ke arah negara makmur dengan rakyat yang berbilang kaum, berbilang agama dan budaya. Kita telah buktikan dan kita bukan setakat janji-janji kosong. Kita berpegang kepada janji seperti mana yang selalu disebut dalam pepatah Melayu, kalau lembu dipegang pada tali, manusia dipegang pada janji.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita BN sentiasa memikirkan kepentingan rakyat. Itu sebab pemimpin kita memecah otak mencari idea-idea baru untuk mensejahterakan rakyat. Contoh, Bajet 2011 bagi Negeri Johor dan juga contoh Bajet 2011 bagi Kerajaan Negeri Johor. Kita berusaha untuk mensejahterakan rakyat di peringkat nasional. Kita berusaha untuk mengubah, memperbaiki kelemahan yang ada. Itu sebab kita ada Pelan Transformasi Kerajaan, GTP, Program Transformasi Ekonomi, ETP, Rancangan Malaysia Ke-11 dan Bajet 2011. Bukti sudah ada dan sudah ada perubahan. Sebab keutamaan Barisan Nasional ialah membela nasib rakyat. Kita serius nak membantu rakyat. Sebab tu kita fikirkan bagaimana hendak membela nasib rakyat sepanjang masa. Kita ingin jadikan negara ini negara yang berpendapatan tinggi. Kita perah otak siang dan malam, kita rancang dan wujudkan peluang pekerjaan untuk anak-anak muda sebanyak 3.3 juta menjelang tahun 2020 melalui Program Transformasi Ekonomi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk mencapai matlamat yang digariskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri segera menubuhkan pasukan kawalan dan pemantauan serta penilaian bagi memantau setiap perancangan dan pelaksanaan di setiap sudut dan lapisan sepanjang masa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan adanya pasukan pemantau ini, akan segera memaklumkan kepada kerajaan penyesuaian atau dengan izin, *adjustment* dalam perjalanan mencapai matlamat yang dirangka oleh kerajaan. Sebab saya lihat inilah kekurangan dan kelemahan yang begitu ketara bagi kerja-kerja yang dibuat sama ada dari segi pembangunan ataupun penguatkuasaan. Saya ingin cadangkan pasukan kawalan dan pemantauan ini hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai jati diri yang kuat, mempunyai kesungguhan. Sebab saya lihat setakat ini biasanya kita akan ambil tindakan selepas berlaku peristiwa. Contoh, bila orang asing dah mula membanjiri dalam negara, baru kita terhegeh-hegeh ambil tindakan tukar Ketua Pengarah. Contoh kedua, bila audit buat teguran selepas pelaksanaan, baru kita nak ambil tindakan. Dan contoh bagi kawasan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, satu projek yang bernilai RM4 juta bagi kegunaan penduduk Orang Asli meniaga barang-barang terpakai, dah diserahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan dan Wilayah Luar Bandar pada bulan 7 yang lepas, tak dapat digunakan disebabkan bangunan retak, tenggelam dan banyak perkara-perkara yang tercabut daripada speks yang asal. Dengan adanya pasukan pemantau ini Yang Berhormat

Datuk Speaker, saya yakin kita boleh mengambil tindakan dengan cepat sebab dalam jangka panjang 10 tahun kita menuju negara maju, negara berpendapatan tinggi, cara kerja kita perlu berubah daripada sekarang.

Kedua, saya ingin mencadangkan supaya seluruh jentera kerajaan dapat bergerak senada seirama sederap selangkah dengan apa yang dirangka oleh pihak kerajaan. Kita nak ucapkan terima kasih kepada seluruh jentera kerajaan yang banyak membantu kerajaan dan rakyat selama ini. Kepada jentera kerajaan, 2 rangkap pantun saya ingin sampaikan. Terbang burung si burung helang, hinggap di dahan pohon perkasa, jasa baik tuan tetap dikenang, akan diingati sepanjang masa. Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yakinlah, insya-Allah, matlamat kita menjadi negara maju menjelang 2020, kita akan capai sebab sejarah telah membuktikan bahawa kita Barisan Nasional mampu melaksanakannya. Kita tidak pernah mendabik dada, kita tidak pernah takbur. Kita menginsafi kelemahan diri seperti kata pepatah Melayu, sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. Ini yang kita perbaiki dari masa ke semasa. Dan kejayaan itu juga berkat seluruh anggota Barisan nasional sentiasa berpakat dasar yang kita buat sejak daripada dulu oleh pemimpin awal sentiasa bertolak ansur, sentiasa berunding. Inilah yang membawa kejayaan kepada kita daripada dulu hingga sekarang. Tidak seperti mereka sebelah sana, yang hanya menggunakan nama rakyat untuk kepentingan sempit kelompok tertentu dan individu tertentu. Rakyat hari ini sudah tahu dan menilai siapa sebenarnya mereka yang hanya pandai berjanji seperti kata pepatah Melayu, tanam tebu di hujung bibir. Rakyat sudah tahu mereka seperti kudung dapat cincin, ibarat kera dapat bunga. Seperti kaduk naik junjung. Rakyat hari ini bijak menilai sekilas ikan di air, sudah mereka tahun jantan ataupun betina. Rakyat juga sudah menyedari kerana salah mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan. Rakyat juga sudah nampak siapa mereka. Mereka sangka panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Kepada sahabat sebangsa, seagama di sebelah sana, jangan melukut di tepi gantang. Masuk tidak menambah keluar tidak mengurang. Jangan jadi lembu cucuk hidung. Pak turut, jangan sampai menang sorak, kampung tergadai. Sedarlah, mereka hanyalah enau di belukar, melepaskan pucuk masing-masing, rakyat sudah tahu mereka...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Datuk Speaker, menurut Peraturan Tetap 45 (17)...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan Tetap 45 (17), (B) dan (C), saya minta Yang Berhormat Rengit itu, tarik balik yang apa tuduhan dilemparkan kepada....

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Faham atau tidak Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau tak faham, belajar. Ini pepatah Melayu, ibarat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Rengit...

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak faham belajar, jangan jadi pengacau dalam Dewan, tiap-tiap kali bangun nak bercakap...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita tak pakai cermin mata hitam.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ibarat, ibarat. Pepatah Melayu menyebut, ibarat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ya, jangan pakai pemedih mata, kita nak berceramah di dekat kawasan Rengit, dia suruh FRU datang, pakai pemedih mata.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat faham ke tak faham?

Y. B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput duduk Yang Berhormat. Jemput sambung.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha, inilah. Kalau tak tahu bertanya eh. Kalau sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, saya tahu. Apa itu pemedih mata? FRU...

Y. B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak, saya tak pernah kata apa. Tak ada. Faham atau tidak makna ibarat kera dapat bunga. Itu pepatah Melayu. Mana ada sebut lain? Siapa sebut lain? (Dewan bertepuk). Kalau tak faham, jangan asyik nak bangun. Daripada dulu saya perhatikan asyik tak faham, bangun, bangun. Ikut aje Akta tu. Ini bukan profesional. Ketua Kampung saya dekat kampung pun tahu cara nak mesyuarat. (Dewan bertepuk). Boleh cakap, Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput, dah habis?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Eh ada lagi ni. Banyak lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ada lagi? Ringkaskan.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Kalau tak ada kacau...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak, teruskanlah. Masa, lima minit lagi.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ok, sedarlah Yang Berhormat Datuk Speaker, kepada rakan, sahabat, sebangsa, seagama sebelah sana mereka hanya seperti enau di belukar, melepas pucuk masing-masing. Rakyat sudah tahu mereka telunjuk lurus, kelengkeng berkait. Rakyat juga sudah tahu, mereka ibarat paku dulang, paku serpih, mengata orang, aku sebenarnya yang lebih'.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, bantahan sekali lagi...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat nak apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Rengit telah melanggar Peraturan Tetap 45(17) (b) dan (c).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Apa yang dia sebut? Dia sebut pepatah...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan, dia nak kita bermusuhan di antara kaum. Apa yang seagama, yang sekaum tu? Nak lawan siapa? Kita semua bangsa Malaysia.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Itu perkataan peribahasa saja. Dia tak menuduh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jangan salah gunakan. Kita semua bangsa Malaysia. Siapa nak lawan siapa?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dah, dah. Yang Berhormat, ini bukan untuk nak lawan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dia penakut. Kita berceramah terkawal sahaja dia suruh FRU datang. Kita tak pakai cermin mata. Setengah orang pakai pemedih mata.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat jemput duduk dulu.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Bagi dia cakap dulu, bagi dia cakap.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput duduk dulu. Duduk Yang Berhormat Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Negara demokrasi..

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, jemputlah duduk. Itulah demokrasi, dia bercakaplah. Asalkan tak melanggar Peraturan.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat, saya tengok, rupanya orang profesional ni, dia macam 'Siapa Makan Cili, Dia Rasa Pedas' tau. (Dewan bertepuk). Kalau tak makan cili, dia tak rasa pedas. Betul tak?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok teruskan Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Terus?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa dah habis. Suntuk.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ok, terus. Sedarlah, sahabat sebangsa, seagama sebelah sana, 'Paku Dulang, Paku Serpih, *repeated,* dengan izin, Mengata Orang, Aku Sebenarnya Yang Lebih'. Rakyat juga tahu mereka ibarat pepatah Melayu mengatakan 'Siakap senohong, gelama ikan duri, selalu bercakap bohong, lama-lama dot, dot, dot.' (Dewan bertepuk). *Chi-Hou*, dengan izin. (Dewan ketawa). Akhirnya, saya menyokong usul yang dibawa oleh Permas Jaya. Salam Aidil Adha.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Bukit Permai.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Selamat petang, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin merakamkan terima kasih daun keladi, kalau tak cukup masa saya mintak lagi, kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi ruang dan peluang serta memanjat syukur kepada Allah SWT, kerana keizinan dan limpahNya membolehkan saya turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet yang bertemakan 'Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat', yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita pada 11.11.2010 di Dewan yang mulia ini.

Sesungguhnya Yang Berhormat Datuk Speaker, kita semua begitu berbangga kerana di atas pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi lebih daripada 6%, dan lebihan daripada RM2.77 juta iaitu satu prestasi yang amat dibanggakan. Di mana, dengan perancangan yang begitu komprehensif dan kondusif ini, dapat merealisasikan impian kita untuk menjadi negeri maju dan hebat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya sahabat saya, rakan saya sebelah di DUN saya, tak ada di dalam Dewan ini. Saya hendak bercakap dua, tiga perkara. Kerana sentuhan-sentuhan beliau, memberikan satu semangat untuk saya bercakap bahawa jangan selalu mengatakan dengan di Dewan ini kata apa yang dikatakan oleh sahabat saya Rengit tadi banyak pepatah-pepatah Melayu yang memberikan kita pengalaman, kesedaran. Kadang-kadang kita ni itu sebabnya, kerajaan dah kata dah, belajar Bahasa Melayu, belajar Bahasa Melayu, guna Bahasa Melayu, tahu peribahasa, mutiara kata dan sebagainya. Tapi bila orang tegur dengan pepatah-pepatah perkataan ni kita nak panas badan. Tapi memanglah dah panas. Tapi dalam Dewan ni jangan kita buat panas.

Sebab itu, saya kata di sebelah DUN saya Senai ini, bercakap tentang tiga perkara. Kalau kata tentang lebihan RM2.77 juta, terlampau sikit. Kalau dulu tahun lepas defisit, dia kata kita bankrap tapi elaun dia ambil. Tiap-tiap bulan dia ambil. (Dewan bertepuk). Tahun ni kita lebih RM2.77 juta dia kata sikit pulak. Sebenarnya, bila dia kata tentang lebihan bayaran, *over payment*, pembaziran, *over staff* ke lebihan, saya nak beritahulah Senai, di Kulai, di Kulaijaya, Pejabat Daerah Kulaijaya, MPKu, PTD, Pejabat Tanah, kekurangan kakitangan. Belum lagi terisi penuh di daerah Kulaijaya ini. Tak ada lebihan atau *over staff* dan sebagainya. Dia ni kaji ke tak? Dia tengok ke? Main tuduh saja.

Kalau saya nak kata tentang cerita fasal tuduhan rasuah dan sebagainya. Bila kata, dibangkit oleh sahabat-sahabat yang mengatakan dia ada bukti ke tidak? Inilah satu masalah yang ada pada Pembangkang ni. Daripada dulu saya dah bercakap. Ini

mungkin kali ketiga bersama dengan Yang Berhormat Datuk Speaker, belah petang juga saya kena berucap. Tapi kali ni saya nak kata bahawa, perkara-perkara ini, kita tengok di kawasan dia, kawasan dia ni banyak tak selesai. Kawasan yang dia wakili. Yang selesaikan masalah dia ni, dia duduk senang aje, dia pergi kawasan tempat orang lain, dia tengok, teropong dan sebagainya. Tapi kawasan dia, untuk rakyat ni tak ada. Saya boleh kata, saya nak contohkan satu isu di kawasan dia. Isu Kampung Baru. Kalau kata Kampung Baru di Pejabat Tanah Kulaijaya, dah selesaikan lebih daripada 500 lebih. Dah siap. Tak ada isu. Kita selesaikan, Pejabat Tanah Kulaijaya ini. Macam-macam. Jikalau Generasi Kedua, FELDA Bukit Permai, FELDA Bukit Batu, FELDA Taib Andak, kita selesai. Isu, ni dia nak bangkit dekat isu.

Kita nak tengok fasal isu dia. Di Senai, di kawasan Senai, DUN Senai ni. Isu rumah pangsa Bandar Kulai. Strata *Title*, dah. Ini dibangkit. Ini nak cakap fasal pemancar ke, ini kes yang kecil. Ini kes rakyat. Suara rakyat. Kita, masa menang 8.3.2008, 24.4.2008 kita angkat sumpah sebagai Wakil Rakyat kita dah berjanji kita mewakili rakyat dan kita pegang amanah dia. Bukan kita nak bertekak dalam Dewan, nak bercakap salah orang. Saya tengok Strata *Title*, ini kawasan dia Yang Berhormat Datuk Speaker, ini saya bercakap ni. Ini semua. Yang penatnya Pengerusi JPMM DUN Senai ni, penat dia. Dia duduk bercakap saja. Saya tengok dalam tanah kerajaan di Teck Wah Heng, di kawasan saya. Kita selesaikan masalah. Ini dia yang Peguam, Peguam tu dia, kita selesaikan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Panjang lagi Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Banyak Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Banyak? Kalau banyak duduklah Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Sebelum saya tangguhkan, saya merakamkan ucapan terima kasih dan selamat menyambut Hari Raya Aidil Adha pada hari esok dan dengan ini saya tangguhkan sehingga hari Jumaat, 19 November 2010, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 petang.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KELIMA	**JUMAAT, 19 NOVEMBER 2010 BIL. 12 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA
(Jurutulis baca doa)

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan diteruskan.

Jurutulis: SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Apakah bantuan khas/subsidi yang disediakan oleh kerajaan bagi petani-petani yang melibatkan diri dalam pengeluaran sumber makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran? Adakah masih terdapat insentif pengeluaran bagi tanaman tersebut?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Jabatan Pertanian memberi bantuan dan insentif kepada petani-petani buah-buahan dan sayur-sayuran melalui beberapa program seperti berikut:

1. Pembangunan Industri Tanaman Makanan
2. Pembangunan Industri *floriculture* dan Industri Berpotensi
3. Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani
4. Insentif Pengeluaran Tanaman Makanan khusus untuk buah-buahan dan sayur-sayuran.

Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk bantuan penyediaan kawasan, infrastruktur seperti parit ladang, pagar kawasan, sistem pengairan, bantuan input benih, baja dan racun, mesin kejuruteraan pertanian dan peralatan pemprosesan pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan pihak kerajaan pada tahun 2008, memberikan insentif bagi pengeluaran tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Ini adalah ekoran kenaikan harga minyak bagi memudahkan pihak petani membuat dengan izin *adjustment,* maka insentif ini diperkenalkan. Kadar yang ditetapkan ialah buah-buahan sebanyak RM78.00 satu tan dan sayur-sayuran sebanyak RM81.00 setiap tan yang dikeluarkan dan dijual. Sehingga kini proses mengenal pasti mereka yang layak mendapat insentif dan proses kelulusan masih dijalankan oleh Jawatankuasa Insentif Jabatan Pertanian. Manakala proses pengambilan imbuhan insentif ini melalui pihak Agrobank dan daripada tahun 2008 sehingga 2010, seramai 3,656 pemohon daripada seluruh daerah di Negeri Johor telah berjaya mendapat imbuhan insentif tanaman yang berjumlah telah dibayar

RM50.13 juta dan pada tahun ini, tahun 2010 kita telah mengeluarkan bayaran hampir RM14 juta. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan.

Apa yang disebutkan tadi oleh EXCO bahawa bantuan-bantuan telah diberi, jadi saya ingin nak tahu apakah keberkesanan bantuan tersebut? Ada itu berjaya bagi membantu mereka yang terlibat dalam projek tersebut? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Sudah pastinya dalam bidang insentif ini telah berjaya mengurangkan tekanan kepada petani-petani khususnya pada tahun 2008 apabila kenaikan harga minyak, maka kerajaan mengambil peka terhadap masalah kenaikan harga minyak dan sebab itu insentif ini dilancarkan untuk membuat *adjustment* kepada petani-petani ini untuk terus mengeluarkan bahan-bahan makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran yang menjadi perkara pokok kepada kehidupan kita. Dan setelah insentif ini seperti saya katakan tadi seramai 3,656 pemohon telah mendapat manfaat dan wang berjumlah RM50.13 juta telah dikeluarkan untuk dibayar kepada petani-petani ini.

Y.B. Dato' Speaker : Tangkak.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Insentif bagi pengeluaran daripada bagi pengeluaran sayur dan buah-buahan, daripada maklumat yang saya dapat daripada petani-petani, mereka sampai setakat ini, biar pun terima pada tahun 2010 tetapi adalah tuntutan tahun 2009. Soalan saya ialah insentif ini adakah dia diteruskan pada tahun 2010 ini? Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Insentif ini memang diteruskan sehingga habis Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu 2010. Untuk 2010 memang sebahagian bayaran belum dapat dikeluarkan kerana proses tuntutan ini mengambil masa dan pada tahun 2010 mengikut rekod RM14 juta telah dibuat bayaran-bayaran pada 2010 dan kebanyakan bayaran ini adalah tuntutan 2009. Dan 2010, insya-Allah akan dibayar kerana pastinya kerajaan telah bersetuju bahawa insentif ini akan meliputi sehingga tahun 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Permas, ok *last*.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya cuma nak tahu kriteria bagi mereka yang memohon bagi insentif-insentif ini. Ada juga yang saya difahamkan ada petani-petani yang mengusaha penanaman sayur-sayuran ataupun sumber makanan di bawah kabel elektrik dan ada juga mereka yang membuat usahawan ini di tanah-tanah kereta api. Adakah mereka layak menerima bantuan-bantuan seperti ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk petani-petani yang mengusahakan di tanah-tanah yang tidak ada hak

milik jelas maka ianya memang tak dapat diproses kerana pemohon-pemohon yang mempunyai hak milik yang jelas, yang mampu memberi geran mereka dan daftar atas nama mereka, hanya petani-petani ini sahaja yang dapat dipertimbangkan.

Y.B. Dato' Speaker : Allah, kasihan pulak.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih kepada jawapan tadi, yang mana yang dapat kita fahami insentif-insentif tersebut hanyalah untuk meningkatkan pengeluaran dan adakah pihak jabatan sedar ataupun terlepas pandang bahawa apabila tiba musim-musim buah-buahan, kita dapati kebelakangan ini pihak-pihak petani menghadapi sukar untuk memasarkan buah-buah, contoh kalau di tempat saya di Muar, bila tiba musim duku ataupun durian, rambutan, petani-petani hanya biarkan dia gugur sahaja kerana harga terlalu jatuh dan tak ada keuntungan langsung kalau untuk mengupah orang mengutip dan sebagainya, hinggakan dibiarkan busuk begitu buah-buahan tersebut. Adakah pihak jabatan sedar keadaan ini berlaku dan apakah tindakan-tindakan untuk membantu petani-petani tersebut? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Insentif ini Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan untuk meningkatkan pengeluaran tetapi seperti saya katakan insentif yang diberikan ialah untuk petani-petani ini membuat *adjustment* kerana menghadapi masalah kenaikan harga minyak yang berlaku pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, mengenai buah-buahan yang tak dapat dipasarkan pihak kerajaan telah membangunkan beberapa pendekatan hiliran seperti durian, durian, kita telah membangunkan satu projek dipanggil sejuk beku dan durian ini pusatnya di Tangkak dan durian-durian yang tidak dapat dijual bolehlah dijual ke Pusat Sejuk Beku yang dikelolakan oleh pihak FAMA. Dan, malah bukan sahaja ianya mendapat permintaan yang tinggi kerana bekalan durian akan dapat dibekalkan dalam waktu yang tiada musim. Dan durian-durian ini dapat diproses dengan menjadikan durian kek, kuih durian yang dikeluarkan isinya daripada diasingkan bijinya dan dimasukkan dalam plastik dan dapat dijual dengan, dalam bentuk satu kilo. Dan ini satu pendekatan baru untuk kerajaan menangani masalah lambakan buah-buahan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsuddin, jemput.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsuddin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Sejauh manakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri dalam usaha memperkasakan persatuan-persatuan belia?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor terdapat sebanyak 1,104 buah persatuan belia yang telah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia,

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, dalam Perlembagaan Malaysia Akta 668, yang mana semua ahli pertubuhan belia adalah mereka yang berumur tidak kurang daripada 15 tahun hingga 40 tahun sahaja. Dalam usaha memartabatkan pertubuhan belia, berbagai program telah dilaksanakan seperti Program Pengurusan Organisasi dan Bengkel-Bengkel Pengurusan yang berkaitan dengan Akta 668. Ini bagi melatih para pemimpin belia agar lebih bersedia serta mahir dalam pentadbiran sesebuah organisasi belia itu. Selain daripada itu usaha-usaha berterusan telah dilakukan bagi memperkasakan persatuan-persatuan belia seperti mana berikut:-

1. Bantuan Pengupayaan Persatuan Belia pada tahun 2008 dan 2009 yang mana dalam statistik penerimaan Bantuan Pengupayaan Aktiviti Pertubuhan Belia Peringkat Negeri Johor bagi tahun 2008 sebanyak, di peringkat negeri, Majlis Belia Negeri Johor dan 23 badan gabungan, 24 pertubuhan belia yang telah menerima bantuan dan kategori kedua persatuan belia di peringkat kawasan dan persatuan biasa sebanyak 220 dan jumlah keseluruhan bagi tahun 2008 yang telah menerima Bantuan Pengupayaan ini ialah sebanyak 244 persatuan.

   Bantuan Pengupayaan Aktiviti Pertubuhan Belia yang diterima dari Jun hingga Julai 2008 sebanyak RM441,000.00 manakala dalam bulan Ogos 2008, jumlah bantuan yang diterima ialah sebanyak RM344,000.00 Keseluruhan jumlah bantuan yang diterima dari Kementerian Belia dan Sukan Malaysia adalah sebanyak RM785,000.00 bagi tahun 2008. Untuk tahun 2009, di peringkat negeri dan daerah, Majlis Belia Negeri Johor dan juga Majlis Belia peringkat daerah kecuali Majlis Belia Kota Tinggi sebanyak 10 pertubuhan dan juga untuk kategori persatuan belia di peringkat kawasan ataupun cawangan dan juga persatuan belia biasa sebanyak 178 persatuan. Jadi, jumlah keseluruhan bagi tahun 2009, yang menerima Bantuan Pengupayaan adalah sebanyak 188 pertubuhan belia. Jumlah keseluruhan Bantuan Pengupayaan aktiviti pertubuhan belia peringkat Negeri Johor pada tahun 2009, yang diterima melalui Pakej Rangsangan Ekonomi di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia adalah sebanyak RM339,000.00.

2. Bantuan NGO Rakan Muda, yakni kepimpinan dan kesukarelaan. Pada tahun 2010, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM84,000.00 di bawah Program Rakan Muda yang dikenali sebagai Bantuan NGO Rakan Muda. Peruntukan-peruntukan ini diberikan kepada semua persatuan belia dan kelab yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia untuk melaksanakan program-program dan aktiviti kepimpinan dan juga kesukarelaan.

3. Mengupayakan Gerakan Belia Melalui Program Yang Bersepadu Dan Juga Terancang. Pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, telah mengenal pasti seramai 5,200 orang belia, pemimpin belia pelbagai peringkat di bawah Program Orang Berpengaruh Penting iaitu OBP. Program ini dilaksanakan melalui kaedah di mana setiap Pegawai Belia dan Sukan Daerah dikehendaki mengenal pasti seramai 200 orang pemimpin belia yang berpengaruh di ke semua 26 buah kawasan Parlimen. Melalui data yang ada, semua program pembangunan belia yang telah dirancang akan dapat disampaikan kepada

sasaran yang betul bagi melatih para pemimpin belia supaya lebih inovatif, kreatif, berketerampilan, berdaya saing, mempunyai semangat patriotisme serta lebih profesional dalam mengharungi cabaran sebagai pemimpin golongan belia di peringkat akar umbi di samping menjadi ikon kepada golongan muda setempat. Program ini tidak melibatkan sebarang peruntukan tetapi inisiatif Pegawai Belia dan Sukan di peringkat daerah.

4. Program Pemimpin Belia Berkaliber. Program ini dirancang dan dijangka akan dapat melatih 5,000 orang pemimpin belia dalam masa setahun dengan menggunakan pendekatan mengikut modul yang disediakan bersesuaian dengan keperluan belia masa kini. Di antara modul-modul tersebut ialah:-

   i. Motivasi Kepimpinan.
   ii. Kepimpinan Berteraskan Wawasan.
   iii. Komunikasi.
   iv. Pengurusan Strategik.
   v. Pertubuhan Belia dan Kesukarelaan serta
   vi. Penilaian dan Penambahbaikan.

Pada tahun 2010, Kementerian Belia dan Sukan telah, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, telah memperuntukkan sebanyak RM214,550.00 bagi pelaksanaan program ini yang merangkumi 5 siri di peringkat daerah dan 3 siri di peringkat negeri. Kumpulan sasar program ini adalah terdiri daripada pemimpin belia dan beliawanis di peringkat persatuan belia daerah yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

5. Peruntukan Kerajaan Negeri kepada persatuan dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Negeri Johor. Bagi membantu persatuan ataupun Pertubuhan Bukan Kerajaan di Negeri Johor, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah peruntukan bagi mereka yang melaksanakan aktiviti ataupun program yang berfaedah. Pada tahun 2010 sahaja, setakat bulan Oktober 2010, sebanyak 102 buah persatuan ataupun NGO telah menerima peruntukan yang berjumlah RM300,000.00. Pada tahun 2009, jumlah peruntukan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri ialah sebanyak RM300,000.00 dan telah disalurkan kepada 84 buah persatuan dan juga NGO. Manakala pada tahun 2008, sebanyak 64 buah persatuan dan NGO telah menerima bantuan sebanyak RM250,000.00 keseluruhannya.

Y.B. Dato' Speaker : Semerah.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada EXCO yang bertanya, yang menjawab. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Awak pun hairan. (Dewan ketawa). EXCO bertanya dia, hah, yalah awak jawablah.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Silap. Sebagaimana yang kita sedia maklum, satu ketika dahulu di Negeri Johor ni kebanyakan persatuan-persatuan belia kita adalah merupakan persatuan belia yang hebat. Yang bukan sahaja hebat dari

segi nama tetapi banyak melahirkan pemimpin-pemimpin pelapis dan sebagainya. Soalan saya walaupun pada masa ini, banyak peruntukan di salurkan oleh kerajaan kepada persatuan-persatuan belia tetapi masih banyak persatuan berada dalam keadaan lesu, kenapa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat dari segi jumlah peruntukan yang diberikan dan jumlah persatuan yang menerima bantuan sejak tahun 2008 sehinggalah tahun 2010, sama ada bantuan yang diberikan melalui peruntukan Kementerian Belia dan Sukan ataupun peruntukan Kerajaan Negeri memang begitu banyak persatuan telah terlibat. Cuma, apa yang berlaku dalam beberapa fasa sebelum ini ialah apabila Majlis Belia di peringkat Negeri Johor itu sendiri yang tidak begitu proaktif dalam untuk menyambut sama ada dari segi program-program yang telah disediakan oleh peringkat Jabatan Belia dan Sukan ataupun juga program-program yang sepatutnya Majlis Belia itu, Majlis Belia Peringkat Negeri anjurkan dengan peruntukan yang telah kita berikan kepada mereka disebabkan oleh keadaan mungkinlah kalau saya boleh istilahkan *politiking* dalam Majlis Belia itu sendiri.

Tapi, untuk setelah berlaku perubahan bila penguatkuasaan Akta Belia yang mana pemimpin belia berumur 40 tahun ke bawah sahaja yang boleh memimpin. Nampaknya dalam penstrukturan yang baru ini saya dapat lihat telah menampilkan beberapa orang pemimpin yang saya rasa mempunyai keterampilan yang baik dan saya rasa ia akan dapat membantu kitalah dalam untuk menampilkan, melahirkan lebih ramai lagi pemimpin belia yang berkaliber tak kira sama ada mereka daripada latar belakang, berlatar belakang apa nama ni, kaum sama ada Melayu, Cina ataupun India. Ini pun yang kita tengah tekankan pada hari ini. Dan, dari segi sehingga hari ini pun kerjasama alhamdulillah kalau kita lihat dalam Sambutan Hari Belia Peringkat Negeri pada tahun 2010, yang diadakan di Kulaijaya dan kali ini sokongan dan juga kerjasama ataupun komitmen daripada Majlis Belia Peringkat Negeri dan gabungannya begitu menggalakkan dan kalau kita lihat sambutan, kehadiran sepanjang 3 hari program ini nampaknya begitu ramai eh, khususnya golongan belia yang dapat sama-sama hadir daripada seluruh pelosok Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Sehingga bulan Oktober 2010, berapa ramai orang (mengikut jantina dan kaum) yang menghidap kanser payudara di Malaysia amnya dan Negeri Johor khasnya? Bagaimana kaum lelaki boleh menghidap kanser tersebut dan apakah tanda-tandanya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kanser payudara Yang Berhormat Dato' Speaker. Kanser payudara adalah kanser yang paling sering terjadi di seluruh pelosok dunia. Di Malaysia, kanser payudara adalah kanser yang paling kerap menyerang wanita dan merupakan penyebab nombor satu kematian akibat kanser. Seorang wanita di Malaysia mempunyai kemungkinan 1dalam 20 orang menghidap kanser payudara dalam hidup mereka. Risiko kumulatif mendapat kanser payudara bagi kaum Cina adalah 1/16, kaum India 1/17 manakala kaum Melayu adalah paling rendah 1/28. Mengikut *Malaysian National Cancer Registry,* jumlah kes kanser payudara yang berdaftar di Malaysia sejak tahun 2002 hingga Jun 2010, adalah sebanyak 23,276 kes. Di Negeri Johor, saya bacakan sejak 2004, *total* kes adalah 264, di mana wanita mendapati kanser payudara ni ialah 262 dan kaum lelaki 2 orang. 2005, wanita 422 orang, 6 orang lelaki. 2006, 469 orang wanita, 5 lelaki. Yang paling tinggi adalah 2007, 632 orang wanita, 7 orang lelaki. 2008, 544 orang *total*, 540 wanita, 4 orang lelaki. 2009, 381 orang wanita, 1 lelaki. Sehingga Jun 2010, 155 wanita yang menghidap kanser payudara dan 3 orang lelaki.

Mengikut pecahan kaum bagi 2004 sampai 2010, Melayu yang menghidap kanser payudara ini adalah 1,994 orang, Cina, 1472 orang, India, 281 orang, lain-lain bangsa, 7 orang. Kanser payudara juga boleh terjadi di kalangan lelaki. Tetapi, kalau menyerang lelaki *chances* kematiannya begitu tinggi sebab payudara lelaki dia tak ada tisu, *breast tissue*, jadi cepat ke paru-paru, tulang boleh merebak ke bahagian-bahagian lain. Jadi, kita jangan katakan kanser payudara itu terjadi kepada wanita aje, lelaki pun ada. Dan, peringkat umur dari tahun 1999 hingga tahun 2010, yang paling kerap menghidap penyakit payudara ini kalau kurang dari 40 tahun ada 586 kes. 40 sampai 50 tahun umur, 1,389 kes. 50 sampai 60 tahun, 1,252 kes. Bila dah 60 sampai 70 tahun, kurang 555, kalau umur 70 sampai 80 tahun lagi kurang 2,003. Jadi er…

Y.B. Dato' Speaker : Dia kurus ke gemuk Yang Berhormat, selalu kena orang lelaki ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dia bukan kira gemuk kurus. Tetapi, orang lelaki ni sebab tak banyak tisu payudara dia.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah bukan tak banyak, dia memang tak ada. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dia, tak gemuk. (Dewan ketawa). Ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dipanggil *gineacomastia.*

Y.B. Dato' Speaker : Baru tahu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Di mana orang lelaki ada juga payudara yang…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah payudara memang ada, susu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Susu tak ada, memang tak ada. Boleh juga kalau kadang dia makan hormon, payudara dia akan besar tetapi tak mengandungi sel yang menghasilkan susu. Jadi, yang paling menyedihkan kanser payudara ni, boleh dikesan awal caranya mudah dan apabila mendapatkan rawatan sepenuhnya, secepat mungkin mereka ini akan hidup lama. Jadi, selalunya yang datang ke hospital baik lelaki atau perempuan adalah kes yang terlalu lewatlah, *stage 4, stage 3.*

Y.B. Dato' Speaker : Nak tanya dia?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dah tenat sangatlah sebab dia akan pergi ke pengubatan-pengubatan tradisional. Jadi, apabila dia datang ke hospital, kes dah tak boleh nak dirawat, kita dah teruk sangatlah jadi kita apa, *relief* dia aje, atas kesakitan yang dia. Tanda-tanda ni Yang Berhormat Dato' Speaker, yang penting ada yang soalkan, apa tanda-tandanya? Adalah ketulan. Ketulan di payudara itu, ada biji. Biji tu, jadi, itu sebab saya kata untuk kesan dia murah. *Self examination*. Jadi, sendiri periksa. Jadi, beli cermin tiap hari kita kena periksa buah dada kita. Minta maaf, ni saya cakap betul ni.

Y.B. Dato' Speaker : Tak payah tengok, masa mandi je la tengok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha, tengok. Tapi cermin yang besar sikitlah jangan cermin kecik, tak nampak. Sebab kita tengok puting susu tu. Satu puting susu...

Y.B. Dato' Speaker : Wah, teruk juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : ... dia ada koyak ke dia ada apa ke. Nombor dua, adakah puting susu sama *level*.

Y.B. Dato' Speaker : Huh! Kacau juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kena periksa jugalah. Lepas itu ada satu besar daripada yang kecil, ha itu *suspicious*. Dan, periksa sendiri, tangan. Periksa. Kita dah ajar dah. Jabatan Kesihatan telah pergi ke bawah mengajar macam mana kita nak kesan kanser payu dara ini. Jadi, periksa sendiri. Lelaki pun Tok, jangan hanya wanita. Kena periksa. Kalau ada ketulan, pergi jumpa doktor.

Y.B. Dato' Speaker : Kat mana tu, ketulan tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Buah dada, buah dada. Satu buah dada, nombor dua dekat bawah ketiak. Itu *limb note* dia.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, kalau tu dah pergi ketiak tu dah teruk dah. Jadi, kalau boleh bila ada ketulan sikit, walau macam mana sikit ke dia boleh jalan-jalan ke apa tu, itu kenalah pergi jumpa doktor secepat mungkin. Sebab, dalam kanser terutama wanita, kanser yang boleh dikesan awal dan dirawat awal dan boleh hidup lama adalah kanser payu dara dengan kanser serviks, dia melalui *pap smear*. Dan lagi satu selain daripada *self examination*, kita ada juga *mammogram*. *Mammogram* tu x-ray di mana kalau kita tak ada biji pun boleh pergi periksa *mammogram* ini di hospital-hospital kerajaan seperti HSA, HSI, Hospital Muar, Sultanah Fatimah, Batu Pahat dan insya-Allah di Kluang, ada alat-alat ini untuk mengesan, mengesan ketulan itu. Dan sekarang kita ada *mammogram* secara digital. Jadi lebih *precise*lah, insya-Allah. Jadi, di hospital-hospital swasta pun adalah, tapi kena bayar sikitlah.

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah. Hm, saya beri ok, beri Parit Yaani. Tadi dia bangun ek.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. soalan tambahan. Biasanya kanser payu dara ini dimonopoli oleh perempuan, kaum wanita. Dan lelaki memang jarang ada penyakit ini. Saya ingin nak tahu langkah pencegahan. Apa bezanya, apa perbezaan di antara lelaki dengan perempuan selain daripada memeriksa sendiri, itu sudah kena. Kalau periksa dapat kena, itu tak dapat cakaplah. Tapi, sebelum itu kalau untuk penyakit nak mencegah penyakit ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Pencegahan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat maksudkan adalah faktor-faktor risiko. Jadi, kita kenal pasti siapa-siapa yang lebih berisiko tinggi.

1. Umur seperti tadi, umur yang 50 tahun ke bawah, eh 50 tahun ke atas.

2. *Family history*. Kalau dalam keluarga ada adik-beradiklah, kalau untuk lelaki adik-beradik itu ada menghidap kanser kemungkinan besar dia menghidap penyakit kanser. Kalau orang perempuan pun begitu juga. Dan, kalau *siblings*, anak, adik beradik dia terutama *twins* ataupun berkembar, kembar. Kalau kembar satu kena, dia kemungkinan besar, sangat-sangat besar dia kena. Kalau dalam lagi satu dalam keluarga itu, mak, *auntie*, tok dia dah kena, kemungkinan besar dia akan kena.

Ha, itu, apa tu, risiko-risiko yang harus kita hati-hatilah. Jadi, apabila ada risiko macam-macam tu, pergilah secepat mungkin untuk periksa *mammogram* dan sebagainya. Ada juga yang mengatakan mungkin banyak anak pasal menyusu, kena, tak. Orang err..., *breast cancer* ni wanita yang tak mempunyai anak, risiko tinggi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Wanita yang hamil lebih pada 30 tahun baru dia hamil, risiko dia tinggi. Pemakanan pun dalam kajian, dikatakan yang meminum alkohol risikonya lebih daripada 1.4% akan mendapat kanser payudara ni. Saiz gemuk tu, wanita yang lepas menopaus, saiz dia makin meningkat, ha itu pun *risk, risk* adalah di situ, risikonya, kerana astrogennya tu. Dan, penyusuan tak ada kaitan. Tak ada kaitan tentang *breast cancer* ni dengan dia menyusukan anak.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...Pekan Nenas. Soalan asal dia saya beri dulu.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Y.B. EXCO. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya ialah adakah golongan lelaki juga boleh membuat pemeriksaan *mammogram* di hospital dengan subsidi RM200.00 seperti yang dinikmati oleh golongan wanita yang berumur 40 tahun ke atas dan apakah usaha pihak kerajaan selama ini untuk mendidik golongan lelaki berkenaan kanser payu dara ini kerana difahamkan kadar kematian yang penyakit itu lebih tinggi daripada wanita. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita ada *special* apa tu, mammogram untuk laki-laki, digital sekarang ini yang *resize* lah, ni seperti dalam surat khabar dia ada tunjukkanlah macam mana orang lelaki boleh dikesan melalui alat itu. Dan, dikenakan bayaranlah, insya-Allah. Dan, lagi satu apa tadi soalannya? Berapa...

Y.B. Dato' Speaker : Sub...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Boleh di...

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Boleh dapat tak...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Subsidi?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, RM200.00.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Memang RM200.00 tu adalah caj untuk, itu paling murah tu untuk membuat *mammogram*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kalau perempuan, dia punya *mammogram* tu sebab ada apa, payudara, jadi dia boleh tekan, tekan dengan, baru nampak ketulan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha? (ketawa.)

Y.B. Dato' Speaker : Ni, siapa yang tekan? Doktor perempuan atau lelaki?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tak, kalau yang ada payudara besar senang dia pakai *compress* gitulah *mammogram*nya. Sekejap je buat, ya?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat, Yang Berhormat Kempas buat apa bercakap dengan dia, macam kedai kopi pula. (Dewan ketawa). Ha, Yong Penglah *last*, ni perempuan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Tadi, apa yang disebutkan oleh EXCO iaitu antara tiga kaum, iaitu kaum Cina eh, wanita kaum Cina yang paling peka dapat kanser payudara, kenapa eh kalau dibandingkan dengan kaum lain? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Apa tentang kaum ini Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya tu semua nasiblah. Kalau kita tengok dalam dunia, yang paling banyak kena *breast cancer* adalah bahagian Eropah, yang paling rendah sekali adalah di Eastern...

Y.B. Dato' Speaker : Di Asia.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha, Asia. Jadi, kenapa kita tak dapat jawab. Semua daripada Allahlah. Siapa yang kena kanser siapa, kita tak tahu. Sampai hari ini kita tak tahu kenapa orang ini kena kanser dan orang yang lain tak kena kanser. Itu yang...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kenapa banyak ni. Cina ramai eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Cina lebih ramailah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia beza dua jelah Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tapi, sebab wallahualam. Kita tak tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Dua, Cina pasal dia makan pakai sepit, dia kena lebih. Kita...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Lagi satu, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau dah kesan ada tu, jangan tunggu sampai sakit baru pergi jumpa doktor. Sakit tu *last simptom* dialah. Bila dah sakit tu dah teruklah. Kalau boleh datang awal supaya kita dapat membuat rawatan secepat mungkin dan kita boleh panjangkan umur, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah, jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

CIQ Tanjung Pengelih, Pengerang telah diswastakan oleh Jabatan Laut Malaysia kepada sebuah syarikat bagi mentadbir CIQ. Saya ingin tahu berapakah kadar sewa CIQ setiap bulan kepada kerajaan dan apakah syarat-syarat dan tanggungjawab yang telah ditetapkan bagi melaksanakan oleh pihak swasta supaya tidak membebankan masyarakat tempatan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai latar belakangnya Kompleks Jeti Penumpang Marina, Tanjung Pengelih ini adalah merupakan sebuah projek Kerajaan Pusat di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 siap dibina sepenuhnya pada bulan Februari tahun 2008. Kompleks ini adalah di bawah pengurusan Jabatan Laut Malaysia yang menempatkan juga jabatan-jabatan kerajaan seperti Pejabat Imigresen, Kastam, Kesihatan, Pertanian, Polis dan juga termasuklah kaunter informasi pelancong di bawah Jabatan Pelancongan.

Antara kemudahan-kemudahan yang sedia ada adalah ruang menunggu dan menyambut tetamu, bilik serba guna, jeti, marina awam, tempat mengisi minyak dan air, tandas awam, surau, ruang jualan tiket, ruang restoran dan kafe, tempat letak kereta dan lain-lainnya. Dan, untuk makluman juga aktiviti utama kompleks ini adalah perkhidmatan feri penumpang ke Tanah Merah, Singapura dan ke Batam, Tanjung Pinang di Indonesia serta perkhidmatan *bump boat* dengan izin, ke Singapura.

Kompleks CI Q ini sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, tidaklah diswastakan seperti mana yang telah ditanya oleh ADUN Tanjung Surat kepada mana-mana syarikat. Sebenarnya, apa yang berlaku ialah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan sebagai pemilik tanah kompleks ini telah bersetuju dengan tawaran dari sebuah syarikat iaitu Meridian Ferry Services Sdn. Bhd. yang mempunyai pejabat di Tanjung Pengelih untuk menyewa 11 ruang di dalam kompleks ini iaitu kafenya, pejabat marinanya, dapur, tempat *foreign exchange*, dengan izin atau pun pengurup wang berlesen dan kaunter-kaunter tiket yang ada iaitu kaunter tiket 1, 2 dan 3, kedai, bilik rekreasi, rumah kelab dan pejabat. Ruang-ruang ini telah pun disewakan kepada pihak yang saya sebut itu tadi. Dan, antara syarat-syarat yang dikenakan adalah :-

1. Penyewaan untuk tempoh 3 tahun berkuat kuasa 1 September tahun ini hingga 31 Ogos 2013.

2. Kawasan yang diluluskan adalah seperti mana yang saya sebut itu tadi.

3. Kadar sewanya adalah sebanyak RM11,800.00 sebulan.

4. Sebarang kerja yang melibatkan kerja-kerja tanah hendaklah dirujuk kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan lain-lain jabatan kerajaan yang berkaitan.

5. Penyewa juga tak dibenarkan menyewa kecil kawasan-kawasan yang telah disewakan kepadanya itu kepada pihak ketiga dan juga lain-lain syarat nanti akan dinyatakan dalam perjanjian yang setakat ini belum pun dilaksanakan lagi.

Setakat ini perjanjian, sebelum dilaksanakan dan pada 15 Oktober 2010, satu mesyuarat telah diadakan di Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Putrajaya, di mana tarikh berkuat kuasa pun telah dipinda iaitu daripada 1 September tadi kepada 1 Disember tahun ini. Dan buat masa ini urusan di kompleks tersebut berjalan seperti biasa di bawah pentadbiran Jabatan Laut Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, ha ok, Tanjung Surat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Hm, soalan tambahan Dato' Speaker. Saya ucap terima kasih pada Yang Berhormat EXCO telah memberi penjelasan dan jawapan mengenai dengan CIQ di Tanjung Pengelih. Saya difahamkan baru-baru ini bahawa pihak syarikat yang menyewa sebelah ruang CIQ telah mengenakan bayaran RM5.00 setiap pelancong yang masuk dan RM5.00 setiap pelancong keluar daripada pintu masuk Tanjung Pengelih ini.

Saya ingin menanyakan adakah Kerajaan memberi kebenaran atau pun syarat tambahan kepada syarikat tersebut untuk memungut bayaran kepada pelancong yang masuk dan keluar daripada pintu masuk Tanjung Pengelih ini. Kerana, baru-baru ini kita menjadi masalah kepada penduduk tempatan. Asalnya penduduk tempatan pun kena RM5.00 bila masuk dan keluar daripada pintu CIQ Tanjung Pengelih ini tetapi kita telah membuat bantahan, akhirnya syarikat ini tidak memungut RM5.00 bagi mereka yang masuk dan keluar bagi penduduk tempatan. Hanya dia mengenakan RM5.00 bagi pelancong yang datang daripada Singapore dan juga daripada Indonesia. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah katakan tadi bahawa setakat ini perjanjian pun belum ditandatangani dengan syarikat yang berkenaan dan tarikh berkuat kuasanya adalah pada 1 Disember 2010. Saya tak ada maklumat berkenaan dengan bayaran RM5.00 ni untuk yang keluar masuk menggunakan CIQ ini. Tapi takpalah, oleh kerana kompleks ini masih lagi ditadbir oleh Jabatan Laut, jadi saya berharaplah dan saya minta Jabatan Laut melihatkan perkara ini, adakah ini juga dimasukkan antara lain-lain syarat, dia ada lain-lain perkara di bawah *clause* 13, tapi belum ditandatangani...

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Lain-lain syarat akan dinyatakan sama ada masuk, masukkan itu, lain-lain syarat itu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk diserapkan guru-guru KAFA yang berkhidmat secara kontrak yang telah berkhidmat lebih dari 10 tahun ke jawatan tetap? Mereka ini dinafi pelbagai kemudahan walhal mereka ini bertugas dengan dedikasi dan mempunyai kelayakan diploma dan sebagainya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bilangan guru KAFA seluruh Negeri Johor berjumlah 1,755 orang. Mereka adalah lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertaraf sambilan dengan menerima elaun sebanyak RM800.00 sebulan. Mereka tidak memiliki skim perkhidmatan. Dan mengikut perjanjian tawaran penerimaan jawatan, mereka hanya layak mengambil cuti rehat sebanyak 15 hari dalam setahun dan tiada kemudahan lain sebagaimana dinikmati penjawat awam lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor amat prihatin dan menghargai khidmat bakti guru-guru KAFA ini. Justeru, Kerajaan Negeri telah mengambil tanggungjawab dengan membayar elaun tambahan sebanyak RM100.00 bermula Januari 2010, menjadikan elaun dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada guru-guru ini sebanyak RM412.00 bagi yang mengajar 4½ jam sehari, dan RM212.00 bagi yang mengajar 3 jam sehari, selain dari RM800.00 yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan. Dan demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, guru-guru ini bergantung kepada jumlah jam mengajar, menerima elaun bulanan di antara RM1,012.00 hingga RM1,212.00 sebulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain dari itu juga, Kerajaan Negeri Johor telah berusaha untuk menaik taraf profesionalisme guru-guru ini dengan menawarkan kursus Diploma Pendidikan Islam di Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) secara sepenuh masa selama tiga tahun. Dengan kelayakan yang mereka miliki ini, mereka layak untuk memohon jawatan tetap gred DGA 29 atau kontrak gred DB17 di samping memiliki syarat-syarat lain yang diperlukan.

Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini MARSAH telah menerima kemasukan ambilan pertama 2008 seramai 89 orang, dan daripada jumlah ini seramai 27 orang guru KAFA telah diambil, dan ini bermakna 30% dari ambilan 2008. Bagi ambilan 2009, seramai 96 pelajar telah diambil dan daripada jumlah ini, seramai 13 orang guru KAFA yang memenuhi kelayakan telah diambil dan ini bermakna bersamaan dengan 14%. Sementara itu, bagi ambilan 2010, seramai 90 pelajar telah diambil, di mana terdapat 8 orang guru KAFA dan ini bermakna dari segi peratusannya seramai, sebanyak 9%. Dan keseluruhannya, sejak 2008 hingga 2010, sebanyak 48 guru-guru KAFA yang telah diambil untuk mengikuti kursus Diploma Pendidikan Islam di MARSAH.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk pelantikan ke jawatan tetap atau kontrak, maka calon-calon itu mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

i. Memiliki 5 kepujian termasuk Bahasa Melayu
ii. Lulus Sijil Darjah Khas Agama
iii. Memiliki Sijil Diploma Pendidikan yang diiktiraf
iv. Terdapat kekosongan jawatan, dan seterusnya,
v. Lulus temu duga yang dikendalikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor (SPAJ).

Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Ramai remaja kita menjadi penganggur selepas tamat sekolah. Adakah kerajaan menggalakkan pelabur ke Kluang untuk mendirikan kilang-kilang perindustrian supaya dapat menambah peluang bekerja untuk mereka?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor sememangnya memberi tumpuan dalam menggalakkan kemasukan pelaburan ke Negeri Johor secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada daerah-daerah tertentu sahaja. Bagi tempoh bulan Januari 2007 sehingga bulan Julai 2010, berbagai projek perkilangan telah diluluskan di daerah Kluang berjumlah RM584,334,842.00 yang membuka 2,298 peluang pekerjaan di pelbagai peringkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, daerah Kluang menerima pembesaran pelaburan sebanyak RM160 juta baru-baru ini dari Syarikat Kimberly Clark yang berasal dari Amerika Syarikat. Kimberly Clark merupakan syarikat pengeluar tisu terkemuka yang mempunyai pasaran meluas lebih daripada 150 buah negara di dunia. Daya kekuatan sesuatu daerah merupakan tarikan bagi para pelabur bagi memulakan sesuatu projek pelaburan di daerah tersebut. Daerah Kluang mempunyai kekuatan di dalam sektor pertanian, industri kulit, pembuatan jubin dan seramik. Walau bagaimanapun, keputusan bagi pemilihan lokasi sesuatu projek pelaburan akhirnya bergantung kepada keputusan pelabur itu sendiri. Kerajaan tidak boleh mengarahkan pelabur pergi sini, pergi ke Kluang atau lain-lain daerah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih. Yang anehnya di Kluang banyak tempat perindustrian, tapi bangunan dia tercicir, iaitu terbiar sahaja. Sebab itu saya kata, kalau bangunan ada, saya harap kerajaan dapat menggalakkan pelabur itu datang, itu sebabnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Seperti saya jawab Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan memang menggalakkan pelabur datang ke Negeri Johor dan kita juga bagi

tahu di mana kekuatan sebuah daerah terletak, di setiap daerah. Macam Kluang, kekuatan dia adalah dalam bidang seramik dan industri kulit dan juga pembuatan jubin ataupun batu-bata, jubin. Kalau di daerah lain seperti di, di misalnya di...

Y.B. Dato' Speaker : Pasir Gudang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ada, ada, saya ada...di Kota Tinggi.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kita, sekarang kita giat tertumpu kepada *petrochemical.*

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Dan pelancongan dan *oil and gas* kalau kita kata di Batu Pahat, kita ada kekuatan seperti industri makanan, tekstil yang misalnya. Jadi, masing-masing daerah, ada kekuatan mereka dan masing-masing daerah juga dapat menarik pelabur-pelabur yang bersesuaian dengan kekuatan mereka. Kerajaan Negeri, memang kita bagi, tetapi untuk pelabur asing, kadang-kadang dia, soalan pertama tanya, di mana itu *port*, pelabuhan yang ada. Dia nak binakan kilang berdekatan dengan pelabuhan kerana kos pengangkutan adalah satu faktor yang tinggi. Yang ada, pelabur asing tanya, adakah tempat itu ada sekolah antarabangsa…

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kerana mereka bukan sahaja datang melabur, mereka bawa keluarga bersama-sama. Jadi anak-anak mereka perlu pergi sekolah-sekolah antarabangsa. Jadi, faktor akhirnya, pelabur sendiri yang akan ambil keputusan sama dia nak bertapak di Johor Bahru ataupun pergi Kulaijaya atau pergi daerah Ledang atau Segamat. Tetapi kita tak boleh paksa dia.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kalau kita paksa dia akan pergi tempat lain.

Y.B. Dato' Speaker : Pergi Pahang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jadi kita utamakan pelabur yang akan datang dan pemilihan adalah terletak kepada mereka sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Kahang.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan. Kita ucap terima kasihlah kepada EXCO kerana jawapan yang diberikan. Memang kita faham bahawa keputusan untuk melabur terletak di tangan pelabur. Tetapi yang saya nak tahu, di peringkat Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk mempromosikan daerah Kluang itu sendiri. Kerana kalau kita lihat di daerah Kluang, tidak ada satu kawasan perindustrian yang strategik. Contohnya di Batu Pahat, kita ada kawasan Perindustrian Sri Gading, contohnya, di Pasir Gudang kita ada kawasan Pasir Gudang dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat di daerah Kluang, tidak ada kawasan perindustrian yang strategik dan saya nak tahu, adakah kerajaan mengambil inisiatif untuk merizabkan sesuatu kawasan untuk ditukar menjadi kawasan perindustrian dan tindakan diambil untuk mempromosikan kawasan tersebut. Memang tidak dapat dinafikan kalau daerah Kluang, *maybe hard core business*nya lebih tertumpu kepada kawasan industri pertanian. Jadi, kerajaan boleh, di Negeri Johor apa-apa industri yang berkaitan dengan pertanian boleh dibawa ke daerah Kluang memandangkan banyak tapak, banyak tanah-tanah dan industri pertanian dijalankan berleluasa. Jadi, contohnya, saya nak bagi satu contoh, Taman Puteri, Kluang merupakan satu kawasan yang asalnya dibina untuk menjalankan industri SMI, *Small Medium Industry*. Tetapi hari ini, kawasan tu lebih nampak macam bandar hantu. Tidak ada penghuni dan tidak ada sebarang tindakan yang diambil untuk mengubahsuai kawasan tersebut dan mempromosikan kawasan tersebut...

Y.B. Dato' Speaker : Ya...

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Sebagai kawasan perindustrian.

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Jadi, saya nak tahu apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan daerah Kluang sebagai satu kawasan perindustrian yang baru di Johor? Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker. Kerajaan Negeri memang menggalakkan pelabur dan di samping itu setiap Majlis pun kita mempunyai IPMC, *Industrial Park Management Committee* di bawah setiap Majlis pun. Jadilah, mereka boleh membantu Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur pergi ke tempat masing-masing dengan pengurusan kawasan industri masing-masing. Lebih menjadikan tempat itu lebih menarik kepada pelabur yang akan datang. Jadi, itu adalah salah satu cara yang saya boleh buat gambarkan. Selain daripada itu, di bawah JSIC, *Johor State Investment Council,* dengan izin, kita juga mengarahkan pelabur untuk melabur bukan sahaja Johor Bahru, kita bagi dia pemilihan, sama ada tempat yang sesuai. Jadi, kita perlu bekerjasama dari semua peringkat. Bukan sahaja peringkat Kerajaan Negeri, tetapi juga peringkat Majlis sendiri. Jadi, Majlis sendiri boleh tubuhlah, kalau boleh satu pasukan di bawah IPMC yang saya sebutkan, untuk menarik pelabur ke tempat masing-masing juga.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai*, last.*

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih, Dato' Speaker. Ekoran yang apa dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi, iaitu pelabur asing sentiasa menanyakan sama ada satu pelabuhan berdekatan dengan kawasan perindustrian yang mereka akan melabur. Sebenarnya, setahu saya, satu pelabuhan darat yang dicadang-cadangkan oleh pihak pelabur bahawa diperlukan di kawasan Kluang memandangkan Kluang sudah ada landasan kereta api yang melalui sana, lebih sesuai daripada Segamat dulu. Tapi Segamat, pelabuhan darat Segamat itu nampaknya terbengkalai. Mereka kata, sebenarnya Kluang lebih sesuai mewujudkan satu pelabuhan darat sebab di luar lebuh raya dan di tepi ada landasan kereta api yang melalui sana. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Pengerusi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita betul-betul faham apa fungsi pelabuhan darat itu, jadi, kita faham gambaran yang lebih menyeluruh.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kalau kita ambil lebuh, jalan lebuh raya yang kita ada sekarang. Dan juga daripada Lebuh raya Utara Dengan Selatan sampai ke Kluang, Kluang datang ke Johor Bahru sekarang tak lebih setengah jam, satu jam setengah.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jadi, senang aje. Kilang-kilang yang mahu hantar kontena dia, dengan izin, senang aje datang. Sama ada PTP ataupun Pasir Gudang, satu jam setengah. Apa gunanya kita tunggu kereta api, ambil berapa jam, setengah hari ataupun 24 jam baru boleh hantar kargo dalam kontena ini kepada pelabuhan sama ada PTP ataupun Pasir Gudang. 1 jam setengah, apa gunanya kita tunggu kereta api, ambil berapa jam, setengah hari atau 24 jam baru boleh hantar kargo dalam kontena ini kepada pelabuhan sama ada di PTP ataupun di Pasir Gudang. Jadi lebih cepat, lagi murah kalau, mungkin kosnya…

Y.B. Dato' Speaker : Tak payah…ha ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : sekarang dengan adanya infrastruktur jalan-jalan yang kita ada kerajaan Barisan sediakan, yang datang daripada sama ada Kluang ke Johor Bahru, 1 jam setengah sahaja, senang sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, kalau banjir, kereta api tak jalan lagi. Ok dah habis soalan-soalan bertulis. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan disambung sekarang. Siapa nak berucap? Hem, tak ada, ha.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi peluang sekali lagi kepada saya untuk menyambung perbahasan yang tergantung dek gencatan masa disebabkan oleh Hari Raya Korban kita. Yang keduanya, hari ini adalah hari segala penghulu segala hari dan saya mengingatkan diri saya sendiri agar tidak melanggar batasan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin memanjatkan doa agar kita semua istiqamah dan muhasabah diri, juga mendoakan Negeri Johor dengan Malaysia ini terus maju dan cemerlang, gemilang dan terbilang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga yang keduanya ingin, Bukit Permai ingin tidak ketinggalan ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor khasnya kepada pemimpin besar kita, yang dikasihi dan lagi bijaksana di atas segala tanggungjawab penuh berkhemah khasnya, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita, seterusnya kepada semua agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pegawai-pegawai awam yang telah berusaha untuk memastikan transformasi ekonomi pembangunan Negeri Johor berkembang pesat hingga sekarang ini.

Saya Bukit Permai begitu yakin sekali dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menjurus kepada kecemerlangan gaya pentadbiran, tadbir urus kewangan negeri yang begitu tersusun. Kita juga bersyukur kerana iltizam dan komitmen yang berterusan, bekerja keras dan menerima tanggungjawab, amanah, amanah rakyat, memenuhi impian, hasrat rakyat jelata untuk membina bangsa yang hebat, membolehkan kegiatan pertumbuhan ekonomi rancak ini supaya tiada mana-mana lapisan rakyat tercicir di arus pembangunan sekali gus menjamin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau dua hari lepas kita menyambut Hari Korban, Raya Korban, jadi dalam mutiara kata pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan, ketabahan memerlukan keyakinan, keyakinan menentukan kejayaan dan kejayaan juga menentukan kebahagiaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan pada Dewan yang mulia ini membangkitkan isu yang dibangkit oleh Skudai dan Senai. Yang dua hari lepas, seolah-olah bertekak mempertahankan apa yang diperkatakan oleh sahabat saya daripada Rengit, tentang pepatah dan peribahasa. Hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bawa buku Yang Berhormat Dato' Speaker, buku Khazanah Warisan Bangsa untuk tatapan generasi di hari muka. Saya rasa Skudai perlu ada buku peribahasa ini, seribu satu peribahasa Melayu ini, susunan Robiah Atasai tak mahal Yang Berhormat Dato' Speaker, cuma RM9.00 sahaja. Jual di MPH, jadi harganya RM9.00, supaya kalau tak ada, saya boleh hadiahkan kerana saya ada simpan buku ini supaya beliau tahu, faham bahawa kalau kita tengok bahasa ini, Bahasa Melayu ni, kalau saya nak baca sikit Yang Berhormat Dato' Speaker, peranan peribahasa Melayu

yang diwarisi oleh nenek moyang kita memang tidak dapat dinafikan keindahannya. Nilai yang terkandung dalam setiap peribahasa, dalam kata-kata tradisional yang pendek mampu menyimpan nasihat dan pedoman dalam sanubari, malah ini merupakan kualiti positif yang membuatkan bahasa kiasan tersebut kekal dalam ingatan. Ini kalau kita lihat bahasa-bahasa dalam ini "Yang Korek Itu Kundi, Yang Merah Itu Saga, Yang Elok Itu Budi, Yang Indah Itu Bahasa" bahasa kalau kita lihat, kalau kita faham tentang bahasa-bahasa memang menjadikan kita kenal diri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang keduanya saya nak sentuh tentang Senailah Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana dia berjiran dengan saya. Kalau saya tak sentuh tak eloklah, kerana saya bukannya nak itu. Sebab saya nak kata Kerajaan Barisan Nasional bantu berbagai-bagai di dalam kawasan-kawasan ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Salah satu kawasan tapak ganti Kuil Seri Muniandy, Saleng ini. Ini kawasan Senai, kawasan Senai, kuil ini tanah rizab dia JKR, keluasannya 800 kaki persegi. Kerana kita ni, Kerajaan Barisan Nasional Yang Berhormat Dato' Speaker, apa juga bangsa kita memberi peranan, kita mengambil perhatian yang serius, permohonan-permohonan ini dan PTD lulus di Taman Muhibah, Saleng, keluasannya lebih daripada 800 kaki persegi, kita siapkan 8698.65 kaki persegi. Ini Kerajaan Barisan Nasional, dia tak ada soal tokong, soal kuil, soal masjid, surau dan sebagainya Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu, bila cakap pasal rasuah, pasal dia selalu bangkit dan bezakan antara Singapura, kerajaan barisan pembangkang di Pulau Pinang, di Selangor, di Kelantan...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Peraturan Yang Berhormat Dato' Speaker, Fasal 45(13)(a), mendatangkan sangkaan, sangka yang tidak baik kepada seseorang ahli yang lain.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah Yang Berhormat Dato' Speaker, sangkaan-sangkaan ini yang susah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia tidak…

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Semua-semua ada Peraturan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat kejap, dia tidak membangkit, dia cerita yang telah Yang Berhormat ucapkan itu sebagai perbahasan. Itu biasalah kalau itu pun nak dibahaskan semua tak boleh bercakap. Saya tegur eh, jadi makna dia tak menyentuh *direct*, makna apa Yang Berhormat cakap dia sentuhlah sikit, jadi esok Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat cakap yang begitu juga. Ok, silakan.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat saya tak bersangka buruk Yang Berhormat Dato' Speaker, yang bersangka buruk beliau sendiri Yang Berhormat Dato' Speaker. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, itu yang saya cakap, dia buruk sangka dengan saya.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Tak, Yang Berhormat sekarang ni saya nak berucap...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Itulah sangkaan yang buruk.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok, oklah, perkara kecil sahaja dah, jalan teruslah.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang ketiganya Yang Berhormat Dato' Speaker, masih ada manusia Yang Berhormat Dato' Speaker cuma tidak berterima kasih kepada negara sendiri. Saya ni Yang Berhormat Dato' Speaker, dulu saya mula-mula masuk politik ni kali pertama saya jadi Perwakilan, 93 Yang Berhormat Dato' Speaker. Waktu itu Yang Berhormat Dato' Speaker kali pertama bangganya saya jadi Perwakilan UMNO di Perhimpunan Agong UMNO 93. Ketua Pembangkang Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah salah satu pemimpin sah kedua tertinggi dalam kepimpinan UMNO dan kerajaan. Saya kesian Yang Berhormat Dato' Speaker, masa ucapan beliau waktu itu, beliau bercakap tentang Pembangkang, sebelum beliau jadi Ketua Pembangkang. Beliau kata tentang, saya ingat masih ingat ayat-ayat beliau ialah, kembiri-kembiri politik, saya pun tertanya diri saya apa kembiri-kembiri politik ni. Sebenarnya hari ini saya mungkin tak salah, tak silap kenalah tanya, kalau Rengit kata dot, dot, dot, dot. Jadi siapa kembiri-kembiri politik itu? Saya sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita nak menghina negara kita, kita tak payahlah jadi warganegaralah. (Dewan bertepuk). Kerana kalaulah negara...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, menurut Peraturan 45(17) Yang Berhormat Bukit Permai telah membangkitkan apa itu, membayangkan, menuduh sesebuah pihak yang apa, sebagai derhaka dan ini boleh dikatakan sebagai hasutan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia cakap umum. Makna dia tidak individu kepada si polan, si polan. Kalau dia menyebut nama seseorang, saya tegur, sebab bila berucap, kita macam ini, ada warganegara Malaysia yang tak senonoh dah bercakap, dia tak sebut siapa. Melainkan dia sebut Anu bin ini atau binti itu saya tegur. Kalau cakap menegur biasalah Yang Berhormat. Kalau tegur pun ada pihak yang ini, ini, ini, begitu begini melainkan tidak ambil tindakan, kalau itu nak ditegur semua tak boleh bercakap saya ingat melainkan dia tegur individu. Ini dia cakap perkara yang dah keluar, ada berlaku dia tegurlah. Sebagai Ahli Dewan, dia boleh tegur Yang Berhormat, tak salah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, dia tak sebutkan nama lagi membangkitkan syaksiah, mungkin dia makna KEMENTAH dan jual tanah kepada KCSB...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak itu tak ceritalah tu. Dia tak cakap siap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak apa, saya minta penjelasan, siapa warganegara yang menderhaka kepada negara kita? Siapa yang menjual...

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa dia cakap, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jet perang sampai Uruguay.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya tak tahulah Yang Berhormat suka anulah hujahlah, dia tak cakap individu, dia bercerita kalau ada berlaku. Sama juga ada yang berlaku Internet, ada yang dah lari, boleh cakap dia tak cakap individu. Kalau semua yang dah keluar dah di umum, semua tahu cerita itu, makna dia bangkit sebagai mengingati kita ni rakyat Malaysia, kalau kita rakyat Malaysia kita kata ini semua dah keluar, internet dah keluar, berita dah keluar surat khabar dah keluar dah tak jadi macam sulit. Dah tak jadi macam perkara yang tertentu semua orang tahu dah, dia cakap umum. Jemput Bukit Permai.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Ok Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana mengambil masa yang panjang kerana memperjelaskan kepada Skudai...

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa, saya ambil ingatan, *extra time* 3 minit.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, dah balik dalam kawasan saya kerana saya kira kalau saya bercakap lebih panjang nanti lagi kawasan saya masalah pun tak dapat selesai Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapi Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah kawasan saya tak banyak Yang Berhormat Dato' Speaker, tak seperti macam Bentayan kesian dia Yang Berhormat Dato' Speaker.

Di Bukit Permai Yang Berhormat Dato' Speaker, ada dua sahaja isu yang perlu saya bangkitkan, iaitu selalunya kita bangkit di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah, kita dah selesai pun. Kerana Kerajaan Barisan Nasional ni kita cakap kita selesai, cuma saya kesian di FELDA-FELDA kawasan saya dalam DUN Bukit Permai ini ada tiga FELDA Yang Berhormat Dato' Speaker, semua dah tua-tua usianya lebih, kalau FELDA Taib Andak dah 50 tahun Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang saya minta keutamaan daripada FELDA ni, iaitu sistem perparitan harus diperbaiki dan dibaikpulih. FELDA Bukit Permai eh, FELDA Taib Andak Yang Berhormat Dato' Speaker, mestilah diberi keutamaan kerana kawasan perparitan dia dah teruk, dah tenat. Jadi saya minta di dalam Dewan yang mulia ini diberi perhatian.

2. Soal jalan. Jalan-jalan kita tengok bajet pun ada untuk tahun 2011, bajet untuk jalan-jalan luar bandar saya ada lebih kurang dalam 11-12 jalan di luar bandar di kawasan saya untuk diberi perhatian.

3. Jalan yang dah siap Yang Berhormat Dato' Speaker. Daripada Inas, daripada Sengkang ke Inas. Kawasan in jalan baru Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi kawasan ini dah, dah meragut nyawa, dah meninggal dah seorang. Sebab apa jalan ini gelap, gelap gelita. Gelap gelita tak ada lampu. Jadi kita mintalah dikaji semula, ditengok.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

4. Saya ingin mengucapkan terima kasih, tahniah kepada Pengarah-pengarah yang sudi datang di Bukit Permai ini. Pengarah Pertanian dan Pengarah Perikanan kerana saya kena *endorse* bagi *endorsement* kepada EXCO kerana

datang menjenguk kawasan saya melihat projek-projek, produk-produk yang ada berkaitan dengan pertanian di kawasan saya.

Dan saya mintalah, sana dah saya bangkitkan bahawa kalau kita nak bangunkan usahawan-usahawan, petani, penternak dan juga pengusaha makanan ini perlu datang tengok jenguk kawasan kita sendiri. Sebab itu saya sokong kata Puteri Wangsa kena kerja satu pasukan. Jadi kalau kerja satu pasukan ini jangan tinggallah pasukan lain. Kita ini dalam pasukan lain, jadi kalau pergi-pergi luar negara nak bawa ke apa, bawa jugalah kita.

Saya sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, selama jadi Wakil Rakyat ini dah hampir 3 tahun, baru sekali je pergi ikut EXCO. Itu pun EXCO Pelancongan yang izinkan kita pergi semua. Yang lain itu yang berkaitan dengan produk ke belum panggil pun kita. Jadi dia ikut pasukan mungkin pasukan kita ini pasukan luar, jadi tolong-tolong tengoklah.

Y.B. Dato' Speaker : Jadi, dapat juga pergi.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Ha, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Saya langsung tak dipelawa.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Itu pun pergi pulau Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, nasib baik dia kalau suruh masuk hutan, lagi teruk.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mohon di sini bahawa :-

1. Mewujudkan Pusat Pengumpulan Pengedaran Produk-Produk Makanan Ringan Daerah Kulai Jaya kerana selama in pengusaha-pengusaha bergerak sendirian.

2. Mencadangkan agar diwujudkan jabatan dan agensi, agensi yang memantau serta mengurus semua agensi-agensi yang terlibat untuk, yang melibatkan semua hasil, mendatangkan hasil negara seperti Pertanian, FAMA, Jabatan Perikanan, Veterinar dan lain-lain. Kita juga mahu permohonan usahawan yang diberi peluang untuk meningkatkan mutu khususnya Program Bantuan Reka bentuk, Program Pembungkusan Makanan dan Pelabelan ini bukan sahaja diberi bimbingan terus menerus kita bentuk dia untuk jadi usahawan global. Kita jangan tinggal bila bagi bimbingan kita tinggal begitu. Mereka tidak dapat pengurusan yang berterusan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membangkitkan isu bioteknologi ini , MOSTI ini Yang Berhormat Dato' Speaker. MOSTI ini kalau kita lihat program ini memang cantik Yang Berhormat Dato' Speaker, baik untuk kawasan dan objektif memperkenalkan peranan bioteknologi kehidupan harian berserta masyarakat yang membantu kejayaan kasihani hidup. Saya lihat dalam kawasan saya, dia ada berbagai program

dalam MOSTI ini, makanan ternakan haiwan, baja organik, minyak kepala dara, penghalau serangga organik, salah satu daripada dia, saya dimaklumkan oleh MOSTI, minyak kelapa dara ini dah popular. Bila sebut je dara memang popular cepat Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Untuk apa?

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Saya tak tahu Yang Berhormat, saya belum, belum pun kenal pasti minyak kelapa dara ini. Saya mungkin minyak kelapa dara ini, yang kelapa yang tidak ditebuk tupai disebut minyak kelapa dara. Kalau dah ditebuk tupai tu mungkin ditukar kepada minyak kelapa janda kerana kopi janda dah ada Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hem, lawak ini memang suka.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Makanan, kalau Kulai ini Yang Berhormat Dato' Speaker, makanan ternakan haiwan. Jadi, MOSTI saya di Bukit Permai, kita dapat mesin untuk ternakan, makanan ternakan haiwan tapi peruntukan dia tak cukup Yang Berhormat Dato' Speaker. Peruntukan dia satu mesin kalau kita nak, dimaklumkan di sini Yang Berhormat Dato' Speaker, selalunya program-program ini melibatkan Parlimen. Jadi Parlimen dapat peruntukan yang besar. DUN ini kecik je Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi kita tak *syndicate*, dan kita tak *synchronize* bersama dengan Parlimen kerana kita tak tahu apa Parlimen nak dan apa DUN nak. Jadi saya minta bahawa dikaji semula peruntukan ini untuk melihat apa yang terbaik untuk setiap DUN. Jadi kalau DUN saya, Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam kawasan DUN Bukit Permai, kita banyak penternak lembu, kambing yang memerlukan makanan ini jadi kalau kita boleh kembangkan program ini kepada tiga kawasan. Macam saya ada kawasan apa ni, ladang yang besar iaitu banyak kelapa sawit, pelepah kelapa sawit yang boleh jadi makanan, jadi kalau kita siapkan 3, 4 mesin bersama dengan peruntukan yang lebih, insya-Allah kita boleh membangunkan program ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa dah cukup.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir Yang Berhormat Dato' Speaker. Gaya hidup sihat ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terbaca satu lembaga Promosi Kesihatan Malaysia ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak tahulah Yang Berhormat Dato' Speaker, berapa, seberapa kejayaan yang telah dilakukan di dalam promosi ini. Kita tengok kalau usia-usia, mengikut kepada usia, data yang disebutkan di sini, data daripada Unit Perancang Ekonomi, usia muda ini lebih kurang dalam 35, 45 ni banyak meninggal mengejut sebab jantung dan sebagainya. Jadi promosi-promosi kesihatan ini kalau betul ini, apa kejayaan yang telah dilakukan atas promosi ini? Yang akhirnya, satu lagi yang terakhirnya saya nak sentuh pada JKM ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya terbaca dalam Berita Minggu, 14, Ahad, 14 November 2010. 870,000 cacat penglihatan tidak dapat kemudahan. Mekanisme lebih efektif pastikan OKU berdaftar dengan JKM. Saya tak tahu, kalau Johor ini yang dah didaftar termasuk tak dalam tak yang terdaftar dalam 870,000 orang ini. Itu je Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan

itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan turut menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Jemput Ahli Yang Berhormat. Siapa nak berucap? Ha, ok, Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Selamat sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini dapat bersama-sama membahaskan ucapan Bajet Negeri Johor Darul Takzim Tahun 2011 dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker memberi kebenaran kepada saya. Saya ingin mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah dapat membentangkan Bajet surplus sebanyak RM2.77 juta dan Maharani mendoakan agar bajet ini terus surplus sehingga akhir tahun 2011. Inilah satu cabaran yang patut di pastikan oleh Kerajaan Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah sumber kewangan negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut di akhir ucapan semoga segala usaha ini mendapat keberkatan dan perlindungan Allah serta diberi petunjuk dan hidayahnya untuk mencapai tahap negeri yang dilimpahi kebaikan dan beroleh naungan serta keampunannya. Amin Ya Rabbulalamin. Jadi inilah, sehubungan dengan itu, saya ingin menyampaikan maksud firman Allah SWT yang bermaksud " Dan kalau sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa nescaya kami bukakan untuk mereka keberkatan dari langit dan bumi tetapi mereka berdusta, berbohong lalu kami bertindak ke atas mereka dengan sebab apa yang mereka usahakan. Ingat atas kesedaran inilah Islam mewajibkan sumber yang halal dan juga diambil dengan cara yang adil". Jadi Maharani mencadangkan supaya hasil Kerajaan Negeri ini juga pastikan yang halal dan yang tidak halal itu terutama dari hasil judi, riba' dan juga arak diasingkan supaya dapat kita gunakan dengan sempurna dengan cara yang diredai Allah SWT.

Y.B. Dato' Speaker : Persekutuan macam mana Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Itu kena tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, pasal sana dapat elaun semua PAR, sapa semua dapat itu tak jadi hallah eh?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Itu, itu Mufti yang bagi fatwa.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah saya ingat Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Begitu juga firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 219 yang bermaksud "Mereka bertanyakan kamu berkenaan arak dan judi. Katakan kepada mereka pada keduanya dosa yang besar dan beberapa manfaat kepada manusia namun dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaat yang dihasilkan". Inilah peringatan daripada Allah SWT untuk kita ambil perhatian supaya kita benar-benar menjadi negeri yang diberkati dan mendapat lindungan daripada Allah SWT.

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani menyokong penghargaan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapannya di atas apa yang disebut komitmen para pegawai dan kakitangannya dalam menjalankan tugas serta peka dengan tanggungjawab masing-masing. Dia, penghargaan ini tak cukup Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau boleh Maharani cadangkan beri mereka bonus satu bulan. Saya rasa ketua-ketua jabatan ini senyumlah. Tapi ini memang kita akui kakitangan kerajaan telah dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik dan mudah-mudahan mereka akan terus sama-sama memacu kemajuan Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2009, Maharani ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada Laporan Ketua Audit ini di mana kedudukan kewangan Negeri Johor pada akhir tahun 2009, dilaporkan pada tahap memuaskan. Ketua Audit Negara mengatakan bahawa tahap kewangan kita memuaskan tetapi perhatikan defisit akaun hasil disatukan pada 31 Disember 2009 bertambah RM78.68 juta iaitu bertambah 19.4% daripada 405.37 juta tahun 2008 kepada 484.05 juta tahun 2009. Inilah kerana di antaranya kutipan hasil pada tahun 2009 menurun 7.6% iaitu bersamaan dengan RM32.76 juta iaitu daripada RM812.36 juta 2008 kepada RM750.42 juta 2009.

Jadi untuk meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri, Maharani mencadangkan supaya :-

1. Perlaksanaan tender terbuka yang dikatakan telah dilakukan di Negeri Johor ini dapat dipastikan ia lakukan dengan telus supaya dapat mewujudkan persaingan sihat dan memastikan bahawa kerajaan akan dapat hasil yang bertambah daripada proses ini. Sebagai contoh, tidak salah ambil contoh yang baik. Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2008, Kerajaan Kedah berjaya meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri melebihi 200% dengan melaksanakan sistem tender terbuka. Ini satu contoh yang boleh kita ambil sebagai contoh yang baik.

2. Mengambil tindakan yang lebih berkesan, yang kedua eh, seperti yang disarankan oleh Ketua Audit Negara untuk mengutip tunggakan hasil yang meningkat dari RM156.18 juta 2008 kepada RM177.13 juta tahun 2009 iaitu meningkat sebanyak 13.5%. ini meliputi cukai-cukai yang disebutkan iaitu cukai tanah, sewa dan sewa beli rumah, hasil penswastaan dan lain-lain. Jadi inilah yang perlu di ambil tindakan. Begitu juga,

3. Mengutip tunggakan pinjaman daripada agensi-agensi negeri yang berjumlah RM1.11 bilion di antara contoh agensi yang mempunyai tunggakan yang banyak ialah Syarikat Air Johor sebelum diambil alih 597.50 pada tahun 2009 mengikut Laporan Ketua Audit Negara. Perbadanan Johor mempunyai tunggakan pinjaman sebanyak 79.42 juta pada 2009, Pihak Berkuasa Tempatan 5.36 juta, Yayasan Pelajaran Johor 2.52 juta dan juga Johor Special Water Sdn. Bhd sebanyak 430.72 juta pada tahun 2009. Jadi jumlah tunggakan inilah sebanyak 1.11 bilion. Dan inilah satu perkara yang boleh diperhatikan dan di pastikan. Jadi kalau rakyat pungut cukai, pihak-pihak, agensi-agensi begini juga kena menjelaskan tunggakan pinjaman yang mereka lakukan supaya tidaklah kita gembira apabila Syarikat Air Johor diambil alih oleh SPAN dan hutang kita berkurangan tetapi kita kerugian dari segi aset-aset negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mengelakkan daripada melaksanakan projek-projek yang dibuat tanpa kajian terperinci yang akhirnya merugikan, Maharani memberi contoh seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara, projek Pusat Internet e-Desa iaitu sesuatu projek penswastaan yang ditandatangani pada November 2002 dan meliputi pembangunan 40 pusat e-Desa yang telah siap sepenuhnya pada Januari 2006 dengan kos pembangunan sebanyak RM1.97 juta. Malangnya pusat e-desa ini mengalami pelbagai masalah di peringkat perlaksanaan menyebabkan 95% pusat ini ditutup atau tidak beroperasi pada tahun 2009. Inilah projek yang sepatutnya berjaya untuk meningkatkan kefahaman atau menyampaikan maklumat di desa-desa tetapi oleh kerana pemantauan atau perancangan tidak teliti menyebabkan kita kerugian dan pembaziran. Jadi kenalah mengadakan projek-projek mengikut keutamaan yang benar-benar diperlukan oleh rakyat di akar umbi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kembali kepada Majlis Perbandaran Muar, Yang Berhormat Bentayan telah pun melaporkan laporan Ketua Audit Negara tentang Majlis Perbandaran Muar. Jadi saya, Maharani ingin memberi peringatan, walaupun MPM yang diberi, yang dipilih oleh Ketua Audit Negara untuk dipantau, PBT lain jangan tidur lena. Ini hanyalah, orang putih kata *the tip of the iceberg,* dengan izin. Jadi apa yang berlaku, apa yang telah dipantau di MPM ini hendaklah diambil kira oleh PBT-PBT yang lain, supaya masalah yang sama tidak akan berulang dan rakyat dapat hidup dengan sejahtera dalam kita mensejahterakan rakyat Negeri Johor ini.

Di antara masalah yang dihadapi di MPM ialah tentang kita bangga kerana di Muar mempunyai sebuah stadium baru. Kalau dahulu sebelum di naik taraf, rakyat boleh berjogging, boleh berlari di keliling padang itu, di padang stadium, tetapi apabila di naik taraf, maka rakyat tidak dapat kemudahan dan yang malangnya pulak aktiviti-aktiviti sebelah malam tidak dapat dijalankan kerana lampu limpah yang empat buah itu pun dah rosak, dah tak boleh digunakan. Jadi, inilah masalah yang berlaku apabila pengawasan, penyeliaan yang tidak dapat dijalankan dengan baik.

Begitu juga disebut dalam laporan itu tentang masalah pencerobohan tapak kemudahan awam. Kita lihat di mana-mana taman, di mana tanah lapang yang berlaku pencerobohan. Masalah ini ialah kerana Undang-Undang Kecil Taman ada di PBT, tetapi tindakan tidak diambil. Jadi kalau padang tu kosong kita dapati, kalau ditanam pokok yang tidak kekal mungkin memberi manfaat, tetapi kalau diletak

bangsal kereta, yang malang sekali dibuat warung untuk berniaga, ini merugikan dan juga menyusahkan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi masalah tentang kemudahan awam di Majlis Perbandaran Muar ini ialah telah dilaporkan bahawa tapak kemudahan awam untuk pusat kejiranan tidak mencukupi dalam Majlis Perbandaran Muar, walaupun kalau ikut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, pemaju dikehendaki merizabkan 10% daripada keluasan tapak pembangunan sebagai kawasan lapang. Masalah sekarang apa yang berlaku khususnya dalam DUN Maharani ialah kebanjiran taman-taman. Hampir di setiap kampung sudah ada taman, dan taman-taman ini adalah dalam skala kecil, jadi mereka, pemaju-pemaju berjaya, berjaya dari segi tidak memerlukan untuk merizabkan sebahagian daripada tapak mereka untuk tapak kemudahan awam. Ini kerana difikirkan bagaimana kawasan yang seluas taman-taman di Jalan Joned, khususnya tidak mempunyai tapak kemudahan awam yang mencukupi kerana kawasan itu dibangunkan dengan cara melalui skala-skala yang kecil dan ini mereka dapat mengelakkan daripada mengadakan tapak kemudahan awam.

Jadi inilah perlu diperhatikan supaya masyarakat dapat tempat yang sesuai, dapat padang-padang permainan dan juga untuk tapak-tapak untuk dibangunkan kemudahan awam seperti klinik dan juga dewan-dewan. Jadi di tapak kawasan kejiranan Sungai Abong dan Jalan Joned ini hanya disediakan 45.3% sahaja daripada piawaian yang disyaratkan. Inilah akibat daripada meluluskan tanah yang dibangunkan dalam skala kecil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara masalah yang dihadapi oleh Maharani walaupun kami mempunyai Pegawai Khas Menteri Besar di kawasan-kawasan kami tetapi kami mengharapkan supaya gerak kerja itu lebih dipercepatkan, kerana kami ADUN Pakatan Rakyat ini tidak terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Tindakan Daerah. Jadi ini, itu yang bagusnya, maknanya tanggungjawab sebenarnya untuk membangunkan DUN-DUN ini adalah terletak pada JPMM, kepada Wakil Khas Menteri Besar yang memegang peruntukan. Jadi kita kena sebarkan kepada rakyat, supaya mereka nak peruntukan, jumpa Wakil Khas Menteri Besar.

Y.B. Dato' Speaker : Jangan beritahu dia yang ada Wakil Rakyat ni tak bayar lagilah, kalau tak ada.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Wakil Rakyat dia ni kerjanya ialah untuk menyampaikan, menyalurkan maklumat...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi Wakil Menteri Besar ni membantu Wakil Rakyat. Wakil Rakyat kena kekal di situlah. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Nasib baiklah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini masalah yang agak pelik tapi benarlah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Agama yang telah meluluskan pembangunan masjid baru di Parit Bakar Darat. Telah

siap pun. Tapi selepas saya tanyakan dalam Persidangan yang lepas, masjid siap tetapi semalam saya pergi semula ke masjid tu nak melihat keadaan macam mana. Masjid tu ada mempunyai empat pili air di sebelah luar dan di dalam bilik imam ada satu pili air. Bayangkan masjid tanpa kemudahan awam. Tak ada tandas, dan tidak ada tempat untuk wuduk yang sesuai untuk Muslimin dan Muslimat. Ini adalah satu perkara yang pelik.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak ada tandas betul?.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Betul.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, masjid mana pulak tak ada tandas.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Masjid Parit Bakar Darat yang baru yang patutnya paling canggih. Tetapi juga tidak ada pagar. Oleh kerana ...

Y.B. Dato' Speaker : Pagar tak apalah ni tandas, heran saya.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Ini kerana rasionalisasi, saya pun tak faham apa tu.

Y.B. Dato' Speaker : Ataupun Yang Berhormat salah masuk tak? Ada tandas tak jumpa. Ha, yalah, oklah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi saya difahamkan, terima kasihlah Pejabat Daerah yang terlibat kerana saya difahamkan mereka telah memohon bajet tambahan RM400,000.00 untuk tandas awam dan juga pagar. Jadi agak, kalau bayangkanlah untuk kemudahan ini dah RM400,000.00 sedangkan kos masjid itu sendiri hanyalah saya difahamkan RM1.1 juta lebih kurang. Jadi tambahan yang begitu banyak, sedangkan di masjid bersebelahan yang juga dibina pada waktu yang sama, masjid Parit Pinang Seribu Darat telah pun siap dengan pagar dan juga dengan tandas.

Jadi, ini satu perkara yang perlu diperhatikan dan saya ingin memohon peringatan kalau masjid ini pun bermasalah untuk diselesaikan, saya bimbang kerana kita dalam masa 2 tahun ini akan datang ini akan membina 121 buah sekolah agama baru, kena pastikan bahawa kontraktor yang mendapat kontrak ini dan juga pemantauan yang dibuat hendaklah sempurna supaya sekolah ini dapat disediakan mengikut jadual dan anak-anak kita dapat belajar mengikut yang telah dijadualkan dan saya mohonlah supaya sekolah-sekolah yang akan dibina ini, sekolah agama ini beritahulah kepada ADUN-ADUN yang berkenaan termasuk kami daripada Pakatan Rakyat supaya kami dapat sama memantau. Kalau tidak, saya yakin ada juga Ahli-Ahli Yang Berhormat ini tak tahu bahawa di kawasannya ada sekolah baru yang akan dibina.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu masalah yang dihadapi oleh seorang penduduk ialah tentang masalah bantuan rumah daripada Baitulmal di Kampung Parit Rajalah, Muar. Permohonan telah diluluskan dan pembinaan telah pun dimulakan pada bulan Februari, 2010. Hingga sekarang, apa yang ada hanyalah dinding tidak bersimen, lantai, tingkap kosong, pintu kosong dan tak berbumbung selepas 9 bulan. Beberapa

kali telah ditanya, diajukan dan saya pun telah bertanya pihak yang berkenaan di Johor Bahru, hingga sekarang masalah ini tidak selesai.

Y.B. Dato' Speaker : Rumah apa tu? PPRT?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Bukan, rumah bantuan Baitulmal.

Y.B. Dato' Speaker : Oh Baitulmal.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jadi rumah yang saya jangkakan ...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Pejabat Agama banyak duitlah. Takkan lah tak siap.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Rumah yang saya jangkakan bernilai dalam RM35,000.00 itu tidak selesai lagi. Katanya masalah kontraktor. Jadi ini lah mungkin kontraktor yang tidak bertauliah dilantik.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Kontraktor Melayu.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, keselamatan jalan raya ada satu perkara yang kita patut kita ambil berat dan dalam DUN Maharani sendiri pun ada beberapa tempat yang merbahaya dan tempat ini yang baru-baru ini telah berlaku 2 kemalangan maut selang beberapa minggu, iaitu di Jalan Temenggung Ahmad bersimpangan Taman Seri Temenggung dan Taman Bunga Raya berhampiran dengan Kompleks Mahkamah Muar yang baru. Kawasan ini memang dahulunya pernah berlaku kemalangan kecil tetapi baru-baru ini, oleh kerana kepesatan pembangunan di Muar mungkin, oleh kerana kepesatan dengan adanya bangunan-bangunan baru di sini maka jalan ini tertambah sibuk, jadi perlulah tempat ini dapat diberi perhatian supaya dilebarkan, supaya di setiap tiang elektrik itu dipasang lampu supaya tidak gelap di waktu malam, diletakkan kotak kuning atau garis kuning ataupun *cats eyes* dengan izin, di pembahagi jalan dan juga papan-papan tanda yang sesuai.

Begitu juga di sepanjang Jalan Parit Bakar Darat hingga ke Sri Tanjung. Jalan ini melalui masjid baru yang saya katakan tadi. Jalan ini juga perlu di tar semula kerana berlaku beberapa kejadian kemalangan walaupun tidak melibatkan nyawa terutama di tiang lampu di Jalan Parit Bakar Darat, Jalan Sri Tanjung, di tiang lampu TNB 109 dan 100 mohon diturap supaya mengelakkan kemalangan. Begitu juga di jalan ini adalah satu persimpangan iaitu persimpangan *T-Junction*, persimpangan T di Jalan Parit Bakar Darat ini dengan Jalan Dato' Kosai, ini jalan sempena nama ayahanda Y.B. EXCO kita.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Jalan tu teruk ke Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jalan tu tak teruk tapi simpang T tu merbahaya, kerana papan tanda tidak berlaku banyak kereta terbang. Di *T-Junction* dia lepas sahaja, tak nampak T, dia terus *straight*. Jadi melompat parit. Jadi ini kita belum dapat kemalangan jiwa tetapi kemungkinan. Jadi mohon papan tanda yang sesuai dan juga...

Y.B. Dato' Speaker : Bercahaya ya, ... ok Yang Berhormat, masa.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyampaikan sedikit maklumat ataupun masalah. Masalah ini tentang pelaksanaan kupon letak kereta. Baru-baru ini tidak mengira mana tempat. Ini kita fahamlah dalam surat khabar dah diberitakan tentang tempat baru di pekan Bukit Gambir. Jadi ini memanglah Pihak Berkuasa Tempatan memerlukan kewangan dengan cara mengenakan bayaran. Tapi kita kenalah fikir kesejahteraan rakyat, supaya tempat-tempat yang sesuai hendaklah didahulukan dan tempat yang kurang sesuai hendaklah ditangguhkan supaya rakyat selesa. Saya cukup yakin pekan Bukit Gambir ni lebih kurang macam pekan Yong Peng juga, jadi kalau pekan Yong Peng tu pun dijadikan kawasan kupon berbayar, saya ingat YB Yong Peng pun tak setuju.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tahu tak setuju. (Dewan ketawa) sangka baik eh.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dan satu lagi masalah kalaulah katakan di kawasan letak kupon yang berbayar biasanya apa yang berlaku, telah berlaku di beberapa PBT ialah diswastakannya. Mula-mula kakitangan PBT yang mengambil, yang menjalankan tugas, lepas tu diswastakan. Bila diswastakan, kita bayar, rakyat bayar, kupon bayar, tetapi dia tak bayar pada PBT. Jadi saya nak tahu juga berapa agaknya tunggakan syarikat-syarikat swasta yang memungut bayaran tempat letak kereta ini di semua PBT yang belum menjelaskan dan saya harap kalau berlaku juga, terpaksa diadakan juga bayaran letak kereta ini pastikan jangan ada tunggakan kalau diswastakan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sikit lagi tentang masalah tanah mendap di rumah saya yang telah disebutkan dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasihlah di atas tindakan yang telah diambil dan telah diambil pun. Tanah mendap di hadapan Sekolah Kebangsaan Parit Keroma dan juga di Parit Amal Laut. Walau bagaimanapun, juga di Parit Unas walau bagaimanapun, banyak lagi tempat yang telah berlaku kerana hujan ni tempat yang berhampiran dengan tempat yang disebut berlaku juga mendapan. Jadi, kita mintaklah supaya tak perlulah Wakil Rakyat ataupun JPMM mengawasi. Jadi, pihak yang berkenaan itu dah tahu kawasan tu, mana dia akan membuat pemantauan berterusan, tak payahlah diberitahu dan dengan cara ini rakyat akan sejahtera dan dapat, tak adalah masalah atau kemalangan yang berlaku kepada masyakat setempat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, saya ingin juga maklumkanlah ataupun bertanya tentang Perjanjian Air Malaysia – Singapura yang akan tamat pada tahun hadapan. Jadi kita mengharapkan supaya perjanjian ini dapat dipastikan bahawa ia tidaklah merugikan. Jangan sampai *win win* tapi hilang Pulau Batu Puteh. Begitu juga dengan kita cukup baik. Kita baik sangka dengan jiran negara luar, kita jual 0.03 sen seribu gelen tetapi kita jual 0.30 kepada jiran kita sebelah utara tu. Kesian dia, jadi kita kenalah...

Y.B. Dato' Speaker : Memang kesian ya.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Kesian. Jangan sampai kera di hutan disusukan, utamakan rakyat negeri Malaysia sendiri. Jadi, akhir sekalilah saya nak tambahlah...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dah berapa banyak kali tu?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Akhir sekali, peribahasa nak tambah, peribahasa Y.B. Bukit Permai. Dahulu Y.B Parit Yaani eh? Sebut saya makan cili dia rasa pedas, masuk dalam buku tu, itu baru. Saya pun nak masuk jugalah pasal Rengit sebut tentang cermin mata gelap, saya tak pakai cermin mata gelap. Cermin mata ni dia macam mikroskop boleh nampak jauh, jadi saya nak tambah peribahasa tu, dia tembak gas kat Rengit, saya yang rasa pedas, pedih mata. Ha tu tambah tu. Jadi akhir sekali saya mendoakanlah kepada Y.B-Y.B kita yang sedang menunaikan Fardu Haji supaya mereka diberi kesihatan dan juga mendapat haji mabrur, dapat bersama kita pada yang akan datang. Mudah-mudahan kita akan dapat bersama-sama bekerja untuk rakyat. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Wabarakatuh, jemput Ahli Yang Berhormat, diteruskan lagi siapa nak berucap? Ok, Pemanis.

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Selamat Pagi, salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Jementah.

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : …kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini sempena Pembentangan Bajet 2011 oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, kemalangan maut di jalan raya kerap berlaku di Malaysia sehingga Malaysia mencatat antara negara yang paling banyak berlaku kemalangan jalan raya di dunia. Kalau tak silap saya Malaysia antara 5 teratas di dunia. Saya berpendapat bahawa kemalangan jalan raya akan terus berlaku sekiranya rakyat sendirinya tidak mahu mengubah sikap, cara memandu secara merbahaya dan enggan mengikut peraturan dan undang-undang jalan raya walaupun kerajaan boleh menyediakan jalan yang baik dan canggih. Kemalangan maut di Lebuh Raya Utara-Selatan baru-baru ini adalah satu contoh yang jelas dan apakah keadaan jalan raya di lebuh raya ini tidak baik dan selamat?

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut kajian dan selidik oleh Pihak Badan Keselamatan Jalan Raya Negara, antara sebab berlakunya kemalangan jalan raya, 70% adalah disebabkan oleh faktor kecuaian manusia, mungkin 20% adalah kerana keadaan jalan raya yang tidak memuaskan dan mungkin 10% adalah faktor teknikal. Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan jalan raya yang baik tidak menjamin kemalangan tidak akan berlaku tetapi sistem lalu-lintas dan keadaan jalan raya yang buruk seperti Jalan Segamat-Yong Peng akan mengundang kemalangan maut kerap berlaku. Saya nak mengambil contoh kemalangan maut di Batu Anam, Segamat di mana dalam tempoh 4 bulan sahaja, 5 orang 6 nyawa, ha 5 orang 6 nyawa kerana

salah satu daripada dia mengandung 8 bulan, seorang guru. Amat sedih sekali Yang Berhormat Dato' Speaker. Walaupun JKR telah meluluskan peruntukan RM4 juta untuk menambah baik jalan berkenaan akan tetapi kesakitan dan penderitaan telah terguris dalam hati orang Batu Anam.

Y.B. Dato' Speaker : Dia apa Yang Berhormat, yang tak selesa jalan tu apa? Jalan bengkok ke, rosak ke apa?

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Jalan itu memang bahaya. Saya dah bangkitkan perkara ini semenjak tahun 2005 selepas jambatan itu dibuka untuk jalan. 5 tahun baru projek itu dapat dilaksanakan itu pun baru mula sekarang. Oleh sebab itu saya nak menyeru JKR Segamat, Johor perlu memantau pelaksanaan projek yang ada sekarang itu dengan serius, dengan serius dan tidak akan teragak-agak untuk bertindak sekiranya tidak mengikut spesifikasi. JKR telah memberi satu taklimat kepada Wakil Rakyat di sana dan saya telah dengan bersama Yang Berhormat dari ADUN Buloh Kasap telah memberi sedikit sebanyak input dengan perkara itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berpendapat bahawa 1 pasukan bersepadu perlu diadakan merentasi jabatan-jabatan untuk menangani kemalangan jalan raya di Malaysia ini, Jabatan Polis, JPJ, JKR, Majlis dan juga Jabatan Pelajaran. Saya rasa selain daripada kerajaan boleh memantau, menambah baik lokasi panas *hot spot* kemalangan satu faktor penting adalah bagaimana kita nak mengubah sikap pemandu perlu juga dititikberatkan. Mungkin Jabatan Pelajaran, Penerangan boleh memainkan satu peranan yang amat penting dalam perkara ini.

Selain daripada itu, penguatkuasaan yang lebih ketat kepada pesalah-pesalah jalan raya juga diperlukan dan daripada segi kelulusan lesen memandu juga perlu ketat. Dalam bab ini saya rasa banyak Wakil Rakyat ada dikunjungi oleh orang yang nak mengambil lesen, dia ambil 1 borang untuk panggil Wakil Rakyat sahkan dia buta huruf. Saya pun tidak tau macam mana nak sahkan dia buta huruf. Ada yang datang dia ada kelulusan SPM tapi dia cakap dia buta huruf supaya dia mungkin dapat melalui jalan singkat untuk mendapat lesen memandu. Saya tidak faham kenapa JPJ boleh sediakan borang seumpama ini? Kalau Wakil Rakyat tidak mahu sain, dia cakap Wakil Rakyat tidak baik. Jadi kalau Wakil Rakyat sain dia cakap ini Wakil Rakyat yang baik tetapi dia buta huruf ke tak buta huruf saya mana tahu, sekolah yang tahu. Patut JPJ panggil dia balik kepada sekolah dia, mana satu dia sekolah guru besar sahkan dia buta huruf ke tidak. Ha itu saya rasa ada ramai Wakil Rakyat yang ada dikunjungi oleh mereka yang nak dapat *license* itu dengan borang sedemikian, kadang-kadang kita serba salah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya dalam bab meningkatkan kualiti infrastruktur demi keselesaan rakyat dari segi perhubungan dan keselamatan serta sebagai pemangkin pertubuhan kegiatan ekonomi seperti yang ditekankan dalam Strategi ke-3 Bajet 2011, saya sekali lagi menyeru JKR Johor menghantar permohonan peruntukan membaik pulih Jalan Segamat-Yong Peng dengan mengemukakan dokumen spesifikasi kerja, gambar-gambar kerosakan jalan serta statistik kemalangan yang telah berlaku kepada JKR Pusat supaya jalan yang boleh dianggap antara jalan yang terburuk di negara kita ini dapat perhatian peruntukan dalam Rancangan

Malaysia Ke-10. Jalan ini hari-hari saya berulang-alik, bergelombang, berlubang-lubang…

Y.B. Dato' Speaker : Bergelombang macam mana, jalan mana ada gelombang?

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Dia tak ratalah Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi apabila kita kereta pandu ikut tak lebih had laju kadang-kadang dia pun tak stabil, yang paling bahaya hujan. Oh, air dia bertakung sampai tengah jalan. Jambatan berkembar yang pernah saya bangkitkan begitu bahaya serta tanda-tanda lalu-lintas yang kurang jelas. Jadi, saya rasalah kerajaan turut mengambil berat tentang Jalan Segamat-Yong Peng ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga gembira kerana Kerajaan Johor berhasrat untuk menaikkan taraf sebanyak 1,100 kilometer jalan-jalan kampung dalam tempoh 2 tahun seperti yang dikatakan dalam Langkah ke-2, Strategi ke-3 Bajet 2011 iaitu menaikkan taraf jalan kampung. Dalam bab ini, saya mengingatkan kerajaan jangan lupalah Jalan Kampung Sengkang Leggeh-Jementah yang telah banyak kali saya bangkitkan dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau bandingkan dengan 1,100 kilometer jalan ini tak panjang sangat Yang Berhormat Dato' Speaker, 8 kilometer sahaja. Surat permohonan telah dihantar kepada pejabat oleh Pejabat Daerah Segamat ke Pejabat Menteri Besar dan JKR Segamat mencadangkan supaya bahagian jalan dari Bandar Jementah ke Kilang Getah dan Reban Ayam dinaikkan taraf mengikut *standard* jalan JKR kerana jalan bahagian dia dilalui oleh kenderaan berat. Bahagian kedua dari Kilang Getah ke Kampung Sengkang Leggeh sejauh 3 kilometer, itu mungkin boleh diturap dipulihkan sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya dalam bab meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah menjadi satu agenda yang penting dalam Bajet 2011 di mana Kerajaan Negeri Johor yakin membasmikan sepenuhnya miskin tegar pada tahun 2011. Bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri melalui berbagai intensif strategi berjaya mengurangkan bilangan ketua isi rumah miskin tegar daripada 1,232 orang kepada hanya 13 orang pada Oktober 2010. Manakala bilangan ketua isi rumah miskin turut menurun daripada 2,651 orang kepada 2,118 orang dalam tempoh 10 bulan saja. Satu kejayaan yang amat prihatin kepada warga miskin, tahniah dan syabas Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya puas hati dengan pengendalian *focus group* di Pejabat Daerah Segamat tetapi saya sentiasa menerima aduan daripada rakyat mengenai kelambatan tindakan Pejabat Kebajikan Segamat. Mereka datang kebanyakan warga tua, ada antaranya OKU, ibu tunggal dari kampung-kampung tradisi Melayu, kampung baru, ladang. Bentuk bantuan yang mereka pohon adalah bentuk bantuan warga tua ataupun bantuan OKU. Ada antara kes baru sampai 3 bulan tak dapat jawapan. Lulus tak lulus tak tahu. Apa masalah sebenarnya saya pun tak tahu? Masalah kekurangan kakitangan pejabat ke, masalah pemohon maklumat tidak lengkap ke, masalah pemohon tidak layak ke ataupun ada masalah birokrasi ke? Perlulah ada satu jawapan kepada pemohon.

Y.B. Dato' Speaker : Dah lama Yang Berhormat? Berapa lama tu?

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : 3 bulan lebih, kadang-kadang lebih.

Y.B. Dato' Speaker : 3 bulan oklah.

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Sebab sentiasa dikunjungi oleh rakyat sedemikian rupa. Kalau tak layak bagilah jawapan, kalau layak tolonglah beri kelulusan dalam tempoh yang ditetapkan. Dia mesti ada satu tempoh piawaiannya. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta Pejabat Kebajikan berilah senarai pemohon di Parlimen Segamat yang mohon bantuan. Saya nak sama ada yang lulus, yang tak lulus, bagilah maklumat ini kepada Wakil Rakyat supaya kita dimaklumkan dan tolong berilah piawaian tempoh pemohon boleh mendapat jawapan daripada Pejabat Kebajikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya terbacalah dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajet 2011 dalam bab menambah baik perkhidmatan pusat PDK supaya dia mempunyai bangunan sendiri, lengkap dengan kemudahan mesra OKU. Maka, setelah saya mencadangkan agar PDK Jementah membina semula bangunan baru untuk menggantikan bangunan lama di tapak yang sama. Bangunan yang sedia ada ini sebenarnya dia ada ubahsuaian daripada Kompleks Penghulu lama Jementah di mana ianya,

1. Sudah uzur dan beranai-anai.
2. Dia bertangga-tangga.

Maka tidaklah mesra OKU seperti yang ditekankan dalam Bajet 2011. Oleh itu saya harap kerajaan berilah keutamaan kepada cadangan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker seterusnya dalam bab strategi ketiga Bajet 2011, meningkatkan kualiti hidup setaraf negara maju. Ini negara maju. Jadi dalam bab ini saya bercadang supaya Hospital Segamat dinaikkan taraf dari status hospital pakar minor. Ha, ini pakar minor ke status hospital pakar major. Ada perbezaanlah pakar minor dengan pakar major. Di mana pakar minor dia ada sembilan kepakaran sahaja. Tetapi kalau hospital pakar major dia ada lapan belas kepakaran seperti Hospital Muar. Cukup, kita tidak mahu sampai seperti Hospital Sultan Aminah. Seperti Hospital Muar itu pun sudah cukup untuk supaya rakyat di Segamat ini dapat memiliki perkhidmatan perubatan yang lengkap dan sempurna. Tambahan pula dekat Segamat ini tidak ada hospital pakar swasta. Kalau hendak pergi swasta pun jauh, Melaka satu jam setengah. Sementara ini di Hospital Segamat dia ada pakar perubatan. Kanak-kanak *pediatrik*, pembedahan surgeri*, orthopedics* tulang, *obstetric* dan ginekologi sakit puan, *psychiatry,* sakit jiwa, bius ada ini. Tetapi dalam pakar minor ada dua lagi kepakaran iaitu *radiology* dan pakar kecemasan dan kemalangan. Itu penting, tiada. Walaupun pakar minor ini kedua-dua kepakaran itu ada di dalam kategori pakar minor tapi tidak ada di Segamat lagi. Itu penting kerana Segamat saya rasa antara daerah yang selalu ada kemalangan maut. Segamat, Jalan Segamat-Kuantan, Segamat-Yong Peng selalu ada kemalangan maut. Jadi saya dua kepakaran itu amat penting di Segamat. Jadi saya menyerulah EXCO kesihatan dapat

bercakap-cakap dengan Kementerian Kesihatan Malaysia supaya dapat isi kekosongan jawatan ini dengan segera di Hospital Segamat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok masa…

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ada dua tiga perkara lagi…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, pantas sedikit…dua tiga minit.

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini seterusnya ada satu isu lagi saya ucap tahniah kepada Pejabat Pelajaran Johor dan Segamat kerana dalam pakej rangsangan ekonomi dan rancangan Malaysia Ke-9, Segamat ada banyak sekolah telah dapat bangunan baru. Tetapi ada satu yang tercicir iaitu Sekolah Hua Nam, Batu Anam. Ada satu blok juga bangunan uzur saya sudah pergi minggu lepas beranai-anai, kayu sudah rosak, jadi saya anggaplah Pejabat Pelajaran Johor dapat memberi keutamaan untuk menggantikan blok bangunan ini satu yang baru dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Seterusnya saya juga ingin bangkitkan Kampung Bukit Tunggal, Jementah perlukan satu balai raya yang lebih baik kerana tidak cukup untuk menampung sebagai pusat pembinaan banjir. Begitu juga Kampung Gemerih, balai rayanya perlu dinaikkan taraf kerana ramai penduduk di sana.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bab meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan seperti yang ditekankan di strategi keempat, Mentransformasikan Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Saya ingin memberi ujian kepada beberapa agensi kerajaan di Segamat:-

1. Pejabat daerah Segamat dalam usaha tangani pembasmian miskin melalui *focus group*.

2. Majlis daerah Segamat dalam usaha menyelesaikan isu *parking* di tempat baru dan memberi *parking* khas kepada OKU. Saman *parking* diganti dengan memberi kupon *parking* dan *respons* pantas dengan aduan Wakil Rakyat.

3. Polis. Penangkapan cepat isu pecah rumah di Jementah.

4. JPS. Membantu menyelesaikan isu banjir kilat, bersih sungai dan jalan pertanian dengan cepat.

5. Pejabat Tanah Segamat. Bekerjasama sehingga beberapa isu geran tanah diselesaikan sempena lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Parlimen Segamat seperti Dewan Choon Chew di Kampung Abdullah, Tokong Yin Fong, Nam Hai di Jementah dan Tokong Hua Kwang di Tambang, di Batu Anam.

6. Hospital Segamat. Pengarah hospital yang sudi bekerjasama dengan Wakil Rakyat dalam penyelesaian isu-isu pesakit. Ini bukan hendak

mengilatkan kasut agensi berikut. Tetapi lebih kepada memberi galakan, sokongan supaya mereka sentiasa mengamalkan konsep rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok…

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, yang baik kita puji, yang tidak sempurna kita tegur. Kita sama-sama menegakkan konsep yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm…

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Dengan ini, saya terus menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Adun Puteri Wangsa. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi. Ohh…

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Selamat pagi…

Y.B. Dato' Speaker : Benut.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai sesi perbahasan Bajet 2011 yang bertemakan Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada Khamis, 11 November yang lalu di Dewan yang mulia ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri di atas pembentangan Bajet 2011 yang bersifat *surplus*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pulai Sebatang tertarik dengan inisiatif keenam dalam strategi Bajet 2011 yang berkaitan dengan sektor pelancongan Negeri Johor, meningkatkan daya tarikan pelancongan Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan yang berkualiti yang mana digariskan tiga langkah utama iaitu :

1. Menyediakan pelan induk pelancongan Negeri Johor.
2. Meningkatkan sumber manusia berkualiti dalam industri pelancongan.
3. Memperhebahkan pemasaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini Pulai Sebatang ingin mengambil bahagian dalam memberi input dalam sektor pelancongan sebagai sumbangan kepada Bajet 2011 yang begitu menarik ini. Sebagaimana kita sedia semua maklum bahawa sektor pelancongan adalah sektor yang memerlukan perancangan strategi berdasarkan pola yang berbentuk fizikal, lokasi yang menarik dan juga pola berbentuk perkhidmatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perkhidmatan pelancongan ini terdapat dua jenis agensi pelancong yang menguruskan pelancong iaitu *in pound* dengan izin.

Menguruskan kedatangan pelancong dari luar Negara yang datang ke Malaysia. Pelancong asing atau *out pound* dengan izin. Menguruskan pelancong dari dalam negara ke luar Malaysia. Oleh itu, dalam melaksanakan langkah kedua dalam inisiatif keenam itu, maka penting untuk Kerajaan Negeri Johor melihat keperluan agensi-agensi pelancongan yang bersifat *in pound* dengan izin. Ini dalam melaksanakan peranan mereka seperti pendedahan kepada teknologi-teknologi terkini dalam pelaksanaan perkhidmatan mereka. Kemudahan-kemudahan yang boleh difikirkan sesuai untuk mereka dan insentif-insentif yang difikirkan berjaya dalam membawa yang sesuai dengan perkhidmatan mereka yang terbukti berjaya dalam membawa masuk pelancong asing dalam jumlah yang tinggi ke Negeri Johor. Namun begitu biarlah jumlah pelancong asing yang dibawa masuk ke Negeri Johor bersifat tulen dan bukannya pelancong yang hanya lalu di pintu Johor tetapi destinasinya adalah di luar Johor. Keadaan ini tidak menguntungkan dan tidak mewujudkan kesan limpahan yang mana kehadiran pelancong yang tidak tulen ini tidak dirasai oleh industri pelancongan tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini Pulai Sebatang ingin bertanya…yang berapakah jumlah keseluruhan agensi pelancongan yang aktif dan berdaftar di Negeri Johor. Berapakah jumlah agensi pelancongan yang aktif menjalankan aktiviti *in pound* dengan izin, di Negeri Johor. Bagi memastikan kehadiran pelancong tulen dan bukannya *pass by* dengan izin. Pulai Sebatang mencadangkan agar kerajaan menetapkan syarat untuk setiap agensi pelancongan *in pound* ini mesti pergi ke tempat-tempat atau destinasi pelancongan yang ditempatkan di Negeri Johor dan mewujudkan bukti lawatan seperti contoh cop pengesahan bagi setiap tempat yang telah dilawati sebelum mereka boleh keluar ke negeri lain. Pulai Sebatang juga mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu *task force* untuk mengurangkan *red tape* dengan izin, kerana birokrasi dalam proses kemasukan pelancong asing untuk melancarkan lagi industri pelancongan di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam merancang langkah kedua ini, Pulai Sebatang ingin mencadangkan agar Negeri Johor boleh mewujudkan satu pusat khas atau akademik yang menawarkan kursus pelancongan sepertimana yang terdapat di Negeri Melaka dalam memastikan modal insan dalam industri pelancongan ini mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang tinggi dalam mempromosikan Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam melaksanakan langkah ketiga iaitu strategi pemasaran, Pulai Sebatang berpendapat bahawa pelancongan berkonsepkan ekopelancongan dan agro pelancongan perlu diberikan perhatian yang tinggi kerana negeri johor khususnya terdapat banyak tempat-tempat yang menarik yang bersesuaian dengan konsep ekopelancongan dan agro pelancongan ini dalam menyediakan strategi pemasaran ini, Pulai Sebatang berpendapat kajian terhadap *market* dengan izin, pasaran pelancongan terkini perlu dibuat kerana kebanyakan pelancong kini sama ada dari dalam atau luar negara amat gemar pelancongan yang berkonsepkan kampung *life* seperti *homestay* yang di mana diperakui boleh meredakan tekanan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini Pulai Sebatang mencadangkan agar Kerajaan dapat mempertimbangkan Daerah Pontian khasnya

sebagai produk pelancongan utama di Negeri Johor kerana Daerah Pontian khususnya dan kawasan saya, Pulai Sebatang mempunyai kepelbagaian produk pelancongan yang telah sedia untuk dipasarkan. Daerah Pontian yang merupakan sebahagian daripada Wilayah Pembangunan Iskandar, mempunyai lokasi yang strategik yang mana berdekatan dengan Singapura dan juga Johor Bahru yang mana populasi penduduk kedua-duanya begitu ramai. Produk yang boleh dipasarkan sebagai contoh, Daerah Pontian adalah satu perkara yang tidak ada di tempat lain.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Penghujung Bornea Asia yang perlu dipasarkan oleh Kerajaan Negeri secara lebih agresif lagi. Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, apa nama? Nama pelancong yang tadi, Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Apa?

Y.B. Dato' Speaker : Tak, nama, nama? Yang Berhormat minta tadi?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Tak, ini tempatnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, penghujung Borneo Asia.

Y.B. Dato' Speaker : Oh tempatnya, di penghujung Borneo Asia.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Ini bukan kawasan saya, Tanjung Piai.

Y.B. Dato' Speaker : Ha itulah, sebab saya tanya.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Di Daerah Pontian.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Daerah Pontian juga ada kepelbagaian produk pelancongan yang lain yang boleh dipasarkan sebagai contoh, Daerah Pontian dan kawasan Pulai Sebatang, kaya dengan keindahan alam semula jadi seperti khazanah pulau seperti Pulau Pisang dan Pulau Kukup yang masih belum diteroka sepenuhnya. Kepelbagaian *homestay* pelancongan berasas makanan seperti *seafood*.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Dengan izin, makanan laut segar yang mudah diperolehi, Burasak makanan orang Bugis.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Dan juga buah-buahan tempatan yang pelbagai. Daerah Pontian juga terdapat tempat menarik seperti Muzium Bugis, dan

juga Muzium Nanas. Satu produk yang pernah menjadi sumber ekonomi utama Negeri Johor. Bagi masyarakat Tionghua, terdapat tokong-tokong dan rumah berhala yang berusia ratusan tahun yang boleh dilawati dan bagi mereka yang gemar memancing sambil melancong. Terdapat pelbagai kelong dan rumah rakit yang menyediakan kemudahan memancing dan jamuan makanan laut segar.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kat sana kata ada kubur orang Jerman eh?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Ha?

Y.B. Dato' Speaker : Kubur.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Kubur?

Y.B. Dato' Speaker : Kubur orang Jerman.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Ha.

Y.B. Dato' Speaker : Jerman punya kubur dulu tu ada.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Ada, ada ya.

Y.B. Dato' Speaker : Betul eh?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Ha?

Y.B. Dato' Speaker : Betul?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Saya kurang pasti Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu ADUN ada bawa, ada kubur Jerman kata dia.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, di Dewan yang mulia ini, Pulai Sebatang ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri menyediakan pakej pelancongan sebagai contoh 3 hari 2 malam ke Daerah Pontian bagi mana-mana pelancong sama ada dari dalam atau luar negara yang datang ke Negeri Johor dan adalah diharapkan agar Kerajaan Negeri dapat mewujudkan pelbagai pilihan tentatif program dalam pakej tersebut bagi memenuhi cita rasa dan kehendak pelancong asing yang datang melalui pintu selatan sebelum mereka ke negeri lain. Ini dapat mewujudkan konsep kesan limpahan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan industri pelancongan Daerah Pontian.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Speaker, strategi pelancongan ini juga begitu penting bukan sahaja kerana ia menjana pendapatan Kerajaan Negeri tetapi ia juga boleh mengelakkan gejala negatif di kalangan rakyat tempatan. Dewan yang mulia ini sedia maklum, dengan aktiviti pelancongan kasino.

Y.B. Dato' Speaker : Hhmm?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang sedang rancak dilakukan di negara jiran kita.

Y.B. Dato' Speaker : Hhmm.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Industri pelancongan kasino ini secara tidak langsung telah mula menunjukkan gejala-gejala negatif di kalangan rakyat tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Hhmm.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Khususnya rakyat Negeri Johor. Pulai Sebatang difahamkan kini ramai rakyat Malaysia amnya dan Johor khususnya telah terlibat dengan aktiviti pelancongan kasino ini. Pulai Sebatang dimaklumkan bahawa terdapat bas-bas pelancong yang mengambil rakyat tempatan untuk ke negara jiran semata-mata hanya untuk ke kasino tersebut. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada pengusaha-pengusaha pelancongan yang telah lama bergiat dalam bidang pelancongan, terdapat lebih kurang 30 buah bas sehari yang berulang-alik membawa pelancong tempatan ke negara jiran yang rata-rata hendak ke kasino tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Dia bukan pergi kasino Yang Berhormat. Dia pergi tempat mainan tu.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Tak ada. Orang terus pergi Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, eh?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Terus pergi kasino.

Y.B. Dato' Speaker : Ohh..

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Dan dari 30 buah bas tersebut, 7 buah bas difahamkan datang terus daripada Singapura. Bas-bas pelancongan tersebut difahamkan telah mendapat komisen dari kasino tersebut sekitar RM2,600 hingga RM2,700 bagi setiap *trip*.

Y.B. Dato' Speaker : Hhmm?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Dan difahamkan juga terdapat pergerakan masuk kereta dari Johor ke Singapura yang dianggarkan berjumlah 500 buah selepas jam 7 malam setiap hari untuk ke kasino tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada pergi?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Tak pernah pergi pun Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ok, ok.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Sibuk dengan bidang politik dan khidmat negara rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Dah selesai politik , dah habis pemilihan?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : (ketawa). Dengan ini jumlah pelancong yang masuk ke Singapura bagi tujuan kasino ini dianggarkan lebih kurang seramai 3,000 orang setiap hari. Yang Berhormat Dato' Speaker, jika dikira jumlah perbelanjaan mereka ke kasino ini dianggarkan minimum SD1,000 setiap orang, maknanya lebih kurang dianggarkan RM7 juta telah dibelanjakan oleh mereka untuk sehari dan RM200 juta sebulan bagi tujuan kasino ini sahaja. Yang Berhormat Dato' Speaker, ini menimbulkan masalah sosial dan keruntuhan institusi keluarga memandangkan ada terdapat pelancong tempatan yang merugi sehingga terpaksa berhutang dengan Along. Ada juga kes yang diadukan kepada saya di mana rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura tidak terus pulang sebaliknya menghabiskan duit gaji di kasino. Ada juga telah mengeluarkan duit simpanan tetap di bank dan menjual harta benda akibat ketagihan judi di kasino ini.

Y.B. Dato' Speaker : Hhmm..

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Di samping segala masalah sosial ini dengan anggaran perbelanjaan tersebut, ia juga telah merugikan kerajaan dari segi agihan keluar wang kita yang begitu tinggi. Aktiviti pelancongan kasino ini juga telah menjejaskan mata pencarian warga tempatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam industri pelancongan. Mengikut aduan yang saya terima daripada pengusaha-pengusaha perniagaan tempatan, pasaran jualan perniagaan mereka telah menyusut sehingga 30% akibat kekurangan pelanggan kerana masalah kasino ini.

Y.B. Dato' Speaker : Habis apa nak buat?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Singapura telah mengambil tindakan serta-merta menghalang bas-bas yang menjalankan aktiviti ini dari mengambil penumpang dari kawasan perumahan di Singapura sendiri dan Pulai Sebatang juga.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm..

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Mencadangkan agar kita juga perlu mengenakan syarat yang sama di Negeri Johor ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh... *Singapore* dia kenakan eh, Yang Berhormat? Betul?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Tak, dia tak bagi. Halangkan bas Singapura ke tempat mereka ambil penumpang dari tempat perumahan mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm…

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Tak boleh. Di Dewan yang mulia, Kerajaan dicadangkan agar mengambil langkah serta-merta bagi mengawal aktiviti yang kurang sihat ini sebelum ia menjadi teruk. Kerajaan dicadangkan mengenakan syarat seperti menghalang daripada mengambil rakyat Malaysia secara langsung ke Singapura dan Kerajaan dicadangkan menetapkan syarat untuk agensi pelancongan dan bas pelancongan Malaysia tidak dibenar untuk terus ke kasino.

Y.B. Dato' Speaker : Hhmm...

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan tekad 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan'.

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : 'Pencapaian Diutamakan' dan tema Bajet 2011, 'Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat', maka menjadi harapan Pulai Sebatang agar pihak yang berkenaan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan yang saya kemukakan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Dengan ini, saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Perbahasan diteruskan lagi.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Selamat tengah hari dan salam 1 Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama membahaskan atas rundingan bacaan kali kedua bagi Bajet 2011 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker :Ya. Yang Berhormat nak apa?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Duduk.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat duduk? Ha'ah, baguslah.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : (ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, memang saya suka tu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga hari Selasa, 23 November 2010 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEENAM	SELASA, 23 NOVEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat perbahasan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, jemput.

Langkah kerajaan dalam mentransformasikan sistem pendidikan bagi meningkatkan kualiti guru dalam sistem pendidikan. Apakah tindakan kerajaan ke atas guru-guru yang bukan siswazah yang member komitmen sepenuhnya terhadap kerjaya guru serta adakah peluang kenaikan pangkat kerana mereka hasilkan daripada sistem perguruan yang sedia ada pada waktu tersebut?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsuddin (Semerah) bagi pihak Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan awak ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan Puteri Wangsa ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, bagi tujuan meningkatkan kualiti pendidikan di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran ialah dengan memberi peluang peningkatan kerjaya kepada khususnya guru-guru di bawah kategori Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma seperti mana berikut:-

1. Kenaikan pangkat secara hakiki daripada

   Gred DGA 29 ke gred DGA 32
   Gred DGA 32 ke gred DGA 34.

2. Kenaikan pangkat secara pegawai cemerlang, pengelola cemerlang ataupun guru cemerlang daripada,

   Gred DGA 29 ke gred DGA 32
   Gred DGA 32 ke gred DGA 34
   Gred DGA 34 ke gred DGA 38.

3. Melalui kenaikan pangkat secara *time based* iaitu daripada Gred DGA 29 ke gred DGA 32.

4. Melalui Program Pensiswazahan Guru-Guru PPPLD dengan memberi peluang guru-guru itu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dan seterusnya dilantik ke gred DGA 41.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita terdapat bahawa ramai guru-guru sandaran yang mengajar di sekolah-sekolah menghadapi masalah untuk mendapati peluang untuk menghadiri kursus-kursus. Ada juga mereka yang berkhidmat selama 7, 8 tahun tetapi apa yang saya diperhatikan bahawa setiap kali kelayakan untuk memasuki kursus-kursus seperti KDC dan sebagainya berubah dan umur juga terhad. Apakah kriteria ataupun kelayakan yang sebenarnya untuk mereka memasuki kursus-kursus ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan asalnya berkaitan dengan peluang-peluang guru-guru bukan siswazah ini, yang telah pun disahkan dalam jawatan untuk mendapat peluang kenaikan pangkat. Jadi bagi guru-guru sandaran ini Yang Berhormat Dato' Speaker, memang kerajaan telah menetapkan kriteria-kriteria tertentu. Saya pun tak ada maklumat di sini kelayakan asas dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ni guru sandaran ya. Ok, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Setahu saya setengah-setengah khasnya guru-guru sandaran yang lemah dalam Bahasa Malaysia, adakah kerajaan ada sebarang rancangan seperti yang dilaksanakan di luar negeri di mana kalau Bahasa Inggeris lemah dia bagi peluang bagi melalui kursus-kursus yang tertentu untuk meningkatkan kebolehan bahasa mereka, seperti yang setengah-setengah setahu saya khasnya kalangan yang bukan Melayu itulah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita bagi peluang itu,

Y.B. Dato' Speaker : Gaji, dia tadi tanya, Yang Berhormat macam mana, nak jawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Saya tak jawab.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dia tak boleh jawab. Ok lari dari soalan asal. Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsuddin, jemput.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsuddin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Apakah kaedah bagi mengatasi masalah kemalangan jalan raya mengikut justifikasi Jabatan Kerja Raya Negeri?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, awak lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut perangkaan kemalangan jalan raya boleh berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah:-

1. Kecuaian kita sendiri
2. Keadaan jalan raya tersebut
3. Geometri jalan raya ataupun kerosakan pada kenderaan
4. Keadaan cuaca semasa berlaku kemalangan dan lain-lain

Bagi mengenal pasti punca satu-satu kemalangan Jabatan Kerja Raya akan membuat semakan ke atas laporan kemalangan disediakan oleh Polis DiRaja Malaysia melalui Notis Polis 27 dan seterusnya membuat semakan serta siasatan tempat berlaku kemalangan. Bagi mengenal pasti sama ada kemalangan berlaku disebabkan oleh keadaan jalan raya yang tidak selamat dan biasanya kajian akan dijalankan pada jarak 300 meter sebelum dan selepas tempat berlakunya kemalangan tersebut. Setelah dibuat pemerhatian Yang Berhormat Dato' Speaker dan kajian serta penelitian di atas rekod-rekod kemalangan sebelumnya, maka cadangan pembaikan sama ada jangka pendek atau jangka panjang untuk mengatasi masalah kemalangan dan antaranya ialah;

1. Memperbaiki geometri jalan raya dengan melebarkan jalan, memperbaiki selekoh yang merbahaya misalannya.
2. Bina lorong memotong.
3. Membina lorong motosikal.
4. Membina pembahagi jalan dan pusingan U.
5. Memperbaiki simpang.
6. Buat jejantas diikuti dengan pasang lampu isyarat, kemudian menyediakan papan tanda tunjuk arah, papan tanda amaran, memperbaiki garisan jalan dan perabot jalan yang lain seperti pagar keselamatan dan lain-lain. Termasuk juga mengganti dan melebarkan jambatan-jambatan yang sempit.

JKR juga akan memastikan semua jalan raya yang dibina dan di selenggara olehnya mengikut piawaian yang ditetapkan supaya selamat untuk diguna pakai oleh pengguna jalan raya.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Walaupun justifikasi Jabatan Kerja Raya Negeri sudah diadakan bagi mengelakkan kemalangan jalan raya, tetapi masih dapat *human factor* iaitu mereka tidak mematuhi undang-undang, dia potong sebarang, dia mabuk, jadi bagaimana,

Y.B. Dato' Speaker : Mana Yang Berhormat tahu dia mabuk.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ataupun kurang siuman fikiran masa itu. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi di samping ini yang dibuat begitu baiknya, ini *human factor* yang paling penting, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, antara sebab yang terbesar saya nak maklumkan pada Dewan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh ADUN Yong Peng. Antara sebab yang terbesar berlakunya kemalangan ialah kecuaian pemandu itu sendiri dan mengikut statistik kita daripada keseluruhan kemalangan jalan raya yang berlaku 41% adalah disebabkan oleh kecuaian pemandu dan kecuaian pemandu merupakan sebab yang kedua terbesar;

1. Keadaan cuaca misalannya, keadaan cuaca mengikut kajian, 44%.
2. Pemandu, 41%.
3. Permukaan jalan, 8%.
4. Kenderaan maknanya kerosakan pada kenderaan, 7%.

Dan antara faktor kecuaian pemandu ini ialah gagal mengawal kenderaan akibat memandu kerana terlalu laju, kemudian kurang daya tumpuan misalannya kerana mengantuk dan tidak mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan, kemudian tidak mengikut arah dengan betul semasa masuk keluar simpang misalannya antara faktor yang telah dikenal pasti menyebabkan kemalangan dan juga kurang mahir dalam penggunaan *gear* ni. Selalu kalau kita sebut *gear* kita ingat kereta-kereta yang menggunakan *manual* tetapi kereta automatik pun perlu faham menggunakan *gear* semasa untuk memotong dan sebagainya. Dan juga memotong di celah-celah barisan kenderaan ini antara kesalahan-kesalahan yang telah selalu dibangkitkan. Dan, perkara seumpama ini semuanya boleh dikurangkan dengan kesedaran kepada orang ramai sebenarnya, khususnya pemandu dan sebab itu sebelum JPJ mengeluarkan lesen-lesen memandu, kalau nak ikut peraturannya semua sedia ada dan ada peperiksaan lisan, ada pemeriksaan bertulis yang dilakukan semuanya ini untuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada bakal pemandu supaya apabila dah mempunyai lesen dan boleh memandu untuk mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.

Y.B. Dato' Speaker : Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Kadang-kadang tanda-tanda untuk itu trafik itu tak berapa sesuai dan tidak mencukupi. Saya pernah lalu Jalan Ayer Hitam, Sri Lalang sana, kadang-kadang itu *sign board,* 60 pun tertutup oleh itu apa, pokok-pokok. Lepas tu saya lalu, lepas tu Polis saman saya, kata awak tak ada nampak ada 60, saya kata tak nampaklah. Dia kata awak kena berhati-hati, saya kata kalau kita pandu nak berhati-hati tengok tepi, nanti saya masuk longkang, mesti tengok depan, macam tu. Satunya berlaku di Yong Peng jugaklah, saya nak lalu Jalan Labis nak pergi Kangkar Baru sana, itu ada dia *divide* sampai sana, macam ini *divide,*

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat macam nak berjoget aja, cakap ajalah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tak ada cuma nak tanya saja,

Y.B. Dato' Speaker : Macam mau rock.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Jadi dia ada ini tanda-tanda di depan macam ini, lepas tu kita boleh nampak itu semua kena langgar.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ini macam ini kayu kena langgar.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah, ok.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Jadi saya nak cadangkan sama ada dapatkah jabatan-jabatan berkenaan supaya macam papan pasang sesuatu *sign board* ke, apa ke papan ke, supaya dia *reflected.* Jauh-jauh kita nampak, *arrow* kiri ke, kanan ke. Ha itu satu cadangan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Sebenarnya apa yang disebut oleh ADUN Mengkibol adalah merupakan prosedur kerja yang memang ada di peringkat jabatan. Perbezaannya adalah antara prosedur dengan perlaksanaan. Jadi sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, had kelajuan yang telah ditetapkan yang kita semua memang sedia maklum tetapi susah hendak dipatuhi, ialah kelajuan dalam kawasan bandar ialah 60 kilometer maksimum, tak boleh 60. Kalau di luar di jalan-jalan negeri 70 kilometer sahaja dan Jalan Persekutuan 90 kilometer, lebuh raya tak boleh lebih 110 kilometer. Tapi soalnya adakah kita semua mematuhi had kelajuan ini memandangkan keadaan kenderaan sekarang yang dah begitu banyak model dan enjin yang dah membawa pada perubahan kelajuan, kelajuan kenderaan, Tapi, inilah masih lagi merupakan had-had kelajuannya. Memang ada setengah-setengah *signage* khususnya yang apa ni, yang perlu untuk memberi peringatan kepada pemandu dilindungi pokok setengah-setengah tempat. Saya kena akui benda itu berlaku dan saya telah pun selalu mengingatkan jabatan dan meminta jabatan supaya menentukan tidak ada halangan bukan sahaja kepada notis-notis ataupun peringatan-peringatan yang telah dipasang tetapi juga menentukan supaya segala kerosakan dan mempertingkatkan mutu *signage* ini sentiasa dibuat dari semasa ke semasa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Dato' Speaker. Memandangkan sesetengah jalan raya semakin digunakan sebagai, semakin digunakan sebagai lebuh raya seperti Jalan Gelang Patah Lama, Jalan Pontian dan di, saya memerhatikan di sesebahagian Jalan Pontian ada lorong khas motosikal dan kebanyakan simpang siar di Jalan Gelang Patah dan juga di simpang adalah apa tu, kemalangan jalan raya maut sering berlaku. Tetapi kita, bila kita bawa aduan kepada JKR, mereka kata peruntukan kerajaan tak ada. Tapi, ikut Laporan Auditor Ketua Audit 2009, cuma 45% peruntukan Kerajaan Persekutuan diguna, telah dibelanjakan dalam, di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan Yang Berhormat apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan saya adalah, apakah rancangan JKR untuk menghapuskan imej yang negatif sebab banyak projek untuk apa tu, mengetengahkan keselamatan pengguna jalan raya khasnya penunggang motosikal

dan juga pejalan kaki yang di Jalan Gelang Patah dan juga jambatan bertingkat Jalan Pontian dan juga Jalan Skudai?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya ingat pandangan, imej yang negatif ni, ini satu persepsilah, terpulang kepada pihak yang berkenaanlah eh. Kita boleh, saya boleh tengok positif, kalau saya nak tengok dari segi positif. Tapi, kalau kita sentiasa nak melihat keadaan keseluruhan sebagai negatif, maka negatiflah dia. Cuma, saya nak ingatkan sesuatu sejak kita merdeka sampai ke mari, negara kita maju walaupun ada kelemahan, banyak tempat-tempat yang perlu diperbaiki. Kelemahan-kelemahan yang perlu diperkukuhkan tetapi pada keseluruhannya kita kena terima hakikat bahawa JKR sebagai sebuah agensi begitu juga jabatan-jabatan kerajaan yang lain memainkan peranan yang besar sehingga membolehkan kita Malaysia, negara yang penduduknya, rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum ini hidup dalam keadaan yang rata-rata buat kita selesa, itu hakikatnya. Jadi, ada negatif tapi kebanyakannya positif.

Dan, pada keseluruhannya Perkhidmatan Awam termasuklah JKR, saya tak pandang mereka sebagai negatif. Kelemahan ada, kita sebagai manusia pun ada kelemahan setiap daripada kita dan kita ada kekuatan. Jadi, kita lihat dari segi kekuatannya untuk memperbaiki segala kelemahan yang ada dalam satu-satu sistem kita. Itu sahaja yang saya nak komen, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker. Salah satu daripada justifikasi pihak JKR tentang kemalangan ini ialah permukaan jalan yang tidak rata dan sebagainya. Ada setengah-setengah jalan persekutuan seperti Jalan Kempas Lama, Jalan Tampoi, ini diselenggarakan oleh swasta contohnya Syarikat Selia Selenggara untuk memantau jalan-jalan ini. Saya ingin tanya, kalau kita lihat jalan-jalan yang saya sebutkan itu nampaknya agak tidak…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dia tanya jalan JKR punya jalan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ini jalan JKRlah, yang diswastakan untuk diselia senggara oleh syarikat iaitu Syarikat Selia Senggara. Sejauh manakah pemantauan terhadap syarikat-syarikat yang diberikan kerja-kerja untuk menurap jalan ini, kekerapan dan juga kualiti yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini oleh pihak JKR. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, kerja-kerja yang diselenggarakan oleh Selia Selenggara adalah dilakukan antara JKR Pusat atas lantikan JKR Pusat kepada jalan-jalan yang tertentu termasuk kalau tak silap saya memanglah jalan yang telah disebut atau dinyatakan oleh ADUN Kempas, Yang Berhormat ADUN Kempas. Dan, kerja-kerja yang diberikannya ialah tertumpu kepada pembersihan, pembaikan longkang dan tentang penurapan jalan ini terpulang kepada peruntukan yang telah

disediakan dan bila, dan perancangan yang dibuat oleh JKR pada keseluruhannyalah. Kalau ada kerosakan pada jalan yang dinyatakan oleh ADUN Kempas itu, saya minta JKR untuk melihatkan perkara tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3. Terima kasih.

Sejauh manakah bidang pertanian diberi keutamaan dalam Model Baru Ekonomi dan apakah rangka dasar dan peta jalan pelan pembangunan pertanian yang hendak dilaksanakan mengikut daerah di Negeri Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Salam 1 Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Wah, handal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, menjurus kepada Model Baru Ekonomi dalam Rancangan Malaysia Ke 10, telah diwujudkan Program Transformasi Ekonomi yang mana terdapat 12 bidang utama penting dan salah satu bidang utama ini ialah pertanian.

Jabatan Pertanian merancang menambah baik program sedia ada dan mewujudkan program baru bagi mencapai matlamat meningkatkan ekonomi negara melalui pelbagai pembangunan sektor pertanian. Di bawah Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan, tumpuan diberikan projek berimpak tinggi ataupun SIP iaitu Projek Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Di Johor, projek TKPM Pagoh dijadikan sebagai *pilot* projek yang mana ianya menggunakan pendekatan baru iaitu pengeluaran hasil tanaman dari ladang terus ke pelanggan. Dengan izin, *From Farm To Table*. Dengan menggunakan pendekatan ini, bermula daripada peringkat penanaman sehingga ke pemasaran termasuk pengumpulan hasil, penggredan, pembungkusan dan pelabelan semuanya akan dilaksanakan di pusat pengumpulan yang dibina di TKPM ini. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan risiko hasil rosak. Kos pengeluaran juga menurun berikutan kurangnya kos sistem pengangkutan dan harga pasaran yang lebih terjamin.

Di dalam Program Pembangunan Industri Tanaman pula, ini juga dibuat pendekatan Sistem Amalan Pertanian Baik (APB) akan diperluaskan dan dititikberatkan di mana ianya akan diwajibkan kepada pengusaha memandangkan ianya adalah asas dalam perusahaan di ladang atau di kebun. Sehubungan itu juga, pengusaha yang mengamalkan amalan pertanian secara organik dan ingin memasuki pasaran ke pasar raya-pasar raya mereka diwajibkan memiliki Skim Organik Malaysia singkatannya SOM yang hanya dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian.

Bagi Pembangunan Tanaman Industri tumpuan diberikan kepada pengeluaran benih kelapa matang *variety* baru kacukan di antara kelapa rendah Malaysia dan kelapa taganan Filipina. Ini bagi memenuhi keperluan pengguna. Mengikut statistik, keluasan tanaman kelapa di Negeri Johor sedang mengalami kemerosotan. Ini seterusnya akan mengurangkan pengeluaran. Namun demikian, permintaan kelapa adalah semakin meningkat dengan adanya Industri Pemprosesan Kelapa seperti kelapa parut, santan dan yang terbaru minyak kelapa dara.

Y.B. Dato' Speaker : Emm, minyak apa tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Minyak kelapa dara ni satu minyak yang diproses terus daripada kelapa bulat. Dia tidak perlu dikeringkan dan dianya mempunyai kualiti yang hampir sama dengan minyak zaitun.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, hebat kelapa dara.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : *Variety* ini dipilih kerana potensinya yang lebih baik berbanding kelapa mawar. Ianya dapat dilihat pada tahun kesembilan penanaman di mana ianya akan mengeluarkan hasil 3 kali ganda daripada kelapa mawar dan perahan bagi mendapatkan santan juga lebih tinggi. Penghasilan benih kelapa matang ini akan dihasilkan di Pusat Bekalan Benih Kelapa di Jorak Muar.

Seterusnya, bagi membantu usahawan yang mengusahakan produk IKS pula Jabatan Pertanian telah menubuhkan unit khas iaitu Unit Perundingan Usahawan. Unit yang ditubuhkan ini berperanan sebagai satu pusat pembangunan perniagaan bagi pengusaha untuk mendapatkan khidmat rundingan dan pelaburan dalam perusahaan produk IKS mereka. Bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan selaras dengan penyebaran inovasi dan teknologi secara meluas di dalam bidang pertanian, Jabatan mengambil pendekatan baru bekerjasama dengan pihak swasta dalam menganjurkan latihan-latihan dan juga *attachment* dengan izin, untuk pembangunan diri, hasil pertanian serta produk Industri Asas Tani.

Kerjasama ini adalah bagi memantapkan lagi hubungan di antara sektor awam dan sektor swasta dan sekali gus dapat bertukar-tukar idea dan pendapat. Idea dan pendapat yang bernas dapat dikongsi dan seterusnya dapat dipraktikkan untuk kemajuan di bidang-bidang yang diceburi. Ini selaras dengan Program Transformasi Ekonomi di peringkat pusat. Seperti yang sedia maklum tugas dan peranan Jabatan Pertanian lebih kepada khidmat nasihat dan khidmat teknikal. Bagi menyokong peranan tersebut, Jabatan telah menggunakan pendekatan Sistem Pengembangan Tekno Pertanian, yang mana sistem pembangunan berstruktur dan berjadual yang memberi fokus kepada pemindahan dan pengamalan teknologi pertanian berdasarkan kepada golongan sasar peringkat aktiviti dan keadaan setempat bagi memperkasakan Sistem Pengembangan Tekno Pertanian ini pelancaran secara meluas akan dibuat di daerah-daerah dan ini akan memberi kesedaran yang lebih mendalam berkenaan aktiviti-aktiviti dan bantuan-bantuan yang boleh disalurkan kepada rakyat.

Seterusnya, penggunaan Mikro Positif ataupun EM, di dalam bidang pertanian banyak memberi manfaat dan ternyata ianya dapat mengurangkan kos pengeluaran dan peningkatan hasil. Oleh yang demikian, selaras dengan Model Baru Ekonomi, untuk ke arah berpendapatan tinggi galakan penggunaan kepada pengusaha dibuat dengan cara meningkatkan pengetahuan dan amalan teknologi seterusnya mentransformasikan sektor pertanian kepada pertanian yang lebih lestari dan mesra alam dan dalam masa yang sama mewujudkan usahawan tani, pembekal dan pengedar mikrob positif ini yang pro aktif. Bagi mencapai *target* tersebut sebanyak 34 projek pusat pemprosesan mikrob positif ini telah dicadangkan untuk dibangunkan di seluruh Negeri Johor. Untuk ke arah pertanian mampan dengan *zero waste* ataupun tiada bahan buangan…

Y.B. Dato' Speaker : *Zero*, kosonglah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Sifar buangan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, sifar buangan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Sifar buangan. Jabatan Pertanian dalam usaha mewujudkan projek kebun integrasi di mana kebun diusahakan dengan cara menggabungkan lebih dari satu aktiviti atau bidang usaha. Kombinasi tanaman, ternakan dan juga ternak air diwujudkan di dalam satu kawasan kebun. Setiap DUN telah diperuntukkan 10 projek kebun integrasi dan buat masa ini telah diwujudkan 411 projek. Usaha ini akan diteruskan untuk mencapai matlamat iaitu sebanyak 560 projek kebun integrasi akan dibangunkan di seluruh Negeri Johor dan seterusnya mencapai matlamat projek yang lestari, mesra alam dan berdaya maju.
Usaha ini akan menjimatkan kos pengurusan dan meningkatkan penggunaan sumber sedia ada dan seterusnya meningkatkan kesuburan tanah dengan menggunakan bahan organik di samping aktiviti ternakan dapat diwujudkan dari sisa tanaman sebagai sumber makanan dan seterusnya dapat mengurangkan risiko kerugian hasil projek.

Y.B. Dato' Speaker : Hm, Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh EXCO Pertanian.
Saya ingin menambah kepada persoalan yang saya kemukakan tadi. Bahawa, kesan daripada pendekatan yang dilakukan oleh pihak Jabatan ialah kesan di peringkat akar umbi dalam nilai bagaimana untuk kita melihat nilai tambah pendapatan petani dari masa ke semasa bagi mencapai sasaran petani berpendapatan tinggi. Yang ini nampaknya tidak melihatkan suatu kemajuan yang amat berkesan dan adakah Jabatan Pertanian mempunyai perancangan khusus dalam menentukan jenis-jenis pertanian mengikut keperluan potensi mengikut daerah yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sektor pertanian ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam berkaitan dengan penambah nilai dan juga perancangan khusus. Sebenarnya, pihak kerajaan mempunyai pelbagai perancangan dalam setiap sektor

di Negeri Johor. Dalam, sebagai contoh dalam bidang perikanan, kita mengenal pasti bidang akuakultur adalah salah satu perkara yang boleh kita tingkatkan dengan nilai tinggi. Dan, di Johor zon industri akuakultur sebagai contoh di Sungai Johor, mempunyai 700 hektar. Dan, pada tahun 2010, Jabatan Perikanan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.6 juta kepada pengusaha-pengusaha sangkar dan *hatchery* ikan bagi meningkatkan kemudahan untuk menambah nilai. Sebagai contoh, daripada RM1.6 juta ini kita bekalkan air tawar, air tawar daripada daratan terus ke kompleks sangkar melalui penyambungan paip dasar laut. Jadi, kita buat paip dasar laut untuk membekalkan air tawar ke tengah laut.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, macam gaslah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dan, seterusnya kita juga membekalkan pada tahun 2011, kita akan membekalkan bekalan elektrik. Pun juga melalui pemasangan kabel elektrik dasar laut.

Y.B. Dato' Speaker : Eh!

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ha, jadi nanti sangkar-sangkar dekat laut tu, bekalan elektrik dah tak payah pakai *generator*. Kita bekalkan elektrik secara kabel dasar laut. Begitu juga peralatan *hatchery* seperti tangki ternakan, pam, alat pengudaraan dan pelbagai lagi seperti makanan ikan.

Begitu juga di perairan Sungai Pulai. Kita juga akan membangunkan Projek Ternakan Laut di kawasan sangkar Sungai Pulai dengan menggalakkan pelabur-pelabur baru. Jadi maknanya kita akan menggalakkan pengusaha-pengusaha baru dan kita jangka dapat menjana tambahan 1,000 metrik tan yang bernilai RM15 juta. Di samping itu juga, kita sedang proses membangunkan tanah seluas 20 ekar di Lapangan Terbang Senai, yang mana Kerajaan Johor pada dasarnya telah bersetuju untuk menyediakan 20 ekar di dekat kawasan Senai untuk menjadikan satu kawasan kuarantin dan eksport ikan hiasan serta tumbuhan akuatik. Sekarang ni kalau nak eksport melalui Changi, Singapura. Jadi, kita nak supaya eksport-eksport ini tidak lagi melalui lapangan terbang di luar daripada Johor tetapi melalui Senai.

Selain itu juga, Kerajaan Johor sedang mengenal pasti satu kawasan seluas 322 ekar untuk dibuka sebagai ternakan ikan air tawar dan juga ikan hiasan. Ini satu program baru sebagai, nak digazetkan sebagai ZIA. Seterusnya...

Y.B. Dato' Speaker : Banyaknya...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : ... dalam program khidmat sokongan projek-projek komersial, Jabatan Perikanan juga meneruskan bantuan teknikal dan khidmat sokongan. Selain itu, untuk di kawasan Muar, kita juga sedang mengambil pendekatan untuk membangunkan industri burung walet dan untuk warga di seluruh Johor, memang kita sedang menggiatkan supaya pengusaha-pengusaha dapat mengambil peluang industri sarang burung walet ini yang akan menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan nombor 4.

Nyatakan destinasi-destinasi dan produk-produk utama tarikan pelancong bagi setiap Daerah yang akan dipromosikan oleh Kerajaan Johor untuk memajukan sektor pelancongan dalam Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, semua daerah di Johor memang mempunyai produk-produk pelancongan masing-masing. Tetapi untuk strategi promosi, pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor bersama-sama dengan pihak Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Johor dan pihak Tourism Malaysia telah pun bersetuju dan mengenal pastikan dalam memperkenalkan 10 ikon pelancongan Negeri Johor dalam memasarkan secara agresif produk-produk utama tarikan pelancongan yang terdapat di Negeri Johor. Ikon-ikon pelancongan yang dikenal pasti terdapat di beberapa daerah seperti daerah Johor Bahru, Mersing, Kota Tinggi, Pontian, Ledang dan Kluang. Ikon-ikon pelancongan tersebut adalah seperti di daerah Johor Bahru, kita mempunyai Bangunan Sultan Ibrahim, Muzium Sultan Abu Bakar, Kota Iskandar, Nusajaya dan Teluk Danga ataupun Danga Bay. Di daerah Pontian, kita mempunyai Kukup dan Tanjung Piai. Di Kota Tinggi kita mempunyai Desaru. Di Mersing, daerah Mersing, Pulau Rawa, Pulau Sibu dan Taman Negara Endau Rompin. Daerah Kluang, produk agro pelancongan Kluang dan di Ledang adalah Gunung Ledang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui ikon-ikon yang telah dikenal pasti ini, Kerajaan Negeri telah merancang pelbagai strategi pemasaran dan pembangunan produk-produk tersebut agar mencapai tahap piawaian kualiti yang telah ditetapkan oleh sektor pelancongan. Di antara program pemasaran yang telah dirancang adalah dengan meningkatkan gerak kerja pemasaran dan promosi, sama ada di peringkat domestik seperti menyertai pameran pelancongan MATTA, International Travel Fair dan Malaysian Domestic Tourism Fair ataupun MITTA. Manakala peringkat antarabangsa, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pihak pelancongan, pengusaha pelancongan dan juga Tourism Malaysia secara bersepadu menyertai penganjuran pemasaran antarabangsa seperti NATAS International Travel Fair, Korea Travel Fair, Hong Kong International Travel Fair, JATA World Travel Fair dan lain-lain lagi bagi memperkenalkan destinasi-destinasi pelancongan Negeri Johor ke pasaran antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada jawapan oleh Yang Berhormat EXCO.
Dalam industri pelancongan memang memerlukan perancangan untuk men*transform*kan ke arah produk pelancongan yang bernilai tinggi. Sebab itu, untuk Johor Premier Outlet yang dijangkakan akan menarik kemasukan pelancong dalam dan luar negara seramai kira-kira 4 juta setahun. Sebab itu saya ingin tahulah, apakah kaedah-kaedah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan supaya mereka yang berkunjung ke Johor Premier Outlet bukan setakat ke destinasi Premier Outlet

tetapi juga melancong ke destinasi menarik di daerah-daerah yang lain supaya komponen industri tanpa asap ini akan memberikan sumbangan ke arah pembangunan negara kita?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Memang benar Johor Premier Outlet akan siap pada hujung tahun 2011 dan syarikat berkenaan maklumkan kepada kerajaan mereka cuba siap pada 11 November 2011. Mungkin tarikh itu ada enam satulah, sebelas, sebelas, sebelas. Dan dijangkakan 4 juta, memang benar, syarikat jangkakan 4 juta pelancong akan lawat ke kawasan Johor Premier Outlet ini dan tambahan pula dengan Lego Land yang akan siap pada tahun 2012, ia juga dijangkakan 1.4 juta pelancong akan datang melawat ke destinasi ini. Maka tentu sekali ia akan memajukan sektor pelancongan di Negeri Johor ini. Kita lebih anggap sebagai, dia akan menjadi satu *turning point* kepada *tourism* di Negeri Johor ini.

Jabatan Pelancongan Negeri Johor memang sedar, iaitu kita perlu mewujudkan banyak lagi pakej-pakej pelancongan, baik dalam kawasan Bandar raya Johor Bahru dengan kawasan-kawasan di daerah-daerah yang berdekatan supaya kita dapat mewujudkan pakej-pakej yang menarik untuk menawarkan kepada pelancong yang datang ke kawasan ini. Maka dengan itu, saya sendiri dengan Jabatan Pelancongan Negeri telah pun melawat ke daerah-daerah yang berdekatan misalnya di Pontian, Kota Tinggi, Mersing dan sebagainya. Supaya kita dapat jumpa dengan Jawatankuasa Pelancongan Daerah. Kita pastikan tempat-tempat tarikan ini dapat kita wujudkan dengan pusat informasi yang lengkap dan selepas itu dapat kita buat satu pakej yang mengandungi tempat-tempat yang lama dengan tempat-tempat yang baru.

Maka dengan itu saya sebutkan tadi ada 10 ikon yang di Negeri Johor ini. Mungkin sampai tahun 2012. Ikon-ikon yang saya sebutkan tadi mungkin akan berubah kerana dengan produk pelancongan yang baru. *So*, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, tahun 2011, Jabatan Pelancongan Negeri akan dengan lebih agresif lagi untuk memasarkan ataupun memberi promosi yang lebih hebat ke aliran antarabangsa, selain daripada kita buat promosi di pasaran domestik tetapi apa yang lebih penting kita akan buat promosi yang lebih besar lagi ataupun agresif lagi di pasaran antarabangsa. Ini akan bersama-sama dengan Senai Airport Berhad dan juga pengusaha-pengusaha pelancongan yang ada supaya produk baru ini dapat kita tawarkan kepada pelancong-pelancong antarabangsa dan yang lebih penting ialah Senai Airport itu sendiri akan menjadi satu tumpuan untuk pelancong yang datang melalui Senai Airport, International Airport ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Di samping ikon-ikon yang disebutkan tadi, apakah perancangan Negeri Johor untuk mempromosikan makanan di Malaysia yang berjenis-jenis, itu pun salah satu cara, bagaimana perancangan Negeri Johor, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, industri pelancongan memang bukan setakat ada tempat-tempat tarikan itu sendiri sahaja, tetapi, kemudahan-kemudahan yang lain termasuklah restoran, hotel dan sebagainya. Maka makanan merupakan salah satu *fillers*, ataupun segmen yang penting dalam industri pelancongan. Maka dengan itu, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan Malaysia sentiasa melihat dari sudut makanan yang, yang menarik ataupun makanan-makanan yang istimewa yang ada di Negeri Johor ini. Tak salah saya, mungkin 4 Disember kita juga ada satu pameran ataupun satu festival makanan yang akan diadakan di Bandar Johor Bahru itu sendiri. Maka, kita akan ambil berat tentang semua segmen yang, yang ada dalam industri pelancongan termasuklah makanan dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Apakah status Program Rakan Muda pada masa ini dan apakah jenis aktiviti yang dijalankan serta keberkesanannya untuk membentuk belia yang berketerampilan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Rakan Muda telah melalui satu transformasi dikenali sebagai Rakan Muda Fasa 2 yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 2007. Ianya adalah kesinambungan kepada Program Rakan Muda yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan sejak lebih 16 tahun yang lalu. Transformasi Rakan Muda Fasa 2 adalah dari segi kaedah pelaksanaannya di mana program asalnya menumpukan penglibatan secara, penglibatan serta pencapaian setiap individu ataupun remaja yang terlibat, tetapi, telah diubah fokusnya kepada komuniti iaitu penglibatan secara bersama antara golongan belia dan remaja dengan komuniti setempat. Golongan remaja akan digerakkan secara bersama dengan komuniti dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang meliputi kegiatan ekonomi, sosial dan budaya melalui program-program Gaya Hidup Rakan Muda. Program ini juga menekankan tentang peranan remaja dalam satu komuniti masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Rakan Muda Fasa 2 ini menyediakan pelbagai aktiviti yang selaras dengan visi kerajaan iaitu untuk melahirkan insan belia, remaja yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak dan berketerampilan, aktif serta mengamalkan gaya hidup berkualiti, berdaya maju dalam aspek sosiobudaya serta berupaya menjadi pemangkin ke arah perpaduan dan pembangunan negara. Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan melalui Program Rakan Muda Fasa 2 ini ialah:-

1. Program Rakan Muda Wawasan Desa.
   Program ini dilaksanakan di setiap kawasan parlimen yang melibatkan penyertaan daripada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di komuniti, di kawasan desa yakni kampung Melayu, komuniti di kawasan kampung baru, Cina, komuniti di kawasan Orang Asli dan komuniti di kawasan ladang. Program ini bertujuan memberikan

pendedahan kepada remaja dari kawasan bandar dan luar bandar mengenai pentingnya seluruh entiti masyarakat dibangunkan melalui penerapan nilai-nilai murni seperti semangat tolong-menolong, hormat-menghormati serta prihatin tanpa mengira kaum, bangsa ataupun agama.

2. Perwujudan Kelab Rakan Muda Parlimen dan juga Pusat Siber Rakan Muda.
   Perwujudan Kelab Rakan Muda Parlimen di semua kawasan parlimen menjadi satu pusat untuk remaja membuat aktiviti di kawasan parlimen tersebut yang bertujuan meningkatkan lagi kepimpinan dan keupayaan ahli rakan muda supaya dapat berdiri sebaris dengan kepimpinan NGO belia yang lain. Sementara itu, penubuhan Pusat Rakan Muda, Pusat Siber Rakan Muda adalah berfungsi sebagai satu platform siber di mana pihak Kerajaan melalui urus setia di Kementerian Belia dan Sukan dapat berkomunikasi serta mengumpul maklumat melalui perkongsian dari, dengan golongan remaja berkaitan isu-isu semasa melalui laman web www.2u.com.my yang mengandungi laman interaktif blog yang membolehkan semua rakan muda berkongsi pendapat dan pandangan mereka memandangkan saluran internet memainkan peranan penting sebagai saluran untuk berkomunikasi yang menjadi pilihan dan kian digemari oleh, terutama sekali oleh golongan remaja.

3. Pembangunan Aktiviti 8 Gaya Hidup Rakan Muda.
   Program Gaya Hidup Rakan Muda memberi penekanan kepada elemen pembangunan diri remaja seperti semangat patriotisme, kesukarelaan, berbudaya, pendidikan moral, pembangunan 3K iaitu kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan dan selaras dengan pembentukan modal insan yang diberi penekanan oleh kerajaan. 8 Gaya Hidup Rakan Muda ialah Rakan Muda Seni Budaya, Rakan Muda Cinta Alam, Rakan Muda Waja Diri, Rakan Muda Masyarakat, Rakan Muda Wira Usaha, Rakan Muda Inovasi, Rakan Muda Kecergasan dan Rakan Muda Remaja Siber.

4. Program Rakan Muda Sekolah.
   Melalui program ini, pelajar-pelajar dapat menyertai aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda menerusi penubuhan Kelab Rakan Muda di peringkat sekolah. Penglibatan mereka kemudiannya diiktiraf melalui Anugerah Perdana Rakan Muda (ARPRM). Piawaian skim APRM adalah diiktiraf oleh piawaian antarabangsa dan *International Award For Young People*, dengan izin, yang beribu pejabat di United Kingdom.

5. Program Rakan Muda Pengsektoran yang dilaksanakan di kawasan Kemajuan tanah yakni FELDA dan FELCRA dan di kawasan industri. Program ini bertujuan memperkenalkan program kerajaan kepada segenap lapisan kumpulan sasar iaitu golongan Rakan Muda di kawasan FELDA, FELCRA dan juga industri untuk meningkatkan taraf sosial dan pembangunan insan melalui program pembangunan masyarakat belia yang dirancang seperti Program Khidmat Bakti Belia FELDA, Karnival Keusahawanan, Seni Budaya Rakan Muda FELDA, Waja Diri Rakan Muda FELDA.

6. Program *Out Reach*, dengan izin, Rakan Muda melalui Unit Bergerak *Go Mobile* Rakan Muda. Program berbentuk jelajah ini dilaksanakan bagi memberi publisiti serta mempromosikan aktiviti dan juga program-program Rakan Muda kepada

golongan remaja di peringkat akar umbi. Ianya dilaksanakan melalui Unit Bergerak *Go Mobile*, ini menggunakan van yang akan memberi penerangan serta informasi yang berkaitan Kementerian Belia dan Sukan melalui pameran serta pelbagai aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda.

7. Pembangunan Sukarelawan.
   Program Pembangunan Kesukarelaan terus dipergiatkan dan beberapa pendekatan baru telah dirangka bagi memastikan ia berkembangan dan golongan belia menjadi aset sosial negara. Objektif program ini adalah untuk melahirkan golongan belia yang bertanggungjawab melalui penggemblengan tenaga secara sukarela dalam bentuk khidmat bakti yang diberikan secara berpasukan. Antara program yang diadakan ialah seperti Skuad Rakan Muda RELA, Sukarelawan Rakan Muda dan *Crime Awareness Team* (CAT).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bahagian Rakan Muda, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa membuat penilaian tentang keberkesanan tentang semua aktiviti Rakan Muda ini melalui laporan pemantauan berkala dan juga kajian impak yang dilakukan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM). Pelaksanaan aktiviti-aktiviti Rakan Muda Fasa 2 ini telah dapat menunjukkan kejayaan, di antaranya:-

1. Kita telah dapat mewujudkan rangkaian di antara Rakan Muda yang terdiri daripada pelajar-pelajar institut pengajian tinggi dan juga mereka-mereka yang bukan pelajar institut pengajian tinggi dengan komuniti desa serta komuniti yang lain melalui pelaksanaan Program Rakan Muda Wawasan Desa yang dilaksanakan di kawasan Parlimen yang merangkumi Kampung Melayu, Kampung Baru Cina, kawasan Orang Asli, kawasan ladang dan juga etnik yang lain. Untuk di Negeri Johor, pada tahun 2008 hingga 2010, untuk kedua-dua Program Rakan Muda Wawasan Desa Institut Pengajian Tinggi dan Rakan Muda Wawasan Desa telah dapat diadakan sebanyak 64 program yang melibatkan 5,710 golongan remaja.

2. Penubuhan pusat siber bukan sahaja telah berjaya mewujudkan platform siber yang menjadi tumpuan Rakan Muda untuk menggunakan kemudahan yang disediakan, malah telah berjaya memberi peluang kepada remaja untuk mendapatkan kemahiran dalam bidang ICT melalui kursus-kursus ICT yang telah disediakan di Pusat Rakan Muda sebanyak 26 buah Pusat Siber Rakan Muda ditubuhkan di seluruh Negeri Johor. Pada tahun ini sahaja, setiap pusat telah dapat melaksanakan 2 kursus teknologi maklumat iaitu Kursus Pembangunan Blog serta Pembangunan Grafik dan juga Penyuntingan Foto.

3. Di Negeri Johor, sebanyak 26 buah Kelab Rakan Muda Parlimen telah berjaya diwujudkan dan pewujudan kelab-kelab ini telah menjadi satu platform yang dapat membantu pihak kerajaan mendekati golongan remaja belia melalui program-program seperti Larian Palestin yang diadakan pada tahun 2009 dan juga lain-lain.

4. Program Gaya Hidup Rakan Muda telah memberi peluang kepada remaja menyertai aktiviti-aktiviti berfaedah bagi memastikan golongan ini tidak terjebak

kepada aktiviti yang tidak sihat yang boleh merosakkan pembentukan jati diri mereka.

5. Pelaksanaan Program Rakan Muda Sekolah di seluruh Negeri Johor pada tahun ini telah mengiktiraf pencapaian seramai 268 orang pelajar melalui Anugerah Perdana Rakan Muda. Pengiktirafan ini telah menunjukkan penglibatan golongan belia remaja ke dalam aktiviti yang berfaedah dan terancang boleh menjana pembangunan modal insan yang mapan.

6. Program Rakan Muda Pengsektoran yang telah dilaksanakan di 73 kawasan kemajuan tanah FELDA di Negeri Johor sepanjang 2009 telah berjaya memberi peluang kepada ahli-ahli Rakan Muda di kawasan ini untuk melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda ini. Seramai 5,840 peserta telah menyertai program yang telah diadakan dan,

7. Melalui Program Pembangunan Sukarelawan...

Y.B. Dato' Speaker : Hmm...macam menggulunglah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Semangat kesukarelaan ahli Rakan Muda telah berjaya ditingkatkan. Ini dapat dibuktikan dengan tertubuhnya sebanyak 3 Skuad Sukarelawan iaitu Skuad Sukarelawan Rakan Muda, Skuad Muda RELA dan Skuad Sukarelawan Anti Jenayah yang melibatkan penyertaan keseluruhan seramai 7,670 orang sejak tahun 2009 dan juga 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (**Sungai Abong) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Senarai menunggu untuk menunaikan fardu haji terlalu lama. Adakah Kerajaan Negeri bersedia memberikan kuota Kerajaan Negeri kepada pesara-pesara penjawat awam persekutuan dan negeri yang terpaksa menunggu sehingga seawalnya 2026.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap tahun Kerajaan Negeri Johor memberi peluang kepada pesara kakitangan awam Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan dengan menyediakan tambang haji percuma untuk mereka mengerjakan ibadah haji. Sejak tahun 2008 sehingga 2010 iaitu tahun ini, seramai 255 orang pesara telah diberikan kemudahan ini yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.38 juta. Dari segi pecahannya, Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2008 seramai 89 pesara Kerajaan Negeri dan juga 6 orang pesara Kerajaan Persekutuan iaitu kesemuanya 95 orang, telah diberikan kemudahan ini dengan perbelanjaan melibatkan sebanyak RM448,875.00. Sementara itu bagi tahun 2009, seramai 98 kakitangan Kerajaan Negeri dan tiada untuk Persekutuan yang

melibatkan perbelanjaan sebanyak RM573,104.00 dan bagi tahun ini, tahun 2010 seramai 48 pesara Kerajaan Negeri, 14 pesara Kerajaan Persekutuan yang kesemuanya berjumlah 62 orang dan diberikan kemudahan ini dengan perbelanjaan sebanyak RM362,576.00. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, jelas Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan peluang untuk pesara kerajaan sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan ibadah haji dan malah dari seramai 870 yang diberikan tambang haji bagi tiga tahun yang lepas sebagaimana yang saya nyatakan tadi, seramai 255 orang diberikan kemudahan ini yang bersamaan dengan 29.3%.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa soalan dah selesai. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum diteruskan saya nak ingatkan lagi masa Ahli Yang Berhormat berucap hanya tinggal 3 hari, ini hari, esok dan Jumaat. Jadi saya harap minta jaga masa. Bila saya minta berhenti harap dapat kerjasama eh. Ahli-Ahli Yang Berhormat Perbahasan diteruskan sekarang. Jemput siapa yang nak berucap.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk sambung membahaskan Rundingan Bacaan Kali Kedua Bagi Bajet 2011. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat dari Bentayan, Mengkibol dan juga Maharani kerana bersama-sama untuk hadir di Istana Besar untuk menghormati Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada semalam. (Dewan bertepuk). Tetapi saya hampa sedikit kerana mereka hadir tanpa ketua mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tema bajet pada tahun ini "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat" bukan sahaja tepat dalam usaha merealisasikan semangat Gagasan 1Malaysia "Rakyat Di Dahulukan, Pencapaian Di Utamakan" yang mendahulukan kepentingan rakyat jelata supaya bersama-sama menikmati kemajuan melalui pengagihan yang adil dan saksama, bahkan merupakan kesinambungan pendekatan 8 komponen pembangunan holistik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor ke arah pembangunan masa hadapan dengan tidak mengabaikan kualiti hidup rakyat jelata. Kita sedia maklum, program transformasi kerajaan GTP yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, sejak awal tahun ini telah mula berhasil. Bukit Batu percaya bahawa keikhlasan dari Kerajaan Barisan Nasional, dari peringkat Pusat hingga ke negeri adalah untuk melakukan perubahan yang proaktif dan terbaik demi kesejahteraan rakyat dan masa hadapan negara yang kita cintai ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu menyokong Kerajaan Negeri mencernakan program transformasi kerajaan GTP dan program transformasi ekonomi dalam Bajet 2011 supaya Negeri Johor mencapai negeri maju menjelang tahun 2020 serentak dengan aspirasi negara untuk mentransformasikan ekonomi negara ke ekonomi

berpendapatan tinggi. Yang Berhormat Dato' Speaker, pemulihan ekonomi global masih berada dalam tahap yang tidak seimbang ekoran tercetusnya krisis hutang kerajaan Amerika Syarikat dan Eropah yang mengakibatkan kadar pengangguran pada kadar 9.7% di Amerika Syarikat dan 10.1% di negara-negara Eropah sekali gus memberikan impak yang buruk ke atas usaha pemulihan dari kemelesetan ekonomi global.

Bukit Batu ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kepada ekonomi Negeri Johor tahun 2010. Dianggarkan merekodkan prestasi yang memberangsangkan dengan keluaran dalam negeri kasar meningkat melebihi 6% iaitu 52.478 bilion daripada 49.495 bilion tahun 2009. Dari segi pelaburan pula jelas kita melihat bahawa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia kian mendapat sambutan baik para pelabur domestik dan antarabangsa. Di mana setakat bulan September 2010, Iskandar Malaysia merekodkan komitmen pelaburan berjumlah 64.4 bilion di mana jumlah yang dilaporkan sehingga Jun 2010 adalah RM25 bilion.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Skudai menyatakan bahawa hanya 40% dari jumlah yang dilaburkan iaitu, 25 bilion telah direalisasikan. Sebenarnya dalam pelaburan di mana-mana negara atau negeri pun, ia memang mengambil masa untuk menjayakan pelaburan dan bukan setelah mendapat komitmen pelaburan, pelabur akan sekali gus memasukkan pelaburan tunai dan telus. Bukit Batu rasa Yang Berhormat Skudai macam hanya pandai mencari kesalahan orang lain, tapi jangan sekali-kali menuding jari kepada orang lain dan lupakan 3 jari juga menuding diri sendiri.

Langkah transformasi kerajaan yang sedang dijalankan dengan 6 bidang keutamaan nasional. Nasional atau *National Key Result Area* telah melihatkan bahawa insentif kerajaan telah mula berhasil. Di mana kadar jenayah telah menurun 15% pada suku tahun pertama tahun ini, proses memulakan perniagaan telah dikurangkan kepada 3 hari berbanding 11 hari, Pendaftaran Pindah Milik Tanah boleh diselesaikan dalam tempoh 1 hari berbanding 30 hari. Perkhidmatan pemprosesan pasport antarabangsa Malaysia dalam tempoh 1 jam. Peningkatan penggunaan pengangkutan awam bandar meningkat ke 13% dan banyak lagi. Oleh itu, Bukit Batu menasihatkan Yang Berhormat dari Parti Pembangkang agar jangan menjadi orang buta menyentuh kerajaan dan memutar belit isu-isu kerajaan *corrupt* (Dewan bertepuk) dan tidak menghargai transformasi yang sedang dialami dan berhasil ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu mengalu-alukan pembinaan rumah mampu milik yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, akan tetapi Bukit Batu mencadangkan supaya rumah yang dibina biarlah dengan kemudahan asas yang lebih lengkap demi kesejahteraan hidup rakyat kerana di kawasan Bukit Batu terdapat juga projek Rumah Mesra Rakyat yang dibina dan keadaan kemudahan asasnya tidak dilengkapi. Maka, saya mengharapkan supaya pembangunan Rumah Mampu Milik ini seharusnya dibina dengan kualiti yang baik dan juga dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, longkang, bekalan air dan bekalan elektrik untuk kepentingan mereka yang memiliki rumah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk beralih dan mentransformasikan kepada ekonomi negara maju berpendapatan tinggi, Kerajaan Negeri juga perlu menarik balik

bakat-bakat dan juga tenaga kerja berkemahiran tinggi yang terdiri daripada 700,000 rakyat Malaysia yang bertaburan di luar negara untuk menyumbangkan tenaga kemahiran mereka. Di mana negara kita banyak bergantung secara terus kepada pekerja asing seramai 1.9 juta pekerja asing bagi yang ada permit kerja. Oleh itu saya ingin tahu, sama ada Kerajaan Negeri telah membuat kajian terhadap berapa ramaikah rakyat Negeri Johor yang berkemahiran tinggi bekerja di luar negara dan juga cara-cara untuk menarik mereka balik untuk bekerja sebagai tenaga kerja mahir bagi Negeri Johor?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum Bukit Batu beralih kepada isu-isu dalam kawasan, saya juga berdasarkan kepada kes demam denggi yang kian bertambah, saya juga ingin tahulah, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi menghapuskan khususnya nyamuk Aedes ataupun adakah kerajaan akan menggunakan kaedah *mutant* nyamuk Aedes untuk bertindak atau menghapuskan nyamuk Aedes ini?

Yang Berhormat Dato' Speaker, beralih kepada isu-isu dalam kawasan pula. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Kerajaan Johor kerana telah meluluskan tanah bagi generasi kedua FELDA Bukit Batu. Ini cukup membuktikan Kerajaan Negeri yang prihatin kepada rakyat jelata dan meluluskan tanah kepada generasi kedua di mana penyampai notis 5A dijangkakan akan dijalankan dalam masa yang terdekat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan pihak SAJ Holdings kerana telah melaksanakan kerja-kerja peningkatan sistem air di kawasan DUN Bukit Batu dan juga DUN Bukit Permai dengan kos sebanyak RM30 juta yang sekali gus menyelesaikan masalah bekalan air rendah di kawasan Kg. Baru Kelapa Sawit, Air Bemban, Bukit Batu, Kg. Seri Sempurna dan juga sebahagian di kawasan kampung Sedenak, Kulai di mana pembinaan tangki air di Taman Wawasan, Kelapa Sawit, Kulai dan pemasangan paip air baru sedang rancak dijalankan dan projek ini dijangkakan akan siap sepenuhnya mengikut jadual yang dirancangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mencadangkan kepada Jabatan Kerja Raya agar mencepatkan kerja-kerja peningkatan dan pemasangan papan tanda amaran, *transpose bar light* dengan izin serta lampu jalan yang telah dilanggar di kawasan pembahagi jalan maut di Taman Pulai Utama yang telah mengorbankan 4 orang mangsa sejak tahun 2008. Saya ingin juga supaya kajian yang terperinci terhadap reka bentuk persimpangan maut di kawasan tersebut ini dijalankan demi mengelakkan kejadian yang tidak diingini dari terus berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin menggesa kerajaan supaya mempercepatkan kerja-kerja menaik taraf *cross over* atau pembetung melintasi jalan persekutuan Johor Bahru – Ayer Hitam di simpang Taman Prisma, Kelapa Sawit, Kulai yang *under site* dengan izin tersumbat dan tidak dapat berfungsi ditukar dengan kadar yang segera untuk mengatasi masalah banjir lumpur yang sering berlaku di kawasan laluan persekutuan ini yang menyekat lalu lintas ke arah Utara dan Selatan dan juga telah menyebabkan seorang mangsa terkorban semasa melintasinya apabila banjir kilat berlaku, di mana mendiang di hanyut oleh air parit ke dalam parit sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mempercepatkan proses penubuhan Pejabat Imigresen Daerah Kulaijaya yang telah dilawati tapak cadangan penubuhan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Malaysia sejak 2 bulan yang lepas demi kemudahan penduduk untuk berurusan dengan Pejabat Imigresen.

Y.B. Dato' Speaker : Tahun depan tak Yang Berhormat?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Ha?

Y.B. Dato' Speaker : Dia nak buat tahun depan tak?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Dia sudah lawat, saya tak tahu dia bila nak buat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, mintak lekaslah. Ok masa dah cukup.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Di mana kini mereka perlu ke Pekan Rabu atau Pejabat Imigresen Johor Bahru. Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu menyambut baik Pasukan Tindakan Kebersihan yang ditubuhkan di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor untuk mempertingkatkan program kebersihan, keindahan dan keceriaan atau 3K. Akan tetapi 3K ini masih tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak pembayar cukai. Maka saya cadangkan Kerajaan Negeri supaya menubuhkan pasukan tindakan segera atau *rapid response team,* dengan izin untuk menangani masalah-masalah yang lain yang telah timbul dalam kawasan PBT khususnya melibatkan lampu jalan PBT, jalan rosak dan lain-lain aduan awam supaya diambil tindakan memperbaiki dengan kadar yang lebih pantas dan efisien.

Yang Berhormat Dato' Speaker, atas kesedaran untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai cabaran *climate change* atau perubahan iklim dan mempertingkatkan perlindungan kepada alam sekitar dan mengurangkan perubahan iklim yang mula menjejaskan kesejahteraan kita semua khususnya bagi daerah Kulai Jaya. Bukit Batu mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memulihkan semula sebahagian kawasan Hutan Lipur Gunung Pulai untuk memanfaatkan kepada penduduk tempatan, pelancong domestik dan juga luar negara yang masih menjadi tempat tarikan untuk *homestay* bagi mereka yang menggemari kawasan hutan Lipur ini dari segi keindahan alam sekitar, ekosistem dan juga kesegaran udara nyaman dan pemandangannya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, masa.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Ada sedikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Sedikit je lagi, 2 minit.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu mengucapkan terima kasih dan syabas kepada *task force* PTG dan pihak Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya yang telah banyak menyelesaikan isu hak milik tanah dalam

kawasan Kampung Baru Kelapa Sawit dan Bukit Batu dalam kawasan saya yang telah berlarutan berpuluh-puluh tahun ini. Akan tetapi masih terdapat baki permohonan di kedua-dua kawasan ini maka saya mengharapkan baki permohonan dan kelulusan di kawasan tersebut ini dapat disegerakan juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu bukan berniat untuk menghalang pembangunan telekomunikasi di kawasan Negeri Johor ataupun di kawasan saya sendiri tetapi di sini ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya berhati–hati semasa meluluskan tempat untuk pemasangan agar lebih bersesuaian dan mencadangkan supaya kerajaan menarik balik kelulusan pemasangan alat-alat pemancar telekomunikasi yang terlalu dekat dengan perumahan iaitu di kawasan, *back to back seperti* dengan izin, seperti rumah kedai dan di belakangnya adalah rumah teres dalam kawasan perumahan seperti Taman Puteri, Kulai yang bukan sahaja dikhuatiri oleh para penduduk tempatan atas sebab-sebab kesihatan bahkan akan mengakibatkan sokongan kerajaan turut hilang dengan konsep "Rakyat Didahulukan", Bukit Batu mengharapkan supaya sebarang pemasangan alat pemancar telekomunikasi perlu mendapat pandangan dari masyarakat umum dan berada di tempat bersesuaian atau dikongsikan menara pemancar telekomunikasi demi kepentingan dan keadaan menang-menang sebelum diluluskan pemasangannya oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, cukup.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Sedikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Sedikit, seminit.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Ha, boleh. Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu juga ingin mendapatkan penjelasan terhadap kemajuan pembangunan di kawasan Industri Sedenak yang seketika disebut-sebut sebagai Sedenak I–Tech Park, Sedenak Techno Park dan akhirnya sebagai Sedenak Industri park. Bukit batu mencadangkan supaya keutamaan diberikan untuk meluluskan selekoh 'S' merbahaya di kawasan Batu 24, Jalan Ayer Hitam, Johor Bahru, di laluan Persekutuan 1 Kulai di mana telah beberapa kali dibangkit dalam Dewan yang mulia ini, sejak saya dipilih sebagai Wakil Rakyat berdasarkan kepada selekoh S ini merupakan *black spot* kawasan kemalangan yang melibatkan ramai mangsa.

Bukit Batu memohon supaya bas ekspres diberi kebenaran dan diarahkan menurun penumpang-penumpangnya di Terminal Bas Kulai dan bukannya menurunkan penumpang di tepi lebuh raya persimpangan ke Kulai yang menghala ke Plaza Tol Kulai yang sejauh 0.5 kilometer yang menyusahkan dan membahayakan keselamatan para penumpang.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, suasana politik kini macam main opera Cina, maka Bukit Batu ingin membacakan satu hasil di Dewan yang mulia ini. Dulunya berjanji adil dan saksama untuk semua orang, sekarang berjanji siapa yang laporkan kisah sebenar tidak benar masuk ke Dewan. Dulunya berjanji memberikan peluang kepada semua orang, sekarang berjanji kawasan berlubang-lubang tamak hasil bumi angkara anak syarikat kerajaan. Dulunya berjanji meringankan sengsara semua orang,

sekarang berjanji *parking* dipungut pagi hingga malam dan hari cuti kelepasan. Dulunya berjanji semuanya boleh di tunai orang sekarang berjanji nak merebut kuasa memperdayakan rakyat yang kebijaksanaan. Dengan kata-kata itu saya juga menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa (Dewan Bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Oh itu opera eh? Opera Cina eh?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Opera Cina.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, diteruskan lagi, siapa nak berucap, Pasir Raja. Ha ini bagi makluman Ahli Yang Berhormat, di atas sana ada pemerhati daripada Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Labis. Mana Wakil Rakyat dia, ADUN Tenang, ketua bahagian? Ada dia? (Dewan bertepuk).Ok, jemput Yang Berhormat Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembentangan Bajet 2011 yang mana saya mewakili DUN Pasir Raja mendapatinya ianya telah mengambil kira semua keperluan rakyat jelata. Kalau mudah bagi sebuah kerajaan yang berkesan untuk menyediakan bajet yang memenuhi keperluan rakyat, menggembirakan rakyat, mendahului kesejahteraan rakyat melalui pengagihan yang adil dan saksama. Inilah hebatnya kerajaan Barisan Nasional Johor Darul Takzim. Kalau dibandingkan dengan 4 negeri yang diperintah oleh pembangkang, jauh sekali Johor lagi baik. Kebolehpercayaan rakyat terhadap kerajaan dikesan melalui pembentangan Bajet ini dan selangkah ke hadapan ialah melalui perlaksanaannya.

Dato' Speaker, ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang menyentuh hal ehwal memperkemas pemantauan projek dan program pembangunan dengan pendekatan baru yang produktif sangat dialu-alukan lebih-lebih lagi yang melibatkan Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah yang melibatkan kami Wakil-Wakil Rakyat Barisan Nasional. Tiga pendekatan iaitu *value management, problem based solution management,* budaya penilaian *outcome* yang akan dilaksanakan di peringkat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Negeri kelak perlu diberi perhatian khusus setiap ahli jawatankuasa agar ianya lebih berkesan. Melalui *Journal Of Sustainable Development Volume 2, Number 2, July 2009, The Impact of Value Management Implementation in Malaysia* dengan izin, telah menjelaskan antaranya, *unfortunately value management not yet widely practice in Malaysia.* Maknanya Dato' Speaker, *value management* ialah *value for money,* dengan izin iaitu kita ada kaedah-kaedah untuk mengurangkan kos-kos tidak berkenaan. Ini akan menjimatkan wang rakyat dan tidak membazir. Saya yakin pendekatan ini sekiranya dipraktikkan dan dicerna oleh penguasa akan meningkatkan keyakinan rakyat kepada kerajaan kita. Tuduhan kerajaan tidak efisien, tuduhan kerajaan tidak telus yang selama ini dilemparkan kepada kita akan dapat diatasi. Satu lagi Dato' Speaker, ialah kehendak generasi muda iaitu yang digelar sebagai *net generation* yang mahukan perlaksanaan yang

lebih tuntas dan terus dipraktikkan dengan itu keyakinan kepada kerajaan Barisan Nasional dan faktor *winnable* diperkukuh selaras dengan kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya cadangkan agar awal tahun hadapan dapat kiranya pengetahuan tentang perkara ini disebarkan kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah. *Problem base solution monitoring* seperti yang dibentangkan juga disarankan di praktik sepenuhnya agar beberapa perkara penting iaitu isu rakyat dapat diatasi segera. Antaranya yang dapat saya cadangkan tentang *e-monitoring* iaitu *e-jawab* dalam portal Rasmi Kerajaan Johor perlu diperkukuh tanggungjawab dan *reliability*nya. Nilai tindakan yang perlu dilakukan perlu *responsive* dan tanggungjawab.

Dato' Speaker, setiap pertanyaan rakyat melalui e-jawab perlu dapat jawapan yang memuaskan. Oleh itu penyiasatan secara langsung di tapak adalah penting. Sekiranya jawapan diberi tanpa siasatan lengkap dilakukan ia mengundang bencana. Kita tidak mahu jawapan diberi sekadar menjawab secara ala kadar dan tidak memuaskan hati pelanggan. Memang Bill Gate, iaitu saudagar IT melalui bukunya *The Speed of Thought* merangsang kita mengguna interaktif internet iaitu kaedah beliau berinteraksi dengan semua lapisan dalam organisasinya tetapi kita mesti adakan *task force* ataupun petugas khas di setiap peringkat jabatan dan bersedia sentiasa. Perkara yang memang mendapat pertanyaan melalui e-jawab tentunya apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet 2011 antaranya ialah *Public Transport System,* pembinaan rumah rakyat, rumah murah, jalan raya dan jalan kampung, program basmi kemiskinan di peringkat daerah, subsidi dan perlaksanaannya, taman kekal makanan, pembinaan jambatan tambak kedua, pembinaan jambatan Tambak Johor dan lain-lain. Dan yang lebih penting Dato' Speaker, bagaimana kita atau petugas kita hadapi soalan-soalan anak muda yang mahir atau cekap menggunakan ICT atau sistem *blogger,* sistem *facebook* yang tidak segan silu hari ini menghantar soalan-soalan dan aduan kepada kerajaan. Gelagat dan perangai mereka inilah yang wajar kita perhatikan dan mesti meyakinkan mereka.

Dato' Speaker, saya menyambut baik langkah kerajaan untuk menguruskan persepsi negatif rakyat kepada kerajaan. Prasangka kerajaan selama ini bankrap, kerajaan muflis satu ketika dahulu kerajaan amal *bumiputeralisme* adalah prasangka, persepsi jahat yang sentiasa dilontarkan agar menaikkan semangat rakyat memusuhi kerajaan. Alhamdulillah perkara ini dapat disedari oleh kerajaan dan saya yakin Wakil-Wakil Rakyat Barisan Nasional yang telah bekerja keras membetulkan persepsi negatif ini dibantu secara langsung oleh semua jabatan dan agensi. Saya cadangkan agar *front liner* kita iaitu Penghulu dan juga Ketua-ketua Kampung mengambil berat juga untuk membantu kerajaan mengurus semua persepsi negatif ini. Semua penghulu wajar menjadi barisan hadapan membantu Pegawai Daerah, bantu semua Wakil Rakyat Kerajaan tanpa pilih kasih malah mendahulukan rakyat. Organisasi ini sangat penting dan ilmu pengetahuan untuk mengurus persepsi perlu dipindahkan kepada peringkat Penghulu dan Ketua Kampung agar mereka mahir mempraktikkannya dan mengendalikannya. Alhamdulillah Ketua Kampung juga telah naik elaun bulanan mulai tahun 2011 dengan inisiatif tersebut saya yakin barisan hadapan kita ini tentu bersemangat untuk menangkis prasangka atau persepsi negatif kepada kerajaan. Garis panduan piawaian kualiti perkhidmatan yang seragam yang dicadangkan harap dapat dipatuhi.

Dato' Speaker, pada awal Syawal 1431 Hijrah atau awal Oktober 2011, 2010 kami Wakil-Wakil Rakyat telah dipanggil ke Kuala Lumpur untuk mengikuti taklimat dan penjelasan tentang Program Transformasi Ekonomi selain model ekonomi baru. Menyedari 60% daripada pendapatan kasar dalam negara bakal diperolehi daripada 6 sektor, minta maaf. Daripada 6 sektor daripada 12 bidang utama yang diperolehi melalui makmal program transformasi ekonomi kita berasa beruntung, Johor memiliki kekuatan dalam semua 6 bidang tersebut selain pembangunan Koridor Wilayah Iskandar. *Oil and gas,* Johor ada. Minyak sawit, Johor ada. Perkhidmatan kewangan terutama perbankan Islam, Johor ada. Perkhidmatan perniagaan, Johor ada. Pemborongan dan peruncitan, Johor ada. Pelancongan, Johor ada. Kita lihat di sini peluang untuk jana pendapatan dan dikatakan dalam tahun 2011 hingga 2020 dengan 12 sektor penyumbang pendapatan negara, 3.3 juta peluang pekerjaan dapat dihidangkan kepada rakyat. Inilah yang dikatakan kerajaan bijak, Barisan Nasional, bijak. Sekurang-kurangnya persediaan dan satu rancangan hala tuju dapat dilancarkan untuk pelaksanaan. Saya berharap Kerajaan Johor melalui Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan dan Sumber Manusia dapat memberikan kita sedikit maklumat atau apa ataupun angka berapa banyakkah jumlah peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan dari tahun 2011 hingga 2020 di Negeri Johor selaras dengan Program Transformasi Ekonomi.

Beberapa perkara menyentuh pembangunan modal insan berkualiti mencapai tahap pengetahuan tinggi, kemahiran tinggi diterima oleh pasaran dunia perlu dilihat dari sudut perancangan dan penyediaan mereka ke pasaran kerja. Kajian semuka terhadap keperluan industri terhadap graduan atau pekerja kita Dato' Speaker, pekerja kita yang agak bertepatan dengan apa yang dibentangkan dalam Bajet 2011. Kadangkala isu *mismatch* iaitu ketidaksepadanan, industri dan pekerja menjadi igauan masyarakat dan ibu bapa. Industri bila ditanya, mereka hendak pekerja yang pandai akademik. Selain daripada itu empat perkara yang mereka tekankan:

1. Mereka hendakkan pekerja yang fasih atau mahir berbahasa Inggeris.
2. Mereka hendakkan pekerja yang mahir berkomunikasi.
3. Mereka hendakkan pekerja yang mahir menggunakan perkakasan ICT atau mengendalikan ICT.
4. Mereka mahukan pekerja yang tinggi kemahiran *interpersonal* dan lain-lain.

Perkara inilah yang kadang-kadang dikira sebagai keperluan tambahan. Langkah kerajaan menyediakan satu program melalui Jawatankuasa Pemandu, pembangunan model Iskandar Malaysia yang bukan sahaja tertumpu di Wilayah Iskandar, tetapi diperluaskan ke seluruh Negeri Johor amat dialu-alukan, dan Program Johor *Student Leadership Council* sangat bertepatan dengan waktunya. Cuma Dato' Speaker, saya minta agar perkara yang dibangkitkan oleh industri yang mengatakan *mismatching,* dengan izin, ataupun tidak sepadan tadi dapat diambil perhatian. Kalau ianya benar, maka usaha memadankan kehendak industri dengan kerjaya perlu giat dilakukan sekarang, dan dimaklumkan kepada pihak bertanggung jawab menyediakan perkhidmatan pendidikan.

Dato' Speaker, memajukan sektor *green technology* terutama bidang *green energy building management*, sudah sampai masanya Johor mendahului agenda melaksanakan perkara ini. Sekurang-kurangnya kursus bidang ini ditaja oleh Yayasan

Pelajaran Johor sebagai biasiswa atau pinjaman, sama ada di peringkat ijazah atau *master*. Agar lebih ramai anak Johor mengikutinya dalam negara atau di luar negara. Bidang ini sangat berjaya dan mendapat pasaran tinggi, dengan pendapatan tinggi di luar negara. Apa tidaknya, keghairahan negara-negara maju membina bangunan berkonsepkan teknologi hijau, *green technology* contoh, di Dubai. Lagi satu Dato' Speaker, saya dah semak dengan industri, beberapa program ini mesti diambil maklum oleh Yayasan Pelajaran Johor, sama ada menaja pengajian atau menjalankan kursus sendiri di Kolej YPJ, dengan kerjasama universiti-universiti teknikal lain atau Universiti Kuala Lumpur dalam bidang *supply chain management, tool and dies, logistic management,* bidang ICT yang meliputi *cloud computing, networking* dan *security*. Saranan saya kepada kerajaan melalui Jawatankuasa ini, agar mengambil langkah proaktif dan beri keutamaan, memandangkan bidang-bidang ini berpotensi besar menyumbang kepada pembinaan masyarakat berpendapatan tinggi pada masa hadapan, selaras dengan pengenalan Model Baru Ekonomi.

Dato' Speaker, sebagai tambahan untuk mengeluarkan pekerja dalam sektor industri dari perangkap pendapatan sederhana, adalah dicadangkan agar bidang vokasional dan teknikal, yang telah di arus perdanakan sehingga ini, diberi sokongan kuat, malahan mencari jalan agar satu anjakan kepada pengetahuan berasaskan kepada bidang *design, testing prototype, commissioning* dan *patent* serta *sales and marketing* bidang teknologi dipergiatkan, dan sokongan terhadap penubuhan *board of technologies* perlu disokong kuat.

Dato' Speaker, Pasir Raja...

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis, bagus juga.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Sikit lagi untuk kawasan. Pasir Raja merakamkan ucapan terima kasih yang pertama ke atas pembinaan dua buah Dewan Raya untuk FELDA Pasir Raja dan Kampung Sungai Telur. cuma mahu agar selepas pembinaannya kelak siap, penggunaan sistem bunyi dalam dewan nanti mestilah diambil kira agar tidak cacat atau mengecewakan.

Y.B. Dato' Speaker : Sistem apa Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Sistem bunyi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh *sound* ya?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : *Sound system.*

Y.B. Dato' Speaker : Macam Dewan inilah punya sistem.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya tak boleh komen.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Nak ajak pemimpin besar berucap pun segan. Bila berucap tak dapat kedengaran ucapan dengan jelas, kerana tiada sistem

serap bunyi dipasang sekali. Sebagai contoh, hari ini Dewan Raya FELDA Sungai Sayong dan Dewan Taman Sri Saujana yang telah siap dibina mempunyai sistem bunyi. Bila dipasang, sangat mengecewakan. Kami meminta tolong daripada Kerajaan Negeri perbaiki masalah ini, Dato' Speaker.

Yang kedua, Pasir Raja merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta pihak FELDA kerana bantu dengan pantas rumah yang terbakar di Kampung Semanggar Luar. Uniknya rumah yang terbakar ini Dato' Speaker ialah, rumah ini habis terbakar musnah disebabkan oleh makhluk perosak monyet yang telah mengganggu sistem elektrik dan menyebabkan litar pintas yang serius.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dengan bantuan yang cepat dan pantas, agensi ini telah menghantar Pegawai Penilai dan Tafsir kerosakan dan bantuan patut diperlukan demi meringankan beban mangsa. Selain daripada itu juga kebakaran di Kampung FELDA Bukit Ramun dan Taman Kota Jaya. Kalau macam ini kerja mereka, Dato' Speaker, maka makmurlah negara. Kalau macam inilah kerja mereka, sejahteralah negara.

Y.B. Dato' Speaker : Ini pejabat mana?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Majlis Agama Islam.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Jabatan Kebajikan Masyarakat serta pihak FELDA. Kalau macam inilah kerja mereka, sentosalah negara. Wakil pembangkang tak wujud. Lari entah ke mana, agak sibuk berceramah atau memfitnah FELDA, promosi anak dan bapa.

Bajet *smart* ataupun Bajet bijak 2011 antaranya menyokong usaha agar pemilik-pemilik ladang besar dalam negeri ini, agar mereka mengenal pasti dan menyediakan tapak yang lengkap dengan kemudahan asas bagi melaksanakan atau membantu golongan pekerja ladang warga tempatan, maksud saya warga tempatan, ini memiliki rumah sendiri. Diharapkan dengan cadangan dan gesaan Kerajaan Negeri terhadap pemilikan ladang ini, dapat disahut. Janganlah mencari alasan untuk tidak dapat melaksanakan. Di Pasir Raja terdapat empat ladang iaitu Ladang YPJ, Yayasan Pelajaran Johor, Ladang Alaf, Ladang Bukit Lawang, Ladang REM dan Ladang Tai Tak.

Untuk makluman Dato' Speaker, pekerja-pekerja ladang ini menghela nafas lega dengan niat kerajaan ini dan mengucapkan terima kasih.

Akhir sekali Dato' Speaker, bandar Kota Tinggi tidak banyak cukai tahunan yang dapat dikutip saban tahun. Tidak banyak industri atau kilang, ataupun industri besar beroperasi di bandar ini, dan pemuliharaan PBT perlu bajet yang mencukupi. Banyak rungutan rakyat terhadap keselesaan perkhidmatan PBT Kota Tinggi tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Saya mohon apalah kiranya, Bajet lebihan 2011 dapat

dihulur sedikit lebih kepada PBT Kota Tinggi, agar beberapa perkara atau kehendak rakyat di PBT ini dapat dilaksanakan dan juga yang akhir sekali Dato' Pengerusi ...

Y.B. Dato' Speaker : Berapa kali akhir dah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dua kali akhir, dan kos memasuki ke *Waterfall,* Kota Tinggi, Dato' Speaker dah pergi?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, banyak kali dah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Alhamdulillah. Harganya tinggi walau pun ianya terletak dalam DUN Panti, oleh kerana DUN Panti pergi haji, saya bawa sekali dalam Dewan. Pada hemah pengunjung dan rakyat, Dato' Speaker, kita minta kerajaan mengkaji semula. Mengkaji semula agar kadar ini diturunkan dan minta pihak pelancongan beri sedikit perkembangan mutakhir.

Y.B. Dato' Speaker : Dia bayar berapa Yang Berhormat? Saya pun dah lupa.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : RM8.00 satu kepala.

Y.B. Dato' Speaker : Budak?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Budak, separuh.

Y.B. Dato' Speaker : Huh. RM8.00 ya.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Dah tu nak mandi bukan senang ya. Takut, licinlah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Kadang-kadang air ada, kadang-kadang air tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke? Air terjun tak kanlah tak ada.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Sikit aja. Diharap pihak Jawatankuasa Pelancongan Negeri dapat beri sedikit perkembangan mutakhir, kaedah atau cara bagaimana Pusat Rekreasi *Waterfall* Kota Tinggi ini mendapat semula daya tarikan dan dikunjungi oleh keluarga yang dahagakan tempat rekreasi dan perkelahan.

Dato' Speaker, Pasir Raja menyokong rundingan yang dibawa oleh Puteri Wangsa. Sekian, wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi. Siapa yang nak berucap jemput bangun. Hah, Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Salam sejahtera...

Y.B. Dato' Speaker : Wah, itu *tie* sama itu sama Pergerakan Wanita punya. Cantik, merah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Salam 1 Malaysia saya ucapkan kepada semua yang ada dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan bagi menyokong usul sokongan pembentangan Bajet tahun 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 11 November 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin ucapkan tahniah, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah dapat membentangkan Bajet Negeri Johor tahun 2011 yang bertemakan, 'Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat'. Saya penuh yakin dan percaya Bajet 2011 akan memberi erti, dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Negeri Johor. Bajet 2011 ini juga bertujuan membantu rakyat meningkatkan taraf kehidupan mereka, di samping membuktikan kesungguhan kerajaan untuk memajukan Negeri Johor seiring dengan matlamat yang dirancang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertumbuhan ekonomi masa ini dipercayai kian bertambah baik dan ini akan menggalakkan para pelabur sama ada di dalam mahu pun di luar untuk terus menanam modal dan pelaburan ke Negeri Johor. Di samping itu juga, ianya memperlihatkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat, sekali gus dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta juga kesejahteraan kehidupan setiap lapisan masyarakat yang ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menarik perhatian bahawa perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan dalam Bajet tahun 2011, hendaklah dilaksanakan dan ditepati mengikut jadual tanpa berlengah. Segala perancangan dan projek dapat dilaksanakan dengan baik, penuh teliti dan tidak membazir. Dengan itu matlamat Bajet 2011 untuk mendapat *surplus* sejumlah RM2.77 juta akan dapat dicapai dan ekonomi Negeri Johor juga akan lebih mantap lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah menjadi harapan seluruh rakyat supaya segala apa yang dijanjikan dapat dikotakan. Ianya akan menjadi pengukur bagi rakyat ke atas masa hadapan dan arah tuju dalam segala aspek. Sejajar dengan itu, saya ingin mengemukakan beberapa perkara yang masih lagi dinantikan oleh kebanyakan mereka di kawasan DUN Pengkalan Rinting.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antaranya ialah masalah keselamatan khususnya di kawasan-kawasan perumahan telah menimbulkan kebimbangan di kalangan penduduk di mana sejak akhir-akhir ini kejadian jenayah masih kebimbangan. Baru-baru ini di kawasan Taman Bukit Indah Taman Nusa Bestari II, Taman Jaya Emas, Taman Tampoi Indah dan juga Taman Tampoi Utama, telah berlaku kejadian kerosakan harta benda milik penduduk seperti pecah cermin kenderaan, pecah rumah, kehilangan motosikal, ragut beg tangan, samun dan juga tayar kenderaan dipancitkan. Usaha yang dijalankan oleh pihak keselamatan khasnya PDRM amat dipuji dan bagaimana pun pihak kerajaan perlulah meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan PDRM. Di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin tahu bilakah pembinaan bangunan baru IPD

Polis Nusajaya dan juga IPD Johor Bahru Selatan akan dapat dibina dan juga akan dapat dimulakan?

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai peranan yang dimainkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berhubung pembentukan dan juga penubuhan Badan Pengurusan Bersama di bawah Akta 633, Kerajaan Tempatan. Saya ingin tahu pihak MBJB dan juga MPJBT sudah dapat menubuhkan beberapa Badan Pengurusan Bersama dan juga berapa lagi belum ditubuhkan di dalam kawasan DUN Pengkalan Rinting?

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti mana kita sedia maklum, bahawa rumah pangsa di Bandar Selesa Jaya Taman Perling, Taman Jaya Emas, Taman Tampoi Utama dan juga Taman Tampoi Indah di kawasan DUN Pengkalan Rinting, didapati masih belum ditubuhkan Badan Pengurusan Bersama. Oleh itu pihak pemaju masih menyelenggarakan rumah pangsa tersebut. Selain daripada itu, kebanyakan pemilik rumah pangsa tersebut enggan membayar yuran perkhidmatan bulanan, cukai tanah tahunan, tabung *singking* bulanan dan juga tunggakan telah tinggi. Oleh sebab tunggakan meningkat, pemaju di Bandar Selesa Jaya, BSJ Properties Sdn. Bhd. telah menghadapi masalah tunggakan cukai tanah yang mana pada tahun 2009 campur dengan tahun 2010 berserta dengan denda telah berhutang sebanyak RM22,825.00. Oleh sebab itu, di kawasan Bandar Selesa Jaya punya rumah pangsa, pemilik rumah menghadapi masalah tidak boleh menjual rumah pangsa mereka oleh kerana Pejabat Tanah tidak mahu buat pindah milik kerana ada tunggakan cukai tanah.

Para pemilik di setiap rumah pangsa telah berhutang yuran perkhidmatan bulanan dan juga perbelanjaan lain dan perkara ini telah menimbulkan kerumitan apabila urusan penyelenggaraan seperti kebersihan iaitu menyediakan tong besar untuk pungutan sampah sarap, membaiki kerosakan peralatan taman permainan kanak-kanak, membaiki kerosakan tempat letak kereta, membaiki kerosakan parit dan longkang, membaiki kerosakan bumbung rumah pangsa tersebut, mengecat bangunan rumah pangsa tersebut atau sebagainya tidak dapat dilakukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, para penduduk rumah pangsa adalah terdiri daripada golongan yang miskin dan berbilang kaum. Maka pihak kerajaan perlulah memainkan peranan untuk membantu mereka mengatasi masalah ini. Di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan kerajaan melalui PBT menubuhkan satu jabatan khasnya seperti yang ditubuhkan di negara jiran kita iaitu *Housing Development Board* dengan izin, yang mana dapat memainkan peranan untuk memungut bayaran yuran perkhidmatan bulanan dan juga perbelanjaan lain dari semua pemilik rumah pangsa dan juga menjalankan tugasan penyelenggaraan rumah pangsa tersebut. Oleh sebab Badan Pengurusan Bersama yang ditubuhkan terdiri daripada pemilik rumah pangsa menghadapi kesulitan memainkan tugas untuk memungut segala bayaran dari pemilik rumah pangsa dan para pemilik rumah pangsa memang tidak takut serta enggan mahu bayar, kerajaan perlulah memberi perhatian dan mengambil tindakan tegas tentang masalah-masalah sedang dihadapi oleh para penduduk di rumah pangsa. Jika masalah ini tidak diselesaikan lagi, mereka akan salah faham dan juga akan memarahkan kepada Kerajaan Perintah Barisan Nasional khasnya dalam Pilihan Raya Umum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemudahan letak kereta di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru sering didapati tidak mencukupi untuk orang awam yang datang untuk mendapatkan pemeriksaan dan juga lawatan. Seawal pagi, mereka dapati kebanyakan ruang yang disediakan telah dipenuhi dengan kenderaan. Bagi golongan warga emas mereka terpaksalah berjalan jauh dan juga mereka yang kurang upaya pula terpaksalah mengalami nasib yang sama. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin memohon pihak berkenaan supaya dapat menyediakan lebih banyak ruang meletak kereta di kawasan hospital berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat cadanglah kat mana ada kosong? Saya pergi dah tak ada tempat.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Memang Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh kata setiap hari memang penuh…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : …tak ada tempat boleh meletak kereta. Saya Wakil Rakyat pun terpaksa letak di tepi jalan raya.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat cadang kat mana ada tempat lagi?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Saya ingat dia boleh bina tempat letak kereta bertingkat ataupun boleh kenakan satu sistem yang lebih baik lagi seperti apa, dikenakan bayaran letak kereta.

Y.B. Dato' Speaker : Kesian, dahlah dia sakit, dia kena bayar lagi, susah juga Yang Berhormat.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : …tapi Yang Berhormat Dato' Speaker, yang kita fahamkan kebanyakan orang letak kereta bukan orang yang datang buat rawatan, orang yang pergi ke *Singapore* bekerja letak kenderaan di kawasan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, ya ke?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Sebab dia percuma punya pasal Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak faham pulak saya itu. Ok, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok Yang Berhormat Dato' Speaker, saya beralih ke perkara yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ok, masa laju ni.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok, baik. Ok, tentang perpaduan Yang Berhormat Dato' Speaker. Perpaduan adalah amat penting untuk mengeratkan

hubungan antara sesama kaum ataupun antara satu kaum dengan kaum yang lain. Ianya juga dapat memberi jaminan bagi memupuk semangat cintakan negara, semangat kejiranan, semangat bekerjasama dan juga melahirkan sikap toleransi demi keamanan, kesejahteraan serta keselesaan hidup bermasyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perpaduan juga diyakini dapat menjadikan sesebuah negara stabil dan juga menarik lebih ramai untuk melabur dan juga dikunjungi. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kerajaan memberikanlah tambahan peruntukan untuk menubuhkan lagi banyak Kawasan Rukun Tetangga dan juga memberikan tambahan geran kepada setiap Kawasan Rukun Tetangga yang telah ditubuhkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka melalui aktiviti atau program yang berbentuk perpaduan yang dijalankan oleh Kawasan Rukun Tetangga di bawah seliaan Pejabat Perpaduan Daerah akan dapat menerap nilai-nilai murni dan juga budaya yang menjadi tunjang keselamatan, keharmonian dan juga keamanan negara selama ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan bahawa saya pernah datang ke Bandar Kota Tinggi mahupun berkunjung ke bandar tersebut dan mendapati bandar ini sering menghadapi kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Johor dengan jalan utama ke bandar Kota Tinggi. Maka, saya berharap kita perlulah membina atau mengatasi masalah yang sering berlaku di persimpangan tersebut. Kita boleh dengan cara, kita membina satu *flyover* di kawasan tersebut ataupun kita lagi bertambah lagi membina satu jambatan berhubung dengan Jalan Johor ke bandar Kota Tinggi.

Di samping itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, atas usaha dan juga campur tangan kerajaan, masalah 210 unit rumah kos sederhana rendah di Taman Baiduri yang terbengkalai sejak lebih 12 tahun telah dapat diselesaikan. Ianya dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 12 bulan oleh pihak pemaju yang dilantik iaitu Infra Rancak Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, terdapat 2 perkara yang perlu diselesaikan antaranya:-

1. Yang Berhormat Dato' Speaker, bayaran nilai sagu hati yang dijanjikan oleh pihak Danga Bay sebanyak RM5,000.00 kepada setiap penduduk yang sedia berpindah. Mereka meminta supaya kadar sagu hati dapatlah dinaikkan sekali ganda atau sekurang-kurangnya RM15,000.00 mengikut nilai semasa.
2. Seperkara lagi, mengenai sewa beli rumah kos sederhana rendah, kebanyakan penduduk di kawasan ini adalah terdiri dari golongan tua dan tidak mempunyai pekerjaan. Untuk mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan sudah pasti sukar dari segi kelayakan. Oleh yang demikian, mereka mengharapkan pihak kerajaan melalui Pejabat Cawangan Perumahan dapat memberi beberapa unit rumah tersebut atau mungkin juga pihak *Iskandar Development Authority* dengan izin, yang menjalankan projek *coastal highway* dan seterusnya unit-unit rumah tersebut disewa, berikan kepada penduduk mengikut kemampuan masing-masing. Dengan cara ini, proses perpindahan setinggan di kawasan berdekatan dan juga atau akan berjalan lancar dan juga menepati konsep *win win* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda tu?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ialah menang-menang.

Y.B. Dato' Speaker : Konsep *win win*?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Dua-dua pihak semua untung.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, saya ingat *win win blow way*. (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : …dan bolehlah diangkat sebagai keprihatinan kerajaan untuk membela nasib mereka sejajar dengan slogan mendahulukan kesejahteraan rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa dah cukup.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Sikit lagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, 2 minit.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ini perkara penting eh.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, semua penting.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, berikutan pelaksanaan Projek Pembangunan Pesisiran Pantai Sungai Skudai dan juga Sungai Danga para nelayan di kawasan Sungai Danga dan juga Sungai Skudai, mengalami kemelesetan dari segi penangkapan dan juga hasil sumber pendapatan harian telah mengakibatkan hasil tangkapan ikan mereka merosot dan berkurangan melebihi 80%. Ini disebabkan kualiti air terdapat di kawasan tersebut telah terjejas dan kotor. Mereka mengharapkan bahawa sementara menanti keadaan menjadi pulih seperti sediakala, iaitu sementara menantikan projek pembangunan ini siap sepenuhnya, pihak kerajaan dapatlah menimbangkan dengan pemberian sedikit sagu hati kepada para nelayan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang saya memahamkan bahawa Jabatan Perikanan memanglah dapat memberikan subsidi bantuan iaitu sebanyak RM200.00 sebulan kepada setiap nelayan di seluruh negara kita ini tetapi kalau kita lihat keadaan mereka menghadapi penangkapan ikan hasil yang berkurangan. Maka saya berharap bantuan subsidi dapatlah ditambahkan lagi kepada mereka yang menghadapi masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Negara Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan kebebasan untuk beragama bagi mereka yang bukan Islam. Menurut Perlembagaan, rakyat bukan Islam bolehlah memilih untuk menganut mana agama pilihan mereka kerana agama

adalah merupakan pegangan hidup ke arah pembaikan serta dapat menyatukan perhubungan antara manusia dengan nilai-nilai murni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi masyarakat kaum Cina, rumah berhala selain dijadikan tempat ibadat, ianya merupakan tempat di mana kegiatan-kegiatan yang dijalankan dapat berkumpul dan juga mengeratkan perhubungan rapat masyarakat Cina. Rumah berhala yang berdaftar di seluruh Negeri Johor telah menubuhkan satu badan yang dipanggil "Persekutuan Rumah Berhala Cina dan Persatuan Penganut Agama Dewa Dewi yang berdaftar di Negeri Johor" untuk menyatupadukan semua Rumah Berhala Cina seluruh Negeri Johor tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, Rumah Berhala Cina di masyarakat Tionghoa masih menghadapi masalah-masalah seperti berikut:-

1. Permohonan tapak tanah ibadat bukan Islam menghadapi kesulitan kelulusan di Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor.

2. Permohonan pembinaan baru atau pembinaan bangunan baru rumah berhala atau membaiki bangunan rumah berhala sedia ada juga menghadapi kesulitan kelulusan di Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor. Saya bagi contoh:-

    i. Permohonan tanah kerajaan untuk rumah ibadat bukan Islam di Lot PTD 123263, Mukim Tebrau Taman Daya, Johor Bahru oleh Persatuan Penganut Ajaran Dewa Xianfa Shigong selama 12 tahun masih belum dapat kelulusan. Walaupun pihak Pejabat Daerah Johor Bahru dalam suratnya bertarikh 16 Julai 2009 telah menyatakan bahawa pihaknya tiada halangan tetapi masih belum dapat kelulusan.

Y.B. Dato' Speaker : Itu hari MB dah melawat sana Taman Daya.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : …tapi *I* dengar tengok tak ada..

Y.B. Dato' Speaker : Ada dalam semua sudah setuju banyak. Saya ikut, lulus, lulus, lulus.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Kalau ada baguslah, kalau ada kelulusan saya ucapkan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Mana yang dia melawat semua lulus.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Saya ucapkan terima kasih. Nombor 2.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Sedikit sahaja.

2. Permohonan tanah kerajaan untuk tapak tokong lot PTD 7244 Mukim Tebrau, Johor Bahru oleh rumah berhala Tan Pek Kong, Taman Cempaka, Johor Bahru telah selama 23 tahun masih belum dapat kelulusan walaupun Timbalan Perdana Menteri Malaysia semasa selaku Menteri Besar Johor dalam pilihan raya

kecil Tambatan telah memberikan jaminan bahawa kerajaan akan meluluskan tapak tersebut.

3. Rumah berhala Ang Siang Keng telah memohon kelulusan untuk mendirikan sebuah rumah berhala baru di tanah ibadat bukan Islam di PTD 136950 Jalan Indah 6/15, Taman Bukit Indah masih menunggu kelulusan Majlis Keselamatan Negara, Negeri Johor. Maka, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharap pihak Majlis Keselamatan Negara, Negeri Johor dapat mempercepatkan kelulusan permohonan tapak tanah ibadat bukan Islam dan juga permohonan pembinaan bangunan rumah berhala baru ataupun perbaiki bangunan rumah berhala sedia ada yang saya sebutkan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Hah, ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok, *last* sekali.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tidak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat punya *last* panjang.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tidaklah satu perkara sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, satu perkara ucap dia lima minit.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tidak ini perkara penting. Ok saya pendekkan sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Lima minit tamat.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok tentang ini pembinaan *coastal highway*. Pembinaan *coastal highway* di kawasan depan ini Taman Baiduri yang mana semasa lawatan Yang Amat Menteri Besar Johor ke kawasan DUN Pengkalan Rinting, 16 Mei 2010, bahawa Yang Berhormat Dato' Speaker telah mendengar taklimat daripada pihak IRDA bahawa IRDA bersetuju membina susur jalan di depan kedai taman Baiduri dengan pelebaran sebanyak 40 kaki. Tetapi pada hari ini pihak IRDA berkata dia hanya akan membina sebanyak 36 kaki.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, 4 kaki.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ini akan menyusahkan laluan lori pada masa akan datang di kawasan depan kedai tersebut. Maka saya berharap kita perlulah mengikat kepada janji di depan ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya berharap pihak IRDA akan dapat mengikut janji perjanjian kita membina susur jalan di depan kedai ini kawasan Taman Baiduri.

Y.B. Dato' Speaker : Takut ada masalah agaknya kalau buat 40…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tidak, dia memang boleh buat sebab dia *i* pun hairan Yang Berhormat Dato' Speaker di kawasan depan kedai di tepi *coastal highway* dia hendak membina satu pejalan kaki. *So* saya agak itu pejalan kaki

dia bolehlah dibatalkan, diganti dengan tempat untuk pelebaran jalan ini untuk bolehlah sampai 40 kaki.

Y.B. Dato' Speaker : Haa ok…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok ini lagi satu perkara…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat berapa perkara ni?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Orang India ini kalau tidak cakap, orang India nanti marah saya.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Yang Berhormat janji pun tidak betul…kata *last, last ,last*…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Tidak ini memang…ini janji saya, tadi janji kerajaan. Ini janji *last* sahaja, ok…ini janji saya sebab ini masalah…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ni sudah jadi *karaok*elah…sudah tidak ok lagi. Ok *last*…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok *last.* Ok ini tentang masalah apa pembinaan pelebaran di Jalan Kolam Air, Taman Kolam Air di sana pada masa yang lepas yang mana ada 12 rumah apa ini khasnya daripada keturunan India yang duduk di kawasan tersebut. Yang mana kawasan itu dengan projek pembinaan pelebaran Jalan Kolam Air tersebut memang tidak sesuai lagi untuk menduduki di kawasan tersebut. Saya ingat yang Dato' Speaker sebagai penduduk di kawasan Jalan Kolam Air itu pun tahu masalah itu.

Y.B. Dato' Speaker : Haa itu yang saya kalah tu. Haa cakaplah sikit.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok, *so* saya sudah bantu pihak penduduk 12 rumah kediaman di kawasan tersebut buat rayuan kepada pihak kerajaan untuk *acquire* dengan izin, ke semua 12 rumah kediaman tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Haa ok…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok, tetapi kerajaan memang membantu. Tetapi dia hanya bantu separuh sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Haa oklah…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ikut apa yang saya baca dalam Warta Kerajaan bertarikh 27 Mei 2010. Kerajaan hanya dapat ac*quire* 6 rumah sahaja. *So,* lagi 6 rumah dia tidak ac*quire* dengan izin. *So,* masalah kita timbul. Yang dapat ac*quire* dia banyak berterima kasih. Tapi yang tidak dapat *enquire* dia orang marah kita. Mengapa itu 6 rumah boleh ac*quire*? Dia ini 6 rumah tidak boleh ac*quire*?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok…

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : *So,* saya ini saya berharaplah kerajaan perlulah memberikan pertimbangan dan juga kita…

Y.B. Dato' Speaker : Lain kali Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap sebagai penyokong, saya kasi masa sikitlah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ok, *so* saya haraplah kerajaan dapat menyokong kita punya ini permohonan untuk ini meng*acquire* 6 lagi rumah kediaman tersebut di tepi Jalan Kolam Air. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan kata-kata itu saya menyokong usul sokongan pembentangan Bajet Tahun 2011 yang telah dikemukakan oleh ADUN Puteri Wangsa. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, lapang dada saya. Sudah habis. Jemput lagi siapa hendak berucap? Oh… ha, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Selawat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam…

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas sedikit ruang yang diberikan untuk saya berkongsi di hujung-hujung ini bersama dengan sahabat-sahabat dalam perbahasan Bajet 2011 ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan tema mendahulukan kesejahteraan rakyat kita lihat bentangan bajet kali ini seiring dengan bentangan bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa pun ia seperti kata pepatah menimbang sama berat, mengukur sama panjang dan bukan menimbun tanah tinggi atau menggali tanah lekuk.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dengar pantun saya. (Dewan ketawa). Tangkap ikan paus, tekak saya haus. Ahli Yang Berhormat Dewan di tangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat perbahasan disambung semula. Jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Datuk Speaker, yang pertama fokus terhadap peningkatan kebaikan dari penyusunan bajet kali ini kerana ianya membuktikan kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional yang mengurus tadbir negeri ini jauh lebih baik. Ini terbukti di mana bentangan bajet kali ini mengikut rentak ekonomi dunia dan bukannya terperangkap dengan langkah yang boleh memufliskan negara.

Sekalung tahniah buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengetuai barisan kepimpinan negeri memikirkan bagaimana menghitungkan pendapatan dan perbelanjaan untuk kebaikan semua. Walaupun terus dikritik hebat tapi yakin dan percayalah rakyat di bawah tahu keperitan seorang pemimpin. Mengkritik memang mudah, menambah baik amat susah. Memutar belit dan merosakkan tidak perlu ke sekolah. Sejajar dengan itu perhatian mestilah diberikan kepada apa yang kita ada dan apa yang boleh membantu menjana ekonomi seimbang dengan pergerakan ekonomi dunia. Kandungan bentangan yang lengkap meliputi semua aspek ini perlu dikupas dengan jelas apa yang penting sebenarnya bagi rakyat kita hari ini ialah masyarakat bandar mahukan masalah sampah mereka diselesaikan. Parit, longkang sumbat diperbaiki. Jalan yang lubang dan rosak di selenggara. Pengangkutan awam baik dan mengikut jadual. Tiada gangguan daripada burung walid dan juga perniagaan mereka boleh dijalankan dengan arahan tanpa pilih kasih dan sebagainya.

Masyarakat FELDA mahu parit, longkang dan lampu jalan dan paling utama jualan sawit mereka dipantau dengan baik. Generasi kedua mahu pengurusan melihat tanah untuk tapak rumah mereka ada atau tidak. Masyarakat desa mahu hanya baja, racun, benih dan sebagainya dikawal. Usahawan-usahawan mohon pinjaman dipercepatkan dan rungutan peminjam-peminjam harus terus diteliti. Begitu juga generasi muda di kampung-kampung tradisional dan taman-taman perumahan perlu dilihat dan diberi perhatian. Kejayaan dan kemunduran pelajaran anak-anak mereka, ibu-ibu tunggal muda yang berpotensi menjadi usahawan hendaklah diberi bimbingan dan bantuan oleh Jabatan Pertanian dan juga Tekun agar mereka boleh terus membesarkan anak-anak dan menentukan anak-anak mereka berjaya dalam bidang pelajaran.

Dan, kepada yang tidak memiliki rumah, diberi kemudahan untuk memiliki rumah melalui apa cara yang sesuai di mana mereka tinggal dan menumpang terutamanya yang tidak memiliki geran tanah untuk rumah SPNB dan tiada penyata gaji untuk membeli rumah taman dan sebagainya. Kita kena buat bersungguh-sungguh dan betul-betul untuk membantu golongan ini kerana inilah golongan paling ramai di akar umbi yang setia kepada kerajaan yang ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya dengan peruntukan lebih 12 juta bajet untuk kesihatan tumpuan terhadap kesihatan anak-anak dan remaja melalui bimbingan kepada ibu, mengenai pemakanan, penjagaan kesihatan dan bahaya dadah, denggi, penekanan dosa pahala anak luar nikah yang semakin ramai agar generasi baru adalah anak sah taraf untuk menjadi pewaris Negara pada masa hadapan. Hari ini pelbagai usaha menangani denggi dibuat. Ceramah, risalah, gotong-royong, denda ditingkatkan tetapi masalah denggi terus meningkat. Apakah perlu diadakan Unit Pemantau yang perlu bergerak setiap hari pagi atau petang bagi memastikan tiada pusat ternakan di setiap rumah. Sehingga Ahad lalu 42,749 kes denggi dilaporkan dengan 123 kematian. Berbeza dengan tahun lalu 36,294 kes dengan 77 kematian setakat bulan November.

Yang Berhormat Datuk Speaker, proses dan prosedur penyelesaian juga oleh pihak Kebajikan Masyarakat harus di pamer dan diedarkan. Ibu-ibu tunggal, bantuan untuk ibu-ibu tunggal, bantuan anak-anak sekolah, bantuan oleh MAIJ juga perlu diberi

penerangan yang jelas bagaimana, berapa lama dan syarat-syarat yang ditetapkan serta tempoh lulus atau gagal atau berjaya dan sebab-sebab mengapa mereka tidak layak untuk mendapat bantuan Kebajikan Masyarakat ataupun MAIJ di beri dengan jelas kepada mereka supaya tidak jadi rungutan kepada mereka. Kepada Jabatan Pertanian syabas diucapkan kepada pegawainya yang rajin turun padang berjumpa dan berbincang dengan Wakil-Wakil Rakyat dan melihat sendiri usahawan-usahawan sama ada layak ataupun tidak untuk menerima bantuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Penawar mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar dibina dan dibangunkan dan diwujudkan satu Darul Quran di Bandar Penawar lengkap dengan asrama demi memartabatkan al-Quran dan melahirkan ramai Tahfiz di masa akan datang di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada graduan-graduan yang pulang daripada Mesir dan juga Jordan. Dengan dikelilingi oleh IKBN, Kolej Komuniti Insted, Kolej Profesional Mara, Sekolah Sukan, Sekolah Sains, Sekolah Agama, Sekolah Menengah dan Sekolah-sekolah Rendah adalah jika diwujudkan Darul Quran itu akan dapat mengimbangi keseluruhan sekolah-sekolah yang ada dan juga kolej-kolej yang ada di sekitar Bandar Penawar. Maka dengan peningkatan gaji guru-guru al-Quran mudah-mudahan akan dapat meningkatkan kualiti guru-guru tersebut dan kita bukanlah hanya sekadar kerajaan yang hanya pandai berkata-kata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Penawar juga mengharapkan peletakan anggota keselamatan di pondok Polis Penawar yang telah dicadangkan khabarnya telah diluluskan disegerakan kerana keadaan keselamatan yang semakin tergugat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyemak kembali siri bahasan sejak tahun 2008 yang mengandungi teguran, cadangan dan masalah kawasan yang perlu diambil tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri seperti tanah Kampung Baru Sungai Emas, Masjid Kampung Tanjung Buai, Jeti Tanjung Buai, Klinik Kesihatan Kampung Tanjung Buai, masjid dan parit longkang di FELDA-FELDA, sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah yang tidak dicat dan geran 2 ekar Kampung FELDA Sungai Emas, alhamdulillah hampir semuanya selesai dan diambil tindakan di pihak kerajaan, walaupun masih ada lagi banyak perkara-perkara baru yang dalam senarai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu perkara lagi yang masih belum tahu di manakah kedudukan yang begitu meresahkan hati dan perasaan anak-anak muda yang ada di kawasan FELDA khususnya, FELDA Air Tawar 1 ialah berkenaan dengan geran tapak tanah mereka. Lima FELDA yang lain lagi masih di peringkat awal. Dan saya mengharapkan agar Kerajaan Negeri dapat melegakan perasaan generasi kedua FELDA Air Tawar 1 ini dan amat mengalu-alukan sendiri kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk turun bagi menyampaikan borang 5A seandainya masalah ini telah pun diselesaikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung". Kita ada undang-undang, bukan dengan segala sukacita kita meletakkan undang-undang kita sendiri dalam setiap masalah yang perlu diselesaikan. Bila bercakap soal kerajaan, ia adalah perkara serius. Bila berbahas soal bajet, ia adalah perkara penting. Kita bercakap tentang Johor dan Malaysia, tanah air yang kita cintai.

Bukan seronok untuk mencari popularity. Akhirnya Penawar menyokong cadangan yang dibawa oleh Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, jemput yang lain, Kahang.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap sepatah dua kata dalam pembentangan Bajet 2011 ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah pun membentangkan satu bajet yang holistik, satu bajet yang mesra rakyat dan juga telah mengambil isu-isu yang dekat dengan hati rakyat apabila membuat bajet tersebut. Saya percaya bajet ini mempunyai daya tahan yang akan memacu ekonomi Negeri Johor ke tahap yang lebih membanggakan selaras dengan Wawasan 2020.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Bajet 2011, banyak isu-isu yang telah pun dibincangkan dan pada muka surat 12, Bajet 2011, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menyatakan mengenai industri ternakan bernilai tinggi, di mana industri burung Walet merupakan salah satu industri yang mempunyai ekonomi yang tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri telah pun mengambil berbagai usaha untuk memperkembangkan industri ini tetapi sebelum kita berbuat demikian, saya ingin meminta sedikit penerangan mengenai kedudukan semasa industri burung Walet dari segi perundangan. Saya percaya ada banyak isu-isu yang berkaitan dengan perundangan, dasar dan pekeliling yang masih lagi tidak jelas. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini contohnya, industri burung Walet ini adakah dibenarkan untuk diadakan di kawasan perbandaran, kawasan perumahan dan sebagainya?

Banyak pengusaha-pengusaha burung Walet pada hari ini, membuat perniagaan mereka menjalankan aktiviti pembelaan burung ini di kawasan-kawasan rumah kedai berhampiran dengan kawasan perumahan dan kawasan perbandaran. Begitu juga, di kawasan-kawasan lot-lot yang kosong. Saya ingin mengambil contoh di pekan Kahang, di mana di kawasan ini merupakan satu lot di mana ramai orang telah pun membina rumah dan kebetulan pemilik lot yang satu lagi pula mengambil kesempatan untuk menubuh dan membina bangunan untuk membela burung Walet ini yang secara langsung telah membawa kepada satu keadaan yang tidak mesra alam dan juga penduduk-penduduk yang di sekitarnya meluahkan rasa tidak puas hati. Seramai 400 orang telah pun menandatangani satu protes *note* dan menghantar kepada pihak saya untuk membantah pembinaan sarang burung Walet di lot pemilik tersebut, tetapi apabila isu ini dibawa ke perhatian pihak yang berkenaan, mereka seolah-olah tidak dapat mengambil sebarang tindakan kerana dengan alasan tangan mereka terikat. Hanya sekadar untuk mengkompaun, kompaun sahaja, tetapi tidak dapat mengambil apa-apa tindakan daripada segi perundangan untuk memberhentikan pemilik tanah tersebut untuk mendirikan bangunan burung Walet tersebut. Jadi jelas ini menunjukkan dalam bahasa Inggeris, *loop hole* dalam undang-undang, dengan izin.

Di mana kita sepatutnya mempunyai satu dasar yang jelas, dari segi perundangan yang jelas berkenaan dengan industri burung Walet ini? Janganlah kita mengambil keputusan untuk memperkembangkan industri ini, menggalakkan lebih ramai orang untuk mengambil bahagian dalam industri ini tetapi akan membawa kesusahan dan juga ketidakselesaan kepada penduduk-penduduk yang di kawasan sekitarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat berharap pihak kerajaan juga akan memastikan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan juga akan diberi kuasa untuk mengambil tindakan. Saya percaya dan saya dimaklumkan pada hari ini setengah-setengah Pihak Berkuasa Tempatan mengambil keputusan untuk mengambil tindakan undang-undang, tetapi di setengah-setengah Pihak Berkuasa yang lain pula, mereka tidak berbuat demikian. Jadi kenapa terdapat percanggahan dari segi kuat kuasa undang-undang dalam isu-isu yang berkaitan dengan burung Walet ini?

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat berharap agar isu perundangan ini akan dapat diselesaikan pada kadar yang segera. Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga pada muka surat 24, telah pun memberi galakan mengenai membudayakan gaya hidup sihat. Fokus telah pun diberikan kepada penjawat awam supaya mereka akan mengekalkan berat badan yang sihat, pemakanan yang sihat dan sebagainya. Tapi kita juga tidak harus lupa apakah jenis makanan yang sebenarnya dijual di kantin-kantin sekolah pada hari ini. Saya juga mendapat maklumat dan juga keluhan daripada ibu bapa di mana setengah pengusaha kantin ada yang menjual makanan-makanan *fast food*, dengan izin, seperti *burger, hot dog, nugget* dan sebagainya. Saya percaya makanan-makanan ini bukan makanan yang seimbang, bukanlah makanan yang sihat yang sepatutnya dijual di kantin-kantin sekolah. Jadi saya amat berharap agar Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa pengusaha kantin-kantin akan mematuhi kriteria-kriteria yang telah pun ditetapkan dan menjual makanan-makanan yang sihat dan tidak hanya bergantung kepada komersial semata-mata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam keadaan ini kita juga tidak harus lupa kepada warga FELDA. Yang Berhormat Datuk Speaker, memang tidak dapat dinafikan bahawa warga FELDA merupakan penyokong besar Kerajaan Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, banyak terdapat isu-isu yang sebelum ini telah pun dibentangkan berkenaan dengan masalah di FELDA yang belum lagi diselesaikan. Antaranya isu-isu berkaitan dengan infrastruktur. Banyak masalah-masalah infrastruktur yang berkaitan dengan sistem saliran, perparitan, hakisan tanah yang banyak berlaku di kawasan-kawasan FELDA. Contohnya di DUN Kahang, saya mempunyai 6 Rancangan FELDA, dan isu-isu ini telah pun banyak kali kita bangkitkan, walau bagaimanapun, saya percaya tindakan yang diambil adalah agak perlahan, ataupun tidak ada langsung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kesempatan ini juga saya ingin mendapat penerangan daripada pihak FELDA berkenaan dengan status generasi yang kedua. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masa depan FELDA bergantung pada tangan generasi yang kedua. Jadi apakah hala tuju FELDA berkaitan dengan warga generasi yang kedua ini? Saya percaya banyak Rancangan-Rancangan FELDA masih lagi mempunyai lot-lot yang kosong, yang belum lagi diusahakan yang tidak mempunyai peneroka, tetapi kenapa apabila permintaan telah pun dibuat oleh pihak generasi

kedua memohon lot-lot tersebut mereka tidak diberi kebenaran untuk mengusahakan tanah-tanah ini?

Yang Berhormat Datuk Speaker, generasi kedua sebenarnya sanggup membanting tulang untuk mengusahakan sekiranya peluang diberi oleh FELDA. Walau bagaimanapun, permohonan mereka kerap kali ditolak. Jadi apakah matlamat asal FELDA hanya terhenti di peringkat generasi pertama sahaja? Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga dengan isu penempatan generasi kedua di kawasan-kawasan FELDA. Banyak permohonan yang tertangguh sekian lama. Jadi saya amat berharap agar FELDA akan mengambil langkah yang bijak dan komprehensif untuk menyelesaikan permasalahan mengenai penempatan generasi yang kedua ini. Banyak tanah-tanah baru sebenarnya harus dikenal pasti dan saya percaya pihak FELDA haruslah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti lot-lot tanah yang baru supaya dapat diserahkan kepada pemohon-pemohon daripada generasi kedua daripada FELDA-FELDA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini juga saya meminta SPNB juga turut campur tangan dalam isu-isu FELDA untuk membantu generasi kedua untuk membina rumah-rumah yang mampu milik supaya rumah-rumah tersebut dapat didirikan di kawasan FELDA khasnya untuk generasi yang kedua. Memang tidak dapat dinafikan, ramai anak-anak muda daripada FELDA mempunyai kelayakan tinggi, yang telah pun sampai ke menara gading yang telah pun ke universiti dan mempunyai pekerjaan yang boleh dikatakan amat dibangga-banggakan, boleh dibanggakan. Walau bagaimanapun, saya percaya FELDA tidak memberi peluang yang sewajarnya kepada anak-anak muda ini untuk terus berkhidmat di FELDA. Kenapa kelayakan dan juga *qualification*, dengan izin yang ada pada anak-anak muda ini tidak dapat diserapkan dalam pentadbiran di FELDA supaya anak-anak muda yang graduan ini akan terus bersama FELDA, dapat berbakti kepada FELDA seterusnya kepada masyarakat di kawasan FELDA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga dengan golongan-golongan pelajar yang tidak dapat melanjutkan pendidikan ke peringkat atasan, khususnya belia-belia. Saya amat berharap agar golongan ini juga tidak dipinggirkan agar dapat pembelaan yang seterusnya. Golongan ini juga haruslah diberi latihan yang secukupnya dari segi vokasional dan juga diberi peluang-peluang perniagaan khususnya di kawasan FELDA itu sendiri, supaya satu *township* yang baru, dengan izin dapat dibentuk di kawasan FELDA tersebut dan anak-anak muda ini akan terus dapat bersama dengan ibu bapa mereka di kawasan FELDA untuk selama-lamanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, muka surat 16, Bajet, telah pun membincangkan mengenai membangunkan masyarakat Orang Asli. Di DUN Kahang, saya mempunyai 9 perkampungan Orang Asli. Walau bagaimanapun, rata-ratanya saya berpendapat masih banyak yang perlu dilakukan untuk menaik taraf masyarakat Orang Asli. Permasalahan-permasalahan seperti infrastruktur, sistem saliran, sistem perparitan masih jauh ketinggalan. Jadi saya amat berharap kerajaan akan memberi penumpuan yang serius untuk menaik taraf untuk memperkasakan masyarakat Orang Asli ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah hak milik tanah yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli juga haruslah diselesaikan pada kadar yang segera. Pada

masa yang sama juga, masyarakat Orang Asli juga haruslah diintegrasikan dengan masyarakat awam supaya mereka tidak ketinggalan bukan sahaja dari segi ekonomi, dari segi pekerjaan tetapi dari segi daya saing dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peluang-peluang perniagaan juga haruslah diberikan khususnya kepada para belia di kawasan perkampungan Orang Asli. Gerai-gerai baru harus dibuat. Mereka juga harus dilibatkan dalam sektor pelancongan supaya mereka juga dapat membantu menjana pendapatan selanjutnya memperkembangkan ekonomi negara kita. Jadi masyarakat Orang Asli tidak harus dipinggirkan, masyarakat Orang Asli juga harus mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada Kerajaan. Di kesempatan ini juga, saya meminta agar lebih banyak peruntukan disalurkan kepada perkampungan masyarakat Orang Asli supaya masalah infrastruktur dapat di naik taraf, pada masa yang sama juga, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga haruslah diperkasakan supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dalam isu-isu kebajikan masyarakat Orang Asli ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memang tidak dapat dinafikan, pada tahun ini merupakan tahun yang bersejarah kepada sekolah-sekolah Tamil di Negeri Johor kerana pada tahun ini, seramai 190 orang pelajar telah pun mendapat 7A di Negeri Johor daripada sekolah-sekolah Tamil. Jadi ini merupakan satu kejayaan yang cukup cemerlang, satu era baru dalam sekolah-sekolah Tamil, di mana sekolah-sekolah Tamil telah pun membuktikan bahawa mereka juga bolehlah menjadi pusat kecemerlangan akademik di negara kita ini. Walau bagaimanapun, permasalahan yang lama ingin saya bangkitkan semula. Kenapa kerajaan masih lagi belum memberi status Sekolah Bantuan Penuh kepada sekolah-sekolah Tamil? Dan kenapa masih terdapat dua kategori di mana sekolah Tamil boleh dimasukkan di dalam kategori Bantuan Modal dan juga Bantuan Penuh Kerajaan. Saya rasa ini bukan satu permasalahan yang tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan. Apa yang kita perlukan ialah satu *political will*. Saya percaya dengan *political will*, masalah sekolah Tamil akan dapat diselesaikan, di mana masalah sekolah Tamil akan dapat diselesaikan dijadikan sebagai Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan, menaik taraf sebagai Bantuan Penuh Kerajaan lebih ramai pelajar akan dapat menumpukan pelajaran mereka dalam keadaan yang lebih kondusif, selesa dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada hari ini masyarakat India, seperti mana kita juga sering kali mendengar, masalah *gengsterisme* di kalangan belia-belia masyarakat orang India telah pun sampai kepada satu keadaan yang cukup meruncing. Saya amat berharap agar permasalahan *gengsterisme* di kalangan masyarakat orang India tidak akan dianggap sebagai permasalahan kaum India sahaja tetapi sebagai satu kaum, masalah rasional. Saya meminta agar komitmen yang menyeluruh daripada agensi-agensi kerajaan supaya masalah *gengsterisme* di kalangan belia-belia India akan dapat diselesaikan. Pada hari ini masalah sosial yang kalau kita dapat lihat, masalah sosial semakin meruncing. Dan dalam keadaan kita nak menjadi sebuah negara yang maju, kita memerlukan belia-belia yang berketerampilan. Tidak guna kalau negara kita maju dari segi ekonominya, tetapi kalau rakyatnya muflis dari segi permasalahan sosial dan sebagainya. Oleh yang demikian, jabatan-jabatan seperti Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Pelajaran, Jabatan Perpaduan haruslah memainkan peranan yang lebih proaktif untuk memastikan lebih banyak program-program khususnya kepada belia-belia India akan dapat dijalankan. Jangan dijadikan

masalah ketiadaan peruntukan, ketiadaan wang sebagai salah satu isu ataupun alasan program-program ini tidak dapat dijalankan.

Kalau kita lihat di Negeri Johor, pada hari ini terdapat banyak NGO-NGO, khususnya NGO India dan juga Persatuan Belia-belia India yang sanggup untuk menjalankan program-program khususnya untuk masyarakat dan juga belia-belia India dan sanggup menjadi agen pembaharuan supaya lebih banyak program-program akan dapat dijalankan di peringkat akar umbi. Jadi saya minta janganlah jabatan-jabatan, apabila menjawab nanti sahaja mengatur mengatakan kita ada program ini, ada program itu, ada program ini dari segi teori. Tapi yang kita nak, dari segi praktikal. Kita tak nak dari segi *input*nya ataupun *output* tapi apakah *outcome*? Yang kita nak *outcome*. Apakah keberkesanan program-program yang dijalankan untuk membanteras permasalahan sosial yang dihadapi khususnya oleh belia-belia India? Kalau kita lihat statistik daripada Balai-Balai, kian hari, kian banyak kes-kes yang melibatkan gengsterisme, kes-kes pecah amanah, kes-kes samun, kes-kes yang berkaitan dengan sosial, yang berlaku di kalangan belia-belia India. Jadi saya amat berharap, masa depan menjanjikan cabaran di luar jangkaan. Masalah sosial haruslah diberhentikan. Kita kena mencari satu formula ataupun satu mekanisme untuk memastikan bahawa isu-isu yang berkaitan dengan sosial khususnya di kalangan belia-belia India ini dapat dibanteras. Jangan hanya dengan sekadar memberi ceramah dan sebagainya tidak akan menyelesaikan permasalahan ini. Jadi saya berharap, jabatan-jabatan yang berkaitan tolonglah cari formula-formula. Kalau boleh ajaklah NGO-NGO, persatuan-persatuan, parti-parti politik, duduk semeja mencari jalan untuk menyelesaikan permasalahan sosial di kalangan belia-belia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memang harapan kita ialah untuk membangunkan generasi yang berketerampilan dan bersahsiah mulia. Jadi kita kena buat sesuatu, kalau kita nak memulakan suatu perjalanan sebanyak seribu kilometer, kita kena mulakan dengan tahap pertama dulu. Jadi, di mana tahap pertama itu? Jadi saya amat berharap agar jabatan-jabatan yang berkaitan akan bersedia untuk mencari formula dan juga jalan yang terbaik untuk menyelesaikan permasalahan ini. Begitu juga Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional, juga haruslah menjalankan program-program yang lebih berteraskan kepada kepimpinan patriotisme dan juga perpaduan di peringkat akar umbi. Saya percaya rata-ratanya pada hari ini, banyak program-program yang kita boleh jalankan dan banyak NGO-NGO bersedia untuk memainkan peranan untuk menjalankan program-program ini. Jadi, salurkanlah peruntukan yang secukupnya kalau boleh bagi tahun 2011, agar lebih banyak program dapat dijalankan di peringkat akar umbi untuk kebaikan kita bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker di kesempatan ini juga, saya ingin menceritakan mengenai masalah ibu-ibu tunggal yang muda. Jadi, pada hari ini kalau kita lihat terdapat satu kelompok ibu-ibu tunggal yang muda, yang telah pun sama ada telah pun mendirikan rumah tangga pada usia yang muda dan seterusnya telah pun berpisah dengan suami, ataupun suami telah pun melarikan diri daripada mereka, ataupun suami mungkin sudah meninggal dunia, ataupun telah pun bercerai dan sebagainya. Dan ibu-ibu muda ini yang telah pun kahwin dalam usia yang begitu muda sekali, mungkin ada di antara kes yang mereka telah cabut daripada rumah, tidak mempunyai kelayakan akademik yang secukupnya, tidak mempunyai pengalaman hidup yang secukupnya, akhirnya apabila mempunyai dua, tiga anak

dan ditinggalkan suami seolah-olah mereka telah pun kehilangan tempat untuk bergantung. Dalam keadaan seperti ini, apabila mereka ditinggalkan oleh suami, mereka tidak dapat balik ke rumah kerana keluarga tidak akan menerima mereka. Mereka tidak boleh kembali kepada masyarakat. Masyarakat memandang mereka dengan satu mata yang lain, tidak dapat menerima mereka. Jadi, dalam keadaan seperti ini apa akan terjadi kepada status ibu-ibu tunggal muda yang mempunyai anak-anak yang muda ini. Mungkin jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Pembangunan Wanita dan Keluarga, mungkin mempunyai program-program yang berkaitan tetapi pada dasarnya, pada dasarnya, program-program itu ada, tetapi di peringkat akar umbi, informasi seperti ini tidak sampai. Orang yang sebenarnya menjadi mangsa kepada keadaan tersebut, seolah-olah tercari-cari nak jumpa dengan siapa, nak pergi ke mana? Tiba-tiba minta tolong dengan orang yang salah, dia ambil kesempatan. Jadi saya amat berharap, isu-isu seperti ini, informasi seperti ini akan sampai ke peringkat akar umbi. Siapakah orang yang kini mereka harus berjumpa? Dengan siapa mereka harus berjumpa? Jenis bantuan apa yang boleh disalurkan kepada mereka?

Jadi, saya percaya ini bukan sahaja masalah yang melibatkan anak-anak muda, gadis-gadis muda Melayu dengan Cina, tapi ramai gadis-gadis daripada keturunan India juga terlibat dalam senario yang sama. Jadi, sekiranya kerajaan tidak membantu golongan ibu-ibu muda ini, yang mempunyai anak-anak yang muda, kita bimbang dalam 10 hingga 15 tahun yang akan datang, akan timbul satu lagi generasi yang baru, anak-anak muda yang baru yang akan mempunyai masalah sosial. Hari ini dahlah kita berhadapan dengan masalah-masalah sosial yang berkaitan seperti merempit, masalah dadah, jenayah dan sebagainya. Kita tak nak lagi satu lagi generasi yang timbul selepas 10, 15 tahun daripada keluarga-keluarga ibu-ibu tunggal ini, anak-anak muda yang tidak mendapat, yang tidak berada dalam platform yang sempurna akan pula timbul satu lagi masalah, kita akan kembali ke *square one,* dengan izin.

Jadi saya amat berharap, kerajaan akan mengambil satu tindakan seperti yang dikatakan dalam Bajet di muka surat 17, akan ada Pelan Tindakan Pembangunan Ekonomi Wanita yang sedang dirangka. Jadi dalam Pelan Tindakan ini, isu-isu yang berkaitan dengan ibu tunggal juga akan diambil kira, di mana mereka akan pergi, apakah peluang-peluang yang akan diberikan oleh kerajaan untuk menaik taraf hidup mereka dari segi ekonomi, peluang pekerjaan, peluang untuk berdaya saing dan sebagainya. Jadi isu-isu ini boleh dikatakan isu yang serius, yang kita harus ambil kira pada hari ini, mulai hari ini. Kita tidak boleh tunggu sehingga nasi sudah menjadi bubur, apabila berlaku insiden-insiden ibu-ibu tunggal yang sedang berdiri di tengah jalan, tak tahu nak pergi ke mana, baru kita mencari-cari platform untuk membantu mereka dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin membawa beberapa perkara berkaitan dengan masalah di DUN saya. Datuk Speaker, saya sudah beberapa kali saya membawa isu berkaitan dengan jalan Kluang ke Kahang. Jalan yang merupakan satu jalan yang bengkang-bengkok pada malam yang cukup gelap, satu kawasan yang boleh dikatakan berlakunya kemalangan, kadar kemalangan yang cukup tinggi. Jadi saya amat berharap, agar kerajaan akan terus membantu masyarakat yang duduk di kawasan Kahang ini dengan melebarkan jalan

dia dan juga menambah baik, membaik pulih isu-isu yang berkaitan dengan ciri-ciri keselamatan khususnya pada malam. Jadi, jalan ini merupakan jalan yang penghubung yang paling penting daripada Kluang nak ke Mersing, inilah antara satu jalan dan dia melalui Pekan Kahang. Jadi, jalan ini haruslah di naik taraf.

Begitu juga terdapat banyak rumah-rumah terbengkalai, kuarters-kuarters guru yang terdapat di DUN saya, khususnya di FELDA Ulu Penggeli, di kawasan Taman Sri Lambak dan sebagai. Kuarters telah pun dibina tetapi tiada penghuni dan ada setengah-setengah kuarters ini telah pun rosak dan jadi sarang-sarang untuk permasalahan sosial. Jadi, saya pun tak faham kenapa Jabatan Pelajaran telah pun membelanjakan begitu banyak duit untuk membina kuarters-kuarters ini sehingga tidak berpenghuni dan juga tidak diberi kepada orang lain. Kalau boleh beri kepada ADUN, ADUN boleh dapat satu kuarters, boleh duduk di situ. ADUN pun tak dapat kuarters, dan juga guru-guru pun nak tinggal di kuarters itu. Jadi, saya amat berharap Jabatan Pelajaran akan mengambil kira berkenaan dengan rumah-rumah kuarters terbengkalai di DUN Kahang ini. Begitu juga…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga jalan daripada Pekan Kahang ke Jalan Batu 28, Kahang yang melalui Sekolah Menengah Kebangsaan, SMK Kahang, jalan itu juga merupakan satu jalan yang kerap kali berlaku kemalangan dan juga ciri-ciri keselamatan di jalan tersebut juga tidak ada. Tidak ada *flyover* dan juga tidak ada laluan untuk pelajar-pelajar sekolah melintas dan saya rasa isu ini telah pun banyak kali dibangkitkan di peringkat Mesyuarat Tindakan Daerah. Saya telah meminta JKR untuk membuat kajian, tetapi setakat hari ini belum ada satu perkembangan yang terbaru untuk menyelesaikan permasalahan di Pekan Kahang ini.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga dengan isu-isu yang berkaitan dengan infrastruktur di kawasan DUN Kahang, jangan hanya memberi penumpuan di kawasan-kawasan bandar dan juga di parlimen-parlimen yang sebelah dengan Parlimen Sembrong tetapi juga DUN Kahang, Parlimen Sembrong juga haruslah di naik taraf, jangan hanya memberi fokus kepada kawasan-kawasan bandar sahaja, ok. Kawasan di DUN Kahang merupakan kawasan yang 100% Barisan Nasional, dengan izin. Semuanya penyokong kerajaan Barisan Nasional, bukan macam DUN-DUN yang lain, di kawasan-kawasan parlimen yang lain, tetapi banyak sangat peruntukan disalurkan kepada kawasan-kawasan yang kita sudah kalah, tetapi kawasan yang kita sudah menang tidak ada, seolah-olah tidak ada bajet. Jadi saya amat berharap, khususnya di daerah Kluang ini, berilah fokus kepada kawasan-kawasan yang kita menang, di mana rakyatnya menyokong kerajaan Barisan Nasional, tambahkan peruntukan, jangan hanya memberi fokus memandangkan kawasan itu berada di tengah-tengah bandar Kluang, jangan hanya memberi fokus kepada kawasan tersebut, tetapi kawasan luar bandar juga harus di naik taraf, diperkasakan, rakyat di sana juga adalah orang yang setia kepada kerajaan, menyokong kepada kerajaan dan juga pembayar cukai. Jadi, rakyat-rakyat di kawasan luar bandar juga tidak harus dipinggirkan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa dah cukup Yang Berhormat.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini akhirnya sekali saya ada satu pantun khas kepada Pihak Pembangkang, kerana dalam Bajet ini, apabila membentangkan mengenai Bajet-Bajet dan juga usul-usul di Dewan ini, banyak isu-isu yang dibawa oleh Pembangkang hanya mengkritik kerajaan, seolah-olah apa yang dibuat oleh kerajaan semuanya tak betul. Tetapi sebagai seorang Pembangkang, kita haruslah memberi *constructive criticism,* rakan-rakan kita saya rasa mereka faham, haruslah memberi *constructive criticism,* supaya kita dapat sama-sama membina Negeri Johor ini menjadi sebuah Negara yang maju. Jadi, di kesempatan ini saya ada satu pantun yang saya pernah buat sedikit masa yang dulu, iaitu; Anak petani memakan tebu, memakan tebu di tepi pantai, kata-kata Pembangkang hanyalah seperti debu, sekali ku jentik, aduhai terus berkecai. (Dewan bertepuk)

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya dengan kata-kata itu, saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa, sekian terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih, jemput yang lain. Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini. Saya bangun menyampaikan suara akar umbi, yang meminta saya sampaikan di Dewan yang mulia ini sebagai respons rakyat di atas Pembentangan Bajet 2011 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 11 November yang lalu.

Sesungguhnya rakyat di akar umbi, khususnya di DUN Bukit Naning amat menghargai, bersyukur dan bertuah di atas nikmat pembangunan dalam pelbagai bidang serta kemakmuran yang di kecapi dan dinikmati oleh kita semua sepanjang 53 tahun menghirup udara merdeka yang diterajui oleh Kerajaan Barisan Nasional. Rakaman penghargaan, terima kasih dan kesyukuran di atas keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional dalam membela nasib bangsa, sejajar dengan strategi Bajet yang dirangka dari tahun ke tahun dengan tumpuan khusus kepada usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ianya merupakan misi dan agenda pembangunan yang tidak ada noktahnya dan tidak pernah luntur dalam ingatan dan impian Kerajaan Barisan Nasional. Tahniah, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas Pembentangan Bajet 2011, yang berteraskan kepada Tema Bajet iaitu, Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat. Ianya diperkukuh dengan rangkuman Lima Strategi seperti yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, semasa

Pembentangan Bajet tersebut. Dengan kata-kata lain, inilah Bajet rakyat yang sewajarnya disambut baik oleh semua lapisan rakyat di Negeri ini.

Saya berharap pembangkang yang ada di Dewan ini, berhentilah daripada mainan politik kotor mereka. Berhentilah daripada propaganda kotor mereka dengan memutar belit kenyataan dan fakta yang mengelirukan rakyat. Bagi rakyat yang rasional, tentunya akan mengiktiraf Bajet 2011 sebagai Bajet yang cukup komprehensif dan menyeluruh. Ianya merupakan kesinambungan perancangan pembangunan holistik Negeri Johor, yang diterapkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sejak mengambil alih pentadbiran Negeri sehingga kini yang telah membuktikan kejayaannya.

Saya melihat, Bajet 2011 sebagai persiapan Negeri Johor melangkah ke hadapan untuk mencapai tahap Negeri Maju serentak dengan impian Kerajaan Persekutuan, Malaysia Negara Maju 2020. Bagi Negeri Johor, Kerajaan Barisan Nasional amat prihatin dan sentiasa peka di atas nasib rakyatnya, di mana tradisi membangun rakyat menjadi agenda utama Kerajaan Barisan Nasional. Apalah maknanya, negeri maju jika nasib rakyat tidak terbela. Selaras dengan Tema Bajet, Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat, maka dengan jelas dinyatakan di dalam Bajet tersebut, bahawa Strategi Kedua iaitu meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, dengan tumpuan kepada golongan berpendapatan di bawah RM2,300.00 sebulan. Ini merupakan kumpulan 40% yang hendak dibela yang menjadi keutamaan Kerajaan Barisan Nasional dalam waktu kritikal menjelang 2020. Kumpulan sasaran ini hanya dapat keluar dari kepompong kemiskinan seperti yang pernah kita lalui oleh sebahagian besar Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya sendiri melalui pelbagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rancangan-rancangan pembangunan negara dan lain-lain. Dan pelbagai strategi oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Terbukti, terbukti Kerajaan Barisan Nasional berjaya melahirkan golongan cerdik pandai dan profesional serta melahirkan golongan kelas menengah baru. Hari ini dan untuk melangkah jauh ke hadapan Kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan usaha-usaha pembangunan secara inklusif menerusi Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Usahawan. Ianya merupakan agenda utama Bajet 2011 kerana strategi yang dilaksanakan sebelum ini terbukti berjaya.

Oleh itu, saya menggesa semua pihak yang telah menikmati kejayaan daripada dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional sama ada ianya dari kalangan ahli politik, usahawan, peniaga dan kakitangan kerajaan malahan dari kalangan pembangkang mestilah menyambut dan menyahut gesaan kerajaan supaya sama-sama berganding bahu, berusaha dan mencari jalan, bagaimana dapat kita meneruskan agenda pembangunan merubah suasana dan menaikkan taraf hidup rakyat terbanyak. Kita tidak hendak suasana yang aman dan kestabilan yang kita nikmati dan kecapi selama ini dicelarukan terus oleh pihak-pihak tertentu yang cuba menimbulkan suasana tegang dengan tujuan untuk meraih simpati dan sokongan rakyat kepada mereka. Berhentilah, berhentilah daripada membangkitkan isu-isu sensitif yang boleh menggoreskan perasaan sesama kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, itulah sebabnya saya mengambil peluang ini untuk respons sedikit pada ucapan Yang Berhormat Senai, yang mengatakan Bajet 2011

dianggap sebagai bajet yang mengelirukan. Kita nak tanya, siapa mengelirukan siapa? Dia memang tak faham dan tak akan mahu faham. Walau macam mana baik sekalipun bajet yang disediakan oleh kerajaan. Memanglah kerja pembangkang suka kepada kerja-kerja keliru-mengelirukan. Mengelirukan fakta, mencelarukan fikiran rakyat. Itu susah menjadi budaya politiknya. Yang diutamakannya ialah bagaimana hendak mengelirukan rakyat. Kerja putar belit fakta dan kenyataan. Itu kerja mereka. Mereka pakar betul. Apa tidaknya, fakta betul, dia kata tidak betul. Manakala fakta yang salah, dia kata betul. Bercelaru rakyat dibuatnya. Hari ini kita tengok mereka ditimpa dengan pelbagai kecelaruan. Dengan itu, adalah jelas dan nyata, fokus pembangkang bukan kesejahteraan rakyat diutamakan. Yang diutamakan ialah bagaimana hendak mengelirukan rakyat. Ini terbukti dalam pilihan raya yang lepas, 2008, di mana rakyat terperangkap, rakyat terjebak dengan jerat dan helah pembangkang. Hari ini rakyat yang terjebak menyesal tak sudah. Itulah tabiat pembangkang. 3 penyakit pembangkang yang jelas supaya kita berhati-hati dan mesti dijauhi daripada jangkitan virus ini.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Boleh saya beri laluan sikit?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ya Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya dengar dekat, lebih kurang 10 minit masih hentam pembangkang sahaja, tak ada apa-apa cadangan atau...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dia bukan hentam...

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Adakah itu ucapan yang sesuai?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, dia beri pandangan. Jemput Bukit Naning. Dah habis?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, itulah pendirian pembangkang apabila kita mengatakan dan menyatakan sesuatu yang benar, dia kat tidak benar. Jadi virus yang ada pada pembangkang ini, pertama, cakap tak serupa bikin, bagaimana yang dia cakap tadi tu. Kedua, putar belit fakta dan ketika bercakap menggunakan emosi dan persepsi dari kaca mata pembangkang. Cakap sedap mulut sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga hendak respons kepada beberapa perkara yang diungkit oleh Yang Berhormat Bentayan. Saya nak bagi amaran, mulut jangan celupar sangat ya. (Dewan bertepuk). Terutamanya ialah mengungkit isu yang agak sensitif yang membangkitkan Majlis Perbandaran Muar dan UMNO. Apasal dia ni nak sibuk-sibuk nak ambil tahu fasal rumah UMNO? Itulah satu-satunya bangunan milik UMNO, yang bermakna milik Melayu. Kalau dia bangkit lagi, menunjukkan dia ni seorang yang *racist*.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut Peraturan 45, 13 (a), mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tak baik kepada seseorang Ahli lain.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, Yang Berhormat sebut…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang tanah itu ialah tanah kerajaan. Tanah itu tanah kerajaan. Pihak UMNO Bahagian Bakri hanya membayar premium RM23,240.00 sahaja. Sepatutnya kita dirikan itu ialah bangunan untuk bangunan rakyat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang itu Yang Berhormat, itu kerajaan yang buat keputusan, berapa bayaran, dia dah bayar, Yang Berhormat tak boleh pertikaikan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Adakah…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, jemput duduk.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Adakah pihak yang lain boleh pohon macam itu?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bentayan, jemput duduk.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat, ini tak ada kena mengena dengan premium ke apa. Ini ada hak dan ini yang telah diberikan oleh kerajaan kepada UMNO.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bolehkah persatuan-persatuan mohon tanah-tanah kerajaan? Melalui ADUN Bentayan ke yang mohonkan?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, itu keputusan kerajaan. Rakyat boleh memohon. Persatuan ke pertubuhan boleh mohon, terpulang kepada kerajaan. Kalau kerajaan nak luluskan, dah setuju, kena terimalah. Jemput Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya rasa Yang Berhormat tak perlu ungkit. Kerana pembinaan rumah UMNO memenuhi syarat-syarat kelulusan yang telah diperaku dan diluluskan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Dia orang tu semuanya yang berkelayakan profesional. Kenapa hendak dipertikai? Kasihanlah saya tengok Yang Berhormat Bentayan ini. Nampak sangat yang pemikirannya cetek dan mindanya katik.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Takkanlah …

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Kawasan bangunan Bakri itu ialah di dalam DUN Bentayan. *So*, memang hak saya menuduh sebab jalan belakang, jalan lorong belakang itu sempit.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, itu terpulang. Nanti kerajaan boleh jawab. Jemput Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya merasa kasihan sangatlah dengan Datuk, apa ni, Yang Berhormat Bentayan ni. Dia mempertikaikan dari segi, bagaimana JPS nak cuci parit dan longkang di belakang rumah UMNO dan Sungai Bentayan. Sampai nak gunakan jentera atau mencipta satu jentera semacam helikopter. Takkanlah begitu sekali. Saya nak bagi tahulah kepada Yang Berhormat, bahawa kerja-kerja untuk pembersihan ini, memang dah jadi kerja lumrah pada pihak JPS. Dia tahu apa nak buat kerja, tak payah nak bawa helikopter untuk membersihkan sungai tu.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ya Yang Berhormat, apa lagi ni?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Nak apa lagi ni?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Bukit Naning, dia tak ada pergi, tak pernah pergi sana. Kita tiap kali pergi sana tengok…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, yang soal pergi sana, tak pergi sana...

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Sungai Bentayan sudah lama tak dibersihkan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bentayan, jemput duduk.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Ini kawasan saya juga.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Teruskan. Masa dah cukup.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bila Bukit Naning masuk ke Bentayan?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bentayan, jemput duduk. Jemput Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya wakil Bentayan ni tak faham. Oleh kerana sayalah satu-satunya Wakil Rakyat daripada Kerajaan Barisan Nasional yang mewakili Bakri. Kerana kebetulan Parlimen Bakri diwakili oleh rakan saudara. Dan Parlimen Bentayan, saudara sendiri. ADUN Bentayan saudara sendiri sementara Sungai Abong oleh wakil PAS, pembangkang juga. Jadi, saya terpaksa merangkumi keseluruhan Bakri. Dan saya seorang sahaja yang *survive* dalam pemilihan yang lepas. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, masa cukup Yang Berhormat. Bukit Naning, masa cukup.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Datuk Speaker, saya nak bagi tahu Yang Berhormat ni, kalau kita tak jual ya, UMNO tak jual kedai dan juga bangunan UMNO ni. Kita sewakan sahaja. Siapa nak sewa dan

mampu, bolehlah sewa. Untuk makluman Yang Berhormat, masih banyak lagi ruang-ruang kedai yang kosong. Kalau Yang Berhormat nak sewa, nak buka pusat khidmat di situ, tak ada masalah, asal sanggup bayar…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bentayan…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Buat bilik gerakan nanti Parlimen Bakri kat sana.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Apa nak lagi ni?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat Bentayan, jemput duduk.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Eh, duduklah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Apa lagi yang tak puas? Kalau nak beli, kita tak boleh, kita tak benarkan beli ya. Itu tak boleh. Jadi. Yang Berhormat Datuk Speaker, ujian seharusnya diberikan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang telah banyak membantu menyelesaikan pelbagai masalah dan isu yang dibangkitkan. Kakitangan Kerajaan merupakan tulang belakang kepada kejayaan, pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Kita berharap, kita berharap dengan gerakan pelan transformasi kerajaan dan pelan transformasi ekonomi, ianya akan terus memperkasa kualiti dan integriti kakitangan kerajaan serta dapat meneruskan, meningkatkan KPI, menuju negara maju berpendapatan tinggi.

Rakaman pujian dan terima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan perlu saya sampaikan di Dewan ini sebagai tanda terima kasih dan kesyukuran daripada warga Bakri dan Bukit Naning khasnya dalam membantu menyelesaikan pelbagai masalah. Pertama, Pejabat Agama Islam Johor kerana meluluskan peruntukan tambahan yang diperakukan oleh JKR bagi pembinaan beberapa buah masjid di kawasan saya. Dengan kelulusan itu, tak perlulah projek tersebut di tender semula dan diharap dapat dilaksanakan segera. Terima kasih juga kepada pihak JKR kerana menurap semula jalan rosak di sepanjang Jalan Bakri dan Yong Peng terutamanya di kawasan Bukit Naning dengan peruntukan sebanyak RM3.5 juta. Ianya akan dilaksanakan di dalam waktu terdekat. Tak lupa juga rakaman terima kasih kepada ICU, Jabatan Perdana Menteri khasnya Jabatan Pembangunan Negeri yang menurunkan projek-projek PIA dan PIAS melalui Pejabat Daerah yang akan dilaksanakan tak lama lagi.

Bagi penduduk di Pekan Bakri, rakaman terima kasih dan bersyukur di atas pengesahan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa pembentangan Bajet bahawa tapak pelupusan sampah di Bukit Bakri akan ditutup dan dipindahkan ke tempat lain. Dengan keputusan kerajaan itu, dengan sendirinya akan menutup mulut pembangkang yang selalu sangat sibuk-sibuk cari publisiti murahan terutamanya Yang Berhormat Bentayan. (Dewan ketawa). Kononnya dialah yang memperjuang dan menyelesaikan masalah rakyat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau tak ada pembangkang dekat Muar tu…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, tak apa Yang Berhormat…

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Pusat pelupusan kat Bentayan tu takkan tutup.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Hai, tak habis-habis lagi dia..

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Kita pantau segala…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Bentayan, jemput duduk Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Akhirnya…

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Ini adalah… Banyak lagi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau banyak, banyak duduklah Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok 24 November 2010 jam 9:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETUJUH	RABU, 24 NOVEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan diteruskan.

Jurutulis: SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Pihak MBJB dan MPJBT telah menubuhkan beberapa banyak 'Badan Pengurusan Bersama' bagi Rumah Pangsa/Apartmen atau Kondominium atau rumah kedai bertingkat dalam kawasannya dan apa masalah dihadapi dan cara menyelesaikannya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai latar belakang Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007 ataupun Akta 663 yang mula dikuatkuasakan pada 12 April 2007 di Semenanjung Malaysia telah memperkenalkan entiti pengurusan bagi bangunan berstrata ini yang dikenali sebagai Badan Pengurusan Bersama atau dalam Bahasa Inggerisnya, *Joint Management Boarding,* dengan izin ataupun ringkasnya JMB. JMB adalah merupakan badan pengurusan yang terdiri daripada pihak pemaju dan para pemilik ataupun pembeli petak di dalam satu-satu bangunan yang bertanggungjawab menyelenggara kawasan pemajuan tersebut yang bersifat sementara dan terbubar sehingga mesyuarat pertama Perbadanan Pengurusan ataupun *Management Corporation* ringkasnya MC diadakan.

Apabila mesyuarat pertama MC diadakan dan ahli jawatankuasanya yang dikenali sebagai Ahli Majlis Dilantik, penyelenggaraan kawasan pemajuan tersebut akan berpindah kepada MC tadi. MC dianggotai oleh pemilik-pemilik petak tanpa adanya pemaju. JMB merupakan badan sementara yang ditubuhkan dan terbubar apabila MC mengambil alih pengurusan. Bagi kawasan kemajuan yang telah pun dibangunkan sebelum penguatkuasaan Akta 663 ini iaitu sebelum April 2007 dan belum mempunyai MC lagi, maka JMB perlulah ditubuhkan. JMB ini akhirnya akan bertukar kepada MC juga. MC ditubuhkan di bawah Akta Hak Milik Strata ataupun Akta 318 di bawah pentadbiran Pejabat Tanah dan Galian Negeri dan kementeriannya ialah Kementerian Sumber Asli.

Bilangan JMB akan terus berkurangan Yang Berhormat Dato' Speaker dari semasa ke semasa kerana ia ditukarkan kepada MC. Antara sebab-sebab JMB tidak dapat

ditubuhkan adalah kerana tidak ada kerjasama ataupun komitmen daripada tuan punya ataupun penduduk dan pemaju ataupun pemaju dan pembeli tidak dapat dikesan, pemaju gulung tikar, masalah-masalah perundangan dan lain-lain. Dalam menangani masalah yang dibangkitkan oleh pemilik petak, Bahagian Pesuruhjaya Bangunan ataupun *Commissioner Of Building* ringkasnya COB berperanan sebagai penyelaras aduan berkenaan pengurusan bangunan strata yang diterima daripada pemilik petak, pemaju dan Badan Pengurusan Di bawah Skop Kuasa Akta 663. COB akan bertindak sebagai perantara dalam pertikaian yang berkaitan dengan akaun penyelenggaraan bangunan dan hal-hal pengurusan harta bersama JMB sebagaimana diperuntukkan Akta 663 itu.

Untuk makluman sehingga 31 Oktober 2010 sebanyak 56 Badan Pengurusan Bersama ataupun JMB telah ditubuhkan di kawasan Bandar raya, manakala di kawasan Johor Bahru Tengah, 40 JMB telah ditubuhkan. Dan antara aduan dan masalah ditimbulkan oleh JMB kepada COB adalah masalah berkaitan pentadbiran dan pengurusan seperti:-

1. Pertikaian, tentang JMB, MC, agen-agen yang dilantik dan lain-lain.
2. Aduan berkaitan penubuhan JMB atau MC.
3. Yang selalunya masalah yang timbul ialah berkenaan dengan duit, iaitu isu kewangan berkaitan dengan kadar caj penyelenggaraan juga *Sinking Fund,* dengan izin.
4. Aduan kerosakan harta bersama seperti padang permainan kanak-kanak, koridor, tangga, petak meletak kenderaan dan rumah sampah.

Dan dalam menangani permasalahan ini terdapat beberapa penyelesaian-penyelesaian juga yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan antaranya ialah:-

1. Misalannya bagi kes-kes yang melibatkan pertikaian dan tidak ada kuasa diperuntukkan dalam Akta 663, maka PBT mengadakan rundingan antara pihak-pihak yang terlibat dengan pertikaian tersebut. Keputusan yang dicapai adalah berdasarkan persetujuan dan rundingan yang dijalankan berdasarkan kepada persetujuan yang teramai.

2. Kes-kes yang diperuntukkan dalam Akta. Untuk kes-kes ini tindakan adalah berdasarkan Peruntukan Akta 663. Walau bagaimanapun bagi tujuan penguatkuasaan Akta seperti membuat pendakwaan, mengenakan kompaun atau mengenakan sitaan masih belum boleh lagi kita laksanakan oleh COB kerana kekangan perundangan, dan perkara ini dalam perhatian dan masih lagi dalam perhatian dan tindakan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Oleh kerana MC merupakan badan yang kekal maka perlu ada satu *platform* dengan izin, bagi MC menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam pengurusannya. Lembaga Hak Milik Strata akan ditubuhkan dalam masa terdekat di peringkat negeri sebagaimana diperuntukkan di dalam Bahagian 9 Akta Hak Milik Strata 1985 ataupun Akta 318. Bagi seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker menyelesaikan isu-isu dan pertikaian yang ditimbulkan oleh tuan punya-tuan punya petak dan MC. Dalam pada itu jika ada mana pihak atau individu yang terkilan dengan apa-apa perbuatan atau

keputusan *Commissioner Of Building* ini tadi, ataupun Pesuruhjaya Bangunan COB bolehlah membuat rayuan dalam masa 14 hari. Ini di bawah Akta Peruntukan Dalam Akta 663 kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana Seksyen 41 Akta tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya mengenai dengan tindakan MC ini yang kadang-kadang tidak mengambil tindakan yang sewajar terhadap peranan untuk mengawal selia bangunan-bangunan ataupun rumah pangsa apartmen atau kondominium. Jadi, saya mengambil contoh di Taman Daya dah empat tahun maknanya perbincangan diadakan tetapi masalahnya MC ini kadang-kadang dia tak *comply* dengan izin, yang telah disyaratkan terhadap masalah yang disyaratkan terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk, sebagai contoh tempat pembuangan sampah, *repair.* Tapi apakah tindakan tadi dah terangkan tak boleh ambil tindakan dan sebagainya. Ini akan berterusan sehinggakan penduduk ataupun pemilik apartmen, ataupun rumah pangsa ini menjadi tanda tanya, siapakah seharusnya memainkan peranan. Kita tahu bahawa ini tugas-tugas MC, tapi Pihak-Pihak Berkuasa tidak boleh nak mengambil tindakan terhadap masalah yang dihadapi oleh pihak MC. Begitu juga dengan keadaan kewangan, ambil tak ada yang pantau. Jadi saya minta ini dapat dijelaskan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, atas pertanyaan yang ditimbulkan oleh Puteri Wangsa tadi, saya dah jelaskan tadi bahawa kita ada dua set undang-undang. Sebelum ini satu di bawah Akta Hak Milik Strata yang tertubuh 1985, satu lagi Akta Bangunan dan Harta Bersama yang terbaru Akta 663, 2007. Yang tahun 85 ini di bawah bidang kuasa Pengarah Tanah Galian, yang tahun 2007 punya yang Akta yang terbaru adalah di bawah kuasa *Commissioner Of Building* COB itu tadi, iaitu di bawah kuasa PBT. COB ini adalah terdiri daripada YDP ataupun Datuk Bandarlah bagi kawasan Bandaraya. Berkenaan dengan MC, *Management Corporation,* MC-MC ini selalunya bangunan-bangunan yang siap selepas akta ini dilaksanakan, itu mudah pelaksanaannya. Tapi permasalahan timbul apabila sebelum akta ini diperundangkan dan yang tertakluk kepada Hak Milik Strata Tahun 1985. Ini merupakan kondominium-kondominium atau bangunan-bangunan bertingkat yang lama ini, yang telah pun ada MC.

Tetapi walau macam mana pun sebab itu saya katakan bahawa berkenaan dengan pelaksanaannya, pemantauannya di peringkat negeri pun saya dah mintak supaya Kerajaan Tempatan mengadakan satu urus setia khas untuk menyelaraskan kedua pelaksanaan undang-undang ini, akta ini yang satunya di bawah Pejabat Tanah yang satunya di bawah apa ini Pihak Berkuasa Tempatan, supaya penyelarasan kuasa antara dua jabatan ini dapat diselaraskan di peringkat urus setia di Kerajaan Tempatan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, itu satu yang saya dah mintak supaya ditubuhkan.

Dan yang keduanya apa-apa permasalahan pun yang timbul seperti yang dibangkitkan oleh Puteri Wangsa yang kalau pemilik petak ataupun mereka yang

tinggal dalam rumah yang bertingkat ini, bangunan yang bertingkat ini tidak puas hati dengan prestasi MC di bawah Akta yang terkini 2007, yang seperti saya sebutkan tadi iaitu di bawah Seksyen 40 kalau tak silap saya bolehlah dirujukkan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Pihak Berkuasa Negeri inilah iaitu urus setia di peringkat Setiausaha Kerajaan itu nanti yang akan menyelaraskan antara 2 Akta ini supaya perjalanan pentadbiran rumah pangsa, kondominium dan sebagainya memberikan lebih keselesaan hidup kepada mereka yang tinggal di bangunan-bangunan yang tinggi-tinggi ini.

Y.B. Dato' Speaker : Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker. Untuk menubuhkan JMB ini biasanya dilakukan, dilaksanakan pada peringkat awal oleh COB, *Commissioner of Building*, di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pemaju. Tetapi, ada pihak-pihak pemaju yang gagal untuk menubuhkan JMB sehingga, walaupun tempat ataupun perumahan tu telah pun diduduki selama lebih daripada 5 tahun. Dan, pada ketika itu juga, dia hanya mengambil ahli-ahli bukan terdiri daripada pembeli rumah. Dia mengambil daripada ahli-ahli yang hanya membayar akan pengurusan awal semasa dikendalikan oleh pemaju. Kalau mereka ini tidak membayar kepada pemaju pada peringkat awal dia tidak boleh dijadikan ahli walaupun mereka sebagai pemilik rumah di situ. Saya ingin tahu apakah tindakan kerajaan terhadap kelewatan pihak pemaju seperti ini untuk menubuhkan JMB? Kerana kalau tidak ditubuhkan JMB maka sudah tentulah pihak-pihak pengurusan di dalam perumahan ini menimbulkan berbagai-bagai masalah. Saya mengambil contoh seperti di kawasan perumahan Desa Kempas. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah satu daripada yang bermacam-macam permasalahan yang timbul berkenaan dengan mereka yang tinggal dalam rumah yang berstrata iaitu dalam kes ini yang ditimbulkan oleh ADUN Kempas ialah berkenaan dengan tidak kecekapan pemaju dalam membentuk JMB. Kalau nak ikut Akta yang ada sedia ada, Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah Seksyen 3(2) COB tertakluk kepada arahan, apa-apa arahan am atau khas Pihak Berkuasa Negeri, Pesuruhjaya eh dalam Bahasa Melayunya. Hendaklah menjaga pentadbiran Akta ini makna keseluruhannya dan Bahagian 6 dan 7 Akta Hak Milik Strata 1985 dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas lain yang dikenakan dan boleh menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta Hak Milik Strata 1985 ini. Makna kuasa Pesuruhjaya luas dalam, dalam, dalam kes ini. Dia dua-dua Akta ni, Suruhanjaya Organisasi COB ini mempunyai kuasa. Sekarang timbul pelaksanaannya mekanisme untuk melaksana sebenarnya. Sebab itu tadi, saya cakap perkara ini pun masih lagi untuk pelaksanaan dalam tindakan KPKT untuk mengadakan kaedah-kaedahnya. Sebab itu, di peringkat saya sebut tadi masih belum dilaksanakan kerana kekangan perundangan dan perkara ini dalam perhatian dan tindakan pihak Kementerian Perumahan. Kerana di bawah Akta ini, dia membolehkan juga COB itu, Pesuruhjaya membawa kes-kes umpama ini ke mahkamah. Dia boleh bawa.

Jadi, sebab itu saya kata kita perlu tubuh satu *platform* di peringkat negeri sebuah urus setia yang mengendalikan urusan 2 pegawai yang dilantik di bawah jabatan yang berlainan, Kementerian yang berlainan untuk menyelaraskan kerja di peringkat urus

setia, yang terdekat ni kita akan tubuhkan itu dulu. Dan, apa-apa peringkat perundangan dalam di Negeri Johor belum ada satu kes lagi pun yang kita bawa ke mahkamah. Belum lagi, belum ada, belum ada contoh ni lagi dan kita perlu mengambil langkah pertama dengan membawa mereka yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas itu kalau betul-betul sahih memang boleh dibawa ke mahkamah tapi perlu dirujukkan kepada Penasihat Undang-Undang. Dalam kes ini kita akan minta persetujuan supaya dirujukkan, persetujuan daripada Kementerian untuk dirujukkan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri kerana kalau nak rujuk pada LA di peringkat KPKT tentu akan memakan masa yang lama. Jadi, ni perkara-perkara yang saya masih tengok dan kita akan laksanakan insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, jemput.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah langkah kerajaan bagi memastikan penglibatan pihak swasta dalam menjayakan program 1Malaysia khasnya untuk mengukuhkan semangat perpaduan dan keharmonian antara kaum.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh tentang Program 1Malaysia dan penglibatan pihak swasta, saya ingin beri sedikit penjelasan dulu tentang konsep 1Malaysia ini iaitu 1Malaysia adalah 1 gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. 1Malaysia menekankan sikap penerimaan di kalangan rakyat berbilang kaum di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, sesungguhnya kerajaan amat mengalu-alukan penglibatan pihak swasta bagi bersama-sama memikul tanggung jawab bagi menjayakan konsep 1Malaysia ini melalui program-program 1Malaysia yang dijalankan khususnya dalam hal ini ialah oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak jabatan melibatkan pelbagai pihak swasta dalam menjalankan program-program yang dianjurkan oleh jabatan. Sebagai contoh, baru-baru ini Karnival Perpaduan 1Malaysia telah dilangsungkan selama 4 hari dari 15 hingga 18 Julai di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Pelbagai acara, aktiviti yang dilaksanakan sepanjang karnival tersebut. Antara yang menjadi tarikan bagi menggalakkan penyertaan pihak swasta adalah dengan memberi ruang dan juga gerai pameran, jualan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak swasta tersebut dalam program tersebut.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, secara tidak langsung dengan cara demikian pihak kerajaan memberi satu galakan yang positif kepada pihak swasta untuk bersama-sama dalam menjayakan Gagasan 1Malaysia yang mana orang ramai yang berkunjung terdiri daripada pelbagai pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lagi satu perkara yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan peranan pihak swasta dalam menjayakan Konsep 1Malaysia ini adalah tanggungjawab sosial korporat ataupun dengan izin, *Corporate Social Responsibility*, di mana pihak swasta turut dilibatkan dalam membantu rakyat-rakyat, rakyat yang memerlukan bantuan supaya mereka juga ada peranan dalam menjaga keharmonian dan kepelbagaian negara ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam jawapan daripada EXCO, kita telah dengar bahawa penglibatan pihak swasta itu tidak begitu banyak dalam sektor perpaduan ataupun program-program 1Malaysia. Saya tidak faham apalah sebabnya kerajaan tidak boleh menggalakkan lagi dan mengadakan banyak-banyak program kerana polisi kerajaan sekarang adalah untuk melibatkan sektor swasta sepenuhnya dalam pembangunan negara dalam semua aspek. Oleh itu, apakah pihak kerajaan boleh mengadakan sesi perbincangan dan dialog dengan sektor-sektor swasta ini termasuk juga GLC supaya kita boleh mengadakan, merancang lebih banyak program untuk mengadakan program-program 1Malaysia bukan sahaja karnival dan sebagainya sahaja tetapi di bawah *Corporate Social Responsibility*. Mereka boleh mengadakan program-program di kawasan masing-masing sendiri di mana kita boleh seperti Pasir Gudang di mana kawasan industri adalah sebegitu besar di kawasan itu. Kemungkinan kerajaan boleh bersama dengan pihak swasta mengadakan program-program tetapi banyak program ataupun sesi-sesi dialog perbincangan perlu diadakan. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas soalan tambahan dari ADUN Permas. Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya dah sebut bahawa penglibatan pihak swasta ini kita libatkan dalam aktiviti-aktiviti. Sebelum ini, katalah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional buat program, selalunya program ini menjurus kepada program jabatan sahaja, tiada terlibatkan penglibatan pihak swasta dalam program-program tersebut. Tetapi, sekarang kita melibatkan pihak swasta seperti mana saya sebut tadi, datang untuk menyertai karnival-karnival tersebut dan seperti mana cakap, yang disebut oleh Yang Berhormat Permas tadi, mereka ni bukan sahaja datang menyertai aktiviti dan karnival semata-mata. Penglibatan mereka ini terserlah Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bagi satu contoh, baru-baru ini semasa perayaan Hari Deepavali kita pihak MIC Negeri ada membuat satu program penyerahan bungkusan kepada 110 orang keluarga miskin di…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Beliau sepatutnya bukan mewakili MIC tetapi Pengerusi di Dewan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Memberi jawapan untuk kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bagi contoh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tak boleh menyentuh, dia menyentuh, bebas, Yang Berhormat nak cakap parti tu tak ada hak. Itu hak dia, tak jadi kesalahan. Dah memang dia MIC, biasalah Yang Berhormat. Yang Berhormat janganlah menyampuk, ikut Peraturan tak boleh menyampuk. Ok, teruskan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam program tersebut, pihak-pihak yang menaja bungkusan-bungkusan untuk keluarga-keluarga itu saya bagi contoh 3 syarikat utama di antaranya *TESCO, Carrefour*.

Y.B. Dato' Speaker : *JUSCO*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: PLUS.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, PLUS.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Ketiga-tiga pihak ini Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh PLUS. Apa yang kita tahu PLUS ini adalah satu pihak swasta yang terlibat dengan pungutan tol. Tetapi, atas dasar CSR ini mereka sanggup untuk menaja bungkusan-bungkusan untuk disampaikan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan. Jadi, ini secara jelas menunjukkan betapa penglibatan pihak swasta dalam melaksanakan Program 1Malaysia. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Wah, ok Parit Yaani, *last*.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya amat bangga oleh kerana pihak kerajaan telah menjalankan berjenis-jenis program untuk menjayakan konsep 1Malaysia. Saya ingin nak tahu, sehingga hari ini apakah kesan positif terhadap program-program yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Dan, adakah pihak kerajaan menggunakan cara dengan tidak boleh tidak supaya pihak swasta dapat galakan dan insentif yang lebih menggalakkan kepada mereka supaya program akan dijalankan dengan lebih efektif dan berkesan baik. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Yang Berhormat Dato' Speaker, 1Malaysia ini merupakan satu konsep. Konsep dalam erti katanya ianya perlulah ditunjukkan melalui sikap dan cara-cara kita berinteraksi, berhubungan dan juga bergaul di antara satu sama lain. Tapi, untuk menjawab soalan daripada ADUN Parit Yaani, bahawa kita tidak boleh memaksa

pihak swasta untuk menjalankan sesuatu aktiviti berkonsepkan 1Malaysia. Sebaliknya ianya perlu datang dengan sendiri. Dan, apa yang saya sebutkan tadi ialah sesuatu yang tidak diminta sebagai contoh pihak-pihak yang saya sebutkan tadi, kita tidak merayu, kita tidak memaksa mereka untuk membantu, tetapi mereka rela. Jadi, apabila kenapa perkara kerelaan ini tidak ada sebelum ini, kenapa sekarang ada. Jadi, jawapannya adalah kerana kejayaan konsep 1Malaysia ini telah memberi kesan kepada pihak swasta bahawa kami juga mempunyai *Corporate Social Responsibility*, dengan izin, untuk membantu pihak-pihak yang memerlukan. Itulah kejayaan yang saya boleh kata daripada perkara ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Haji Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Permohonan untuk pecah tanah memakan masa terlalu lama dengan kos yang tinggi. Adakah kerajaan ingin mengkaji semula kadarnya atau ada kaedah lain untuk menyelesaikannya atau langkah-langkah mudah untuk memprosesnya.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sungai Abong berkaitan dengan apa yang dirujuk pecah tanah. Di mana Yang Berhormat ada mengatakan bahawa tempoh masa untuk tujuan pecah tanah agak lama dan keduanya kos adalah tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjelaskan perkara ini : -

1. Istilah pecah tanah. Mungkin istilah pecah tanah, istilah yang biasa digunakan oleh masyarakat yang membawa maksud secara formalnya ialah apabila tanah yang digunakan dalam bentuk pertanian nak ditukar kegunaannya kepada pembangunan. Mungkin dalam bentuk pembangunan bercampur di antaranya perumahan, perdagangan atau pun perkilangan. Biasanya pecah tanah ialah ke arah untuk sesuatu pembangunan.

2. Pecah tanah juga dibuat dalam bentuk daripada pertanian ke pertanian, di mana satu Plot tanah dipecahkan menjadi beberapa Plot. Itu juga, tapi sejenis daripada pertanian kepada pertanian. Misalnya daripada satu Plot pertanian menjadi tiga Plot pertanian. Dan, biasanya Yang Berhormat Dato' Speaker bahawa kalau ada Premium bayaran adalah pada paras yang nominal kerana dia tidak ubah kategori kegunaan tanah.

3. Pecah tanah dalam bentuk pecah bahagian di mana satu Plot tanah dipecahkan kepada beberapa bahagian untuk diagihkan kepada pemilikan yang berbeza. Itu juga oleh kerana dia daripada pertanian kepada pertanian tetapi menjadi beberapa plot maka bayarannya dalam bentuk Premium juga agak nominal.

Oleh itu, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Sungai Abong yang berkaitan dengan bayaran yang tinggi dan juga masa yang lama. Yang Berhormat

Dato' Speaker, izinkan saya untuk merujuk terlebih dahulu mengenai soal bayaran untuk sesuatu pecah tanah:-

1. Setiap permohonan untuk pecah tanah dikenakan bayaran sebanyak RM100.00 bagi satu hak milik. Tak kira sama ada 2 ekar ke, 500 ekar ke ataupun 1000 ekar. Maka permohonan dibuat untuk pecah tanah untuk permohonan tersebut bayarannya RM100.00. Ini mengikut peruntukan yang terkandung di dalam Pekeliling JPU 94 bertarikh 16 Disember 2004.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

2. Bayaran dalam bentuk Premium, Premium tanah. Dalam hal Premium ini Dato' Speaker, kalau saya ambil perubahan daripada pertanian dipecah untuk menjadi pembangunan, maka pembangunan itu di antaranya ialah perumahan, mungkin perdagangan, mungkin juga perkilangan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau itu berlaku maka Premium yang dikenakan adalah berdasarkan kepada Plot demi Plot pembangunan yang berlaku. Sebelum rumah dibina, maka di tapak rumah tu nak dibina dia dirujuk sebagai Plot. Katakan rumah unit yang pertama pada tapak Plot satu. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam pembangunan bercampur ni berbagai rumah. Ada rumah kos rendah, ada rumah kos sederhana, satu tingkat, berderet dua tingkat dan banglo dan seterusnya. Begitu juga perdagangan ada 2 tingkat dan ada juga 5 tingkat.

Jadi, mengikut keputusan yang dibuat oleh pihak kerajaan di peringkat negeri, maka setiap unit rumah tu ada kadarnya. Kalau saya nak ambil contoh sebagai contoh, kalau saya ambil contoh yang pertama, katakan di Sungai Abong, pembangunan daripada pertanian kepada campur, 5 ekar. Kita ambil pada 5 ekar tu ada syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak kerajaan sama ada rumah kos rendah, tanah lapang dan juga keperluan untuk katakan jalan dan parit dan seterusnya. Kita ambil pembangunan di situ secara kasar ialah katakan pada 5 ekar selepas ditolak keperluan-keperluan asas, 60 unit rumah berderet 2 tingkat. Jadi, untuk kalau itulah pembangunan yang berlaku pada baki 5 ekar tadi, maka pada 1 unit kosnya ialah rumah berderet 1 unit RM250.00 didarabkan dengan 60 rumah bermakna di situ premiumnya ialah RM150,000.00 pada pembangunan 5 ekar dalam bentuk daripada pertanian kepada pembangunan perumahan.

Dan, saya ingin menegaskan di sini bahawa Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut peruntukan di antara dalam konteks persekutuan ini, maka agihan sumber pendapatan kerajaan diagihkan sebegitu rupa, maka di peringkat Negeri ini sumber hasil kerajaan ialah pada tanah:

1. Cukai Tanah
2. Dalam bentuk Premium Tanah.

Jadi, satu sumber yang amat besar dia punya sumbangannya kepada hasil negeri ini sebenarnya dalam bentuk Premium. Itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan yang berlaku pada sesuatu tanah tadi membawa hasil kepada pihak kerajaan. Jadi, oleh yang demikian, jika sekiranya penggunaan tanah itu dalam

bentuk pembangunan komersial maka sewajarnyalah dia menjadi satu sumber kepada hasil Kerajaan Negeri. Sementara itu, kalau saya nak ambil contoh, ada contoh mungkin Yang Berhormat daripada Sungai Abong ambil contoh, katakan ada satu keluarga mempunyai 2 ekar tanah, pecah tanah untuk pembangunan, nak dibahagikan antara ahli keluarga sebagai contoh, 2 ekar. Daripada 2 ekar tu syaratnya mungkin ada jalannya, ada paritnya, maka baki mungkin mengikut saya punya kira-kira di sini secara kasar bahawa mungkin boleh buat kalau tak salah saya, 7 rumah di situ pada 2 ekar. Dan, satu rumah unit, satu rumah banglo seluas lebih kurang 10,000 kaki, baki.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau banglo di 2 ekar yang dipecahkan untuk keluarga, maka Premium yang dibayar untuk 7 unit banglo tadi ialah RM11,200.00 berdasarkan kepada 1 unit banglo Premium RM1,600.00. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sekadar menyebutkan untuk memberi gambaran tentang satu kos yang terlibat dan betapa pentingnya sumber Premium kepada hasil Kerajaan Negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi sumber bayaran yang terlibat dalam pecah tanah ini ialah bayaran ukur. Jadi, oleh kerana tanah itu dimiliki oleh swasta, sama ada syarikat ke ataupun individu, maka apabila berlaku satu pecah tanah, maka pemilik tanah perlu merujuk kepada Juruukur Profesional. Dan, Juruukur Profesional ini tertakluk kepada satu peruntukan Akta Lembaga Juruukur kalau tak salah saya, di mana ada kadar-kadar yang dikenakan untuk membuat ukuran. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, ada 3 sebenarnya bayaran yang perlu dibuat untuk pecah tanah.

1. RM100.00 untuk permohonan.
2. Dalam bentuk Premium.
3. Kos ukur.

Seterusnya saya nak beralih kepada tempoh masa. Mengikut Seksyen 197, Kanun Tanah Negara, ini satu amalan Negeri Johor yang agak unik. Kerana amalan ini, telah dibuat sejak tahun 70-an. Tak ada negeri di seluruh Malaysia ini membuat amalan ini apa yang dipanggil Serah Balik Kurnia Semula (SBKS)daripada Allahyarham pimpinan Tan Sri Othman Saat, satu yang agak bijak kerana memudahkan proses pecah tanah ini. Serah balik bermakna *Company* XYZ ataupun individu XYZ, dia nak pecah tanah dia daripada pertanian kepada komersial, maka serah balik kepada kerajaan, kerajaan melihat cadangan tersebut dan mengenakan syarat-syarat, lepas itu kurnia semula kepada pemilik tadi untuk pembangunan.

Dan, ini sejajar dengan peruntukan Seksyen 197, Kanun Tanah Negara yang menggunakan istilah Serah. Tapi, Negeri Johor telah takrifkan Serah ini dalam bentuk SBKS, dulu lagi. Kalau tidak, bermakna pengertian kepada SBKS ini Dato' Speaker, dalam konteks yang paling terkini ialah pemaju tadi, Syarikat XYZ membuat permohonan, diserahkan kepada YDP di kawasan pembangunan yang nak dilaksanakan. Dan, Yang Dipertua Majlis Daerah ataupun Perbandaran, akan memanggil apa dipanggil OSC (*One Stop Centre)*, dengan izin, istilahnya ialah Pusat Hentian Setempat. Maka Pusat Hentian Setempat ini mengandungi keahlian yang terdiri daripada Pengerusinya YDP, terdiri daripada Jabatan-Jabatan Tanah, JKR, Kesihatan, Ahli Majlis yang masuk dalam OSC ni, Bomba dan jabatan-jabatan yang

berkenaan dengan ada kaitannya dengan permohonan tersebut untuk melihat cadangan yang dibuat oleh XYZ tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, OSC ini dia bermesyuarat 2 kali sebulan. Makna setiap 2 minggu dia akan bermesyuarat. Oleh itu, jabatan yang berkenaan akan dapat maklumat tentang permohonan tersebut dan dalam tempoh 2 minggu akan bersidang secara bersama untuk melihat cadangan tersebut. Sewajarnya Dato' Speaker dalam tempoh 2 minggu, cadangan itu sepatutnya boleh dipertimbangkan. Dan kalau pun 2 minggu itu agak tak cukup, maknanya permohonan sampai pada minggu yang kedua, mungkin tak sempat untuk dimesyuaratkan dalam Persidangan mesyuarat yang berikutnya mungkin dalam mesyuarat kedua bulan yang tersebut dipertimbangkan oleh OSC ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam mesyuarat ini maka syarat-syarat yang dikenakan perlu dimasukkan di situ. Di antaranya kelebihan di Negeri Johor ni Dato' Speaker, itu sebabnya apabila ada permohonan masyarakat untuk termasuk misalnya, sekolah, maka ada peruntukan tapak untuk sekolah, hinggalah kepada keperluan untuk rumah ibadat, surau ke, masjid ke, ataupun rumah ibadat yang lain. Itu sebabnya bila ada permohonan, bila masyarakat tempatan tumbuh di situ, maka ada keperluan misalnya sama ada masjid, surau, ataupun ada perlu kepada kuil, maka sudah pun diperuntukkan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, maka selepas daripada dipertimbangkan dan ini istilah yang digunakan secara teknikal ialah apa dipanggil KM, (Kebenaran Merancang). Bila dia masuk kepada OSC tu, ialah untuk dia mendapat apa dipanggil KM (Kebenaran Merancang). Selepas KM diputuskan di peringkat OSC, maka diserahkan kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk melihat secara terperinci, selepas itu dihantar kepada Pengarah Tanah Galian, Pengarah Tanah Galian terus menghalusinya lagi, selepas itu PTG pula membawanya kepada Hasil Bumi dan seterusnya disahkan oleh pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dan Hasil Bumi ni Dato' Speaker dan EXCO pun bermesyuarat tiap-tiap minggu, tiap-tiap minggu, Hasil Bumi. Kalau pun ada cuti Raya Haji pun, kita tampung balik dengan, dengan hari, dengan mesyuarat tambahan...

Y.B. Dato' Speaker : Sampai malam.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Untuk memastikan bahawa sekurang-kurang kertas yang datang untuk tujuan ini, adalah dalam keadaan yang sentiasa terkini untuk diterima oleh Hasil Bumi. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, bila tengok proses ini, bermakna, saya ingin menegaskan di sini, memaklumkan bahawa, kalau pernah berlaku pada masa-masa yang lalu, mungkin memerlukan tempoh masa melampaui mungkin 6 bulan. Tetapi ingin saya maklumkan bahawa di Negeri Johor ini walaupun pembangunan 5 ekar ke, 2 ekar ke, 1,000 ekar ke, maka kita mempunyai komitmen untuk kelulusan muktamad dalam tempoh 3 bulan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau lambat, di antaranya sebab pihak profesional, syarikat XYZ tu mungkin tak memenuhi maklumat-maklumat untuk dipertimbangkan. Kita perlu kerjasama dan kita mengedarkan manual ataupun maklumat yang tepat kepada pemaju, kepada profesional, tak kira *Lawyer* ke, ataupun *Town Planner* ke, bahawa apa yang

diperlukan untuk permohonan, sepatutnya disediakan untuk pertimbangan OSC dan seterusnya di peringkat Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih kepada jawapan dari Yang Amat Berhormat. Saya ingin nak mengkhususkan kepada satu kes-kes pecahan untuk Lot-Lot individu yang biasanya bagi masyarakat yang bawahan ini, salah satu cara untuk kita memiliki rumah ataupun tanah dengan kita berkongsi, kita beli satu tanah pertanian yang murah, contohnya 10 ekar pun kita kongsi dalam 20 orang, kemudian kita mohon untuk di pecah dan dibahagi Lot-Lot kepada individu-individu dan masalah ini yang selalunya pengalaman, walaupun saya takde pengalaman, tapi pengalaman yang diceritakan oleh rakyat sekalian bahawa proses untuk memiliki Lot-Lot yang individu yang dipecah ini terlalu lama masa yang diambil. Walhal mereka-mereka yang memohon ini ialah terdiri daripada orang yang akan bersara, yang tak mampu hendak membeli rumah-rumah perumahan swasta dan inilah satunya cara, cara yang paling ekonomi, yang paling murah untuk dimiliki oleh rakyat-rakyat bawahan. Jadi saya ingin tahu, adakah cara boleh dipermudahkan lagi bagi kes-kes yang *special* seperti ini? Bukan untuk perumahan, bukan untuk pembangunan, apa perniagaan, untuk rakyat-rakyat bawahan memiliki tanah dan rumah dalam masalah tanah yang besar ni untuk di pecah-pecahkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah jelaskan mengenai proses di mana kita berkata bahawa dalam tempoh 3 bulan, rasa saya tempoh 3 bulan tak lah lama sangat, kerana dia punya prosedurnya jelas. Mungkin di peringkat keluarga, di peringkat individu yang nak pecah tanah ni, dia tidak ada kemudahan profesional, *Lawyer* ke, *Town Planner* ke untuk membantu dia. Walaupun begitu Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sudah pun mengeluarkan dalam bentuk edaran prosedur yang jelas untuk membantu permohonan ini memenuhi, memenuhi kandungan dan prosedur untuk dipertimbangkan. Maka dari segi kaedahnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah katakan tadi, *I mean* 3 bulan, sempena dengan wujudnya OSC. OSC ni sebenarnya ialah menjadi satu amalan di peringkat negara. Walaupun begitu, kita di Negeri Johor ni dah lama juga kita mencadangkan bahawa mengapa jabatan kerajaan perlu menimbangkan secara berasingan? Puas dah saya di peringkat Kerajaan Negeri sentiasa bertanya mengapa Pejabat Tanah dapat borang permohonan mengkajinya secara bersendirian, lepas tu diedarkan kepada BOMBA, BOMBA pula tengok. Kalau begitu caranya, maka dia akan masa bukan bulan agaknya, mungkin melampaui tahun. So, idea tersebut telah pun kita, kita *adopt* di Negeri Johor ni, kita kata, mengapa tidak jabatan-jabatan yang berkenaan di peringkat daerah bermesyuarat secara bersama. Akhirnya pendekatan itu dijadikan secara formal, menjadi apa dipanggil OSC, *One Stop Centre*. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, saya yakin walau betapa kecil sekali pun permohonan tersebut dan jika sekiranya pihak berkenaan menggunakan prosedur dengan melengkapkan permohonan dia tu dengan maklumat-maklumat yang cukup, maka kaedah yang

ada ni akan dapat memastikan permohonan itu dipertimbangkan secara muktamadnya dalam tempoh 3 bulan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun 1 ekar, walaupun 2 ekar di negeri ini, ianya sampai kepada Hasil Bumi di mana saya Pengerusikan. *That*, itu prosedurnya. Cuba Yang Berhormat Dato' Speaker bayangkan...

Y.B. Dato' Speaker : Hmm..

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Daripada Pejabat Tanah tadi...

Y.B. Dato' Speaker : Ya..

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Sampai kepada PTG, sampai kepada setiap isu tanah adalah di hadapan kami semua di mana saya Pengerusikan. Sampailah kepada disahkan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Walaupun prosesnya agak panjang melibatkan banyak pihak, tetapi oleh kerana suasana adalah *current*, permohonan-permohonan ini, insya-Allah, tidak banyak tertangguh, maka kita kata masih lagi dalam tempoh masa 3 bulan.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor mengezonkan mengikut kategori jenis penggunaan tanah supaya menyenangkan permohonan pecah tanah. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Jelas Yang Berhormat? Saya pun tak. Boleh ulang sekali lagi? Ulang, ulang, ulang.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan. Apakah perancangan kerajaan supaya mengezonkan kawasan mengikut kategori, mengikut jenis penggunaan tanah supaya menyenangkan permohonan pecah tanah. Contohnya, pertanian kepada perumahan?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia soalan asal...

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Cerita pecah tanah, permohonan yang dibuat berdasarkan untuk pecah tanah, dia bukan cadangan baru. Yang Berhormat cadang baru, boleh tak kerajaan buat. Saya ingat tak payah jawab. Yang Berhormat nak jawab tak? Tak, tak terlibat dengan soalan asal.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : *No,* sekadarkan saya nak jelaskan di sini untuk makluman Dewan. Sebenarnya, kita agak teratur jugak Yang Berhormat Dato' Speaker dari segi kegunaan tanah ni. Yang pertamanya, kalau di peringkat yang paling bawah sekali, maka kita ada Rancangan Tempatan (RTD), Rancangan Tempatan Daerah. Agak begitu *detail* sama ada untuk kilang ke, perumahan ke, ataupun untuk tanah lapang sekali pun. Kemudian, bila kita ada RTD, Rancangan Tempatan Daerah, kita ada juga

Rancangan Kawasan Khas. Tapi akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ada satu Jawatankuasa di peringkat yang tertinggi dipanggil Majlis Fizikal Negara. Majlis Fizikal Negara pun mengambil berat tentang kegunaan tanah seluruh negara. Jadi, pada hari ini, di antara yang agak, Majlis Fizikal Negara agak cemburu bagaimana pertanian sekarang ni mungkin diubah secara besar-besaran menjadi pembangunan. Jadi, kalau pembangunan melampaui kalau tak silap saya 50 ekar sekarang ini daripada pertanian kepada pembangunan, maka dia perlu dirujuk kepada Majlis Fizikal Negara dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Kita dah tiba pada peringkat tu Dato' Speaker, supaya negara ini dibangunkan secara teratur dari segi kegunaan tanah, maka termasuklah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi apa tu zon-zon yang sesuai untuk sama ada pertanian, ataupun untuk, untuk pembangunan yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Apakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti dan melaksanakan program Pembangunan Hartanah Wakaf untuk dibangunkan sebagai program pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan ummah dengan perincian projek mengikut daerah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ringkasnya JAUHA dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah membangunkan beberapa projek pembangunan hartanah wakaf yang bertujuan untuk meningkatkan sosioekonomi ummah. Antaranya melalui pakej rangsangan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Ke-9, pembangunan hartanah wakaf di Negeri Johor ini telah diluluskan dengan dua projek :

1. Pembinaan Rumah Perlindungan Wanita Teraniaya di atas tapak Masjid Taman Perling, Johor Bahru dengan keseluruhan kos projek menelan belanja RM10 juta. Pembinaan ini sudah hampir 97% siap dan dijangka dapat dimanfaatkan sepenuhnya pada awal tahun 2011 bagi memberi perlindungan, keperluan serta bimbingan kaunseling kepada wanita khususnya di Negeri Johor ini yang dikategorikan sebagai wanita teraniaya.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

2. Pembinaan Ruang Niaga dan Pusat Dialisis di atas PTD 30311 Mukim Simpang Kanan, Batu Pahat adalah satu lagi pembangunan di atas tapak wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor yang menelan belanja sebanyak RM8 juta. Tujuan utama projek ini adalah untuk menampung keperluan yang tinggi terhadap pesakit

yang menjalani rawatan hemodialisis yang menerima bantuan perubatan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor. Dan setakat ini, kemajuan projek adalah pada tahap 93% dan insya-Allah, kedua-dua bangunan ini akan diserahkan kepada Majlis pada 7 Disember yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah mengemukakan tiga projek utama iaitu:-

1. Pembinaan Apartmen 5 tingkat di atas PTD 25810 Mukim Pulai, Tapak Masjid Taman Perling, Johor Bahru.

2. Pembinaan Kompleks Fakir Miskin dan Ruang Industri Kecil dan Sederhana di atas Lot PTD 6203 Mukim Bandar Mersing, Mersing.

3. Pembinaan Ruang Niaga yang bertingkat dan Pusat Dialisis di atas tanah wakaf Masjid Kota Tinggi, Mukim Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi.

Ketiga-tiga cadangan projek tersebut telah dikemukakan di peringkat Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri dan hanya menunggu keputusan bagi meluluskan permohonan berkenaan.

Sementara itu Yang Berhormat Dato' Speaker, hasil kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia, projek pembinaan bazar wakaf rakyat telah disiapkan sepenuhnya. Peruntukan ini adalah dari Bajet 2010 Kerajaan Persekutuan yang diterima dengan jumlah RM20 juta bagi seluruh Malaysia untuk membangunkan projek kecil berimpak besar. Dan untuk Negeri Johor, Negeri Johor menerima RM2 juta daripada RM20 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan. Konsep bazar ini adalah gabungan dari beberapa unit kecil, premis perniagaan yang terletak di tapak masjid, bagi memberi peluang kepada asnaf, qariah masjid dan golongan miskin menjalankan perniagaan. Sebanyak 32 unit kedai telah diluluskan pembinaan di seluruh Negeri Johor dan pecahannya adalah seperti berikut: Daerah Johor Bahru, 5; Kulaijaya, 5; Batu Pahat, 4; Muar, 10; Segamat, 5; Mersing, 3.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Johor telah bersetuju untuk membina dan menyiapkan Kompleks Darul Ukhuwah saudara kita di atas tapak wakaf PTD116795 Mukim Pulai, iaitu di Taman Mutiara Rini, Johor Bahru seluas 10.62 ekar. Bagi kos projek pembangunan ini dianggarkan bernilai RM10 juta. Pembinaan ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan dan latihan kepada saudara kita yang memeluk Islam. Dengan adanya kompleks ini diharapkan akan lebih memudahkan usaha-usaha dijalankan bagi memberikan penjelasan dan kefahaman yang menjurus kepada pemantapan akidah dan ibadah golongan mualaf, saudara kita. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, jemput, Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih penjelasan Yang Berhormat EXCO, mengenai perancangan harta wakaf di Negeri Johor yang boleh menjana ekonomi dan pembangunan Negeri Johor.

Soalan tambahan saya, boleh tidak Yang Berhormat EXCO memberikan pecahan nilai harta wakaf di Negeri Johor ini, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih, soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Naning. Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat kira-kira 3,560 tapak tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri Johor, di seluruh Negeri Johor yang berkeluasan sebanyak 9,514. Tanah-tanah wakaf ini terbahagi kepada 5 kategori. Yang pertama, masjid, surau, sekolah agama, kubur dan wakaf am. Bagi masjid, bilangan masjid ataupun tapak yang dibangunkan dengan masjid adalah sebanyak 733, manakala surau, 1,337; sekolah agama, 653; kubur, 550 dan akhirnya wakaf am sebanyak 287.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini Majlis Agama Islam belum lagi membuat penilaian kepada harta-harta atau hartanah yang saya sebutkan tadi, namun demikian anggaran kasar yang dibuat oleh Jabatan Nilai Harta ini adalah dalam anggaran RM3 bilion - RM4 bilion. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa perbahasan telah selesai. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum perbahasan diteruskan saya ingatkan lagi Ahli yang nak berucap ikut masa saya eh. Oleh sebab kita esok tak ada Dewan, hari Jumaat disambung dan banyak lagi yang belum berucap, jadi minta kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk jaga masa. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan disambung sekarang. Jemput siapa nak berucap.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, semalam dah berucap, 10 minit.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, mengizinkan saya menyambung semula ucapan saya semalam yang tak habis-habis diganggu oleh Yang Berhormat Bentayan. (Dewan ketawa). Lepas ini Dato' Speaker kena kawal sikit Yang Berhormat tu…

Y.B. Dato' Speaker : Hem..

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Sebab saya awal-awal lagi saya dah kata semalam, kita harus berhati-hati dari jangkitan virus pembangkang ini yang cakap tak serupa bikin (Dewan bertepuk). Ikut sedap mulut sahaja, ganggu sana, ganggu sini. Virus Ketua Pembangkang telah pun menular kepada Yang Berhormat Bentayan ini, dahlah suaranya lembut, cakap pun tak dengar hujung pangkal, lepas tu saya tak pasti sama ada…

Y.B. Dato' Speaker : Ya, ada lebih baik Yang Berhormat tak dengar, kalau tak gaduh.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Lepas tu saya pun tak pasti sama ada dia bangun atau duduk.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Dahlah pendengaran, dan dari pendengaran, penglihatan saya ni agak kurang sikit, jadi…

Y.B. Dato' Speaker : Pasal Yang Berhormat pakai ini eh, pakai…

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Jadi Dato' Speaker, saya nak respons apa yang dibangkitkan pun susah. Bila saya baca laporan Verbatim barulah saya faham apa yang dikarutkan. Kita kena respons apa yang dibangkitkan. Kalau kita tidak jelaskan nanti rakyat lebih keliru, bayangkan kalau kita pun keliru, apa lagi rakyat. Kerja dia mengelirukan rakyat, supaya rakyat benci kepada Kerajaan Barisan Nasional. Saya akan menyambung ucapan saya yang tersangkut-sangkut semalam. Kalau masa dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker mengizinkan, saya respons, kalau tidak rakan-rakan saya akan merespons kepada apa yang…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, Yang Berhormat teruskan sahajalah apa yang cakap tu.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyampaikan rakaman terima kasih dan bersyukur di atas nikmat dan limpahan pembangunan yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin tempatan, bukannya pembangkang. Di atas beberapa projek besar yang telah dan sedang dilaksanakan di Parlimen Bakri, terutamanya di DUN Bentayan, Sungai Abong dan Maharani, itu kawasan pembangkang Yang Berhormat Dato' Speaker. Seperti projek tebatan banjir yang sedang giat dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Muar, yang menelan belanja berjuta ringgit. Di mana peruntukan sebanyak RM15 juta telah diluluskan dan sebanyak RM4.5 juta sedang dilaksanakan. Sementara itu peruntukan sebanyak RM6 juta telah digunakan untuk menurap semula jalan-jalan dan lorong-lorong di taman-taman perumahan termasuklah, termasuklah menurap semula jalan-jalan dan lorong-lorong di kawasan di mana Yang Berhormat ADUN Bentayan dan ADUN Sungai Abong tinggal.

Saya bangkitkan ini kerana rakyat di dalam kawasan pembangkang ini, tidak ada saluran untuk mereka sampaikan penghargaan dan kesyukuran mereka kepada kerajaan. Nak harap kepada Wakil Rakyat mereka menyalurkannya, jauh panggang dari api. Pembangkang ini tak pernah bersyukur…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ni masalah ke? Nak jawab? Macam nak jawab sahaja?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Tidak ini nak menerangkan bahawa apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Supaya dia faham. (Dewan bertepuk). Sebab itu kita pastikan, perhatikan, rezeki mereka ini tak bertambah. Sebut, mana ada projek yang disalurkan sepanjang 2 tahun 7 bulan mereka mewakili rakyat di kawasan mereka. Tak ada, *elek*.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Dengan izin, *elek* tu bahasa apa? (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Itu Bahasa Tamil Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dengan izin. *Ama*.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Pasal 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangkang ini cuci tangan kadang-kadang cuci mangkuk. Jadi dah tu dia *claim* pula kononnya dialah yang menyuarakan masalah rakyat, dan dialah yang selesaikan. Saya nak bagi tahu pembangkang semua, semua isu-isu dan masalah yang disuarakan oleh pembangkang sebenarnya kamilah yang awal-awal lagi membawa dan menyelesaikan masalah rakyat, yang kita bawa sama ada di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Daerah, mahupun di peringkat negeri atau nasional. Bila isu-isu dan permasalahan ini sampai ke atas, pemimpin di atas sama ada di peringkat negeri atau nasional akan turun ke bawah sesuai dengan semangat 1Malaysia, "Rakyat Di Dahulukan, Pencapaian Diutamakan". Macam Kerajaan Barisan Nasional selesaikan masalah banjir, dengan memberikan peruntukan yang besar kepada Majlis Perbandaran Muar seperti yang saya nyatakan tadi. Wakil Rakyat Barisan Nasional buat kerja dan menyelesaikan masalah rakyat, itu keutamaan kita. Pembangkang ada kerja lain, kerjanya ialah cari publisiti murahan, mengelirukan rakyat supaya bencikan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat pembangkang jadilah pembangkang yang kreatif dan konstruktif serta membina. Macam apa yang Ahli-Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional lakukan. Kita, kita bantah, kita bantai juga kerajaan, kita buat teguran tetapi teguran secara berhemah, kreatif dan konstruktif, teguran yang membina. Barulah kita dapat menyumbangkan idea dan pandangan untuk pertimbangan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyambut baik cadangan kerajaan untuk memulihara dan membangun hutan paya gambut di Ayer Hitam Muar, iaitu di kawasan saya yang mempunyai keluasan hampir 3,796 hektar seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa pembentangan Bajet. Ini merupakan pendekatan baru membangun sumber alam yang kaya di Bukit Naning. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Jabatan Hutan dan juga Unit Perancang Ekonomi di atas langkah berani bagi membangun, memelihara dan mengekalkan sumber alam yang amat berharga. Saya mengalu-alukan projek ini dengan harapan akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.

Tarikan ekopelancongan di sinilah letaknya satu-satunya kawasan Hutan Simpan Kekal, tanah gambut yang dalam keadaan asal dan asli yang boleh dijadikan pusat tumpuan kajian R&D dan menarik lebih ramai penyelidik menjalankan penyelidikan ke kawasan ini. Kelebihan kawasan ini juga sebagai kawalan banjir, di mana gambut sebagai *span* yang dapat menyerap dengan banyak semasa musim hujan dan dapat mengurangkan kesan banjir serta mengekalkan paras air dalam tanah.

Keutamaan lain ialah ianya bertindak sebagai sumber pengekalan kepelbagaian hayat, menjadi gudang di mana tersimpannya sumber semula jadi spesies pokok dan hidupan liar juga pelbagai spesies ikan laga…

Y.B. Dato' Speaker : Ikan apa?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Ikan Laga, ini Yang Berhormat Dato' Speaker, waktu kita kecil-kecil dahulu kita main di parit, cari ikan yang lepas tu kita buat pameran, berlawan dengan kawan-kawan kita untuk kita berlaga. Tapi hari ini, Ikan Laga ni dah tak ada. Jadi selain daripada itu, kawasan ini juga boleh dijadikan tumpuan penghijrahan burung-burung ke kawasan ini dalam musim-musim tertentu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi saya percaya apabila pembangunan kawasan ini menjadi kenyataan, saya percaya satu masa, satu ketika kawasan ini pastinya akan menjadi pusat tarikan pelancongan belantara. Secara tidak langsung limpahan projek tersebut boleh meningkatkan nilai tambah pendapatan penduduk setempat melalui projek inap desa, pemandu pelancongan dan penjualan hasil produk IKS tempatan. Saya berharap EXCO Pelancongan dan Jabatan Hutan dapat memfokuskan pendekatan yang lebih berkesan dan berdaya saing.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa cukup.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sedikit lagi nak akhir ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya mengambil kesempatan dalam perbahasan Bajet kali ini, saya mencadangkan :

1. Supaya dalam merancang *master plan* perlulah sebuah *resort* belantara dibangunkan di kawasan hutan paya gambut ini dengan mengekalkan status rizab tanah kepada hutan simpan kekal ini.

2. Menjenamakan semula kawasan hutan simpan ini kepada Hutan Paya Gambut Bukit Naning. Ini bagi mengelakkan kekeliruan jika nama Hutan Ayer Hitam, Muar dikekalkan kerana di Negeri Johor terdapat 2 Ayer Hitam. Yang satu lagi Ayer Hitam, Batu Pahat.

3. Kajian terperinci, bersepadu dan inklusif melibatkan Kerajaan Negeri dan pusat pengajian tinggi tempatan khususnya UTM dan UTHM ke atas sumber-sumber alam semula jadi yang mengandungi pelbagai spesies pokok dan hidupan liar serta pelbagai spesies ikan laga yang saya sebutkan tadi yang hampir pupus sebagai satu sumber kekayaan anugerah Allah kepada Negeri Johor Darul Ta'zim dimanfaatkan sepenuhnya.

Dengan ini saya memberi ruang kepada Yang Berhormat yang lain meneruskan perbahasan…

Y.B. Dato' Speaker : Bukan yang Berhormat beri, saya.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, sebelum. Siapa suruh bangun? Ahli Yang Berhormat sebelum diteruskan, bersama-sama kita yang kat atas sana ada 3 kumpulan. Yang pertama daripada kumpulan JUITA (Badan Amal Tenaga Isteri-Isteri Wakil Rakyat Negeri Johor) yang nak lihat suami-suami mereka berucap ataupun ada tak dalam Dewan ini. Jadi ini hari dia ada sama. Kedua, JPMM DUN Jorak, kawasan Jorak dan JPMM DUN Parit Raja. Itu dia. Lepas ini semua Wakil Rakyat, awak semua tanggung makan tengah hari. O.k., perbahasan diteruskan lagi. Siapa nak berucap. Jangan panjang.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih Dato' Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia saya diberi peluang untuk membahaskan ucapan Bajet Negeri Johor 2011 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada 11 November yang lalu. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah memilih tema "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat", sebagai menterjemahkan perlaksanaan Bajet Tahun 2011 yang begitu padat dan jelas kandungannya. Sambungan kepada landasan pelaksanaan Bajet pada tahun-tahun sebelumnya, dan ianya sesuai dan seiring dengan dasar Kerajaan Pusat pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam usaha kerajaan melaksanakan proses transformasi yang meliputi aspek sosial, politik dan ekonomi negara, pihak kerajaan perlulah menterjemahkan melalui tindakan supaya rakyat akan faham dan seterusnya memberikan sokongan di dalam usaha membangunkan dan sebuah negara yang maju dan membangun mengikut acuan dan sangat sesuai pada zaman menjelang 2020. Pada masa ini, beberapa tindakan proses transformasi telah pun kerajaan laksanakan seperti yang kita lihat di dalam kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar amnya, dan Nusajaya khasnya.

Contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker, penempatan semula kampung-kampung nelayan seperti Tebing Runtuh dan Kampung Pendas Laut yang kini memiliki rumah banglo. Proses pengurniaan tanah pertanian dan penempatan bagi menangani masalah setinggan dan pemindahan rumah-rumah PPRT yang sesuai. Meningkatkan

ilmu kemahiran bagi belia-belia seperti program BERTAM, Belia Mahir yang telah pun dilaksanakan sejak 2008. Penyediaan latihan bimbingan untuk Orang-Orang Asli di dalam bidang kemahiran sektor pembinaan bangunan, landskap hiasan taman sebagai persiapan awal langkah, sebagai persiapan awal untuk memenuhi permintaan prasarana kerja mahir di dalam kawasan pembangunan. Program tahunan Celik al-Quran yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah tadika KEMAS yang terpilih di kawasan Nusajaya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada syarikat GLC, UEM Land yang menaja program ini sejak 2009 lagi. Subsidi bulanan sebanyak RM200.00 kepada para nelayan. Skim bantuan kerajaan ini tidak termasuk subsidi minyak. Bantuan bulanan sehingga RM300.00 kepada orang-orang miskin, orang-orang kurang upaya juga telah dilaksanakan melalui program *Focus Group*. Pembangunan sukan melalui beberapa pembinaan gelanggang pelbagai guna yang mengandungi gelanggang futsal, bola jaring, sepak takraw sebagaimana di kampung-kampung dan taman-taman perumahan yang terpilih dibina melalui Kementerian Belia dan Sukan dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Padang bola sepak tak ada?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Bola sepak, ada Yang Berhormat Dato' Speaker, ini menyeluruh. Pusat didikan kanak-kanak, orang-orang dewasa istimewa di setiap DUN melalui Khidmat Dalam Komuniti bagi meringankan beban ibu bapa dan peniaga di dalam menguruskan kehidupan mereka. Dan hari ini tepat pula masanya Pengetua-Pengetua daripada PDK ada bersama-sama Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Isteri Yang Berhormat, ada?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ada, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, padanlah *aksen* cakap (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Pembinaan kem pekerja asing telah pun disediakan di satu penempatan bersepadu yang telah dibina di atas tanah berkeluasan 15 ekar dan boleh memuatkan sehingga 5000 orang pekerja-pekerja asing. Perkara yang disebutkan di atas tadi ialah usaha kerajaan dan mempertingkatkan modal insan yang dapat memperbaiki kehidupan masyarakat dan seterusnya kesejahteraan negara. Manakala bidang ekonomi pula, beberapa langkah yang telah diambil seperti kewujudan pembangunan bertaraf mega seperti Bandar Medini, SILC, taman-taman perumahan, taman-taman tema, universiti, kolej bertaraf antarabangsa, pusat membeli belah dan sebagainya telah memberi peluang perniagaan kepada kontraktor-kontraktor pembinaan, pembekalan perkhidmatan dan sebagainya. Kesan ekonomi hiliran daripada pembangunan di atas ialah peluang pekerjaan, perniagaan makanan, perhotelan, pelancongan dan sebagainya. Penubuhan koperasi setempat dapat dijadikan satu mekanisme sebagai kenderaan ekonomi yang melibatkan masyarakat setempat. Dan di Nusajaya kita dah buat dah iaitu satu pekan yang dinamakan S.O.B.B…

Y.B. Dato' Speaker : Apa?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : S.O.B.B.

Y.B. Dato' Speaker : Apa tu?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Semua Orang Boleh Berniaga. Jadi tempat ini, sewa dia murah Yang Berhormat Dato' Speaker, satu malam RM6.00. Dan hari ini, nampak keadaan tempat itu makin bertambah baik. Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker ada masa, sekali-sekali bolehlah datang untuk pergi ke gerai-gerai, ada martabak Pulai, barang-barang seperti di Pasar Karat.

Y.B. Dato' Speaker : O.k, o.k, Nanti saya pergi Yang Berhormat bawa saya eh.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak ada masalah Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Belanja makan sekali.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, tambah satu minit lagi (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Penghijrahan para profesional kakitangan kerajaan, swasta, pelaburan tempatan dan luar negara kawasan Wilayah Iskandar Malaysia dapat menjana ekonomi penduduk setempat. Jadi, penduduk yang sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, dia kena bersyukur hari ini, saya pun baca surat khabar kerana di Sungai Melayu terjejas pencarian nelayan tapi sebenarnya apa yang saya nyatakan tadi, nelayan-nelayan pun, kerajaan ada bagi subsidi. Setiap nelayan diberi RM200.00. Itu tidak termasuk minyak bot dan sebagainya. Jadi patut kena bersyukur jugalah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun perkara di atas telah dilaksanakan, namun masih lagi terdapat kepincangan agensi-agensi kerajaan serta syarikat-syarikat yang berkaitan sama ada GLC atau syarikat swasta semasa menyelesaikan isu-isu setempat. Contohnya kelewatan agensi kerajaan yang berkaitan dan Syarikat Iskandar Investment Berhad di dalam proses pemindahan penduduk kampung Pendas Laut dan sekolah rendah boleh mengundang bahaya kepada penghuni dan murid-murid sekolah serta akan dapat banyak lagi masalah. Kita takut besok, kita dah bagi dia rumah banglo, rumah yang kosong tidak dirobohkan, kita takut ada penghuni lain pulak yang duduk. Lepas itu jumpa Wakil Rakyat minta pula rumah lagi. Jadi saya berharap perkara ini dapat diselesaikan dengan segera.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak ada dalam Lembaga itu eh?.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Tak duduk dalam Lembaga itu?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak ada Yang Berhormat Dato' Speaker. Kecik je.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, adalah juga.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Pemantauan kotai-kotai pekerja buruh binaan bertaraf warga asing yang terdapat bertaburan di persekitaran yang boleh mengundang berbagai-bagai masalah. Ini pun saya dah nyatakan juga. Dah ditempatkan tapi masih lagi pihak-pihak tertentu degil untuk menempatkan pekerja-pekerja asing ini ke tempat yang telah disediakan. Pengurusan pengangkutan sampah dan prasarana jalan-jalan kampung menyediakan lampu-lampu isyarat di setiap persimpangan, ini pun masalah berat juga ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker nak pergi Pontian, ikut satu jalan, Jalan Kampung Ulu Pulai nama dia. Dekat sini kita pun telah beberapa kali, kita lihat perlanggaran sering berlaku. Minta *traffic light* sampai sekarang pun tak dapat. Jadi, perlulah dipertingkatkan sama ada oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah atau agensi-agensi yang berkaitan. Seluruh kawasan Nusajaya boleh dikatakan pada setiap hari dihadiri oleh pelancong dalam dan luar negara. Begitu juga dengan kewujudan *funfair* yang menjadikan pusat perjudian kecil-kecilan yang tersergam di tengah-tengah Bandar Gelang Patah tanpa diambil tindakan oleh Pihak Yang Berkuasa, walaupun perkara ini telah beberapa kali kita nyatakan di dalam mesyuarat-mesyuarat. Kalau dulu Yang Berhormat Pulai Sebatang, satu hari, RM7 juta pengaliran wang ke Singapura. Hari ini saya takut pengaliran wang yang kita bina daripada pembangunan habis akan digunakan di pusat perjudian *funfair* ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ini *funfair* apa Yang Berhormat? Besar ke kecil?.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ini *funfair* ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya cakap *funfair* maut. Sebab apa saya cakap *funfair* maut. Saya kecil-kecil dahulu ada *funfair* ini. *Funfair* ini dah reput dah, dia cuma buat alasan sahaja. *Funfair* diwujudkan tapi dia tak ada main pusing-pusing, tak ada main apa-apa tak ada, tapi dijadikan pusat judi di dalam tempat permainan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Judi yang mana? Ada main judi ke?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tikam-tikam. Bukan tikam orang. Dia tikam-tikam…

Y.B. Dato' Speaker : Yelah betullah. Kalau tikam orang matilah semua (Dewan ketawa). Itu dia pengalaman dia tak? Itu ada lesen itu, mana boleh tak ada lesen.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak ada lesen Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ye ke?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Lesen dikeluarkan oleh Pejabat Daerah. Saya dah cakap di dalam mesyuarat. Kalau kata nak *funfair,* Danga Bay itu sebesarnya tidak *funfair. Dia na*k bergolek ke mana pun, boleh. Insurans cukup dan sebagainya. Saya difahamkan tanah ini tanah kerajaan. Saya mintalah, bila kita dah tanya dengan Pihak Berkuasa, masing-masing semua tak nak ambil tindakan. Jadi saya harap tuan punya tanah mengambil tindakanlah. Perkara ini serius. Kalau RM7.0 juta satu hari pengaliran wang kita kerana judi, ini kita binalah, kita bagilah nelayan subsidi, kita bagilah itulah ini, tetapi akhirnya, dia bawak kat pusat judi. Begitu juga Yang Berhormat Dato' Speaker, gerai-gerai awam hendaklah dinaikkan taraf dan ditambah terminal pengangkutan dan keperluan prasarana asas hendaklah dibangunkan segera bagi kemudahan dan keselesaan rakyat dan pengunjung. Begitu juga dengan taman-taman perumahan yang sedang pesat membangun macam cendawan, cendawan apa?

Y.B. Dato' Speaker : Cendawan tumbuh. Allah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Cendawan tumbuh. Lupa sekejap.

Y.B. Dato' Speaker : Memang selalu lupa, bukan ni hari aja.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Cendawan tumbuh, kerana mengambil kesempatan dengan pembangunan yang kita bangunkan hari ini tanpa dikawal oleh Pihak Berkuasa. Segala syarat-syarat habis dilanggar. Kalau kita tengok, kalau kita lalu, kalau Yang Berhormat Dato' Speaker nak balik, lalu Jalan Lima Kedai, kita tengok ada ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat asyik suruh saya ikut Yang Berhormat punya kawasan aja. Penat saya lah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak, pasal Yang Berhormat Dato' Speaker kena ambil tahu, bila Ahli-Ahli Yang Berhormat cakap, bermakna tepat dan nyata.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah, insya-Allah. Masa dah cukup.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Di kawasan Nusa Sentral. Ha, ini kalau kita tengok taman tu tinggi, jalan orang awam ni, jalan lama ni, sebelum perang Jepun dulu, dia dah ada kat bawah. Saya takut nanti banjir berlaku dan macam-macam lagi. Begitu juga beberapa taman yang telah saya nyatakan di mesyuarat-mesyuarat. Perkara ini kalau tidak diambil kira sudah pasti kejadian banjir lumpur dan bermacam-macam masalah yang akan berlaku Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang saya nyatakan di atas adalah antara perkara sebenar berlaku di peringkat lapisan rakyat. Rakyat tidak menafikan hak mereka, malahan telah pun dibela. Ini terbukti dengan pembelaan nasib mereka melalui pembangunan dan kebajikan yang telah kita nyatakan. Namun penambahbaikan perlulah dibuat, bersesuaian dengan keadaan setempat, supaya semua rakyat dapat menerimanya dengan rasa adil. Sehubungan dengan itu, saya amat yakin transformasi politik jitu akan dapat direalisasikan apabila kedua-dua aspek transformasi sosial dan ekonomi di atas dapat dibawa dengan bijaksana. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Mohamad Najib Tun Razak kerana telah menyalurkan bajet sebanyak RM339.0 juta untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan pengangkutan awam di Iskandar Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Kawasan Yang Berhormat ni ya, untung.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ya. Terima kasih. Nusajaya juga menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di dalam pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor semasa dalam Titah Ucapan Baginda di Keputeraan pada 22 November yang lalu. Dan semoga Kerajaan Pusat akan mengkaji semula untuk meluluskan. Ini juga saya dah cakap yang lepas Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingat Yang Berhormat Dato' Speaker pun ada tegur saya. Kalau saya lalu laut nak pergi ke Pasir Gudang lagi *short cut,* dengan izin. Tapi Yang Berhormat Dato' Speaker ada nyatakan, tak ada ke jalan lain? Tapi ini saya pulak ada satu idea, kalaulah Tambak ni dibuka menjadikan jambatan, saya ingat nelayan-nelayan dah tak ada terjejas lagi. Sebab ikan di laut sana dia teringin jugak nak masuk ke kawasan sungai ni, sebab dia dekat sana dah sibuk.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat faham ya cara ikan cakap? (Dewan ketawa) Nampaknyalah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kadang-kadang kita kena fahamkan.

Y.B. Dato' Speaker : Saya pun tak fikir gitu.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Begitu juga ikan-ikan yang ada dekat sungai-sungai ni, dia pun teringin nak bebas keluar. Ha, jadi bila ...

Y.B. Dato' Speaker : Dia nak pergi kawasan Kempas. (Dewan ketawa) Agaknya tak?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kempas tak ada sungai, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kempas tak ada laut. Minta maaf.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah, dia nak cakap. Kempas tak ada laut.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kempas banyak hospital. Dia tak ada laut. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kalau ADUN Nusajaya nak pergi ke Hospital Permai, sila dijemput. (Dewan Ketawa)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa dah habis.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah memberi sokongan yang padu kepada sukan bola sepak seperti yang telah dinyatakan dalam Ucapan Bajet 2011 yang lalu. Penganjuran Liga J yang telah dilaksanakan oleh pihak Persatuan Bola Sepak Negeri Johor bersama Majlis Sukan Negeri telah mendapat sokongan dan penyertaan yang baik daripada daerah-daerah. Ini menunjukkan bahawa sukan bola sepak dapat perhatian semula daripada rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Bola Sepak Negeri Johor turun pangkat ya?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Dah turun gred ya? Persatuan bola sepak akan datang ni, Yang Berhormat di *division* berapa sekarang?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Satu dan dua.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu satu. Sekarang turun dua.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak, satu pun ada jugak. Liga *Super* pun ada, Liga Perdana pun ada.

Y.B. Dato' Speaker : Doalah mudah-mudahan tahun depan menang. Ok Yang Berhormat, habis.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Pengurus Pasukan Bola Sepak Johor mintak letak jawatan.

Y.B. Dato' Speaker : Hai, tak ada kena mengena.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, semoga dengan sokongan dan kekuatan ini akan menjadikan Pasukan Bola Sepak Negeri Johor dapat mengembalikan zaman kegemilangan seterusnya mengharumkan nama negeri yang bertuah ini. Dan saya juga bagi pihak Persatuan, semoga bajet tahun ini dapat menambahkan lagi mutu prestasi bola sepak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Ok, Yang Berhormat, masa.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dah habis dah.

Y.B. Dato' Speaker : Gulunglah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah bukti kepimpinan Barisan Nasional dalam pembangunan negara dan negeri. Dalam setiap bajet yang disampaikan sentiasa memikirkan rakyat, negeri dan negara tidak mengira kaum dan agama mereka. Barisan Nasional tetap akan membela mereka mengikut acuan sebuah negara yang Demokrasi Berparlimen tanpa mengetepikan Perlembagaan. Bagi pihak pembangkang, Nusajaya ingin berpesan kepada mereka, berpijak di bumi yang nyata, hentikanlah politik sempit dan bersifat berkeperibadian. Utamakan negara dan rakyat bukan kepentingan peribadi pihak-pihak tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, dah habis ni.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sikit aja.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Tak bolehlah. Dah panjang sangat.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Jadilah ahli politik berlandaskan sifat nasionalis yang menyumbang kepada pembangunan negara dan bukan menjadi api dalam sekam.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Jangan bertindak menghalalkan cara, untuk berkuasa menjadi pegangan perjuangan politik dan meletakkan rakyat dan negara sebagai alat. Perkara ini sudah nampak jelas, seperti di negeri-negeri yang dipimpin oleh kerajaan pembangkang, rakyat terseksa akibat penipuan. Janganlah sentiasa berbohong kepada rakyat semata-mata mahukan kuasa.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sekian sahaja, terima kasih, Nusajaya menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat, bersama kita juga nampaknya ada isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dapat bersama-sama kita dalam Dewan ini. Cakap baik-baik ya. Perbahasan diteruskan lagi, siapa nak cakap?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ikut masa saya ya, lampu tu *on*. Kalau Yang Berhormat tak nak anu, saya *off*. (Dewan ketawa)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Ok. dia memang dah *on* Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah *on* ya, *sorry* lah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Salam sejahtera. Syukur saya ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan kurniaNya dapat saya bersama dalam Dewan yang mulia ini, iaitu Mesyuarat Ketiga Bajet 2011 bagi Penggal Persidangan Ke-3 Dewan Negeri Johor pada 12 November yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang telah membentang bajet dengan mengambil kira keperluan rakyat yang menyeluruh, sekali pun berdepan dengan pemulihan ekonomi yang sederhana di seluruh dunia ini. Di kesempatan ini juga saya mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Hari Keputeraan Baginda pada 22 November yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan kerajaan khususnya di daerah Kluang, yang telah memberikan kerjasama kepada saya selama menjalankan tugas dan membuatkan tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Walau bagaimanapun dalam, biasalah, isu-isu ini tak akan lekang daripada kita. Saya nak maklum kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang mana ada masalah di kawasan saya iaitu penternak lembu. Walaupun benda ni kecil Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi kalau kita tak tangani dengan baik, ia akan menjadi isu pilihan raya di masa akan datang. Kalau 2008 isu banjir, saya takut yang akan datang ni pulak isu penternak lembu ni. Setahu saya ada dekat 40 orang yang menternak lembu ni, dan 8 orang telah dapat surat notis daripada Jabatan, jadi mereka jumpa saya minta bantu, apa yang boleh kita bantu mereka. Sebagai Wakil Rakyat saya telah mengambil satu caralah yang menunjukkan kita berusaha untuk membantu mereka ini yang mana saya telah panggil Pegawai Veterinar Daerah Kluang, Pejabat Tanah Daerah dan juga MDSR Dato' Speaker, yang mana mereka-mereka ini diarahkan berpindah daripada tempat-tempat yang mereka menternak ni, dah 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Tanah siapa tu Yang Berhormat? Yang tempat dia berternak tu tanah siapa?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Ada tanah sendiri, ada tanah kerajaan, tapi dia orang ni Yang Berhormat Dato' Speaker dia tak fikir tanah siapa, yang penting dia nak bela tak boleh, dia marahlah. Jadi yang kena marah, kita Wakil Rakyat kena marah. Kita terima kasihlah kepada pihak Jabatan. Itu tugas dia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak bertanding lagi tahun depan? Asyik kena marah aja.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan soal kita, yang kita nak jaga ni Barisan Nasional. Soal siapa calon akan datang, tak penting.

Y.B. Dato' Speaker : Wah, wah bagus. Handallah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka ni telah diberi notis pada 15 November yang lalu. Tapi saya telah buat perjumpaan dengan ketiga-tiga Jabatan ni mintak dilanjutkan, sehingga 3 bulan. Pejabat Tanah telah memberi tempoh sehingga 3 bulan yang akan datang. Jadi saya harapkan supaya, saya minta Pengerusi Jawatankuasa Pertanianlah dan pihak kerajaan untuk kita duduk sama-sama, untuk kita tengok, mana yang perlu kita pindahkan, kita pindahkan. Yang dekat dengan rumah, yang dekat dengan taman, dan nak pindahkan ke mana? Kalau dia ada tanah, kita bantu dia. Kita ada subsidi yang kita dengar dalam ucapan ni pun, tapi kalau kita tak gunakan, nanti jadi masalah yang akan datang. Saya takut nanti dia akan jadi kalau dalam orang miskin ni, dia akan jadi kategori yang miskin mendatang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Kita takut tu, nanti bertambah pulak orang miskin di kawasan saya ni. Sebab bila dia jual lembu dia, lepas itu dia miskinlah. Jadi supaya kita dapat elakkan perkara ni dan tidak menjadi isu dalam pilihan raya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu saya mintak lepas ni saya akan berunding dengan Pengerusi Jawatankuasa inilah untuk nak selesaikan masalah ni.

Y.B. Dato' Speaker : Lepas Dewan boleh bincang.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : SPR ni. Kita percayalah, SPR ni memang satu badan bebas yang kita dah akuilah. Tapi dulu perkara lain berlaku. Saya cakap dalam Dewan. Kali ni ada berlaku lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, yang mati, matilah kita tahulah. Ada satu, 13 orang, 13 orang pengundi kawasan saya yang berdaftar ni, digugurkan. Tapi dia tak tulis, kenapa gugur, ke mana? Jadi bila Pengerusi Jalinan Rakyat, Ketua Wanita saya ni, dulu dia *check* setahun sekali, rupanya kali ni dia *check* 3 bulan sekali. Bila 3 bulan sekali ni, baru kita nampak, kita nampak 13 orang telah digugurkan. Bila kita tanya, dia jawab senang aja. Satu digugurkan sebabkan orang gila, yang kedua disebabkan orang masuk penjara. Tempat saya ada penjara Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi tak kan semua masuk penjara. Orang gila pun ada, tak kan semua gila. Tempat saya ada orang gila. Orang gila pun kenal saya. "Onn RM1.00". kata dia, kita bagi RM1.00. Orang gila pun tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat memang banyak kawan orang gila ya? (Dewan ketawa)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Dia tak tambah Dato' Speaker, yang saya maksud tadi ada, bukan tak ada. Tapi dia jumpa kita, "Onn RM1.00", kita bagi RM1.00. Tapi yang hairannya 13 orang ni digugurkan ni. Saya minta sepatutnya kalau nak digugurkan tu, tulislah, ha, gila, masuk penjara, ni kita telefon, orang tu kerja *nurse* dekat Kluang, eh kat Kota Tinggi, selalu balik kat Simpang Renggam, ada. Macam mana pulak gila pulak. Jadi saya minta Yang Berhormat Dato' Speaker, nanti yang jadi mangsa nanti Kerajaan Barisan Nasional. Pembangkang dia tak ada masalah. Dia memang suka aja ya tak? Pasal orang ramai, dia tak faham, bila SPR ni

dia kata kerajaan. Bila SPR berlaku baru-baru ni, ha ni kerajaanlah yang buat ni. Dato' Speaker, saya nak ulang sekali lagi dulu saya dah cakap, SPR ni selaku badan bebas kita percaya tapi manusia-manusia atau pekerja-pekerja dalam kakitangan SPR tu sendiri bukan semua orang UMNO, ada juga orang PAS, ada juga orang PKR. Ini yang harus kita, kita apa, kita nak jaga ni.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak boleh hantar bantahan? Boleh. Satu laporan bantahan…

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Minta laluan, saya rasa jangan tuduh begitu. Tak baik.

Y.B. Dato' Speaker : Ha tidaklah, dia bercakap apa yang berlakulah agaknya.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato', bukan tuduh, kita ada bukti, pembangkang dia cakap je Dato'. Dia memang untunglah pada dia, dia suka kan. Yang Berhormat Dato', memang kita boleh tanya tapi kita nak cakap ni supaya perkara ni tidak berlaku pasal orang ramai tak *check* Dato', nak daftar pun susah lagi dia nak *check* nama dia gugur tak gugur dia lagi susah Yang Berhormat Dato' Speaker dan yang ketiganya saya nak bawa pada, ha ni sikit Dato', ha ni rumah terbengkalai ni sejak tahun 1982.

Saya tau ini bukan benda yang mudah, ya ini satu benda yang susah tapi saya nak tanya setakat mana usaha-usaha yang dijalankan untuk nak memulihkan rumah terbengkalai ini. Ha, kalau katalah rumah terbengkalai kat Layang ni yang ke-200, ok tahun 82 yang ke-200 takkanlah 2010 ni yang ke-200 lagi Dato'? Sekurang-kurangnya dah yang ke-50, paling tidak. Jadi saya mintalah supaya kita nak tahu setakat mana perkembangan, pemulihan rumah terbengkalai ini kerana saya faham tapi rakyat dia tak faham, kan? Ha nanti dia marah kita.

Dato' Speaker, yang keempatnya, BOMBA ni, orang beritahu saya, jadi kita minta BOMBA ni bagus tapi minta supaya BOMBA seluruhlah bukan kata kawasan saya je, dia kena buat pelan kawasan di mana ada lorong-lorong ataupun kampung-kampung yang lori BOMBA tak boleh masuk ni. Bila terbakar, BOMBA datang, datang-datang lorong kecik, lori tak boleh masuk, dah nak tunggu pulak lori kecik lagi. Ha, ini menunjukkan dia tak bersedia untuk dalam kawasan yang ada pada kawasan dia je. Jadi saya minta supaya dia kenal pasti di mana kawasan-kawasan ni, bila orang telefon dia tau, oh ini lori kecik pergi, ha kalau yang ini lori besar pergi.

Y.B. Dato' Speaker : Dia panggil mengejut Yang Berhormat, mana nak semak lagi? Semak lagi, terbakar semua.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Sebelumnya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya cerita ni sebelum berlaku dia dah ada kawasan tu.

Y.B. Dato' Speaker : Teruk Yang Berhormat BOMBA.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Ni yang berlaku, yang berlaku baru ni, lori datang tak boleh masuk, patah balik Yang Berhormat Dato' Speaker, habis.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau nak siasat BOMBA saya ingat, eh! teruk BOMBA dalam ni nak *check* semua.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Dia tak banyak kerja Dato', dia sesekali terbakar je.

Y.B. Dato' Speaker : Hei, tak banyak apa tak ada.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Dia kat pejabat tu dia pergi *check* Dato', kan?

Y.B. Dato' Speaker : Orang, ular datang pun panggil dia. Semua kerja dia banyak.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Tak, kalau dia tak boleh tolong kita boleh tolong, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Kita tahu kawasan kita kan, tapi kerja dia, tapi kalau mintak bantu kita bantu. Nanti kita bantu pulak macam kita ambil alih kerja dia pulak.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, cakap yang lain.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato', dan yang ke-5 Dato', tadi saya *check* gula, darah ni, *check* tekanan darah. Alhamdulillahlah ok tapi bila *check* gula dalam darah ni Dato', dia pakai yang kontot tu, dia terjah Dato'. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Tak memang itu saya suruh gitu. Ha kalau tak Wakil Rakyat tak sedar, dia ingat sedap je, memang buat pakai itulah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Tak, kalau Dato' Speaker kena pun terperanjat..

Y.B. Dato' Speaker : Eh! Dah banyak kali saya, sebab tu saya suruh dia pakai.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Kita nak moden Dato', kerajaan dah keluar belanja juta-juta, ratus juta, kan ada alat yang macam pen tu, dia letak, tik, ha, kan.

Y.B. Dato' Speaker : Ala Yang Berhormat ni macam, perempuan pun berani Yang Berhormat, cucuk dua ha, ini lelaki, ala.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Soal takut bukan lagi…

Y.B. Dato' Speaker : Buat malu lelaki jelah. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Tak Dato', kita Wakil Rakyat, kita bawa itu contoh dekat sini tadi tapi ada di klinik, klinik pun macam ini juga. Jadi kita Wakil Rakyat kita bawa masalah rakyat. Ha kita ada Pengerusi Jawatankuasa, jadi suruh dia belilah macam pen tu Dato' jadi tadi patut-patutnya gula saya ni 6, kena tujah tu dia 6.1 Dato', dia naik lagi Dato'. (Dewan ketawa).

Jadi dengan ini, Dato' Speaker dan saya sokong, menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ok, waktu berhenti.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Nanti belum, perbahasan diteruskan lagi, jemput. Ha, Pekan Nenas.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam Perbahasan Ucapan Bajet Negeri Johor Tahun 2011.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet Negeri Johor Tahun 2011 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B Menteri Besar merupakan bajet lebihan sebanyak RM2.77 juta. Bajet yang bertemakan "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat" ini, membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Johor tetap mengutamakan kepentingan rakyat jelata dalam perancangan bajet menepati Konsep 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", walaupun ekonomi negara kita masih dalam proses pemulihan. Usaha gigih Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat jelata haruslah disokong penuh oleh semua pihak dan kita harus berganding bahu bagi merealisasikan matlamat-matlamat bajet tahun depan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sementara masalah kafe siber haram yang membawa masalah sosial golongan remaja belum dibanteras dengan sepenuhnya di Negeri Johor, satu lagi gejala sosial yang menggugat kebahagiaan keluarga dan kesejahteraan rakyat Johor Selatan mula merebak akibat pembukaan dua buah kasino di *Marina Bay* dan Pulau Sentosa, Singapura. Pembukaan Kasino Singapura ini bukan sahaja memberi impak negatif kepada sektor pelancongan seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulai Sebatang pada minggu lepas tetapi ianya juga telah mengubah cara hidup sekelompok rakyat Johor dan dikhuatiri akan membawa banyak masalah sosial kepada masyarakat tempatan khasnya penduduk-penduduk luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Pekan Nenas sahaja, sekurang-kurangnya 6 buah bas pada hari biasa dan 10 buah bas pada hujung minggu mengangkut beratus-ratus orang penduduk tempatan yang kebanyakannya suri rumah tangga dan golongan pencen ke Kasino Singapura. Dianggarkan sekurang-kurang 30 buah bas membawa warga Johor ke Kasino Singapura setiap hari. Ini tidak termasuk MPV, van dan kereta

persendirian yang juga membawa penumpang ke destinasi yang sama. Pakej pelancongan sehari ke Kasino Singapura yang ditawarkan ini amat menarik, bukan sahaja pengangkutan percuma malahan baucar makanan percuma serta elaun antara RM15.00 hingga RM40.00 sehari diberi kepada mereka yang menyertai rombongan tersebut. Pakej terbaru ialah dengan SD100.00 dapat menukar cip judi ataupun *rolling chips* dengan izin, yang bernilai SD140.00, ianya hanya boleh ditunaikan atau ditukar cip tunai selepas berjudi di atas meja kasino.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dinafikan bukan semuanya warga Johor ke Kasino Singapura berjudi mungkin buat masa kini hanya 30% daripadanya pergi berjudi, yang lain hanya setakat makan angin ataupun ingin memperoleh pendapatan tambahan dengan penukaran cip judi atau elaun yang diberikan. Namun pakej-pakej tawaran Kasino Singapura ini memang bertujuan untuk memperdayakan rakyat Johor supaya berjudi di sana dan ianya telah membawa impak negatif kepada masyarakat tempatan.

Disebabkan ramai suri rumah tangga telah menyertai rombongan sehari ke Kasino Singapura, dari pagi hingga petang, sekurang-kurangnya 10 jam dihabiskan untuk masa perjalanan dan merayau dalam kasino, maka tanggungjawab mereka, tanggungjawab wajib mereka selaku ibu akan terjejas, kebersihan rumah tidak dijaga, tidak memasak, anak-anaknya tidak diasuh dan tingkah laku anak mereka juga tidak dipantau dan sebagainya. Sekiranya keadaan sedemikian berterusan, besar kemungkinan banyak masalah kekeluargaan akan tercetus di Johor Selatan amnya dan Pekan Nenas khasnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, fenomena ini juga mendatangkan impak negatif kepada ekonomi tempatan. Perniagaan di pasar awam, pusat penjaja dan kedai runcit merosot dengan ketara sekali iaitu antara 20% hingga 30% disebabkan pelanggan-pelanggan utama mereka iaitu suri rumah tangga tidak berurus niaga dengan mereka dan sibuk dengan pakej pelancongan sehari ke Kasino Singapura. Tambahan pula, mereka yang pada mulanya hanya ingin makan angin atau mencari pendapatan tambahan dengan penukaran cip judi atau elaun penyertaan juga dikhuatiri lambat-laun akan menjadi kaki judi memandangkan masa berjam-jam perlu dihabiskan dalam kasino.

Hari demi hari, mereka akan rasa bosan melepak di kawasan kasino dan akhirnya nafsu tamak berjaya menghasut mereka mencuba nasib di meja judi. Hakikatnya, bukan sahaja elaun harian yang mereka dapat itu dijudikan ataupun cip judi yang bernilai SD140.00 itu habis dijudikan kerana tidak semestinya menang tiap-tiap kali, malahan wang simpanan mereka juga habis begitu sahaja di kasino.

Selain itu, kegiatan perjudian Kasino Singapura yang menarik perhatian warga Johor juga menyemarakkan aktiviti pinjaman wang tanpa lesen. Peminjam wang tanpa lesen iaitu Along juga sangat aktif di kasino dan suri rumah tangga merupakan kumpulan sasar mereka. Mereka memberi pinjaman kecil iaitu tidak melebihi SD500.00 kepada suri rumah tangga dan mengutip faedah antara RM20.00 hingga RM50.00 setiap hari. Para wanita yang meminjam akan cuba membayar faedah yang dikenakan mengikut masa yang ditetapkan kerana takut diketahui suami yang bekerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan pakej sehari ke Kasino Singapura ini membawa impak-impak negatif kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat Johor Selatan, Pekan Nenas ingin mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan langkah-langkah berikut:-

1. Mengadakan perbincangan diplomatik dengan Kerajaan Singapura supaya pakej pelancongan sehari ke Kasino Singapura secara percuma ini dihentikan serta mengenakan bayaran terhadap warga Malaysia yang memasuki kasino.

2. Mengenakan syarat supaya ahli keluarga boleh memohon untuk mengharamkan seseorang warga Malaysia memasuki kasino seperti yang berlaku pada warga Singapura.

3. Menyediakan kaunter pendaftaran di kasino untuk mendaftar setiap warga negara Malaysia yang memasuki kasino.

4. Mengehadkan setiap warganegara Malaysia memasuki kasino contohnya maksimum 50 kali setahun.

5. Menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang ahlinya terdiri daripada agensi kerajaan, parti-parti politik dan NGO yang bertanggungjawab untuk menganjurkan seminar, forum berkenaan impak negatif perjudian dan mendidik atau memperingatkan orang awam menjauhkan diri dari perjudian melalui iklan media massa ataupun media baru contohnya ketagihan berjudi akan mengakibatkan seseorang meminjam wang dari *Ah Long* dengan menggadaikan segala harta-benda sehingga meninggalkan keluarga tersayang kerana gangguan *Ah Long* dan akhirnya membunuh diri.

6. Menubuhkan Pusat Kaunseling Perjudian untuk memberi segala bantuan dan khidmat nasihat kepada mereka yang terjerumus dalam aktiviti perjudian agar mereka insaf dan berhenti berjudi di samping membantu mereka memulakan kehidupan yang baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas berharap semua pihak termasuk kerajaan dan NGO dapat bersama-sama berusaha untuk membanteras segala masalah sosial akibat kegiatan perjudian di Kasino Singapura ini. Agensi pelancongan juga mempunyai tanggungjawab sosial dalam usaha menghalang orang ramai berjudi dengan tidak menyediakan perkhidmatan pengangkutan percuma itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demam denggi merupakan penyakit utama di negara kita. Statistik menunjukkan bahawa sehingga minggu ke-45 tahun ini, sebanyak 3,989 kes demam denggi dengan 10 kematian telah dilaporkan di Negeri Johor. Kini, dengan purata 100 kes demam denggi dilaporkan setiap hari di seluruh Malaysia iaitu satu angka yang amat merisaukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan memang serius terhadap wabak demam denggi yang semakin menular ini dan telah menjalankan berbagai usaha untuk membasminya. Antara usaha-usaha yang dijalankan termasuk menganjurkan aktiviti

gotong-royong, menggerakkan Program *Communication For Behavior Impact* atau COMBI, dengan izin, kempen gaya hidup sihat, membuat *fogging* di kawasan *black spot* dengan izin dan sebagainya.

Bagi memastikan semua pihak bersama-sama bertanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran, kompaun yang dikenakan terhadap premis yang didapati ada pembiakan jentik-jentik nyamuk Aedes juga telah dinaikkan dari RM300.00 kepada RM500.00 mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit tahun 1975.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mendahulukan kesejahteraan rakyat dan menyediakan budaya gaya hidup sihat merupakan komitmen kerajaan kepada rakyat. Oleh itu, semua agensi dan jabatan kerajaan juga perlu memastikan bangunan pejabat dan persekitarannya bebas dari nyamuk Aedes. Akan tetapi, rungutan rakyat bahawa banyak kawasan awam tidak diselenggarakan dengan baik, bersemak-samun dan air bertakung, disyaki menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes, contohnya di tanah tapak rizab kerajaan bersebelahan Lorong A7 yang dahulunya tapak panggung wayang lama dan tapak lapang kerajaan di Lorong B5, Pekan Nenas.

Keadaan ini menjadikan usaha masyarakat dan orang ramai tidak memberi impak yang berkesan jika persekitaran rumah mereka sudah bersih tetapi masih terdapat kawasan awam yang kotor dan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Sehubungan itu, disarankan semua pihak sama ada PBT ataupun lain-lain agensi kerajaan mengambil tindakan agresif untuk memastikan semua kawasan yang berada dalam seliaan jabatan atau agensi kerajaan bebas dari punca pembiakan nyamuk Aedes. Kompaun yang lebih tinggi juga perlu dikenakan terhadap agensi kerajaan yang gagal membasmi pembiakan nyamuk Aedes di premis ataupun kawasan seliaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas menyokong penuh atas usaha Kerajaan Negeri merapatkan jurang digital di kalangan rakyat di mana pata tahun 2011, Kerajaan Negeri akan memberi *Notebook* secara percuma kepada 1,120 buah keluarga yang layak di seluruh Negeri Johor. Usaha kerajaan ini akan membantu anak-anak dari keluarga miskin di kampung-kampung mempelajari dan menguasai teknologi maklumat melalui Internet dan seterusnya melahirkan lebih ramai intelek dilengkapi dengan ilmu komputer.

Akan tetapi, kemudahan talian telefon tetap yang diperlukan untuk pemasangan *Streamyx* haruslah disediakan terlebih dahulu khasnya di kawasan luar bandar yang mempunyai 40% populasi negara. Buat masa ini, banyak lagi kawasan kampung tradisional masih belum dipasang talian telefon tetap.

Sebagai contoh, di bawah Program Inisiatif Jalur Lebar Negara, ramai pelajar sekolah menengah yang tinggal di Kawasan 12, Mukim Pontian telah menerima komputer *1Malaysia Notebook* dari pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Sebahagian besar daripada mereka tidak dapat melayari Internet di rumah disebabkan ketiadaan talian telefon.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kawasan 12 Mukim Pontian merangkumi beberapa kampung tradisional iaitu Kampung Melayu Raya, Kampung Pak Khalib, Kampung Sepakat Jaya, Kampung Paya Embun dan Kampung Sri Menanti. Talian telefon yang disediakan sebelum ini tidak dapat memenuhi keperluan penduduk. Buat masa ini, lebih kurang 500 buah rumah lagi masih menunggu perkhidmatan talian telefon tetap untuk pemasangan telefon dan *streamyx*.

Mungkin kerja pemasangan talian telefon di kampung yang terpencil memerlukan kos yang tinggi dan tidak menguntungkan tetapi memandangkan telefon merupakan keperluan asas dan juga sebagai obligasi sosial GLC, pihak Telekom haruslah menyediakan talian telefon yang secukupnya di kampung supaya penduduk kampung juga dapat menikmati kemajuan negara seperti penduduk di bandar. Kemudahan talian telefon bukan sahaja membolehkan penduduk kampung melayari Internet, ianya juga merupakan alatan komunikasi yang utama kepada penduduk kampung untuk berhubung dengan dunia luar khasnya apabila berlaku sesuatu kecemasan yang memerlukan bantuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Johor kerana telah menyelesaikan beberapa isu tanah di kawasan DUN Pekan Nenas. Borang 5A telah diberikan kepada Jawatankuasa Rumah Berhala Tua Peck Kong sebuah rumah ibadat yang paling tua dan bersejarah di Pekan Nenas. Tapak baru pun India Pekan Nenas juga selesai. Tinggal bayar premium tanah sahaja. Hampir 100 orang penduduk Kampung Sepakat Jaya juga ucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan permohonan hak milik tanah mereka. Inilah kerajaan yang rakyat sokong. Kerajaan yang mengambil berat masalah rakyat dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaiannya.

Dan, pada itu Pekan Nenas juga berharap agar proses penutupan selamat tapak pelupusan sisa pepejal Kampung Air Puteh, Pekan Nenas secara berperingkat dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Disebabkan tapak pelupusan tersebut telah penuh, pihak SWM terpaksa menggali timbunan sisa pepejal yang lama untuk menanam sampah yang baru diangkut. Kerja sedemikian kadangkala menimbulkan bau busuk yang sangat kuat dan ini sudah pasti mengganggu kehidupan penduduk-penduduk persekitaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, secara ringkasnya Pekan Nenas juga ingin memanjangkan beberapa lagi perkara dan masalah penduduk di kawasan yang memerlukan bantuan dan tindakan kerajaan.

1. Menggerakkan cadangan projek sekolah menengah vokasional baru di Parlimen Tanjung Piai. Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai gantian Sekolah Menengah Teknik Pontian yang telah di naik taraf kepada Kolej Matrikulasi Teknikal pada Tahun 2010.

2. Merealisasikan Projek Lembah Nenas di Parlimen Tanjung Piai di bawah Rancangan Malaysia ke-10 demi pembangunan ekonomi Daerah Pontian

amnya dan Pekan Nenas khasnya di samping memulihkan nama harum Pekan Nenas sebagai tempat pengeluaran nenas bermutu tinggi.

3. Rakyat amat menyambut baik hasrat kerajaan untuk menaik taraf 1,100 km lagi jalan-jalan kampung dalam tempoh 2 tahun akan datang. Pekan Nenas juga mohon agar jalan-jalan kampung yang belum bertar di Kampung Melayu Raya, Kampung Parit Baru, Kampung Medan Sari, Kampung Jasa Sepakat, Kampung Bakar Arang, Kampung Sri Menanti, Kampung Sri Gambut dan lain-lain dapat dimasukkan ke dalam senarai jalan kampung yang akan dinaiktarafkan itu.

4. Dengan penyediaan pelan tindakan pengurusan konflik hidupan liar seperti yang dibentangkan dalam Bajet Tahun 2011, diharap masalah makhluk perosak khasnya bagi hutan dan monyet yang telah lama merosakkan hasil tanaman petani serta mengancam keselamatan orang kampung di DUN Pekan Nenas dapat diselesaikan oleh pihak PERHILITAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, banyak lagi ke monyet?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Banyak lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ada lagi?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Ada lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, banyak betul kawasan monyet.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) :

5. Mempercepatkan proses permohonan tapak baru SJK(c) Yu Ming 2, Pekan Nenas di Lot PTD 1676 dan PTD 1677 Mukim Jeram Batu yang seluas lebih kurang 7 ekar.

6. Mohon Pejabat Kemajuan Negeri menyegerakan projek menaik taraf Balai Raya Kampung Sri Menanti dan projek pembinaan pembesaran dewan raya Kampung Melayu Raya, Pekan Nenas.

7. Mohon Pihak JKR Negeri menyalurkan peruntukan khas untuk melaksanakan projek pembinaan konkrit *Precast U* dengan penduduk sepanjang 500 meter di Kampung Sinar Harapan, Pekan Nenas demi keselamatan orang kampung khasnya kanak-kanak.

Akhir sekali, mohon menurap tar di kawasan lapang seluas 2,000 meter persegi di belakang sekolah kebangsaan Kampung Sawah untuk kemudahan para ibu bapa menghantar atau mengambil murid-murid sekolah kebangsaan, sekolah agama dan Tabika Kampung Sawah demi keselamatan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku Wakil Rakyat yang patriotik dan bertanggungjawab kita tidak harusnya memberi sesuatu kenyataan yang tidak konkrit hanya mengikut persepsi diri sahaja. Fitnah yang mengatakan Negeri Johor akan

muflis bukan sahaja menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat malahan telah juga menjejaskan pelaburan pelancong asing dan pelaburan domestik di Negeri Johor. Semua pihak termasuk kerajaan dan pembangkang bertanggungjawab dan wajib berusaha mempertingkatkan taraf hidup rakyat jelata. Semua pihak juga bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam membentuk sebuah masyarakat berbilang kaum yang bersifat penyayang, saling hormat-menghormati dan menolong antara satu sama lain. Jangan cuba menanam perasaan benci-membenci, hina-menghina di kalangan rakyat. Rakyat jelata kini adalah rakyat yang bijaksana. Mereka akan membuat penilaian terhadap prestasi kerajaan dan juga Wakil Rakyat. Jangan ingat mereka ini boleh dipermainkan.

Oleh itu, kita harus menjalankan tugas secara ikhlas dan jujur. Kita bertanggungjawab atas kata-kata dan tingkah laku kita selaku wakil rakyat yang dipilih rakyat. Ingatlah kerana santan pulut binasa, kerana mulut badan binasa. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padanya. Dengan kata-kata ini Pekan Nenas menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ohh baguslah, belum saya arah je dah berhenti. Perbahasan diteruskan lagi. Siapa nak berucap? Haa, jemput Tenggaroh.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan pada pagi ini. Bajet lebihan 2011 yang bertemakan "Kesejahteraan rakyat Johor", amat menarik perhatian saya. Saya bangga dengan pucuk pimpinan Negeri Johor yang mencerminkan keprihatinan terhadap kesejahteraan rakyatnya. Perancangan Bajet 2011, sememangnya memberi tumpuan kepada pembangunan rakyat yang melunaskan slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Segala janji dan hikmat adalah untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat Johor khasnya dan Malaysia umumnya setanding dengan negara-negara maju. Rakyat sejahtera, negeri maju. Sekali gus negara juga turut maju. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan semua yang telah menyumbang dalam penyediaan Belanjawan 2011 begitu teliti dan tepat perancangan bajet ini dan telah dilakukan dengan satu tumpuan utama pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ha ya. Yang Berhormat nak apa?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Nak teruskan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak rehat ya? Ok jemput duduk. Ahli Yang Berhormat Dewan ini saya tangguhkan selama 20 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 11:40 pagi.

Dewan dimulakan pada jam 12:00 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala hiwabarakatuh. Selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Jemput Tenggaroh.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih atas peluang sambung ucapan saya. Yang Berhormat Datuk Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengutarakan beberapa masalah yang dihadapi pengundi-pengundi saya di DUN Tenggaroh.

1. Berkenaan dengan keperluan kenderaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Mersing. Ada beberapa sebab mengapa keperluan ini amat saya beri penekanan.

    i. Jarah yang jauh dari satu PDK ke PDK yang lain. Jaraknya lebih kurang 30km merupakan masalah besar dalam menjayakan program PDK.
    ii. Kesukaran membawa pelatih-pelatih PDK yang mengikuti program-program anjuran peringkat negeri mahu pun kebangsaan. Terpaksa meminjam bas agensi lain ataupun menyewa pengangkutan.
    iii. Kenderaan yang sedia ada di Pejabat Kebajikan Masyarakat cuma dua sahaja yang boleh digunakan. Kegunaan dua kenderaan ini pun banyak tertumpu kepada siasatan kes-kes di daerah seperti menghantar kes-kes Mahkamah ke institusi di dalam Negeri Johor mahupun di luar Negeri Johor. Dan juga menghantar pegawai menghadiri mesyuarat dan kursus-kursus di luar daerah Mersing. Oleh demikian, masalah pengangkutan timbul jika ada kes untuk disiasat di lokasi-lokasi yang jauh seperti Tenggaroh, Endau dan kawasan Orang Asli sekiranya kesemua kenderaan digunakan untuk urusan-urusan JKM yang lain. Memandangkan masalah ini dihadapi oleh JKM Mersing, saya memohon agar kerajaan memberi perhatian dan pertimbangan kepada permohonan ini dan berharap ia dapat diselesaikan dengan segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah bab meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk memastikan ke semua PDK di Negeri Johor mempunyai bangunan sendiri yang dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU. Pengendalian PDK di Negeri Johor menjadi satu kebanggaan kita di Negeri Johor. Di DUN saya terdapat tiga buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Oleh kerana timbulnya keperluan saya telah mewujudkan sebuah lagi di FELDA Tenggaroh 2 pada awal 2010 dengan sebanyak 27 orang pelatih dan 3 orang petugas yang tidak terlatih. Kini PDK Nur Kasih sedang beroperasi dengan adanya sumbangan daripada komuniti dan ADUN kawasan Tenggaroh. Setakat ini PDK Nur Kasih ini sedang beroperasi dengan baik walaupun terdapat banyak kekurangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat siapa Pengerusi PDK Nur Kasih Tenggaroh?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Saya, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat sendiri?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Ya saya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kawasan lain?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Di kawasan saya sahaja.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Empat-empat?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Empat-empat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : PDK?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Ya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tahniahlah Yang Berhormat.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Terima kasih. Di sini saya berharap permohonan kami kepada JKM untuk didaftarkan PDK Nur Kasih ini akan mendapat kelulusan dengan segera. Kelulusan ini akan menambahkan lagi keyakinan ibu bapa pelatih-pelatih Nur Kasih. Dalam konteks yang sama saya ingin menanya JKM, sama ada JKM mempunyai kurikulum yang menjurus kepada penyediaan pelatih-pelatih yang berdikari dan yang boleh menyara hidup tanpa bantuan sesiapa.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

2. Saya ingin menimbulkan masalah jalan raya Kota Tinggi ke Mersing. Kemalangan jalan raya sering berlaku di jalan raya ini. Ada beberapa sebab yang menjadi penyumbang kepada kemalangan maut di jalan raya ini. Di antaranya keadaan jalan raya tersendiri. Keadaan bergelombang dan tidak merata membahayakan penunggang motosikal dan pemandu kereta yang biasanya menjadi mangsa. Pada masa yang sama saya ingin mengingatkan JKR tentang keadaan pagar keselamatan tepi jalan yang sudah rosak, karat dan ada pula tempat-tempat di mana pagarnya hilang terus.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ini saya telah bawa dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan juga dalam sidang Dewan dua tahun yang lepas tetapi sehingga sekarang keadaan ini masih belum diperbaiki sebabnya tiada peruntukan. Saya sarankan kepada JKR supaya membuat satu kajian berkenaan dengan keadaan jalan raya tersebut dan kemudiannya membuat yang terbaik supaya stigma yang dikaitkan dengan jalan raya Kota Tinggi – Mersing dapat dibetulkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di Negeri Johor kita telah berjaya mengurangkan bilangan ketua isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin tegar. Kita sekarang ini sedang bergiat untuk mengisytiharkan Negeri Johor sebagai negeri sifar miskin tegar. Dan, usaha kita harus dipergiatkan lagi dengan melihat kepada asas atau punca kemiskinan ini. Apabila kita dapat mentafsir punca kemiskinan tegar ini maka tindakan susulan yang sewajarnya dapat kita aplikasikan. Kerajaan Negeri sememangnya

bertungkus-lumus dalam usaha mereka hal ini. Daerah Mersing telah pun mencapai tahap sifar miskin tegar dan berusaha mengekalkan status tersebut supaya tiada kes baru yang diklasifikasikan sebagai miskin tegar muncul kembali. Kini satu usaha akan diambil untuk meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan 40% terbawah. Golongan berapa peratus terbawah ini yang terdiri daripada yang bukan terlalu kaya dan bukannya terlalu miskin tetapi memerlukan bantuan untuk membangunkan taraf sosioekonomi mereka.

Untuk menjayakan hasrat murni ini kerajaan perlu berpaling kepada tenaga kerja yang sering diketepikan golongan wanita khasnya suri rumah. Kajian telah membuktikan bahawa di Negeri Johor kaum wanita menguasai industri yang bernilai dengan pengeluaran setahun dianggarkan RM60 juta. Daripada 1,700 orang, 1,200 orang merupakan kaum wanita iaitu 71%. RM60 juta sumbangan wanita terhadap ekonomi nilai statik yang boleh dibanggakan. Sumbangan ini hanya daripada industri di peringkat mukim dan daerah sahaja. Pencapaian ini satu petanda dan memberi satu panduan hala tuju IKS untuk wanita. Di sini saya sarankan kepada kerajaan supaya mewujudkan satu dana khas untuk usahawan IKS wanita sahaja supaya mereka boleh bersama-sama menyertai aktiviti-aktiviti pembangunan dan dapat mengecapi kejayaan di peringkat negeri dan kebangsaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya amat terharu dengan pengisytiharan penubuhan Yayasan Sultan Ibrahim oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Titah Tuanku jelas menunjukkan bahawa beliau benar-benar berjiwa rakyat. Kebajikan rakyat Negeri Johor bukan sahaja dibela oleh Kerajaan Negeri tetapi juga oleh Kerabat Di Raja Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker dengan ini saya turut menyokong rundingan yang dibawa oleh sahabat saya, Puteri Wangsa. Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Tenggaroh. Jemput yang lain. Tangkak.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat sejahtera, salam perpaduan dan salam 1 Malaysia saya ucapkan kepada semua sidang Dewan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2011 di Dewan yang mulia ini. Bajet yang dibentangkan pada sidang Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar merupakan satu lagi bajet yang realistik iaitu satu bajet yang boleh dilaksanakan untuk mencapai matlamat ke arah membangunkan kualiti hidup rakyat serta negara berpendapatan tinggi. Peningkatan pertumbuhan ekonomi Negeri Johor melalui langkah pemulihan oleh kerajaan pada akhir suku kedua 2010 ini pastinya dapat melonjakkan KDNK Johor melebihi 6%.

Pada tanggapan saya, Bajet 2011 Negeri Johor yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini merupakan bajet yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan rakyat. Di sini saya nak mempersoalkan Yang Berhormat Senai yang mengkritik tanpa membuat rujukan dahulu tentang amalan yang baik dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri selama ini. Kerajaan Negeri kita mengamalkan sikap telus dan bertanggungjawab sebab itu kita benarkan media membuat liputan untuk

memberitahu rakyat tentang peluang-peluang masa depan. Tambahan pula, sidang Dewan ini yang dijalankan dengan sempurna memberi peluang kepada semua ADUN bercakap termasuk ADUN Pembangkang untuk memberi cadangan atau mengkritik. Biasanya setengah ADUN Pembangkang ini mengkritik sahaja walaupun perkara yang dilaksanakan terbukti berkesan untuk kesejahteraan rakyat. Mana boleh angka yang di bentang sebagai Bajet 2011 dianggap tidak bermakna kalau lebihannya bukan angka yang besar? Tetapi yang lebih penting di sini adalah kita berjaya berbelanja bagi mencapai maksud "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat". Seperti mana yang diamalkan oleh Kerajaan Johor sejak dulu, kita tidak boleh melihat lebih banyak lebihan sebagai kayu pengukur pentadbiran yang ia lebih efisien.

Di sini saya ingin mengambil perhatian tentang pengurusan di negeri yang dikuasai Pembangkang. Adakah mereka bersikap telus dan bertanggungjawab? Petugas media dan pemberita pun mereka tidak dibenarkan masuk? (Dewan bertepuk). Macam mana rakyat boleh melihat peluang-peluang dan nasib mereka diperjuangkan? Atau mereka takut pendedahan satu-persatu kepincangan pentadbiran mereka diketahui umum? Tepuk dara tanya selera? (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tepuk dada, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Suka.. (Dewan ketawa). Ok, Yang Berhormat Datuk Speaker, suka saya membawa Yang Berhormat Senai untuk merujuk Berita Harian yang bertarikh 19 November 2010 muka surat 12, sebagai mana yang didakwa mungkin boleh dibuat rujukan atau perbandingan.

i. Mengambil orang luar termasuk perunding yang tidak memahami selok-belok pentadbiran Badan Berkanun atau Agensi Kerajaan dengan gaji dan kemudahan berbeza dengan kakitangan asal. Itu yang pertama.
ii. Membelanjakan RM520,000 bagi belanja majlis perkahwinan di PICC.
iii. Bayaran sewa pejabat sementara berjumlah RM9.6 juta bagi sewaan 3 tahun.

Adakah ini dimaksudkan sebagai 3 penyakit lebihan bayaran, pembaziran atau *over*… dengan izinnya. Siapa yang lakukan? Seperti peribahasa, "Tepuk air di dulang, terkena muka sendiri". (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, keseluruhan bajet yang dibentangkan pada Dewan ini semuanya merupakan satu gerakan usaha menyeluruh daripada semua pihak yang terlibat dan berkepentingan khasnya jentera-jentera kerajaan bagi menggerakkan strategi-strategi yang digariskan melalui kaedah dan inisiatif, transformasi yang ditetapkan bagi mencapai prestasi yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman yang sentiasa bersikap proaktif dan adil dalam memperjuangkan dan membela nasib rakyat semua peringkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga amat bersyukur kerana kita mempunyai barisan jentera kerajaan yang cekap, tegas dan komited untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul di kalangan rakyat dengan secepat mungkin, khasnya di daerah saya, daerah Ledang. Kepimpinan Pegawai Daerah Ledang yang sentiasa

bekerja keras, peka dan senang didekati serta bijaksana dalam membuat keputusan amat berkesan dalam menangani isu setempat secara baik. Peluang bersama-sama rakyat digunakan secara optimum untuk menjelaskan dasar serta mendengar masalah rakyat secara terus serta mengambil tindakan sewajarnya. Ini dipraktikkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sekiranya beliau berpeluang berada di Kawasan. Situasi ini juga sebenarnya amat menyokong strategi-strategi yang digariskan bagi "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat".

Kita amat percaya dengan inisiatif strategi yang digariskan oleh kerajaan. Walaupun begitu, inisiatif strategi kelima yang mana secara keseluruhannya akan menggerakkan pertumbuhan nilai tambah sektor pertanian secara terus dapat diberi peluang tumpuan di Tangkak. Berita baik ini semestinya mendapat sokongan, penduduk Tangkak mempunyai sebilangan besar petani yang mengusahakan tanaman sumber makanan, kebun integrasi dan banyak juga premis-premis yang mengusahakan industri burung Walet. Dengan adanya inisiatif strategi ini, diharap Tangkak akan juga dikenali sebagai Hab Pertanian selain daripada destinasi pelancongan di Gunung Ledang dan Pusat Tekstil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jentera Kerajaan Negeri sentiasa peka dan bersedia juga merupakan kekuatan ke arah pencapaian matlamat "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat". Kita juga mengharapkan agar agensi-agensi lain seperti TNB dan SAJ mengambil langkah sepatutnya bagi melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat bagi menjayakan sebahagian misi yang ditetapkan ini. Ini penting bagi mewujudkan sikap *Win-Win,* dengan izin di kalangan masyarakat. Perkara ini boleh dilaksanakan kepada mereka yang kurang berkemampuan atau yang amat memerlukannya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah melaksanakan projek pembangunan infrastruktur, jalan raya dan bekalan elektrik di ketiga-tiga Perkampungan Orang Asli yang ada di Tangkak. Semua orang penduduk tersebut amat gembira dengan perkembangan ini, sekurang-kurangnya mereka boleh melakukan aktiviti ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan selain yang penting sekali ialah membolehkan anak-anak mereka menggunakan kemudahan komputer pada bila-bila masa. Walaupun begitu, hasil lawatan saya pada malam 11 November 2010 di Perkampungan Orang Asli Tanah Gembur, mereka menerima kehadiran saya dengan muka yang berseri-seri kerana dilimpahi cahaya lampu. Sebenarnya, mereka amat bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan dengan perkembangan dalam tempoh 2 tahun kebelakangan ini. Walaupun begitu, mereka juga menjelaskan bahawa mereka juga perlukan bekalan air bersih terawat yang berterusan. Pembinaan kolam tadahan dan rawatan air amat diperlukan penduduk di sini. Ini kerana apa yang mereka gunakan sekarang hanyalah bekalan yang didapati daripada sumber mata air di kawasan gunung. Inilah satu-satu masalah yang membelenggu kehidupan mereka sehari-hari. Harapan saya melalui pelaksanaan Bajet 2011 ini masalah ini dapat diusahakan bagi memperkemaskan serta membangunkan masyarakat Orang Asli.

Perkara ini juga termasuk dalam inisiatif strategi pertama, iaitu membangunkan masyarakat Orang Asli. Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada strategi yang ketiga, langkah yang keempat iaitu meningkatkan kualiti hidup setaraf negara maju.

Apa yang nak sentuh di sini adalah berkaitan usaha-usaha proaktif yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan capaian Internet di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar bagi mengurangkan jurang digital antara kawasan-kawasan yang terlibat. Baru-baru ini saya menerima banyak aduan daripada pemohon-pemohon yang permohonan mereka masih di dalam senarai menunggu disebabkan tiada kemudahan sambungan Internet di kawasan terlibat. Ada pula yang terpaksa menunggu sehingga beberapa bulan? Sekiranya perkara ini tidak diselesaikan segera, dia akan menimbulkan imej yang tidak baik kepada kerajaan walaupun kerajaan bercadang memberikan *notebook* secara percuma kepada mereka yang layak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keberkesanan perlaksanaan strategi-strategi inisiatif dan transformasi pelbagai bidang amat bergantung kepada penilaian yang diberikan oleh orang awam terhadap mereka yang berada di barisan hadapan iaitu kakitangan atau pegawai yang menjadi perantaraan dengan orang awam di jabatan-jabatan kerajaan. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan agar mana-mana petugas kaunter atau petugas barisan hadapan perlulah menghadiri kursus atau latihan bagi menghadapi ragam masyarakat dan berupaya menyampaikan maklumat dengan berkesan serta mengawal diri dalam menjalankan tugas. Perkara ini saya sebutkan kerana kadang-kadang penyelesaian yang kurang tepat, teguran yang kasar, maklumat tidak lengkap dan sikap yang kurang sopan sering menjadi andaian pegawai kerajaan tidak tahu bekerja, sombong. Dan ini boleh menjejaskan jabatan dan kerajaan secara serius.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berasa amat bertuah apabila berada di bawah naungan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Bahagian Ledang kerana tidak banyak isu yang dibawa kepada sidang Dewan ini, kerana tindakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sering turun padang dan menyelesaikan masalah rakyat secara terus merupakan satu pendekatan yang amat berkesan. Kita faham dengan kesibukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetapi beliau sering turun padang apabila berkesempatan dan apabila penduduk menghadapi musibah. Tak seperti yang berlaku di setengah negeri sebelah sana. Pemimpinnya hanya pandai berjanji sahaja, bila berlaku bencana, batang hidung pun tak nampak. Sikap bertanggungjawab dan bekerja keras untuk mensejahterakan rakyat, inilah yang patut menjadi pendorong kepada semua rakyat untuk sama-sama menyahut seruan rakyat bergerak seiring untuk memacu kejayaan ke arah negara berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya akhir, saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini untuk mengirim takziah kepada keluarga seorang murid di DUN saya, yang pada pagi semalam mengambil SPM tetapi telah meninggal dunia, kerana atas sebab maklumat yang saya dapat kerana sakit jantung, itu sebablah..

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat dah pergi lawat?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang langkah-langkah yang kita ambil di Batu 20..

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Ya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat dah pergi melawat?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Belum lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Belum lagi?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Belum balik lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Belum balik?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Itu sebab saya tahu mana rumah dia, dia adalah di kampung mana, dan saya haraplah, yang langkah-langkah seperti membudayakan gaya hidup kita perlu, amat relevanlah dan kita kena memperkasakan dan dengan ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucap terima kasihlah dan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman dan Barisan EXCO yang telah pun menjalankan tugas, tanggungjawab, amanah yang begitu baik selama ini dan saya menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Tangkak. Jemput yang lain, Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Datuk Speaker, terima kasih kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pertamanya, saya ingin menyentuh sikap jimat cermat di jabatan. Dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, beratus-ratus ribu telah pun diperuntukkan untuk hampir ke semua jabatan kerajaan. Ini adalah wang rakyat yang dikutip melalui hasil cukai. Saya ingin menyeru, menyeru ketua-ketua jabatan mengamalkan sikap berjimat cermat agar tidak membazirkan wang. Izinkan saya beri satu contoh. Contohnya kalau *air-cond* dipasang di jabatan, janganlah terlalu kuat kerana membazir elektrik. Saya difahamkan di Beijing, Negeri China mereka menggalakkan menggunakan *air-cond* dalam suhu 26°C sahaja kerana dapat menjimatkan elektrik. Hawa dingin, ok. Mengenai isu perpaduan rakyat. Perkara ini sering dipandang di sini. Saya pun bosan mendengar. Cuma saya nak menyeru pemimpin parti politik berhati-hati dalam ucapan mereka, jangan menyentuh isu perkauman yang agak sensitif. Rakyat jelata sebenarnya tidak ada apa-apa, kita masing-masing bekerja, masing-masing ada kawan yang berbilang kaum, kadang-kadang ada makan bersama, minum bersama. Hari perayaan pun kita rayakan bersama. Apa masalahnya? Kalau kita hormat menghormati kaum yang lain, bersikap bertoleransi dan bertolak ansur, semua perkara boleh dibereskan, diselesaikan.

Saya ingin mencadangkan, Jabatan Perpaduan, Jabatan Belia dan Sukan sentiasa mengadakan program yang melibatkan semua kaum. Umpamanya, karnival, sukan, makan dan sebagainya, dengan tujuan dapat merapatkan semua kaum.

Untuk menjimatkan masa, saya akan terus menyentuh masalah yang timbul di kawasan saya. Pertama, air catuan di kawasan Kluang. Catuan air ini sering berlaku di Kluang, sebelum ini pernah berlaku pada Hari Raya Puasa 2005 dan Tahun Baru Cina yang lepas. Sejak 4 November tahun ini, berlaku lagi perkara ini kerana kualiti air kurang memuaskan dan sehingga ke hari ini masih belum ada pemulihan. Saya

pernah menerima banyak telefon, antaranya satu yang tanya saya, "YB, sekarang hujan tapi tak ada air, macam mana?" Saya pun jawablah, "Encik, ini ya, saya dengar kualiti air tak baik". "Kenapa kualiti air tak baik?", Saya cakap, "Saya tak faham tapi saya tahu mungkin kerana ada tanaman pokok-pokok, tanaman macam kelapa sawit ke sayur-sayuran ke, ada lembu di situ, ada najis, lepas tu ada racun, baja macam-macam". "Kenapa bagi mereka di situ?" Ini banyak kenapa, ini soalan saya tanya sini, saya tak pandai jawab.

Pada Jumaat lalu, saya terkejut melihat Empangan Sembrong Barat di permukaan air dipenuhi tumbuhan rumpai dan dikenal pasti kiambang. Saya ingin tunjuk sini memang banyak di permukaan air sungai itu, banyak penuh. Kat tepi, tengah, kiri, kanan semua, saya cuba cincai ambil satu sahaja. Ikut suka hati ambil mana saja, dapat. Sudah teruk keadaan ini. Saya nampak jentera pengaut membersihkan tumbuhan itu di tebing empangan tersebut. Ada jentera di sana. Tapi tebing sungai apa gunanya. Tengah-tengah banyak. Apakah ini berkesan, bagaimana pula dengan kiambang yang di tengah-tengah empangan? Kiambang yang di tengah-tengah empangan harus dibersihkan dengan serta merta kerana saya boleh nampak air tidak dapat bergerak langsung, susah macam tu. *Still,* tak ada bergerak, tidak mengalir. Pakar-pakar dalam bidang ini harus dikerahkan untuk mengkaji dan menganalisa serta memberikan cadangan-cadangan untuk memulihkan pembekalan ini. Kerajaan perlu menubuhkan satu Jawatankuasa Khas, saya buat seruan di sini, satu Jawatankuasa Khas untuk pembekalan air, pembersihan air di semua empangan di Johor ini. Bukan saya, tempat Kluang saja, semua untuk menjaga pembekalan air satu Jawatankuasa. Jangan ada masalah, kita YB semua tak payah, tak perlu tidur, kacau sahajalah. Rakyat kacau, kita kacau sini, minta maaf. Bil air di Negeri Johor, sangat tinggi maka kualiti air patut dijaga dengan baik. Ini satu permintaan yang wajar. Mengenai tanah kurniaan kampung-kampung yang ada bayaran berbeza. Baru-baru ini, saya telah diminta menghadiri ke satu kampung di Kangkar Baru dan mereka…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat Yong Peng, kenapa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Datuk Speaker, siapakah ADUN Yong Peng? Ini kawasan saya, saya nak bentangkan, bukan orang lain bentangkan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok jemput Yang Berhormat. Yang Berhormat? Yang Berhormat pun tadi dah sebut Mengkibol tadi awak kata, nak menyuarakan masalah tempatan ataupun kawasan, selesaikan masalah kawasan dulu. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tapi ini bukan apa, biarlah dengar apa cerita saya kalau nak bantah, baru bantah. Tak tahu soalan, macam mana nak bantah. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok jemput Yang Berhormat. Jemput, jemput.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Baru-baru ini tapak rumah haram di Negeri Johor telah diberi geran dengan syarat antaranya ialah bayaran harga tanah dan harga tanah tambahan. Walaupun sama-sama kawasan kampung seperti di Yong Peng, Lam Lee dan Kangkar Baru. Tapi kadar bayaran setiap kaki persegi tidak sama. Tapak

rumah bagi Yong Peng dan Lam Lee adalah lebih murah tetapi di Kangkar Baru, hampir separuh lebih, iaitu RM3.00 lebih, di Yong Peng RM1.00 lebih, RM1.50, saya ada, kalau saya nak baca. Di Yong Peng, untuk 6,140 kaki persegi harga tanah dan kos tambahan 60 tahun RM1.61, 99 tahun RM3.15. Di Lam Lee begitu juga, di Lam Lee, untuk 7,478 kaki persegi 60 tahun, RM1.40 satu kaki persegi, 99 tahun, RM2.47 satu kaki persegi, manakala di Kangkar Baru pula lain. Bagi tanah lot 1,619 kaki persegi, setiap kaki persegi RM2.96. Tengok tadi RM1.61, RM1.41 sekarang RM2.96. Untuk..

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat? Ya, ada apa?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 15 November...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tekan *button* tu.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 15 November, yang mana satu Majlis Penyampaian Borang 5A telah diadakan di Dewan Orang Ramai Yong Peng, untuk disampaikan pada penduduk-penduduk di Kangkar Baru dan di Lam Lee. Jadi, masalah-masalah yang dihadapi telah disampaikan pada saya pada hari tersebut semasa penyampaian 5A, jadi saya nak tanya, kenapakah?, kenapakah?, ADUN kawasan lain, dia tak tahu dia punya kerja tapi masuk ke kawasan saya. Saya punya kerja untuk saya bentangkan, bukan dia? Minta maaflah saya kena cakap. Jangan kacau bilau dekat sini, saya minta maaf. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tolong suarakan masalah *you* di DUN *you*.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya punya kawasan saya tahu nak suarakan, bukan *you* yang wakil cakap.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok jemput Yang Berhormat Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Masalah YB khas untuk kawasan dia.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak sebenarnya dah dijelaskan tadi, benda tu perkara tu kan..

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Kitakan YB untuk, minta maaf.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Sebenarnya kerajaan pun dah nyatakan sepertimana Yang Berhormat Yong Peng sebut, jadi Yang Berhormat alih ke perkara yang lainlah. Kalau Yang Berhormat sebut tadi pun, insya-Allah kerajaan akan menjawab nanti, ya.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Sedikit sahaja biar saya habiskan, nanti awak bantah esok. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ini bukan antara Yang Berhormat dengan Yang Berhormat. Ini antara Yang Berhormat dengan pihak kerajaan, biarlah kerajaan yang menjawab, kalau nak selesai luar, dua-dua keluar, ceritalah kat luar. (Dewan ketawa). Jemput Yang Berhormat. Masa?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Mereka, sebenarnya mereka nak bayaran itu sama saja, sama-sama kampung…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, yalah Yang Berhormat cadang jelah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Kampung, itu saja. Tak ada apa.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cadang, ok.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Dia tak akan tak mahu terima ke, dia mahu geran...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Mesti mahu. Tapi dia nak sama saja. Itu saja.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok. Perkara lain.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : *Strata Title* tak dikeluarkan dalam tempoh. Di Kluang banyak bangunan kedai dan kediaman masih belum mendapat *Strata Title* yang sepatutnya dipohon dan dikeluarkan kepada pembeli umpamanya pejabat saya di tingkat 1, Johbase City Square. Saya telah memiliki hampir 10 tahun tapi masih tiada *Strata Title* langsung. Saya menyeru kerajaan mengambil tindakan untuk memastikan pihak pemaju memohon *Strata Title* dengan segera.

Ini isu karaoke lesen. Lesen karaoke susah diperolehi. Peniaga karaoke mereka berniaga betul juga. Kalau ada apa-apa melanggari undang-undang boleh tangkap, boleh saman. Tapi mereka berniaga dengan secara baik, jujur. Peniaga karaoke mengadu bahawa permohonan mereka tidak dijawab dan tiada keputusan. Setiap tahun mereka pasti disaman oleh pihak berkenaan kerana tiada lesen. Mereka menyeru kerajaan meluluskan permohonan mereka supaya mereka dapat menjalankan perniagaan tanpa ketakutan.

Ini masalah burung Walet. Masalah burung Walet saya menyokong cadangan Y.B. Kahang supaya satu garis panduan yang lebih ketat, lebih jelas untuk mengawal bidang ini. Saya juga berpendapat kerajaan perlu mengehadkan satu tempat yang agak jauh dari kawasan kediaman untuk pembiakan burung Walet ini kerana ini dapat mengurangkan gangguan bunyi burung Walet dan mengelakkan apa-apa penyakit yang mungkin berlaku pada masa jangka panjang. Siapa pun tak tahu, mungkin.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat. Ringkaskan.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Minta maaf. Sebab saya baru saja *start*. 10 minit lebih sahaja.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah kita bagi peluang yang lain.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ya, saya akan..Kecurian sering berlaku di kawasan perumahan bukan sahaja di waktu malam. Sekarang teruk, siang hari pun masuk. Orang kerja, rumah tiada orang, masuk sahaja. Saya menyeru pihak Polis meningkatkan rondaan di kawasan berkenaan. Saya percaya Polis, pihak Polis ada terima laporan Polis berkenaan dengan kes curi dan dapat menjalankan rondaan.

Yap Tau Sah tiada *bus service*, perkhidmatan bas dan masih banjir lagi. Ini masalah selama sebulan lebih, sudah tiada *bus service* di Yap Tau Sah. Ini telah menyusahkan penduduk di kawasan itu. Saya minta pihak berkuasa membantu memulihkan perkhidmatan dengan secepat mungkin. Orang yang duduk bas biasanya orang yang duduk di bawahan. Mereka tiada wang membeli kereta.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat tahu, pernah naik bas?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya pernah dulu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dulu. Sekarang tidak pernah?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Jalan kaki pun ada. Naik basikal pun ada.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ya ke? Itu dulu la.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ya. Tambahan pula Jalan Sawi di Yap Tau Sah masih berlaku banjir ketika hujan lebat. Ini kawasan rumah kos rendah. Majoriti maaf, kaum Melayu. Mereka mengadu kepada saya masalah ini sudah lama dan minta kerajaan cepat-cepat menyelesaikan perkara ini.

Lampu isyarat. Lampu isyarat ini aneh. Sentiasa tidak berfungsi apabila hujan dan ribut petir. Ada yang berlanjutan sehingga 2-3 hari. Ini membahayakan pengguna jalan raya kerana masing-masing tidak dapat mengikut peraturan lampu isyarat. Adalah dicadangkan pihak berkenaan harus bertanggungjawab dan memperbaiki lampu tersebut dengan serta-merta. Jangan tunggu esok lusa.

Untuk mengurangkan kemalangan jalan raya, papan tanda harus digantikan dengan papan tanda yang boleh mengeluarkan pantulan cahaya, *reflection,* supaya jelas dan dapat dilihat dari jauh dan boleh berhati-hati. Alat pantulan cahaya perlu diletak di pembahagi jalan supaya waktu malam atau semasa hujan lebat, pemandu dapat melihat pembahagi jalan dengan elok.

Sampah. Ini macam masalah masih ada lagi. Sampah sarap. Perkara ini sering berlaku. Sampah sarap tidak dikutip mengikut jadual. Ada yang mengadu sesetengah kawasan, sampah sarap dibiarkan 3-5 hari. Ada yang mengadu pekerja yang menekan plastik sampah yang berair dan lepas itu ditinggalkan di depan rumah dan dibiarkan busuk. Saya cadangkan suri rumah tangga diminta mengasingkan sampah yang boleh di kitar semula dan sampah kotor dan harus dibuang dalam beg yang

berasingan. Dan, dapat menjimatkan masa pekerja dan masa mengurangkan sampah juga. Cuba balik ajarlah isteri asingkan dua-dua.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang akhir, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Minta maaflah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang akhir. Saya sudah bagi 15 minit.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya hendak pilih yang mana satu hendak cakap.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang mustahak sahaja.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya lompat-lompat sahaja.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ha. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Peruntukan kami. Saya hendak sentuh tentang peruntukan kami. Peruntukan kami daripada pihak pembangkang, tidak ada satu garis panduan bagaimana peruntukan kami itu digunakan. Orang tanya, saya cakap tidak tahu, di mana, mungkin di Pejabat Menteri Besar, itu yang saya tahu. Siapa pakai saya tidak tahu. Siapakah yang telah menggunakan, mengeluarkan peruntukan tersebut bagi pihak kami? Dan, adakah senarai-senarai mereka yang mendapat peruntukan tersebut? Dan apakah tujuan peruntukan itu dikeluarkan?

Saya sentiasa menyokong prinsip 'Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat'. Tapi saya ingin menyeru di sini, saya minta satu senarai menunjukkan penggunaan peruntukan kawasan pembangkang. Dan saya berharap tiada putar belit dalam penggunaan wang peruntukan kami.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, Yang Berhormat cukup.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya meminta Y.B.-Y.B. jangan menuduh....

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Mengkibol duduk sekejap. Apa yang hendak mencelah.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya hendak mencelah sedikit. Saya hendak minta penjelasan mengenai Peraturan 45, mengenai dengan peruntukan tadi. Kalau dia beri penjelasan apa yang berlaku di Selangor dan juga di Pulai Pinang, kerajaan yang memerintah daripada DAP, begitu juga dengan di Selangor. Bagaimana pula peruntukan-peruntukan yang diagihkan kepada pembangkang-pembangkang yang ada di Selangor dan Pulau Pinang, baru Kerajaan Negeri Johor boleh terangkan ke mana peruntukan itu. (Dewan bertepuk). Kalau hendak kita cadangkan masuk Barisan Nasional.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya anggap bergurau sahaja. Tidak apa. Ini polisi yang ditetapkan oleh kerajaan, bukan saya tidak boleh buat apa-apa. Saya tidak setuju juga, saya harap semua parti dapat, semua Y.B. dapat. Itu saya...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker saya minta dia pergi cari Presiden dia dululah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok Yang Berhormat masa, masa.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya nak habiskanlah**.** Jangan ganggu. Akhir sekali saya minta Y.B.-Y.B. jangan menuduh parti pembangkang. Kita tahu sistem berpolitik dan demokrasi...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Peraturan, saya nak tahu. Apa tuduhan saya hendak tahu. Ini Peraturan 45. Y.B. kena terangkan...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat jemput duduk dua-dua, Jadi beginilah kita dalam Dewan cakap itu biarlah kata orang yang baik-baik. Jemput Yang Berhormat Mengkibol. Jadi kita secara umum, minta semua Wakil Rakyat tidak kira pembangkang ke, yang ada dalam Barisan Nasional ke, kita sama. Tujuan kita untuk kebaikan rakyat keseluruhannya. Jemput. Yang akhir tadi. Rumuskan jelah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Kita tahu sistem parti berpolitik dan demokrasi memang ada parti pemerintah dan parti pembangkang. Kedua-dua pihak memainkan peranan masing-masing dengan tujuan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara. Dan contohnya, di England, Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Thailand, Indonesia ataupun mana-manalah. Saya hormati parti BN yang menjadi pembangkang di 4 buah negeri Pakatan Rakyat. Pasti peranan yang dimainkan oleh Y.B.-Y.B. di situ susah juga. Tapi juga baik juga dan jangan diperkecil-kecilkan. Kalau kecil-kecilkan, kita juga perkecil-kecilkan saudara kamu di situ. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup masa Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : (Dewan bertepuk) Marilah kita sama-sama berganding bahu dan bersikap lebih matang dalam perbahasan kita.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Datuk Speaker saya hendak ADUN Mengkibol faham ini Negeri Johor. Jangan bandingkan ini negeri dengan negeri-negeri yang lain. Dia kena belajar kebudayaan Negeri Johor.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, kita ini bukan, ini satu negara demokratik. Yang Berhormat Puteri Wangsa boleh bagi contoh lain negeri. Cuma Yang Berhormat Mengkibol bagi balasan jawapan saja. Kalau dia tak faham peruntukan diberikan di lain negeri. Peruntukan di peringkat kawasan Pakatan Rakyat yang boleh menjimatkan wang rakyat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok. Skudai jemput duduk.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Biar saya habis satu ayat sahaja. Marilah kita sama-sama berganding bahu, bersikap lebih matang dalam perbahasan kita, pandangan kita, cadangan kita dan lain-lain demi untuk kepentingan rakyat dan negeri. Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput Yong Peng. Mahu lawan. (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan ADUN Yong Peng memulakan ucapan dengan serangkap pantun. Dari Yong Peng ke Kota Iskandar, Singgah sebentar membeli cawan, Rintihan rakyat di utara, Pohon penyelesaian dari Dewan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Yong Peng mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Ucapan Bajet bagi tahun 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 11 November 2011. Kita amat bersyukur kerana mempunyai seorang Menteri Besar Johor yang begitu prihatin, komited dengan rakyat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengamalkan amalan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dalam Ucapan Bajet 2011 Negeri Johor oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 11 November 2011 strategi kedua meningkatkan paras hidup rakyat berpendapatan rendah, inisiatif satu membangunkan sosial ekonomi secara inklusif, muka surat 16 para 3 bilangan 62 langkah ke-7 menyelesaikan masalah hak milik tanah masyarakat kampung baru. Setakat ini sebanyak 19,429 hak milik di kawasan kampung-kampung baru telah dikeluarkan manakala 2,841 Plot lagi belum dibuat permohonan pada Pejabat-Pejabat Tanah bagi menyelesaikan isu ini secara tuntas. Saya menyeru kepada penduduk yang terlibat supaya segera membuat permohonan. Justeru Kerajaan Negeri bersetuju supaya perkhidmatan pasukan *Task Force* bagi tujuan ini disambung selama 2 tahun lagi. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Yong Peng mengucapkan jutaan terima kasih kepada lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke DUN Yong Peng pada 8 April 2010 yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah banyak menyelesaikan masalah hak milik penduduk-penduduk di Kampung Baru, Kangkar Baru dan di Lam Lee yang mana pemohon-pemohon telah duduk di tempat tersebut semenjak perang dunia ke dua. Saya juga ingin mengucapkan ribuan kasih kepada Pengarah Tanah dan Galian Johor, mantan Pentadbir Tanah Daerah Batu Pahat dan Pentadbir Tanah Daerah Batu Pahat, JKKK Kangkar Baru dan Lam Lee yang menjalankan tugas yang cemerlang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 15 November 2010, jam 3.00 petang Majlis Penyampaian Borang 5A telah dilangsungkan oleh Pentadbir Tanah Daerah di Dewan Orang Ramai Yong Peng untuk 90 orang penduduk Kampung Kangkar Baru dan 70 orang penduduk Kampung Baru Lam Lee. Dan RTM telah buat liputan pada hari itu dan juga, pemberita-pemberita surat khabar telah membuat liputan untuk makluman...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat pandang saya, jangan pandang Mengkibol.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, ya, ya. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya terpaksa memandang dia, kerana apa dia cakap, dia tak tahu apa yang telah berlaku.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ya lah, Yang Berhormat, dalam Dewan ini Yang Berhormat kena pandang Speaker.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, ya, ya, minta maaf, minta maaf Datuk Speaker. Jadi itulah bukti yang terbaik yang mana RTM telah buat liputan dan telah disiarkan pada hari kemudiannya pada jam 9.00 pagi di RTM 1 dan juga di RTM 2 pukul 12.00 tengah hari, itu liputan dalam Bahasa Mandrian.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Siapa yang menyampaikan Yang Berhormat?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya yang menyampaikanlah sebab...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Patut Yang Berhormat beritahu dekat Mengkibol, jadi dia tengok siaran TV, jemput, jemput, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya lah tapi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kesallah sebab dia tak ikuti TV, ah itu program tersebut.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat tak beritahu kat dia.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ini apa hal?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan Tetap 45(13) sebab Y.B. Yong Peng telah membuat tuduhan terhadap Y.B. Mengkibol. Sini, saya rasa dia minta penjelasan...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ya begini Yang Berhormat, pasal tadi Y.B. Mengkibol bangkitkan perkara itu, jadi dia beri penjelasan itu sahaja.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Nampaknya Y.B. Yong Peng tidak faham undang-undang.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Apa pulak, apa pulak tak faham.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput duduk Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Borang 5A diberikan pada hak milik, Ulu Choh berikan Borang 5A tapi hak milik hilang.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Borang 5A, lepas itu ada Premium.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya belum habis cakaplah, jangan celahlah, tolong.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok Yang Berhormat Skudai, jemput duduk.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Dia tak faham, duduk, duduk dengar saya cakap dulu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ini bukan kedai, ini soal, bukan hak milik. Ini soal Borang 5A. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta tolonglah jangan celah, sebab dia tak faham apa yang saya nak sampaikan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, cakaplah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jadi di situ, penduduk-penduduk Kangkar Baru seramai 90 orang dan juga penduduk di Kampung Baru, Lam Lee seramai 70 orang telah menerima Borang 5A. Mereka amat terhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas segala usaha yang telah diadakan. Bayangkan lah berapa 64 tahun mereka telah menunggu-nunggu, tetapi dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, pada 8 April dapat menyelesaikan masalah DUN Yong Peng. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang duduk depan saya. (Dewan bertepuk).

Anggaran nilai tanah bagi Lot kedai di Kampung Baru, Kangkar Baru ialah lebih kurang RM5.00 sekaki persegi bagi pajakan 99 tahun. Manakala RM2.50 hingga RM3.20 sekaki persegi bagi tapak kediaman di Kampung Baru, Kangkar Baru dan Lam Lee bagi pajakan 99 tahun. Mereka telah menyampaikan hasrat mereka kepada Ketua Masyarakat JKKK Kampung Baru, Kangkar Baru dan Lam Lee pada hari tersebut, agar dapat pohon mengurangkan bayaran premium dan cukai tanah tambahan. Pada hari tersebut telah sampaikan hasrat, jadi Ketua Masyarakat Kampung Baru, Kangkar Baru dan Lam Lee telah maklumkan pada saya pada hari yang sama yang mana kita menjalankan iaitu Majlis Penyampaian Borang 5A. Dan saya peliklah bagaimana perkara ini boleh kata ada macam-macam masalah. Sebab ini telah dimaklumkan pada hari yang sama. Dan masa liputan RTM, iaitu penerima Borang 5A sangat terhutang budi pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Mereka telah tunggu lama selama 64 tahun dan mereka memang gembira sangatlah bila dapat Borang 5A. Jadi saya minta tolonglah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, yang kita sayangi tolong bantu kitalah supaya dapat dikurangkan Premium tersebut. Jadi, saya nak beritahu Yang Berhormat Datuk Speaker, *I* tak nak ADUN lain untuk ambil campur dalam *I* punya urusan sebab tolong menghormati ADUN masing-masing, jaga kerja masing-masing. Jangan kerja sendiri tak terbuat, tapi nak ambil tahu kerja DUN lain, itu yang saya tak faham. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, Yang Berhormat selesaikan.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat, saya bantah, mana dia tahu kerja saya tak buat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya tak cakap, saya tak buat.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Awak cakap kerja sendiri tak buat, itu tuduhan tak baik.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tak terbuat, tak terbuat.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Itu tuduhan tak baik, tarik balik, tolong.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat, Datuk Speaker, saya ingin nak tahu...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Y.B. Yong Peng saya hormat. Dia orang BN, kita orang Pakatan Rakyat kita buat cara kita sendiri. You *do it your way, I do it my way*. *We get.* Jangan terlalu sibuk.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput duduk Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin nak tahu, masalah itu kampung baru, yang nak mohon itu Borang 5A di DUN Mengkibol bagaimana? Tadi dia sibuk nak ambil tahu saya punya kawasan. Saya nak...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak apalah Yang Berhormat selesaikan masalah kawasan Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tak ada, saya cuma suruh mereka terima, cuma kita nak kemukakan rayuan mereka, itu sahaja. Tak ada lebih pada itu. *Nothings more than that.*

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : *Thank you, thank you*, terima kasih. Saya menjalankan tugas saya eh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, teruskan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Dalam Ucapan Bajet 2011 Negeri Johor oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 11 November 2011, strategi ke-2 meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah muka surat 17 para 2, 64, langkah ke-9 meningkatkan penyertaan wanita dan ibu tunggal dalam ekonomi. ADUN Yong Peng mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Dihormati isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang prihatin dalam usaha meningkatkan penyertaan wanita dan ibu tunggal dalam ekonomi agar mereka dapat manfaat dari rancangan tersebut. Banyak kasih Yang Amat Dihormati.

Dalam Ucapan Bajet 2011 Negeri Johor oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 11 November 2011, strategi ke-3, meningkatkan kualiti hidup setaraf negara

maju, inisiatif 1 meningkatkan kualiti *infrastructure,* muka surat 21 para 3, 80 langkah 2 menaik taraf jalan kampung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sempena dengan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke DUN Yong Peng, pada 8 April 2010, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah janji bahawa jalan merah di Kampung Sri Semangat sejauh 5.5km di naik tarafkan secara berperingkat. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, jalan merah sepanjang 1km telah ditarkan pada Julai 2011. Itu 3 bulan selepas lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Itulah janji BN.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, banyak lagi Yang Berhormat,

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ada sikit lagi. ADUN Yong Peng pohon agar baki 4.5km jalan merah dapat ditarkan berperingkat tiap-tiap tahun. Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Ucapan Bajet 2011 Negeri Johor oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 11 November 2011, strategi ke-3 meningkatkan kualiti hidup setaraf negara maju, inisiatif 2 meningkatkan kualiti perumahan dan kemudahan awam muka surat 25 para 5, 98 langkah ke-6, memastikan pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien. ADUN Yong Peng menyeru agar tapak pelupusan sanitari baru di Bukit Payung Batu Pahat dibina dalam masa terdekat supaya dapat menjimatkan kos pengangkutan buangan sisa pepejal sebanyak RM20,000.00 sebulan apabila sisa tersebut di buang di Labis oleh Majlis Daerah Yong Peng.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi saya habiskan isu-isu tempatan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa dah cukup.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ah tak apa saya cakaplah, ini penting nanti rakyat...

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok Yang Berhormat, jemput duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini saya tangguhkan sehingga hari Jumaat, 26 November 2010, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:10 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KELAPAN	JUMAAT, 26 NOVEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

TIDAK HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam 1 Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

Negara China dan India adalah kuasa baru ekonomi dalam dunia. Apakah usaha yang dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi menarik pelabur China dan India melabur di Negeri Johor. Apakah status pelaburan kedua negara ini di Johor. Apakah bentuk kerjasama yang telah dan akan disusun bagi memastikan peluang pasaran yang besar dan luar dapat dinikmati kedua pihak pelabur? (China, India dan Johor).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, ke belakang 10 tahun yang lepas secara tradisinya negara-negara yang melabur di Negeri Johor adalah terdiri daripada Singapura, Amerika Syarikat, Jepun, negara-negara Eropah dan lain-lain. Baru-baru ini Negara China dan India telah muncul sebagai kuasa besar ekonomi dalam dunia. Di samping kekukuhan ekonomi negara berkenaan dan mempunyai potensi besar melabur ke luar negara dengan mendapat galakan kerajaan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini Negeri Johor menerima banyak pertanyaan serta lawatan dan rombongan pelabur dari Negeri China dan India dalam semua bidang termasuk minyak dan gas, yang berminat untuk membuat pelaburan di sini. Dalam tahun ini Negeri Johor, telah berjaya menerima RM23 juta pelaburan dari Negeri China dalam bidang produk *fabricated metal,* dengan izin dan produk berasaskan kayu. Pada masa yang sama Malaysian Biotech Corporation telah membawa sebuah syarikat Bioteknologi dari India (Biocon) untuk melabur di *Bio-XCell* dengan jumlah pelaburan lebih kurang RM500 juta yang dijangka beroperasi pada tahun 2014 di Wilayah Iskandar Malaysia.

Dalam usaha menarik lebih ramai pelabur dari China dan India untuk datang ke Negeri Johor, pihak kerajaan dengan kerjasama dari jabatan-jabatan seperti MIDA, JSIC, Persatuan-Persatuan Perusahaan Tempatan serta Wakil Rakyat telah mengadakan rombongan misi galakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara berkenaan.

Bagi mencapai matlamat tersebut rombongan yang telah diadakan adalah seperti berikut:-

1. Pada 23 hingga 26 Ogos 2007, Lawatan Teknikal Kedua Malaysia, China Business Council (MCBC) ke Urumugi dan Turban, China.
2. Pada 7 hingga 12 September 2007, Misi Perdagangan Dan Kebudayaan ke Wilayah Wegru, China.
3. Pada 24 hingga 29 Oktober 2008, Lawatan Kerja Kerajaan Negeri Johor ke Pusat Perabot China di Guang Zhou (*CantonFair*), Lecong dan Dongquan, China.
4. Pada 14 hingga 17 Disember 2008, Lawatan Kerja Kerajaan Negeri Johor ke Pusat Pemprosesan dan Penyimpanan Petroleum di Provinsi Quantong, China.

Y.B. Dato' Speaker : Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Ikatan perdagangan di antara China, India dan juga negara kita dan juga Negeri Johor khususnya dah terbentuk begitu lama sejak daripada Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kita ada hubungan yang begitu unik dari segi *diplomatic marriage,* dengan izin. Jadi saya melihat berdasarkan angka yang telah dikemukakan, cuma setakat ini pelaburan yang kita terima jumlahnya cuma RM23 juta dan dijangka pada tahun 2014 sebanyak RM500 juta yang akan melabur ke Wilayah Iskandar ini.

Cuma kita ni bukan negara *capital,* apa, eksport kapital punya negara, negara yang berkemampuan untuk melabur modal di Negara China, yang pentingnya sekarang ialah bagaimana modal besar Negara China dan India itu boleh masuk ke negara kita. Jadi soalan saya, saya melihat senarai lawatan-lawatan ini lebih kepada *preliminary discussion* antara pihak negara, Negeri Johor dengan kedua-dua negara pelabur yang saya maksudkan. Ada tak pelan komprehensif yang strategik yang dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi menarik pelabur daripada Negara China dan juga India supaya kita boleh melonjakkan jumlah pelaburan kita dalam masa yang terdekat, selaras dengan usaha Kerajaan Pusat untuk menjadikan negara ini negara maju berpendapatan tinggi pada 2020.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping dasar Kerajaan Pusat dengan adanya misi di bawah Menteri MITI ke Negeri China dan India. Seperti saya cakap, oleh kerana kedua-dua negara ini baru muncul sebagai kuasa besar ekonomi dan selama ini kita memang menerima pelabur daripada negara yang telah saya sebutkan, negara jiran, Amerika Syarikat, *Europe* dan Jepun, itu biasa. Kita Negeri Johor, ini kita sedang mengalihkan merancangkan haluan tuju yang baru untuk kita melangkah, untuk menarik pelabur dari Negeri China dan juga India. Itulah baru kita telah hantar rombongan untuk menarik lebih ramai dengan adanya FTA, dengan izin, *Free Trade Agreement* yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari tahun ini, Asean + China, FTA. Ini akan memudahkan dua hala sama ada pelabur daripada Negeri Johor ke China ataupun China ke Malaysia, oleh kerana FTA ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2010 di mana lebih daripada 80% barang-barang tidak akan kena *tax.*

Di samping itu, Asean juga ada satu, Asean + India juga satu FTA yang belum kuasa penuh, belum dilaksanakan, berkuatkuasakan penuh. Jadi kalau Asean + India saya tak berapa tepat tentang FTA ini. Kalau dia dijalankan terus akan menambah lagi kemudahan untuk kedua-dua Negara India dengan Negeri Johor supaya kita dapat pelaburan dua hala untuk kedua-dua tempat. Di samping itu, kita juga ada Persatuan Dewan China dan juga Persatuan Dewan India dan juga JIBA telah ada perhubungan yang rapat untuk menarik ramai lagi pelabur dari Negeri China dan juga dari India masing-masing datang ke Johor untuk melabur. Itu juga cara secara swasta dan kerajaan sentiasa berikan galakan. Oleh kerana kita ada kelebihan kerana kita ramai Wakil Rakyat, penduduk kita adalah berasal daripada kaum China yang boleh tutur Bahasa Cina, kaum India boleh tutur Bahasa Tamil yang sama juga dengan penduduk di sana. Jadi senang untuk kita mempertingkatkan lagi ataupun merapatkan lagi perhubungan atau silaturahim antara rakyat-rakyat ketiga-tiga pihak.

Y.B. Dato' Speaker : Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin bertanya berhubung dengan pelaburan daripada Negara China dan juga India yang berasaskan kepada sektor pelancongan kerana kita tahu bahawa India penduduknya hampir 1 bilion, begitu juga dengan China yang lebih daripada 1.6 bilion yang mana mempunyai potensi yang begitu besar di dalam sektor pelancongan. Kita tahu bahawa satu ketika dulu bila Jepun banyak datang melabur di negara kita dan dia membawa banyak masuk sama ada restoran dia ke, ataupun hotel dia ke, dia punya *chain link* dia datang melabur ke negara kita. Jadi saya ingin tahu untuk sektor-sektor ini sampai hari ini berapa banyak yang dah melabur iaitu dengan melalui salah satu program yang begitu menarik iaitu program *Silver Hair* ataupun program apa ini warga emas ini yang sekarang dia banyak duit pencen kat negeri dia untuk datang sebagai tempat apa, tempat kedua untuk apa, *second home* di negeri kita. Jadi saya ingin tahu adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat terkini berhubung dengan bidang ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya setujulah dengan cadangan Yang Berhormat daripada Machap. Memang kita nampak juga ramai pelancong daripada Negeri China dan juga India ke negara kita khasnya di Negeri Johor. Memang sepanjang pengetahuan saya memang kerajaan kita ada program seperti *Malaysia My Second Home,* dengan izin, untuk *Silver Hair,* dengan izin. Dan angka-angka tentang pelancongan memang saya tak ada, mungkin Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan akan berikan…

Y.B. Dato' Speaker : Boleh tahu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Berikan segala maklumat yang tepat, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya dapati bahawa jumlah pelaburan daripada Negeri China memang ke Negeri Johor ini memang amatlah rendah. Jadi saya ingin bertanya sama ada pelaburan dari segi teknologi yang tinggi daripada Negeri China akan diadakan dalam masa yang akan datang. Misalannya saya kata sedemikian adalah bahawa bagi Pulau Pinang, Negeri China telah membuat satu pelaburannya besar-besaran dengan *funding* juga datang daripada Negeri China untuk membinakan satu jambatan yang kedua. Jadi saya nak tanya bagi Negeri Johor ini sama ada satu pelaburan besar-besaran dari segi *funding,* pinjaman wang daripada Negeri China akan berlaku bagi projek seperti MRT di Negeri Johor khususnya di Johor Bahru dan juga satu jambatan yang akan menggantikan tambak. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, satu, seperti saya katakan tadi, memang selama ini kita menerima pelaburan daripada negara-negara yang saya sebutkan. Negara China baru muncul sebagai ekonomi yang besar dan barulah kerajaan mereka galakkan pelabur dari China keluar negara untuk melabur. Tetapi, pelaburan yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Senai, itu bukan merupakan satu pelaburan dari Negeri China. Kita bagi kontrak kepada mereka untuk bekerja sini. Jadi kenalah kita faham betul-betul. Dan kalau saya ada dengar *double track* daripada sampai Kuala Lumpur kata, Gemas ke, sampai Johor ...

Y.B. Dato' Speaker : Gemas

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ha, Gemas. Ada kemungkinan juga kontrak untuk membina landasan kereta api, lintasan untuk kereta api itu akan diberi kepada syarikat Negara China. Itu bukan pelaburan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, makna bukan kita untung eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Itu bagi kontrak, itu bukan pelaburan. Pelaburan maknanya dia datang...

Y.B. Dato' Speaker : Hantar wang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Ini dia ambil wang kita bawa balik China.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Saya tak tahulah itu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) bagi pihak Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan nombor 2.

Berapakah jumlah bilangan kes penyakit HIV mengikut pecahan daerah-daerah di seluruh Negeri Johor pada masa kini?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, bila *you* tukar nama? Sudah jadi laki-laki ke?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, AIDS atau *Acquired Immunodeficiency Syndrome* adalah satu penyakit yang sangat serius terhadap manusia yang mengakibatkan kematian. Ini diakibatkan serangan virus *Human Immunodeficiency Virus*(HIV). Sejumlah 87,710 kes HIV terkumpul dilaporkan di seluruh Malaysia sejak tahun 1986. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatat *notification* kes terawal pada tahun 1986, seorang warga Malaysia yang balik bercuti setelah bermastautin di Amerika Syarikat. Negeri Johor mencatatkan kes pertamanya melibatkan seorang lelaki pada 1989. Sehingga kini bilangan HIV di Negeri Johor yang terkumpul adalah 14,753 orang di mana seramai 2,038 orang telah menghidap AIDS dan kematian disebabkan AIDS adalah 1,407 orang.

Daerah-daerah dan peratus kes terkumpul HIV adalah seperti berikut : Johor Bahru, bilangan kes HIV adalah 6,543 orang (44%); Kluang, 3,264 (22%); Muar, 2,630 orang (18.8%); Batu Pahat, 668 orang (4.52 %); Kota Tinggi, 611 orang (4.14%); Segamat, 449 orang; Pontian, 279 orang; Mersing, 224 orang; Ledang, 57 orang; Kulaijaya, 28 orang. Berdasarkan kepada faktor risiko, trend jangkitan HIV masih didominasi oleh penagih dadah secara suntikan *intravenous drug users,* dengan izin. Namun begitu, dan trend sekarang ramai yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah perangsang, *Amphetamine Type Stimulant* (ATS).

Selain dadah ini meningkatkan tenaga kesan bekerja yang lama dan keseronokan, ATS ini juga sebenarnya meningkatkan nafsu seks, di mana boleh mengakibatkan mereka terjebak kepada hubungan seks bebas yang boleh mengakibatkan jangkitan HIV. Faktor risiko *intravenous drug users,* kalau kita lihat pada tahun 2000 adalah 77% dan pada tahun 2009, 10 tahun kemudian menurun 55.5%. Ini mungkin kita ada, kerajaan, kementerian Kesihatan ada program *Hump Reduction* di mana kita lakukan program pemberian kondom dan juga *exchange needle* di mana *drug users* yang menggunakan jarum suntikan itu ditukar, yang lama kita kasi yang baru, dia kena pulang balik yang lama pada kita. Jadi itu akan menurunkan kadar jangkitan HIV.

Hubungan seks pula kalau kita lihat pada tahun 2000, heteroseksual maknanya lelaki dan perempuan daripada 19.7% meningkat kepada 24.3% dan sekarang juga, trend sekarang ni, akibat ATS dan sebagainya, hubungan seks homoseksual, *male to male*, lelaki kepada lelaki daripada 0.7% kepada 3.48%, bayangkan, meningkat.

HIV boleh juga menjangkitkan kepada anak oleh ibu yang positif. Jika seorang wanita hamil, anak yang dikandungi boleh dijangkiti sebelum bersalin, semasa melahirkan anak dan menyusukan anak. Dalam pelbagai saringan HIV yang diadakan di kemudahan *facility* kesihatan kerajaan, program saringan HIV di kalangan ibu mengandung membantu anggota kesihatan mengesan wanita yang dijangkiti HIV melalui hubungan seks dan dapat mencegah dari jangkitan kepada anak. Jangkitan anak daripada ibu yang HIV positif jika tidak ada ambil apa-apa ubat adalah 30

sampai 45% akan mendapatkan HIV positif. Daripada bilangan ibu antenatal dan disaring, pada 2008, saya ambil 2008 dan 2009 sahaja, 44,953 ibu yang disaring yang mengadakan pemeriksaan di antenatal klinik kerajaan, terdapat bilangan ibu yang mengandung yang dikesan positif adalah 22 orang. Pada 2009, daripada 56,542 ibu yang mengandung, 22 orang dikesan positif di mana, daripada 22 orang itu, Melayu, 14 orang; India, 2 orang; China, 4 orang dan Warga Asing, 2 orang.

Selain daripada itu, orang yang mempunyai penyakit kelamin iaitu *Sexually Transmitted Diseases,* dengan izin, seperti *Sifilis, Genital Herpes, Chlamydia, Gonorrhea* dan sebagainya mempunyai risiko yang tinggi mendapat HIV jika berhubung dengan penghidap HIV positif ini. Ubat yang disediakan *anti retro viral treatment* hanya boleh menahan pesakit dari terus menjadi AIDS dan boleh hidup lebih lama sikitlah tetapi tidak boleh menyembuhkan penyakit AIDS ini. Kematian pesakit AIDS ini adalah akibat penyakit lain seperti *TB*, *Fungal Infection*, jangkitan paru-paru dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai dulu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Laporan bahawa kebanyakan kes jangkitan HIV perempuan adalah dijangkiti oleh suami atau kawan lelaki mereka. Kadang-kadang ada terdapat kes di mana mereka, lelaki memaksa, yang dijangkiti oleh HIV dengan pengetahuan mereka ada HIV, masih memaksa perhubungan seks ke atas pasangan perempuan mereka. Apakah tindakan yang boleh dikenakan dari segi undang-undang oleh kerajaan kepada mereka yang memaksakan perhubungan seks kepada isteri mereka dengan pengetahuan mereka telah menjangkiti HIV?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat, terima kasih atas soalan itu. Sebenarnya kalau suami isteri ini, kita belum lagi ada Akta untuk, apa dipanggil...

Y.B. Dato' Speaker : Menghukumlah, Akta Undang-Undang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Belum ada Akta yang tak boleh, *marital rape* dipanggil eh..belum lagi ada macam itulah. Jadi antara hubungan suami isteri, kita tak boleh ambil tindakan sebagaimana Yang Berhormat cadangkan. Tetapi kalau dia *partner* ajelah, itu bolehlah kita hukum sebagai *rape*, *under rape* atau rogol.

Y.B. Dato' Speaker : Rogol? Dia suka sama suka...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dia tak suka. Dengan tidak *consent* nyalah dengan perempuan itu. Yang perempuan tu boleh melaporkan dia kena rogol kalau bukan suaminyalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta maaf spesifik berkenaan dengan kes HIV. Kalau lelaki itu sudah tahu dia ada HIV masih memaksakan perhubungan seks kepada isteri.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ya, selalunya macam itulah. Lelaki ni kalau dia positif pun dia tak kan bagi tahu dia tu positif.

Y.B. Dato' Speaker : *Aisey*, payah ek.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, kita tak boleh buat apa-apa *unless* dia sendiri yang, macam tulah, dia antara dua *partner* tulah, menyebarkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, makna terkawallah. Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita faham dalam kita menjaga kesihatan tu ada perkataan *prevent is better than cure, dengan izin* atau cegah adalah lebih baik daripada diubati. Sebab itu, saya ingin tahulah, langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri, sama ada adakah akan jalankan kempen untuk pencegahan supaya kes-kes penyakit HIV ini yang nampaknya menjangkau 14,000 lebih kes di Negeri Johor dapat diatasi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Betul, *prevention is better than cure*. Kempen-kempen memang telah dibuat dan sedang dilakukan, bukan hanya di pihak kerajaan tetapi NGO's – NGO's juga telah memainkan peranan yang penting untuk menyebarkan bahayanya penyakit HIV AIDS ini. Jadi, kita ada juga kempen seperti '*Say No To Sex*', tolak kepada seks kepada remaja-remaja ni, ataupun '*Say No To Drugs*' *as well,* dengan izin. Jadi, jangan kena kata 'TIDAK' kepada *drugs* dengan *illicit sex* maknanya seks yang luar daripada yang dihalalkanlah. Jadi, kempen-kempen ini memang sedang berjalan, terus berjalan dan akan terus berjalan. Jadi, untuk kesedaran kepada semua masyarakat di semua peringkat, remaja, orang yang dewasa dan kepada ibu bapa supaya mereka ni mencegah anak-anak dia daripada terjerumus daripada penyakit ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, *last*, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan ataupun Kerajaan Negeri Johor menggalakkan pada mereka-mereka menggunakan kondom? Salah satu cara mengawal HIV. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Dah macam mana eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Cara kondom?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak dengar sangat. Kondom. Bukan kondo rumah. Yang jenis..ah..kondominium.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Salah satu cara untuk *Hump Reduction* ataupun pencegahan daripada dijangkiti oleh HIV AIDS ini memang dengan penggunaan

kondom. Kondom ni kalau Yang Berhormat nak tahu dia macam-macam rupanya... Kondom biasa pun ada.

Y.B. Dato' Speaker : Mana Yang Berhormat tahu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Saya doktor, saya tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha ya lah saya lupa Yang Berhormat doktor dah buat semua kerja itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dan saya pun dah ditunjuk berbagai-bagai jenis kondom. Minta maaf, ini bukan kotor atau apa..ini...

Y.B. Dato' Speaker : Ya lah, tahu, ini serius.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, saya juga terkejut. Sebagai doktor pun saya terkejut juga rupanya ada macam-macam kondom, yang biasa punya kondom...

Y.B. Dato' Speaker : Kondominium.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ada perasa dan sebagainya. Ada juga kondom untuk main belakang. Minta maaf. Jadi, selain daripada itu...

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa). Yang itu perlahan sikit, macam orang tak dengarlah ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, jangan terkejutlah. Jadi, memang pencegahan untuk dijangkiti HIV AIDS ni, kalau melalui seks ini memang digalakkan untuk menggunakan kondom. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya nombor 3.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah kecurian dan kes pecah masuk yang sering berlaku di sekolah-sekolah agama di Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Negeri Johor terdapat sebanyak 560 buah Sekolah Agama Kerajaan Johor termasuk 8 buah Sekolah Agama Bersepadu (SRAB) selain daripada Pejabat-Pejabat Pendidikan Agama di daerah.

Daripada jumlah tersebut, kerajaan hanya memperuntukkan perkhidmatan pengawal keselamatan tanpa senjata di sekolah-sekolah SRAB dan juga Pejabat Pendidikan Agama dengan peruntukan sebanyak RM458,000.00 setahun. Namun sebagai langkah meningkatkan keselamatan di bangunan-bangunan ini yang tidak mempunyai pengawal keselamatan, sekolah-sekolah dan bangunan ini telah dilengkapkan dengan pagar serta kawasan sekolah diterangi cahaya lampu pada waktu malam. Biasanya kita sediakan *timer* Yang Berhormat Dato' Speaker, bila malam dia menyalalah. Dan begitu juga pada waktu siang dia padam.

Bagi menyediakan kawalan keselamatan kepada keseluruhan Sekolah Agama Kerajaan Johor yang seperti saya nyatakan jumlahnya sebentar tadi akan menanggung peruntukan kewangan yang besar. Namun begitu, Bahagian Pendidikan melalui Unit Pengurusan Sekolah telah memasukkan permohonan Cadangan Dasar Baru untuk tahun 2011 dan 2012 bagi memohon kelulusan kerajaan menyediakan kawalan keselamatan pada sekolah-sekolah dan bangunan-bangunan yang dinyatakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan sangat mengalu-alukan inisiatif dan kerjasama yang diambil oleh setengah-setengah pihak Badan Kebajikan Sekolah Agama untuk melantik pengawal keselamatan di tempat masing-masing bagi menjaga keselamatan sekolah agama di tempat-tempat berkenaan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Empangan Sg. Bekok merupakan kawasan tadahan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan berhampiran di DUN Yong Peng, DUN Semarang dan DUN Seri Medan, tadahan itu telah digunakan untuk membekalkan air bersih untuk Loji Rawatan Yong Peng 1 & 2. Masalah kekeringan air di Empangan Bekok pada awal tahun boleh dijadikan pengajaran. Apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang akan dilaksanakan oleh SAJ Holdings, JPS, Pejabat Tanah dan KPTG bagi mengatasi masalah pencerobohan tanah yang berlaku di kawasan tersebut?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan.

Y.B. Dato' Speaker : Kenapa?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ini soalan ini saya baca bilangan perkataan adalah melebihi 40 patah…

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Peraturan berapa Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan berapa? Nak tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, tak payah, gini. Dalam memutuskan untuk boleh bawa, tak boleh bawa Peraturan, saya. Kadang kita ini ada budi bicara Yang Berhormat. Kita taklah nak kira 1, 2, 3, 4, 40. 41, 42 kita lepaslah. Ni tak payahlah, ni kecil je.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kang kalau saya punya Ucapan Tangguhan ditolak setiap kali, jadi itu, itu…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat…

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat harus bertindak secara adil.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ni boleh tak, baik sikitlah. Ha, tak garang-garang. Yang kecil-kecil ni, Allah, kalau nak potong semua habis potong saya nanti. Dahlah, Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi. Selalu ini amoi kena kacaulah. Kesian. Haah, ha jemput Yang Berhormat, ha tak jangan tengok dia, tengok saya. Ha, jemput. Dah? Oh, dah soal, dah lupa saya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mengelakkan pencerobohan berlaku, JPS, Jabatan Perparitan dan Saliran telah mengambil tindakan seperti berikut:-

1. Permohonan pewartaan kawasan empangan sebagai tempat dan kawasan larangan sasaran penting keutamaan 2 telah dikemukakan kepada KPTG sejak tahun 2000 dan pada bulan Mei 2010, satu lagi permohonan pewartaan telah dikemukakan kepada pihak PTG dan juga PTD.

2. Menggali parit keliling di Empangan Bekok bagi menandakan rizab empangan.

3. Bercadang membina pagar sekeliling struktur kolam takungan Empangan Bekok sepanjang 99.9km dengan kos RM7 juta, JPS telah pun membuat permohonan peruntukan bagi kerja ini di bawah RM10.

4. Penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah, JPS dan Polis telah menolak pokok Kelapa Sawit seluas 155 ekar pada 21, 22, 28 dan 29 April yang lalu. Pemantauan terkini mendapati tiada pencerobohan semula berlaku di kawasan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun tindakan-tindakan telah diambil untuk pencerobohan tersebut, tetapi masih berlakunya. Ya, sebab lepas PTD ambil tindakan, tolak pokok tersebut, gali lubang tersebut, lepas itu mereka buat jalan balik, ceroboh lagi. Apakah tindakan yang lebih deras yang boleh menghalang mereka berulang pencerobohan tersebut? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada

pemantauan yang rapi dilakukan oleh JPS dan juga pihak berkuasa lain, tindakan yang sama untuk memusnahkan tanaman sekiranya dalam kawasan kolam air akan dilakukan juga. Dan, untuk tindakan jangka masa panjang, kalau kita dapat wartakan sebagai kawasan larangan dan seterusnya kita dapat peruntukan untuk membina pagar sepanjang 100 km itu mungkin itu sedikit sebanyak akan lebih baik untuk menyelesaikan masalah pencerobohan ke kawasan kolam air Empangan Bekok. Untuk kawasannya, sebenarnya rizab dia pun luas agak 3,988.585 hektar kawasan rizab dia. Jadi, kita perlu mungkin peruntukan lebih daripada RM7 juta, kalau kos sekarang.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Dato' Speaker. Bukan semua orang nak mengganggu Yang Berhormat Yong Peng, tapi saya terpaksa mengutarakan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Yong Peng…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ni tengah bincang…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bahawa…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Pencerobohan masih berlaku lagilah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, cerita nilah, jangan cerita lain. Salah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : *I, I* bagi tambah sikit…

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh, Yang Berhormat tengah soal tambahan, tak boleh…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Memang pencerobohan masih berlaku lagi di Empangan Bekok dan empangan lain. Ada kemungkinan tak kalau dari segi undang-undang dan sebagainya, kita boleh mencadangkan supaya kawasan berhampiran dijadikan kem Tentera baru di mana mungkin empangan ini boleh dijadikan dengan izinnya sebagai *shooting range* untuk Angkatan Tentera kita supaya mereka akan takutlah termasuk Ketua-ketua Seksyen ini akan lebih berhati-hati pada pencerobohan ini. Sebab kalau pencerobohan orang kita boleh nampak orang boleh bergerak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi, kalau tanaman pokok itu tidak bergerak. Kenapa…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia, Yang Berhormat…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dah tahu dia tak dielakkan?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Dia soalan, soalan dia tak boleh berceramah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ya, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak berani cakaplah, macam mana kepakaran Yang Berhormat daripada Skudai. Walaupun saya seorang bekas Polis juga, sedikit sebanyak saya tahu tentang…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat dulu Polis eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ya, ya, ya. Tetapi saya tak boleh cakaplah. Pasal ini memang bukan satu bidang dia lagi dari segi teknikal, keselamatan, macam-macam untuk mengadakan satu kem…

Y.B. Dato' Speaker : Tentera eh…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tapi, saya tak boleh bagi jawapan…

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa) kena jaga setinggan sikit…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Walaupun saya bekas Polis saya tak ada dalam hal keselamatan tetapi lebih bijaksana Yang Berhormat dari Skudai, saya tak faham.

Y.B. Dato' Speaker : Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Memang apa usaha-usaha yang berterusan memang kita dah buat berhubung dengan masalah pencerobohan di kawasan empangan. Ini walaupun tanya Sembrong, Machap pun perkara yang sama.

Jadi, untuk kita nak mewartakan sesuatu kawasan dia makan masa begitu panjang. Kemudian kalau nak buat pagar pun makan masa dan memerlukan peruntukan yang begitu panjang. Jadi, walaupun usaha ini dah buat bertahun-tahun, jadi saya nak minta adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya supaya termasuklah daripada Skudai tadi, kita berunding dengan pihak apa ni, Angkatan Tentera ke ataupun pihak Polis Hutan ke, supaya mereka ini mengadakan latihan di kawasan-kawasan tersebut walaupun kawasan ini adalah merupakan kawasan larangan tahap 1. Yang mana kalau kawasan larangan tahap 1 ni, bubuh *signboard*, nampak yang senapang tu. Masuk, tembak. Macam amaran tu. Itu tahap, tahap keselamatan tahap 1. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat supaya berunding dengan pihak Tentera ke, pihak Polis supaya adakan rundingan kat situ. Tak payahlah buat apa ni kem kat situ.

Y.B. Dato' Speaker : Tak palah Yang Berhormat, Yang Berhormat soal dialah. Bukan jawab dia punya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Jadi, saya ingin tahu kerana tempat ini Yang Berhormat Dato', sinilah tempat-tempat yang mana

penjenayah pula. Ha, ini pihak yang pecah rumah, lepas tu lari masuk ke kawasan tu kerana kawasan tu kawasan larangan. Jadi kita *reverse* balik sebagaimana cadangan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memang setuju. Kita kena jaga keselamatan kawasan itu tapi bukan nak sampai apa yang dicadangkan tadi. Tapi, kita kenakan ukur di kawasan mana itu adalah rizab empangan tersebut. Jadi, kita baru selesai ukuran kepada 22 empangan di Negeri Johor ini, di seluruh Negeri Johor ini. Kalau saya tak silap 22 buah empangan yang kita pakaikan, kita gunakan. Jadi, itu ambil masa sebab itu ukur bukan senang. Sampai sekarang bukan senang kita nak ukurkan semua. Jadi, kita bulan-bulan, nasib baik kita sudah selesai semua ukuran untuk empangan kita dan kita telah kemukakan ukuran yang telah dibuat itu kepada PTG dan PTD masing-masing pada bulan Mei 2010 untuk proses diwartakan.

Saya haraplah dalam masa yang mungkin, secepat mungkin kita dapat mewartakan kawasan tersebut dan peruntukan yang kita mohon bawah RMK-10 itu dapat diluluskan demi untuk menjaga kepentingan dan juga keselamatan empangan-empangan yang boleh dikelaskan sebagai kawasan larangan keutamaan kelas 2, untuk semua yang digunakan untuk bekalan air itu.

Ini memang kita punya hasrat, hajat, kita Pejabat Kerajaan Negeri memang berhajat untuk buat demikian demi untuk keselesaan dan juga keselamatan untuk semua.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Adam bin Sumiru, jemput.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Adakah benar pasukan Bola Sepak Negeri Johor akan digabungkan menjadi satu pasukan sahaja, kenapa dan bagaimana cara untuk menaikkan prestasi serta imej pasukan dan pemainnya?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, jemput.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Kemajuan bola sepak negeri dilihat berkembang dengan begitu perlahan. Di Negeri Johor terdapat dua buah pasukan yang mewakili Negeri Johor dalam Liga Perdana. Adakah rancangan kerajaan untuk menggabungkan kedua-dua pasukan dan bagaimanakah caranya dan adakah ianya mengundang risiko jika digabungkan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Kerajaan Negeri tidak ada rancangan untuk menggabungkan kedua-dua pasukan Johor dan Johor FC. Walau bagaimanapun, di peringkat Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dan *Johor Corporation Football Club* telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk memastikan supaya kedua-dua pasukan ini benar-benar dilihat

sebagai pasukan yang mewakili Negeri Johor. Oleh itu, satu persefahaman telah dicapai di mana pasukan Johor FC akan meneruskan cabaran dalam Liga Super, ini dalam Liga Malaysia 2011 manakala pasukan Johor akan bersaing dalam Liga Perdana. Walau bagaimanapun, kedua-dua pasukan ini akan menggunakan warna Johor iaitu Merah, Biru serta bendera Johor pada jersi masing-masing.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Tanjung Puteri.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Cuma saya nak tahulah Yang Berhormat Dato' Speaker, ni pemain kita ada 25 orang dan ianya menelan belanja sebanyak RM150,000.00 sebulan. Jadi, kalau mengikutkan angka wang yang keluar tiap-tiap bulan ini hanya untuk kita membiayai pasukan Negeri Johor ini dan prestasinya begitu tidak memuaskan. Jadi, apakah langkah-langkah selain daripada kalau penggabungan tersebut tadi tak jadi, apakah langkah-langkah ni, Kerajaan Negeri untuk memastikan pemain-pemain kita ini berkualiti dan mendapat, apa, setimpal dengan sukan ini, jadi Negeri Johor ini dipandang juga dari segi prestasi pemain-pemain dan prestasi pasukan itu. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, prestasi pasukan Johor, sepertimana yang pernah saya nyatakan dulu memang pada musim 2009 ini memang agak menurun. Pertama disebabkan oleh, semasa kepimpinan baru, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor mengambil alih persatuan, memang pemain-pemain ini memang dah dipilih lebih awal dan kita hanya meneruskan pemain dan juga pengurusan yang sedia ada. Yang kedua sebelum ini, di peringkat Persatuan Bola Sepak Negeri Johor tidak ada program-program pembangunan, sama ada pembangunan dalam bentuk mencungkil bakat ataupun juga menganjurkan pertandingan-pertandingan di peringkat akar umbi. Sebab itulah dalam masa setahun, kepimpinan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor yang baru, telah berjaya mengadakan program-program seperti Liga Piala Menteri Besar untuk kelab-kelab daerah di peringkat Negeri, dan juga hari ini sedang berlangsung Liga Johor yang mana hari ini sedang berlangsung untuk merebut piala Tengku Mahkota, pasukan daripada daerah. Dan juga selepas ini diadakan daripada sepuluh, eh enam pasukan terbaik yang merebut Piala Tengku Mahkota akan masuk pulak ke peringkat untuk merebut Piala Sultan Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perancangan untuk menyediakan pasukan yang baru bagi meneruskan cabaran Liga Perdana dan juga Piala Presiden di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Johor. Daripada Liga Johor yang telah kita adakan, walaupun belum tamat, tapi kita telah mengenal pasti seorang daripada pemain yang akan didaftarkan sebagai pemain dalam Liga Perdana kerana adalah telah dipilih daripada Liga Johor. Dan untuk Piala Presiden sebanyak 8 orang telah dikenal pasti untuk mewakili Johor, dalam Piala Presiden. Jadi daripada apa yang telah kita lakukan dalam masa setahun, walaupun dalam keadaan kewangan yang agak begitu, tidak begitu kukuh tapi kita telah berjaya untuk mengadakan program ini dengan sokongan beberapa pihak tertentu dan akhirnya saya percaya, kalau ini dapat diteruskan, program pembangunan di akar umbi ini, akan dapat melahirkan lebih ramai pemain-pemain Johor. Dan kita berhajat dan bercita-cita

supaya akhirnya nanti, pasukan yang mewakili Johor ini akan diwakili oleh 100% anak-anak daripada Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Emm… Ok, Puteri Wangsa soalan awak tu.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Belia dan Sukan kerana telah merangka satu program yang baik untuk kebaikan dan menaikkan imej dan prestasi Bola Sepak Negeri Johor. Tetapi ialah jawapan yang diberikan mungkin kerana mengambil alih setelah ada pemain dan sebagainya. Tapi saya tengok keadaan Johor FC dan Johor FA, Johor FC ini *consistent* dari segi permainan dan sebagainya. Johor FA dia turun naik, turun naik. Adakah ini disebabkan juga kerana bayaran gaji, elaun yang lambat dan sebagainya ataupun perkara-perkara yang mungkin menjadi satu protes pemain terhadap pengurusan ataupun terhadap apa yang mereka peroleh dengan komitmen mereka terhadap permainan bola sepak dalam Negeri Johor ini? Kita khuatir kerana ini memungkinkan tentang kelemahan ataupun menyebabkan pemain protes secara tak langsung terhadap pentadbiran dan sebagainya menyebabkan permainan bola sepak itu berada di tahap mutu yang rendah. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, kemerosotan pemain kita, dia sebenarnya, satu memang pemain itu dah dipilih sebegitu kita terima, yang kedua dalam menentukan soal gaji dan sebagainya memang ditentukan oleh awal, jadi ada pemain yang gaji besar, ada pemain yang bergaji kecil. Dia bukan soal tak bayar gaji, soalnya ialah perbezaan gaji pemain yang jauh, ada yang sampai RM7,000.00, ada yang cuma RM3,000.00, jadi ini memang ada sedikit sebanyak memberikan kesan terutama sekali apabila pemain-pemain yang semangat ini, gajinya ditentukan pada peringkat awal lebih rendah. Soal penetap bayar gaji tak timbul, kita di peringkat persatuan, dari segi gaji memang kita konsisten, cuma 3 bulan terakhir ini, dan 3 bulan terakhir ini memang pasukan ini dah, dah terkeluar daripada saingan Piala Malaysia. Dan kita pun ambil kira dari segi kehadiran mereka dalam program-program latihan dan sebagainya. Dan ini sebenarnya akan di selaras. Jadi soal gaji, saya tak fikir itu sebagai punca kemerosotan Persatuan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Cik Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Di DUN Yong Peng terdapat 3 buah Sekolah Menengah Kebangsaan, sebuah Sekolah Menengah Cina, 6 buah Sekolah Kebangsaan, 5 buah SJKC dan sebuah SJKT. Dipohon kepada pihak Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi atau Yayasan Pelajaran Johor untuk mengadakan sebuah Institusi Kemahiran atau Kolej-Kolej Kemahiran atau Sekolah Berasrama Penuh berkonsepkan 1Malaysia di DUN Yong Peng?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini pihak Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi atau Yayasan Pelajaran Johor tidak mempunyai sebarang rancangan untuk mengadakan sebuah Institusi Kemahiran atau

Kolej, Kemahiran atau Sekolah Berasrama Penuh berkonsepkan 1Malaysia di DUN Yong Peng. Dan daripada pengalaman projek pembinaan Sekolah Berasrama Penuh dalam Rancangan Malaysia Ke-9, cadangan pemilihan lokasi pembinaan sekolah berasrama penuh biasanya datang daripada pihak Kementerian sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Ok...

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebagai ADUN Yong Peng saya boleh bantu juga cari tapak untuk keperluan rakyat kita walaupun kata cadangan daripada Kementerian. Dan saya minta apa jua langkah-langkah jangka pendek dan panjanglah supaya dibolehkan kolej atau asrama penuh itu diadakan walaupun buat sementara ini memang tak ada hajat. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, penubuhan sesebuah Kolej Kemahiran ataupun Sekolah Berasrama Penuh ini, bukan dibuat berdasarkan atas permintaan semata-mata. Misalannya Sekolah Berasrama Penuh biasanya satu daerah cuma satu sahaja. Kalau dah ada Sekolah Berasrama Penuh, maka daerah tersebut biasanya tidak akan diberi keutamaan lagi untuk didirikan Sekolah Berasrama Penuh. Walau bagaimanapun, ini terpulang kepada pihak Kementerian. Sebagai contoh sekarang ini dalam pembinaan, ada 2 Sekolah Berasrama Penuh di Negeri Johor. Satu di Batu Pahat sendiri. Dalam Yong Peng dalam daerah Batu Pahat iaitu Sekolah Menengah Sains Batu Pahat dan Sekolah Menengah Sains Sembrong dalam pembinaan, insya-Allah tak lama lagi boleh digunakan. Jadi, dia bukan bergantung pada permintaan ADUN. Kalau dia bergantung atas permintaan ADUN, dah tentulah Tiram dapat dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Hoi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Jadi dia bergantung kepada keperluan yang dirasakan sesuai dan ada kriteria-kriteria tertentu dalam soal pemilihan tempat dan sebagainya. Kerana Sekolah Berasrama Penuh ini bukan untuk kawasan-kawasan tertentu. Saya ambil contoh, Sekolah Tun Fatimah, pelajarnya bukan daripada Johor Bahru sahaja, pelajarnya daripada seluruh negara bersekolah di Sekolah Tun Fatimah. Kerana Sekolah Berasrama Penuh ini memang nak beri peluang kepada pelajar-pelajar khususnya daripada luar bandar, pelajar miskin untuk mendapat pelajaran yang lebih baik daripada sekolah yang lebih baik.

Y.B. Dato' Speaker : Ok soalan lisan dah habis. Sekiranya ada soalan-soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Belum lagi Ahli Yang Berhormat, ramai lagi yang belum berucap, hari ini hari akhir dan kita akan tangguhkan jam 12:00 lebih kurang. Jadi saya minta

Yang Berhormat ikut arahan sayalah, dibenarkan seorang 10 minit, tengok keadaan. Dan Yang Berhormat jemput, bangun.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat 8 minit lagi ya, itu hari dah berucap.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ok, Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. ADUN Yong Peng banyak terima rintihan dari pekebun-pekebun bahawa mereka menghadapi masalah pekerja asing. Buah Kelapa Sawit tidak ada orang pungut hasil kerana orang tempatan kurang berminat. Sayur tidak ada orang tanam, sebab orang tempatan juga kurang minat. Ini telah menyebabkan harga sayur meloncat tinggi. ADUN Yong Peng faham bahawa pada tahun 2008 dan 2009 negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi, kerja-kerja sepatutnya ditawarkan kepada rakyat kita dan kurangkan penggunaan pekerja asing. Akan tetapi dengan pertumbuhan ekonomi yang selesa pada tahun 2010, permintaan pekerja asing telah tambah, kerja-kerja yang tidak diminati oleh rakyat kita haruslah diberi peluang kepada pekerja asing. Oleh yang demikian, ADUN Yong Peng menyeru agar kerajaan tarik balik pembekuan pekerja asing kerana didapati kekurangan pekerja untuk bidang pertanian dan pembinaan telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita. Kos pembinaan rumah telah naik 20% dengan kekurangan pekerja asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menggalakkan rakyat kita mengikuti trend globalisasi, penggunaan Internet adalah komunikasi yang murah, pantas dan berkesan, dipohonkan kerajaan mengurangkan caj kerana caj yang dikenakan di negara kita terlampau tinggi jika dibandingkan negara lain.

Masalah-masalah DUN Yong Peng dipohon dipercepatkan:

1. Pembinaan Sekolah Agama Sri Yong Peng, Parit Awang kerana murid-murid menumpang di Sekolah Rendah Sri Yong Peng.

2. Dipohon mengadakan tiang lampu kuning di simpang Kampung Haji Kamisan, kerana kampung tersebut berada di dalam daerah Batu Pahat tetapi di bawah pentadbiran daerah Segamat yang menyusahkan pelaksanaan tersebut. Kerap berlakunya ragutan, rompakan dan kemalangan di tempat tersebut.

3. Dipohon Jabatan Kebajikan Masyarakat buat siasatan bahawa Bantuan Orang Tua di dalam program CARI di Kampung Haji Kamisan dan ladang Chaah telah diberhentikan sudah hampir 6 bulan, walaupun rayuan telah dibuat oleh 15 orang yang tersebut.

4. Dipohon didalamkan Sungai Simpang Kiri yang makin tohor yang mana limpahan air menyebabkan banjir kilat di Kampung Haji Kamisan.

5. Dipohon menyiasat rintihan orang kampung bahawa pencemaran Sungai Belian diakibatkan oleh Kilang Sawit Liang Hup yang melepaskan buangan sisa minyak Kelapa Sawit ke sungai tersebut.

6. Dipohon kerajaan merizabkan tanah kubur untuk berbilang kaum di DUN Yong Peng kerana tanah kubur yang sedia ada makin berkurangan.

7. Dipohon selekoh di KM 6 dari Yong Peng ke Kangkar Baru sebelum kubur Cina di sebelah kanan dibetulkan kerana kerap berlakunya kemalangan.

8. Dipohon membaiki jalan antara Yong Peng ke Jalan Labis yang kurang memuaskan yang kerap berlakunya banjir di Batu 2, Yong Peng - Labis yang menyebabkan kemalangan.

9. Dipohon *Portal e-Payment* bagi Majlis Daerah Yong Peng bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di DUN Yong Peng.

Akhirnya, ADUN Yong Peng pohon menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, perbahasan diteruskan lagi jemput, Ahli Yang Berhormat yang nak berucap. Mana?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, memberi saya laluan untuk membahaskan Bajet 2010. Pertama saya ingin mengucap tahniah dan syabas saya ucapkan ke atas kecekapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang kita segani dan jentera Kerajaan Negeri Johor telah membentangkan Belanjawan Bajet 2011, yang satu Bajet yang dirasakan sebagai satu Bajet yang amat seimbang daripada perancangan pembangunan yang teratur dan amat realistik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Rancangan 9 yang Kukup maksudkan dalam konteks perancangan nyata yang menyentuh semua aspek perancangan yang amat rapi. Pembangunan fizikal hingga pembangunan modal insan yang beriltizam, berbudaya tahan dan produktif dan pengisian pemantapan kerohanian. Mengambil kira semua peringkat umur yang berbilang bangsa mahupun dari segar hinggalah ke yang kurang upaya dan juga yang memerlukan pembelaan yang khusus. Mengimbangi pembangunan kemudahan infrastruktur di bandar dan luar bandar. Penyediaan rapi bagi pemantapan ekonomi dalam hampir semua sektor dan sebagaimana dirumuskan sebagai bajet yang mendahulukan kesejahteraan rakyat adalah amat berketepatan.

Alhamdulillah pada tahun akan datang ini, tahun 2011 bajet yang kita telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah satu Bajet *Surplus*. Bajet *Surplus*, bajet berlebihan walaupun pada jumlah 2.7 juta sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi jumlah ini saya rasa amat berkeyakinan dengan kecekapan jentera Kerajaan Negeri Johor dapat menambahkan *Surplus* ini ke tahap yang jauh lebih tinggi lagi. Ini kalau dapat kita sama-sama sebagai jentera kerajaan untuk berusaha meningkatkan *Surplus* ini. Banyak perkara-perkara yang boleh kita tingkatkan seperti di peringkat Majlis-Majlis Daerah contohnya, kalau pihak Majlis Daerah boleh meningkatkan cara pengutipan hasil-hasil dalam satu-satu Kerajaan

Tempatan, dan kalau kita lihat banyak di daerah-daerah hari ini masih terdapat banyak lagi kilang-kilang haram Yang Berhormat Dato' Speaker ya, kalau kita dapatkan halalkan kilang-kilang ini, dan kita dapat kutip hasil-hasil daripada kilang-kilang yang haram ini sudah pasti ianya juga akan mendatangkan pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Johor terkenal dengan hasil dalam hasil bumi yang banyak, boleh katakan kita mengeluarkan banyak batu-batu kerikil ataupun kuari-kuari, ataupun balak-balak, ataupun *iron or bauxite* dan banyak lagi hasil-hasil dalam negeri.

Apa yang Kukup lihat kebanyakan daripada pemungutan tentang cukai ini, Kukup merasakan masih ada ketirisan di situ. Jadi kalau kita dapatkan memastikan dalam apa bidang juga dalam pemungutan hasil dalam peringkat daerah ini kita dapat mensifarkan ketirisan ini, Kukup begitu yakin ianya akan dapat membantu menaikkan lagi jumlah *Surplus* kepada Kerajaan Negeri Johor. Dan, Kukup juga ingin menyentuh sikit tentang pelancongan yang mana boleh dikatakan hampir semua Wakil-Wakil Rakyat atau ADUN-ADUN dalam Dewan ini rasa gusar melihat akan keadaan pembangunan pelancongan di Negeri Johor kita ini. Saya berkeyakinan perkara ini adalah mungkin disebabkan kerana apabila Negeri Melaka telah pun diiktiraf sebagai sebuah negeri maju, yang mana kita lihat Melaka adalah sebuah negeri yang kecil yang boleh dikatakan menumpukan semua pendapatan negeri kepada pelancongan dan ianya dapat dilaksanakan begitu berjaya sekali. Dan ini juga apa yang kita ingin lihatkan berlaku di Negeri Johor, dan semua ADUN-ADUN dalam Dewan ini kebanyakannya akan bertanyakan tentang pelancongan dalam Negeri Johor ini dan kita mencatatkan lebih 12 juta pelancong yang datang daripada Singapura masuk melalui *Causeway* ataupun melalui *Second Link* kita, datang ke melalui Negeri Johor tetapi kita tidak pasti berapa ramai sebenar-benarnya yang datang ke Negeri Johor sebagai pelancong.

Apa yang Kukup yang amati adalah kebanyakan daripada mereka yang datang ke Malaysia sebahagian besarnya tidak berhenti melancong ke Negeri Johor, dan kebanyakannya hanya datang ke Negeri Johor ini setakat untuk mengisi minyak dalam kenderaan mereka yang mana kita tahu harga minyak di Singapura dengan harga minyak di Negeri Johor amat jauh perbezaannya dan amat banyak penjimatan kepada rakyat Singapura. Dan sebahagian daripada mereka datang ke Malaysia, datang ke Johor adalah untuk membeli bahan-bahan atau barang-barang dapur atau *groceries* yang mana mereka bila datang ke mari , mereka hanya beli barang-barang seperti minyak kelapa, tepung, gula dan bahan-bahan ini adalah sebenarnya bahan-bahan yang diberi subsidi oleh Kerajaan Malaysia. Dan kalau kita lihat, kalau kita kaji balik daripada segi aspek keuntungan yang mungkin dapat di kecapi oleh pekedai-pekedai, tetapi daripada aspek yang lain kerajaan adalah merugikan. Kerana bahan-bahan ini kerajaan memberi subsidi khususnya kepada kita rakyat Malaysia, bukan kepada warganegara luar. Dan sebagaimana yang saya katakan tadi kebanyakannya lalu daripada *Causeway* ataupun *Second Link* terus ke negeri-negeri lain.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Kukup tak ramai ke?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Kukup tak ramai juga, boleh dikatakan yang datang tu tak memberangsangkan juga.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Waktu ini kerana infrastruktur di Kukup kalau kita tengok jalan daripada Johor ke Pontian tu kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker pergi, jalannya bergelombang-gelombang boleh dikatakan kurang baik.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dan ini juga mencerminkan bahawa kita tidak mengambil kira pelancongan ke kawasan-kawasan yang mana boleh menarik pelancong-pelancong, kita tak memberikan perhatian Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tu yang pergi anu, seberang tu? Sekarang ramai.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ramai pergi ke seberang, tapi tulah Yang Berhormat, di pergi ke Kukup nak pergi ke seberang pun, dia lalu sahaja, tak sampai ke Kukup dia tak berbelanja di Kukup, dia sampai ke Kukup, dia terus naik feri terus pergi ke seberang. Aktiviti-aktiviti di seberang memang banyak, aktiviti di Kukup kita terhad. Jadi aktiviti tu saya pun tak pernah sampai ke sana, dalam Dewan ni saya cakap tak pernah sampailah, saya pernah sampai sekali sahaja, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ya lah, tak kisahlah. Kita pun tak *check* Yang Berhormat kan?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Saya pun apa yang bagus…

Y.B. Dato' Speaker : Itu hal Yang Berhormatlah tu.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ya, memang bagus. Saya dengar macam-macam tarikan di sana tapi ya lah, nanti insya-Allah suatu hari Yang Berhormat Dato' Speaker, kita pergi lihat apa yang ada di sana.

Y.B. Dato' Speaker : Saya dah pergi.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dah pergi?

Y.B. Dato' Speaker : Pulau Pisang.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Oh, Pulau Pisang tak ada apa Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ya.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi mungkin inilah kegusaran daripada kita di sini di Johor, yang merasakan sebenarnya pelancongan ini, kalau kita lihat daripada negeri-negeri yang mengambil kira pelancongan yang dengan berkesan seperti di Melaka, mereka amat berjaya. Tetapi kita di Negeri Johor ini kalau ada pun orang nak bertanya kepada saya, mana nak pergi? Kadang-kadang kita tak

tahu mana nak bawa anak-anak pergi sebenarnya. Jadi ini yang saya fikirkan kalau boleh Jabatan Pelancongan memikirkan, meningkatkan pelancongan di Negeri Johor di sini. Mungkin fakta ada menyatakan fakta di Melaka, negeri yang kecil semua pelancongan perkara-perkara yang dapat menarik pelancongan boleh dikumpulkan dalam satu tempat yang kecil. Tetapi di Johor Bahru ni bukanlah satu tempat yang besar, kalau kita rancangkan dengan betul, insya-Allah kita dapat menarik lebih ramai, dan apa yang disampaikan oleh EXCO baru-baru ini mengatakan ialah, *Lego Land* akan datang ke sini, alhamdulillah, insya-Allah *Lego Land*, tetapi adalah saya rasa kita perlu membawa pelancong untuk datang ke mari kita memerlukan satu perkara yang lebih kata orang tu *excited* lagi. Contohnya *roller coaster* yang tinggi dengan pelbagai-bagai lagi bukan hanya dengan *Lego Land* yang kita tumpukan kepada kanak-kanak. Jadi seharusnya kita merangkumi rancangan pelancongan ini secara, kata orang tu lebih berkesan lagi. Jadi…

Y.B. Dato' Speaker : Melaka bagus ya Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Melaka Yang Berhormat , bukan saya nak kata, saya amat memuji Melaka sebab Melaka kalau nak cakap apa, semua ada di sana.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat puji betul ya.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : *Water World* yang terbesar di Asia dikatakan ini benar, *Botanical Garden* dia memang cantik, memang disiapkan dengan *buggy* dan pelbagainya semua, jadi anak-anak saya di Melaka pun bila hujung minggu sahaja pergi ke *Botanical Garden*, dia ajak saya pergi ke sana, masuk ke Sungai Melaka yang begitu cantik di Melaka. *So all this*, ini adalah semua perkara-perkara…

Y.B. Dato' Speaker : *So all this, you speak English* ya?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dengan izin Yang Berhormat…

Y.B. Dato' Speaker : Ok. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ini yang sebenar-benarnya menarik mereka. Cuti sekolah Yang Berhormat Dato' Speaker boleh pergi tengok, kalau nak masuk ke Melaka tu boleh dikatakan *jammed*.

Y.B. Dato' Speaker : *Jammed?*

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Cuti sekolah, bukan hanya di dalam Negeri Melaka, malah di *highway* nak masuk ke Melaka tu pun turut *jammed* kat situ, semua orang nak tumpu ke Melaka.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada perniagaan kat Melaka?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ada juga, sikit-sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ada eh? Oh.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ada juga Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Alhamdulillah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi itulah saya boleh cakapkan Negeri Melaka sebab saya selalu ke sana. Saya nampak macam mana pembangunan pelancongan di sana yang dapat kata orang itu menarik begitu ramai sekali, mencatatkan. Saya bertanya dengan pemimpin di sana, dia kata dia mencatatkan lebih daripada 10 juta pelancong yang datang ke Melaka satu tahun. Jadi ada 10 juta yang betul, yang betul-betul masuk ke Melaka satu tahun bermakna, daripada hasil pelancongan ini, katakan satu orang datang bawa RM1,000.00 berbelanja di sana, kalau 10 juta dah berapa banyak juta Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak sempat nak kira hari ni.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ya. Jadi itulah, dan saya amat mengalu-alukan kerajaan baru-baru ini oleh kerana melihat begitu ramai sekali warganegara Singapura masuk ke Malaysia untuk melancong, mereka duduk kat Singapura pun mereka dah *boring* juga Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi mereka suka datang ke Malaysia ada kalanya mereka ni bawa kereta laju, nak masuk *highway* kita nak kata orang tu melepaskan geram. Dekat Singapura dia cuma boleh lari 70, 80, paling tinggi pun 90 kilometer. Nak lepaskan geram datang ke Malaysia, mereka boleh lari laju. Jadi perancangan kerajaan untuk mengenakan *levi* kepada penduduk-penduduk Singapura ini adalah satu perkara yang amat saya sokong sebenarnya. Sebab pada infrastruktur dalam negara kita ini sebenarnya, kita yang membayar sebagai *tax fees*, kita yang mengeluarkan duit kepada kerajaan untuk melaksanakan ataupun mengadakan semua infrastruktur di dalam negara kita.

Kalau *levi* tak dikenakan kepada mereka ini hanya caj yang sedikit tetapi mereka menggunakan semua kemudahan ini adalah amat tidak, kata orang putih tak *balance,* tak berpatutan. Rakyat dikenakan tindakan, dikenakan bayaran tetapi mereka ini datang tak dikenakan bayaran. *So,* untuk *levi* ini, saya amat bersetuju kalau, menyokong kalau dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Kalau tak dia akan merugikan kita, kita masuk Singapura kita kena caj, tetapi apabila rakyat dia masuk ke dalam negara kita ni beli barang subsidi, minyak murah, tak kena caj apa-apa Yang Berhormat Dato' Speaker, bayangkan, *you know* betapa untungnya dengan *exchange rate* dia lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. SD$2.40, RM2.40 – SD$1.00. *So,* datang ke mari dah dapat 60% diskaun. Ya, kalau kita fikirkan, kita pergi ke sana kita dah jadi 230% lebih mahal. Mereka datang ke sini 60% dah dapat diskaun. Kalau datang sini untuk dia duduk di hotel, semua murah pada mereka, jadi saya tak nampak kenapa kita masih teragak-agak lagi kerajaan nak caj *levi* ni teragak-agak lagi. Cakap dah bertahun-tahun Yang Berhormat Dato' Speaker nak caj *levi* dah pasang sistem, 10 juta dah pasang, buang sistem tu dalam longkang tak pakai, ini berlaku. Jadi inilah perkara-perkara yang saya ingin sentuh di sini melihat akan perancangan kita ini, kita suka sangat teragak-agak. Nak buat apa-apa kita teragak, eh boleh ke tak boleh? Nak buat jambatan bengkok boleh ke tak boleh? Eh nanti

Singapura tak bagi nak sambung, macam mana pula? Esok berperang pula. Akhirnya, jambatan tak jadi. Jadi yang rugi siapa Yang Berhormat Dato' Speaker? Kita juga yang rugi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Sebab kita teragak-agak.

Y.B. Dato' Speaker : Hem, masa cukup.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Cukup ke? Baru sikit Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Memang tak sedar Yang Berhormat bercakap.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Baru sangat, sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Baru kata dia, dah 10 minit.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi Kukup juga menyokong akan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berkenaan dengan pembinaan jambatan ini, yang Kukup rasa itulah sebenarnya inspirasi, itulah yang sebenarnya apa yang rakyat di Johor inginkan, satu jambatan. Ia akan memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dengan lebih sistematik. Hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, masuk ke bandar Johor Bahru berular berpusing-pusing, bertembok sana bertembok sini saya pun dah tak tahu apa nak jadi kat bandar Johor Bahru sebenarnya. Dah tak rupa bandar, sebab apa, nak pergi Singapura entah apa-apa jalan dia Yang Berhormat Dato' Speaker. *Jammed* gila, tapi itu imej negara, imej negeri kita Negeri Johor. Ya lah betul, benda ini adalah keputusan Kerajaan Pusat, tetapi saya rasa tak patut kita Johor di denda dengan keadaan bandar, kesian saya tengok. Dengan berlubang jalan, dengan sempit daripada 3, 2 sampai satu *lane*, macam mana tak jadi *jammed,* Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Malaysia nak buat, *Singapore* yang tak nak.

Y.B. Dato' Speaker : Tak Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya tak ada kata apa pun daripada Kerajaan Singapura. Dia terperanjat apabila Malaysia membatalkan perkara ini, jadi saya pun hairan kenapa kita membuat keputusan dengan persepsi. Takut kita tak buat keputusan, nak caj *levi* kita tak caj. Sampai hari ini, satu sistem yang mana dulu boleh *collect* duit saman-saman Singapura, tiba-tiba buang, semua tak pakai. Semua dalam longkang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa nak jadi benda-benda ni semua? Sikit lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, satu sahaja.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Saya ingin menyentuh tentang sebagaimana saya katakan bajet kita adalah bajet yang begitu bagus sekali, yang mana dalam salah satu perenggan mengatakan Kerajaan Negeri bercadang untuk

membuat projek jalan-jalan kampung sebanyak 1,100 kilometer dan dengan menggunakan sistem *Differed Payment* dan Kukup amat mengharapkan supaya kalau boleh jalan-jalan kampung Kukup, di DUN Kukup termasuk dalam program ini. Kerana banyak, begitu banyak jalan-jalan di Kukup, jalan-jalan kampung hari ni dah digunakan sebagai jalan pintas. Bila jalan pintas Yang Berhormat Dato' Speaker, ianya secara tidak langsung menambah bilangan kenderaan atas jalan tersebut. Dan dahlah jalan tersebut kecil, pecah-pecah tepi, dengan lori, dengan bas, dengan kereta masuk dalam jalan-jalan pintas ini, akhirnya keselamatan orang kampung yang menggunakan jalan ini pun membahayakan mereka ini sendiri. Jadi, Kukup amat mengharapkan supaya 1,100 kilometer yang termasuk dalam program *Differed Payment* jalan-jalan kampung turut terlibat, DUN Kukup turut terlibat dalam projek tersebut. Sebagaimana rakan saya daripada Pekan Nanas berkata semalam, sebuah sekolah vokasional yang telah pun diumumkan oleh Menteri Pelajaran untuk dibina di Tanjung Piai tetapi setakat hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, penduduk-penduduk di Tanjung Piai amat keliru sebab berjanji nak bina di Tanjung Piai sebuah Vokasional *Maritime*, Maritim tetapi apa yang kita dapati adalah estet di Tanjung Piai telah dibina apa, merancang untuk membina di Pasir Gudang. Ini telah, Kukup amat-amat mengharapkan sebagaimana dijanjikan untuk Parlimen Tanjung Piai sebuah sekolah vokasional kalau boleh jangan dialih-alihkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Sebab kalau buat di Pasir Gudang, dia tak memberi kesan apa-apa, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Datuk cakap.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Sebab semua dah ada kat sana. Kukup ini baru nak dapat satu vokasional pun dah kena sentap pergi ke sana. Esok nak dapat lagi, sentap ke tempat lain. Akhirnya Kukup dapat apa Yang Berhormat Dato' Speaker? Dapat barah. Orang benci dekat Wakil Rakyat. Akhirnya menterjemahkan…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya lah. Kesian tengok.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Pilihan raya besok tak mengundi. Jadi sukalah pembangkang. Jadi kita…

Y.B. Dato' Speaker : Ha ah. Yang awak pergi cakap buat apa?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah habis masa.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ya lah dah habis masa. Ok. Terima kasih. Jadi sedikit lagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dah 3 kali sedikitlah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Tak, ini satu petikan daripada Bajet peringkat…

Y.B. Dato' Speaker : Dah lebih Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ya. Sedikit je lagi yang saya ingin bacakan kembali satu perenggan yang mana sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita dalam Bajet 2011 di Parlimen baru-baru ini dibentangkan. Saya petikan seperti berikut. Kita bukan saudagar mimpi yang memperdagangkan dongengan. Kita adalah parti pembina harapan yang berpijak di bumi nyata. Apa yang kita capai bukanlah secara tidak sengaja. Ibarat bulan jatuh ke riba. Tetapi ia hasil dari perancangan yang jelas, ketegasan pelaksanaan rancangan yang rapi serta pengorbanan yang tinggi. Percayalah bahawa kerajaan tidak akan mengambil jalan mudah dengan menggadaikan kepentingan negara jangka panjang demi untuk popular jangka pendek. Yakinlah bahawa kita tidak mahu mewarisi negara yang bermasalah kepada generasi yang akan datang. Lantaran itu rakyat perlu insaf bahawa masa depan mereka dan anak-anak adalah terlalu bernilai. Mahal harganya untuk diserahkan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekian Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih saya ucapkan.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dan saya menyokong usul yang dibawa oleh Puteri Wangsa. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Perbahasan diteruskan. Ingat masa 10 minit.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima kasih Yang berhormat Dato' Speaker. Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya mengizinkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat bersidang kembali di Dewan yang mulia ini. Tidak berapa hari lagi ufuk 2011 akan menampakkan cahayanya dan tahun 2010 pula akan melabuhkan tirai senjanya. Ini bermakna misi negara untuk mencapai Wawasan 2020 ke arah sebuah negara maju hanya tinggal 9 tahun sahaja lagi atau berbaki 3,285 hari. Itulah hasrat, itulah juga hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk melihat Negeri Johor maju pada tahun 2020 seiring wawasan Perdana, seiring wawasan perdana tersebut. Demi mencapai status negara maju seperti yang diinspirasikan. Kita tidak boleh lagi terpenjara dengan kelaziman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lihatlah betapa hebat dan cemerlangnya kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Beliau telah membentangkan Bajet 2011 yang bertemakan "Mendahulukan Kesejahteraan Untuk Rakyat". Keseluruhan Bajet tersebut memperlihatkan tanggungjawab kerajaan dalam memberi keselesaan dan kesejahteraan setiap rakyat negeri ini. Dengan anggaran hasil RM814.12 juta sedangkan perbelanjaan mengurus hanya RM811.35 juta. Ia cukup dikagumi. Bajet lebihan ini sebanyak RM2.77 juta adalah satu tanda dan bukti yang cukup jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional Johor mengutamakan kerja dan perkhidmatan sebaliknya bukan beretorik dengan pelbagai slogan yang mengenakkan halwa telinga

tetapi berlaku ketirisan di sana sini. Lagi terang dan bersuluh, inilah bukti kerajaan menjiwai slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet Persekutuan 2011. Kita bukan saudagar mimpi yang memperdagangkan dongengan. Kita adalah parti pembela, parti pembina harapan yang berpijak di bumi nyata. Saya penuh keyakinan dengan pembentangan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2011 oleh Yang Amat Dato' Menteri Besar. Semua hasrat seperti digariskan akan terkabul. Ketelitian bajet yang berteraskan 5 strategi yang bersandarkan 8 komponen Pembangunan Holistik oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor adalah bukti bahawa kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini mampu merealisasikan semua harapan dan menjadikannya satu realiti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Persidangan ini juga saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakan-rakan calon Barisan Nasional yang telah pun memenangi Pilihan Raya Kecil DUN Galas dan Parlimen Batu Sapi. Sesungguhnya Kerajaan Barisan Nasional masih tetap di hati rakyat. Kerajaan inilah yang mampu meneruskan tradisi keprihatinan untuk membawa kemakmuran ke seluruh pelosok negara. Dengan mengambil kira keperluan segenap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat di luar sana sentiasa menanti dan mengharap apa yang dirancang dan dilakukan oleh kerajaan akan mampu memenuhi keperluan hidup mereka. Kita jangan lupa rakyat meneliti sebuah kerajaan itu melalui 3 dimensi :-

1. Apakah bakti dan sumbangan pada masa lalu?
2. Apakah nikmat atau realiti yang disajikan pada masa ini?
3. Apa pula bentuk perancangan yang akan dilakukan untuk masa hadapan?

Jelas di sini, Kerajaan Barisan Nasional telah dapat memenuhi selera dan keperluan tersebut. Usah kita bercakap bakti masa lampau kerana kini kita telah dapat rasakan. Jangan kita menutup sebelah mata apa yang tersaji di masa kini kerana nikmatnya dapat kita rasai. Tetapi yang lebih penting rakyat ingin tahu dan melihat tentang masa depan, masa untuk generasi akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemajuan sesebuah negeri dan negara itu dilihat dari pelbagai sudut iaitu sudut politik, pentadbiran, ekonomi, sosial, pendidikan, Modal Insan dan banyak lagi. Politik yang stabil dan perpaduan yang utuh dalam kalangan rakyat adalah kunci kepada kemajuan dan kedaulatan negara bangsa. Sejak akhir-akhir ini perpaduan dan kemajmukan rakyat telah mula berkocak. Di sana sini kedengaran pelbagai suara sumbang yang boleh menggugat keharmonian yang terbina selama ini. Kasihan dan sedih sungguh melihat rakyat yang tidak tahu apa-apa menjadi pak turut dan terikut sama dalam najis dosa. Ini semua dilakukan semata-mata demi kepuasan nafsu dendaman dan haloba kuasa. Bagi golongan ini biar rakyat berperang dan negara porak-peranda asal cita-cita matlamat tercapai. Perkara ini berlaku kononnya atas nama demokrasi dan kebebasan tetapi malangnya apabila pihak lain ingin menuntut keadilan dituduh pula sebagai monyet di hutan. Alamat kerusi terbang dan pemilihan ugutan, samseng serta pengundi hantu adalah cerekarama yang menghiburkan dan menjadi tontonan ramai. Ini kah bentuk politik baru yang di canang di seluruh pelosok rantau? Kalau begitulah aksinya benarlah kata

orang lama bagaimana acuan begitulah bentuk kuihnya. Bagaimana kerakusan pemimpin itulah rupa bentuk pengikutnya. Justeru itu saya berdoa semoga rakyat Negeri Johor Darul Takzim ini tidak terpalit walau sekelumit dengan gendangan tin kosong kumpulan-kumpulan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keprihatinan pihak Kerajaan Pusat dan Negeri meneroka wilayah pembangunan baru turut kita rasai kini. Iskandar Malaysia kini namanya sentiasa meniti di bibir masyarakat tempatan dan pemodal luar negara. Dengan jumlah RM6 bilion yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat kepada Iskandar Malaysia adalah bukti keyakinan bahawa wilayah ini mampu mendatangkan pulangan. Buktinya sejumlah RM339 juta yang disediakan untuk menyediakan segala kemudahan prasarana. Kini pelaburan komited pihak swasta hingga Jun 2010 berjumlah RM62 bilion. Kenapa masih ramai yang mempertikaikan peranan dan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi, perumahan, pendidikan, orang kerja dan pendapatan penduduk tempatan di Negeri Johor? Tahniah kepada Pengerusi bersama Iskandar Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan seluruh warga kerjanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demi menghambat lonjakan mega kita mesti melakukan perubahan atau transformasi. Perubahan yang dimaksudkan di sini ialah kesedaran menggali seberapa dalam ilmu. Modal terbaik dalam melakukan apa jua transformasi ialah sumber manusia atau Modal Insan yang menjadi aset utama negara. Kita mahu melahirkan warganegara yang bertakwa, berilmu, kreatif, berinovatif, trampil dan bersahsiah. Tiada ertinya sebuah negara itu maju dari segi material tetapi luntur keperibadian umatnya. Penekanan ilmu ukhrawi jangan sesekali disisihkan walaupun ilmu duniawi dicari.

Ramai ibu bapa di Johor masa kini memilih sekolah-sekolah agama kerajaan sebagai wadah pencarian kedua-dua ilmu tersebut. Dalam hal ini Kerajaan Negeri perlu menambah bilangan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu, SRAB selain itu kemudahan asrama juga perlu disediakan di SRAB bagi memberi peluang anak-anak melalui proses hidup sehari harian mengikut lunas-lunas Islam. Jika sekolah harian biasa mempunyai asrama, mengapa tidak bagi Sekolah Rendah Agama. Selain itu kelas-kelas mengaji al-Quran dan berzanji juga perlu disediakan di masjid-masjid terpilih secara berpusat untuk memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka mempelajari al-Quran. Sesungguhnya anak-anak adalah fitrah, fitrah bagai sehelai kain putih. Menjadi tanggungjawab kita melentur rebung-rebung ini seawal usia lagi dengan nilai murni dan ilmu pengetahuan. Itulah modal terbaik untuk mereka menjulang nama bangsa dan negara ke puncak jaya pada masa mendatang. Dengan peruntukan terbesar sebanyak RM21 juta bagi Jabatan Agama Negeri Johor, insya-Allah, Syiar dan Nur Islam akan memayungi negeri tercinta ini.

Yayasan Pelajaran Johor juga perlu di perkasa dan lebih proaktif untuk menjadikan ia sebagai pilihan pelajar-pelajar yang cemerlang. Kehebatan lulusan yayasan ini wajar diketengahkan agar masyarakat boleh menilai dan meletakkan ia sebaris dengan IPTS terkenal yang lain. Dalam hal lain, demi membina modal insan yang sihat dan positif, kelengkapan bersukan dan riadah perlu ditambah dan di selenggara dengan baik demi memberi peluang anak-anak remaja dan belia terlibat dengan aktiviti sihat.

Pelbagai pertandingan antara mukim, DUN dan daerah perlu di aktif dan disuburkan lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya banyak sumber asli dan warisan khazanah yang ada di negeri tercinta ini. Di Negeri Johor ini sama ada di dasar laut, taman laut, pinggir laut, pantai, atas air, pulau dan hutan hijau. Johor juga kaya dengan keenakan makanan seperti beriani dan laksa serta asam pedasnya. Kerapuhan ubi kerepek dan kuih muih tradisinya dan lenggang lenggok penari zapinnya dan pelbagai lagi. Itu belum lagi ditambah dengan deruan air terjun dan keseronokan membeli belah. Kesemua ini perlu ditambah nilai dan dilonjakkan bagi keistimewaannya untuk menggamit dan mengunjungi. Senario ini pastinya akan menarik lebih ramai lagi kedatangan pelancong ke negeri ini. Sesungguhnya industri pelancongan telah menyumbang hasil ke negeri ini. Mengikut laporan *United Nation World Tourism Organization*, negara ini menduduki tangga ke-9 dari segi bilangan pelancong yang datang pada tahun berkenaan. Bercakap tentang ekonomi penduduk khususnya masyarakat luar bandar, sesuatu yang lebih agresif amat wajar dilakukan agar matlamat mencapai status negara berpendapatan tinggi akan menjadi kenyataan.
Langkah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memperuntukkan RM35.99 juta bagi Bajet 2011 bagi bidang pertanian dan pembangunan luar bandar adalah satu tindakan yang tepat. Kita tidak boleh melihat berlaku jurang pendapatan antara blok-blok masyarakat berdasarkan geografi. Masyarakat bandar merasai pendapatan tinggi, sedangkan masyarakat penduduk luar bandar masih lagi rendah. Sebenarnya, masyarakat luar bandar boleh menjadi usahawan yang berkait dengan sumber pertanian. Mereka ada ubi, pisang, sayur-sayuran dan tanaman-tanaman kontan yang lain. Semua sumber tani ini boleh diimplikasikan untuk masyarakat desa untuk dijadikan bahan makanan dan dijual. Soalnya, ke mana mereka hendak pasarkan? Siapa yang hendak ambil? Masalah pemasaran inilah yang menghantui petani luar bandar.

Dari itu, kita perlu menyediakan sebuah pusat pengumpulan dan memperdagangkan semua hasil mereka. Kita tidak mahu melihat hasil usaha mereka sekadar untuk makan. Di Rengit contohnya, ada *Azhar Food*, Senggarang ada *Salleh Food*. Di kawasan saya ada *Norli Cookies*, kesemua usahawan luar bandar ini berjaya dengan jualan mencecah ratusan ribu ringgit sebulan. Ikon-ikon usahawan seperti ini yang perlu banyak dilahirkan, kerana pasaran produk mereka bukan setakat dalam negara, malah sampai ke seberang lautan.

Selain itu, agensi dan jabatan kerajaan sebenarnya ada menyediakan berbagai kursus kepada rakyat untuk mendalami ilmu pembuatan. MARDI dan Jabatan Pertanian misalnya, menganjurkan kursus-kursus pemprosesan makanan seperti membuat sos, kaya, jem, jus minuman, kek, coklat, roti dan sebagainya. Persoalannya, berapa ramai yang mengetahui wujud peluang ini? Apakah yang boleh kita bantu untuk peserta kursus meneruskan ilmu diperoleh? Dalam hal ini penggerak-penggerak masyarakat seperti Penghulu, Pengerusi JKK, Tok Batin dan Pegawai Masjid, mesti mewar-warkan program ini untuk makluman dan tindakan seluruh masyarakat setempat.

Pasar tani juga merupakan wadah terbaik para petani menjual hasil mereka. Tetapi sayang, ada setengah tempat hanya menyediakan tapak untuk seminggu sekali sahaja atau pasar tani khas ketika menyambut perayaan seperti Aidilfitri. Mengapa

tidak dibuka pasar tani ini setiap hari, seperti pasar-pasar awam. Ini akan memudahkan orang ramai menikmati sayur-sayuran segar setiap hari. Dalam masa yang sama, para petani berpeluang memasarkan sendiri produk mereka dan mampu menjana pendapatan tambahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha kita mengejar kemajuan dan pembangunan, jangan sekali kita membiarkan tangan-tangan rakus merosakkan khazanah alam, ciptaan tuhan untuk hambanya. Sebagai khalifah di bumi Allah ini, menjadi tanggungjawab kita untuk memakmurkan dan mengimarahkan alam ini, daripada pihak-pihak yang buta akan kepentingan alam. Melestarikan alam dan memajukan teknologi hijau amat wajar menjadi satu agenda kita. Usah nanti dek terhantuk, baru nak tengadah, kerana ketika itu nanti nasi sudah menjadi bubur.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Sikit lagi Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dua minit.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Demikian juga halnya penyelenggaraan aset awam, atau dikenali sebagai PIA dan PIAS, janganlah kita ambil ringan. Membaik pulih dan menaik taraf pelbagai prasarana seperti jalan, perparitan, longkang, jambatan, pendawaian semula dan lain-lain hendaklah dilakukan secara berkala. Tujuan untuk mengelak kos penyelenggaraan yang besar di samping dapat dimanfaatkan oleh rakyat pada setiap masa.

Peruntukan sebanyak RM313.33 juta oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagi pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan, dewan orang ramai, jambatan, padang permainan, pengambilan tanah dan sebagainya, adalah satu rahmat besar kepada penduduk negeri ini. Demi menambahkan kecekapan dan kelicinan pentadbiran peringkat bawahan, fungsi Kompleks Penghulu perlu ditambah nilai dan di naik taraf. Jika dilihat, Kompleks ini agak lesu dan kurang bermaya. Masyarakat hanya memasuki Kompleks ini sekadar untuk meminta cop dan tandatangan Penghulu sahaja. Sepatutnya ia berwatak seperti Pusat Khidmat Masyarakat secara menyeluruh dan di situlah segala penyampaian maklumat ke peringkat akar umbi dapat disalurkan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar, Kompleks Penghulu dijadikan pusat pentadbiran yang menempatkan Pusat Khidmat Wakil Rakyat, diwujudkan beberapa jabatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, FAMA, Pondok Polis, Klinik Desa, Wakil Pos dan sebagainya. Jika ini dapat diterjemahkan, saya pasti Kompleks ini akan kembali hidup dan kewujudannya dirasai oleh masyarakat desa. Selaras dengan kepelbagaian fungsinya, maka ia wajar ditukar nama kepada Pusat Kemajuan Barisan atau singkatannya PEKEMBAR.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kasih ibu bawa ke syurga, kasih bapa berkorban raga, adalah kiasan untuk memperteguh ikatan kekeluargaan. Institusi keluarga yang ampuh dan sentiasa disiram dengan benih kasih sayang, mampu menjadi perisai bagi kebejatan sosial yang melanda masa kini. Program keibubapaan dan membina Keluarga Sakinah wajar dipertingkatkan demi melahirkan keluarga, masyarakat dan negara yang bersatu dan harmoni.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Kesatuan ahli yang bermula dari keluarga adalah kunci kesepaduan sebuah negara. Robohnya institusi keluarga, rapuhlah negara. Jadikanlah Malaysia sebagai syurga bagi setiap warganya. Di sini kita bermula, di sini juga kita berakhir. Insya-Allah kita hidup hanya tinggal berapa waktu dan sementara...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Tetapi anak itu akan berada lebih lama. Jadikanlah Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri sebagai tunjang sebuah pembinaan sebuah negara bangsa...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat masa...

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Dah lebih sangat.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Ha, sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Seminit.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Ya, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan insya-Allah, berhenti terus.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Dato' Speaker kacau, dah hilang dah.

Y.B. Dato' Speaker : Tak hilang, dalam tu jugak.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Kerajaan Negeri sebagai tunjang sebuah pembinaan Negara Bangsa. Agama Islam jangan sekali dipermainkan, diperolokkan. Itulah asas tauhid dan keimanan Muslimin dan Muslimat, azab tuhan akan tersedia kepada mereka yang mempersendakan sama ada ketika di dunia dan di akhirat. Sebab itu Perdana Menteri Turki enggan menggunakan perkataan Islam dalam Parti pimpinannya. Alasannya, beliau tidak mahu jika ada kelemahan dalam diri penyokong parti dan keburukan yang dilakukan, ia akan turut mencemarkan kesucian Islam kerana Islam itu agama yang sempurna dan tiada cacat celanya. Keburukan individu dan organisasi yang di dokong akan kelihatan ketika di dunia ini. Kalimah dan tauhid Allah...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, panjang no Yang Berhormat. Pendeklah mintak.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Ha, sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Panjang no Yang Berhormat ni, betul. Sebab Yang Berhormat baca.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Dah lupa dah lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Mintak berhentilah.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Kelihatan ketika di dunia ini. Kalimah dan tauhid Allah dijadikan mencari modal keuntungan kuasa. Dari itu jadilah kita sebagai warga negara yang berpegang kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menutup kata-kata, buat sementara, terimalah mutiara bicara, buat ingatan bersama. Kota Iskandar pusat pentadbiran, hasil idea pemimpin Barisan, Perpaduan yang utuh usah dirosakkan, Demi mengejar rakus kekuasaan. 10 Rancangan Malaysia satu misi nasional, Harapan watan masa hadapan, Rakan YB usah beremosional, ketika berbahas dalam Dewan. Tuanku Sultan Raja berdaulat, Kepimpinan negeri sentiasa taat, Semoga Johor cemerlang dan hebat, Dikenali seantero dunia sejagat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Jemput. Diteruskan lagi siapa yang nak berucap. Yang Berhormat, 10 minit ya, dah dekat habis.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Bismillahirrahmanirrahim.

Y.B. Dato' Speaker : Cari yang *point* ajalah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang dihormati Dato' Speaker, saya mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT, kerana pada pagi ini saya dapat bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2011. Dan, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membentangkan bajet lebihan RM2.77 juta pada tahun 2011 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tema Bajet 2011 adalah "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat", yang membawa makna bahawa bajet ini akan mendahulukan kepentingan rakyat supaya semua pembangunan akan dapat bersama-sama dinikmati kemajuan melalui dengan cara keadilan dan saksama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan masa yang begitu singkat, saya ingin meneruskan pasal masalah di kawasan DUN saya sendiri.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membawa projek yang besar di kawasan DUN Tanjong Surat. Salah satu projek tersebut ialah Projek Pembangunan Tanjung Belungkor yang telah diluluskan oleh kerajaan melalui agensi KEJORA kepada sebuah syarikat untuk

mendirikan kawasan bebas cukai, hotel dan juga perumahan yang seluas 420 ekar, kerana Tanjung Belungkor adalah merupakan pintu masuk di Selatan Johor yang amat memerlukan perhatian supaya lebih ramai pelancong yang datang ke Negeri Johor melalui Tanjung Belungkor.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, pelancong yang datang ke Negeri Johor melalui pintu ini. Pada tahun 2009 seramai 10,560 orang daripada Singapura dan 17,345 orang pada tahun 2009 daripada Indonesia pada tahun 2010 hingga September, 2010 pelancong yang datang ke Negeri Johor melalui Tanjung Belungkor berkurangan iaitu 7,502 orang daripada Singapura dan 4,101 orang daripada Indonesia. Masalahnya ialah saya ingin tahu, apakah perancangan Lembaga Pelabuhan Johor dan pihak pelancongan Negeri Johor dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelancong yang datang ke Negeri Johor melalui Tanjung Belungkor? Adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan projek Tanjung Belungkor dengan kos beratus juta ringgit, yang memberi peluang pekerjaan tempatan dan juga menempatkan penduduk tempatan di kawasan tersebut? Saya minta kerajaan supaya dapat mempercepatkan pelantikan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Johor. Sehingga pada hari ini kekosongan telah berlaku, kerana pada pendapat kita bahawa dengan adanya Pengerusi ini, dapat memberi kemudahan kepada kita untuk merujuk ataupun meminta penjelasan masalah-masalah yang dihadapi di kawasan Tanjung Belungkor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan DUN Tanjong Surat mempunyai kawasan pantai yang panjang sekali, iaitu bermula daripada pantai Pengerang sampai ke pantai Punggai yang terdedah dengan hakisan pantai. Setiap tahun berlaku hakisan pantai apabila tibanya musim tengkujuh, iaitu dianggarkan 3 meter pantai telah di hanyut oleh air. Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan supaya dapat menyelesaikan masalah tersebut termasuk Kampung Teluk Ramunia dan juga Kampung Punggai, yang menjadi ancaman hakisan yang berlaku pada ketika ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyentuh tanah wakaf, termasuk tanah masjid dan surau di kawasan DUN Tanjong Surat, masih lagi belum dilaksanakan dengan sempurna oleh Jabatan Agama untuk diwakafkan. Perkara ini kita telah membawa kepada Mesyuarat Pembangunan Daerah dan di dalam Dewan Negeri pada tahun lepas bahawa proses untuk mewakafkan tanah tersebut memakan masa sehingga 4 atau 5 tahun. Oleh sebab itu, saya minta kepada Jabatan Agama dapat mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Persidangan Dewan Negeri yang lepas bahawa kerajaan telah mengumumkan bahawa Sekolah Agama Johor akan mula dibina pada bulan Oktober 2010. Tetapi malangnya sehingga hari ini tidak kedengaran mengenai pembinaan tersebut. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah memilih syarikat yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek ini. Sedangkan kita sudah memaklumkan kepada masyarakat, pada rakyat bahawa pembinaan sekolah akan bermula pada bulan Oktober 2010 ini. Oleh itu, saya berharap kepada kerajaan supaya dapat mempercepatkan pembinaan sekolah agama peringkat pertama dilaksanakan dengan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin tahu kedudukan jambatan Desaru ke Senai. Bilakah agaknya jambatan ini boleh digunakan oleh orang ramai? Kerana kami penduduk Pengerang dan sekitarnya sedang menunggu untuk menikmati kemudahan tersebut, kerana projek ini sudah terlalu lama tersangkut. Sehingga akhir tahun ini, saya lihat masih lagi tidak boleh digunakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memohon kepada kerajaan supaya dapat memberi peruntukan khas untuk menggali dan mendalamkan Kuala Sungai Rengit yang merupakan pangkalan kaum nelayan di Sungai Rengit, yang dianggarkan 1 kilometer jauhnya. Ini disebabkan kaum nelayan terpaksa menunggu air pasang untuk masuk dan keluar ke laut. Ini menyebabkan juga kaum nelayan menjadi masalah ataupun boleh menyebabkan mengganggu kehidupan mereka untuk menjalankan, sara hidup mereka untuk mendapatkan hasil tangkapan daripada hasil laut. Dan, saya mengucap terima kasih kepada Pengarah JPS dan juga Jurutera JPS yang telah banyak menyelesaikan masalah-masalah perparitan dan sungai di kawasan DUN saya untuk menghadapi masalah banjir yang akan datang ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya mengadakan kempen untuk menarik pelabur daripada luar negara dan juga dalam negeri untuk melabur ke Johor. Sebagai contoh, Kota Iskandar yang lebih pada RM60 bilion dapat dibawa masuk di Kota Iskandar dan juga saya mengucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membawa pelaburan yang terbesar sekali di dalam DUN saya di DUN Tanjong Surat, Pengerang iaitu Projek Terminal Minyak di Tanjung Ayam yang dianggarkan RM4.8 bilion yang memberi peluang pekerjaan kepada 800 pekerja dan juga memberi peluang perniagaan kepada penduduk tempatan.

Ini ialah satu contoh yang terbaik, patut dicontohi oleh negeri lain yang mana kerajaan berusaha untuk mencari pelaburan yang memberi keuntungan kepada rakyat dan negara. Sepatutnya, Negeri Pulau Pinang mengambil contoh Negeri Johor mengadakan kempen tersebut. Bukan seperti Negeri Pulau Pinang mengadakan Kempen Hari Tanpa Plastik. Untuk maklum Yang Berhormat Dato' Speaker, kempen tersebut biasanya layak untuk sekolah-sekolah mengadakan Kempen Hari Tanpa Plastik kerana beg plastik amat penting untuk kegunaan masyarakat pada hari ini. Ini disebabkan semua barang-barang seperti ikan, daging, sayuran dan lain-lain memerlukan beg plastik untuk dibungkus, untuk diisi supaya memudahkan masyarakat menggunakannya. Kalau, kalaulah penduduk Pulau Pinang tidak menggunakan beg plastik, mereka terpaksa menggunakan surat khabar untuk mengganti plastik seperti tahun 60-an dan 70-an dulu.

Ini, saya ingin tahu juga sama ada Wakil daripada Bentayan mengikut kempen yang disebut seperti yang berlaku di Pulau Pinang. Kalau diikut, makna dia terpaksa menggunakan kertas surat khabar untuk menggantikan beg plastik.

Jadi, kita sebagai Negeri Johor tidak perlu mengikut jejak langkah Kerajaan Pulau Pinang kerana Kempen Hari Tanpa Plastik ini akan merugikan rakyat dan juga syarikat yang mengeluarkan beg plastik untuk memastikan bahawa kita tidak akan mencapai kejayaan jika projek pembangunan kita dapat dihalang oleh pihak yang tertentu.

Oleh sebab itu, kita harap dengan adanya kempen pelaburan ini, kita akan dapat mencapai menjadikan negara maju, Negeri Johor sebagai negeri maju pada tahun 2020 yang akan datang. Biarlah Negeri Pulau Pinang ketinggalan zaman dan negeri yang kurang maju pada tahun 2020 yang akan datang. Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Saya mengucap tahniah kepada UMNO Johor dan juga Kerajaan Johor yang mempertahankan kedudukan Bahasa Melayu dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Walaupun ketika itu, UMNO Johor dikecam oleh negeri lain yang menyatakan bahawa Negeri Johor ataupun UMNO Johor dianggapkan sebagai negeri yang mundur. Akhirnya, Kerajaan Pusat sedar bahawa perjuangan UMNO Johor dan Kerajaan Johor adalah benar. Maka, Kerajaan Pusat mengambil keputusan untuk kembalikan semula Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengajaran Matematik dan Sains. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas kejayaan mempertahankan Bahasa Melayu dalam Pengajaran Matematik dan Sains.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Dua minit je.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, seminit lagi.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada di atas penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk EXCO Kerja Raya Johor mengenai kedudukan CIQ Tanjung Penggelih yang dimaklumkan oleh syarikat tersebut bahawa CIQ ini telah diswastakan kepada mereka oleh kerajaan. Dengan jawapan tersebut, maka masyarakat di Tanjung Penggelih dan juga Pengerang berasa tidak puas hati di atas syarikat yang menyatakan bahawa mereka punya kuasa sepenuhnya di atas CIQ Tanjung Penggelih. Maka, dengan penjelasan yang dibuat oleh EXCO, masyarakat di Penggerang berasa lega dengan kenyataan-kenyataan yang tersiar dalam surat khabar baru-baru ini. Persoalannya, pada hari ini saya ingin tahu, adakah pihak Imigresen dan Kastam memberi kuasa sepenuhnya kepada syarikat tersebut untuk memungut tol kepada pelancong-pelancong yang masuk dan keluar daripada CIQ Tanjung Penggelih iaitu bayaran RM5.00 masuk dan RM5.00 keluar bermakna seorang pelancong kena RM10.00?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok masa, ini pun Yang Berhormat dah soal itu, dah dijawab oleh EXCO yang berkenaan tempoh hari. Pasal kena Tol tu kan dia dah jawab, tak payah timbul lagi lah. Ok.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : ….dan akhir sekali…

Y.B. Dato' Speaker : Sekian, Wassalamualaikum…..

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Sikit, sikit je. Akhir sekali, saya ingin tahu bahawa waktu kerja atau waktu tutup CIQ Tanjung Penggelih ialah pukul lima atau enam petang? Saya difahamkan pada hari ini bahawa Tanjung Penggelih dibuka sampai pukul sembilan malam disebabkan mereka terpaksa menerima atau menunggu feri-feri daripada Indonesia tiba untuk masuk di kawasan CIQ Tanjung Penggelih. Jadi saya nak minta penjelasan, adakah pihak Imigresen melanjutkan tarikh disebabkan syarikat feri daripada Indonesia tiba pada setiap hari bukan masa tertentu, tiap-tiap hari berlaku?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat) : Jadi saya minta penjelasan daripada pihak Imigresen. Jadi dengan kata ini saya menyokong usul yang dibawa oleh DUN Puteri Wangsa. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Ha, jemput.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : 10 minit Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Salam Sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker di atas peluang untuk turut serta membahaskan Bajet 2011. Menjadi prinsip dan matlamat kerajaan kita untuk mengutamakan kepentingan rakyat dan sejarah telah membuktikan bahawa kemakmuran negara dan keberkatan ke atasnya adalah hasil daripada dasar dan komitmen kerajaan selama lebih 50 tahun.
Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin bahawa Kerajaan Negeri mampu menjayakan Bajet 2011 ini dengan memberikan tumpuan kepada penyelesaian tuntas isu-isu pembangunan dan masalah rakyat. Dalam merealisasikan strategi yang ke-3 sebagai contoh, Yang Berhormat Dato' Speaker, meningkatkan kualiti hidup setaraf negara maju bererti bahawa tumpuan akan diberi kepada kerajaan untuk menyediakan seberapa banyak mungkin kemudahan-kemudahan asas bagi meningkatkan kualiti hidup sebagai sebuah negeri yang mana ianya setaraf dengan negara maju.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, reaksi yang biasa kita dengar hasil daripada pembentangan bajet sama ada Bajet Kerajaan Persekutuan mahu pun bajet yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri. Ianya banyak berkisar kepada persoalan penyampaian. Keyakinan rakyat adalah kepada kemampuan dan keupayaan untuk membentuk satu sistem penyampaian, satu pelaksanaan yang berkesan supaya ianya dapat memenuhi hasrat dan matlamat bajet sebagaimana ianya dibentangkan pada peringkat awal. Saya terus menjurus kepada tujuan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Perbahasan saya pada hari ini ialah menyeru supaya Dewan yang mulia ini, oleh kerana ada usaha di peringkat kerajaan untuk mengemukakan permohonan, malah telah pun mengemukakan permohonan untuk diselaraskan Gred Pegawai Tadbir ni. Khususnya pada pagi ini saya menyentuh jawatan Pegawai Daerah supaya dapat

diselaraskan kepada Gred JUSA. Pernah Kerajaan Negeri, saya difahamkan mengemukakan untuk pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi masih belum mendapat persetujuan. Maka, saya mengesyorkan pada Dewan yang mulia pada pagi ini agar kita bersetuju supaya kita meminta usaha yang lebih dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri agar penyelarasan Gred Pegawai Tadbir, Jawatan Pegawai Daerah ini ditentukan sebagai Gred bertahap JUSA.

Ini adalah kerana saya berpendapat bahawa Negeri Johor adalah negeri yang cukup berpotensi sebagai negeri yang mampu maju pada tahun 2020 dengan masyarakatnya berpendapatan tinggi. Selain daripada itu, kita juga tidak nafikan bahawa di Negeri Johor ini peranan Pegawai Daerah adalah cukup berkesan, lebih-lebih lagi dalam masa kita menghadapi pilihan raya yang kita lalui selama ini. Selain daripada itu, seandainya Gred Pegawai Daerah pada hari ini sekadar pada tahap N54, ini juga akan mempengaruhi Agensi-Agensi Persekutuan dalam menempatkan pegawai-pegawai mereka di peringkat daerah.

Walaupun keperluan infrastruktur yang begitu mendesak sebagai contoh di daerah Pontian, Jurutera Daerah ataupun Jurutera JPS yang dihantar oleh Agensi Federal ke daerah-daerah adalah di bawah Gred N54. Walaupun kerja-kerja untuk memastikan keberkesanan perlaksanaan kerja-kerja infrastruktur itu, kalau pegawai yang bergred lebih tinggi ianya akan dapat menentukan keberkesanan pelaksanaan program-program pembangunan di peringkat daerah. Jadi, maka kalau kita dapat mempertingkatkan, kita selaraskan gred bagi jawatan Pegawai Daerah ini ke tahap JUSA, maka berkemungkinan besar gred-gred Pegawai N54 ataupun Gred 54 Pegawai-Pegawai Agensi Persekutuan ini dapat ditempatkan di peringkat daerah. Dan, ini secara tidak langsung juga membawa maksud sebagai sebuah negeri yang menerima pelaburan yang begitu besar khususnya dalam sebagai contoh di Iskandar Malaysia. Peruntukan sebanyak RM339 juta disediakan oleh Kerajaan Pusat. Pelaburan swasta yang komited telah mencecah sebanyak RM62 bilion berbandingkan RM47 bilion yang disasarkan. Ini adalah bukti bahawa kalau dapat kita selaraskan, maka jawatan atau Gred Setiausaha Kerajaan Negeri juga setidak-tidaknya berada pada tahap turus bukan hanya ianya terhad pada Sabah dan Sarawak sahaja. Saya difahamkan pada waktu ini, Gred Setiausaha Kerajaan Negeri bertaraf atau bertahap turus hanya untuk Sabah dan Sarawak maka Negeri Johor sewajarnya. Setiausaha Kerajaan Negeri kita juga berada pada gred turus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila perkara ini dapat kita selaraskan, saya percaya bahawa usaha kita untuk melaksanakan perancangan kita dapat segera kita laksanakan. Saya juga ingin merayu kepada pihak Kerajaan Negeri agar memikirkan, saya dapati bahawa pembangunan di Kota Iskandar ini khususnya yang melibatkan projek-projek perumahan yang bertaraf tinggi. 65% pembangunan di *East Ledang* sebagai contoh dengan izin, pemilikannya adalah rakyat negara luar. Sementara di *Horizon Hill* telah mencecah lebih 56% pemilikan oleh bangsa ataupun oleh rakyat negara luar. Ini perlu kita kawal Yang Berhormat Dato' Speaker.

Tahniah kerana Kerajaan Negeri di dalam pembangunan Kota Iskandar sebagai contoh pembangunan *residential north* dengan izin, apabila syarikat *Limitless Holdings Pte. Ltd.* memegang 60% saham di dalam pembangunan tersebut, syarikat *Limitless Holdings Pte. Ltd.* ini adalah syarikat yang berkait dengan *Dubai World*. Apabila

menghadapi masalah, kerajaan kita telah mempersetujukan pemilikan itu diambil alih oleh Bandar Raya Development Berhad. Walaupun ini sebagai satu daya usaha swasta, tapi saya percaya peranan kerajaan juga dapat membantu supaya dana dalam negara tidak mengalir keluar bagi membolehkan pembangunan dalam negara itu diteruskan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau ini dapat kita laksanakan saya ingin menegaskan sekali lagi supaya Dewan yang mulia ini, kita dapat membawa satu usul, satu syor supaya pihak Kerajaan Negeri segera meminta ataupun mengemukakan permohonan yang sehabis baik yang mungkin, supaya penyelarasan bagi jawatan-jawatan yang saya maksudkan tadi tu dapat kita laksanakan dan saya percaya bahawa dengan adanya gred yang sewajarnya di peringkat daerah, di peringkat negeri kalau ianya dapat diselaraskan ini akan dapat membantu mempercepatkan proses-proses pembangunan di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Berhormat Dato' Speaker, saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat. Bukit Serampang, 10 minit.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Salam sejahtera, salam muhibah dan salam 1Malaysia. Alhamdulillah. Terima kasih Dato' Speaker. Seperti rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional yang lain, saya juga mengambil kesempatan untuk memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT dan ingin mengucapkan rasa bangga dan terima kasih di atas pembentangan Belanjawan 2011 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Satu yang menarik perhatian saya di dalam ucapan ini ialah tahun 2011, daripada Laporan Ekonomi yang telah pun dicatatkan di mana Kerajaan Negeri Johor akan mempunyai bajet lebihan sebanyak RM2.77 juta, alhamdulillah.

Yang menarik perhatian saya Dato' Speaker, inilah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menangkis serangan, tohmahan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di kalangan Pakatan Rakyat pada ketika itu. Ketika membentangkan Bajet 2010 yang lalu di mana kita ada defisit RM1.5 juta. Sehingga ada tanggapan mengatakan Kerajaan Negeri Johor akan menghadapi masalah kebankrapan. Kalau kita masih ingat, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam menggulung perbahasan itu telah pun menyatakan, menolak tanggapan-tanggapan seperti yang dinyatakan tadi dan alhamdulillah, telah pun terbukti, dan inilah yang kita doakan mudah-mudahan Allah SWT sentiasa memelihara Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan Barisan Nasional ini dan kita berdoalah mudah-mudahan jauhkanlah daripada Negeri Johor ini diperintah oleh Pakatan Rakyat yang sebagaimana yang dicanangkan seluruh Negeri Johor pada kali ini.

Dan untuk itu Dato' Speaker, tidak ketinggalan saya, Bukit Serampang bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat yang lain untuk mengucapkan syabas, tahniah juga, khususnya kepada Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kerajaan sama ada peringkat federal, negeri, daerah, yang telah pun bertungkus-lumus membantu usaha kerajaan untuk nak meningkatkan pencapaian pembangunan ekonomi Negeri Johor selaras dengan tema di mana pembangunan rakyat itu kita dahulukan.

Dato' Speaker, dalam masa yang singkat ini, saya hanya hendak menyentuh, tertarik hati di atas apa yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan strategi yang dirancang untuk dilaksanakan dalam usaha hendak membangunkan semua aspek Negeri Johor. Di antara lima strategi ini, yang agak ingin saya kupas, ialah strategi yang kedua dalam usaha nak meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah.

Sebelum itu, selaras dengan usaha Kerajaan Persekutuan untuk menuju ke arah Negara Maju 2020 di mana dua aspek yang dicatatkan di dalam NKRA ialah meningkatkan mutu pengajaran pelajaran dan pembelajaran, ilmu dan yang kedua ialah usaha membasmi kemiskinan.

Dalam konteks pelajaran ini, saya cuma nak menyentuh sedikit sahaja. Daripada maklum balas yang kita terima daripada Pengerusi Pelajaran berkenaan dengan soalan saya, mengapa pembinaan sekolah-sekolah, ada yang dah siap, tak boleh digunakan, ada yang memakan masa daripada pembinaan Rancangan Malaysia Ke-9 bawa kepada Rancangan Malaysia Ke-10 dan ada pula yang akan dibawa pula ke Rancangan Malaysia ke-11.

Yang hendak saya soalkan ni, ialah bagaimana pihak berkuasa di Kementerian Pelajaran khususnya bahagian pembangunan dalam melantik konsultan dalam konteks pembinaan sekolah ini. Sebab, daripada jawapan yang diberikan, contoh, saya ambil, rujuk Yang Berhormat Dato' Speaker, maafkan saya, beberapa sekolah yang dah siap, tapi tak boleh nak digunakan. Di antara puncanya di sini yang disebut ialah masalah keperluan pencawang, sama ada *sub-station* ataupun *contact-sub* yang asalnya tidak ada di peringkat awal pembinaan projek. Jadi, ini yang menjadi soalan pada kita. Agak konsultan ini macam mana? Bila nak buat, diberikan amanah dulu? Tak lihat ke kawasan di mana sekolah-sekolah atau di kampung-kampung yang tak ada *sub-station*, yang tak ada kawasan pili bomba? Tak ada dicadangkan ke? Tiba-tiba suruh buat aje. Ini yang kita persoalkan. Sepatutnya, pegawai-pegawai di Kementerian tadi pergi ataupun berunding dengan Jabatan Pelajaran Johor? Sebab dalam Pembangunan Daerah, bila kita persoalkan ini pegawai-pegawai pun tak dapat nak jawab. Sebab ini tertakluk kepada ibu pejabat. Ini yang jadi masalah di hadapan kita. Saya baru tadi, ada SMS, dia kata " Yang Berhormat kalau dapat peluang bercakap, tolong ceritakan hal ini. Anak saya daripada mula nak bersekolah dulu bangunan baru nak buat tu dah darjah 2, sekarang ni dah sampai darjah menengah." Tak merasa Dato' Speaker. Bayangkan kalau kawasan pendalaman, hulu sana tengok, sekolah baru 4 tingkat, Allahu Akhbar. Kawasan pula yang dilanda banjir dulu. Ini yang menjadi masalah kepada kita dan harap pihak-pihak yang berkenaan tadi tolonglah tengok, perkara-perkara ini dalam usaha untuk melaksanakan projek yang begitu baik oleh pihak kerajaan.

Dato' Speaker, perkara yang kedua, yang saya nak sentuh sikit ialah mengenai strategi menaik taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah ini. Di mana, ada beberapa langkah yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Saya cuma satu saja nak saya sentuh mengenai usaha membasmi kemiskinan ni. Yang pertama, sebagaimana kita sedia maklum, miskin ni ada tiga kategori:

1. Miskin tegar;
2. Miskin am;
3. Mudah miskin.

Yang nak saya sentuhkan ialah mudah miskin. Bagaimana jabatan-jabatan yang ada hubung kait dengan dalam membasmi kemiskinan ni melihat yang cerita mudah miskin ini. Saya dapat juga makluman di antara sebabnya ialah, hari ni dia diberikan bantuan mesin buat roti, buat mi, minggu depan mesin pun entah ke mana.

Jadi yang kita nak minta, pihak-pihak berkenaan supaya lihat, dalam masa yang sama Dato' Speaker, ada dua sumber. Satu yang kita sebut ini, *e-Kasih* dan satu lagi melalui *Focus Group* yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Kita tiap-tiap bulan, Ahli Yang Berhormat, kita ni menghadiri Mesyuarat *Focus Group*. Yang *Focus Group* ini didatangkan daripada Ketua Kampung, Penghulu dan sebagainya. Satu lagi *e-Kasih* ini merupakan sebahagian daripadanya ialah melalui jabatan. Umpamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat ke, Jabatan Kemas ke, RISDA ke. Yang nak saya timbulkan ini supaya penyeragaman itu perlu. Contoh, bantuan rumah. Ini dulu saya difahamkan ialah daripada pihak Kemas. Tapi pelaksanaan nak buat rumah itu oleh RISDA. Tak tahulah kalau sekarang ni dah dibetulkan. Jadi ini yang jadi masalah. Jadi yang kita harapkan sekarang ini ialah, *e-Kasih*, ke apa kasih pun mestilah dari segi penyemakan, dari segi pelaksanaan ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah supaya dapat kita pantau. Saya bukan nak memperkecilkan pihak RISDA dan sebagainya. Pihak RISDA dari segi pembinaan rumah, rasa saya tidak arif dalam bab ni. *Technician*nya pun tak ada. Tetapi kalau di Pejabat Daerah, semua cukup. Apa salahnya diserahkan kepercayaan itu kepada Jawatankuasa Pembangunan Tindakan Daerah.

Dato' Speaker, yang kedua, dalam proses pembasmian kemiskinan masyarakat Orang Asli. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Besar melihat soal ini. Bahawa Orang Asli juga adalah di antara faktor penentu juga penyumbang kepada sokongan daripada pihak kerajaan. Yang nak saya timbulkan ini, ketua isi rumah. Berdasarkan rumah tu betullah. Tapi, sedar kah kita bahawa sebahagian daripada isi rumah itu, anaknya dah membesar dan dah pun berumah tangga. Mereka ini terpaksa pindah. Contohnya, kalau kawasan saya itu ada nama Kampung Sentosa, lebih kurang dalam 40 buah rumah. Tetapi, sebahagian besar daripadanya oleh kerana rumahnya kecil, ahli keluarga itu ramai, mereka terpaksa lari ke tempat lain. Timbul cerita beralih ke kawasan DUN Jorak, Searak Api dan sebagainya. Jadi ini juga menimbulkan masalah. Jumpa kita, masalah rumah, saya dah timbulkan di peringkat daerah. Ada yang rumah dia pakai tutup kanvas aje. Jadi yang ini saya minta supaya Jabatan Orang Asli lihat bagaimana dari segi masalah-masalah anak daripada induk itu tadi, yang dah berpindah, yang juga menghadapi masalah. Dan begitu juga, berbalik cerita tadi Dato' Speaker, pembuatan ataupun pembinaan rumah itu pun masih lagi mengguna

jabatan itu sendiri. Patutnya serahlah kepada Pejabat Daerah supaya selaras, sekata. Ini yang perlu diperhatikan.

Dan yang seterusnya Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa. Saya beri betul-betul 10 minit ni.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : 10 minit, dah habis dah.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Dato' Speaker, satu saja saya nak minta izinkan saya dari segi PDK ini, Pusat Dalam Komuniti. Saya minta usaha yang dah dibuat oleh JUWITA dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat ni dilihat. Perkara yang berlaku sekarang dah cantik, cuma konsep pengajaran dan pembelajaran itu kita nak tengok sikit. Kita harap, PDK ini bukan jadi sebagai tempat asuhan tetapi tempat membina keyakinan dan melatih peserta-peserta ni dalam soal kemahiran. Apa yang saya lihat kebanyakannya walaupun ada skim-skim tertentu, tetapi dari segi pelaksanaannya, seolah-olah guru-guru ataupun pegawai itu jadi sebagai pengasuh aje. Tidak ada aktiviti berterusan tiap-tiap hari. Tetapi kalau ada sesuatu, bukanlah kita nak nafikan, macam nak pergi Kuala Lumpur bulan Disember saya difahamkan, wah, Negeri Johor akan menghantar wakil. Tahniah. Kita harap Johor akan berjaya, PDKnya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Jadi Dato' Speaker, dengan masa yang singkat banyak lagi tetapi saya menghormati masa, jadi sekali lagilah saya ucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri Johor di atas memacu pentadbiran dan juga membangunkan ekonomi Negeri Johor. Mudah-mudahan usaha murni yang kita buat, Kerajaan Barisan Nasional ini insya-Allah akan mendapat taufik, hidayah, petunjuk daripada Allah SWT. Maka dengan kata-kata itu saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN daripada Puteri Wangsa. Sekian wassalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat 10 minit betul atau 8 minit? Terus kepada perkara. Tidak payah panjang-panjang.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Segala puji bagi Allah kita memujiNya, memohon pertolongan dan keampunan daripadaNya, kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita dan keburukan amalan-amalan kita. Barang siapa yang Allah tunjuki maka tidak ada yang dapat menyesatkannya dan barang siapa yang Allah sesatkan maka tidak ada yang dapat memberinya hidayah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya dalam setiap bajet yang dibentang oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Barisan Nasional. Kepentingan dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi fokus ataupun tumpuan yang utama. Apa yang penting sekali Bajet 2011 Negeri Johor Darul Takzim ini

seperti bajet-bajet yang lalu, bukan sekadar bahan retorik untuk menarik sokongan rakyat sebaliknya diperhalusi dan direncanakan dengan sebegitu rapi dengan penuh keikhlasan dan rasa tanggungjawab untuk membangunkan Negeri Johor agar kemakmurannya dapat dirasai dan dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira asal keturunannya, kepercayaan agamanya mahupun pegangan politiknya.

Ini yang membezakan Barisan Nasional dengan kerajaan-kerajaan kelam kelibut yang hanya pandai berceramah tetapi tidak mahir dan mentadbir sehingga sesetengah rakyat menjadikan ceramah mereka ini hanya sebagai satu hiburan penglipur lara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak lengkap sekiranya saya tidak menyebut Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi yang sesungguhnya telah banyak membantu menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan jabatan ini. Terlalu panjang kalau saya hendak menyebut satu-persatu. Ini semua jelas membuktikan bahawa Gagasan 1Malaysia "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan", sudah mula difahami dan mula diberi keutamaan oleh kakitangan awam. Sekali lagi tahniah kepada semua kakitangan awam yang telah menyahut dan menterjemahkan gagasan yang dibawa oleh kerajaan ini.

Selain itu juga, semua yang saya sebutkan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah bukti yang menunjukkan bahawa segala tuduhan yang dilemparkan oleh pihak di sebelah sana tentang ketidakcekapan dan masalah rasuah yang kononnya begitu parah di kalangan kakitangan awam adalah fitnah dan pembohongan semata-mata, yang mungkin didorong oleh perasaan benci dan dendam kesumat bagi pihak ini kepada kakitangan awam yang rata-ratanya adalah penyokong kerajaan. Percayalah Yang Berhormat, benci dan dendam yang diterjemahkan melalui tuduhan dan cercaan ini tidak akan berjaya menyelesaikan permasalahan yang sedang dihadapi oleh rakyat Yang Berhormat wakili. Sedangkan kita semua di sini seperti juga kakitangan awam adalah bekerja untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlanjur saya menyebut isu tanah ini, saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Skudai di dalam Dewan yang mulia ini iaitu isu tanah ceroboh, PTD 404, yang telah diberikan nombor plot baru iaitu PTD 423 dan PTD 394 yang jumlah keluasan keseluruhannya adalah sebanyak 2,874.67 ekar kesemuanya adalah di bawah, berada di dalam DUN Sedili.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Skudai di atas usahanya untuk menjadi juara dalam semua isu dengan merayau-rayau di serata kawasan termasuk kawasan saya, sambil mengutip apa sahaja isu untuk dijadikan modal bagi menghentam kakitangan awam dan kerajaan. Semua orang digambarkan sebagai tidak betul dan rasuah. Cuma saya mengingatkan Skudai agar lebih berhati-hati pada masa depan kerana sikapnya yang tidak suka membuat penyelidikan terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran sebenar sesuatu isu itu, dikhuatiri akan terus disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu yang telah sedia maklum akan kelemahan Skudai sendiri iaitu keghairahannya untuk menjadi juara kepada rakyat kononnya. Tidak mustahil suatu hari nanti Skudai akan dipergunakan oleh perompak dan penyamun untuk menuntut itu dan ini kepada kerajaan jika Skudai terus mengamalkan cara bekerja yang negatif seperti ini. Ini bukan cara kerja yang profesional. Sebagai Wakil Rakyat...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kejap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Peraturan 45(13) b dan juga c, saya rasa Yang Berhormat Sedili itu menggunakan perkataan penyamun dan perompak itu terlebih berat sikitlah. Dan juga kita memperjuangkan untuk hak rakyat dan bukan saya hendak kacau kawasan dia. Orang bawa permasalahan kita cuba tolong selesaikan...

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, yelah..

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sepatutnya berterima kasih kepada saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat. Takpelah. Ok, Yang Berhormat perkataan yang elok kena disebut.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat, masa saya 10 minit Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi membuat Skudai lebih terkenal dan popular bukan sahaja di Johor tetapi di seluruh negara. Saya ingin hendak mencadangkan supaya Skudai pergi membantu sebuah keluarga keturunan India di Pulau Pinang yang mana tanamannya di atas tanah ceroboh dimusnahkan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Pulau Pinang dalam keadaan mereka yang menyambut perayaan Deepavali baru-baru ini. (Dewan bertepuk tangan).

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, Peraturan 45(13). Dia sudah sentuh nama saya, saya terpaksa menjawablah. Saya baru balik dari Pulau Pinang...

Y.B. Dato' Speaker : Tidak Yang Berhormat. Yalah dia hendak cakap sama juga Yang Berhormat cakap, saya melainkan kalau ayat dia itu tidak elok. Dia cuma bayangkan kalau hendak menjadi juara Yang Berhormat ADUN itu hendak pergi, pergilah kalau terlanggar takpe, itu cakap dengan orang, biasalah gitu. Tetapi kalau dibuat ayat yang kurang elok, menyakiti hati itu bolehlah. Ini dia kata, Yang Berhormat Tanjung Puteri pergilah, macam ini takpe.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya hendak perbetulkan kejahilan Yang Berhormat Sedili itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tak sebut...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya pergi seperti pemandu teksi India ke, Melayu bagi tau saya tak ada pasal dengan Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat teruskan lagi. Yang Berhormat tajuk lainlah. Nak deras habis ni.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Hukum dalam Islam ada 5. Yang pertama, wajib, sunat, makruh, harus dan haram tapi bukan di sini di Afrika sana, haram jadah. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Tak dengar. Apa kata dia?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ayat yang disebut kena tarik balik kalau tak elok. Kena tarik...

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Saya tarik balik, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha...

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Sedili kawasan saya. Saya tahu apa yang berlaku di Sedili. Begitu juga saya tahu tentang isu tanah ceroboh yang dibawa oleh Skudai melalui pemimpin-pemimpin masyarakat di tempat yang terlibat. Namun saya tetap mendapatkan laporan sebenar daripada Pihak Berkuasa yang berkaitan iaitu Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi. Ini cara kerja saya, memang tidak popular tetapi saya memahami apa isu yang sebenar dan adakah tindakan kuat kuasa di sebahagian PTD 394 mengikut peruntukan Undang-Undang di bawah Kanun Tanah Negara tahun 1960. Adakah Skudai sedar bahawa kesalahan di bawah Seksyen 45...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sekali lagi dia sebut nama Skudai. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Sedili, dua orang Yang Berhormat Datuk itu siapa yang dapat tanah?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker ini kawasan saya, saya minta dia jelaskan. Dia salah gunakan...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Siapa Yang Berhormat Datuk dua orang yang dapat tanah itu? Beritahu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, diingatkan kalau Yang Berhormat ada berucap, ada menyentuh kawasan orang lain yang menyinggung kepada perasaan ADUN yang ada di kawasan itu, padahal ADUN itu menganggap itu tidak benar, dia bolehlah juga beri penjelasan sedikit. Taklah jadi salah kerana Yang Berhormat ada menyebut, jadi dia pun sebagai Wakil Rakyat, makna dia nanti rakyat fikir dia tak menjalankan tugas, dia tak betul, jadi dia tanyalah Pejabat Tanah, dapatkan maklumat, jadi dia kenalah juga terangkan supaya rakyat kawasan dia yang sebagai Wakil Rakyat dapat maklumat yang betul tapi nanti biarlah kerajaan yang jawab. Itu biasalah Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau sebut cerita orang lain, lepas itu Yang Berhormat hendak jawab Wakil Rakyat itu tidak boleh, itu tak kenalah melainkan dia menyebut ayat yang tak menyakiti Yang Berhormat itu lain. Jemput dah tinggal 2 minit.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Adakah Skudai sedar bahawa kesalahan..

Y.B. Dato' Speaker : Boleh tak Yang Berhormat sebut yang lain asyik Skudai sahaja. (Dewan ketawa). Tajuk lain tiada?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : ... 425 Kanun Tanah Negara iaitu pendudukan secara tidak sah di atas tanah kerajaan dan boleh jika disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan atau satu tempoh yang tidak melebihi 1 tahun. Bukan kuasa saya untuk menjelaskan isu ini kepada Dewan yang mulia ini. Sebaliknya saya ingin mengingatkan sekali lagi kepada Skudai agar membuat penyelidikan terhadap sesuatu isu termasuk mendapatkan penjelasan Pihak Yang Berkuasa sebelum melontar sebarang tuduhan kepada mana-mana pihak.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Masa sudah cukup.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-52 tahun yang lalu. Baginda Tuanku telah mengingatkan kita kembali kepada perjuangan rakyat Negeri Johor untuk menggantikan Tambak Johor dengan sebuah jambatan. Peringatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini adalah suatu yang tidak boleh dipandang remeh, sebaliknya harus kita sama-sama memperjuangkan sehingga mencapai kejayaan. Tidak ada mana-mana pihak pun yang dapat mencangah justifikasi cadangan menggantikan Tambak Johor kepada sebuah jambatan. Malah jika kita melihat kepada peningkatan mendadak statistik kemasukan pelancong asing termasuk rakyat Singapura melalui pintu masuk di Tambak Johor bagi tahun 2000 ini, maka cadangan ini adalah amat wajar dan akan menguntungkan kedua-dua buah negara. Terlalu banyak faedah dan kebaikan yang dinikmati oleh rakyat kedua-duanya negara. Justeru saya menyarankan agar usaha dan rundingan untuk menjayakan cadangan ini akan terus dipergiatkan bagi merealisasikan impian rakyat Johor untuk melihat sebuah jambatan baru terpacak di Selat Tebrau yang akan menambahkan keakraban di antara rakyat Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Ok, *last* sekali. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kesempatan ini juga saya ingin menzahirkan perasaan bangga seluruh rakyat Negeri Johor yang merasa sungguh amat bertuah kerana mempunyai seorang Sultan yang sungguh berjiwa rakyat, prihatin terhadap permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh rakyat jelata di Negeri Johor. Keprihatinan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini terbukti dengan penubuhan Yayasan Sultan Ibrahim, yang mana elaun Baginda sendiri sebagai Sultan akan disalurkan kepada golongan yang memerlukan melalui Yayasan Sultan Ibrahim ini. Di atas keprihatinan dan budi baik Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor ini. Seluruh rakyat jelata Negeri Johor mendoakan semoga KeBawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan dipanjangkan usia, ditinggikan martabatnya dan diberi ganjaran yang melipat ganda oleh Allah SWT.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali marilah kita sama-sama berdoa, mudah-mudahan Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Memimpin dan Membimbing semua niat, Yang Memimpin dan Membimbing semua gerak, dan Memimpin dan Membimbing semua rasa, Yang Memimpin dan Membimbing semua fikir, Memimpin

dan Membimbing fikiran, perasaan dan tindakan kita semua di dalam Dewan yang mulia ini, tetap di jalan yang benar, tetap di jalan yang diredai serta terus berusaha untuk mengukuhkan ukhuwah dan perpaduan sesama kita, dengan nilai-nilai murni yang menjadi amalan kita dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh rakyat, insya-Allah, negeri dan rakyat Johor akan terus selamat, aman makmur dan maju jaya. Sekian wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Ada lagi Yang Berhormat, kalau ikut catatan masa saya izinkan Yang Berhormat ucap dalam 8 minit sahaja. Lain kali jangan ambil penghujunglah. Saya kesian bagi 8 minit sahaja.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini dah kira masa parah, masa cedera...

Y.B. Dato' Speaker : Ya lah. Masa dah tamat, silap saya.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kerana saya perasan semua dalam kepala, kalau tidak dapat diluahkan 7 bulan tidak dapat tidur saya...

Y.B. Dato' Speaker : Nasib baik saya bagi cakap, kalau saya tidak bagi cakap, boleh jadi pengsan jadinya. (Dewan ketawa). Dah kita bagi cakap, teruskan jelah. 8 minit, ok. Hari Jumaat ini.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pertama-tama saya ingin mengucapkan, terpaksa saya bahas secara kungfulah ni.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya, itu elok, mana dah suntuk masa.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Pertama saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang mana telah dapat membentangkan suatu belanjawan yang atas kertasnya satu belanjawan yang *Surplus* dan saya berdoa dan mengharapkan bahawa ia terus *Surplus* dan bahkan lebih-lebih lagi bukan setakat RM2.7 juta. Kalau kita mengikut Laporan Ketua Audit Negara yang telah dibentangkan, tetapi tak dibentangkan di dalam Dewan ini sepatutnya dibentangkan dalam Dewan ini, wajib, supaya kita dapat nilai dan kita bahas bersama. Kalau kita imbas kembali Belanjawan tahun 2009, 2010 yang mana kalau kita ingat defisit belanjawan hanyalah RM1.5 atau 1.6 juta tapi setelah diaudit, diurus, di belanja, maka defisit sebenar adalah RM78.6 juta. Jadi saya sangsi, saya harap tidak begitu. Dan pada tahun ini benar-benar *Surplus*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak buat satu rumusan yang telah dibentangkan oleh Ketua Audit Negara, bahawa RMK-9 akan habis tempoh pada tahun ini bulan 12. Kita hanya ada masa satu bulan lebih sahaja. Dah angka 5 tahun, kerajaan telah meletakkan siling perbelanjaan sekitar RM1.3 bilion untuk dihabiskan belanja sehingga akhir tahun ini, RM1.37 bilion, tapi malang, amat malang, setakat tahun 2000, akhir tahun 2009, sekitar 59.2% sahaja yang telah dibelanja. Selama 4 tahun, tak sampai 60% siling peruntukan itu kita belanja, kita hanya ada satu bulan. Kalau saya nak

terangkan, nak nyatakan jabatan-jabatan yang prestasinya tak sampai 50% pun ada. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membelanjakan hampir sekitar 100%. Suatu, ini dah lebih *over active*. Masa ada setahun lagi, dah habis hampir 100%. Mungkin ada baiknya, tahniah, tapi yang malangnya, jabatan-jabatan seperti JKR, maaf, Pejabat Agama, Majlis Tindakan Sukan, yang telah berbelanja kurang daripada 40%.

Y.B. Dato' Speaker : Pejabat Agama pun tak belanja ya?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya hairan. Saya rasa dan saya rasa perlu diberi penjelasan, apakah kekangan, masalah, rintangan, walaupun disebut dalam penyata tu, ada yang ditarik balik, ada yang tidak siap, ada yang macam-macam, jadi saya rasa perlu diberi penjelasan kepada Ahli Dewan sekalian kerana masa kita dah tinggal satu bulan sahaja lagi, yang mana RMK-9 ini diolah begitu rupa supaya untuk memacu Negeri ini, menuju kepada Negeri Maju pada tahun 2020. Pelancongan hanya, dahlah peruntukan tak banyak RM15 juta untuk 5 tahun, belanja RM5 juta. Apakah masalahnya? Tak pandai nak belanja ke, ditarik balik ke, tak ada program ke atau rancangan, kalau tengok rancangan daripada pelancongan tu macam-macam. Kita sudah kenal pasti, kita akan kenal pasti dari masa ke semasa. Semua kenal pasti sahaja. Jadi ini bukanlah, ini contoh, bukan saya nak apa, menuduh, ini masalah bersama, ini kalau boleh kita selesaikan bersama, kalau ada masalah, tolong bentangkan masalah supaya akan datang kita masuk pada RMK yang ke-10, kita dapat meningkatkan prestasi kita. Duit yang begitu banyak, saya sayang dan saya bimbang, peruntukan yang lebihan berapa, yang tidak di belanja sekitar RM600 juta lagi akan ditarik balik. Jadi pada saya ini adalah satu perkara yang besar, yang perlu kita beri perhatian dan mendapat sedikit sebanyak jawapan dan penjelasan Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya bertanggungjawab, saya ada dua, tiga lagi yang belum berbahas, jadi saya rasa saya nak berhenti di sini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok terima kasih.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kerana ada dua lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi, ada banyak lagi, saya minta Yang Berhormat Dato' Speaker, simpan untuk bulan 6 nanti bagi masa yang lebih. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau...

Y.B. Dato' Speaker : Ya lah. Jangan sampai pilihan rayalah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau sampai pilihan raya, belum tentu…

Y.B. Dato' Speaker : Kalau sampai pilihan raya, Yang Berhormat belum tentu ada kat sini pulak. Ok, ok. (Dewan ketawa). Ok, ok. Tu dah eloklah tu.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi akhirnya, segala cadangan, rumusan yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara, tolong baca, semak, bukan sekadar rumusan, cadangan sahaja kemudian kita bakul sampahkan, tunggu tahun depan, benda yang sama berulang balik, jadi dibuat. Audit itu dibuat untuk penambahbaikan, untuk menyelesaikan masalah dan sebagainya. Jadi tolong, segala cadangan-cadangan yang telah dibentangkan oleh Ketua Audit Negara tolong, ini arah, bukan cadangan, ini satu arahan untuk meningkatkan prestasi perjalanan Kerajaan Negeri kita.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Terima kasih.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, hari Isnin pihak kerajaan akan menjawab masalah-masalah yang ditimbulkan Ahli Yang Berhormat sekalian. Pada hari Isnin, Selasa dan Rabu, tiga hari untuk pihak kerajaan menjawab masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga hari Isnin, 29 November 2010, jam 9:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 12:10 tengah hari.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEMBILAN	ISNIN, 29 NOVEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat sekalian perbahasan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 di teruskan sekarang. Jemput Yang Berhormat daripada pihak kerajaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi dan salam 1Malaysia. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk memulakan penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Mesyuarat Ketiga Bajet 2011 Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Kali Ke-12.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2011 dan peka terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan Rakan Muda, Belia dan juga sukan di Dewan yang mulia ini. Bajet 2011 yang menekankan soal kesejahteraan rakyat yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah memberikan perhatian pada pembangunan belia dan sukan Negeri Johor. Sehubungan dengan itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor akan terus melipatgandakan usaha bagi mendekati golongan muda melalui aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan pemikiran dan gaya hidup mereka. Untuk itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah merancang untuk menyediakan Pelan Pembangunan Belia Negeri Johor bagi tahun 2011 hingga 2015 selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan Kementerian Belia dan Sukan 2010 – 2015. Satu bengkel hala tuju belia Negeri Johor akan diadakan pada bulan Mac tahun 2011 sempena degan sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Johor bagi tahun 2011. Bengkel yang berbentuk *Lab Belia* dengan izin, ini akan melibatkan kepimpinan Majlis Belia Negeri Johor dan badan-badan gabungannya, agensi atau jabatan kerajaan yang berkaitan, NGO orang muda, NGO sukarela serta individu atau tokoh yang mempunyai pengalaman dalam pergerakan belia.

Bengkel ini akan menumpukan lima teras strategi utama:

1. Pemantapan keupayaan dan kapasiti organisasi belia Negeri Johor.
2. Pemerkasaan pembangunan Modal Insan seiring dengan kemajuan dan pembangunan di Negeri Johor khususnya di kawasan Wilayah Iskandar Malaysia dan juga pergerakan belia masa kini.
3. Pembudayaan sukan untuk semua.
4. Pemantapan penyelidikan pembangunan belia dan sukan Negeri Johor.
5. Pembangunan industri sukan sebagai penjana ekonomi dalam Negeri Johor.

Penyediaan Pelan Strategik Pembangunan Belia Negeri Johor ini akan diolah secara terperinci dengan mengambil kira elemen-elemen yang berkaitan dengan strategik, tindakan yakni program-program yang akan kita laksanakan, *indicator* dan juga sasaran mengikut tahun yang untuk dicapai. Kita yakin dan percaya pelan tindakan ini akan dapat melahirkan *outcome* dengan izin yang jelas dan seiring dengan pembangunan dan kemajuan Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Kahang ada membangkitkan tentang permasalahan sosial di kalangan belia kaum India di Negeri Johor ini. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor sebenarnya telah banyak melaksanakan program-program dengan kerjasama dengan NGO India dalam usaha mendekati golongan belia India supaya mereka ini dapat melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Kaedah perancangan dan pelaksanaan program adalah mengikut cita rasa dan juga minat yang mereka ada. Di antara program yang telah diadakan bersama NGO India:

1. Majlis Belia India Negeri Johor melalui Program Kepimpinan telah berjaya melatih seramai 80 orang pemimpin baru Belia India sepanjang tahun 2010. Dan kita harap 80 orang pemimpin baru Belia India ini akan menjadi *Core Group,* dengan izin bagi melahirkan lebih ramai lagi pemimpin-pemimpin Belia India yang mempunyai semangat jati diri yang unggul.

2. Kelab Silambam Korvoi Sri Negeri Johor melalui Bengkel Silambam yang diadakan telah dapat melahirkan seramai 168 orang penggiat sukan Silambam. Malah 20 orang daripadanya telah dapat mewakili Negeri Johor di dalam Kejohanan Seni Waja diri Peringkat Kebangsaan baru-baru ini dan di Kejohanan SUKMA 2010 di Melaka baru-baru ini juga sukan Silambam telah menyumbang pingat perak untuk kontinjen Negeri Johor.

3. Kelab Bell Belia Tamil Negeri Johor semasa Karnival Hari Belia Peringkat Negeri Johor Tahun 2010 baru-baru ini juga melalui pertandingan-pertandingan yang diadakan dengan kerjasama Kelab Belia ini seperti tarian India, gendang India, kolum dan kavadi telah dapat menarik tidak kurang 1,000 orang belia India yang mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan tersebut.

4. Persatuan Belia Navar Illam Pasir Gudang telah berjaya mengadakan Kem Kepimpinan dan Motivasi Pelajar India semasa musim sekolah di mana setiap tahun mereka telah dapat mengumpulkan tidak kurang daripada 300 orang pelajar India yang melibatkan diri.

5. Kelab Rakan Muda Estet. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah berjaya menubuhkan sebanyak 8 Kelab Rakan Muda Estet di seluruh Negeri Johor, di mana Kelab Rakan Muda Estet Sagil di Muar dan juga Kelab Rakan Muda Estet Ladang Mawai di Kota Tinggi merupakan di antara Kelab Rakan Muda Estet yang paling aktif.

Di peringkat Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, kita sentiasa mengalu-alukan persatuan-persatuan dan juga NGO Belia tidak kira sama ada Melayu, Cina atau India untuk terus berganding bahu bagi mendekati generasi muda melalui program-program yang berfaedah. Program-program belia yang dirancang tidak mungkin akan sampai ke sasaran yang tepat tanpa sokongan serta kerjasama persatuan dan NGO Belia di semua peringkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga akan meneruskan Program-Program Pembudayaan Gaya Hidup Sihat dan Cergas melalui Pembangunan J-Robik yang akan dipergiatkan lagi dalam tahun 2011. Program ini akan dibangunkan secara menyeluruh di peringkat akar umbi dan pada masa ini Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah berjaya mendaftarkan sebanyak 8 Persatuan J-Robik Daerah di mana 2 lagi Persatuan J-Robik Daerah iaitu Daerah Ledang dan Muar sedang menunggu untuk kelulusan Pendaftar Pesuruhjaya Sukan selewat-lewatnya hujung Disember 2010 ini. Dengan adanya penubuhan Persatuan J-Robik Daerah dan disusuli dengan penubuhan Persatuan J-Robik Peringkat Negeri pada tahun hadapan, kita harap ia akan dapat berperanan sebagai pelaksana, pemantau dan juga badan induk di peringkat negeri dalam menggerakkan Program J-Robik sebagai amalan gaya hidup sihat dan cergas rakyat Johor.

Pada hari ini iaitu sehingga Oktober 2010, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah berjaya melahirkan seramai 357 orang jurulatih dan penglibatan rakyat Johor yang bergiat aktif dalam aktiviti J-Robik adalah seramai 37,115 orang. Jumlah jurulatih ini dijangka akan bertambah melalui pelaksanaan Program dan Bengkal J-Robik yang akan diadakan secara berterusan dalam tahun 2011. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan J-Robik yang akan berperanan sebagai Jawatankuasa Pemandu dan juga Pemantau kepada perkembangan J-Robik. Antara peranan Jawatankuasa ini:-

1. Menyelaraskan aktiviti dan Program J-Robik di semua agensi kerajaan dan badan-badan berkanun seluruh Negeri Johor.

2. Mengadakan pemantauan berkala bagi mendapatkan maklum balas dan laporan pelaksanaan program ini di semua peringkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Pembangunan Sukan Paralimpik pula, Negeri Johor telah menyertai Kejohanan Sukan Paralimpiad Malaysia di Melaka pada 19 hingga 27 November 2010. Pada kejohanan tersebut, kontinjen Johor telah mencapai satu kejayaan yang cemerlang dan melakar sejarah dalam Kejohanan Sukan Paralimpiad Kebangsaan di mana kontinjen Johor telah menjadi naib johan keseluruhan dengan mendapat 54 emas, 28 perak dan 28 gangsa, berada di kedudukan kedua selepas Negeri Sarawak. Kejayaan ini bertambah manis sekali dengan atlit Cik Nur Suhana binti Ramlan telah dipilih sebagai Olahragawati

Paralimpiad 2010. Di atas kecemerlangan beliau memenangi 3 pingat emas dalam acara rejam lembing, lempar cakera dan lontar peluru.

Y.B. Dato' Speaker : Dia, daerah mana tu Yang Berhormat? Daripada mana daerah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Saya tak pasti Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, saya ingat daripada Tebrau, saya ingat, Tebrau.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Cuma yang saya tahu dia ni anak kelahiran Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, Tebraulah tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 8 orang atlet Negeri Johor telah terpilih untuk mewakili Malaysia ke Kejohanan Sukan Paralimpiad Asia di Guangzhou, China pada awal Disember ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada atlet-atlet negara yang telah mencapai kejayaan cemerlang di dalam Kejohanan Sukan Asia di Guangzhou, China baru-baru ini.

Untuk makluman Dato' Speaker, seramai 12 orang atlet anak Johor telah sama-sama menyumbang bakti bagi mengharungi cabaran tersebut dengan menghadiahkan 2 pingat perak melalui acara hoki lelaki yang diwakili oleh Faisal Shaari daripada Johor dan juga tenpin boling oleh Mohd. Nur Aiman Mohd. Hairudin. Ini menunjukkan sekiranya usaha-usaha untuk melahirkan bakat dan membangunkan sukan dapat diadakan secara bersepadu dan berterusan, saya percaya akan lebih ramai anak-anak Johor yang mampu untuk bertanding di pentas antarabangsa. Oleh hal yang demikian, Majlis Sukan Negeri Johor akan mengadakan Bengkel Hala Tuju Pembangunan Sukan Negeri Johor sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun akan datang. Bengkel ini akan diadakan dalam masa terdekat dengan mengumpulkan tokoh-tokoh sukan, para penggerak sukan, agensi kerajaan yang berkaitan serta badan-badan korporat bagi menentukan langkah-langkah membangunkan sukan secara bersepadu di Negeri Johor berteraskan kepada usaha:-

1. Untuk menjadikan sukan sebagai amalan dan budaya hidup sihat.
2. Melahirkan atlet sukan berprestasi tinggi.
3. Menjadikan sukan sebagai industri dan peluang untuk menjana ekonomi di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun prestasi Pasukan Bola Sepak Negeri Johor dalam saingan Liga Malaysia 2010, tidak begitu memberangsangkan, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Johor serta sokongan Iskandar Malaysia dan *Johor Corporation* telah berjaya menganjurkan pertandingan-pertandingan liga, kelab-kelab peringkat Negeri Johor bagi merebut Piala Menteri Besar Johor dan Liga Johor bagi merebut Piala Sultan dan Piala Tunku Mahkota Johor.

Pertandingan-pertandingan ini bukan sahaja dapat mencungkil bakat-bakat baru tetapi yang lebih penting ia telah menjadi *platform* kepada peminat sukan bola sepak di akar umbi untuk mengisi masa lapang dan menonjolkan bakat-bakat mereka.

Secara tidak langsung, ia juga dapat menarik golongan muda melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor akan menggerakkan persatuan-persatuan lain termasuklah persatuan hoki, badminton, bola keranjang dan bola jaring, supaya mereka dapat mengadakan pertandingan-pertandingan liga di peringkat daerah dan negeri untuk sukan-sukan tersebut dan juga futsal. Ini merupakan sukan berpasukan yang popular di kalangan generasi muda. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna sukan-sukan lain tidak diutamakan, malah persatuan-persatuan sukan yang telah mempunyai perancangan boleh juga mengemukakan kepada Majlis Sukan Negeri Johor.

Selain daripada itu, Majlis Sukan Negeri Johor juga akan terus memberikan tumpuan untuk menarik kejohanan-kejohanan peringkat antarabangsa ke Negeri Johor. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan juga ingin menggesa badan-badan korporat khususnya yang beroperasi di Negeri Johor supaya dapat berganding bahu bagi menjayakan usaha-usaha ini sebagai tanggungjawab sosial. Mudah-mudahan kerjasama kerajaan, penggerak sukan dan badan-badan korporat ini akan dapat merealisasikan hasrat untuk menjadikan Negeri Johor sebagai Pusat Destinasi Sukan Selatan Tanah Air yang terkemuka di rantau ini bersesuaian dengan pembangunan Iskandar Malaysia yang sedang pesat membangun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tanjung Puteri ada membangkitkan tentang langkah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, dalam menjelaskan isu-isu yang berkaitan isu semasa terutama sekali isu Projek Pembinaan Menara Warisan yang telah diputarbelitkan oleh pihak pembangkang serta media alternatif yang kononnya projek tersebut menggunakan wang rakyat dan membazir. Adalah menjadi keutamaan kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk menghebah, memantau dan memberikan penerangan mengenai maklumat dan isu berbangkit tentang perkara-perkara semasa khususnya berkaitan dengan Bajet 2011, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu bagi memastikan rakyat mendapat maklumat yang betul dan kefahaman yang sebenar tentang perancangan dan perbelanjaan tahunan kerajaan.

Antara langkah yang dilakukan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ialah mendapatkan reaksi dan maklum balas awam mengenai pandangan rakyat terhadap apa pun isu yang dibawa oleh media-media alternatif dan juga pihak pembangkang. Dan, hasil daripada pengumpulan reaksi dan maklum balas ini, pihak Kementerian melalui agensi di bawahnya seperti Jabatan Penerangan, JASA dan juga Jabatan Penyiaran akan sentiasa dari masa ke semasa memberikan penerangan yang berterusan kepada rakyat sama ada melalui media cetak, media elektronik dan juga media maya yang begitu popular pada hari ini. Di samping itu, Kementerian juga menerbitkan bahan-bahan penerbitan mengenai perkara-perkara yang menjadi dasar terkini kerajaan supaya dapat diedarkan di kalangan masyarakat di peringkat akar umbi.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dah habis? Hah, ya lah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis Yang Berhormat? Sebelum diteruskan bagi makluman Yang Berhormat, pemerhati di atas Dewan sana adalah daripada JPMM DUN Mahkota, yang Pengerusi dia baru jawab tadi. Ok, diteruskan lagi perbahasan, jemput, siapa ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2011, pada pagi ini. Di kesempatan ini, saya akan menjelaskan beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sepanjang sesi perbahasan ini berlangsung, yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Portfolio Agama iaitu Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Puteri Wangsa, Tanjung Puteri, Kempas, Permas, Penawar dan Maharani.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah serta syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita atas pembentangan Bajet 2011, yang bertemakan mendahului, "Mendahulukan Kesejahteraan Rakyat", yang merangkumi 5 strategi, 19 inisiatif serta 82 langkah-langkah yang telah disusun dengan penuh tertib bagi memenuhi segala keperluan, seluruh masyarakat di Negeri Johor ini sebagai persiapan mencapai tahap negeri dan negara maju menjelang tahun 2020.

Di bawah strategi ke-5 Bajet 2011, iaitu membangunkan masyarakat sivil yang beridentiti dan mempunyai nilai-nilai murni, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah merangka 2 langkah utama bagi mencapai matlamat mendahulukan kesejahteraan rakyat di bawah inisiatif menerapkan nilai-nilai murni secara berkesan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat di atas peruntukan yang diberikan kepada Portfolio Agama pada Bajet 2011 ini. Sesungguhnya, sebahagian daripada peruntukan ini akan digunakan untuk melaksana serta meningkatkan program pembangunan dan penghayatan Agama Islam serta memperkukuhkan nilai-nilai kekeluargaan. Inilah komitmen yang tinggi serta berterusan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita semenjak mengetuai Kerajaan Negeri. Sesungguhnya Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha murni kerajaan ini adalah bertepatan dengan kehendak Allah SWT di dalam al-Quran, Surah Ibrahim Ayat 5 yang bermaksud " Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Musa dengan membawa ayat-ayat Kami dan Kami perintahkan kepadanya keluarkanlah kamu dari gelap gelita kepada cahaya terang benderang dan ingatlah mereka kepada hari-hari Allah. Sesungguhnya, pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda yakni kekuasaan Allah bagi setiap orang penyabar dan banyak bersyukur". Berdasarkan ayat ini maka kita diperintahkan untuk

memberi penekanan dan keperluan rakyat bagi setiap aspek rohani dan juga jasmani agar ianya berjalan seiring secara berterusan untuk mengeluarkan masyarakat dari kegelapan, kehinaan dan kejahilan hidup yang boleh menjejaskan kemakmuran, keamanan dan kebinasaan sesebuah negara dan rakyatnya.

Manakala Nabi Muhammad SAW telah bersabda, "Kamu semua adalah pemimpin dan setiap pemimpin adalah bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya", Riwayat Muslim. Itulah sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, yang telah dilaksanakan oleh kepimpinan kerajaan sebagaimana terkandung dalam firman Allah SWT dan sabda junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni secara berkesan kepada rakyat negeri ini melalui penerapan semangat kesukarelaan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengambil inisiatif mengadakan Program Ziarah Pusara yang telah diadakan sebanyak 40 kali semenjak tahun 2007. Program ini dianjurkan setiap kali menjelang Ramadhan yang diadakan di setiap daerah seluruh Negeri Johor dengan melibatkan ahli kariah khususnya waris-waris si mati serta agensi-agensi kerajaan yang lain. Sepanjang program ini berlangsung, aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti gotong-royong membersihkan kawasan tanah perkuburan serta membaca tahlil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sukacita saya maklumkan perkara ini adalah bagi merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Kempas yang telah membangkitkan berkenaan isu tanah-tanah perkuburan tidak terurus khususnya di Jalan Mahmoodiah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kempas, tiada derma khas yang dikutip oleh kerajaan bagi tujuan menyelenggara tanah perkuburan Islam di negeri ini, sama ada tanah-tanah perkuburan Islam milik kerajaan mahupun tanah perkuburan Islam kariah. Sebaliknya Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Agama Islam telah memperuntukkan sebanyak RM500.00 setahun bagi menyelenggara tanah-tanah perkuburan Islam kerajaan yang kesemuanya berjumlah 16 tapak di seluruh Negeri Johor termasuk Tanah Perkuburan Islam Jalan Mahmoodiah.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa ratus Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : RM500.00.

Y.B. Dato' Speaker : RM500,000.00 eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : RM500,000.00 Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ingat RM500.00.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga telah memperuntukkan sejumlah RM285,000.00 pada tahun 2008 secara *One Off*, bagi melaksana kerja-kerja mencantas pokok...

Y.B. Dato' Speaker : Apa tu *One Off*? Tak dengan izin.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sekali, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Sekali je mana cukup.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sekali, ia tidak berulang.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, cakap orang Putih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker, *One Off*, betul.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bagi melaksanakan kerja-kerja mencantas pokok, membersih kawasan perkuburan serta membaiki, membina dan menaik taraf jalan sekitar kawasan berkenaan.

Di samping itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan turut menempatkan penjawat awam yang bertugas di tanah-tanah perkuburan kerajaan yang bertanggungjawab menguruskan urusan pengebumian jenazah, melaksanakan penyelenggaraan rutin mingguan, bulanan serta tahunan. Manakala pada tahun ini, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah meluluskan peruntukan sebanyak RM586,872.00 bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf perkuburan Islam kariah di seluruh Negeri Johor yang berjumlah 407 tapak seluas 1,490 ekar, Yang Berhormat Dato' Speaker, luas ini. Iaitu bagi melaksanakan kerja-kerja mengukur sempadan, membina pagar, membersihkan serta menguruskan urusan pemindahan kubur. Pecahan jumlah tersebut adalah seperti berikut :-

1. Pemasangan pagar, RM392,675.00. Ini kena pasang pagar Yang Berhormat Dato' Speaker, kadang-kadang binatang buas masuk kawasan..

Y.B. Dato' Speaker : Kat mana tu kubur? Ada binatang buas ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ada, tapi saya tak pasti di mana. Memang saya tahu memang ada. Sebab itu kita kena pasang pagar.

Y.B. Dato' Speaker : Apa jenis binatang tu, Dato'?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Apa?

Y.B. Dato' Speaker : Jenis binatang tu buas tu apa? Harimau?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Biasa babi hutan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia taklah buas sangat. Ha, babi hutan, dia takut orang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ya.

2. Mengukur sempadan, RM3,930.00;

3. Pembersihan kawasan kubur, RM119,297.00 dan
4. Pemindahan kubur, RM70,972.00.

Dan ini bermakna, tahun ini sahaja kerajaan dan juga Majlis Agama Islam telah memperuntukkan RM1.09 juta bagi menyelenggara tanah-tanah perkuburan ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha memastikan agar kawasan tanah-tanah perkuburan Islam ini sentiasa berada dalam keadaan yang ceria dan baik sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kempas adalah terletak di bahu semua ahli masyarakat atau ahli kariah bukan sahaja pada bahu kerajaan. Ini dapat dilaksanakan dengan menggalakkan semangat kesukarelaan di kalangan ahli kariah khususnya golongan muda dengan cara menanamkan rasa tanggungjawab yang tinggi serta menjaga, bagi menjaga serta memelihara kawasan perkuburan Islam, tanpa terlalu mengharap bantuan dari pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini saya telah pun mengarahkan Jabatan Agama, Majlis Agama Islam supaya mewujudkan satu Unit Khas yang dikenali sebagai Unit Penyelenggaraan Tanah Perkuburan di kedua-dua agensi tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Hm..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Selain daripada peringkat ibu pejabat, ia akan diturunkan ke peringkat masjid-masjid kariah dalam biro-biro tertentu dan adalah menjadi tanggungjawab masjid-masjid ini untuk menjalankan majlis-majlis gotong-royong dan sebagainya secara berkala setahun. Dan dengan menyelaraskan dengan Pejabat Agama Daerah masing-masing dan dengan kerjasama dari pemimpin-pemimpin setempat, masyarakat terutamanya waris-waris si mati. Peruntukan juga akan dipohon daripada kerajaan, MAIJ untuk tujuan ini. Adalah diharapkan Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan pendekatan yang diambil ini, mudah-mudahan keadaan tanah perkuburan kita akan lebih baik di masa-masa yang akan datang. Jabatan Agama dan MAIJ akan memantau perlaksanaan program ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, institusi masjid dan surau memainkan peranan penting di dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni secara berkesan kepada rakyat negeri ini. Bagi memastikan ianya dapat berperanan dengan sebaiknya maka kebajikan mereka yang terlibat secara langsung dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pengimarahan masjid perlulah ditingkatkan.

Merujuk kepada isu pemberian elaun kepada Noja Masjid, Imam Surau dan Bilal Surau sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Puteri Wangsa, sehingga kini terdapat 4,280 orang Noja Masjid, Imam Surau dan Bilal Surau yang berkhidmat di seluruh masjid dan surau di negeri ini. Dan buat masa ini elaun bulanan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada mereka yang terlibat adalah sepertimana berikut:-

1. Noja Masjid seramai 800 orang dibayarkan elaun RM30.00;
2. Imam Surau, 1,741, RM50.00.
3. Bilal Surau, 1,741, RM40.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,750,800.00 sebulan bagi membayar elaun petugas-petugas masjid dan surau di seluruh Negeri Johor. Kerajaan sedar jumlah elaun yang diberi ini adalah kecil dan saya ingin tegaskan pemberian elaun ini hanyalah sebagai *token*, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *token*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kepada petugas-petugas ini. Mereka tidaklah boleh mengharapkan semata-mata dengan elaun ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Dari kajian yang dibuat Yang Berhormat Dato' Speaker, jika elaun kepada petugas seramai 4,283 orang ini jika dinaikkan elaun mereka, ia melibatkan satu jumlah yang agak besar kepada Kerajaan Negeri. Setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menaikkan elaun tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan akan pertimbangkan apabila keadaan mengizinkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penerapan nilai-nilai murni melalui program pendidikan merupakan satu proses jangka panjang yang sentiasa diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri. Ianya dilakukan melalui memperkasakan Kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Johor mahupun usaha menaik taraf serta membina kemudahan infrastruktur baru sekolah-sekolah ini bagi memenuhi keperluan semasa rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Puteri yang mencadangkan agar Sekolah Agama Johor memansuhkan darjah 1, 2 dan 3 bagi pelajar berumur 7, 8 dan 9 tahun. Sebaliknya digantikan dengan darjah awalan yang lebih memberi penekanan dalam aspek pembacaan dan penulisan jawi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 1999 kerajaan telah memutuskan agar umur pelajar yang memasuki darjah 1 sekolah agama dipinda daripada umur 9 tahun kepada 7 tahun. Jadi untung Yang Berhormat Dato' Speaker, masa saya sekolah agama dulu, sekolah, darjah 1 Sekolah Kebangsaan, darjah 1 juga Sekolah Agama sampailah darjah, patutnya darjah 3, tiga tahun darjah 1.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat sampai darjah berapa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sampai darjah khaslah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sampai darjah khas Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Darjah khas eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tiga tahun darjah 1, bukan tak naik kelas, memang dikekalkan.

Y.B. Dato' Speaker : Kurang bijak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kebetulan ayah saya jadi guru agama di situ.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, padan...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Jadi ada peluanglah tiga tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, tujuan pindaan ini adalah bagi mengatasi masalah keciciran pelajar dari bersekolah di Sekolah Agama Kerajaan Johor apabila mereka memasuki sekolah menengah pada usia 13 tahun. Dari rekod-rekod kita ada di kalangan anak-anak kita yang apabila mereka menaik sekolah menengah, mereka berhenti, mereka berhenti meneruskan pengajian di sekolah agama. Ada yang sampai darjah 4, ada yang sampai darjah 5, tengok tahap masing-masing. Dan, ini adalah merugikan dan sebab itu kita ubah bersama-sama dengan kurikulum dia. Dengan kata lain Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui pendekatan ini anak-anak di Negeri Johor ini akan memasuki alam persekolahan di peringkat menengah setelah tamat darjah enam dengan menguasai asas fardu ain di Sekolah Agama Kerajaan Johor menjelang usia 12 tahun. Makna, dia habis sekolah kebangsaan darjah 6, maka, habislah darjah 6 di sekolah agama. Sekolah Darjah Khas, itu *option*, Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan para pelajar dapat menguasai setiap mata pelajaran yang diajar, maka Kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Johor telah dipinda pada tahun 2008. Kira-kira 2, 3 tahun yang lepas kita pinda untuk sesuaikan dengan tahap umur masing-masing. Di mana tumpuan pengajaran dan pembelajaran bagi darjah 1 - darjah 3 atau kita panggil tahap 1 atau yang dipanggil Yang Berhormat sebagai tahap awalan, adalah dari segi aspek penguasaan, pembacaan dan tulisan jawi selain terdapat mata pelajaran lain seperti tauhid, ibadah, sirah, akhlak, bahasa Arab serta al-Quran hafazan yang disesuaikan mengikut tahap umur mereka. Sesungguhnya, usaha kerajaan ini adalah bersesuaian Yang Berhormat Dato' Speaker dengan seruan Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, 'Perintahkan anak kamu mengerjakan solat ketika berumur 7 tahun', iaitu pembelajaran agama seawal 7 tahun, adalah sebagai satu proses melazimkan kebiasaan kepada anak-anak kita sebelum ianya menjadi suatu kewajipan ketika menjangkau umur baligh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian mendapati bahawa para pelajar mampu menguasai dengan baik setiap mata pelajaran yang diajar. Kajian juga mendapati bahawa tidak sampai 10% pelajar yang gagal menamatkan darjah 6 di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor. Dan ini berdasarkan rekod keputusan peperiksaan Darjah 6 Agama atau ringkasnya SDEA bagi tahun 2006 hingga 2009, dan butirannya adalah seperti berikut :

Pada tahun 2006, bilangan calon adalah 29,226, yang lulus ialah 93.1% dan yang gagal 6.9%. Manakala 2007, bilangan calon ialah 26,290, yang lulus ialah 96.8%, yang gagal 3.2%; 2008, 27,845 calon yang mengambil peperiksaan, manakala yang lulus

95.5% dan selebihnya gagal; dan akhirnya 2009, 25,435 orang calon menduduki peperiksaan dengan tahap kelulusan sebanyak 95.6% dan yang gagal 4.6%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun, Jabatan Agama Johor sentiasa mengambil langkah-langkah penambahbaikan agar peratus kegagalan dapat diturunkan di samping memperkukuhkan pembelajaran mata pelajaran Jawi yang menjadi asas kepada kejayaan anak-anak kita di sekolah-sekolah agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk pula kepada permohonan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Permas, dia angkat tangan…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dia kan…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dia nak beritahu saya, dia hadir. Berkenaan pembinaan sekolah agama di kawasan Taman *Scientex*, Bandar Nusa Damai dan Taman Bukit Dahlia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Permas, pihak kerajaan telah bersetuju membina sekolah agama di Taman *Scientex* bagi memenuhi keperluan penduduk di sekitar kawasan-kawasan berkenaan dalam fasa 2 Projek Pembangunan Sekolah-Sekolah Agama, 121 buah sekolah di seluruh Negeri Johor. Tahniahlah, dia masuk dalam kawasan Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Bila Yang Berhormat, nak bina ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ia sepatutnya dalam tahun ini, tahun, 3 bulan selepas fasa pertama, bulan 10, makna awal tahun depan.

Y.B. Dato' Speaker : Sekarang, dia orang belajar kat mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker?

Y.B. Dato' Speaker : Dia belajar sekarang...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dia belajar, dia tumpang di sekolah yang adalah, sekolah kebangsaan…

Y.B. Dato' Speaker : Dia sewa Yang Berhormat? Sewa kedai?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tapi kita dah bagi sebuah untuk dia, dia ok, dan ada juga yang tak dapat. Bagi Sekolah Agama Bandar Nusa Damai dan Taman Bukit Dahlia, kerajaan tidak bercadang membina pada masa ini memandangkan keperluannya tidak terlalu mendesak. Walau bagaimanapun, kerajaan telah bersetuju membina beberapa buah sekolah di kawasan yang berhampiran seperti berikut:-

1. Sekolah Agama Kota Masai 2; Fasa 2.
2. Sekolah Agama Taman Dato' Haji Abd. Rahman di dalam fasa 1.
3. Sekolah Agama Taman Cahaya Masai, juga dalam fasa 2.

Dia 3, 4 termasuk tadi Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya dah, saya harap dia dapat memberikan suasana pembelajaran yang lebih selesa kepada anak-anak kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain pendidikan agama melalui Sekolah Agama Kerajaan Johor, kerajaan juga telah mewujudkan beberapa institusi yang melaksanakan pengajian tahfiz di negeri ini. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penawar, duduk sebelah aja, berkenaan cadangan pembinaan Darul Quran yang bertujuan memartabatkan al-Quran serta melahirkan lebih ramai tahfiz di Negeri Johor ini. Syabas saya ucapkan di atas keprihatinan Yang Berhormat. Bagi menggalakkan usaha ke arah melahirkan lebih ramai para hafiz di negeri ini, Yang Amat Berhormat, sebagaimana yang kita sedia maklum dalam Ucapan Bajet 2011 Negeri Johor telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor akan menyediakan ganjaran RM1,000.00 sebulan kepada para hafiz yang berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran. Ini adalah satu insentif yang diberi oleh kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau dia 15 juzuk? RM500.00? Takde?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dia ada, ada kadar-kadar ditentu, tapi, yang hal ni, 30 juzuk. Kita bagi dia RM1,000.00. Selain daripada itu kita juga ingin mengiktiraf qari-qari kita yang mewakili Negeri Johor yang berjaya di peringkat kebangsaan, insya-Allah, itu juga akan kita iktiraf mereka dan perkara ini sedang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Speaker. Mudah-mudahan ini akan menjadi galakan kepada orang ramai, khususnya anak-anak muda kita untuk melibatkan diri dalam bidang ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor pada tahun 1998, telah mewujudkan aliran pengajian tahfiz al-Quran di Kolej Pengajian Islam Johor atau ringkasnya MARSAH. Di mana, pelajar akan dianugerahkan Diploma Pengajian Tahfiz yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta beberapa buah universiti dalam dan luar negeri. Para graduan ini seterusnya boleh melanjutkan pengajiannya di peringkat ijazah di IPT awam di negara ini seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mahupun luar negara seperti Universiti Al-Azhar, Mesir. Dan sehingga kini, seramai 76 orang pelajar telah berjaya menamatkan program Diploma Tahfiz di Kolej MARSAH. Manakala bagi sesi 2010/2011, bilangan pelajar tahfiz di Kolej MARSAH adalah seperti berikut yang kesemuanya 68 orang, dan pecahannya adalah Tahun ,1 Semester 2, 21; Tahun 2, Semester 4, 19; Tahun 3, Semester 6, 23; Tahun 4, Semester 8, 5; dan kesemuanya 68 orang, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menubuhkan sekolah-sekolah tahfiz ini mudah.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Mudah. Tapi untuk menguruskannya dengan sempurna, lengkap dengan infra, kurikulum, agama dan al-Quran dan akademik, guru berkelayakan dan kewangan yang mencukupi, tidaklah semudah yang kita fikirkan. Kita bukan sahaja perlu mewujudkan al-Hafiz, tapi kita juga mesti dapat memberi jaminan akan masa depan mereka dengan menyediakan juga pelajaran akademik. Ini perlu bagi menyediakan peluang yang lebih luas kepada anak-anak kita ni. Dengan kelayakan agama serta akademik akan memberi pilihan kepada mereka sama ada hendak berkhidmat dengan kerajaan, swasta, sebagai Imam atau pegawai

agama, atau membuka kelas-kelas tahfiz persendirian, atau juga bekerja dalam jawatan-jawatan lain yang sesuai berlatar belakangkan pegangan agama yang kukuh. Begitu juga kalau mereka nak berniaga pun boleh jugak.

Y.B. Dato' Speaker : Dia ni tahfiz aje ke atau ada sampingan pelajaran lain, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Sebab itu, kalau nak, kalau kita nak buka sekolah tahfiz ni, kita tak boleh semata-mata belajar dalam bidang al-Quran sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Mesti juga diiringi dengan pelajaran akademik. Ni yang selalu diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya anak-anak kita ni keluar, bukan dia nak jadi Pak Imam sahaja, bukan nak jadi Bilal sahaja. Macam kerajaan buat sekolah-sekolah menengah agama, apabila mereka keluar, bukan nak jadi Tuan Kadi sahaja, mereka boleh jadi ahli-ahli profesional, boleh jadi doktor, boleh jadi *engineer*, boleh jadi *quantity surveyor*, dengan izin, dan sebagainya. Inilah yang diharapkan kita Yang Berhormat Dato' Speaker.

Saya perlu tegaskan ini Yang Berhormat Dato' Speaker kerana terdapat setengah-setengah kalangan cukup bersemangat pada awalnya, membuka pusat-pusat tahfiz ni, tetapi apabila berdepan dengan pelbagai masalah yang saya nyatakan sebentar tadi, akhirnya sekolah-sekolah ini terpaksa ditutup dan apabila, apabila ditutup atau bermasalah, yang menjadi mangsanya adalah anak-anak kita yang tidak tahu apa-apa. Saya pernah bangkitkan satu ketika dulu, dia hampir dengan rumah saya, orang dari Indonesia, kononnya menganjurkan kelas tahfiz di rumah, tak jauh dari rumah saya, bukan di sinilah, buka. Ramai ibu bapa yang datang dari Perak, Selangor dan sebagainya hantar anak-anak kat situ, 30-45 orang. Tapi, lepas satu ketika, guru dia bersilih ganti. Ada yang datang dari Indonesia, ada datang dari Malaysia, ada yang datang dari Burma. Kita pun tak tahu macam mana kurikulum dia, sukatan pelajaran dia, pengiktirafan dia macam mana? Harapan ibu bapa begitu tinggi hantar anak-anak, nak tengok anak jadi tahfiz, akhirnya lebur, akhirnya sekolah ni tutup dan sedih lagi, yang buka sekolah ini bukan dari jemaah kawasan itu, dari kawasan lain. *So*, apabila mereka ada masalah, dia lepas tangan, dia serah pada kerajaan.

Pengalaman itu, saya rasa cukup berharga. Kita tidak mahu anak-anak kita dalam di kalangan, akhirnya mereka akan salahkan kita semua, salahkan kerajaan, pada kerajaan. Sebab itulah saya nak buat, mesti cara sempurna, akademiknya ada, al-Qurannya ada, ini adalah satu aset yang cukup berharga kalau kita dapat laksanakan ini. Justeru, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini hasrat sebagaimana saya nyatakan tadi, hasrat ibu bapa mereka tidak kesampaian. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan pusat-pusat tahfiz ini. Kita tidak halang, dengan syarat mereka ikut peraturan-peraturan yang dinyatakan. Asalkan diuruskan dengan sempurna dan jangan dijadikan anak-anak kita jadi mangsa, mereka kalau dah 7, 8 tahun dia tak boleh, pergi sampai 12 tahun, tak boleh balik, balik pada 7 tahun balik, kalau balik pada 7 tahun, mungkin tanya dia nak masuk, mungkin dia tak nak masuk sebab pengalaman dari segi makanan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala di peringkat sekolah menengah pula, ini sambungan dari tadi Dato' Speaker, kerajaan telah membuka aliran tahfiz di Maahad Johor pada tahun 2008 lalu, yang dikenali sebagai Program Tahfiz As-Syafie. Di mana para pelajar akan dapat menghafaz 30 juzuk al-Quran sepanjang 3 tahun pengajian mereka. Dan setakat ini, bilangan pelajar adalah 41 orang, 14 Tingkatan 1; 14 Tingkatan 2; dan 13 Tingkatan 3, ini di Maahad. Seterusnya, mereka akan ditempatkan di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang bagi mengikuti pelajaran peringkat tingkatan 4 dan tingkatan 5 bagi menduduki SPM, ni SPM penting, kalau nak bekerja dengan kerajaan khususnya mesti ada sekurang-kurangnya *basic* SPM. Justeru, buat masa ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah Darul Quran seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penawar manakala pengajaran tahfiz sedia ada di Kolej MARSAH, Maahad serta Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang adalah mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Bajet 2011, Yang Amat Berhormat telah menggariskan strategi meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, melalui inisiatif meneruskan program bantuan kepada golongan miskin dan mudah miskin. Dewan yang mulia ini dimaklumkan masih terdapat golongan ibu tunggal yang menghadapi masalah kekurangan maklumat mengenai bantuan-bantuan yang disediakan. Ini adalah merujuk kepada masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penawar yang meminta agar sesi penerangan bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada ibu-ibu tunggal dapat dipergiatkan lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sukacita dimaklumkan Majlis Agama Islam Negeri Johor dari semasa ke semasa membuat hebahan dan penerangan mengenai bantuan-bantuan yang disediakan oleh pihak Majlis. Pelbagai aktiviti dan pendekatan telah dilaksanakan bagi tujuan ini. Antaranya melalui edaran risalah, panduan permohonan bantuan zakat di masjid-masjid dan tempat-tempat awam. Serta membuka kaunter-kaunter di pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta serta kawasan-kawasan yang mempunyai tahap kemiskinan yang tinggi. Selain daripada itu, penerangan berkaitan zakat dan bantuan-bantuan Asnaf juga dilaksanakan sebagaimana berikut :

1. Penerangan kepada pemimpin masyarakat yang melibatkan Penghulu, Ketua Kampung, Pengerusi Masjid dan Surau dan para Amil. Pada tahun 2010 program ini telah dilaksanakan di setiap daerah iaitu sebanyak 10 siri taklimat melibatkan 1,600 peserta di seluruh Negeri Johor.

2. Penerangan kepada masyarakat melalui Program Zakat Pemangkin Kesejahteraan Ummah yang telah dilaksanakan sebanyak 5 siri di setiap daerah…

Y.B. Dato' Speaker : Hem, dah habis?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : …Dilangsungkan di masjid-masjid dan surau terpilih seluruh Negeri Johor. Program ini khusus untuk memberi kefahaman dan panduan berkenaan pengiraan zakat dan bantuan-bantuan Asnaf yang disediakan.

3. Kaunter penerangan dan permohonan bantuan zakat di kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi juga dilaksanakan secara berperingkat untuk memastikan golongan yang memerlukan dapat dibantu dengan segera. Sehingga kini sebanyak 3 siri kaunter penerangan dan permohonan bantuan telah dilaksanakan di Johor Bahru melibatkan kawasan penempatan semula masyarakat dan kawasan golongan pendapatan rendah, di mana program ini mendapat maklum balas menggalakkan berkaitan permohonan dan aduan bantuan.

4. Melaksanakan Program Khidmat Masyarakat atau Program Insaniah di setiap daerah bersama Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri berkenaan. Pengisian program ini meliputi penerangan tentang bantuan Asnaf, aktiviti membaik pulih rumah fakir miskin, membersihkan masjid dan tanah perkuburan di samping menyediakan bantuan-bantuan zakat yang telah diluluskan kepada penduduk setempat. Sebanyak 12 siri Program Insaniah telah dilaksanakan dan antaranya melibatkan DUN Semarang, Machap, Nusajaya, Tiram, Tanjung Surat dan sebagainya. Insya-Allah, lain-lain DUN akan dibuat secara berperingkat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat juga akan dilibatkan sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis dari semasa ke semasa akan terus memperhebatkan lagi program-program seperti ini pada masa akan datang supaya maklumat berkaitan bantuan-bantuan zakat ini dapat disampaikan kepada segenap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sukacita sekali lagi ingin saya jelaskan bahawa setiap permohonan bantuan zakat hendaklah dibuat melalui pejabat-pejabat Majlis di setiap daerah dengan menggunakan borang yang telah disediakan berpandukan garis panduan yang lengkap. Bagi memastikan permohonan tidak ditolak, pemohon hendaklah memberikan segala maklumat dengan lengkap serta sahih, disertai dengan salinan dokumen-dokumen yang diperlukan, dokumen yang telah disahkan sebagai bukti sokongan. Setiap permohonan yang lengkap yang dihantar ke Pejabat MAIJ akan mengambil masa tidak lebih dari 7 hari untuk proses siasatan. Setelah siasatan dilakukan oleh petugas-petugas Majlis Agama Islam Negeri Johor di daerah, laporan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Negeri Johor bagi tujuan kelulusan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Laporan Audit Dalaman Majlis mendapati kebanyakan permohonan ditolak adalah disebabkan oleh maklumat dan dokumen tidak lengkap serta pemohon tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam borang permohonan. Yang Berhormat Dato' Speaker, pentadbiran Majlis sentiasa berusaha mempertingkatkan proses pengurusan permohonan dan penyampaian perkhidmatannya supaya keperluan Asnaf dapat dipenuhi dengan kadar yang segera bagi meringankan bebanan mereka. Untuk tujuan ini, pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor sedang dalam proses mengguna pakai aplikasi e-Agihan dan apabila aplikasi ini dapat berfungsi dengan berkesan pihak pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor berusaha pula untuk menyediakan perkhidmatan permohonan atas talian dalam beberapa tahun yang akan datang. Ini perancangan akan datang kita Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada masalah pembinaan rumah Baitulmal yang di Kampung Parit Raja, Muar, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Maharani. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor telah mengenal pasti permasalahan ini dan telah pun mengambil tindakan menamatkan kontrak terhadap kontraktor terbabit dan telah pun membuat lantikan kontraktor baru bagi menyempurnakan pembinaan rumah tersebut dengan kadar segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas kesempatan yang diberi ini. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyentuh hal-hal berkaitan Portfolio Agama, saya amat berterima kasih atas teguran, pandangan, lebih-lebih lagi cadangan-cadangan positif yang diutarakan. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah cuba untuk memberikan penjelasan mana-mana yang boleh dalam masa yang amat terbatas ini. Mana-mana perkara yang dibangkitkan tapi tidak dijelaskan, insya-Allah saya yakin pegawai-pegawai saya akan mengambil tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Sekian. Perbahasan diteruskan lagi, jemput Yang Berhormat. Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat pagi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Ucapan Penggulungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN kawasan Puteri Wangsa, Yang Berhormat ADUN Penawar dan Yang Berhormat ADUN Bukit Batu telah menyentuh berkaitan dengan demam denggi. Kes demam denggi ini sangat membimbangkan kerana menyebabkan kematian. Pada tahun ini sahaja terdapat 11 kematian dibandingkan dengan 3 kematian pada tahun 2009. Pada masa kini tiada ubat dan tiada vaksinasi terhadap penyakit ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila sesuatu kawasan disahkan sebagai kawasan denggi, Pejabat Kesihatan Daerah akan menjalankan siasatan menilai densiti nyamuk dan punca-punca penyumbang pembiakan nyamuk Aedes. Semburan atau *fogging* dengan izin, akan dilaksanakan segera, bila, bagi tujuan membunuh nyamuk-nyamuk aedes dewasa yang dijangka membawa virus denggi. Ini dilakukan agar nyamuk-nyamuk tersebut tidak terus menggigit orang awam dan menyebarkan penyakit. *Fogging* akan dibuat setiap minggu sehingga putus penularan penyakit denggi di kawasan tersebut. Akan tetapi *fogging* hanya akan dapat membunuh nyamuk dewasa dalam masa sehari itu sahaja dan sekiranya sumber pembiakan Aedes iaitu bekas-bekas takungan air di kawasan tersebut tidak dihapuskan, kitaran kehidupan nyamuk akan berterusan. 2/3 daripada kitaran hidup nyamuk adalah di dalam air dan tidak akan musnah melalui *fogging*. Hanya dengan memusnahkan sumber pembiakan ini dalam Bahasa Inggeris dengan izin, *Source Reduction* sahaja akan dapat memastikan pengurangan di dalam densiti nyamuk. Ini dapat kita lihat dari salah satu kawasan wabak tidak terkawal di Negeri

Johor, yang menjangkau lebih 100 hari di mana setiap minggu *fogging* selama 12 minggu berturut-turut dijalankan tetapi wabak masih berterusan.

Ini adalah kerana orang awam masih tidak mengambil peduli dan membuang sampah merata-rata. Apabila kempen kebersihan dijalankan secara intensif dengan kerjasama pelbagai agensi, penduduk dan sebagainya, khususnya Pihak Berkuasa Tempatan barulah kawasan wabak dapat ditutup. Di dalam menjalankan tindakan pencegahan dan kawalan denggi, pemeriksaan premis merupakan salah satu langkah utama yang diambil untuk memastikan tiada rumah atau premis yang menjadi pusat pembiakan nyamuk Aedes. Pasukan pemantau sudah pun ada, yang menjalankan tugas tersebut adalah anggota Unit Vektor yang bertugas di Jabatan Kesihatan Negeri Johor, di samping itu juga Pihak Berkuasa Tempatan juga turut membantu di dalam pemeriksaan Aedes di premis-premis dan sehingga 20 November sebanyak 582,243 premis telah diperiksa dan sebanyak 10,038 premis di dapati membiak Aedes. Denda sebanyak RM783,120.00 telah dikenakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam usaha mencari strategi baru mengawal nyamuk Aedes, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui *Institute of Medical Research (IMR)*, akan menjalankan kajian lapangan, melepaskan nyamuk jantan yang diubah secara genetik, *Genetically Modified Mosquito* dengan izin, ataupun dipanggil *GM Anti Dengue Mosquito*. Ini Yang Berhormat ADUN Bukit Batu sebutkan Mutan Nyamuk Aedes ini. Jadi, ini adalah untuk memerangi wabak denggi di Malaysia. Nyamuk ini diubah suai agar jejentik nyamuk lemah dan cepat mati dan akhirnya akan mengurangkan bilangan nyamuk secara keseluruhan. Sebenarnya IMR ini telah mengadakan *research* nya sejak 2006, penyelidikannya sejak 2006, dan pada tahun ini dengan *partner* dengan *Oxcitacs Limited*, satu *company* bioteknologi daripada *Oxford University* yang untuk menjalankan kajian lapangan ini, dan telah pun diluluskan oleh *National Bio Safety Board*. Jadi untuk ini, *GM* nyamuk yang diubahsuai ini ataupun Mutan nyamuk Aedes ini hanya untuk nyamuk jantan sahaja dan dilepaskan supaya nyamuk ini akan berkahwin dengan nyamuk betina yang biasalah Aedes yang membawa penyakit ini dan akhirnya kalau dia kitaran biasalah, kalau dia bertelur di dapati telurnya ataupun akan jadi larva pulpa tapi akan mati, cepat mati. Jadi apabila nyamuk ini tidak akan berkembang biak, densiti nyamuk yang pembawa Aedes ini akan berkurangan, insya-Allah.

Kajian ini julung kali diadakan di Asia, di mana 2,000 sampai 3,000 nyamuk Aedes jantan akan dilepaskan berperingkat-peringkat yang telah dikenal pasti, 2 kawasan iaitu di Alor Gajah, Melaka dan Bentong di Pahang. Kajian ini telah pun dilakukan di *Grand Caymen Island*, di Kepulauan *Caribbean* selama 6 bulan dan hasilnya membanggakan, 80% telah mencapai matlamatnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, orang ramai, kita semua ini tidak perlu takut. Ini bukan, kajian ini bukan macam *Spiderman* lah kena gigit manusia dia jadi *Spiderman* ataupun *X-Men* kerana nyamuk yang kita lepaskan di lapangan ini adalah nyamuk jantan, nyamuk jantan ini tidak menggigit manusia. Dia hanya hisap madu ataupun air di embun-embun di pokok-pokok. Dan nyamuk jantan ini tidak membawa virus denggi ini yang menggigit adalah nyamuk betina.

Y.B. Dato' Speaker : Apasal, patut jantan lagi kuatkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Betina ini lebih garang sedikitlah.

Y.B. Dato' Speaker : Eh?

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dia suka makan, sebab dia nak bertelur.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi dia nak bertelur, dia kena hisap darah orang.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, macam *Dracula*. Ha yelah.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Macam *Vampire* lah kan. Jadi, tetapi selepas 6 bulan nanti kajian itu, kita akan pastikan tiada tempat, tiada nyamuk berkeliaran maknanya kita akan buat gotong royong, kita buat *fogging* dan sebagainya dan *trap* supaya nyamuk yang khas selepas 6 bulan itu tidak akan mengakibatkan apa-apa kepada manusialah. Jadi kosonglah yang kita bagi itu, yang kita lepaskan itu, nyamuk jantan yang kita lepaskan kita ambil baliklah dan kita periksa balik semula. Yang hiduplah. Jadi memandangkan usaha ini masih dalam kajian belum ada cadangan lagi untuk dijalankan strategi ini di Johor. Jadi, insya-Allahlah kita akan fikir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Puteri Wangsa turut menyentuh berhubungan etika pengusaha Rumah Sakit termasuk klinik-klinik swasta. Di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, Akta 586 dan Peraturan-peraturannya telah menjadikan Jadual *Fee* untuk konsultasi dan prosedur yang dilakukan sahaja. Jadi dia dah tetapkan, konsultasi bagi *medicine,* apa? Untuk *surgery,* apa? Dan prosedur-prosedur macam x-ray berapa, maksimumnya berapa? Itu adalah di dalam Jadual Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta ini. Jadi mereka ini tak, pihak swasta tak boleh *overcharge*, *accruement* dah ada dah. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memantau perkhidmatan yang diberikan oleh klinik-klinik swasta dan hospital swasta. Sekiranya terdapat caj yang melebihi atau tidak berpatutan adalah menjadi satu kesalahan mengikut Kod Etika Profesional dan boleh diambil tindakan oleh Majlis Perubatan Malaysia. Jadi sekiranya ada yang merasakan yang dikenakan terlalu tinggi dan tidak wajar dinasihatkan supaya mereka membuat aduan kepada Majlis Perubatan Malaysia supaya tindakan boleh diambil. Yang Berhormat ADUN Puteri Wangsa juga telah menyentuh berhubung dengan cadangan menukar nama Klinik Johor Jaya kepada klinik Sultan Ismail ataupun Mount Austin. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor memang sedia maklum mengenai keperluan menukar nama ini dan insya-Allah kita akan tukar kepada nama yang lebih sesuai mengikut prosedur yang disediakan.

Yang Berhormat ADUN kawasan Puteri Wangsa juga menyentuh kekurangan doktor di Hospital Sultan Ismail. Kekurangan pegawai perubatan di hospital ini adalah disebabkan ramai pegawai perubatan meninggalkan hospital ini. Dalam tahun ini

sahaja seramai 38 pakar dan pegawai perubatan telah meninggalkan Hospital Sultan Ismail. Ini kerana sebahagiannya telah bertukar ke hospital lain, melanjutkan pelajaran atau meletakkan jawatan di sektor awam dan untuk makluman masalah kekurangan pegawai perubatan bukan sahaja berlaku di negeri ini tapi turut dialami oleh hospital-hospital lain di Negeri Johor dan negeri-negeri lain. Dan, insya-Allah dengan bertambahnya pegawai-pegawai perubatan dan setelah mereka tamat kepakaran, kita akan mengisi segala kekosongan. Insya-Allah.

ADUN kawasan Jementah menyentuh kekurangan doktor pakar di Hospital Segamat. Mulai pertengahan 2009, penambahan bilangan pakar secara berperingkat telah diisi dan sehingga kini Hospital Segamat mempunyai 9 orang pakar iaitu seorang pakar perubatan, seorang pakar kanak-kanak, 2 pakar bedah, 2 pakar ortopedik, seorang pakar perbidanan dan sakit puan, seorang pakar perubatan sakit jiwa dan seorang pakar bius. Hospital pakar adalah seperti Hospital Segamat dirancangkan mempunyai kepakaran termasuk pakar radiologi dan pakar perubatan kecemasan. Kekosongan akan diisi insya-Allah walaupun perkhidmatan kedua-dua kepakaran ini belum dapat disediakan secara tetap di Hospital Segamat. Hospital Segamat telah mendapat perkhidmatan dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, sama ada secara merujuk kes atau secara rawatan pakar. Bagi kepakaran radiologi, Hospital Segamat merujuk kes ke Muar dan pakar radiologi juga secara berkala membuat lawatan perkhidmatan di Jabatan Radiologi di Hospital Segamat. Manakala bagi pakar kecemasan pula terdapat kerjasama antara pakar kecemasan Hospital Muar sama ada merujuk kes ataupun lawatan serta pemantauan pakar kecemasan Hospital Pakar Sultanah Fatimah.

ADUN kawasan Bentayan menyentuh kekurangan tempat letak kereta di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar. Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar telah mengambil langkah jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di hospital ini. Sebagai langkah pendek, hospital ini telah bercadang untuk merobohkan bangunan lama JKR 290 iaitu wad 9 lama yang tidak digunakan lagi. Ruang kosong tersebut boleh menempatkan sebanyak 50 buah kenderaan dalam satu-satu masa. Sebagai langkah jangka panjang pula, hospital ini telah memohon projek *parking* bertingkat dalam Projek *Ambulatory Call Centre* dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan insya-Allah Ke-10.

Yang Berhormat ADUN kawasan Parit Yaani menyentuh pasal penyalahgunaan siren kecemasan ambulans. Pihak kami sentiasa memantau pemandu-pemandu ini dan mengalu-alukan maklum balas berkenaan pemandu ambulans seperti ini. Amaran akan diberikan dan jika tidak mematuhi amaran kita, dan berulang jadi pemandu akan dikenakan tindakan tatatertib. Jadi siasatan lanjut akan dilakukan terhadap insiden ini. Mohonlah makluman lanjut daripada Yang Berhormat untuk beri *detail* nya supaya kita ambil tindakan dengan segera. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri menyentuh berhubung dengan kebenaran penggunaan *IV drips* dan suntikan kepada pengamal perubatan homeopati. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan amalan-amalan homeopati dan amalan-amalan perubatan tradisional yang lain adalah selamat dan berkesan demi meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa

melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti, integrasi. Pada waktu ini semua pengamal tradisional dan *Complimentary Medicine,* dengan izin, boleh menyediakan perkhidmatan mengikut bidang masing-masing. Terdapat sebilangan besar pengamal homeopati mendapat pendidikan dari institusi pengajian yang diragukan serta tidak berlesen atau institusi yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius tentang kelayakan dan kompetensi pengamal-pengamal kerana ia akan membahayakan orang awam. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Perubatan Homeopati Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia serta pensyarah institusi pengajian tinggi dan telah membangunkan standard dan kriteria dalam bidang perubatan homeopati. Susulan dari itu Universiti Kolej Sains Perubatan Cyberjaya mula menawarkan kursus Ijazah Sarjana Muda Perubatan Homeopati. Pada masa kini, *Procedure Invasive,* dengan izin, secara *IV drips* dan suntikan ubat-ubat homeopati tidak boleh dilakukan dan tidak boleh didaftarkan kerana tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan termasuk dari aspek kualitinya, keselamatannya dan spesifikasinya.

Hospital Sultan Ismail, untuk makluman telah mewujudkan Unit Tradisional dan *Complimentary Medicine* yang menyediakan perkhidmatan perubatan tradisional dan *Complementary*. Perkhidmatan yang disediakan adalah akupunktur, urutan, perawatan selepas bersalin dan perawatan herba. Perkhidmatan ini disediakan kepada semua rakyat yang memerlukan dengan rujukan dari Pegawai-Pegawai Perubatan yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Bukit Permai menyentuh berkenaan kejayaan promosi-promosi Gaya Hidup Sihat yang dibuat oleh Lembaga Promosi Kesihatan. Kematian mengejut akibat sakit jantung pada usia muda lazimnya disebabkan oleh penyakit jantung koronari di mana saluran darah yang membekalkan oksigen yang membekalkan darah kepada jantung menjadi sempit disebabkan pengumpulan lemak dalam salur darah tersebut. Penyakit ini berkaitan dengan gaya hidup yang tidak sihat seperti pemakanan yang tinggi kolesterol, tidak aktif secara fizikal dan merokok. Keadaan pesakit ini terus diterukkan lagi dengan *stres* dalam kehidupan. Kempen mempromosikan amalan gaya hidup sihat yang telah dijalankan, telah berjaya menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat sebagaimana kajian Kempen Tak Nak Rokok menunjukkan 80% sedar tentang bahaya merokok, walau pun masyarakat telah mempunyai pengetahuan tentang bahaya rokok dan risiko amalan yang tidak sihat, keputusan untuk merubah kepada gaya hidup yang lebih sihat adalah terletak kepada diri individu itu sendiri.

Yang Berhormat kawasan ADUN Bukit Permai telah menyentuh berhubung seramai 870,000 orang cacat penglihatan tidak mendapat kemudahan. Setakat bulan Oktober 2010, bagi Negeri Johor, Orang Kurang Upaya berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai 34,000 meliputi berbagai jenis OKU iaitu OKU pendengaran, penglihatan, pertuturan, masalah pembelajaran, mental, fizikal dan pelbagai lain. Statistik orang kurang upaya penglihatan Negeri Johor sehingga Ogos 2010, ialah seramai 2,499 orang sahaja. OKU yang berdaftar akan mendapat perkhidmatan dan perhatian dari pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuklah

OKU penglihatan. Antara bantuan yang disalurkan oleh OKU penglihatan adalah, dari segi bantuan alat tiruan, program-program latihan, kursus motivasi penyayang untuk membangunkan usahawan di kalangan OKU, program PDK, bantuan kewangan. Bantuan alat tiruan yang disalurkan kepada OKU penglihatan ini termasuklah tongkat putih, mesin *Braille*, kanta mata cermin, cermin mata khas dan ada juga teleskop. Selain itu di Negeri Johor, terdapat sebanyak 63 buah PDK yang menyediakan berbagai latihan dan terbuka semua kategori OKU termasuk OKU penglihatan ini.

Kerajaan juga memberi bantuan kewangan terutama secara bulanan terutama EPC iaitu Elaun Pekerja Cacat RM300.00 sebulan. Ini bagi OKU yang bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,200.00 sebulan. Selain itu OKU penglihatan yang berdaftar dengan JKM boleh dipertimbangkan bantuan Geran Pelancaran atau *Launching Grant* di mana bantuan ini disalurkan kepada mereka, sekiranya mereka ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan. Kadar bantuan adalah sebanyak maksimum RM2,700.00 sekali gus.

Yang Berhormat ADUN kawasan Tanjung Puteri menyentuh berhubung pemberian RM100.00 secara automatik kepada warga emas melebihi 70 tahun umur. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor belum ada dan tidak mempunyai skim bantuan atau wang ihsan sebanyak RM100.00 sepertimana yang dicadangkan, untuk diagihkan terus kepada warga emas bila mana mereka mencapai umur 70 tahun. Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor hanya menyalurkan bantuan kepada warga tua yang daif dan berkeperluan dan tiada waris atau penjaga serta pendapatan isi rumah tidak melebihi pendapatan paras garis kemiskinan semasa iaitu RM720.00 sebulan. Warga emas yang layak akan disalurkan Skim Bantuan Orang Tua sebanyak RM300.00 sebulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN kawasan Parit Yaani, Yang Berhormat kawasan Jementah dan juga Yang Berhormat ADUN Yong Peng telah menyentuh tentang permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang tiada jawapan dan kes-kes yang telah ditamatkan bantuan. Permohonan bantuan kewangan adalah melalui pelbagai saluran, sama ada pemohon datang ke pejabat Kebajikan Masyarakat daerah, rujukan daripada ibu pejabat Negeri Johor atau pun daripada JKM Malaysia, agensi-agensi, Wakil-Wakil Rakyat dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga bulan Oktober 2010, sebanyak 11,255 penerima bantuan baru di Negeri Johor yang telah diluluskan meliputi pelbagai skim bantuan kewangan. Walaupun, walau bagaimanapun, saya mohon Yang Berhormat memaklumkan kepada saya secara terperinci pemohon yang tidak jawapan itu, atau pun kes-kes yang telah di tamat dan ingin memohon semula supaya saya dapat ambil tindakan dengan segera.

Yang Berhormat ADUN kawasan Jementah menyentuh penyerahan senarai nama pemohon bantuan Kebajikan Masyarakat kepada Wakil Rakyat. Sebagai etika kerja jabatan, semua senarai penama bantuan tidak boleh diserahkan kepada mana-mana pihak kerana ia adalah kerahsiaan jabatan ataupun *confidentiality* dengan izin, jabatan. Untuk makluman daripada Januari hingga Oktober 2010, bagi Parlimen Segamat seramai 568 orang yang memohon bantuan kewangan dan dari jumlah itu seramai 394 orang diluluskan bantuan bulanan, 50 orang tidak layak atau tidak lulus dan telah diumumkan dan 124 pemohon masih dalam proses siasatan.

Y.B. Dato Speaker : Oh, sulitlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan dan Kesihatan : Yang Berhormat ADUN kawasan Bukit Serampang mengemukakan konsep pengajaran dan pembelajaran PDK seperti pusat asuhan, dan guru PDK bukan melatih pelatih dengan kemahiran. PDK atau Program Dalam Komuniti ini diwujudkan bagi memberi pengajaran asas kepada kanak-kanak OKU iaitu kemahiran mengurus diri seperti kebersihan diri, mampu makan dan minum sendiri, dan daripada 0% kepada 90% dan serba sedikit pendidikan kokurikulum. Kebersihan diri ini penting, kerana bagi pelatih yang boleh meneruskan pelajaran ke Sekolah Khas perlu kepada pengurusan diri. Pengerusi, petugas, ibu bapa, jawatan kuasa dan komuniti itu seharusnya memahami dan merealisasikan konsep PDK yang ditubuhkan.

Yang Berhormat ADUN Jementah menyentuh tentang pembinaan semula PDK Jementah. Dalam Bajet yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita, dicadangkan 5 PDK insya-Allah akan dibangunkan setiap tahun dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00 satu. Jadi, keutamaan untuk ini yang dicadangkan untuk pembinaan adalah PDK yang sedia ada telah uzur, atau sedang menyewa, telah ada tapak yang sesuai dan hak milik tanah diubah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor, dan bilangan kurang upaya atau pelatih PDK yang ramai dan memang berkeperluan.

Y.B. Dato Speaker : Jementah tak ada harapanlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan dan Kesihatan : Ya, Jementah, insya-Allah akan dapat.

Y.B. Dato Speaker : Oh, dah dapat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan dan Kesihatan : Jadi sila berikan, jika sekiranya syarat dan keperluan tersebut diperoleh dicadangkan Yang Berhormat ajukan kepada saya insya-Allah saya akan lihat, insya-Allah. Dah ada pun *waiting list* yang ramai-ramai dah.

Y.B. Dato Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan dan Kesihatan : Jadi jangan marahlah lambat. *Just* setahun lima insya-Allah. Kita buat cepat. Yang Berhormat ADUN Tenggaroh menyentuh berhubung dengan permohonan kelulusan PDK Nur Kasih dan penyediaan pelatih-pelatih yang berdikari dan yang boleh menyara hidup tanpa bantuan sesiapa. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap tahun Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya dapat memberi kelulusan pemberian geran baru kepada 20 PDK seluruh negara. Di Negeri Johor sahaja ada 4 permohonan yang masih menunggu kelulusan untuk geran penubuhan PDK baru dan PDK Nur Kasih Tenggaroh baru sahaja memohon pada 26 Oktober ni. Jadi minta maaflah, kena tunggulah. Setiap petugas PDK yang baru akan menjalani kursus asas petugas PDK yang dijalankan oleh JKM Negeri, yang bekerjasama dengan *CBR Network* bagi memberikan kemahiran dan pengetahuan kepada petugas ini. Penyelia

dan petugas telah diberikan penerangan, kursus dan maklumat bagi menjalankan program-program yang perlu dijalankan di PDK. Bagi setiap PDK yang mempunyai pelatih berusia 18 tahun ke atas, tumpuan diberikan latihan kemahiran kepada pelatih ini. Ini bertujuan agar pelatih bersedia ke arah berdikari dan persediaan bagi ke alam pekerjaan.

Yang Berhormat ADUN kawasan Tenggaroh juga turut menyentuh berhubung dengan kekurangan kenderaan di JKM Mersing bagi kegunaan PDK. Adalah menjadi tanggung jawab Pengerusi jawatan kuasanya yang dilantik dan komuniti itu sendiri bagi menyediakan kenderaan bagi sebarang tujuan yang berkaitan dengan PDK itu. Kenderaan JKM tidak boleh digunakan oleh mana-mana PDK kerana digunakan untuk kegunaan Pegawai Kebajikan yang menjalankan tugas seperti buat bayaran bulanan, menghantar kes-kes ke luar daerah dan negeri, siasatan kes-kes bantuan dan bencana. Jadi adalah tanggung jawab pengerusi sendiri untuk menyediakan kenderaan untuk PDKnya.

Yang Berhormat ADUN kawasan Kahang menyentuh berhubung proses dan prosedur JKM yang perlu dipamerkan. Untuk makluman beberapa program pameran dan promosi berkaitan berbagai jenis perkhidmatan JKM termasuk bantuan kewangan, telah dijalankan seperti mana yang telah dijalankan di kawasan-kawasan kejiranan lestari yang telah dikenal pasti seperti Taman Tampoi Indah, Kampung Melayu Pandan, Kampung Skudai Kiri, Kampung Dato' Sulaiman Menteri, Taman Puteri Wangsa dan di seluruh Negeri Johor juga. Selain itu JKM juga telah menjalankan program Hari Bersama Pelanggan di Plaza Angsana baru-baru ini. Selain program bersama pelanggan di daerah-daerah, program ini juga diteruskan ini untuk memberi peluang kepada orang ramai khususnya kumpulan sasar jabatan untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkhidmatan JKM. Hebahan melalui media juga turut dijalankan seperti di Radio Johor dan JKM juga diberi peluang memberi maklumat berkaitan berbagai jenis perkhidmatan JKM.

Yang Berhormat ADUN kawasan Kahang turut menyentuh berhubung peluang ekonomi ibu tunggal menerusi Pelan Tindakan Pembangunan Ekonomi Wanita. Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin pada ibu tunggal.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ibu tunggal juga kan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Apa orang kata, sudah gaharu cendana pula, dah tahu tanya pulak?

Y.B. Dato' Speaker : (Dewan ketawa). Alah, saya suka sebab tu saya tanya. Ha tu tanda orang suka, asyik tanya je.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN) telah mengadakan Bengkel Pelan Tindakan Pembangunan Ekonomi Wanita Negeri Johor baru-baru ini dan Pelan Tindakan ini masih di peringkat draf dan masih dalam tindakan pihak konsultan. Namun begitu,

Pelan Tindakan ini akan menjadi garis panduan untuk pelaksanaan aktiviti atau program oleh jabatan berkaitan berdasarkan objektif dan golongan sasar termasuk ibu tunggal. Akan ada strategi dan program khusus kepada ibu tunggal yang akan dilaksanakan oleh jabatan yang terlibat seperti YPK, Jabatan Pembangunan Wanita, PBT serta pelbagai agensi yang berkaitan.

Yang Berhormat ADUN kawasan Kahang juga turut menyentuh makluman jabatan yang tak sampai kepada golongan sasaran. Salah satu objektif penubuhan Yayasan Pembangunan Keluarga adalah untuk membawa wanita dalam arus pembangunan. Sejajar dengan hasrat tersebut, melalui kerjasama bijak antara Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim dengan JUITA telah melancarkan Projek JUITAKU SAYANG Ke-12, menjana pendapatan golongan berpendapatan rendah dan ibu tunggal. Projek ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Datin Profesor Dr. Jamilah Ariffin. Salah satu objektifnya adalah membantu ibu tunggal atau wanita miskin menyediakan sumber pendapatan bagi menyara hidup keluarga tanpa perlu meninggalkan rumah dan anak-anak.

Bagi tahun 2009 sahaja, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim telah melatih seramai 900 orang ibu tunggal bagi seluruh daerah dengan lebih 52% daripada ibu tunggal ini berjaya menjana pendapatan melalui kursus kemahiran yang diikuti. Bentuk bantuan program yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk ibu tunggal dan tanggungan mereka adalah seperti berikut. Bantuan Kebajikan. Kementerian menyediakan Bantuan Kebajikan untuk golongan miskin termasuk ibu tunggal, Bantuan Am diberikan pada kadar RM80.00 seorang hingga maksima RM350.00 sebulan sekeluarga bagi membantu menampung perbelanjaan harian mereka dan keluarga.

Sepanjang tahun 2008, seramai 20,428 orang ibu tunggal telah menerima bantuan berjumlah RM28.4 juta. Bantuan Kanak-Kanak juga diberikan untuk membantu menampung perbelanjaan persekolahan kanak-kanak dari keluarga miskin termasuk ibu tunggal untuk meringankan bebanan kewangan ibu tunggal serta mengelakkan kanak-kanak mereka daripada tercicir daripada mendapat pendidikan formal di sekolah. Bantuan yang diberikan adalah pada kadar RM150.00 setiap kanak-kanak sehingga maksimum RM450.00 untuk setiap keluarga. Pada tahun 2008, seramai 60,496 orang anak-anak ibu tunggal menerima bantuan kanak-kanak ini berjumlah RM62.8 juta.

Selain dari itu, golongan ibu tunggal miskin juga digalakkan untuk berdikari dengan menjana pendapatan mereka sendiri. Untuk tujuan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan Skim Geran Pelancaran, *Launching Grant* dengan izin, bagi membantu penerima bantuan yang berminat bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan dan sepanjang tahun 2008, sejumlah RM493,105.00 telah disalurkan kepada 190 orang ibu tunggal sebagai modal permulaan. Program peningkatan kemahiran dan berpendapatan, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita, menyediakan program-program peningkatan kapasiti bagi membantu ibu-ibu tunggal mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menjana pendapatan dan berdikari secara ekonomi.

Jabatan Pembangunan Wanita telah menjalankan Program Kemahiran dan Keusahawanan khusus untuk ibu tunggal iaitu Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, I-KIT dipanggil ye. Program I-KIT ini dijalankan di seluruh negara di mana ibu-ibu tunggal diberi latihan intensif dalam bidang kecantikan, jahitan, masakan, asuhan kanak-kanak, kraf tangan dan pelancongan. Selain latihan kemahiran, para peserta juga turut didedahkan dengan Kemahiran *Soft Skill* seperti kemahiran bahasa, *interpersonal*, keterampilan dan asas keusahawanan sebagai persediaan untuk mereka menceburi bidang pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri.

Sehingga November 2010, seramai 1,709 orang ibu tunggal telah berjaya dilatih di mana 162 orang telah menjadi usahawan. Manakala peserta yang lainnya menjalankan perniagaan dari rumah atau berjaya mendapatkan pekerjaan berbekalkan kemahiran yang diperoleh. Seramai 123 orang ibu tunggal telah berjaya dilatih di bawah Program I-KIT ini di dalam bidang masakan, kecantikan dan jahitan di Negeri Johor.

Jabatan Pembangunan Wanita juga menjalankan kerjasama pintar dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's) untuk melaksanakan program-program Pembangunan Kapasiti Wanita dalam pelbagai bidang seperti peningkatan kemahiran, kesejahteraan emosi, literasi undang-undang dan sebagainya.

Bermula dari tahun 2003 hingga 2009, sejumlah RM1.8 juta telah diperuntukkan kepada NGO's termasuk Persatuan Ibu Tunggal bagi menjalankan 134 program yang melibatkan penyertaan seramai 6,856 orang ibu tunggal. Selain daripada itu, perkhidmatan sokongan untuk kesejahteraan emosi ibu tunggal, Jabatan Pembangunan Wanita juga menyediakan perkhidmatan kaunseling dan para kaunseling kepada wanita dan ibu tunggal. Perkhidmatan tersebut disediakan melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri di seluruh negara dan pada tahun 2009 sehingga Februari 2010, seramai 1,063 orang ibu tunggal mendapat perkhidmatan bimbingan kaunseling yang disediakan. Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu, memulihkan dan mempertingkatkan keyakinan ibu tunggal tersebut agar mereka lebih bermotivasi untuk merencanakan masa depan mereka dan anak-anak mereka. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab juga akan membantu menyalurkan permohonan bantuan oleh ibu-ibu tunggal ke agensi-agensi yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan ini juga mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor, terima kasih.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, sebelum perbahasan diteruskan, rombongan yang di atas Dewan itu ialah rombongan daripada JKKR Felda Lok Heng Barat yang terdiri daripada ketua-ketua blok, lelaki dan perempuan, ADUN Sedili ini. Ha, tu dia Wakil Rakyat dia ada. Perbahasan diteruskan lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat nak apa? Nak rehat? Jemput duduk Yang Berhormat, ok. Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:30 pagi.

Persidangan disambung pada jam 11: 50 pagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahilah taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Perbahasan disambung semula. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menyampai penggulungan bagi pihak kerajaan, Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam Persidangan Dewan Negeri pada kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tahun 2012 dilihat sebagi titik perubahan ataupun *turning point* terhadap industri pelancongan Negeri Johor. Selain daripada produk-produk pelancongan yang menarik yang sedia ada sekarang, pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia adalah menjadi pemangkin sebagai *Tourism Gateway* iaitu dengan adanya pembangunan komponen-komponen fizikal seperti Kota Iskandar, *Puteri Harbour*, Marina, *Legoland*, *Waterfront*, Hab-hab pendidikan dan Johor *Outlet* yang sedang dibangunkan dijangka akan merancakkan lagi industri pelancongan Negeri Johor khususnya dalam meningkatkan jumlah kedatangan pelancong.

Oleh yang demikian, strategi Bajet 2011 Negeri Johor bagi sektor pelancongan akan menumpukan usaha untuk menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan terunggul dan berkualiti dalam tempoh 5 tahun ini. Tumpuan akan diberikan kepada pengembangan produk pelancongan bernilai tinggi yang akan membawa pulangan maksimum kepada para pengusaha-pengusaha pelancongan secara langsung ataupun tidak langsung kepada industri-industri sokongan seperti pengangkutan, peruncitan dan lain-lain perkhidmatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menjadikan Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan berkualiti, Kerajaan Negeri telah menggariskan 3 inisiatif utama iaitu inisiatif pertama Kerajaan Negeri akan meningkatkan sumber manusia yang berkualiti di dalam industri pelancongan. Inisiatif ini akan memfokuskan kepada meningkatkan mutu perkhidmatan pelancongan yang berkualiti dan melahirkan sumber manusia yang terlatih. Berdasarkan inisiatif ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Pejabat kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Johor, *Tourism* Malaysia Negeri Johor, IRDA dan agensi-agensi berkaitan secara bersepadu akan menyelaraskan program-program latihan pelancongan di Negeri Johor.

Bagi merealisasikan pelaksanaan inisiatif pertama ini, dan memastikan sumber manusia yang dilahirkan selaras dengan keperluan industri pelancongan sesama pakatan strategik dan perkongsian pintar antara Kerajaan Negeri dengan institusi-institusi latihan

berkaitan pelancongan yang ada di Negeri Johor akan dipertingkatkan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat ADUN kawasan Pulai Sebatang. Negeri Johor sememangnya mempunyai beberapa institusi yang menawarkan kursus pelancongan. Di antaranya adalah seperti *Reliance College* Sdn. Bhd., IPPJ Sdn. Bhd., Kolej Hospitaliti YPJ, *SF Tourism Academy* Sdn. Bhd. dan *Git Academy* Sdn. Bhd. Oleh demikian, buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan akademi pelancongan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah insentif ataupun inisiatif pertama ini, Kerajaan Negeri akan memperbanyakkan lagi kursus-kursus dan latihan-latihan berkonsepkan *Think and Act Tourism* kepada masyarakat tempatan dan penggerak-penggerak industri pelancongan Negeri Johor bagi mewujudkan masyarakat mesra pelancong. Selain daripada masyarakat tempatan dan penggerak-penggerak industri pelancongan Negeri Johor tumpuan utama juga akan diberikan kepada meningkatkan mutu perkhidmatan pembantu-pembantu pelancongan. Pada pelajar sekolah juga akan terus diberi pendedahan dan pengetahuan mengenai industri pelancongan Negeri Johor serta peluang-peluang kerjaya di dalam industri ini. Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan memperluaskan lagi dan menggerakkan lagi dengan lebih gigih dan agresif program pelancongan belajar atau ringkasnya 3P di seluruh Negeri Johor. Kerajaan Negeri percaya pembangunan berterusan terhadap modal insan ini akan mendatangkan banyak faedah dan nilai yang tinggi dalam memperkukuhkan industri pelancongan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif kedua adalah untuk mewujudkan produk pelancongan yang berkualiti. Pembangunan produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif akan dipertingkatkan lagi bagi memenuhi minat dan cita rasa yang berlainan di kalangan pelancong bagi meningkatkan ketibaan pelancong, memanjangkan tempoh penginapan dan meningkatkan belanjaan pelancong di Negeri Johor ini. Oleh yang demikian, di bawah inisiatif yang kedua ini, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor akan menjalankan kajian bagi menyediakan satu Pelan Induk Pelancongan yang akan menggariskan hala tuju industri pelancongan Negeri Johor khususnya di dalam membangunkan produk pelancongan yang berkualiti. Melalui kajian ini juga Kerajaan Negeri akan dapat menganalisis profil pelancong dan trend pelancongan global serta domestik. Kajian pelan induk ini akan memulakan pada suku tahun kedua pada 2011 dan akan menjadi pelengkap kepada pelan induk pelancongan Iskandar Malaysia. Di bawah inisiatif kedua ini juga, Kerajaan Negeri akan memberi fokus berasaskan kepada 9 Teras Pelancongan iaitu :

1. Pelancongan Eko.
2. Pelancongan Warisan.
3. Pelancongan Agro ataupun termasuk *Homestay*.
4. Pelancongan pantai dan pulau.
5. Pelancongan sukan.
6. MICE.
7. Pelancongan golf.
8. Makanan dan beli-belah.
9. Pelancongan kesihatan.

Daripada 9 Teras Pelancongan tersebut, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan kepada 15 *Homestay* dan 10 produk pelancongan yang telah dipilih dijadikan ikon pelancongan Negeri Johor iaitu :

1. Bangunan Sultan Ibrahim.
2. Kota Iskandar.
3. Muzium Diraja Sultan Abu Bakar.
4. Pulau Rawa dan Pulau Sibu.
5. Teluk Danga ataupun *Danga Bay*.
6. Taman Negara Johor, Endau-Rompin.
7. Gunung Ledang.
8. Desaru.
9. Tanjung Piai dan Pulai Kukup.
10. Kluang ataupun produk agroKluang.

Bagi merealisasikan inisiatif kedua ini, peranan agensi kerajaan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan akan dipertingkatkan lagi secara bersepadu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif ketiga Kerajaan Negeri akan menyediakan pelan pemasaran pelancongan yang lebih efektif di dalam usaha menjadikan Negeri Johor destinasi pelancongan berkualiti dan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong. Kerajaan Negeri Johor bersama-sama dengan Pihak Swasta akan mempertingkatkan lagi dan meneruskan program pemasaran serta promosi produk pelancongan secara lebih agresif di peringkat domestik dan antarabangsa. Antara gerak kerja yang telah dirangka pada Tahun 2011 adalah seperti berikut :-

1. Menganjurkan *Fam-Trip* kepada agensi-agensi pelancongan dan media tempatan serta antarabangsa ke produk-produk pelancongan di Negeri Johor.

2. Menyertai lebih banyak lagi pameran pelancongan di dalam dan di luar negara.

3. Meningkatkan promosi dan pemasaran 15 *Homestay*.

4. Mempelawa penganjur-penganjur *M.I.C.E.* dan *Rally Asia Pasifik*.

5. *Sail-Malaysia.*

6. Pameran Orkid dan Bonsai Johor Bahru.

7. *4 x 4 Rainforest International Challenge* dan juga Pertandingan *Scrable* Antarabangsa dan sebagainya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Pihak Kerajaan Negeri, agensi-agensi kerajaan dan juga pengusaha-pengusaha pelancongan yang selama beberapa bulan yang lalu untuk kita berusaha meningkatkan jumlah pelancong datang ke Negeri Johor.

Dengan sukacita saya ingin maklumkan di sini, kalau kita banding 9 bulan tahun ini dengan 9 bulan Tahun 2009, jumlah kemasukan pelancong ataupun pelawat ke Negeri Johor pada 9 bulan tahun ini mencatat 12 juta, 170,978 orang kalau berbanding dengan tahun lepas 10,819 dan 45 orang pelawat. Ini bermakna 12 juta lebih berbanding dengan 10 juta lebih ia ada peningkatan sebanyak 12.5%. Saya anggap ini usaha adalah kerjasama dari semua pihak untuk sama-sama kita menjayakan segala program promosi untuk menarik para pelancong ataupun pelawat yang datang ke Negeri Johor ini.

Maka, 2011 yang pernah saya katakan kita akan tingkatkan lagi usaha untuk kita membuat promosi di daerah pasaran domestik dan daerah antarabangsa. Kami di Jabatan Pelancongan Negeri akan bersama-sama dengan *Legoland*, *Johor Prime Outlet*, *Senai Airport*, pengusaha-pengusaha pelancongan ataupun agen-agen pelancongan yang ada di Negeri Johor supaya kita akan bekerjasama dan membuat promosi yang lebih hebat lagi di peringkat domestik dan antarabangsa. Dan untuk makluman Yang Berhormat ADUN kawasan Kempas, bahawa salah satu teras pelancongan yang diberi perhatian ialah pusat membeli-belah ataupun *shopping outlet*. Ianya perlu diperlengkapkan dengan usaha-usaha promosi yang agresif. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor juga telah menerbitkan satu risalah khas yang mengandungi maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pusat-pusat membeli-belah di Negeri Johor. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pelancongan Negeri dan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia dan *Tourism* Malaysia turut menganjurkan acara Karnival Jualan Mega serta acara jualan hujung tahun ataupun dikatakan *Year End Sales* pada setiap tahun. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga memberi kerjasama sokongan kepada pusat-pusat membeli-belah untuk mengadakan kempen promosi mereka sendiri secara lebih agresif supaya menarik lebih ramai orang khususnya pelancong warga Singapura untuk datang membeli-belah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat ADUN kawasan Tanjung Puteri, buat masa ini Kerajaan Negeri hanya mempromosikan pusat-pusat perubatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dijadikan sebagai daya tarikan pelancongan kesihatan di Negeri Johor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat ADUN kawasan Tanjung Puteri dan Kerajaan Negeri sedia membantu mempromosikan perubatan homeopati dengan syarat ia telah bersedia dan juga mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Juga Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN kawasan Tanjung Puteri juga membangkitkan isu iaitu ia sangat bergantungan kemasukan pelancong ke Malaysia melalui agensi-agensi pelancongan dari Singapura dan mencadangkan supaya peluang ini patut dibuka kepada rakyat tempatan. Dan untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang saya peroleh dari Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Johor, dimaklumkan kepada saya bahawa Pihak Kementerian Pelancongan Malaysia telah menetapkan peraturan di mana agen luar negara hendaklah bekerjasama dengan agen tempatan ataupun dianggap sebagai *Ground Handler* di dalam urusan membawa pelancong masuk ke Malaysia. Ini

bertujuan untuk menjaga kepentingan agen-agen tempatan agar mereka turut mendapat perniagaan dan juga keuntungan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor turut membantu agen tempatan untuk mendapatkan peluang dengan menyertai pameran-pameran pelancongan di Singapura seperti *NATAS, Fascinating Malaysia* dan *Travel Malaysia* dan sebagainya. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Johor turut menganjurkan Kempen Promosi Pelancongan Negeri Johor atau *Sell Mission* di Singapura di mana selain daripada sesi taklimat dan dialog, Kerajaan Negeri turut mengaturkan pertemuan antara pengusaha-pengusaha ataupun agen-agen pelancongan tempatan dengan pengusaha atau agen pelancongan dari Singapura untuk memberikan dua-dua pihak berbincang ataupun melalui *business matching* yang seterusnya menjalin hubungan kerjasama bagi faedah pihak bersama.

Justeru itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan maklumat yang diperoleh dari Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Johor, jumlah keseluruhan agensi pelancongan yang aktif menjalankan aktiviti *in bound* yang berdaftar di Negeri Johor adalah sebanyak 306 buah agensi. Adalah diharapkan agensi-agensi tempatan yang seramai ini disarankan supaya mereka perlu berusaha penggemblengan tenaga, modal kewangan, faedah dan juga strategi pemasaran dalam usaha menarik ramai pelancong dari luar negara tanpa bergantung kepada agensi-agensi pelancongan dari Singapura sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bahan-bahan promosi seperti brosur-brosur seperti peta pandu arah produk pelancongan Johor, *The Driver's Guide To Johor*, akan dipertingkatkan. Percetakan bahan-bahan promosi ini akan menggunakan bahasa negara yang telah dikenal pasti sebagai pasaran produk-produk pelancongan Negeri Johor. Umpamanya, percetakan brosur dalam Bahasa Jepun, Bahasa Korea, Mandarin dan Tamil juga sebagai tambahan kepada lokasi ataupun koleksi brosur Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang sedia ada. Pemasaran secara talian ataupun *online* akan dikemas kini supaya maklumat produk dan perkhidmatan pelancongan di Negeri Johor dapat disampaikan dengan lebih cepat dan tepat.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor bersama-sama pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Johor dan *Tourism Malaysia* Negeri Johor serta agensi-agensi berkaitan seperti IRDA, Perbadanan Johor secara bersepadu akan terus meningkatkan usaha bagi memasarkan produk-produk pelancongan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, melihat kepada kejayaan yang dicapai melalui misi *promotion* ataupun misi promosi pelancongan di Korea dan Hong Kong, di mana Korea, kita dapat berjaya menarik 20 *chartered flight* datang ke Negeri Johor dan Hong Kong telah pun kita berjaya 12 *chartered flight* ke Negeri Johor melalui *Senai Airport*. Dan, pada saya pasaran China juga dilihat berpotensi untuk menyumbang kepada peningkatan kedatangan pelancong ke Negeri Johor kerana Negara China ini merupakan pasaran ketiga terbesar selepas Singapura dan Indonesia. Dan berdasarkan kempen promosi awal yang telah diadakan, didapati bahawa pelancong China amat berminat dengan pulau-pulau yang terdapat di Negeri Johor.

Oleh itu, Kerajaan Negeri sedang mempromosikan pulau-pulau Johor secara lebih luas kepada pelancong-pelancong di Negara China. Dan salah satu cara juga, Kerajaan Negeri akan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong dari China iaitu kita telah pun memikirkan satu kaedah di mana kita melalui *Tourism Airline Chartered Flight*, yang boleh kita buat di bandar-bandar kedua besar China ataupun di bandar-bandar yang kedua, bukan bandar-bandar raya yang utama. Ini kira bandar-bandar yang kedua di Negeri China seperti Zhongshan, Jiangmen, Foshan dan juga Dongguan. Mungkin bandar-bandar kedua ini merupakan satu pasaran baru untuk kita menarik pelancong dari Negeri China ke Negeri Johor. Kerana Jabatan Pelancongan Negeri bersama-sama dengan *Malaysian In bound Tourism Association*, kita telah pun berbincang dan ada *contact* pengusaha-pengusaha pelancongan di sebelah Negeri China, di mana keempat-empat bandar ini kedua ini ada potensi untuk mereka datang, juga kita cuba melalui *chartered flight* datang ke Negeri Johor ini. Saya lihat dari segi usaha ini benar-benar kalau kita berbincang, duduk bersama dengan pengusaha pelancong di negara-negara tersebut memang ada peluang untuk kita menarik lebih ramai lagilah pelancong datang ke Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kejayaan industri pelancongan dilihat bukan sahaja semata-mata bergantung kepada usaha Kerajaan Negeri itu sahaja tetapi kerjasama daripada semua pihak seperti swasta, pengusaha-pengusaha industri pelancongan, badan-badan bukan kerajaan, malah setiap individu pun dalam Negeri Johor adalah amat diperlukan bagi merealisasikan impian menjadikan Johor sebagai sebuah industri pelancongan utama yang akan jadi pilihan semua pelancong sama ada di peringkat domestik ataupun di peringkat antarabangsa. Kerajaan Negeri percaya bahawa industri pelancongan di Negeri Johor akan terus berkembang dan maju dan seterusnya akan memberi limpahan faedah sama ada dari segi ekonomi mahupun sosial kepada rakyat Negeri Johor. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terus menyokong kerajaan untuk membangunkan industri pelancongan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2011 ini khususnya yang ada membabitkan perkara-perkara di bawah Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor. Banyak perkara telah pun ditimbulkan semasa perbahasan tersebut, dan saya bersama-sama dengan Jabatan Pelancongan Negeri akan sentiasa memberi perhatian sepenuhnya terhadap semua teguran, saranan serta cadangan yang positif dan juga yang amat baik ini untuk dijadikan panduan dalam merancang strategi membangunkan industri pelancongan Negeri Johor ke tahap yang lebih unggul yang lebih tinggi lagi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama kita pada hari ini yang ada di atas sana ialah daripada Pergerakan Wanita MCA, Ketua Masyarakat dan juga Ketua Kampung daripada Dewan Undangan Negeri Yong Peng. (Dewan bertepuk). Jemput Yang Berhormat. Ada nak berucap?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi: Yang Berhormat Datuk Speaker, salam sejahtera, selamat pagi dan salam 1Malaysia. Terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk bersama-sama dalam perbahasan sidang, Dewan Negeri Penggal Ketiga, Dewan Negeri Johor Yang Ke-12.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sesungguhnya Kerajaan Negeri Johor begitu prihatin terhadap pembangunan Modal Insan dan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai etnik di Negeri Johor. Perkara ini dapat kita perhatikan dalam pembentangan Bajet 2011 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di mananya ianya terkandung dalam dua daripada lima strategi Bajet 2011 Negeri Johor iaitu :

1. Meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, dan
2. Pembangunan masyarakat yang sivil, yang beridentiti dan juga berpegang kepada nilai-nilai yang murni.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini secara langsung menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, terhadap peningkatan taraf hidup rakyat sambil pembangunan insaniah diberi perhatian serius.
Yang Berhormat Datuk Speaker, selaras dengan usaha kerajaan untuk memastikan negara ini muncul sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, pembangunan Modal Insan menerusi bidang pendidikan dan kemahiran diberi penekanan. Selain itu, tumpuan turut diberikan untuk melengkapkan modal insan tersebut dengan kemahiran berfikir dan menganalisis, sahsiah diri, kreativiti, inovasi serta daya saing yang tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai langkah jangka panjang dalam pembangunan modal insan berkualiti bagi melahirkan pekerja mahir yang memenuhi kehendak pasaran pekerjaan, usaha-usaha ini akan diperkukuhkan lagi dalam Rancangan Malaysia Ke-10 bagi tempoh 2011 hingga 2015 yang bertemakan "Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi dan Maju". Sebagai menjawab perkara yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Raja, yang menyentuh perlunya modal insan kita berkemahiran dan juga perlu fasih berbahasa Inggeris, mempunyai kemahiran berkomunikasi, mahir mengendalikan perkakasan ICT dan mempunyai kemahiran *interpersonal*, dengan izin, maka langkah yang diambil Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dalam usaha melahirkan modal insan yang memenuhi kehendak pasaran pekerjaan berasaskan kuantiti dan kualiti yang dikehendaki oleh pihak industri adalah melalui pendidikan dan latihan di bawah pembiayaan Kerajaan Persekutuan seperti mana saya telah perjelaskan dalam jawapan soalan lisan sebelum ini.

Sehubungan dengan itu, bagi pihak Kerajaan Negeri pula akan mengambil inisiatif untuk menumpukan kepada langkah-langkah bukan berbentuk latihan sebagai pelengkap kepada usaha yang saya sebutkan di atas. Antara inisiatif yang akan dijalankan ialah:-

1. Memperhebatkan usaha dan langkah ke arah anjakan paradigma dan perubahan sikap.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar kita di peringkat sekolah menengah tidak diberikan pendedahan dan maklumat mengenai kerjaya yang ingin mereka sertai. Sebagai contoh, sekiranya mereka berhasrat untuk menjadi seorang doktor, apakah mata pelajaran yang patut diberi tumpuan agar keputusan yang dicapai dalam peperiksaan PMR membolehkan mereka untuk meneruskan pelajaran dalam bidang Sains? Jadi, oleh yang demikian Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan, kaunselor-kaunselor kerjaya di sekolah-sekolah melalui pendedahan industri yang berterusan. Melalui program ini, keupayaan guru-guru kaunselor sebagai rakan pintar kepada industri akan dipertingkatkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

2. Mempertingkatkan kemahiran kritikal, melalui kerjasama pintar selaras dengan kehendak industri.

Inisiatif ini merujuk kepada penyediaan bakat-bakat yang berterusan bagi memastikan keupayaan Negeri Johor bersaing di pasaran ekonomi global. Bakat-bakat baru ini akan dikenal pasti dan digilap bagi memastikan mereka mampu untuk menerajui jawatan-jawatan penting di Iskandar Malaysia dan Johor. Ini akan dilakukan melalui Program *Johor Student Leadership Council*, dengan izin JSLC. Dengan penglibatan pelajar-pelajar tingkatan 4 yang dipilih untuk mengikuti program-program kepimpinan di dalam dan juga di luar negara. Pelajar-pelajar ini akan dibimbing secara berterusan sehinggalah mereka memasuki pasaran kerja. Selain itu, Kerajaan Negeri mendapati kemahiran untuk berbahasa Inggeris akan diberi penekanan sejajar dengan usaha menyediakan modal insan berkemahiran tinggi untuk sektor perkhidmatan yang disasarkan di Iskandar Malaysia khususnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

3. Mewujudkan jentera perlaksanaan yang lebih berkesan.

Bagi memastikan adanya koordinasi antara jabatan dan agensi yang bertanggungjawab dalam usaha pembangunan Modal Insan maka peranan Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Modal Insan Iskandar Malaysia akan diperluaskan ke seluruh Negeri Johor. Adalah diharap dengan langkah ini akan menambah keberkesanan tindakan bagi pembangunan Modal Insan dari segi jumlah Modal Insan yang dibekalkan dan padanan kemahiran dengan kehendak industri di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sukacita dimaklumkan bahawa inisiatif mewujudkan pakatan strategik antara pihak industri dan penyedia latihan telah mula dilaksanakan dengan jayanya pada 2 November 2010 di mana pihak industri dan penyedia latihan telah hadir dalam satu perbincangan di bawah satu bumbung dalam mengatasi *Jobs Matching*, dengan izin, di kalangan industri elektrikal dan elektronik. Mereka yang terlibat telah dibahagikan kepada 4 kumpulan dan setiap kumpulan akan merumuskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam jangka masa 120 hari dari tarikh bengkel tersebut. Bengkel tersebut yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, dan Satu Deklarasi yang dipanggil MITEE, (Modal Insan

Transformasi Elektrikal Elektronik), telah diwujudkan agar ia menjadi satu tindakan tuntas untuk mengatasi masalah tersebut. Sehubungan dengan itu, bengkel serupa juga akan dilaksanakan untuk baki 8 sektor ekonomi yang diberi tumpuan oleh pihak Iskandar Malaysia seperti sektor kreatif, pendidikan, pelancongan, kesihatan, petrokimia dan *oleokimia*, dan lain-lain agar penyelesaian ini lebih bersifat holistik atau menyeluruh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak IRDA juga melalui analisis dan hasil kajian untuk Pelan Induk Modal Insan Iskandar Malaysia mendapati, hampir 26% tenaga kerja akan datang dari luar Wilayah Iskandar Malaysia. Maka, dengan itu bersama Kerajaan Negeri melalui Bajet Negeri Johor 2011 ini, akan mula mengorak langkah melaksanakan program-program ke semua daerah di Negeri Johor. Sebagai contoh, program Karnival Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran, yang ringkasnya dipanggil KEPAK, adalah merupakan *Outreach Program* dengan izin, bertujuan untuk merapati barisan rakyat dan memberi peluang dan pengetahuan kepada mereka berkenaan peluang-peluang pekerjaan, perniagaan kecil dan kemahiran di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pastinya ia tidak akan terhenti setakat satu program sahaja, malah beberapa program lain juga telah dirancang untuk memastikan pembangunan Iskandar Malaysia akan dapat disertai oleh semua golongan rakyat bawahan mahupun pertengahan, demi merealisasikan tujuan dan objektif sebenar penubuhan Wilayah Ekonomi baru ini di Negeri Johor. Saya percaya langkah-langkah yang telah dan sedang di ambil ini, akan mampu menuntaskan dan memperbetulkan masalah-masalah yang melanda para pelajar dan graduan dari segi mendapatkan pekerjaan. Ia secara langsung akan memastikan mereka ini adalah di kalangan sumber tenaga kerja yang memenuhi keperluan dan kehendak pihak industri dan kemungkinan besar kita harapkan tidak wujud lagi isu *mismatch* dengan izin, yang dibangkitkan oleh ADUN Pasir Raja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai Kerajaan Negeri yang amat prihatin dan mementingkan penyelesaian tuntas masalah-masalah rakyat, termasuk bagi rakyat yang berpendapatan rendah, maka Kerajaan Negeri akan melaksanakan strategi meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Sebagai menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permas Jaya, mengenai latihan kemahiran bagi golongan miskin dan mudah miskin yang berumur antara 18 hingga 25 tahun, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan perkara ini, kerana yakin hanya dengan adanya kemahiran, sekurang-kurangnya dengan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia atau SKM Tahap 1 dan 2, akan membuka ruang untuk mereka mendapatkan pendapatan yang tinggi. Dengan adanya peningkatan pendapatan, belia-belia ini yang tinggi, maka jumlah isi rumah yang berpendapatan kurang dari RM2,000.00 sebulan, mengikut takrifan Rancangan Malaysia Ke-10 dapat dikurangkan. Untuk tujuan ini, peranan ini akan digalas oleh Kolej-Kolej Komuniti Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor, yang akan meliputi bidang perkhidmatan dan pembuatan yang menjadi asas kekuatan ekonomi Negeri Johor pada masa kini dan pada masa depan berikutan dari tindakan kerajaan memberi tumpuan kepada industri berimpak tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker selain daripada itu, kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), akan memperluas pelaksanaan Program Sistem

Latihan Dual Nasional ataupun ringkasnya SLDN, yang melibatkan kandungan latihan sebanyak 70% secara *hands on* di tempat kerja dan 30% latihan teori di institusi latihan. Pada masa ini SLDN hanya disediakan kepada pekerja dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia sahaja. Untuk tindakan pada masa depan pula, program ini akan juga merangkumi pelajar yang tidak menamatkan 11 tahun persekolahan. Jadi peluang-peluang latihan ini akan diberikan kepada rakyat, semua rakyat yang memerlukannya, seterusnya dapat mengeluarkan mereka daripada golongan miskin ini termasuk juga, Orang Asli.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan mengambil maklum akan sumbangan ekonomi dari sektor perladangan yang turut memberi sumbangan kepada kesejahteraan dan pembangunan negara. Komitmen modal insan yang bekerja sebagai tenaga kerja di ladang-ladang, turut menyumbangkan kepada pengeluaran optimum dari sektor perladangan. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh ADUN Pasir Raja juga, saya ingin perjelaskan di sini bahawa di Negeri Johor terdapat sebanyak 369 buah ladang dengan mengajikan seramai 36,000 orang pekerja dengan *quantum* pekerja tempatan adalah sebanyak 40%. Menyedari hasrat pekerja ladang untuk memiliki rumah sendiri, sebagai satu bentuk jaminan kebajikan untuk pekerja berkenaan setelah tamat perkhidmatan atau bersara, maka kerajaan telah menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah dengan peruntukan sebanyak RM50 juta yang dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet yang lalu. Skim ini terbuka kepada pekerja tetap ladang dan adalah Warganegara Malaysia. Jumlah pembiayaan yang akan diberikan kepada seorang pemohon itu ialah sebanyak RM60,000.00 pada kadar 4% dengan tempoh pembiayaan sehingga 40 tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain dari langkah di atas, Kerajaan Negeri Johor akan meminta majikan ladang untuk mengenal pasti tapak yang lengkap dengan kemudahan asas bagi melaksanakan projek perumahan melalui pendekatan Rumah Mesra Rakyat atau Rumah Mampu Milik di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad. Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses untuk mengenal pasti pekerja ladang yang berminat untuk menyertai Skim ini. Selain itu, satu perbincangan khas akan diadakan dalam masa terdekat untuk membincangkan perkara ini dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor iaitu Bahagian Perumahan, yang pernah berpengalaman dalam melaksanakan program-program perumahan yang sedemikian. Selain itu usaha akan diambil untuk mengenal pasti majikan ladang untuk menyediakan tapak untuk projek perumahan, dan adalah diharap Perbadanan Johor dan *Sime Darby* boleh menjadi perintis kepada program ini di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan Negara kita pada hari ini adalah hasil gemblengan usaha dari sektor kerajaan, swasta dan rakyat. Walau bagaimanapun, dalam memastikan pembangunan berjalan lancar, peranan pekerja adalah amat penting. Memandangkan terdapat kekurangan pekerja dalam beberapa sektor yang kritikal, maka pengambilan pekerja asing telah di benar oleh kerajaan dengan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yong Peng, suka saya menjelaskan bahawa, kerajaan telah menetapkan bahawa Dasar Penggajian Pekerja adalah memberi keutamaan kepada rakyat tempatan. Berikutan dari itu, bagi majikan yang berhasrat untuk menggaji pekerja asing perlu mematuhi prosedur dan peraturan Penggajian Pekerja Asing yang telah ditetapkan. Tempoh suku keempat tahun 2008 dan 2009, adalah masa-masa sukar kerana berlakunya kelembapan ekonomi di mana terdapat ramai pekerja diberhentikan dan berlaku juga penutupan perniagaan.

Berikutan dari itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan adanya pekerjaan yang mencukupi untuk rakyat tempatan. Antara langkah yang diambil ialah, mengetatkan syarat pengambilan pekerja asing khasnya, dalam sektor-sektor pekerjaan yang menjadi tumpuan rakyat tempatan khasnya dalam bidang perkhidmatan dan perkilangan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi sektor perladangan dan pertanian yang mana didapati kurangnya minat rakyat tempatan untuk bekerja dan untuk memastikan sektor ini terus mampu berdaya saing, permohonan majikan untuk pekerja asing terus dipertimbangkan. Tetapi pertimbangan yang diberikan adalah berdasarkan kepada beberapa syarat dan kriteria yang ditetapkan di dalam Buku Panduan Penggajian Pekerja Asing seperti, jenis tanaman, keluasan dan jenis tanah, sama ada rata, tanah tinggi, umur tanaman dan beberapa kriteria yang lain.

Selain itu, kerajaan juga mengambil usaha untuk mendapatkan pekerja tempatan dalam semua sektor dengan gesaan terhadap majikan untuk membayar gaji yang tinggi, kemudahan yang menarik, di samping persekitaran pekerjaan yang selamat. Skim perumahan kepada pekerja ladang yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Datuk Speaker, juga merupakan antara langkah kerajaan untuk menggalakkan rakyat tempatan untuk melibatkan diri dalam sektor perladangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin terus kepada Portfolio yang berkaitan dengan perpaduan. Jadi di kesempatan ini saya ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh tentang perpaduan, terutamanya kepada Ahli Dewan Negeri Jorak dan juga Pengkalan Rinting, yang turut memberi cadangan yang baik untuk kita bersama-sama memastikan perpaduan terus terjalin dan dipelihara di negara tercinta kita Malaysia dan di Negeri Johor amnya. Ini merupakan sifat keprihatinan yang perlu ada kepada pemimpin-pemimpin yang perlu maklum dan fahami konsep 1Malaysia, kerana tanggungjawab dalam menjayakan Gagasan 1Malaysia yang menekankan perpaduan digalas secara bersama oleh semua pihak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Jorak yang menyebut berkaitan kajian berkenaan tahap hubungan antara kaum dalam negara kita. Sesungguhnya kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa, mengenai perpaduan masyarakat melalui satu laporan apa yang dipanggil, Laporan Pengesanan Isu Dan Konflik, atau ringkasnya Laporan PES, bagi bertujuan memberi maklumat dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi sesuatu isu atau konflik yang berlaku.

Secara keseluruhannya berdasarkan laporan yang saya sebutkan tadi yang diterima, perpaduan dan kesetiaan rakyat berbilang kaum dalam negara khususnya di Negeri Johor ini masih berada dalam keadaan yang baik. Kebanyakan isu dan konflik yang berlaku tidak melibatkan perkauman yang serius dan dapat diselesaikan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor, sentiasa menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk, Polis Diraja Malaysia, Bahagian Keselamatan Negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan, Kawasan Rukun Tetangga, Jabatan Pelajaran dan lain-lain agensi yang berkenaan bagi mendapatkan maklumat.

Berikut adalah laporan isu-isu perpaduan negara, bagi suku tahun ketiga Yang Berhormat Datuk Speaker. Sebelum saya menjelaskan mengenai laporan tersebut, sedikit latar belakang mengenai isu, laporan ini sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, disediakan berasaskan Pengesanan dan Pengumpulan Isu-Isu melalui 2 peringkat, iaitu Peringkat Daerah dan Peringkat Ibu Pejabat. Pendekatan Manifestasi digunakan untuk membina Indeks Perpaduan atau ringkasnya IP, sebagai petunjuk Tahap Keharmonian dan Perpaduan Rakyat berdasarkan bilangan kes setahun dibahagikan dengan jumlah penduduk. Perpaduan rakyat boleh dilihat dari aspek perhubungan antara dan dalam kaum, politik, ekonomi, sosial, agama, keselamatan, alam sekitar, pendidikan dan lain-lain lagi yang berpotensi menimbulkan pergeseran, perbalahan, ketegangan dan ancaman kepada keharmonian masyarakat. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, indeks perpaduan ataupun indeks ketegangan masyarakat dikelaskan, pengelasan laporan kes mengikut keganasan, rusuhan, demonstrasi, serangan, pergaduhan dan isu semasa, secara umum digunakan untuk membina indeks perpaduan berasaskan wajaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, indeks perpaduan bagi suku tahun pertama 2010 adalah 5.7 kes per sejuta penduduk. Maksudnya, bagi sejuta penduduk cuma 5.7 kes yang melibatkan isu dari segi perpaduan kaum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, secara keseluruhannya, tahap perpaduan seperti mana yang saya sebutkan tadi adalah bertambah stabil dan terkawal. Tiada kes bertanda merah. Bertanda merah, dia merujuk kepada kes bahaya dan juga kuning ataupun bertanda, bermaksud berisiko dikesan. Kesemuanya bertanda hijau, stabil. Tiada kes keganasan dan rusuhan dikesan berlaku pada suku tahun pertama, kedua dan ketiga 2010. Jadi, IP saya maksudkan di sini Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi suku tahun pertama, peringkat negara, 6.1 tapi bagi Negeri Johor, cuma 2.2 kes per 100,000 penduduk.

Yang Berhormat Datuk Speaker, indeks perpaduan ini sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, mempunyai hubungan yang langsung dengan perkara yang satu lagi perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat ADUN Jorak iaitu tentang Gagasan 1Malaysia yang perlu dijayakan bersama oleh setiap pemimpin tanpa mengira parti dan latar belakang politik. Saya amat bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat kerana ini merupakan satu sifat keprihatinan yang harus ada dalam diri, jiwa pemimpin, masyarakat dan penduduk seluruh negara dan juga Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi tahun 2010 ini melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor, pelbagai program telah dilaksanakan. Antaranya, pertama, Seminar Gagasan 1Malaysia yang melibatkan 500 orang pemimpin dari Rukun Tetangga, badan-badan politik dan NGO telah diadakan di Kompleks Tan Sri Mohammad Rahmat pada 3 Mac 2010. Ianya diikuti dengan Karnival Perpaduan 1Malaysia yang melibatkan 1,500 orang penyertaan pelbagai peringkat umur dan kaum diadakan dari 15 hingga 18 Julai 2010 di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Seterusnya pertandingan koir antara kelab-kelab Rukun Negara, sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri telah diadakan pada 16 Julai di MAWAR, Johor Bahru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya terus kepada isu Kawasan Rukun Tetangga yang dibangkitkan oleh ADUN Pengkalan Rinting yang menyatakan bahawa RT tetap menjadi institusi penting di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di dalam merealisasikan perpaduan dalam masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memantapkan lagi Skim Rukun Tetangga, kerajaan telah meluluskan Pelan Tindakan 5 Tahun Rukun Tetangga iaitu 2006-2010 yang bertujuan untuk memperkukuhkan organisasi dan program Rukun Tetangga bagi memupuk semangat perpaduan dan Integrasi Nasional di peringkat akar umbi. Pelan ini Yang Berhormat Datuk Speaker, mengandungi strategi-strategi dirangka bagi membolehkan institusi Rukun Tetangga memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai penjana di peringkat komuniti. Pelan yang dirangka mengandungi program strategik dalam pelbagai bidang. Kini Yang Berhormat Datuk Speaker, pelan tindakan tersebut yang berada di penghujung pelaksanaan telah menampakkan perubahan-perubahan dan penambahbaikan dalam Skim Rukun Tetangga iaitu strategi pertama, memperluaskan penubuhan Skim Rukun Tetangga. Sehingga kini Yang Berhormat Datuk Speaker, melalui maklumat yang ada, bilangan Kawasan Rukun Tetangga yang telah ditubuhkan di Negeri Johor adalah sebanyak 590 dan dijangkakan akan terus meningkat sehingga mencapai lebih 600 KRT pada tahun 2011 melalui gerak kerja yang komprehensif di peringkat jabatan. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, daripada kita menambahkan peruntukan kepada KRT sepertimana yang dipohon oleh ADUN Pengkalan Rinting, kerajaan bercadang untuk menambahkan bilangan KRT di mana sebagai perbandingan pada Jun 2009, terdapat 522 KRT di Negeri Johor tapi kini kita ada 590, penambahan 67 KRT di seluruh Negeri Johor dalam jangka masa tersebut. Jadi dengan demikian, maka rangkuman kawasan KRT itu dapatlah kita pendekkan dan sempitkan supaya penyertaannya boleh diperbanyakkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, strategi kedua dalam pelan tindakan itu iaitu memperluaskan penubuhan Skim Rondaan Sukarela pula. Usaha mewujudkan sebuah kawasan penempatan yang lebih selesa, sejahtera dan selamat memerlukan penglibatan komuniti untuk bertanggungjawab secara bersama menjaga keharmonian kawasan sejiran. Di Kawasan Rukun Tetangga, komuniti mempunyai ruang untuk terlibat secara langsung dalam mewujudkan kawasan sejahtera dan selamat melalui Skim Rondaan Sukarela. Sehingga kini, melalui maklumat yang ada, bilangan Skim Rondaan Sukarela yang telah ditubuhkan di Negeri Johor talah mencecah kepada 200. Dan dijangkakan akan terus meningkat sehingga mencapai lebih 250 pada tahun 2011 melalui pendekatan yang disebut sebagai Satu RT, Satu SRS yang dinamik dan strategik.

Sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, melalui kewujudan Skim Rondaan Sukarela ini, dapat membantu mengurangkan kejadian jenayah di sesuatu kawasan apabila pada tahun ini, sebanyak 278 kes telah dapat ditangani oleh peronda-peronda SRS.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Program Pengukuhan Jentera Rukun Tetangga pula telah mencapai kejayaan apabila Jawatankuasa Rukun Tetangga diperkukuhkan lagi dengan pengukuhan cawangan-cawangannya, iaitu, Jiran Muda, Jiran Wanita dan Jiran Usia Emas. Sehingga kini, bilangan Jiran Muda yang telah diwujudkan ialah 361 manakala Jiran Wanita ialah 428 dan Jiran Usia Emas ialah 248.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Program, Strategi Program Meningkatkan Kemahiran Kepimpinan Rukun Tetangga pula, Jabatan Perpaduan telah menyediakan latihan dan juga kemahiran kepada Ahli Jawatankuasa RT melalui kursus-kursus dan juga seminar. Pada tahun 2010, seramai 3,580 orang Ahli Jawatankuasa RT telah diberi latihan dalam bentuk kursus dan juga seminar yang dijalankan di peringkat daerah, negeri dan juga di ibu pejabat. Dari segi strategi pembangunan infrastruktur pula Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memantapkan peranan Rukun Tetangga, satu lagi kemudahan yang disebut sebagai bangunan Pusat Rukun Tetangga, pusat aktiviti juga disediakan dan di Negeri Johor kini terdapat sebanyak 86 buah Pusat Rukun Tetangga. Yang Berhormat Datuk Speaker, matlamat akhir yang akan dicapai melalui Pelan Tindakan 5 tahun Rukun Tetangga ini ialah supaya Rukun Tetangga dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi sebagai pertubuhan yang diwujudkan oleh kerajaan khusus untuk menjaga keselamatan, keharmonian, kesejahteraan dan paling penting sekali, perpaduan penduduk setempat. Dan kedua supaya perpaduan dikalangkan anggota masyarakat dapat dibudayakan. Perpaduan ini dibudayakan melalui Institusi Rukun Tetangga dan batas-batas sosial yang masih membelenggu masyarakat pelbagai kaum dapat dipecahkan melalui aktiviti yang lebih meluas di peringkat komuniti setempat.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, mulai tahun 2011, pendekatan perpaduan akan difokuskan kepada Program Transformasi Rukun Tetangga. Program ini antara darinya akan menumpukan usaha ke arah melatih pemimpin Rukun Tetangga ke arah menjadi sukarelawan yang berkesan terutama sekali dalam aspek *mediasi*. Di samping meneruskan usaha untuk bersama-sama membentuk kerajaan untuk menangani jenayah di peringkat akar umbi, suasana aman dan sejahtera rakyat adalah usaha murni yang seterusnya menjadi tanggungjawab kita bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan isu-isu berkaitan Portfolio Sumber Manusia Dan Perpaduan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Speaker…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ya Yang Berhormat, nak apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Nak berucap Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Nak berucap? Jemput duduk Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 30 November 2010, jam 9:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 12:45 tengah hari.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEPULUH	SELASA, 30 NOVEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)
Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 di teruskan sekarang. Jemput yang nak berucap.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah memberi peluang serta ruang kepada saya untuk menyambung ucapan penggulungan perbahasan di Dewan yang mulia pada hari ini sempena dengan ucapan Bajet Kerajaan Negeri Johor 2011 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah adan terima kasih, di atas ucapan-ucapan perbahasan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang mana telah mengemukakan pandangan, cadangan, teguran yang membina, khususnya mengenai perkara-perkara yang melibatkan Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi, Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, izinkan saya untuk menyentuh serba sedikit mengenai Pembangunan Modal Insan yang merupakan agenda utama negara. Kita sering diingatkan bahawa melentur buluh biarlah dari rebungnya, sebesar mana pun sebatang pohon, ianya bermula dengan sebutir benih yang kecil. Atas kesedaran itu, maka Jabatan Pelajaran Negeri Johor menyambut baik dan menyokong penuh SUB-NKRA Pendidikan iaitu:-

1. Prasekolah. Berlaku peningkatan sebanyak 20% penyertaan kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke atas ke pendidikan prasekolah dengan menjadikan pendidikan prasekolah sebagai aliran perdana dalam sistem pendidikan kebangsaan pada tahun 2012. Bagi memastikan kejayaan ini, Jabatan Pelajaran Johor telah melatih guru prasekolah baru dan sedia ada bagi

meningkatkan profesionalisme demi mendepani Transformasi Pendidikan Negara melalui perubahan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPSK) yang telah dilaksanakan di semua prasekolah seluruh negara tahun 2010.

Dasar-dasar baru Kementerian Pelajaran Malaysia seperti KSPK dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah atau KSSR ini perlu disambut oleh Ahli Dewan yang mulia ini, untuk dimaklumkan kepada masyarakat terhadap gelombang Transformasi Kurikulum yang sedang berlaku. Anak-anak prasekolah 2010 adalah anak-anak Tahun 1, 2011 dan mereka adalah penjawat swasta dan jentera kerajaan dalam tahun 2026. Mereka tidak mampu mengharungi arus global di dalam sampan yang sama seperti generasi kita. Mereka perlu berkreativiti dan berinovasi, mereka perlu bermentaliti keusahawanan dan mereka perlu cekap meneroka IT. Inilah yang menjadi teras Transformasi Kurikulum Malaysia.

2. LINUS ataupun Literasi dan Numerasi juga merupakan tumpuan Kementerian Pelajaran Malaysia di mana semua kanak-kanak yang tidak mempunyai masalah pembelajaran boleh menguasai kemahiran literasi dan numerasi sebelum melangkah ke tahun 4 pada tahun 2012. Bagi memastikan kejayaan dicapai, Jabatan Pelajaran Johor telah melatih guru agar numerasi dan literasi bukan lagi masalah dalam bidang pendidikan. Hasilnya, Negeri Johor telah melepasi 90% penguasaan LINUS pada ketika ini. Penguasaan LINUS amat perlu bagi murid-murid sekolah menghadapi pengajaran dan pembelajaran pada tahap yang lebih tinggi. Murid-murid tidak akan tertinggal dalam bidang pendidikan sekiranya mereka menguasai LINUS sejak dari peringkat awal memulakan persekolahan.

3. Sekolah berprestasi tinggi. Sekolah berprestasi tinggi juga menjadi fokus Kementerian Pelajaran Malaysia di mana Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha membangunkan 100 buah Sekolah Berprestasi Tinggi termasuk Sekolah Amanah pada akhir tahun 2012. Dalam hal ini, Negeri Johor tidak ketinggalan kerana Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Kluster dan Sekolah Kecemerlangan, sentiasa memberi sokongan dan membantu sekolah-sekolah di negeri ini mencapai status Sekolah Berprestasi Tinggi. Dengan lahirnya SBT, ia akan menjadi pemangkin dan penguat semangat kepada sekolah-sekolah lain untuk mencapai tahap SBT kerana SBT telah terbukti memberi impak sangat positif kepada sekolah yang menerimanya.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memilih Johor dan Sarawak sebagai program rintis Sekolah Amanah di mana lima buah sekolah dari setiap negeri akan dipilih untuk mendapat kerjasama dengan Khazanah Nasional Berhad untuk sama-sama membangunkan sekolah yang terpilih. Untuk makluman bersama pada ketika ini, sekolah-sekolah yang akan menjadi Sekolah Amanah telah pun di senarai pendek dan akan diumumkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bila-bila masanya nanti. Pemilihan Johor menjadi negeri rintis Sekolah Amanah pastinya akan memberi impak yang besar kepada pendidikan di negeri ini. Walaupun bilangannya pada peringkat awal ini kecil, Jabatan Pelajaran Negeri berharap agar kejayaan yang bakal dicapai oleh Sekolah

Amanah ini kelak akan menjadi ikutan kepada sekolah-sekolah lain untuk bergerak ke arah kejayaan yang lebih gemilang.

4. Tawaran baru kepada pengetua/guru besar. Pengetua dan guru besar juga menjadi fokus Kementerian Pelajaran Malaysia, di mana baiah atau aku janji kepada pengetua dan guru besar berdasarkan *performance base assessment* mulai tahun 2010 dilaksanakan. Dalam hal ini, Jabatan Pelajaran Negeri sentiasa membantu para pengetua dan guru besar untuk membawa sekolahnya ke arah kecemerlangan. Seperti yang semua telah sedia maklum, bahawa pada ketika ini semua pengetua dan guru besar telah didedahkan dengan Kepimpinan Transformasional. Pendedahan ini pasti dapat membantu para pentadbir sekolah mencapai tahap kecemerlangan. Bagi melihat kejayaan para pentadbir mengaplikasikan Kepimpinan Transformasional di sekolah masing-masing, kajian impak terhadap hal ini sedang dijalankan. Semua usaha membantu pengetua dan guru besar diharap akan dapat membantu sekolah yang dipimpin mencapai tahap yang gemilang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dapat dilihat bahawa Jabatan Pelajaran Negeri Johor sentiasa melaksanakan fungsinya menjadi peneraju utama bagi melonjakkan pendidikan negeri ini melalui pelbagai program yang telah dirancang dan dilaksanakan. Tujuan utamanya adalah untuk memastikan bahawa semua anak didik di negeri ini mampu mencapai tahap keperluan semasa. Pendidikan hari ini perlu memenuhi keperluan abad ke-21. Semua kemahiran yang diperlukan seperti ICT, *Soft Skills* dan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis perlu didedahkan kepada murid-murid. Negeri Johor amat bertuah kerana mempunyai kepimpinan yang berwawasan serta sentiasa ingin meningkatkan taraf hidup rakyat. Atas kesedaran itu, dapat dilihat wujudnya Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) yang sedang pesat dibangunkan. Pembangunan wilayah ini memerlukan tenaga pakar yang ramai. Adalah diharapkan agar tenaga pakar yang memenuhi keperluan pembangunan ini datangnya dari anak watan negeri ini. Jika perkara ini ingin dicapai, kita tidak mempunyai pilihan kecuali melengkapkan anak didik negeri ini dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang relevan dengan abad ke-21 serta memenuhi keperluan tenaga kerja semasa. Bagi merealisasikannya, guru-guru perlu mempunyai kemahiran-kemahiran berkenaan dan seterusnya mampu pula untuk memindahkan kemahiran tersebut kepada semua anak didik di negeri ini.

Kesemua usaha berkenaan memerlukan pengorbanan selain mengiktiraf kecemerlangan Jabatan Pelajaran Johor mengutamakan soal inovasi. Inovasi juga menjadi fokus utama Jabatan Pelajaran Negeri Johor. Inovasi merupakan penambahbaikan terhadap apa yang sedia ada. Sebenarnya inovasi amat penting untuk kehidupan yang lebih baik. Jika dahulu kita selalu menyebut "buang yang keruh, ambil yang jernih" maknanya ada benda yang kena buang. Tetapi dengan adanya inovasi pasti kita akan katakan kelak "suling yang keruh, supaya ianya jernih". Jadi bukan sahaja, kita tidak perlu membuang, malah perkara yang pada mulanya tidak diperlukan telah menjadi berguna.

Segala usaha Jabatan Pelajaran Negeri Johor akhir-akhir ini membuahkan hasil di mana akhirnya kita berada di kelompok *Top 5* dengan izin di dalam pencapaian UPSR, PMR dan SPM. Mudah-mudahan segala usaha yang telah dan akan dijalankan oleh

JPN Johor akan menghasilkan peneraju pendidikan yang mantap dan hasilnya akan melahirkan anak didik yang umpama pohon berbuah yang rendang. Mereka bukan sahaja mampu memberi perlindungan dari panas terik mentari, malah dapat memberi kesejahteraan dan hasil yang dikeluarkan.

Yang Berhormat Dato Speaker, izinkan saya merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya, Yang Berhormat daripada Pasir Raja. Untuk maklumkan Yang Berhormat dari Pasir Raja dalam menghasilkan pekerja mahir khususnya dalam sektor industri serta matlamat untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup, murid-murid di peringkat sekolah rendah lagi sekarang ini telah pun didedahkan dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup mulai tahun 4 hingga tahun 6. Manakala di sekolah menengah harian pula, mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu ini diteruskan kepada pelajar-pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dengan objektif setiap pelajar-pelajar akan mendapat pendedahan awal dalam bidang sepertimana Yang Berhormat sebut, *design, testing prototype, commissioning and pattern* serta *sales and marketing* dalam bidang teknologi.

Bagi tujuan meningkatkan kemahiran khususnya dalam bidang vokasional ini, pelajar turut berpeluang meneruskan pembelajaran di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dengan memilih aliran atau mata pelajaran vokasional ini di sekolah. Dan di antara mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah menengah ialah seperti Reka Cipta, Lukisan Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Perdagangan, Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas dan Mata Pelajaran Vokasional iaitu Seni Reka Tanda, Pemprosesan Makanan, Grafik Berkomputer dan juga Produksi Multimedia.

Bagi Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional pula, bidang pembelajaran adalah khusus menjurus kepada mata pelajaran dalam aliran Teknikal, Vokasional dan Kemahiran yang khusus, bagi membolehkan pelajar mendapat ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mantap dan mencukupi dalam bidang yang mereka ceburi sebelum mereka menamatkan alam persekolahan dan seterusnya memasuki dunia pekerjaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Kahang ada mencadangkan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berstatus bantuan kerajaan dijadikan sekolah kerajaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pemberian dan pertukaran status sekolah daripada sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Menteri Pelajaran Malaysia. Pertukaran status ini adalah bergantung kepada permohonan serta persetujuan daripada pihak PIBG sesebuah sekolah. Dan, mengikut rekod di Jabatan Pelajaran Johor, setakat ini hanya ada 2 permohonan diterima iaitu daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Desa Cemerlang dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Palmol di Kluang. Dan, kedua-duanya telah pun mendapat kelulusan daripada Menteri Pelajaran.

Sehingga sekarang masih terdapat kategori Sekolah Bantuan Kerajaan disebabkan mengikut Akta Pelajaran 1996 di bawah Seksyen 16, Kategori Institusi Pendidikan. Maka ada 3 kategori institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan iaitu :-

1. Institusi Pendidikan Kerajaan ataupun sekolah kerajaan. Di mana penubuhan sekolah ini adalah di bawah kuasa Menteri. Tanah dan bangunan adalah hak milik Kerajaan Persekutuan.

2. Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan yang diasaskan dan dibina oleh orang perseorangan, persatuan-persatuan malah dari pihak syarikat serta agensi tertentu bagi memenuhi keperluan persekolahan di kawasan tersebut ketika penubuhan sekolah tersebut. Ini bermakna tanah dan bangunan adalah hasil sumbangan modal awam bukan daripada Kerajaan Persekutuan.

3. Institusi Pendidikan Swasta.

Dan, sebagai makluman Kementerian Pelajaran Malaysia bersedia mempertimbangkan permohonan pertukaran status sekolah daripada sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan secara *case by case,* dengan izin. Dan, pertimbangan adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan daripada pihak Lembaga Pengelola Sekolah atau PIBG sekolah serta persetujuan dari pihak ibu bapa dengan syarat pihak tersebut bersedia untuk menyerahkan tanah dan bangunan serta harta modal sekolah kepada pihak kerajaan tanpa sebarang syarat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada cadangan Yang Berhormat dari Jementah, agar Kementerian Pelajaran membina bangunan baru di SJKC Hua Nam, Batu Anam. Untuk makluman, Jabatan Pelajaran Johor melalui Pejabat Pelajaran Daerah Segamat telah pun mencadangkan pembinaan satu blok bangunan gantian yang mengandungi 6 bilik darjah serta lain-lain kemudahan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Hua Nam, Batu Pahat dan projek ini berada dalam senarai keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada cadangan pembinaan sekolah kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Scientex oleh Ahli Yang Berhormat dari Permas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam Rancangan Malaysia Ke-9, Jabatan Pelajaran Johor telah melaksanakan pembinaan sebuah sekolah kebangsaan dan sebuah sekolah menengah di Taman Bandar Nusa Damai yang terletak berhampiran dengan Taman Scientex. Sekolah Menengah Kebangsaan Nusa Damai telah siap dan akan beroperasi pada awal tahun 2011. Sekolah Kebangsaan Nusa Damai pula masih dalam pembinaan dan akan siap pada September 2011. Dengan pengoperasian kedua-dua sekolah ini adalah diharapkan ianya dapat mengurangkan bebanan ibu bapa bagi penduduk yang ada di sekitar kawasan tersebut termasuklah di Taman Scientex. Namun begitu, Jabatan Pelajaran juga, hasil daripada permintaan daripada Yang Berhormat telah menyenaraikan juga pembinaan sebuah sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di Taman Scientex dan Taman Dahlia dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Namun begitu, kelulusan pembinaan sekolah-sekolah tersebut masih belum diperolehi dan masih dalam pertimbangan pihak Kementerian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pekan Nenas, mengenai dengan Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Piai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pekan Nenas,

projek cadangan bagi pembinaan Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Piai telah pun disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk penggal kedua iaitu projeknya akan bermula di antara tahun 2013 hingga 2015. Pada masa ini, proses pelaksanaan adalah bagi urusan di peringkat Pengambilan Balik Tanah.

Dan, mengenai dengan permohonan tapak baru SJKC Yu Ming 2, setakat ini pihak jabatan belum lagi mempunyai sebarang maklumat tentang kelulusan pembinaan bangunan baru ataupun tapak baru seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pekan Nenas. Dan, mengikut rekod projek tersebut juga tiada dalam senarai yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan oleh sebab itu, belum ada sebarang cadanganlah daripada pihak jabatan untuk proses Pengambilan Balik Tapak baru untuk SJKC Yu Ming 2.

Dan, mengenai dengan permohonan Ahli Yang Berhormat untuk menurap tar kawasan lapang di belakang Sekolah Kebangsaan Kampung Sawah. Adalah dimaklumkan, setelah disemak bahawa kawasan yang dimaksudkan itu bukanlah tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ataupun tanah sekolah. Oleh itu, adalah di luar bidang kuasa jabatan untuk memohon peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja menurap tar di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, kita mencadangkan Ahli Yang Berhormat bolehlah memohon peruntukan dari sumber lain atau peruntukan Ahli Yang Berhormat sendiri bagi tujuan tersebut setelah mendapat persetujuan daripada pemilik tanah yang terbabit dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kulai 2, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Senai. Sekolah ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, mula dibina oleh pihak kontraktor bulan Oktober 2008. Sekolah ini dibina di tapak baru bagi memindahkan SJKC Kulai 2, yang berkongsi bangunan dengan SJKC Kulai 1. Pihak Kementerian telah pun melantik kontraktor pembinaan, yang pada asalnya dikehendaki untuk menyiapkan projek ini pada 13 Oktober 2010. Namun begitu, pihak kontraktor memohon lanjutan masa sehingga 13 Jun 2011, disebabkan masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor. Dan, pihak Kementerian telah pun mengambil tindakan. Bukan kita berdiam diri, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Pihak Kementerian telah pun mengambil tindakan mengikut prosedur yang ada di atas kelewatan yang berlaku. Walau bagaimanapun, pembinaan di tapak masih lagi berjalan dan kerja-kerja telah mencapai 76%. Dan, saya terkilanlah sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, di atas tuduhan Yang Berhormat dari Senai ini, yang saya boleh anggap tuduhan liar, yang nampaknya setiap kali berbahas tidak pernah membuat kajian dan mendapatkan fakta sebenar (Dewan bertepuk) tentang perkara yang dibangkitkan. Sekolah ini dibina disebabkan oleh keprihatinan kerajaan di atas permintaan masyarakat yang disuarakan melalui Wakil Rakyat Barisan Nasional dan MCA. 17 tahun dahulu sekolah ini tidak menghadapi sebarang masalah. Yang Berhormat kata 17 tahun bermasalah. Cuma akhir-akhir ini, pertambahan murid agak ketara dan memerlukan bangunan sekolah yang lebih kondusif dan kita pisahkan SKJC Kulai 1 dan SJKC Kulai 2. Dan, masalah kelewatan berlaku dalam tempoh pembinaan. Kelewatan berlaku dalam tempoh pembinaan dan bukannya tempoh 17 tahun, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Senai.

Dan, saya beranggapan bahawa cara Yang Berhormat, bukanlah sebenarnya berjuang untuk menyelesaikan masalah rakyat tetapi lebih pada popularitI dan publisiti murahan. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta maaflah, dalam Persidangan yang lepas, Yang Berhormat Senai, tuduh kerajaan tak pernah bantu selama 60 tahun sebuah sekolah Tamil di Kulai dan kali ini pula, Yang Berhormat pula tuduh kerajaan tidak menyelesaikan masalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kulai selama 17 tahun pula. Biasanya orang begini bolehlah kita sebutkan bak kata pepatah Melayu, menangguk di air keroh. (Dewan bertepuk). Kalau ada masalah sedikit dah tentulah dia akan mengambil kesempatan, telunjuk lurus, kelingking berkait. Kononnya nak bantu rakyat tetapi lebih kepada untuk kepentingan diri sendiri. Dalam matematik amat mudah Yang Berhormat Dato' Speaker, 2 – 1, jawapannya 1. Tak tahulah kalau Yang Berhormat dari Senai ini, 2 – 1, jawapannya 1½.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Peraturan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Menuduh ke atas diri seseorang Ahli di bawah Fasal 45 (13) beliau yang harus diketepikan.

Y.B. Dato' Speaker : Macam mana Yang Berhormat. Dia…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nanti.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini masalah rakyat, kalau dia nak jawab, jawablah dengan pandai-pandai.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan menunjuk kepada Yang Berhormat Senai, dia cuma membangkitkan masalah…

Y.B. Dato' Speaker : Gini, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : … tempat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, duduk sekejap. Yang Berhormat sebab itulah saya kata, bila seorang Ahli Dewan nak berucap kena berhati-hati. Waktu Yang Berhormat berucap. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat menyakiti hati kerajaan. Bila pihak kerajaan, kerajaan pun tak tuduh. Dia siasat tapi Yang Berhormat waktu berucap dulu tak peduli, saya pun tak tegur, saya fikir betul, Yang Berhormat akur sampai orang pun tercengang, eh kesian kau kenapa tak buat. Sekarang giliran kerajaan jawab. Dia jawab pun, dia tidaklah menyentuh peribadi.

Cuma dia mempertikaikan kalau nak siasat biarlah betul, jangan jadi, tu peribahasa yang baik. (Dewan bertepuk). Yang dibuat bukan peribahasa mendatang, menunjuk, menuduh serta tak ada tu tak kena Yang Berhormat. Saya tengok pun dia jawab tak ada bendalah, kasar. Cuma bila dah salah tu, dia peribahasa ni semua orang gunakan, macam-macam peribahasa. Jadi, sebab itu kalau nak berucap, saya tak menyebelahi sesiapa, kalau dia betul, betullah. Kalau Yang Berhormat fikir dia tak betul, Yang Berhormat nanti lain kali jawablah apa yang dia cakap yang tak betul tu. Yang Berhormat sediakan, hah ni dulu dia jawab tak betul. Yang Berhormat sentuh, saya pun tak marah. Dia ni dia jawab apa yang disiasat oleh jabatan. Lagi satu perkara, ke satu perkara. Dia jawab dengan terang, itu ajelah peribahasa tak sakitkan hati, melainkan kalau perkataan yang agak, bodoh, tak pandai, itu berat. Ini tak ada benda, Yang Berhormat ye. Ok, teruskanlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mungkin Ahli yang baik juga, Yang Berhormat Dato' Speaker. Bila pembangkang bangun, saya duduk. Bila Speaker cakap pun saya duduk. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, Ketua Bahagian saya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya buat contoh tadi matematik tu, kerana isunya 17 tahun dibangkitkan. Sedangkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kulai itu baru tubuh tahun 1998. Jadi, 2010 tolak tahun 1998, 12 tahun. Mana datang 17 tahun tu. (Dewan bertepuk). Jadi, fakta ni, *misleading*, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, betulah tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Jadi, dia boleh mengelirukan rakyat. Bila masuk surat khabar 17 tahun. Jadi, rakyat tengok apa kerajaan buat 17 tahun sedangkan sekolah itu dibina 12 tahun. Jadi, perkara-perkara sebeginilah Yang Berhormat Dato' Speaker, sepatutnya Ahli-Ahli Yang Berhormat kena *study* dulu, tengok dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, betul.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : 17 tahun ini adalah dirujuk oleh Lembaga Pengarah sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Itu tak kisah, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya berasaskan kepada satu surat khabar Cina.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Bukan tuduhan semata-mata.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat dengar cakap pengelola, yang menyiasat ni pihak kerajaan. Kedua, Yang Berhormat janganlah percaya surat khabar sangat. Takkanlah semua masuk surat khabar, sebut aje betul. Ada juga surat khabar kena saman. (Dewan bertepuk). Eh, Yang Berhormat tak boleh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Peraturan.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini parti pembangkang mimpi 5 tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Skudai, Yang Berhormat tak ada kena mengena, ini saya cerita yang hal Senai pasal dia bangkit. Yang Berhormat tak payah timbulkan apa-apa lagilah. Ok, sedap juga sesekali gaduh. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, fakta yang saya sebut tadi, fakta yang ada di pihak jabatan. Sekolah SJKC Cina Kulai 2, ditubuhkan pada tahun 1998, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kalau saya tengok keadaan macam gini eh, saya minta maaflah. Kalau apa yang berlaku ni, kalaulah orang sebegini yang perintah, mungkin kita bimbang apa yang kita bina selama ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi makin teruklah, ibarat tikus membaiki labu, Yang Berhormat Dato' Speaker.(Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, menurut peraturan 45 (17)...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Peraturan mesyuarat Dato' Speaker, tak boleh benarkan dia bercakap Dato' Speaker.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...tuduhan Yang Berhormat Pengerusi tak elok.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tuduh apa?

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dia tak ada apa-apa.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kalau EXCO standard macam ni ....

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nanti...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Tak, apa tuduhan dia?

Y.B. Dato' Speaker : Tuduh apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebab 18 tahun dah berbeza...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ha, nak tahu ni!

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ... ketika itu sekolah Cina tidak diguna...

Y.B. Dato' Speaker : Ni apa cerita ni Skudai ni. Yang Berhormat, kita tak tahu...

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, biar dia orang keluar kalau dia tak suka dengar. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Skudai. Yang Berhormat, Yang Berhormat ni bangun macam nak cakap ajalah. Jadi, besok kalau surat khabar keluar muka Yang Berhormat depan, tapi Yang Berhormat punya perbahasan tu tak betul.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan Dato' Speaker ini menunjukkan...

Y.B. Dato' Speaker : Tidak, dia tak ada tuduh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Apa bezanya 17 tahun, 12 tahun...

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dia tak faham Yang Berhormat ni.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...budak sekolah nak pergi sekolah...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, usul dia tak faham apa beza 12 ni..

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, EXCO ini dia bagi fakta.

Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, biar bagi dia orang kursus.

Y.B. Dato' Speaker : Hm, dah habis?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : EXCO dia tak...

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia tak faham, dia tak faham, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat Skudai...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...matematik pun tak pandai.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Permas, Yang Berhormat, saya ingat dia cakap tak ada benda, tak de benda, peribahasa ni biasa. Peribahasa ini mengingatkan satu perkara yang di timbul yang agak salah, di hujah dengan peribahasa yang indah. Kalau dia nak cakap bukan peribahasa itu kasar. Ya, ini peribahasa Melayu biasa Yang Berhormat. Tak, bukan kasar. Eh, tak nak. Tak payah berucap dengan sayalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita bukan Afrika. Kita bukan negara Afrika.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ....kita Malaysia..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu tak...

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Kalau Skudai nak belajar peribahasa, nanti saya bagi buku peribahasa.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Skudai, saya Yang Berhormat Skudai ni, nak cari, tak tahu saya tak tahu macam mana Skudai nilah. Kadang tak ada kena mengena tu cuma Yang Berhormat suka bisinglah. Itu je tajuk.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya, saya terangkan kalau dia tak faham Yang Berhormat Dato Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau tidak, Permas Jaya pun duduklah. Duduk, duduk.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dia kena belajar tu Bahasa Melayu.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Haus pula. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Sebelum saya menyebut, malam tadi saya juga tengok peraturan mesyuarat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pergi kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Raja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dah habis Senai eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Dahlah, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha oklah, kalau tidak, sedap juga, ha ah. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Raja, bermula tahun 2010, Yayasan Pelajaran Johor telah menaja pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang kritikal, berpotensi dan berdaya saing di institusi pengajian tinggi yang berwibawa serta memberi jaminan pekerjaan kepada pelajar-pelajar apabila tamat kelak seperti di Pusat Latihan MAS dan juga Universiti Multimedia dalam bidang kejuruteraan, teknikal dan perakaunan. YPJ juga telah bersetuju pada dasarnya untuk membuat kerjasama dengan Kolej Paramount anak syarikat KFC Sdn. Bhd. untuk Program Kulinari dan Perhotelan dan *Integrated Training and Services Group* untuk Program *Commercial Pilot License* dengan izin.

Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Pasir Raja untuk YPJ memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang-bidang kritikal dengan institusi pengajian tinggi yang lain termasuklah dengan UniKL di masa akan datang sekiranya bersesuaian dengan kehendak semasa. YPJ mengambil pendekatan ini agar pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus utama di IPTS dengan kos yang agak tinggi akan mendapat pekerjaan dan tidak menanggung hutang pinjaman pelajaran yang tinggi di samping kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa hadapan.

Yang Berhormat dari Pasir Raja juga menyentuh usaha memajukan sektor *Green Technology* terutama bidang *Green Energy Building Management*, dengan izin. Tenaga Hijau didefinisikan sebagai tenaga yang tidak melibatkan atau memberi kesan negatif terhadap persekitaran dan ianya berpunca daripada *renewable resources* seperti cahaya matahari, angin, air, bahan kitar semula, biomass, tenaga bumi dan sepertinya. Ianya akan mengurangkan kesan pemanasan global, menghalang pada kesan hujan asid dan kemusnahan alam semula jadi. Ianya juga membantu membentuk persekitaran semula jadi yang lebih baik serta menjadi sumber tenaga yang lebih murah dan kos efektif.

KPYPJ dalam menawarkan kursus-kursus diploma juga mengambil kira perkara-perkara ini di mana ianya dimasukkan di dalam silibus dan kurikulum bidang-bidang pengajian seperti Diploma Kejuruteraan Elektronik dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia. Pihak KPYPJ juga tidak terkecuali membangkitkan kepentingan menjalankan kursus yang relevan dengan isu yang dibangkitkan terutama semasa lawatan dan perbincangan untuk menjalinkan kerjasama pendidikan dan latihan dengan mana-mana pihak.

Saranan oleh Yang Berhormat dari Pasir Raja akan kami majukan ke dalam cadangan penambahbaikan silibus dan kurikulum serta di bawa berbincang dengan Panel Penasihat Industri yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Permai dan Puteri Wangsa mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan khususnya di Negeri Johor ini dalam soal pembangunan usahawan bumiputera dan Program Satu Kampung Satu Industri. Sebenarnya bukan Satu Kampung Satu Industri, Satu Daerah Satu Industri program yang ada di Negeri Johor ini. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor yang dianggotai oleh 36

jabatan kerajaan bagi menyelaras dan memantau program dan aktiviti keusahawanan Negeri Johor sejak tahun 2006.

MPUNJ yang diurusetiakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. menerima dan menyelaras aktiviti keusahawanan yang meliputi 3 komponen utama iaitu:-

1. Program Pembangunan Modal Insan
   Di bawah program ini kita mengadakan Bengkel Reka bentuk Pembungkusan, Pembangunan Jenama dan Undang-Undang serta Peraturan Pelabelan. Bengkel ini telah bermula pada tahun 2008. Dan sehingga tahun 2010, sebanyak 16 bengkel telah diadakan di setiap daerah Negeri Johor. Sehingga ke hari ini bengkel ini telah mendidik atau melahirkan usahawan sebanyak 391 usahawan dari sektor makanan, minuman, sejuk beku, herba dan kosmetik. Dalam bengkel ini usahawan diberi pendedahan dalam aspek-aspek pembungkusan, pelabelan, penjenamaan serta peraturan yang dikenakan dan berpeluang untuk meningkatkan jualan produk mereka sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

   Selain itu, kita juga turut mengadakan Bengkel Persijilan Halal. Bengkel ini adalah dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Johor dan ianya telah diadakan di 3 zon iaitu Selatan, Timur dan Barat. Zon Johor Bahru yang melibatkan Kulai dan Pontian diadakan di Suria City Hotel dengan kehadiran peserta seramai 112 orang, Zon Muar (Batu Pahat, Segamat dan Ledang) diadakan di Muar Traders Hotel dengan kehadiran seramai 156 orang dan Zon Mersing yang meliputi Kluang dan Kota Tinggi diadakan di Hotel Seri Mersing dengan kehadiran seramai 120 orang. Di dalam bengkel ini peserta diberi pendedahan mengenai Persijilan Halal untuk di aplikasi dalam pengurusan syarikat.

   Dan, seterusnya adalah Kursus Jaminan Kualiti dan Keselamatan Makanan. Kursus ini diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan kefahaman dan pengetahuan dalam beberapa aspek kawalan kualiti dan keselamatan makanan dengan kerjasama pihak MARDI. Ia juga mampu menggunakan pengetahuan yang diperolehi bagi mewujudkan dan mempertingkatkan sistem jaminan kualiti dan keselamatan di premis masing-masing.

   Kursus ini memberi peluang kepada 60 usahawan yang dipilih melalui peserta Bengkel Mereka bentuk Pembungkusan, Pembangunan Jenama dan Undang-undang serta Peraturan Pelabelan untuk mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari dan mempertingkatkan serta memasarkan hasil ke peringkat yang lebih tinggi.

2. Program Peningkatan Kualiti Produk.
   Di bawah program ini tumpuan diberikan kepada Program Peningkatan Keupayaan PKS Bumiputera Negeri Johor ataupun dengan ringkasnya BEEP dan program ini merupakan program kerjasama antara SME Corp. Malaysia dan Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. bagi membantu usahawan bumiputera Johor untuk mendapatkan geran-geran SME Corp. Bagi tahun 2009 hingga

2010, sebanyak 42 permohonan daripada 38 Syarikat telah berjaya diluluskan dengan kelulusan sebanyak RM4.501 juta. Hasil daripada itu, terdapat usahawan yang telah berjaya menaik taraf kilang mereka kepada taraf *Good Manufacturing Practice*, dengan izin ataupun GMP.

3. Program Pembangunan Produk dan Pemasaran.
   Melalui program pembangunan produk, tumpuan akan diberikan kepada elemen pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan. Pengusaha-pengusaha yang menghasilkan produk makanan, minuman serta herba atau bioteknologi akan dijemput untuk menyertai bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor. Manakala pihak SIRIM Berhad dan MARDI yang dilantik sebagai konsultan oleh MPUNJ akan terus membimbing usahawan-usahawan ini untuk menghasilkan produk yang berkualiti setanding dengan produk antarabangsa.

Pengusaha-pengusaha PKS di mana produk-produk yang telah diperbaiki kualitinya termasuk pembungkusannya akan berpeluang untuk menyertai program-program promosi dalam dan luar negeri seperti mana :-

1. Malaysian International Halal Showcase ataupun MIHAS dan setiap tahun Kerajaan Negeri Johor akan menghantar usahawan-usahawan bumiputera yang terdiri daripada sektor makanan, minuman, sejuk beku serta herba dan kosmetik. Dan tujuannya adalah untuk mempromosikan produk halal Johor ke peringkat global dan menjalin ruang perniagaan dengan negara luar.

2. Festival Produk Johor di Sabah. Kerajaan Negeri Johor telah mengadakan promosi di Sabah sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 2009 dan 2010. Pada tahun 2010 ini, Kerajaan Negeri telah mengikuti program Sabah Best Ekspo atas jemputan Kerajaan Negeri Sabah pada 28 dan 31 Mei yang lalu dan tujuan penyertaan usahawan Negeri Johor adalah untuk menembusi pasaran dan menjalinkan hubungan perdagangan bersama usahawan dan pembekal dari Sabah.

3. Kerajaan Negeri Johor juga membawa usahawan menyertai Festival Produk Johor di Terengganu yang diadakan pada 25 sehingga 5 Disember dan pada ketika ini masih lagi berlangsung.

4. Festival Kraf dan SDSI Negeri Johor yang telah diadakan pada 2 hingga 4 Julai 2010 di ruang legar Plaza Angsana dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Negeri Johor ataupun ICU Johor dan Perbadanan Kraf tangan Malaysia Cawangan Johor. Sebanyak 60 usahawan telah pun menyertai program tersebut.

5. Ekspo-ekspo di luar negara yang dianjurkan oleh Matrade dan usahawan-usahawan yang terlibat berpeluang mendapat bantuan geran promosi daripada agensi tersebut.

   Dalam usaha kita untuk membolehkan produk-produk usahawan ini dieksport, pelbagai bimbingan dan tunjuk ajar telah diberikan kepada pengusaha-

pengusaha PKS bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka dalam memenuhi permintaan dari pembeli-pembeli. Pengeluar produk dengan kualiti tinggi yang konsisten akan membolehkan mereka memasarkan produk mereka hingga peringkat antarabangsa termasuklah di Tesco, United Kingdom. Pengusaha-pengusaha PKS juga perlu melabur untuk mencari premis atau kilang yang bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak Pihak Berkuasa Tempatan, SME Corp. dan lain-lain agensi bagi membolehkan mereka mengeluarkan produk dengan lebih konsisten.

6. Kita telah pun menganjurkan, kita telah pun menyertai Festival Satu Daerah Satu Industri. Pejabat Pembangunan Negeri Johor atau ICU Jabatan Perdana Menteri telah diberi peranan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan SDSI. SDSI berkonsepkan pembangunan satu atau dua produk atau perkhidmatan yang beridentitikan daerah dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat setempat. Pejabat Daerah diberi tanggungjawab untuk mengenal pasti satu produk itu di daerah mereka dan berpeluang untuk diketengahkan. SDSI tahunan akan diadakan pada 10 hingga 12 Disember ini dan Negeri Johor terdiri daripada 10 daerah dan setiap daerah mengeluarkan produk SDSI yang berlainan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri mengakui bahawa program SDSI Negeri Johor ini masih dalam proses untuk dimantapkan terutamanya dari segi pembangunan produk secara khusus di setiap daerah kecuali beberapa daerah yang memang telah pun dikenal pasti mempunyai produk yang mencerminkan atau menggambarkan identiti daerah tersebut. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, di Batu Pahat yang terkenal dengan pengeluaran produk makanan ringan yang berasaskan pertanian seperti kerepek ubi, kerepek pisang, pisang salai dan banyak lagi. Boleh dikatakan hampir setiap kampung atau kawasan dalam daerah Batu Pahat mempunyai pengusaha-pengusaha yang terlibat dengan industri tersebut. Pekan Air Hitam memang telah pun lama popular, sama ada di kalangan pelancong tempatan mahupun dari negara jiran sebagai pusat jualan produk tersebut.

Hari ini kita juga telah berjaya mewujudkan satu lagi pusat pengumpulan dan penjualan produk-produk usahawan di Simpang Renggam yang telah pun mula popular di kalangan masyarakat tempatan dan negara jiran kita Singapura. Kerajaan Negeri juga memberi fokus membantu pengusaha-pengusaha makanan ini melalui program peningkatan kualiti produk, pemasaran, pembungkusan dan pelabelan dan pembangunan jenama seperti mana yang saya sebutkan tadi. Namun begitu, industri ini juga berkembang di daerah-daerah lain di mana secara keseluruhan hasil kaji selidik yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor terdapat lebih 1,700 usahawan yang masih lagi di kategori sebagai usahawan mikro dan sederhana terlibat secara langsung.

Pihak UPEN juga telah mengenal pasti 50 usahawan yang mempunyai nilai jualan di mana nilai jualannya, nilai jualan bagi 50 usahawan ini melebihi RM112 juta setahun. Dan pihak UPEN juga telah membuat kaji selidik dan mengenal pasti kelompok 150 usahawan termasuk 50 usahawan yang saya sebutkan tadi di mana nilai jualannya telah pun mencecah angka RM150 juta. Kerajaan Negeri yakin jika kajian seterusnya dibuat terhadap 1,700 usahawan ini, nilai jualan bagi usahawan yang terlibat dengan

pengeluaran produk makanan dan minuman bagi Negeri Johor ini boleh mencecah angka lebih daripada RM250 juta. Ini merupakan satu pencapaian yang baik hasil daripada usaha yang bersungguh-sungguh oleh pengusaha PKS ini dengan dibantu oleh Kerajaan Negeri. Pihak Majlis Pembangunan Usahawan Negeri akan bekerjasama dengan Pejabat Pembangunan Negeri Johor untuk terus memberi tumpuan supaya akhirnya kita dapat juga mewujudkan identiti produk yang lebih jelas di daerah-daerah lain supaya daerah-daerah tersebut juga akan mempunyai produk yang boleh kita sebutkan sebagai sinonim dengan daerah masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin ada jugalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab sepenuhnya, jadi kalau ada perkara-perkara yang dibangkitkan tetapi tidak sempat dijawab pada penggulungan ini, saya mohon pada Yang Berhormat untuk terus berhubung dengan saya. Dengan kata-kata demikian, saya akhiri dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Pengerusi : Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu, saya ingin rakamkan setinggi-setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana telah memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Persidangan Dewan Negeri Johor sempena Ucapan Bajet 2010 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini.

Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara, buah fikiran dan permasalahan dalam perbahasan sepanjang 3 minggu yang lepas di Persidangan ini yang berkaitan portfolio 2 dalam 1, iaitu Portfolio Pertanian dan Portfolio Kemajuan Luar Bandar. Seiring perkembangan terkini dengan pelancaran Program Transformasi Kerajaan dengan bersama Program Transformasi Ekonomi oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan menekankan 12 bidang utama ekonomi dan salah satunya ialah sektor pertanian. Jelas ini menggambarkan komitmen Kerajaan Barisan Nasional dalam memastikan masa depan kehidupan seluruh rakyat hidup sejahtera di samping mendapat serta mentransformasikan taraf rakyat setara kepada rakyat di negara-negara maju. Inilah niat, komitmen dan perjuangan Kerajaan Barisan Nasional yang bersungguh-sungguh dan ikhlas, semata-mata demi kesejahteraan rakyat, selaras dengan slogan, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya memulakan ucapan penggulungan perbahasan bagi memberi penjelasan berhubung Portfolio Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang mana Yang Berhormat DUN Bukit Permai, Yang Berhormat DUN Penawar, Yang Berhormat DUN Kahang telah membangkitkan isu berkaitan parit, longkang dan jalan di kawasan FELDA. Pihak FELDA menyedari keperluan untuk membina, membaiki dan membaik pulih semua parit, longkang dan jalan kampung kerana kebanyakannya dibina semasa Rancangan mula dibuka. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh FELDA setelah mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam Rancangan

Malaysia Ke-9. FELDA Negeri Johor telah mendapat peruntukan sebanyak RM7.26 juta. Peruntukan ini hanya dapat menampung sebahagian keperluannya dan semua kerja-kerja telah disiapkan pada tahun 2008. FELDA telah mengenal pasti jalan, parit dan longkang yang perlu dibaiki atau dibina baru. Permohonan untuk mendapatkan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 telah dimajukan kepada Kerajaan Pusat melalui Ibu Pejabat FELDA yang keseluruhan berjumlah RM107 juta. Di samping itu, FELDA akan berusaha mendapatkan sumber dari sumber dalaman berdasarkan kepada kemampuan kewangan dan mengikut keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh isu lampu jalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Bukit Permai dan juga Yang Berhormat DUN Penawar. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, projek pemasangan lampu jalan di semua Rancangan FELDA Negeri Johor telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan juga 2009. Jumlah tiang lampu dan lokasi dipersetujui bersama oleh pihak FELDA dan juga masyarakat dan juga dipersetujui kos pemasangan dan caj sambungan dibiayai oleh FELDA manakala masyarakat bertanggungjawab membiayai bil letrik serta penjagaannya dan pembaikan kerosakan. Untuk DUN Penawar dan Bukit Permai, sebanyak 234 lampu jalan telah dipasang dengan kos RM339,000.00 dan dibiayai oleh pihak FELDA.

Isu pengambilan tanah oleh TNB di FELDA Air Tawar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Skudai. Seramai 21 peneroka FELDA Air Tawar 2 terlibat dengan pampasan tanah untuk laluan kabel TNB. Keluasan yang terlibat antara 0.5 ekar dan 2.64 ekar seorang. Pihak TNB bersetuju untuk memberi pampasan tanah RM68,000.00 setiap hektar, kehilangan pokok RM122.00 sepokok dan kehadiran RM50.00 setiap orang. Kadar ini tidak dipersetujui oleh peneroka dan mereka memohon supaya kerajaan atau TNB mengambil alih terus tanah dan membayar pampasan tanah sepenuhnya dengan pampasan RM150,000.00 seekar, kehilangan pokok RM250.00 sepokok. Sehingga kini, pihak FELDA, TNB dan Pejabat Tanah telah berusaha bagi menyelesaikan isu ini tetapi belum dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Yang Berhormat DUN Penawar dan juga Yang Berhormat DUN Kahang membangkitkan isu tanah generasi kedua FELDA. Semua tanah yang diluluskan oleh, untuk peneroka mengikut perjanjian dengan Pihak Berkuasa Negeri telah pun dikurniakan kepada peneroka. Penempatan peneroka terakhir telah dibuat pada 2006. Oleh itu, tiada lagi kekosongan tanah untuk penempatan peneroka. FELDA memang mengambil perhatian berat terhadap isu yang melibatkan generasi kedua. Banyak program dan peruntukan yang disediakan untuk mereka meliputi bidang pendidikan, latihan, kemahiran, sukan, usahawan dan kerohanian. Keseluruhan peruntukan yang disediakan untuk FELDA di Negeri Johor pada tahun 2010 berjumlah RM75 juta.

Menyedari keperluan perumahan generasi kedua, FELDA telah mengadakan projek perumahan warga FELDA di FELDA Pasak. Kawasan perumahan ini seluas 30.9 hektar, hampir-hampir siap dibina sebanyak 760 unit rumah dan dijangka boleh diduduki pada suku pertama tahun 2011. Satu lagi projek yang sama dirancang di FELDA Sungai Sibol. Pelan susun atur sedang disediakan dan projek dijangka dapat dimulakan pada tahun 2011. Pada masa ini, FELDA belum mempunyai perancangan untuk terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah-rumah di tapak yang dikurniakan kepada generasi

kedua di Negeri Johor. FELDA mengalu-alukan penglibatan Syarikat Perumahan Negara dalam projek ini.

Kerajaan Negeri Johor adalah Kerajaan Negeri yang pertama meluluskan tapak rumah kepada generasi kedua FELDA. Sehingga kini, seluas 148.3 hektar dan seramai 2,122 orang telah berjaya. Pecahannya, untuk daerah Kota Tinggi 4 Rancangan, seluas 34.7 hektar dan bilangan yang telah berjaya 562, Johor Bahru 1 Rancangan, keluasan 5.3 hektar dan 78 orang yang telah berjaya, Mersing 1 Rancangan dengan keluasan 3.5 hektar dan 33 orang bilangan yang berjaya, Segamat 5 Rancangan dengan keluasan 46.4 hektar dan melibatkan 744 orang, Muar 3 Rancangan dengan keluasan 24.1 hektar dan melibatkan 251 orang, Kluang 1 Rancangan, 15.6 hektar dan 205 orang terlibat, dan akhirnya Kulaijaya 1 Rancangan melibatkan 18.3 hektar dengan 249 orang yang keseluruhannya 2,122 orang. Permohonan dari 10 Rancangan telah pun dikurniakan hak milik, manakala lainnya, yang sedang dalam proses mengukur sempadan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat DUN Kahang dan Yang Berhormat DUN Penawar juga membangkitkan pelbagai isu dan permasalahan seperti golongan pelajar dan belia serta hala tuju FELDA untuk generasi kedua dan peluang pekerjaan dalam FELDA. FELDA tidak mengabaikan generasi kedua peneroka. Pembangunan Modal Insan golongan ini diberi perhatian khusus dalam perancangan pembangunan FELDA. Salah satu dari 5 teras FELDA ialah membangunkan potensi generasi baru agar mereka dapat meneruskan pembangunan negara pada masa hadapan. Banyak program untuk meningkatkan pencapaian kecemerlangan pendidikan dilaksanakan. Skim Tuisyen FELDA (STF) telah diperkenalkan sejak beberapa tahun yang lalu dengan kerjasama Jabatan Pendidikan. Sebelum ini STF diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah yang akan mengambil peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Perbelanjaan Skim Tuisyen FELDA ini dibiayai sepenuhnya oleh FELDA. Disebabkan peratus kehadiran yang kurang memuaskan di kalangan pelajar di kelas pemulihan, pada tahun ini, STF, skim ini hanya diberikan kepada pelajar cemerlang dan berpotensi cemerlang sahaja. Adalah diharapkan melalui Skim Tuisyen FELDA ini, peratus pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam semua peperiksaan akan meningkat.

Pelajar cemerlang dalam peperiksaan SPM akan dihantar belajar ke luar negara dan kursus-kursus kemahiran tinggi seperti juruterbang dan kejuruteraan terbang. Bagi pelajar sederhana pencapaian akademiknya akan, mereka diberi peluang belajar dalam bidang kemahiran. Semua perbelanjaan ini dibiayai oleh FELDA secara percuma ataupun pinjaman tanpa faedah. Sebahagian daripada mereka digalakkan terus tinggal di Rancangan untuk mengendalikan pengurusan kebun peneroka. FELDA memberikan perhatian khas untuk meningkatkan kecemerlangan generasi kedua FELDA. Seperti tahun-tahun sebelum ini, FELDA bersama Jabatan Pendidikan Negeri menyediakan peruntukan melaksanakan skim tuisyen ini untuk semua pelajar, UPSR, PMR dan SPM. Untuk pelajar yang berminat dalam bidang kemahiran, mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke institusi kemahiran milik FELDA. Mengenai skim tuisyen tadi, FELDA telah menyediakan peruntukan sebanyak RM808,300.00 untuk elaun guru tuisyen dan juga perbelanjaan aktiviti. Seterusnya untuk pelajar yang berminat ke bidang kemahiran, di sini saya nyatakan kedudukan pelajar dan di institusi-institusi berikut, di peringkat diploma di Universiti Lim Kok Wing sebanyak 76 pelajar daripada

FELDA, di Kolej Kemahiran Tinggi MARA seramai 65 orang, di Nilai University International College seramai 45 orang, dan di Akademi Laut Malaysia seramai 13 orang yang keseluruhan jumlahnya 199 orang. Di kursus berprofil tinggi iaitu di Akademi MAS seramai 23 orang dan seterusnya di dalam kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di 13 institusi seramai 4,465 orang. Di antara bidang-bidang kursus meliputi *Cadet Pilot*, *License Air Craft Maintenance Engineer* dengan izin, IT, Reka bentuk, Masakan, Automobil dan Pertanian. Bagi mereka yang berminat menjadi usahawan, FELDA menyediakan ruang niaga dan kemudahan pinjaman mudah yang dipanggil Skim Insentif Usahawan FELDA. Daripada 28,971 peneroka di Negeri Johor, seramai 9,113 adalah pengusaha yang mengusahakan pelbagai kegiatan keusahawanan. Daripada jumlah itu, seramai 1,143 pengusaha telah menikmati pinjaman dari Skim Insentif Usahawan FELDA dengan jumlah pinjaman semasa RM21.5 juta.

Di kebanyakan Rancangan semua kemudahan asas untuk sukan dan rekreasi telah disediakan seperti dewan dan padang. Kemudahan tambahan yang lain akan disediakan mengikut giliran bergantung kepada kedudukan kewangan FELDA. Pada tahun ini sahaja, 4 unit gelanggang futsal sedang di bina di FELDA Sg. Sibol, Tenggaroh, Tenggaroh Timur, Moakil 2 dan Ayer Hitam. Kos pembinaan setiap satu adalah RM110,000.00 dan jumlah keseluruhan RM440,000.00. Mengenai peluang pekerjaan dalam FELDA, ia adalah terbuka kepada semua pihak yang berkelayakan. Anak-anak peneroka yang berkelayakan memang digalakkan bertugas di FELDA. Walau bagaimanapun, tiada keistimewaan kepada mereka untuk bekerja di FELDA. Pada masa sekarang hampir 50% petugas FELDA dan anak syarikat terdiri daripada anak-anak warga peneroka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Kahang dan juga Yang Berhormat ADUN Tangkak, kerajaan memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli terutama sekali dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi memperkasakan masyarakat Orang Asli. Ke arah itu, tumpuan kerajaan dalam membangunkan masyarakat ini akan berterusan, dari masa ke semasa. Dalam meningkatkan pendapatan di kalangan masyarakat Orang Asli, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada mereka, pada tahun ini sebanyak RM105,000.00 di bawah program 3P, iaitu Program Peningkatan Pendapatan di peruntukkan kepada 10 nelayan persisiran pantai Orang Asli dan mendapat bantuan alatan menangkap ikan seperti bot *fiber glass* dan jaring. Bagi masyarakat Orang Asli yang bergiat dalam bidang pertanian seramai 100 petani telah diberi bantuan *input* pertanian sehingga RM3,000.00 setiap petani di bawah program meningkatkan kualiti dan peruntukan sebanyak RM261,000.00 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

Di samping itu, bagi meringankan beban ibu bapa yang anak-anak mereka bersekolah, kerajaan memberi bantuan berupa wang pendidikan seperti wang pelbagai, kumpulan wang amanah pelajar, tambang pengangkutan serta wang saku yang melibatkan 3,000 pelajar sekolah rendah dan menengah dengan peruntukan sebanyak RM2.2 juta. Berhubung dengan infrastruktur dan kemudahan awam yang terdapat di perkampungan Orang Asli, memang menjadi hasrat kerajaan untuk menaikkan taraf kemudahan tersebut dari masa ke semasa berdasar kepada peruntukan yang ada. Jumlah peruntukan pembangunan pada tahun 2009 yang telah disalurkan kepada perkampungan Orang Asli adalah sebanyak RM4.135 juta

keseluruhan dan 2.6 juta di bawah Projek Infrastruktur Dan Kemudahan Awam. Pada tahun 2010 pula, jumlah peruntukan pembangunan telah disalurkan kepada perkampungan Orang Asli adalah sebanyak RM3.055 juta dan 2.44 juta di bawa projek infrastruktur dan kemudahan awam. Di antara projek yang telah dilaksanakan adalah membekalkan air bersih terawat melalui sistem *tube well*, bina dan baik pulih longkang, membaik pulih jalan kampung dan bangunan kerajaan yang sedia ada.

Daripada 63 perkampungan Orang Asli di Negeri Johor hanya 5 buah kampung sahaja yang belum mendapat kemudahan bekalan elektrik TNB. Ini adalah disebabkan kedudukan kampung-kampung tersebut yang agak jauh dari talian grid sedia ada dan kampung tersebut mempunyai bilangan rumah yang sedikit. Bagi kemudahan bekalan air bersih, terdapat 8 buah perkampungan Orang Asli yang masih menggunakan bekalan air yang tidak dirawat. Ini adalah disebabkan kedudukan kampung tersebut yang jauh dari paip utama SAJ serta bilangan rumah serta jumlah penduduk yang kecil. Dalam RMK-10 kampung ini akan dibekalkan dengan bekalan air menggunakan sistem *tube well* yang dirawat. Dalam melahirkan Orang Asli di dalam pelbagai bidang termasuk bidang pelancongan, banyak program telah diatur oleh kerajaan sama ada dari segi peruntukan atau kursus-kursus keusahawanan yang telah dianjurkan. Bagi 2009, sebanyak RM26,000.00 telah dibelanjakan bagi bantuan peralatan kedai runcit, peralatan menjual air tebu, peralatan kedai makan kepada 5 orang usahawan Orang Asli. Dan pada tahun 2010, sebanyak RM73,000.00, RM73,488.00 telah dibelanjakan bagi bantuan peralatan pukat tunda, peralatan restoran makanan laut, bantuan kedai runcit dan kedai makan yang memberi manfaat kepada 7 orang usahawan Orang Asli. Di samping itu, bidang pelancongan pula diberi kursus seperti pemandu pelancong ataupun *tourist guide* dengan izin, diberi kepada belia dan beliawanis Orang Asli yang berminat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan memang sentiasa berusaha meningkat taraf kemudahan asas Orang Asli, baik yang berada di kawasan pinggir mahupun pendalaman. Dalam hal ini kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang diberi keutamaan ialah seperti kemudahan elektrik TNB, kemudahan jalan perhubungan dan juga kemudahan bekalan air SAJ ataupun bekalan air bersih yang terawat. Alhamdulillah, pada tahun 2010 perkampungan ini telah mendapat kemudahan bekalan yang tersebut dan juga kemudahan jalan melalui Projek Jalan Kampung. Untuk makluman Yang Berhormat, pada dasarnya, mengenai pemberian milik tanah kepada Orang Asli, kerajaan tiada halangan dalam memberi milik tanah kepada masyarakat Orang Asli. Melalui Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang bermesyuarat pada 14 Disember 2009, kerajaan telah meluluskan dasar pemberi milikan tanah kepada Orang Asli. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan melaksanakan proses pemberi milikan tanah kepada Orang Asli secara berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian dan keutamaan kepada khususnya tanah rizab Orang Asli yang diwartakan sebagai rizab Orang Asli di bawah Seksyen 7 dan 6 Akta 134, Akta Orang Asli 1554.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat DUN Bukit Permai telah menyentuh mengenai Projek Jalan Pintas dari Sengkang ke FELDA Inas Bandar Tenggara. Projek tersebut telah di siap sepenuhnya pada 30 Ogos 2010 dengan kos sebanyak RM21.149 juta, projek ini telah dilaksanakan oleh JKR Negeri Johor dengan menggunakan peruntukan Program Jalan Luar Bandar, di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Buat masa ini projek tersebut masih belum diserah kepada JKR Bahagian

Tenggara, Bahagian Selenggara Jalan bagi tujuan penyelenggaraan. Memandangkan kriteria bagi pemasangan lampu jalan kampung ianya hanya boleh dilaksanakan di dalam kawasan kampung meliputi kawasan penempatan FELDA yang telah diberi milik, hak milik kepada peneroka. Pemasangan lampu jalan di Jalan Sengkang ke FELDA Inas hanya boleh dipasang di persimpangan utama yang menghubungkan jalan tersebut dengan kawasan kampung sahaja dan ianya tidak dipasang sepanjang jalan yang dibina.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya giliran portfolio Pertanian dan Industri Asas Tani.

Y. B. Dato' Speaker : Oh, baru pertanian? Baru nak mula Pertanian eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Baru nak mula Dato'.

Y. B. Dato' Speaker : Oh, berapa lama dah, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Isu-isu yang disentuh oleh Yang Berhormat DUN Penawar mengenai perkhidmatan pengembangan pertanian. Jabatan Pertanian telah mewujudkan program-program khusus untuk keperluan sasar melalui beberapa program.

1. Pembangunan Industri Tanaman Makanan.
2. Pembangunan *Floriculture* dan industri berpotensi.
3. Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani.
4. Program Galakan Usahawan.
5. Program mempelbagai dan menambah pendapat petani, penternak dan nelayan.

Di bawah program-program tersebut bantuan diberikan kepada kumpulan sasar yang memohon di Pejabat-Pejabat Pertanian Daerah dan kawasan. Semua permohonan yang diterima akan disemak dan dinilai mengikut garis panduan yang ditetapkan. Secara amnya program-program tersebut, syarat-syarat am pemilihan peserta program adalah bergantung kepada peserta itu sendiri dan projek yang ingin diusahakan. Peserta yang ingin memohon mestilah berminat untuk menjadi usahawan dan mempunyai cita-cita tinggi untuk menjalankan projek di bidang pertanian dan dalam masa yang sama telah pun memulakan projek untuk menjamin keberkesanan sesuatu bantuan yang disalurkan. Namun demikian, kriteria pemilihan juga boleh dijalankan di atas budi bicara Jawatankuasa Projek Pembangunan Jabatan bagi kelayakan sesuatu permohonan. Walau bagaimanapun, ianya tidak akan menyimpang daripada garis panduan yang ditetapkan.

Bagi ibu-ibu tunggal muda yang berpotensi menjadi usahawan dan layak mengikut syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan, mereka tidak terkecuali dalam menerima bantuan daripada Jabatan Pertanian. Ibu-ibu tunggal muda ini akan terus dibimbing dan diberi khidmat nasihat, agar dapat menjamin pengeluaran dan seterusnya menjana pendapatan bagi menampung ekonomi keluarga. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, seramai 33 orang telah menerima bantuan daripada jabatan di bawah Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani dan juga Program Galakan

Usahawan melalui peruntukan Negeri dan juga peruntukan Persekutuan yang berupa peralatan industri asas tani serta menaik taraf bengkel-bengkel yang berjumlah semuanya RM266,880.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak jabatan berterima kasih atas penghargaan yang diberikan oleh ADUN Penawar kepada pegawai-pegawai Jabatan Pertanian. Ucapan penghargaan ini akan dijadikan sebagai pembakar semangat untuk terus pegawai-pegawai berusaha dengan lebih keras lagi. Penghargaan ini juga bermakna rakyat menghargai usaha pegawai jabatan dalam memberi khidmat nasihat dan khidmat teknikal. Untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pertanian telah melaksanakan tugas sebagai agen pengembangan melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP) dengan singkatnya. Salah satu elemen yang terdapat dalam sistem ini, menekankan pendekatan keperluan kumpulan sasar dan keadaan setempat secara terperinci. Di sini perbincangan dengan Wakil Rakyat, Penghulu, JKK dan petani sendiri adalah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara *detail,* dengan izin mengenai kumpulan sasar. Dengan adanya maklumat-maklumat seperti asas kawasan, profil petani, tanaman yang ada, masalah pertanian tempatan yang dihadapi dan status pembangunan semasa tempatan, pelaksanaan program pengembangan akan lebih berkesan. Oleh yang demikian, bantuan juga dapat disalurkan melalui program yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian.

Seterusnya, Yang Berhormat DUN Bukit Permai dan juga Yang Berhormat DUN Semerah telah menyentuh mengenai program membangunkan produk-produk pertanian serta mewar-warkan program Jabatan Pertanian. Di bawah Program Jabatan Pertanian, peserta diberi khidmat nasihat, tunjuk ajar dan memperkenalkan teknologi terkini. Mereka juga mempunyai, namun demikian pengusaha-pengusaha masih lagi bergerak memasarkan produk-produk mereka secara bersendirian. Mereka juga mempunyai pasaran tersendiri dan mengenai cadangan mewujudkan pusat pengumpulan penggredan dan produk-produk industri asas tani adalah idea yang baik di samping mewujudkan pusat sehenti bagi pelancong-pelancong untuk singgah bagi mendapatkan produk industri asas tani. Sungguhpun begitu pembinaan pusat pengumpulan dan pengedaran ini tertakluk kepada peruntukan jabatan kerana ianya memerlukan peruntukan yang besar. Jabatan Pertanian sentiasa memantau perlaksanaan program yang dijalankan. Khidmat nasihat teknikal sentiasa diberi agar keberkesanan program terlaksana dan mencapai matlamatnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu juga pihak FAMA telah memainkan peranan dalam pusat pengumpulan dan penggredan. Pusat produk makanan ringan di kawasan Kulai, di kawasan Kulaijaya telah diwujudkan. Pada peringkat permulaan, FAMA telah mewujudkan satu unit *K-shop* iaitu kedai usahawan IKS yang berfungsi sebagai pusat jualan produk IKS dan diurus oleh salah seorang pengusaha yang berminat menjalankan urus niaga. Pengeluaran produk IKS ini, selain daripada pusat pengumpulan dan jualan, ia juga tempat menguji produk tersebut sama ada menepati cita rasa pengguna ataupun sebaliknya. Jika terdapat kelemahan dari kualiti produk pengusaha boleh merujuk kepada pihak MARDI bagi mendapat bimbingan seterusnya. Pihak FAMA memberi khidmat nasihat dari segi pembungkusan, promosi dan bimbingan pemasaran. Ini bertujuan memastikan produk yang mencapai tahap kualiti yang baik dapat dipasarkan di pasar raya, karnival dan pasar tani yang telah disediakan dengan kadar bayaran yang minima. Di kawasan Kulaijaya terdapat

84 pengusaha dengan nilai jualan RM481,000.00 yang terlibat dan menerima perkhidmatan FAMA seperti pasar tani. Untuk secara *detail*, Taman Bintang Utama, Senai ada 12 pengusaha. Indahpura, Kulai, 32 pengusaha. Bandar Putra, Kulai, 25 pengusaha dan Kelapa Sawit, Kulai, 15 pengusaha.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, DUN Bukit Permai, di kawasan DUN Bukit Permai juga terdapat 3 usahawan asas ternak yang sedang dibimbing oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar di mana 2 orang terlibat di dalam pengeluaran produk Puyuh dan seorang lagi di dalam pengeluaran sate. Pelbagai bentuk bantuan telah diberi seperti bengkel, peralatan, mesin serta pembungkusan dan pelabelan. Paling penting sekali mereka dibimbing secara berterusan melalui latihan dan kursus yang dianjurkan oleh jabatan di dalam bidang-bidang seperti pembangunan hasil produk, pembungkusan, pelabelan serta pemasaran strategik. Seterusnya, di peringkat perikanan juga, Jabatan Perikanan telah memperuntukkan sebanyak RM490,000.00 di bawah Program Peningkatan Kemudahan Hatcheri Swasta. Di bawah program ini, jabatan akan menyediakan kemudahan tangki fiber, *blowe*r, benih ikan dan makanan ikan. Di DUN Bukit Permai, Jabatan Perikanan telah menyalurkan bantuan kepada usahawan di Kampung Sri Muar, Maju Jaya bernilai RM50,000.00. Adalah diharapkan bantuan yang diberikan dapat meningkatkan pengeluaran benih ikan. Menyentuh berkaitan pusat pengumpulan dan pengusaha dalam industri perikanan, Jabatan Perikanan Johor telah membangunkan pusat pengumpulan dan penggredan produk-produk berasaskan ikan di Kompleks Perikanan Tampoi. Pusat ini dibangunkan dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00 dan telah mula beroperasi. Melalui pusat pengumpulan ini, seramai 37 orang pengusaha Anak Angkat Jabatan Perikanan dan 50 pengusaha Industri Asas Tani akan mendapat manfaat.

Selain daripada pusat pengumpulan untuk produk makanan. Jabatan Perikanan tidak ketinggalan untuk membangunkan Pusat Pengumpulan dan Eksport Ikan Hiasan. Jabatan telah memohon seluas 20 ekar yang terletak berhampiran di Lapangan Terbang Senai dan peruntukan sebanyak RM5 juta telah disediakan pada tahun 2011. Pembangunan pusat ini akan memberi kemudahan kepada seramai 30 orang penternak ikan hiasan dan tumbuhan akuatik di mana sekarang ini kebanyakan mereka menggunakan Lapangan Terbang Changi, Singapura.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai industri burung Walet yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Pada masa ini, tiada satu undang-undang khas yang diwujudkan untuk mengawal pembangunan industri burung walet. Walau bagaimanapun, Kabinet setuju, telah bersetuju dan meluluskan garis panduan yang dinamakan Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walet dengan singkatannya 1GP maknanya satu garis panduan dengan mengguna pakai undang-undang sedia ada bagi semua jabatan dan agensi yang terlibat. Garis panduan ini telah disediakan oleh satu Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai agensi peneraju ataupun dengan izin, *leading agency*. Seterusnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Warisan Negara. Oleh itu, setiap jabatan dan agensi yang terlibat akan mengguna pakai Akta masing-masing yang sedia ada untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan. Contohnya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menggunakan Akta-Akta di antaranya :-

1. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Subseksyen 19(1) dan Subseksyen 22(A) bagi keperluan kebenaran merancang.
2. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Seksyen 107 dan 110 bagi tujuan Pelesenan dan Penguatkuasaan.
3. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133), Seksyen 70 bagi keperluan Permohonan Pelan Bangunan.
4. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1988 yang diguna pakai oleh PBT bagi perkara-perkara yang melibatkan pengubahsuaian bangunan sedia ada untuk tujuan perusahaan burung Walet.

Sementara itu Jabatan Veterinar akan menggunakan Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan sedia ada untuk mengawal kesihatan dan penyakit serta menentukan amalan baik penternakan dilaksanakan. Di antara Akta dan Peraturan yang diguna pakai adalah seperi berikut :-

1. Akta Binatang 1953 (semakan 2006)(Akta 647) untuk Kawalan Penyakit Haiwan
2. Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698) untuk mengawal Kualiti Makanan Ternakan.
3. MS2027 : Tahun 2006, Amalan Baik Penternakan Haiwan
4. MS2273 : Tahun 2009, dengan izin "*Good Animal Husbandry Practice Edible Bird Nest Swift Let Ranching and Its Premises*", dengan izin.

Seterusnya di bawah Kementerian Kesihatan pula antara Akta yang akan dikuatkuasakan adalah seperti berikut :-

1. Akta Makanan 1983 (Akta 281)
2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (PU)(A437)
3. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009

Dan inilah di mana Akta dan Peraturan ini akan digunakan untuk mengawal kualiti dan keselamatan produk sarang burung yang akan dihasilkan dan di mana ramai petani-petani dan penternak di Negeri Johor hari ni sedang berlumba-lumba untuk membangunkan industri sarang burung Walet.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman semua pihak, Kerajaan Negeri baru sahaja menerima garis panduan tersebut dan sebagai tindakan susulan satu perbincangan dengan semua *stakeholders* akan di adakan untuk meneliti kandungan garis panduan ini secara terperinci sebelum di bawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat DUN Semerah mengenai pasar tani dan juga pemasaran luar bandar. Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah pemasaran sebenarnya tidak berlaku. Semua hasil pertanian Yang Berhormat nyatakan boleh dipasarkan oleh FAMA. Yang menjadi masalah ialah harga jualan yang diminta oleh petani. Petani sering meminta harga yang tinggi sedangkan kualiti produk yang dihasilkan rendah. FAMA sentiasa memberikan harga yang setanding dengan yang ditawarkan oleh pihak swasta

malahan lebih baik jika kualiti produk menepati kehendak pasaran dan dikeluarkan pada masa yang diperlukan oleh pasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Program Ladang Kontrak anjuran kementerian Pertanian Industri Asas Tani, FAMA sentiasa mempelawa petani untuk mengikat kontrak belian di mana FAMA menentukan komoditi yang perlu ditanam oleh petani. Sebagai balasan FAMA akan membeli hasil yang dikeluarkan berdasarkan persetujuan terma kontrak dengan dasar jaminan harga iaitu jika harga jatuh, FAMA akan beli tidak kurang daripada harga kos kepada kualiti produk yang dijanjikan. Di samping itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, FAMA sentiasa membuka ruang kepada petani untuk menjual hasil keluaran pertanian mereka di mana-mana pasar tani di seluruh Negeri Johor.. FAMA sentiasa berhasrat untuk merealisasikan agar pasar tani boleh dibuka setiap hari di mana jua pun dan pengguna menjadikan pasar tani sebagai pasar pilihan.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam penubuhan pasar tani ini ia terdiri daripada 60% usahawan pasar tani lama dan 40% usahawan pasar tani baru. Ini dilakukan bagi memastikan pasar tani tersebut berupaya mengharungi rintangan perniagaan dan usahawan pasar tani yang baru dapat mempelajari teknik perniagaan daripada usahawan pasar tani yang lama. Usahawan pasar tani sebenarnya dalam seminggu berniaga di banyak lokasi atau dalam perkataan lain mereka bergerak dari satu lokasi pasar tani kepada satu lokasi pasar tani yang lain. Ini bagi memastikan mereka memperolehi pendapatan yang lebih baik dan dengan pengurusan yang lebih ekonomik. Melalui kajian yang dibuat oleh FAMA, pendapatan usahawan pasar tani yang berterusan berniaga setiap hari di satu lokasi didapati menurun jualannya sehingga 70%. Ini kerana sikap kebanyakan pengguna hanya dua kali sahaja ke pasar tani.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai isu penyebaran dan penyampaian program-program pertanian. Bagi penyebaran dan penyampaian teknologi dan program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian, jabatan bercadang akan mewujudkan karnival tani diadakan di peringkat JPMM. Karnival tani ini akan mengguna konsep seperti Hari Bertemu Pelanggan yang melibatkan semua jabatan dan agensi di bawah Jabatan Pertanian dan MOA Incorporation. Hari Bertemu Pelanggan dan Jabatan Pertanian yang selalunya diadakan setiap hari Khamis dan diadakan di peringkat daerah akan diberi nafas baru dengan mengguna pakai pendekatan menggabungkan semua jabatan, agensi terlibat dengan pertanian. Karnival ini akan dilibatkan penglibatan Pengerusi JPMM sebagai perantara di antara rakyat dan kerajaan.

Di antara program-program yang dianjurkan di Karnival Tani ini adalah dialog terbuka rakyat bersama Pegawai-Pegawai Kerajaan dan juga Wakil-Wakil Rakyat. Di sini interaksi dua hala berlaku dengan lebih berkesan di mana masalah timbul serta idea-idea dan pendapat yang memerlukan penjelasan lanjut boleh diutarakan agar keputusan penyelesaian dapat dibuat dengan terbaik. Di samping itu juga taklimat teknologi pertanian juga akan diadakan bagi menyampaikan teknologi baru bagi memperkenalkan inovasi kini yang terdapat di dunia pertanian seperti pengenalan kepada mikrob positif yang dapat memberi faedah kepada sektor pertanian. Pameran dan jualan, hasil pertanian seperti buah-buahan, sayuran, produk industri

asas tani oleh pengusaha di kawasan setempat juga akan diadakan bagi mempromosi produk pertanian. Karnival Tani ini akan dilaksanakan di setiap kawasan JPMM sekurang-kurangnya setahun sekali.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan idea serta teguran berkaitan dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio yang mana saya dipertanggungjawabkan. Mana-mana perkara yang tidak dijawab, bolehlah berurusan dengan menulis kepada saya. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi, jemput yang nak berucap. Ha, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian bagi perbahasan Dewan Undangan Negeri Johor Darul Takzim Tahun 2010, pada pagi yang berbahagia ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Bentayan telah membangkitkan masalah pencemaran udara. Pada 19 Oktober 2010, Negeri Johor mengalami kemerosotan kualiti udara terutamanya di daerah Muar. Stesen pengawasan udara Muar telah menunjukkan peningkatan pada bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sehingga pada tahap berbahaya. Bacaan IPU tertinggi yang dicatat di Muar adalah bacaan 432 pada 20 Oktober 2010.

Masalah jerebu ini adalah berpunca dari pergerakan jerebu merentasi sempadan daripada negara jiran. Jabatan Alam Sekitar setelah menyemak dengan *ASEAN Specialised Meteorological Centre dengan izin, (ASMC)* mendapati terdapatnya peningkatan bilangan titik panas (*hot spot),* dengan izin, di Sumatera, Indonesia mulai 16 Oktober 2010. Imej satelit NOAA-18 telah menunjukkan pergerakan asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran di Wilayah Riau, Wilayah Sumatera Selatan dan Wilayah Jambi, Sumatera, Indonesia ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan menuju ke selatan di beberapa kawasan di Negeri Johor iaitu Muar, Johor Bahru, Pasir Gudang dan Kota Tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kini terdapat kerjasama berterusan di antara negara ASEAN ke arah mengatasi masalah jerebu seperti melalui Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan atau *ASEAN Agreement On Transboundary Haze Pollution* dengan izin, di mana kerjasama antara negara-negara ASEAN terjalin dalam menangani masalah jerebu merentasi sempadan.

Kerjasama ini bertujuan mencegah dan memantau jerebu merentas sempadan akibat dari pembakaran tanah dan hutan. Tindakan yang diambil dalam negara serta kerjasama serantau dan juga antarabangsa untuk mengawal pembakaran tersebut supaya terkawal dengan penyelesaian segera dapat dicapai.

Pada masa yang sama, *Ministerial Steering Committee* dengan izin, *On Transboundary Haze Pollution* dengan izin, yang telah ditubuhkan dengan anggotanya terdiri daripada...

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, jawapan yang diberikan itu ialah salah. Sebab soalan saya ialah, adakah IPU yang diumumkan itu betul? Setahu saya IPU pada hari itu mencecah tahap 432 ialah hari pada 19 Oktober *so* pada 20 Oktober IPU ialah pada 90 sahaja, *so* maksudnya Jabatan Alam Sekitar memberikan indeks IPU yang salah, *so* lambat 24 jam, *so* ini ialah satu keadaan yang merbahaya. *So,* saya nak dia...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, jawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, IPU yang diberi itu memang telah tercatit, kerana kita kerjasama dengan negara ASEAN bukan negara Malaysia sahaja. Jadi kalau kita silap pun negara lain ikut kita silaplah. Maknanya Yang Berhormat yang mana betul saya tak tahu. Tetapi kita dapat *ASEAN Specialised Meteorological Centre* juga bagi maklumat. Satelit juga bagi maklumat tetapi itu semua teknikal, saya tak fahamlah apa Yang Berhormat cakap.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kalau ada bukti Yang Berhormat boleh tunjukkan kepada Jabatan Alam Sekitar, kita suka, kita rela menerima apa maklumat yang ada tetapi Yang Berhormat bagi tuduhan tetapi kita ada maklumat, data-data yang kita ada memang ikut *specification* yang diberikan oleh Jabatan teknikal. Pada satelit pun kita ada ambil gambar, tapi apa yang berbeza itu saya tak dapat jawapan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini tidak perbahasan ya. Dia bila dia jawab, Yang Berhormat dia dah jawab mengikut apa yang betul. Kalau Yang Berhormat anggap ia tak betul nanti Yang Berhormat boleh jumpa pihak Alam Sekitar ya, sebab ini ia tidak berbahas.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Sekiranya Yang Berhormat ada kepakaran yang lain, bolehlah berkongsi dengan Jabatan Alam Sekitar.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah. Itu cara yang baiklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat ada kepakaran dalam bidang ini. Kita jemputlah Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Terdiri dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand bagi menangani kejadian jerebu merentas sempadan di peringkat *sub-regional* telah berjaya menghasilkan:

1. Pelaksanaan Pelan Tindakan Indonesia Bagi Menangani Masalah Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan *Indonesia's Plan Of Action (POA) in Dealing with Transboundary Haze Pollution* dengan izin.

2. Kerjasama dua hala antara Malaysia-Indonesia di Rokan Hilir, Wilayah Riau dan Singapura-Indonesia di Muaro Jambi, Wilayah Jambi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Yong Peng mengenai pencemaran Sungai Berlian yang berpunca dari kilang sawit berhampiran. Terdapat 3 buah kilang kelapa sawit di kawasan Yong Peng. Dua daripadanya menggunakan kaedah pelupusan ke atas tanah iaitu Kilang Kelapa Sawit Yong Peng dan Kilang Kelapa Sawit Cha'ah. Sebuah kilang lagi menggunakan kaedah pelupusan ke alur air iaitu Syarikat Perusahaan Kelapa Sawit. Namun *effluent* kilang ini dilepaskan ke anak Sungai Bangka dan seterusnya memasuki Sungai Simpang Kiri. Tiada sebarang pelepasan *effluent* di buat ke anak Sungai Berlian.

Keputusan analisa kimia ke atas sampel *effluent* yang diambil semasa siasatan penguatkuasaan ke atas kilang ini pada 25 Mei 2010, mendapati *effluent* yang dilepaskan mematuhi had pelepasan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam syarat lesen.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan ke semua kilang sawit mematuhi had pelepasan yang telah ditetapkan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah merangka program dengan menjalankan pemeriksaan secara berkala mengikut jadual yang telah disediakan. Jika berlaku sebarang ketidakpatuhan dari mana-mana kilang kelapa sawit, tindakan di bawah Akta Alam Sekeliling 1974 akan diambil, termasuk tindakan mahkamah dan menggantung lesen. Kempen kesedaran dan dialog dengan pihak industri juga dijalankan bagi memberi nasihat dan panduan kepada pihak kilang untuk mengawal pelepasan air buangan dan pelepasan asap ke udara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Bentayan lagi mengenai tiang-tiang lampu TNB yang masih dibiarkan di tengah-tengah Jalan Daud. Mengikut anggaran kos yang telah dilakukan, kos pengalihan 13 tiang tersebut, yang perlu ditanggung hanyalah sebanyak RM8,332.90 sahaja dan bukannya RM60,000.00. Surat pemakluman kos

tersebut telah pun dibuat dan dihantar kepada Majlis Daerah Muar. Setelah pembayaran dibuat, pihak TNB komited untuk menyiapkan kerja-kerja pengalihan dalam tempoh masa 2 minggu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Skudai telah membangkitkan isu berkaitan isu berkaitan masalah bekalan elektrik sering terputus di kawasan Jalan Hang Jebat dan Hang Tuah, Taman Skudai Baru dan Taman Nesa, Skudai. Gangguan tersebut adalah disebabkan kerosakan sambungan kabel yang berusia 35 tahun dan korekan pihak yang ketiga. Sehubungan dengan itu pihak TNB akan menjalankan beberapa usaha untuk mengatasi masalah tersebut.

Untuk jangka masa pendek pihak TNB akan membuat ujian *Partial Discharge Mapping* dengan izin, di kawasan terlibat dan dijadualkan akan siap pada akhir bulan Disember 2010. Untuk jangka masa panjang, 3 projek penggantian kabel telah dirancang iaitu:

1. Menggantikan kabel dari PMU Tampoi SEDC ke SSU Tunai Setia dengan kos RM1.5 juta dan dijangka siap pada April 2011.

2. Menggantikan kabel dari PMU Skudai ke SSU Selesa Jaya yang dirancang akan dijalankan pada tahun 2012.

3. Menggantikan kabel dari PMU Skudai dari PPU Tun Aminah yang dirancang akan dijalankan pada tahun 2012.

Masalah bayaran pampasan dari TNB kepada peneroka Air Tawar 2 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Skudai, telah dijawab oleh Yang Berhormat Pengerusi Pertanian tadi. Oleh yang demikian, saya tidak berhajat untuk mengulangi perkara tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada kawasan Pekan Nenas telah membangkitkan masalah mengenai pelajar sekolah sukar untuk melayari Internet di rumah. Kawasan 12, Mukim Pontian adalah termasuk di dalam kawasan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat atau USP yang diliputi dengan perkhidmatan Suara Tanpa Wayar, menggunakan perkhidmatan CDMA 800. Teknologi ini dapat menyediakan perkhidmatan telefon dan juga kemudahan Internet secara *dial up* dengan izin. Disebabkan kawasan perumahan yang luas dan tidak setempat di Kawasan 12, perkhidmatan *Streamyx* tidak dapat disediakan kerana melibat kos penyediaan yang tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun, perkhidmatan CDMA 800 itu yang sedia ada boleh di naik taraf kepada CDMA EVDO, *Evolution Data Optimized* dengan izin, yang membolehkan perkhidmatan Internet Jalur Lebar Tanpa Wayar dapat juga yang lebih cepat dapat diberikan. Buat masa ini, pelajar-pelajar dari Kawasan 12, boleh juga melayar pakej Jalur Lebar yang disediakan oleh perkhidmatan *Wi-Fi* di Pusat Jalur Lebar Komuniti, PJK terpilih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Yong Peng telah membangkitkan mengenai banjir kilat di Kampung Haji Kamisan. Dari tahun 2007 hingga tahun 2010, JPS telah menjalankan beberapa kerja penggalian di sepanjang

hulu sungai secara berperingkat dengan peruntukan sebanyak RM340,000.00. Selain itu, JPS juga telah menjalankan Projek Membuang Kelodak dan Mendalamkan Sungai Simpang Kiri di Bahagian Hilir dengan kos RM32.8 juta. Projek ini telah siap pada 3 Ogos 2010. Diharapkan dengan kerja-kerja yang telah dijalankan akan mengatasi masalah banjir kilat di kampung berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Tanjung Surat mengenai kerja-kerja menggali dan mendalamkan Kuala Sungai Rengit. Bagi menyelesai masalah ini, JPS bercadang untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut pada tahun 2011 dengan memohon peruntukan sebanyak RM3 juta di bawah Program Kerja-kerja Pengindahan Sungai dan Penggalian Kuala-kuala Sungai Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menyelesaikan masalah hakisan pantai yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari kawasan Tanjung Surat, JPS telah membelanjakan RM1.04 juta antara tahun 2007 hingga tahun 2010 untuk senarai projek berikut:

1. Tahun 2007, membina tembok penahan hakisan secara Labuan Blok di Kampung Changi, Teluk Ramunia, RM170,000.00.

2. Pada tahun 2007, membina tembok penahan hakisan jenis Benteng Batu di Kampung Simon, Teluk Ramunia, sebanyak RM155,749.50.

3. Pada tahun 2008, membina tembok penahan hakisan jenis Labuan Blok di Kampung Sebong, Pengerang dengan kos RM164,910.00.

4. Pada tahun 2009, membina tembok penahan hakisan jenis *Geotube* di Tanjung Sepang, Teluk Ramunia dengan kos RM188,600.00.

5. Pada tahun 2010, telah membina tembok penahan hakisan jenis Benteng Batu di Kampung Changi, Teluk Ramunia dengan kos RM180,500.00. Nombor 2, membina tembok penahan hakisan jenis *Geotube* di Tanjung Sepang, Teluk Ramunia dengan kos RM178,900.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitulah sedikit sebanyak ulasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Perkara yang saya telah jelaskan pada masa jawapan kepada soalan tambahan lisan, saya tidak akan ulangi di sini juga. Jadi, mana-mana, jika ada mana-mana perkara yang tidak dapat saya jelaskan di sini, penjelasan secara bertulis boleh juga diberikan kemudian. Sekian, ribuan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Jemput Ahli Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:50 pagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Selamat Sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, yang telah membangkitkan beberapa isu dan permasalahan sepanjang Perbahasan Penggal Persidangan Ke-3 Dewan Negeri Johor Ke-12 ini yang ada kaitannya dengan *portfolio* saya dan untuk permulaannya, inginlah saya menyentuh berkenaan dengan perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Puteri Wangsa iaitu mengenai pembangunan rumah-rumah murah di bawah Program Perumahan Rakyat yang tidak sempurna oleh kontraktor yang bertanggungjawab seperti di PPR Desa Mutiara dan juga di PPR Setia Indah yakni PPR ini ialah Program Kemiskinan Bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek PPR Desa Mutiara telah siap pada tahun 2007 dan projek ini diserah kepada Kerajaan Negeri pada 14.03.2008. Dalam tempoh kecacatannya, pihak kontraktor yang berkenaan iaitu Syarikat Techno Chase Sdn. Bhd. telah membaiki semua kerosakan pada loji rawatan kumbahan ataupun STP termasuk salurannya, lurangnya dan yang lain-lain. Selepas tamat tempoh kecacatan, banyak kerosakan baru telah berlaku dan peruntukan pembaikan sebanyak RM1.63 juta telah kita pohon kepada Jabatan Perumahan Negara untuk membetulkan semula segala kelemahan yang berlaku ini tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh kerana kerosakan kumbahan ini adalah agak teruk dan menjejaskan kesihatan penghuni PPR ini, maka, semasa lawatan kerajaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini iaitu pada bulan November 18 yang lalu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk membaiki kerosakan tersebut dengan kadar yang segera.

Manakala, bagi Projek Perumahan Rakyat Setia Indah yang mengandungi 316 unit rumah pangsa kos rendah yang terdiri daripada 5 blok bangunan 5 tingkat ini, PPR ini dibina dengan peruntukan projek sebanyak RM15 juta daripada Dana Yayasan Perumahan untuk termiskin ataupun ringkasnya YPUT kepada Kerajaan Negeri. Unit-unit PPR ini akan disewakan kepada keluarga miskin berpendapatan kurang RM1,500.00 sebulan dengan kadar sewa sebanyak RM100.00 sebulan. Pada tahun 2005, 23 Mei 2005 kalau nak lebih tepat, kerajaan telah melantik Syarikat Tuju Rahmat Sdn. Bhd. sebagai *Project Management Consultant* dengan izin, atau ringkasnya PMC dan sekali lagi Syarikat Techno Chase Sdn. Bhd. adalah merupakan kontraktor pelaksana yang dijangka siap dalam masa 18 bulan. Kontraktor yang berkenaan telah buat perakuan siap pada tahun 2008 dan permohonan CFO itu telah dikemukakan kepada Bandaraya pada tahun 2009 tapi walau bagaimanapun, CFO belum lagi dikeluarkan oleh Bandaraya kerana pihak kontraktor sekali lagi gagal mematuhi

beberapa syarat yang ditetapkan oleh agensi teknikal dan sehingga kini bangunan PPR tersebut masih belum diserahkan lagi kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu Unit Perumahan, Jabatan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

Untuk makluman juga, kita telah mengadakan, pihak yang berkenaan telah mengadakan beberapa mesyuarat bersama Setiausaha Kerajaan Perumahan, Bandaraya, PMC yang berkenaan dan kontraktor untuk pengeluaran CFO tapi juga masih gagal dilaksanakan oleh kontraktor yang berkenaan. Keadaan bangunan PPR tersebut masih elok tetapi tiada tindakan penyelenggaraan yang dibuat mengakibatkan kejadian vandalisme telah mula berlaku seperti kecurian talian elektrik dan bagi mengatasi masalah ini, UPEN telah mengadakan mesyuarat bersama jabatan-jabatan teknikal pada 24 November yang lalu bagi mengenal pasti punca masalah dan mendapatkan peruntukan kewangan dan adalah diharapkan perkara ini akan dapat diatasi dan mengikut jadual kerja, PPR ini akan dapat Insya-Allah didiami pada pertengahan tahun hadapan.

Yang Berhormat ADUN Puteri Wangsa dan Skudai juga telah membangkitkan isu pungutan sampah yang tidak mengikut jadual oleh Syarikat Konsesi yang namanya kita semua sedia maklum. Adalah diakui bahawa prestasi perkhidmatan pungutan sampah yang dilaksanakan oleh pihak ini memang telah tidak memuaskan. Pengambilalihan kerja-kerja pungutan sampah secara perjanjian Interim telah dilakukan sejak 1997 telah menyebabkan permasalahan prestasi yang tidak memuaskan ini sering bangkit. Dan atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri telah pun memberi arahan kepada semua PBT untuk mengatasi kelemahan syarikat konsesi. Sekiranya berlaku kegagalan memungut sampah seperti dijadualkan maka PBT hendaklah serta-merta masuk untuk melaksanakan supaya sampah yang tidak terpungut mengikut jadual itu hendaklah di pungut serta-merta. Kita tidak payah tunggu lagi NTC, tak payah tunggu lagi teknikal *requirement* dengan izin, yang sebelum ini termaktub dalam perjanjian. Kita terpaksa mengambil langkah drastik untuk dan arahan ini telah pun dikeluarkan kepada semua PBT oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri sebelum ini supaya mana-mana PBT yang sampahnya tidak di pungut mengikut jadual, PBT hendaklah terus menjalankan tugasan ini tanpa mengeluarkan apa-apa NTC. Kerajaan Negeri mengharapkan Kerajaan Persekutuan mempercepatkan pelaksanaan Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan maklum balas terkini yang kita perolehi, Akta ini kita sama-sama berharaplah dan berdoa agar Akta ini akan berkuat kuasa dalam Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu seawal-awalnya suku tahun pertama 2011.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Parit Yaani mengenai kemalangan jalan raya yang tinggi terutamanya di Daerah Batu Pahat iaitu di Parit Tengah, Yong Peng dan juga di 7 kawasan sering berlaku kemalangan ataupun *black spot* dengan izin, sepanjang Jalan Kluang-Batu Pahat, pihak JKR akan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan di kawasan tersebut dengan menyediakan tambahan papan tanda amaran, garisan dengan izin *transverse bar* di pertengahan jalan untuk memberitahu pemandu agar mengurangkan kadar kelajuan kenderaan. Ini antara apa ini langkah-langkah yang pada pandangan kita agak berkesan untuk memberikan kesedaran secara fizikal kepada pemandu kenderaan di jalan raya. Mengenai pembinaan jejantas di Panchor Jalan Batu Pahat-Air Hitam permohonan semula telah dibuat dan dijangka ianya akan diluluskan serta kerja-kerja

pembinaannya akan dimasukkan dalam projek menyiapkan pembahagi jalan antara Batu Pahat dan Parit Raja dan telah pun di tender semula. Jalan ni dah lama dah buat. Banyak kali gagal kerana sebab-sebab yang Tuhan saja tahulah kelemahan manusia tetapi insya-Allah kita akan masukkan sekali jejantas ini dalam program menyiapkan Jalan Batu Pahat-Kluang yang telah pun di tender sekali lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, projek sakit taman Tunku Abdul Rahman, Segamat yang dibangkitkan oleh Adun Pemanis, saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa projek ini mengandungi 3 jenis kemajuan iaitu jenis rumah teres 1 tingkat, rumah teres 2 tingkat dan rumah kedai 2 tingkat. Jumlah unit yang diluluskan untuk projek ini ialah sebanyak 248 dan hanya terjual sebanyak 63. Berdasarkan tarikh perjanjian jual beli yang pertama di tandatangani, projek ini sepatutnya siap pada 4 Jun 2005. Walau bagaimanapun, pemaju telah gagal menyiapkan projek ini akibat masalah kewangan. Pihak pemaju juga telah memohon pinjaman titian tambahan ataupun *additional bridging loan* tetapi permohonan tidak diluluskan. Pihak pemaju juga telah mengambil inisiatif lain iaitu membuat perbincangan dengan beberapa pemaju untuk mengambil alih projek tersebut tetapi malangnya tiada pemaju yang berminat untuk menyiapkan projek ini.

Bagi semua aduan yang diterima mengenai projek bermasalah di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Segamat, pihak Majlis akan mengambil tindakan penyelesaian dengan melakukan siasatan di tapak projek bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi termasuk mendapatkan maklumat sebenar keadaan projek tersebut dari pihak pemaju. Berdasarkan maklumat yang diperolehi Yang Berhormat Datuk Speaker, projek-projek sakit akan dirujuk kepada Jabatan Perumahan Negara yang akan mengisytiharkan projek terbabit sebagai projek terbengkalai dan seterusnya akan melantik pemaju penyelamat yang akan mengambil alih kerja-kerja pembinaan sehingga siap. Ini saya difahamkan adalah peraturan kerja yang terbaru yang dibuat di peringkat KPKT berkenaan dengan projek-projek yang terbengkalai ini yang dibuat oleh pihak swasta.

Izinkan juga saya Datuk Speaker untuk mengulas mengenai isu pembinaan tapak pelupusan sampah di Pagoh yang pada pandangan Yang Berhormat ADUN Jorak tidak berapa sesuai.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri memang mengambil berat mengenai masalah yang dihadapi bagi melupuskan janaan sisa pepejal di Negeri Johor. Berikutan kebanyakan tapak pelupusan yang dibina pada masa dahulu disedari tidak mempunyai teknologi yang canggih bagi mengawal air larut resapan dan kawasan gas metana yang dihasilkan oleh tindak balas pelupusan sampah. Oleh itu, kita telah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan telah pun memutuskan untuk membina sebuah tapak pelupusan mesra alam yang mempunyai teknologi yang lebih baik yang menepati piawaian Jabatan Alam Sekitar dan setanding dengan negara maju.

Sebelum keputusan pembinaan dibuat oleh pihak kerajaan, cadangan tapak tersebut mesti menjalani kajian terperinci impak alam sekitar ataupun EIA kepada ekologi dan masyarakat setempat. Kerajaan memberi jaminan bahawa tapak pelupusan sanitari ini nanti tidak akan menjejaskan tahap kualiti alam sekitar dan pencemaran bau seperti

yang dibimbangi oleh penduduk di Pagoh dan juga di mana-mana tempat di Negeri Johor ini apabila dengar saja ada tempat nak buka buang sampah, maka akan selalunya berlakulah kegelisahan di kalangan penduduk. Saya minta kerjasama semua ADUN untuk memahamkan perkara ini kepada anak buah kita, kerana kalau kita tidak buat pelupusan sisa pepejal ini, nanti saya khuatiri satu pagi kita bangun pagi kita dah tak ada tempat nak buang sampah. Jadi kita semua, apa pun pendirian kita, perbezaan pandangan kita, tolonglah saya merayu memberikan pemahaman kepada penduduk bahawa *sanitary landfill* yang hendak kita bina, yang telah kita tetapkan di Negeri Johor ini, di negeri kita ini adalah amat perlu sekali untuk kesejahteraan hidup kita semua.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Skudai, Yang Berhormat Datuk Speaker, tentang keselamatan tiang lampu telah menghempap sebuah kereta Myvi. Di sini, saya ingin mengulas bahawa kita merasa kesallah dengan kejadian tersebut dan lanjutan daripada peristiwa ini MPJBT telah melantik perunding pihak ketiga berkecuali iaitu Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. untuk membuat kajian teknikal punca tiang tersebut tumbang. Kajian ini dijangka mengambil masa selama 2 minggu untuk disiapkan. Hasil kajian tersebut juga akan menentukan juga tahap keselamatan dan kesesuaian tiang-tiang lampu yang dipasang. MPJBT juga diminta sentiasa memberikan penekanan kepada aspek keselamatan awam dalam melaksanakan kerja-kerja yang seperti ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk mengatasi masalah kontraktor yang tidak menjalankan kerja mengikut peraturan dan spek yang ditetapkan, seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Johor Jaya misalannya, adalah dengan membuat pemantauan dan pemeriksaan di tapak bina dengan lebih kerap bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan dengan lebih sempurna dan sekiranya terdapat keingkaran, maka pihak jabatan akan memberi amaran dan peringatan sewajarnya dan sekiranya pihak kontraktor masih berdegil lagi maka penamatan kontrak akan dibuat dan kontraktor akan di senarai hitam dan tidak dibenarkan melaksanakan projek-projek kerajaan di masa-masa akan datang.

Berkenaan dengan aktiviti perniagaan restoran atau kedai kopi, kadar lesen adalah RM300.00 setahun sebagaimana di dalam Undang-undang Kecil Perlesenan Perniagaan dan *Trade* 2001. Ini adalah respons daripada perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Johor Jaya. Pengusaha restoran tidak dibenarkan meletakkan gerai ataupun *stall* dan mengadakan aktiviti memasak di kaki lima ataupun di luar premis perniagaan. Tujuannya adalah bagi memastikan kebersihan dan keselamatan kepada para pengunjung. Dan bagi membantu pengusaha-pengusaha restoran menarik lebih ramai pengunjung ke premis mereka, maka pihak MPJBT telah membenarkan atau memberi kelulusan permit kawasan lapang iaitu dengan meletak kerusi dan meja sahaja di hadapan premis. PBT akan memberikan kelulusan sekiranya tempat peletakan kerusi dan meja tersebut tidak mengganggu laluan awam yang boleh mungkin mengundang kepada kemalangan. Namun begitu, mereka hanya boleh dibenarkan meletak kerusi dan meja tersebut pada jam 6:00 petang hingga 12:00 tengah malam sahaja. Pada waktu siang, tidak dibenarkan kerana orang awam akan menggunakan premis tersebut bagi tujuan meletak kereta dan sebagainya. Tindakan penguatkuasaan terpaksa dilakukan sekiranya pengusaha tidak mendapat kelulusan daripada PBT kerana tidak mempunyai permit kawasan lapang. Tindakan kompaun

dan sitaan dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan supaya peraturan yang diberikan adalah dipatuhi.

Bandaraya juga telah mengadakan sesi taklimat kepada pengusaha-pengusaha restoran mengenai syarat-syarat perlesenan dan peletakan kerusi meja yang telah diadakan di Auditorium JOTIC pada 29 Julai yang lalu. Sesi taklimat ini diadakan bertujuan memberi penjelasan yang lebih jelas dan tepat kepada semua pengusaha agar mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab mengurus dan mengawal aktiviti perniagaan di bandar raya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Bukit Batu dan Bentayan dan Yang Berhormat ADUN Senai juga ada membangkitkan dengan pembinaan menara telekomunikasi dan kesannya terhadap masyarakat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak SKMM ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Wilayah Selatan sentiasa memantau pembangunan *infra-infra* telekomunikasi di negeri ini bagi memastikan pembinaan menara dan struktur pemancar telekomunikasi mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Pembinaan struktur pemancar di satu-satu kawasan bukan dinaikkan dengan sesuka hati, tetapi telah dipastikan kesesuaiannya oleh pihak pemberi perkhidmatan agar dapat memberi liputan yang lebih luas kepada orang ramai. Kebiasaannya Yang Berhormat Datuk Speaker, pemasangan struktur ini yang didirikan di atas bangunan kedai yang bersebelahan dengan kawasan perumahan adalah disebabkan ia merupakan satu-satunya bangunan kedai yang ada di kawasan tersebut dan ketiadaan tapak yang sesuai bagi mendirikan sebuah menara.

Liputan yang dapat dihasilkan oleh sesebuah tapak pemancar di bangunan kedai hanyalah dalam lingkungan 500 meter. Kalau nak dibandingkan dengan struktur yang di atas tanah yang jangkauannya melebihi 2 atau 3 kilometer. Liputan yang dapat dihasilkan adalah lebih kurang 500 meter dan sekiranya struktur pemancar tersebut didirikan terlalu jauh dengan kawasan perumahan, dikhuatiri penduduk di kawasan perumahan tersebut tidak dapat liputan talian mudah alih. Oleh itu, pihak pemberi perkhidmatan tiada pilihan selain mendirikan struktur pemancar di atas bangunan kedai yang kebanyakannya berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan. Sekiranya kelulusan pemasangan alat-alat pemancar yang terlalu dekat dengan perumahan ditarik balik, maka banyaklah kawasan perumahan yang akan mengalami gangguan liputan mudah alih. Pihak SKMM, Agensi Nuklear Malaysia, IPTA dan IPTS dan Kementerian Kesihatan sentiasa memantau kesan radiasi terhadap kesihatan.

Dan untuk makluman Dewan juga, dari tahun 2001 hingga 31 Oktober 2010, SKMM dan Agensi Nuklear Malaysia telah memeriksa dan menjalankan ujian terhadap lebih 200 menara dan struktur pemancar telekomunikasi di seluruh negara. Dan hasil ujian tersebut didapati tidak ada satu pun daripada pemancar-pemancar ini yang melebihi paras normal yang dibenarkan, iaitu 28 voltan meter persegi. Dan kalau saya boleh jadikan contoh misalannya di Taman Daya di mana ada lebih 9 pemancar seperti ini. Hasil yang dijalankan oleh kajian ataupun semakan radiasi yang dibuat oleh Agensi Nuklear Malaysia mendapati bahawa rata-rata di Taman Daya, radiasinya hanyalah antara 0.9 meter dan 2.8 voltan meter persegi iaitu 0.9 dan 2.8 yang paling tinggi. Iaitu jauh daripada had yang dibenarkan iaitu sebanyak 2.8 voltan meter persegi. Yang ini

pun saya minta kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memahamkan masyarakat berkenaan permasalahan yang saya jelaskan ini. Oleh kerana kalau kita tidak membina cukup, tidak memberikan cukup, tidak membangunkan cukup menara telekomunikasi di kawasan-kawasan kita, maka hasrat kita untuk memberikan *broadband service*, perkhidmatan *broadband* kepada seluruh masyarakat Malaysia yang kita telah KPI kan itu tidak akan berjaya. Terbukti bahawa radiasinya cukup rendah dan penyakit seperti penyakit kanser, macam-macam sebab di antaranya ialah yang paling jelas dan ketara ialah merokok dan duduk di kelilingi oleh orang-orang yang merokok maaf kalau saya bercakap, itu antaranya. Dan radiasi ini kalau ada lagi tempat yang tidak berpuas hati, bolehlah merujuk kepada *portfolio* saya untuk saya aturkan SKMM datang, berkenaan dengan Agensi Nuklear untuk membuat ukuran dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, kita akan membuat satu taklimat ataupun penjelasan kalau diperlukanlah di peringkat akar umbi.

Dan saya telah pun mengeluarkan arahan kepada semua PBT iaitu bagi menara-menara baru yang hendak dibina, kalau ada hendaklah dirujukkan dahulu kepada kepimpinan tempatan. Kepimpinan tempatan ini ikut tempat yang nak dibinalah. Kalau dalam kawasan kampung, carilah penghulu, ketua kampung dia, kalau kawasan kampung baru, carilah ketua masyarakat dia, Wakil Rakyat dia pun jangan lupalah rujukkan dulu. Dan mana-mana tempat yang tak nakkan *service* ini *ok*, kita tak paksa tapi nanti masyarakat itu sendirilah kena faham kalau mereka tak dapat liputan, *wireless* ini. *Especially* nya, *broadband* yang cukup mustahak, untuk anak-anak kita juga mendapat maklumat khususnya di bangku sekolah. Sekarang anak-anak sekolah pun memerlukan maklumat-maklumat tambahan misalannya untuk peperiksaan UPSR dan *service* ini adalah cukup penting. Jadi ini terbaru, mesti minta pandangan daripada kepimpinan tempatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Bentayan, Yang Berhormat ini ada menimbulkan berkenaan dengan menara pemancar di hadapan rumah kediaman No. 134-1, Taman Sri Trik, Muar yang telah dibina pada tahun 1996 iaitu sebelum wujudnya garis panduan pembinaan menara pemancar serta keperluan untuk memohon permit menara pemancar yang hanya mula dikuatkuasakan pada tahun 2006. Menara ini juga telah wujud 8 tahun lebih awal sebelum kawasan perumahan di hadapan menara itu yang hanya wujud pada tahun 2004. Menara ini adalah merupakan *collector site*, dengan izin bagi Tetuan Digi Telecommunication Sdn. Bhd. Pihak Celcom dan Maxis juga ada berkongsi milik menara ini bagi menempatkan peralatan *telco* mereka. Sekiranya menara ini dirobohkan saya khuatir ia akan melumpuhkan liputan selular Digi bagi seluruh bandar Muar. Liputan selular Maxis dan Celcom bagi kawasan ini juga akan turut mengalami gangguan. Pemeriksaan keselamatan adalah diwajibkan kepada pemilik menara bagi pembaharuan permit. Baru-baru ini pihak Kerajaan Negeri Johor telah mewajibkan audit keselamatan ke atas semua menara-menara *telco* bagi memastikan struktur masih selamat digunakan serta radiasi yang dihasilkan oleh sistem pemancar berada pada tahap yang rendah dan selamat. Hanya struktur menara yang diperakui selamat oleh jurutera bertauliah sahaja akan dibenarkan untuk memperbaharui permit. Ini adalah bagi menjamin keselamatan orang awam. Pihak pemilik menara juga diwajibkan mengambil insurans, *public liability* dengan izin bagi memastikan hak orang awam terbela sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai berkenaan dengan penutup longkang di jambatan bertingkat dalam Pontian dan Skudai Parade.

Perkara ini telah pun terlebih awal ditenderkan oleh JKR JB dan JKR JB Johor Bahru telah pun melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja ini. Perkara yang dibangkitkan ADUN Permas Jaya dan ADUN Johor Jaya berkenaan projek naik taraf, Yang Berhormat Datuk Speaker naik taraf jalan Pasir Gudang, dari 4 lorong kepada 6 lorong 2 hala, ianya akan dilaksanakan di bawah RMK-10 di mana peruntukan sebanyak RM150 juta telah pun lulus untuk menaik taraf jalan dari Bandar Seri Alam hingga ke susur lebuh raya Utara-Selatan di mana siling peruntukan sebanyak RM40 juta telah diluluskan untuk Fasa 1.

Mengenai kerja-kerja pembinaan jalan Permas, Pasir Gudang. Projek ini dijangka siap pada bulan April tahun depan dan akan dibuka secara berperingkat sementara menunggu pembinaan jambatan kedua Permas Jaya siap. Dengan siapnya jalan ini, dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Pasir Gudang. Mengenai kesesakan lalu lintas di Persimpangan Jalan Masai Lama ke Jalan Permas Jaya di Plentong, ianya dijangka dapat diatasi dengan siapnya kerja-kerja melebar persimpangan tersebut yang sedang dalam pembinaan, yang dijangka siap pada akhir tahun ini juga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Skudai membangkitkan ketidakadilan dalam proses tender nombor-nombor pendaftaran kenderaan. Untuk makluman Dewan, berdasarkan Seksyen 11 (1) (a) Akta Pengangkutan Jalan 1987, adalah menjadi tanggungjawab Pendaftar Berlesen iaitu Pengarah JPJ, untuk memperuntukkan satu nombor pendaftaran sesebuah kenderaan yang dipohon untuk didaftarkan sebagaimana yang ditetapkan pada Seksyen 10 (1) Akta tersebut. Pengurusan tempahan nombor pendaftaran yang dilaksanakan oleh JPJ, adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan berdasarkan arahan Jabatan Bilangan 8 tahun 2009 iaitu, Prosedur Pengurusan Tempahan Nombor Pendaftaran. Nombor pendaftaran yang ditender dikategorikan iaitu;

i Nombor-nombor bernilai utama ataupun *golden numbers*.
ii Nombor-nombor menarik, *attractive numbers*, dengan izin.
iii. Nombor-nombor popular, *popular numbers*lah.
iv. Nombor-nombor semasa or *running numbers*.

Pengurusan tender nombor melibatkan 2 jawatankuasa;
i. Jawatankuasa Terbuka. Empat orang jadi ahli, yang sentiasa bertukar dan ditetapkan oleh Ibu Pejabat di Kuala Lumpur.
ii. Jawatankuasa Penilai. Empat orang juga ahli. Pengerusi dan Setiausaha adalah tetap iaitu Pengarah dengan dia punya Timbalan, manakala dua ahli yang lain sentiasa bertukar, juga ditetapkan oleh JPJ Ibu Pejabat.

Yang Berhormat Datuk Speaker nombor-nombor yang tidak di tender atau ditarik balik, diuruskan sebagaimana berikut:

i. Kategori bernilai utama dan menarik akan dikemukakan kepada Ketua

Pengarah JPJ sendiri dan permohonan nombor ini perlu ke JPJ Ibu Pejabat.

ii. Nombor popular, boleh ditawarkan semula kepada umum oleh Jabatan dan dipamerkan di pejabat JPJ. Permohonan nombor ini berdasarkan dengan izin, *first come first serve* dan dipamerkan pada umum juga untuk tempoh sekurang-kurangnya satu minggu. Permohonan ini diluluskan oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang bertanggungjawab. Adalah jelas, saya berharap ini menunjukkan bahawa JPJ sememangnya telus dalam menguruskan nombor pendaftaran dan memudahkan untuk kita berurusan bagi mendapatkan nombor pendaftaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat yang sama juga membangkitkan prestasi mutu perkhidmatan Bomba dan Penyelamat, dan juga ADUN Layang-Layang meminta pihak Bomba membuat perancangan lorong-lorong sempit yang tidak boleh dilalui oleh kenderaan Bomba. Untuk makluman Dewan, Jabatan Bomba dan Penyelamat sangat mengambil berat dan prihatin dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat. Dalam meningkatkan tahap kecepatan bertindak terhadap panggilan, Jabatan telah melaksanakan program KPI untuk masa bertindak ataupun *response time*, dalam aktiviti ke keluaran jentera sejak tahun 2008 lagi. Dalam masa yang sama, Jabatan juga mengenal pasti dan menganalisa keperluan-keperluan semasa bagi menangani, mana-mana cabaran yang boleh mengekang dari mencapai matlamat memberi perkhidmatan yang cepat kepada semua lapisan masyarakat.

Semoga dengan usaha ini dan kerjasama dari semua pihak, Jabatan berupaya memberikan perkhidmatan yang terbaik. Sementara dalam usaha Jabatan meningkatkan tahap perkhidmatan kepada masyarakat ketika berlaku kecemasan, balai-balai perlu melakukan Program Pra-Rancang Kebakaran atau Penyelamatan di peringkat awal. Dalam program ini, beberapa aktiviti dilakukan dan didokumentasikan bagi rujukan semasa khasnya apabila berlaku kecemasan seperti operasi, pemadaman dan penyelamatan. Menerusi program ini, beberapa perkara penting diberi keutamaan termasuklah tempoh masa bertindak ke keluaran jentera, Pelan Tindakan Pengurusan Operasi dan juga cadangan langkah-langkah penambahbaikan pencegahan dan keselamatan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan yang tidak dapat dilakukan pra-rancangan secara berkesan, khasnya di kawasan-kawasan yang tidak dapat bekalan sumber air domestik dan kemudahan jalan keluar masuk kenderaan seperti di kawasan perladangan, di mana hanya terdapat beberapa buah rumah sahaja. Dalam menangani sebarang insiden yang tidak diingini, tahap kesedaran dalam aspek pencegahan dan keselamatan perlulah ditingkatkan yang mana peranan ini boleh dimainkan oleh semua pihak dalam masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, YB Johor Jaya ingin tahu perancangan KTMB di Kempas. Untuk makluman Dewan, di bawah Projek Landasan Berkembar Elektrik di antara Gemas dan Johor Bahru, satu stesen baru akan dibina mengikut jajaran yang akan dimuktamadkan kelak. Sementara itu, bagi mematuhi arahan Kerajaan Pusat yang meminta KTMB memindahkan operasi perkhidmatan kereta api dari Tanjung Pagar, Singapura dan bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan seperti lokomotif dan koc-koc kereta api diteruskan, depoh penyelenggaraan termasuk

kemudahan mengisi minyak perlu dibina di Kempas Baru, Johor. Kemudahan depoh ini akan dibina secepat mungkin supaya dapat beroperasi pada Jun 2011. Di bawah Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru, satu kajian sedang dijalankan oleh Juru Perunding bagi cadangan pembinaan kemudahan depot kereta api elektrik di Kempas Baru untuk penyelenggara Electric Multiple Unit (EMU) ataupun (ETS) Electric Train Set, Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan dengan adanya kemudahan ini kelak, kerajaan dapat merancang menyediakan perkhidmatan komuter bagi sektor Kluang ke Johor Bahru dan kereta api elektrik antara bandar. Keperluan yang lebih terperinci hanya boleh diketahui, selepas Juru Perunding selesai membuat kajian dalam tempoh 6 bulan daripada sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Tanjung Puteri membangkitkan permasalahan dihadapi oleh pembelian Pangsapuri Larkin Indah. Hasil semakan pihak Commissioner of Building ataupun COB, didapati selain Perjanjian Jual Beli ataupun SNP, sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Jadual H, Akta Pemajuan Perumahan ataupun Akta 118, pemaju turut menyediakan satu surat ikatan waad-waad bersalingan ataupun *Deed Of Covenant*, dengan izin, yang kandungannya seolah-olah menyebelahi pihak pemaju khususnya untuk penggunaan tempat letak kereta dan harta bersama. Walau bagaimanapun, dari aspek pembinaan tempat letak kereta, pihak COB mendapati pemaju berkenaan mematuhi kehendak perancangan bandar raya dengan menyiapkan jumlah tempat letak kereta mengikut nisbah yang ditetapkan iaitu pada kadar 1 kepada 1.5, iaitu 10% untuk, dan 10% untuk pelawat. Walau bagaimanapun, pemaju didapati mengikat pembeli dengan perjanjian bahawa kesemua tempat letak kereta tersebut adalah miliknya dan pembeli perlu membayar sewa bagi penggunaannya. Kesemua pembeli juga telah menandatangani perjanjian tersebut, yang menunjukkan pembeli 'bersetuju', dalam *inverted commas*lah, saya letak, dengan perkara-perkara yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Persetujuan dan kontrak yang berlaku antara pemaju dengan pembeli bukanlah di bawah kawalan PBT dan juga Agensi-Agensi Teknikal yang lainnya. Oleh kerana penguatkuasaan SNP dan tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju hanya boleh dibuat oleh pengawal Akta 118, iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, maka pihak COB telah pun memanjangkan perkara ini kepada Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan KPKT, untuk diteliti sama ada *Deed of Covenant* yang disediakan oleh pemaju bertentangan dengan Akta 118 dan seterusnya mengambil tindakan yang sepatutnya diambil oleh KPKT sendiri.

YB ADUN Bentayan, Yang Berhormat Datuk Speaker, membangkitkan permasalahan penyelenggaraan bangunan rumah-rumah pangsa yang diuruskan oleh JMB dan MC. Untuk makluman Dewan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam ucapan Bajetnya baru-baru ini telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM500 juta bagi kerja-kerja baik pulih dan menyelenggara rumah mampu milik awam ataupun swasta. Dana ini berdasarkan kepada Geran Sempadan, di mana separuh daripada kos akan di sumbang oleh kerajaan, manakala separuh lagi oleh pengurusan ataupun pihak JMB ataupun MC. Pihak pengurusan sesuatu kawasan pemajuan perlu menyediakan sebahagian kos pembaikan semasa memohon bantuan peruntukan ini, sebelum pihak kerajaan membiayai sebahagian lagi kos pembaikan. Permohonan bolehlah dikemukakan kepada unit COB PBT dan semakan akan dibuat sama ada layak atau tidak sebelum diselaraskan dengan maklumat kewangan lot pemajuan dan

kemudiannya akan dipanjangkan ke Jabatan Perumahan Negara untuk pertimbangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menjelaskan isu penempatan setinggan di PPR yang dibangkitkan oleh ADUN Kempas. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek PPR disewa yang terdiri dari jenis rumah pangsa dan rumah teres bertujuan menyediakan kediaman yang mencukupi, selesa dan mampu disewa oleh golongan yang berpendapatan rendah. Selain itu, program ini juga bertujuan bagi menempatkan semula setinggan dan rumah ini dijadikan sebagai transit, sebelum mereka mampu memiliki rumah sendiri. Cadangan penjualan rumah PPR disewa telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 April yang lalu dan telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 Mei 2006. Selaras dengan keputusan itu, KPKT telah diminta untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan serta Agensi-Agensi Kerajaan mengenai kaedah pelaksanaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker di Negeri Johor setakat ini, penjualan unit-unit PPR adalah tidak sesuai kerana kebanyakan lokasi PPR disewa, jenis rumah pangsa terletak dalam kawasan yang berdekatan bandar serta strategik dan mempunyai permintaan sewa yang terlalu tinggi. Sekiranya dijual, kerajaan akan kehilangan stok perumahan yang bernilai tinggi dan tiada lagi rumah transit milik kerajaan yang boleh digunakan bagi penempatan sementara setinggan dan golongan berpendapatan rendah yang belum mampu memiliki rumah sendiri. PPR juga perlu dikekalkan untuk disewa bagi mengelakkan kawasan rumah pangsa menjadi kawasan *slum*, sekiranya pemilik-pemilik tidak menyelenggara rumah mereka dengan sempurna. Banyak kes rumah pangsa kos rendah milik swasta yang telah dijual kepada pembeli, menghadapi masalah pengurusan serta menjadi *slum area* dengan izin, dan Kerajaan Negeri dan PBT berkaitan terpaksa campur tangan dan membantu dalam menyelesaikan permasalahan ini. Sekiranya unit-unit PPR dijual, maka kos tambahan iaitu yuran penyelenggaraan bulanan terpaksa ditanggung oleh pembeli rumah pangsa kos rendah. Ini melibatkan bebanan tambahan kepada pembeli yang sememangnya merupakan golongan yang berpendapatan rendah. Di samping bayaran ansuran bulanan harga rumah kepada pihak bank, kemungkinan besar mereka akan gagal membayar yuran penyelenggaraan bulanan rumah pangsa.

Saya juga ingin mengulas, mengenai isu memperbanyakkan tempat riadah dan taman permainan kanak-kanak sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas. Kerajaan Negeri Johor sentiasa peka dalam menyediakan kemudahan ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan polisi keperluan tanah lapang dalam pembangunan Negeri Johor yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan-jabatan Teknikal yang terlibat dalam proses pembangunan. Justeru itu dalam pembangunan baru, Kerajaan Negeri Johor telah menetapkan penyediaan tanah lapang sebanyak 10%, iaitu meliputi 7% keluasan mutlak dan 3% lagi melibatkan kolam takungan, kemudahan utiliti dan lain-lainnya yang dikira sebagai kawasan lapang. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sangat serius dalam mengadakan kawasan lapang untuk riadah, istirahat dan lain-lain aktiviti yang memberi kelapangan fikiran kepada rakyat kita. Di peringkat nasional, Majlis Perancangan Fizikal Negara yang di Pengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, memutuskan pada 6 Oktober 2005, yang mensasarkan penyediaan dua hektar tanah lapang awam bagi

setiap 1,000 penduduk bandar, ke arah mencapai status Negara Maju menjelang 2020. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri komited terhadap penyediaan kawasan lapang dan sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran tersebut dan kita berharap melalui Pengarah Tanah dan Galian Johor secara berkala, memantau kawasan tanah lapang ini supaya ianya diwartakan untuk kegunaan tanah lapang sahaja. Ini untuk mengelakkan kawasan lapang tersebut digunakan selain daripada kegunaan awam bersifat rekreasi.

Yang Berhormat ADUN Kempas juga Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin mengetahui tentang perancangan di kawasan pangsapuri ataupun apartmen dalam kawasan CBD. Kepesatan pembangunan di dalam Iskandar Malaysia turut menyaksikan impak seperti desentralisasi pusat komersial, perubahan aliran trafik dan perubahan fungsi daerah sentral, yang sekali gus boleh menyebabkan kemerosotan aktiviti dan ekonomi Daerah Sentral jika tidak diambil tindakan dengan segera. Tambahan pula sebahagian besar daripada bangunan komersial di dalam Daerah Sentral adalah terdiri daripada bangunan lama yang memerlukan perhatian khusus, termasuk usaha pemuliharaan dan pembangunan semula untuk memastikan kesinambungan dan pemapanan bandar.

Sebagai langkah pertama dalam melaksanakan agenda transformasi Daerah Sentral yang kini telah pun menjadi agenda di peringkat negeri, adalah menjadi tanggungjawab Majlis Bandaraya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan menyusun dan mengatur pembangunan di Bandaraya Johor Bahru untuk menjadikan Daerah Sentral Johor Bahru sebagai *a Living City,* dengan izin. Kita sedia maklum, kerajaan melalui Perbadanan Johor Bahru Central Sdn. Bhd telah bersetuju untuk membentuk satu konsortium sebagai pemaju utama dalam menjayakan transformasi Daerah Sentral. Untuk tujuan ini, pihak majlis dengan kerjasama daripada pihak UPEN dan IRDA sedang menyediakan Pelan Induk Transformasi Johor Bahru. Pelan induk ini merupakan penambahbaikan kepada Pelan Penjanaan Semula Pusat Bandar yang diguna pakai di ketika ini dengan memberi penekanan kepada menggalakkan pemilik tanah ataupun pemaju membangunkan *service apartment* atau lain-lain aktiviti yang dapat menjana pendapatan penduduk dan menggalakkan aktiviti di pusat bandar.

Kita sedia maklum perpindahan penduduk di Bukit Cagar dan Lumba Kuda telah menjejaskan aktiviti di pusat bandar. Pelan induk yang disediakan ini merupakan pengukuhan peranan baru Daerah Sentral dengan mengandungi cadangan-cadangan terperinci dan komprehensif untuk panduan aktiviti pembangunan oleh pihak kerajaan, pemaju dan pihak-pihak berkepentingan di dalam menjayakan transformasi Daerah Sentral di samping meningkatkan perkara-perkara merangkumi imej atau *rebranding* dengan izin, identiti, warisan, keselamatan, kualiti hidup dan persekitaran. Kajian yang disediakan juga mengambil kira aspek sosioekonomi dan keupayaan tampungan ataupun *caring capacity* bagi memastikan kemapanan pembangunan di Daerah Sentral Johor Bahru.

Selain galakan kepada konsep *living city* ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga memberikan penekanan terhadap *Urban Connectivity* dengan izin, di antara bangunan dan presint. Pada ketika ini, pihak Majlis dan pemilik bangunan terlibat seperti JCorp dan UM Land sedang bekerjasama untuk menyediakan satu jejantas pejalan kaki yang akan menghubungkan JB Sentral dengan City Square kemudian ke

KOMTAR, PERSADA, Hotel Puteri Pacific, Menara Ansar sehingga ke Plaza Kotaraya. Pembangunan ini kelak diharapkan dapat memberikan imej baru kepada kawasan tersebut dan memberikan tahap keselesaan yang lebih baik kepada pengguna bandar pada masa hadapan.

Selain itu, pemuliharaan Sungai Segget juga dilihat sebagai satu elemen yang signifikan pemangkin penjanaan aktiviti bandar dan meningkatkan kualiti kekitaan dalam usaha pengukuhan identiti tempatan. Aktiviti *JB Buzz* misalannya ataupun Bazar Johor Bahru sedia ada akan dipertingkatkan lagi kerana aktiviti ini dilihat terlalu dapat membantu mengaktifkan semula persekitaran Pusat Bandar dan menerima respons yang amat baik daripada peniaga yang terlibat dan juga para pengunjung bazar tersebut. Memandangkan konsortium ini nanti akan bertindak sebagai pemaju utama dalam menjayakan transformasi Daerah Sentral, adalah diharap pembangunan daerah sentral akan dapat dilaksanakan seberapa segera selepas pelan induk ini dipersetujui oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Bentayan ada juga membangkitkan berkenaan dengan kerja-kerja penyelenggaraan projek pembangunan dan pemulihan paya bakau di Jeti Tanjung Ketapang. Untuk makluman, MPM ataupun Majlis Perbandaran Muar telah melantik jurutera perunding iaitu Tetuan IRA Teknik Consulting Engineers bagi menyelia sepenuhnya projek ini. Masalah yang berlaku ialah pokok-pokok yang ditanam dan bumbung wakaf yang dipasang telah dimusnahkan oleh makhluk-makhluk yang tinggal di situ iaitu sekumpulan monyet. Langkah-langkah telah diambil oleh perunding iaitu dengan mengarahkan kontraktor membuat kerja-kerja tambahan seperti :

i. Kerja-kerja tambak dan memampat tanah untuk tujuan tempat letak kereta.
ii. Kerja-kerja pemeriksaan sampah dilakukan sebanyak 3 kali seminggu.
iii. Kerja-kerja mengecat semula jeti dan wakaf.
iv. Kerja-kerja menebang pokok-pokok nipah yang berhampiran.
v. Kerja-kerja menggantikan bumbung wakaf daripada jenis asbestos kepada metal *deck* yang sukar dimusnahkan oleh monyet- monyet itu tadi.

Tindakan yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Muar setakat ini ialah dengan menyediakan tong-tong sampah yang mencukupi dan mengambil tindakan untuk memindahkan monyet-monyet ke Hutan Simpan Moakil dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Majlis Perbandaran Muar juga berpendapat, papan tanda yang telah dipasang sudah memadai bagi memberi tunjuk arah ke Jalan Bentayan. Majlis mempunyai perancangan bagi membaiki sistem lalu lintas di kawasan terbabit termasuk menjadikan jalan antara Jalan Bentayan dan Jalan Bulatan Bakri ataupun jalan di hadapan SSM sebagai jalan dua hala yang pada masa ini ialah jalan sehala. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut belum dapat dilaksanakan kerana beberapa sebab termasuk kerja-kerja mengubahsuai beberapa bahagian jalan tersebut bagi disesuaikan untuk dijadikan dua hala. Majlis Perbandaran Muar merancang pelaksanaan cadangan ini pada awal tahun hadapan nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin respons kepada pertanyaan Bentayan lagi iaitu tentang persimpangan Jalan Bakri ke Pusat Perniagaan Arosa, Muar. Cadangan pembaikan persimpangan Jalan Bakri ke Pusat Perniagaan Arosa, Muar akan diteliti semula dan dibuat penambahbaikan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya di persimpangan tersebut oleh pihak JKR.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Penggaram, berhubung dengan pelebaran dan menaik taraf Jalan Bukit Pasir - Tongkang Pechah, Jalan Tanjung Laboh - Pontian dan jalan-jalan di sekitar Batu Pahat untuk penyuraian trafik bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Kesemua projek di atas telah di pohon di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Walau bagaimanapun, ia masih belum dapat kelulusan. Untuk makluman Yang Berhormat Penggaram, Jalan Bukit Pasir - Tongkang Pechah akan di naik taraf secara berperingkat-peringkat menggunakan peruntukan penyelenggaraan mengikut keperluan dan keutamaan. Ini kalau kita tak dapat kelulusan dalam Rancangan Malaysia Ke-10, jalan ini akan kita bangunkan dengan cara peringkat-peringkat.

Pada masa ini Majlis Perbandaran Muar, ini perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Maharani berkenaan dengan pencerobohan tapak kemudahan awam, tanah lapang. Pada masa ini Majlis Perbandaran Muar sedang mengemas kini rekod-rekod tanah lapang di semua kawasan perumahan dalam kawasan pentadbiran Muar. Pemantauan akan dilaksanakan dan pencerobohan kemudahan awam atas tapak lapang akan di kuat kuasa mengikut tindakan undang-undang yang sedia ada. Majlis Perbandaran Muar juga, berkenaan dengan stadium baru mendapati tiada permohonan untuk penggunaan stadium tersebut pada waktu malam sejak ianya di naik taraf dan diserahkan kepada pihak Majlis. Penggunaan di waktu malam setakat ini hanya di Dewan Maharani, Muar untuk gelanggang permainan badminton dan sepak takraw.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Jementah mencadangkan diwujudkan satu pasukan menangani masalah kemalangan jalan raya dan syarat kelulusan permohonan lesen memandu bagi calon yang buta huruf. Untuk makluman Dewan, Pasukan Bersepadu jabatan-jabatan kerajaan untuk menangani kemalangan jalan raya secara rasminya memang tidak ada. Tetapi, jabatan-jabatan kerajaan seperti Polis, JPJ, LPKP, JKJR iaitu Jabatan Keselamatan Jalan Raya, JKR, PBT, AADK, Jabatan Pelajaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Puspakom sentiasa bekerjasama antara satu sama lain dalam menangani kemalangan jalan raya pada setiap masa. Kerjasama tersebut telah dipertingkatkan lagi terutamanya semasa musim-musim perayaan melalui operasi pencegahan dan penguatkuasaan dengan menjalankan Ops Sikap dan sebagainya. Calon-calon yang ingin mendapatkan lesen memandu tetapi tidak boleh baca atau tidak boleh, dan tidak boleh baca, atau tidak boleh baca dengan baik, calon-calon ini dikategorikan sebagai calon buta huruf dan mereka layak menduduki ujian khas di JPJ. Tetapi sebelum calon-calon ini dibenarkan untuk menduduki ujian lisan khas oleh JPJ, calon-calon perlu mendapatkan pengesahan sebagai calon kategori ini oleh pihak-pihak yang ditetapkan antaranya ialah:

i. Wakil rakyat.
ii. Penghulu
iii. Guru Besar, Pengetua Sekolah dan juga JP, Jaksa Pendamai.

Pengesahan buta huruf ini perlu dibuat di dalam borang yang ditetapkan oleh JPJ dengan perakuan oleh pihak-pihak yang saya sebut itu. JPJ menetapkan hanya pihak-pihak yang di atas sahaja yang layak untuk memperakukan seseorang itu buta huruf. Adalah atas dasar kepercayaan bahawa mereka mengenali latar belakang dan status pendidikan pemohon. Jika pihak-pihak berkenaan di atas kurang yakin atau kurang mengenali latar belakang pemohon, adalah disyorkan agar pemohon dinasihatkan mendapatkan pengesahan oleh pihak-pihak lain yang lebih mengenali pemohon seperti Penghulu atau Pengetua atau Guru Besar. Untuk makluman juga, sehingga kini ya, belum ada lagi mana-mana Yang Berhormat dituduh atau didakwa kerana membuat perakuan palsu calon buta huruf. JPJ juga membuat tapisan dan pemantauan kepada calon-calon buta huruf bagi memastikan calon-calon yang memohon ujian khas adalah calon-calon yang benar-benar layak sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Y.B. Pasir Raja mohon supaya Bajet Lebihan 2011 Kerajaan Negeri dihulurkan sedikit kepada Majlis Daerah Kota Tinggi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Daerah Kota Tinggi merupakan salah satu Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh selain daripada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Daerah Pontian. Kedudukan kewangan Majlis sehingga, Majlis ini eh, sehingga 31 Oktober tahun ini, menunjukkan bahawa Majlis Daerah Kota Tinggi mempunyai baki wang Majlis sebanyak RM22.2 juta dengan status bajet surplus berbanding ataupun lebihan berbanding hasil yang dikutip pada tahun 2010 berjumlah RM4.6 juta.

Majlis Daerah Kota Tinggi juga telah menerima sejumlah RM6.12 juta peruntukan daripada Kementerian Perumahan bagi melaksanakan kerja-kerja pembangunan yang dirancang oleh mereka. Selain dari itu, Majlis Daerah Kota Tinggi telah memperuntukkan sejumlah RM3.8 juta untuk perbelanjaan pembangunan tahun 2010. Walau bagaimanapun, Majlis Daerah Kota Tinggi telah membelanjakan sebanyak RM4.4 juta perbelanjaan pembangunan sehingga 31 Oktober 2010 melalui peruntukan tambahan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2010, juga Kerajaan Negeri juga membantu Majlis Daerah untuk caruman bantuan kadar berjumlah RM385,000.00 dan Geran Kerajaan Negeri berjumlah RM250,000.00 setahun.

Yang Berhormat Kahang mohon penerangan kedudukan semasa industri burung Walet, rakan saya Yang Berhormat EXCO Pertanian telah pun merangkumi berkenaan dengan keperluan untuk menternak dan membangunkan industri ini. Saya hanya ingin menyentuh tentang industri ini di kawasan PBT kerana rata-rata Yang Berhormat Datuk Speaker, lebih 80% daripada keseluruhan industri Walet di negeri ini adalah terletak di dalam kawasan-kawasan PBT. Jadi, untuk makluman Dewan, Mesyuarat MNKT ke-63 pada 2 September tahun ini, telah menimbang dan bersetuju dengan pelaksanaan, ini telah disebut tadi oleh EXCO yang berkenaan, EXCO Pertanian dengan pelaksanaan 1 GP oleh semua PBT dan bagi kawasan warisan di Negeri Pulau Pinang dan Melaka. Industri sarang burung Walet yang baru adalah tidak dibenarkan dan bagi yang sedia ada diberi tempoh sehingga 3 tahun sahaja. Yang ini di Melaka dan Pulau Pinang dalam kawasan bangunan warisan yang di gazet oleh UNESCO.
Peranan PBT dalam pembangunan industri ini meliputi :

i. Timbang dan lulus permohonan lesen premis.

ii. Kadar Fee bagi lesen yang berkaitan dan menetapkan tempoh sah laku lesen.
iii. Timbang pembaharuan pembatalan atau penggantungan lesen permohonan pindah milik lesen.
iv. Timbang dan meluluskan permohonan kebenaran merancang serta pelan atau permit bangunan bagi premis burung Walet.
v. Menguatkuasakan undang-undang kecil PBT sedia ada sekiranya berlaku perlanggaran terhadap undang-undang, peraturan atau syarat-syarat yang lain yang ditetapkan oleh PBT di premis-premis perladangan burung Walet dan pemprosesan sarang burung Walet.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Yang Berhormat Datuk Speaker telah bersetuju supaya garis panduan dan pembangunan industri burung Walet yang dikenali sebagai 1 GP ini di guna pakai di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor dalam jangka masa yang terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Bukit Batu membangkitkan fungsi Pasukan Tindakan Kebersihan di setiap PBT masih tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak pembayar cukai. Untuk makluman Dewan yang mulia, di atas keprihatinan kerajaan, di atas slogan Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan, MMK pada 1 September tahun ini telah setuju penubuhan pasukan kerja bagi menjaga kebersihan, keindahan dan keceriaan di Pihak Berkuasa Tempatan yang dinamakan Pasukan Tindakan Kebersihan atau ringkasnya PTK. Skop kerja PTK adalah :

i. Pembersihan pokok tumbang, cantasan pokok dan pembersihan taman permainan kanak-kanak.
ii. Pemotongan rumput.
iii. Pembersihan saliran ataupun perparitan, pembersihan sampah longgok, pembersihan poster haram, membaiki jalan berlubang, pembersihan sapu jalan di kawasan perumahan, pembersihan rumah tinggal atau terbiar, pencahayaan lampu taman.

Pada masa ini mungkin menjadi halangan kepada pasukan ini dari segi peralatan serta sumber kewangan bagi beberapa PBT. Atas kesedaran ini, bagi memastikan objektif penubuhan PTK ini berjaya, kesemua PBT yang tidak berkemampuan dari segi sumber kewangan dikehendaki membuat permohonan peruntukan kepada Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Johor bagi disalurkan peruntukan pada tahun hadapan.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa pada tahun hadapan adalah menjadi agenda kerja portfolio saya untuk ke setiap PBT Negeri Johor, bagi memastikan pasukan ini berjalan mengikut skop dan fungsi yang telah ditubuhkan iaitu mulai 1 Oktober, baru saja.

Sementara saranan daripada Yang Berhormat ADUN Permas Jaya, Kerajaan Negeri tidak menjadi halangan kepada setiap PBT menubuhkan skuad tinjau seperti di Majlis Pasir Gudang asalkan ianya menumpukan penambahbaikan perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat setempat.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Kempas mengenai Jalan Kempas Lama yang tidak rata dan tidak sempurna akan diturap semula oleh pihak JKR pada tahun hadapan termasuk kerja-kerja naik taraf persimpangan lampu isyarat Jalan Kempas, Lebuh Raya Utara-Selatan, Jalan Datin Halimah, untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di persimpangan tersebut.

Yang Berhormat ADUN Nusajaya juga Yang Berhormat Datuk Speaker, membangkitkan beberapa perkara mengenai kewujudan *Fun Fair* di Pekan Gelang Patah, masalah banjir kilat di Taman Nusa Sentral, pemantauan kotai-kotai buruh binaan warga asing, naik taraf gerai awam dan terminal pengangkutan.

Untuk makluman, pihak Majlis yang berkenaan tidak lagi mengeluarkan ulasan sokongan kepada Pejabat Daerah atas permohonan untuk menjalankan perniagaan *Fun Fair* di kawasan pentadbirannya. Tindakan ini diambil kerana perniagaan ini mendapat bantahan masyarakat dan pemimpin setempat. Oleh yang demikian, Majlis telah mengambil tindakan dan memberi kerjasama kepada Pejabat Daerah Johor Bahru untuk mengambil tindakan sitaan dari semasa ke semasa.

Mengenai banjir kilat di Taman Nusa Sentral, pihak Majlis telah mengarahkan pemaju iaitu Tetuan Country View untuk mengambil tindakan menaik taraf longkang bagi menampung aliran air serta membuat pemantauan secara berkala bagi mengatasi masalah ini.

Sementara bagi pemantauan terhadap kotai-kotai buruh binaan warga asing, pihak Majlis telah mengeluarkan arahan kepada semua pemaju-pemaju di kawasan pentadbirannya supaya mengemukakan pelan-pelan bagi pembinaan rumah-rumah pekerja semasa permohonan permit. Pihak Majlis akan membuat pemantauan semasa proses permohonan pelan tersebut.

Bagi pelaksanaan naik taraf gerai-gerai awam dan terminal pengangkutan ini, pihak Majlis akan mengambil maklum mengikut keperluan dan perbelanjaan Majlis dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, status terkini pembangunan projek Taman Sri Layang-Layang telah di isytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai pada 31 Disember 2003 lagi. Projek terbengkalai ini telah dipantau oleh pihak Jabatan Perumahan Negara, Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai. Ini respons kepada ADUN Layang-Layang.

Pihak Jabatan Perumahan Negara telah menyerahkan kepada Jabatan Insolvensi Negeri Johor untuk mendapatkan pemaju penyelamat bagi memulihkan projek ini dan pihak Jabatan Insolvensi telah melantik Tetuan Guan & Associates sebagai pelikudasi atau *peliquidator* kepada projek perumahan terbengkalai di Taman Sri Layang-Layang.

Pada 12 Ogos tahun ini, pihak Jabatan Perumahan Negara telah mengadakan Mesyuarat Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai di Dewan Orang Ramai Layang-Layang di mana melibatkan agensi yang berkaitan dengan pembeli rumah Taman Sri Layang-Layang. Sehingga kini, Jabatan Perumahan Negara masih lagi menunggu

tindakan atau jawapan daripada *liquidator* sama ada untuk ambil alih projek ini. Sekiranya pihak *liquidator* tidak bercadang untuk mengambil alih projek terbengkalai ini, pihak Jabatan Perumahan Negara akan membuat tawaran semula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah banjir di kawasan Jalan Sawi, Yap Tau Sah, pihak Majlis Perbandaran, ini respons kepada ADUN Mengkibol, telah menjalankan kerja-kerja perparitan yang telah siap pada bulan September 2010. Ini adalah satu cara bagi membantu penduduk mengatasi masalah banjir. Pihak Majlis Perbandaran Kluang juga akan menjalankan kerja-kerja pembersihan longkang dari semasa ke semasa.

Cadangan Yang Berhormat ADUN Nusajaya yang meminta dipasang lampu isyarat di persimpangan Jalan Ulu Choh, Jalan Ulu Pulai untuk mengelakkan kemalangan di jalan tersebut sedang diambil tindakan di mana pada masa ini pihak JKR sedang dalam tindakan menyiapkan reka bentuk naik taraf simpang tersebut. Kerja-kerja dijangka siap dilaksanakan pada pertengahan tahun 2011.

Manakala bagi permohonan pembinaan longkang konkrit 'U' sepanjang 500 meter di Kampung Sinar Harapan, Pekan Nenas, seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Pekan Nenas, ianya akan dirujuk kepada Pejabat Daerah Pontian kerana kampung tersebut di bawah kawal selia Pejabat Daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Mengkibol, berhubung dengan lampu isyarat kerap rosak akan diatasi dengan melantik kontraktor tempatan supaya penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Papan tanda amaran lalu lintas akan ditambah dan diperbaiki dari semasa ke semasa untuk memberi panduan kepada pengguna jalan raya terutama pada waktu malam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan perbahasan saya ini, saya mohon maaf sekiranya ada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya memberikan maklum balas. Mana-mana yang telah diberikan jawapan di bawah soalan-soalan bertulis ataupun soalan lisan ataupun soalan lisan yang telah menjadi soalan bertulis saya tidak sentuh tidak sentuh di dalam penggulungan saya ini Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan untuk akhirnya, izinkan saya untuk menyampaikan dua rangkap pantun.

Ketupat palas dari Segamat, mari dibawa ke Pasir Gudang, teguran ikhlas Ahli-Ahli Yang Berhormat, menambah semangat saya berjuang. Daun kelapa dibuat ketupat, selepas diangkat baru dimakan, biarlah kita berbeza pendapat, asalkan kesejahteraan rakyat perlu diutamakan. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya tangguhkan, pada hari ini, dijemput semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan untuk menghadiri Majlis Pelancaran Program Pelancongan Kota Iskandar pada hari ini, jam 1:00 tengah hari, bertempat di Siar Jauhar yang akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 1 Disember 2010, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:10 petang.

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2011) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEBELAS	RABU, 1 DISEMBER 2010	BIL. 12 TAHUN 12

HADIR

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Perbahasan disambung sekarang. Yang Amat Berhormat Dato' jemput.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk merujuk beberapa perkara yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang telah pun berlangsung. Yang pertama di antaranya Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Mengkibol yang berkaitan dengan *strata title* khususnya di kawasan Mengkibol dan yang dikatakan agak melampaui sepuluh tahun tidak ada *strata title* dan seterusnya langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mempercepatkan proses permohonan *strata title* itu.

Dato' Speaker, *strata title* ataupun Hak Milik Strata dikeluarkan bagi menjaga hak dan kepentingan pembeli yang telah dipecah bahagi dalam satu lot tanah berhubung dengan petak-petak kediaman ataupun kedai dan sebagainya, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Hak Milik Strata 1985. Di bawah akta ini pemilik tanah ataupun pemaju dikehendaki memohon Hak Milik Strata yang berpandukan kepada Seksyen 9 dan 10, yang jelas menerangkan mengenai peringkat awal permohonan serta dokumen-dokumen yang perlu dikembarkan bagi pengeluaran Hak Milik Strata.
Pada peringkat ini segala urusan tanah, apa jua urusan mengenai bangunan dan juga dasar yang ditetapkan oleh kerajaan mestilah dipatuhi oleh pihak pemaju berkenaan. Dan bagi kawasan pemajuan strata khususnya di Mengkibol ada beberapa permasalahan yang dikenal pasti yang merupakan punca Hak Milik Strata masih belum dipohon.

1. Sebagai contoh, Johbase Development Sdn. Bhd. Di mana pemaju masih lagi dalam proses penyelesaian urusan tanah untuk menyatukan lot-lot tanah yang sebelum ini dijual secara berasingan, terdiri daripada komponen kedai 4 tingkat untuk dijadikan sebagai sebuah pembangunan skim strata di Mukim Bandar Kluang sebanyak 592 petak oleh Johbase Development Sdn. Bhd. Jadi perkara yang pertama yang perlu dibuat ialah untuk disatukan lot-lot itu menjadi satu lot tanah, lepas itu dibahagikan kepada plot-plot yang berbentuk *strata title*.

2. Ju-Ichi Enterprise Sdn. Bhd. Di mana pemaju masih di peringkat perbincangan dengan pihak Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor berhubung urusan tanah yang perlu mendapat persetujuan bagi pembangunan strata di Mukim Bandar Kluang merangkumi 672 petak oleh Ju-Ichi Enterprise Sdn. Bhd. yang terdiri daripada komponen kedai pejabat 4 tingkat.

3. Kemudian satu lagi contoh rumah pangsa Jalan Haji Manan. Manakala bagi 4 blok projek perumahan rumah pangsa Jalan Haji Manan sebanyak 128 unit di Mukim Bandar Kluang, ia tidak perlu untuk dikeluarkan Hak Milik Strata kerana unit tersebut bertujuan untuk disewakan dan bukan untuk dijual yang diuruskan sepenuhnya oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan Negeri Johor.

Dato' Speaker, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor mengambil serius perkara ini di mana Hak Milik Strata yang masih belum dikeluarkan dengan mengambil beberapa pendekatan yang boleh membantu mempercepatkan lagi pengeluaran Hak Milik Strata.

1. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Strata Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri bersama dengan agensi kerajaan yang terlibat.

2. Melakukan siasatan dan perbincangan terperinci dengan pemilik tanah dan pemaju secara berkala.

3. Mengeluarkan notis amaran bertulis kepada pemaju-pemaju yang gagal memohon Hak Milik Strata.

4. Menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan melalui bangunan strata yang telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki Bangunan (CFO) atau SIjil Pengeluaran Siap dan Pematuhan (CCC) daripada Pihak Berkuasa Tempatan secara bulanan dan seterusnya untuk memastikan bahawa proses pengeluaran Hak Milik Strata tidak melebihi 170 hari bekerja sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Dato' Speaker saya beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Parit Yaani mengenai hasil kerajaan yang masih lagi bayarannya tertonggak dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini dan adakah kita mencadangkan pembayaran cukai dengan memberikan diskaun. Dato' Speaker, jumlah tunggakan cukai tanah yang masih belum dijelaskan atau yang patut dipungut melibatkan 10 daerah dan 3 daerah kecil sehingga 15 November 2010 ialah sebanyak RM85,791,402.00. Antara tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini ialah dengan cara pembukaan kaunter pembayaran cukai tanah di kompleks-kompleks membeli-belah dan kawasan perumahan. Selain itu, surat peringatan akan diedarkan pada awal tahun bagi memberi peringatan kepada pemilik tanah tentang pembayaran yang perlu dijelaskan. Jika pemilik tanah enggan membayar cukai maka tuan tanah berkenaan akan diberikan Notis 6A yang mana perlu dijelaskan dalam

tempoh 3 bulan. Jika tuan tanah masih gagal menjelaskan cukai dalam masa tertentu, maka Notis 8A bagi tujuan rampasan tanah akan dikeluarkan. Apabila Notis 8A ini telah dikeluarkan, tanah yang terlibat dikategorikan sebagai tanah kerajaan.

Selain itu, pembayaran cukai tanah juga boleh dijelaskan melalui pembayaran secara *online*. Kaedah pembayaran ini memberi kemudahan kepada mereka dengan syarat mempunyai akses ke internet dan akaun dengan bank yang ada menawarkan perkhidmatan tersebut. Dan Pentadbiran Tanah Johor dengan kerjasama pihak JKPTG juga membuat hebahan-hebahan di media massa berkaitan dengan pembayaran cukai tanah sama ada melalui kaunter ataupun *system on-line*. Buat masa ini belum ada lagi cadangan dan perancangan kerajaan untuk memberi diskaun kepada pembayar cukai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Maharani mengenai tindakan kerajaan untuk memungut hasil tertunggak untuk pendapatan negeri pada tahun-tahun lepas yang meliputi cukai penswastaan dan sebagainya. Dato' Speaker, berdasarkan kepada penyata tunggakan hasil yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada Perbendaharaan Negeri Johor, tunggakan hasil bagi 12 pemungut hasil adalah sebanyak RM177.32 juta pada akhir tahun 2009. Sebahagian besar daripada tunggakan hasil merupakan hasil cukai tanah, sewa dan sewa beli rumah serta hasil penswastaan.

Kerajaan Negeri telah mengarah Pentadbiran Tanah Negeri di mana hasil cukai yang tertunggak lebih kurang RM97 juta. Kedua, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri khususnya Cawangan Perumahan, tunggakan hasil sewa beli dan sewa projek perumahan rakyat bernilai RM40.9 juta, Unit Perancangan Ekonomi di mana tunggakan hasil pulangan penswastaan RM16.9 juta mengambil tindakan yang berkesan dan berterusan bagi mengatasi isu tersebut.

Dimaklumkan bahawa Pentadbiran Tanah Negeri melalui Pentadbiran Tanah Daerah telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan bil ataupun surat peringatan, Notis 6A serta tindakan sehingga pengeluaran Notis 8A di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Pentadbiran Tanah memberikan tumpuan kepada senarai tunggakan cukai tanah yang *material* dengan izin, serta mengambil tindakan sewajarnya melalui perbincangan dan juga peringatan secara berterusan agar tunggakan cukai tanah dapat dibayar oleh tuan tanah kepada kerajaan.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Cawangan Perumahan pula, tindakan penguatkuasaan dan pemantauan berterusan atas isu tunggakan sewa rumah dan sewa beli dengan tindakan pengeluaran notis, surat peguam dan tindakan kunci rumah serta pembatalan perjanjian ke atas penyewa yang gagal mematuhi bayaran sewa seperti mana dinyatakan di dalam perjanjian sewa. Pejabat Setiausaha Kerajaan Cawangan Perumahan juga telah melaksanakan kutipan hasil sewa rumah dan penyelenggaraan secara *out-source* dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tebrau, PPR Sri Stulang dan PPR Sri Iskandar sebagai projek perintis.

Bagi Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor, dimaklumkan bahawa perkara tunggakan daripada projek penswastaan telah pun mengambil tindakan untuk

memastikan tunggakan pulangan projek penswastaan yang sepatutnya kepada Kerajaan Negeri. Pengeluaran surat peringatan, surat amaran, perbincangan penyelesaian secara ansuran, kelulusan penjadualan semula dan rayuan atas pulangan komponen projek penswastaan agar ianya lebih *viable* dengan izin, yang diterima oleh kerajaan negeri serta kemampuan pemaju telah dilaksanakan secara berterusan bagi dibawa kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Skudai membangkitkan tentang apakah barang-barang kerajaan yang dijual pada tahun 2010 hingga melonjakkan hasil pendapatan negeri daripada RM91.5 juta pada tahun 2009 kepada RM287.5 juta pada tahun 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam tahun 2010 ini, Kerajaan Negeri menjangkakan pungutan hasil daripada perolehan dari jualan barang-barang akan meningkat iaitu daripada RM167.74 juta anggaran asal tahun 2010, kepada RM287.5 juta anggaran dipinda tahun 2010. Punca utama peningkatan adalah daripada pungutan hasil premium geran di mana Kerajaan Negeri menjangkakan pungutannya akan mencecah RM270 juta pada tahun 2010. Jumlah pungutan sebenar setakat 31 Oktober 2010 adalah RM269.74 juta.

Untuk makluman, sebahagian besar daripada pungutan adalah diterima daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, KPTG kerana bayaran premium tanah-tanah yang telah dikurniakan kepada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM149 juta. Jadi, Dato' Speaker, kalau dulu Kerajaan Negeri ada berhutang dengan Kerajaan Persekutuan dan alhamdulillah telah pun dibayar. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan ada hutang kepada Kerajaan Negeri. Jadi, untuk makluman Ahli Dewan sekalian, bahawa lonjakan pungutan dalam bentuk premium geran ini ialah sempena dengan bayaran yang tertunggak oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.

Sementara itu, premium perhutanan pula dijangkakan akan menyumbang sebanyak RM15 juta pada akhir tahun 2010 ini. Manakala, lain-lain hasil jualan termasuk jualan alat tulis, borang-borang dan barang-barang stor adalah dijangkakan sebanyak RM2.5 juta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pungutan sebenar setakat 31 Oktober 2010, jumlah kutipan bagi perolehan daripada jualan barang-barang adalah sebanyak RM280 juta dan daripada jumlah ini, sebanyak RM269.74 juta adalah bagi bayaran premium geran. Jadi, istilah yang ada dalam butiran hasil Kerajaan Negeri Dato' Speaker, ialah bertajukkan kepada perolehan dari jualan barang-barang. Jadi, perolehan daripada jualan barang-barang ini ada pecahan-pecahannya, di antaranya dalam bentuk premium geran. Premium geran sama ada daripada tanah kerajaan yang dikurniakan kepada individu ataupun kepada Kerajaan Persekutuan yang dibayar dalam bentuk premium. Kemudian Dato' Speaker, perolehan dari jualan barang-barang juga ada pecahan yang lain termasuklah di antaranya premium-premium hutan dan juga perolehan daripada jualan seperti saya katakan tadi, jualan alat tulis, borang-borang ataupun apabila ada agaknya motokar yang dah lama ataupun tayar yang dah lama yang dijual. Ini adalah di antara yang terkandung dalam butiran anggaran hasil tahunan di bawah tajuk perolehan dari jualan barang-barang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Kempas membangkitkan mengenai tindakan dan ataupun strategi yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya Tabungan Dana Kerajaan sentiasa berada dalam keadaan stabil secara berterusan. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor akan sentiasa memastikan supaya Tabungan Dana Kerajaan berada dalam keadaan yang stabil. Ini adalah penting memandangkan Kerajaan Negeri perlu menjelaskan segala komitmen sama ada dalam bentuk gaji ataupun elaun kepada kakitangan awam seluruh Johor pada setiap bulan. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak pernah gagal dalam melaksanakan komitmen tersebut walaupun ada dakwaan-dakwaan awal-awal tahun mengatakan kita tak mampu agaknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping itu, terdapat juga komitmen-komitmen lain seperti bayaran tuntutan daripada pembekal-pembekal dan kontraktor-kontraktor yang memberikan perkhidmatan kepada kerajaan. Sekiranya kerja-kerja dan bekalan-bekalan telah pun disempurnakan, bayaran perlu dijelaskan kepada pembekal dan kontraktor yang berkaitan supaya aktiviti ekonomi dapat diteruskan. Setakat ini, semua komitmen tersebut juga tidak pernah gagal dipenuhi oleh Kerajaan Negeri. Bagi memastikan supaya komitmen di atas dipenuhi, Tabungan Dana Kerajaan perlulah sentiasa stabil. Untuk itu, dalam tahun 2011 nanti, Kerajaan Negeri akan pastikan supaya hasil-hasil negeri terutamanya daripada sumber tanah dipungut secara semaksimum yang boleh.

Pejabat Tanah akan diarahkan untuk mencari jalan mengurangkan tunggakan serta kaedah pungutan daripada hasil bahan batuan diperkemaskan lagi supaya tiada ketirisan daripada hasil tersebut. Sumber baru hasil iaitu air mentah juga akan dipelbagaikan supaya dapat menambahkan lagi tabungan kerajaan. Jadi, kedudukan yang terkini dalam sektor air, Dato' Speaker, ialah keputusan yang telah pun dibuat bahawa air mentah adalah hak Kerajaan Negeri, maka pungutan akan dibuat oleh Kerajaan Negeri sebanyak mana air mentah digunakan untuk diproses, untuk bekalan keperluan.

Dan, seterusnya air mentah juga Dato' Speaker, ada lagi kepelbagaian kegunaannya selain daripada diproses untuk keperluan masyarakat kerana air mentah ini boleh digunakan dalam bentuk yang lain daripada diproses oleh sektor industri termasuk juga air mentah yang datangnya daripada dalam bumi. Ini adalah di antara sumber-sumber baru negeri-negeri daripada sumber air mentah yang ada di Johor dan juga di negeri yang lain.

Dato' Speaker, ingin saya maklumkan juga bahawa Kerajaan Negeri akan meneruskan perbelanjaan secara berhemah dan ketua-ketua jabatan telah diminta untuk memastikan bahawa konsep *The Best Value For Money,* dengan izin, diberikan penekanan dalam aspek pengurusan kewangan jabatan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa membangkitkan tentang cadangan kerajaan untuk meningkatkan pendapatan per kapita rakyat. Pendapatan dalam negara kasar per kapita Malaysia ataupun *Gross National Income* (GNI) per Kapita pada ketika ini adalah pada kadar USD6,700.00 bersamaan dengan RM23,700.00. Untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi, Malaysia perlu mempunyai pendapatan GNI per kapita pada paras

USD15,000.00 bersamaan dengan RM48,000.00 per kapita pada tahun 2020. Dan, GNI ini, ini istilah yang terkini sempena dengan Malaysia ke arah negara pendapatan tinggi. *Gross National Income* per kapita ini merupakan satu *indicator* yang sesuai digunakan oleh sesebuah negara.

Walaupun begitu, di peringkat sesebuah negeri ia sukar diukur kerana tiada *mekanisme* mengesan pergerakan pendapatan antara Johor dengan negeri lain ataupun negara-negara lain. Oleh itu, *indicator* purata pendapatan isi rumah adalah lebih sesuai digunakan. Untuk meningkatkan pendapatan isi rumah rakyat, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 3 inisiatif dalam Bajet Negeri Johor, dalam strategi 2 iaitu meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Tumpuan dalam usaha ini adalah kepada mereka yang berpendapatan pada paras 40% terendah di Malaysia, di Johor. Dan, menggariskan 3 inisiatif utama:

1. Di antaranya membangunkan tahap sosioekonomi rakyat secara *inklusif* yang memberi tumpuan kepada membantu masyarakat yang kurang berkemampuan.

2. Membangunkan modal insan yang dijangka akan membantu semua lapisan masyarakat di Johor, untuk mendapatkan peluang pekerjaan dengan kemahiran yang relevan terutamanya dalam aktiviti ekonomi utama nasional iaitu NKEA termasuk projek-projek di Iskandar Malaysia.

Dan, semalam pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melancarkan 9 lagi projek yang membuka peluang pekerjaan lebih daripada 80,000 dalam 9 sektor yang berbagai. Dan, ini adalah ke arah untuk meningkatkan lagi *momentum*, dengan izin, peningkatan GNI dengan cara menggerakkan pelaburan oleh sektor swasta yang memberi peluang pekerjaan pada tahap kemahiran yang lebih tinggi dan serentak dengan itu akan memberikan pendapatan yang lebih tinggi.

Dan, Dato' Speaker, Johor dijangka akan mendapat manfaat daripada Pelan Transformasi Ekonomi ini. Kerana di Johor ini, kita juga akan menerima beberapa projek besar yang termasuk dalam kategori apa yang dipanggil EPP iaitu *Entry Point Project*. Dan, saya dimaklumkan bahawa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan tidak berapa lama lagi di antara projek-projek utama daripada EPP ini yang terletak di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada, juga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Puteri Wangsa mengenai hab minyak di Teluk Ramunia, Pengerang. Ingin saya maklumkan di sini bahawa industri minyak dan gas telah dikenal pasti sebagai salah satu projek di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional iaitu NKEA dan banyak pihak telah pun mengenal pasti kesesuaian yang amat tepat untuk meletakkan projek besar itu di kawasan tenggara Johor sebagai satu kawasan yang akan menjadi hab industri minyak dan gas yang, di antara yang terbesar bukan di Malaysia sahaja tapi akan menjadi satu kawasan yang mungkin keempat terbesar di dunia selepas Houston, Brazil, Abadin dan Johor Tenggara. Kerana dia, Johor hingga kini telah pun ada kepelbagaian kegiatan ekonomi yang berkaitan dengan minyak dan gas. Sebagai contoh, minggu lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sampai ke dua aktiviti yang berkaitan dengan minyak dan gas ini iaitu di *Technip*,

sebagai contoh, yang mengeluarkan paip yang digunakan untuk sampai ke laut dalam untuk menyalurkan sama ada gas ataupun minyak. Dan ini dibuat di Johor, di Pasir Gudang.

Keduanya ialah satu *yard* yang besar untuk membina platform membuat kerja-kerja *fabrication* yang besar untuk dibawa ke laut dalam untuk menggali minyak dan gas. Jadi ini sebagai dua contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, yang tak ada di rantau ini walaupun di negeri sebelah Selatan semenanjung ini kerana di Selatan semenanjung ini kalau ada pun kegiatan dalam bidang minyak dan gas ialah dalam hal yang berkaitan dengan jual beli sahaja perdagangan minyak dan gas tetapi tidak dalam bidang-bidang yang berbagai sama ada *upstream* ataupun *downstream* yang berkaitan dengan minyak. Dan, Johor Tenggara dalam tempoh mungkin tak sampai lima tahun ini akan menjadi satu tumpuan pelaburan besar-besaran di sektor ini. Dan, ditakdirkan Allah, di hadapan Negeri Johor ini tak ada sumber minyak Dato' Speaker, jadi Johor tak payah mencari minyak di perairan di hadapan Johor. Tapi, negara kita alhamdulillah mempunyai sumber minyak dan saya dimaklumkan ada penemuan-penemuan baru sumber minyak walaupun jauh di laut dalam tetapi dalam kawasan Malaysia. Maka, Johor Tenggara menjadi pusat untuk membekalkan segala keperluan untuk sampai ke laut dalam. Bukan sahaja untuk telaga-telaga minyak dalam kawasan Malaysia tetapi juga untuk bekalan di peringkat rantau dan dunia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Puteri Wangsa juga merujuk kepada Projek Perumahan Rakyat Termiskin bagi pembinaan projek perumahan, Projek Perumahan Rakyat Termiskin dan bagaimana kita memilih kontraktor supaya ia kontraktor yang baik melaksanakan projek tersebut dan diserahkan kepada keluarga yang berkenaan. Dalam hal ini Dato' Speaker, dia merupakan salah satu dari program yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah Program Membasmi Kemiskinan, menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk sebuah keluarga yang di kategorikan sebagai miskin di bawah pendaftaran e-Kasih.

Dalam hubungan ini bagi memastikan pembinaan Projek Perumahan Rakyat Termiskin yang berkualiti, kerajaan telah menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan PPRT ini mengguna pakai pelan dan spesifikasi yang seragam seperti terkandung dalam Garis Panduan Program Bantuan Rumah di mana Kerajaan Negeri mengeluarkan Garis Panduan Program Bantuan Rumah Negeri Tahun 2010. Perkara-perkara yang diberi penekanan dalam garis panduan tersebut adalah seperti berikut :-

1. Kumpulan sasaran mengikut kriteria yang telah ditetapkan.
2. Skop dan kadar bantuan yang perlu diikuti.
3. Spesifikasi dan reka bentuk rumah yang standard.
4. Pemantauan dan pengawasan projek yang berterusan dan mengikut jadual daripada agensi pelaksana.

Selain daripada itu, pemantauan projek-projek ini juga dibuat di peringkat negeri-negeri melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri dan juga Tindakan, Mesyuarat *Focus Group* Negeri dan juga di peringkat Jawatankuasa Teknikal yang lain. Tanggungjawab kontraktor terhadap projek yang telah diterima, mereka juga sentiasa dititik beratkan, pelaksanaan projek memenuhi spesifikasi, kualiti dan menyiapkan projek dalam tempoh ditetapkan adalah merupakan perkara yang sentiasa diberikan perhatian.

Peluang kontraktor untuk mendapat projek kerajaan pada masa akan datang akan terjejas dan mereka juga boleh disenaraihitamkan sekiranya gagal memenuhi tanggungjawab tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Skudai membangkitkan tentang pelaksanaan di Iskandar Malaysia ini, pelaburan pada paras 40% sahaja daripada RM62 bilion yang telah pun diumumkan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Iskandar Malaysia dilancarkan pada akhir tahun 2006, jadi 2006, kalau tak salah saya bulan November maka kita melalui 2007, 2008, 2009 dan 2010. Dalam tempoh 4 tahun ini, maka pelaburan, komitmen pelaburan yang terkumpul hingga Jun 2010 yang kita katakan komited, ialah sebanyak RM62 bilion. Dan, ini termasuk projek-projek sektor swasta dalam bidang pelancongan, pendidikan, kesihatan, logistik, petrokimia dan sebagainya. Dan, jumlah ini tidak terhad sahaja kepada pelaburan asing. Daripada, saya ingin beri maklumat yang terkini di Dewan yang mulia ini, daripada RM62 bilion Yang Berhormat Dato' Speaker, sebanyak RM26.8 bilion merupakan pelaburan yang dibelanjakan sebenarnya di Iskandar Malaysia hingga kini *so*, bukannya RM25 tapi lebih tepat lagi RM26.9 bilion, lebih kurang 41%.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa bila kita dapat terjemahkan *committed investment*, dengan izin, kepada pelaburan yang sebenarnya dalam bentuk dibelanjakan pada paras 41% dia merupakan satu yang, dalam tempoh 3 tahun, adalah satu bukti yang jelas bahawa komitmen itu diterjemahkan dalam bentuk perlaksanaan. Kita kena mengambil kira juga Yang Berhormat Dato' Speaker, komitmen itu perlu disusuli dengan kerja-kerja sama ada perancangannya, reka bentuknya dan seterusnya pembinaan, menyediakan modal insannya. Jadi, walau begitu, saya ingin menegaskan di sini bahawa di Johor keseluruhannya termasuk di Iskandar Malaysia ini bahawa proses untuk mempertimbangkan segala bentuk permohonan projek-projek ini dilaksanakan dalam tempoh kalau tak salah saya tak lebih sebulan. Misalnya, komitmen daripada syarikat India yang ditandatangani di hadapan Perdana Menteri India dengan Perdana Menteri Malaysia, projek Bioteknologi oleh syarikat India yang ternama, terbesar di India dalam bidang bioteknologi yang dinamakan Biocon, sebagai contoh akan sampai ke Iskandar Malaysia ini khususnya di Taman Bio Excel, Bio Excel ini Dato' Speaker ialah Biotek, Pusat Biotek di Kuala Lumpur tu diselerakkan di seluruh negara dengan segala kemudahan insentif juga sampai ke seluruh negara. Maka Negeri Johorlah yang pertama memanfaatkan penyelerakkan biotek industri ini daripada *Klang Valley* ke negeri-negeri. *So*, di Johor ini kita panggil satu Taman Bio Excel sebagai contoh. Jadi, di antara syarikat yang besar daripada India, bahkan yang terbesar dalam bidang bioteknologi akan berada di Bio Excel dan kita berjanji kepada syarikat berkenaan dalam tempoh satu bulan permohonannya untuk kita sempurnakan segala permohonan supaya projek itu dapat dilaksanakan.

Jadi, perlaksanaan projek Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memberi jaminan tidak di lewat kerana proses pertimbangan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Jadi Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Skudai pun boleh melihat dengan mata kasar pun Dato' Speaker, RM60 bilion komitmen diterjemahkan dalam bentuk perlaksanaan seluruh Iskandar ini boleh perhati tak kira sama ada di tengah bandar raya Johor Bahru, di Nusajaya ke ataupun di Pasir Gudang, semuanya dapat disaksikan dengan mata kasar sekalipun apa yang sedang berlaku di Iskandar Malaysia ini. Saya, kalau

Yang Berhormat daripada Skudai agak pergi ke Utara sedikit, rasa saya tak nampaklah apa yang berlaku seperti yang dapat kita lihat di Iskandar Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada Skudai juga membangkitkan tentang perkara yang diumumkan kebelakangan ini iaitu Pembangunan *Greater Kuala Lumpur* yang seolah-olah ada satu penumpuan pertumbuhan ekonomi di sekeliling *Greater Kuala Lumpur* tidak berselerak di luar daripada Greater Kuala Lumpur. Ingin saya maklumkan di sini bahawa, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Skudai menyebut bahawa peruntukan kepada Iskandar dua tahun terdekat ini betul, pada paras RM339 juta. Tapi saya ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dua hari lalu, saya, dalam satu mesyuarat mengenai Iskandar ini, bahawa Kerajaan Malaysia, Perdana Menteri telah pun menambah peruntukan sebanyak RM600 juta lagi untuk Iskandar Malaysia. (Dewan bertepuk). Jadi, RM339 juta yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2011 ditambah sebanyak RM600 juta lagi *just* untuk Iskandar Malaysia. Jadi, oleh yang demikian, mungkin *Greater Kuala Lumpur* akan tumbuh dengan pesat tetapi Iskandar Malaysia juga akan...

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : ...serta, akan tumbuh berkembang juga sempena dengan pelaburan swasta dan juga peruntukan yang cukup daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Kempas membangkitkan tentang masalah, perkara yang berkaitan perkara rasuah. Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa SPRM sejak 2005 hingga 2009 telah pun menangkap seramai 1,300 orang di peringkat negara dan membuat tuduhan, telah menuduh seramai 591 pegawai-pegawai kerajaan di peringkat negara. Dan, kakitangan kerajaan yang ditangkap di Negeri Johor dalam tempoh 5 tahun itu ialah 129 orang. Tapi Yang Berhormat daripada mana, bukan daripada Kempas, membuat ucapan kita semua ni, semuanya perasuah Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hmm.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ucapannya sampai begitu sekali. Saya rasa itu satu ucapan yang zalim. Jadi kita semua ni...

Y.B. Dato' Speaker : Pengamal rasuah.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Pengamal rasuah. Saya harap Yang Berhormat Dato' Speaker, janganlah ada pihak yang begitu zalim terhadap kita semua, kakitangan kerajaan, rata-rata Yang Berhormat Dato' Speaker, kakitangan kerajaan ni, kita pun ada, kita bertanggungjawab terhadap tugas kita, kita pun ada pegangan kita, jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak kata tidak ada masalah ini, tapi takkanlah sampai semua sekali kita dimasukkan dalam kategori pengamal rasuah.

Dato' Speaker, antara langkah-langkah yang diambil untuk memerangi budaya rasuah di kalangan kakitangan kerajaan adalah aktiviti pendidikan masyarakat. Ia merupakan salah satu kaedah pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia selaras dengan peruntukan dan

tanggungjawab pegawai SPRM di bawah Seksyen 7(f) dan (g), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 iaitu mendidik masyarakat supaya menolak rasuah dan mendapatkan sokongan masyarakat untuk menentang jenayah rasuah. Sehubungan itu, pelbagai aktiviti dan program pendidikan dan penerangan telah dilaksanakan SPRM khusus kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Negeri Johor ini. Ini kerana Kerajaan Negeri sedar bahawa usaha-usaha pencegahan rasuah merupakan usaha yang berterusan dan perlu dilaksanakan supaya unsur untuk kita benci, menolak rasuah dapat disemai dalam jiwa kakitangan kerajaan agar mereka dapat menjauhi perbuatan keji ini. SPRM juga sentiasa dan akan bekerjasama dengan mana-mana jabatan untuk memperbaiki sistem penyempurnaan, maaf, sistem penyampaian kerajaan. Setakat ini, SPRM telah membantu beberapa jabatan untuk memperbaiki sistem dan prosedur kerja bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah.

Satu lagi Dato' Speaker, pada awal tahun ini juga, SPRM juga telah melaksanakan Kempen Perangi Pemberi Rasuah bagi meningkatkan integriti penjawat awam dan mengekang budaya memberi rasuah kepada penjawat awam. Sehingga tahun 2010, SPRM juga telah menangkap seramai 56 orang awam atas kesalahan memberi dan menyogok penjawat awam. Sehubungan itu, sejumlah 53 kertas siasatan telah dibuka. Antaranya membawa kepada pertuduhan di mahkamah yang melibatkan jumlah denda RM152,000.00 dan hukuman penjara 199 hari. Hukuman tertinggi berkaitan kesalahan memberi rasuah ialah 6 bulan dan jumlah denda ialah sebanyak RM15,000.00. Dato' Speaker, ini menunjukkan peningkatan yang ketara di mana pada tahun 2008 hanya 18 orang awam ditangkap manakala tahun 2009 pula melibatkan 6 orang kerana memberi dan menyogok penjawat awam.

Kerajaan Negeri juga melalui SPRM Johor telah mengambil pelbagai langkah dan usaha untuk menggalakkan orang awam untuk melaporkan rasuah dan penyelewengan antaranya ialah Kempen Pendidikan dalam bentuk ceramah, bahan bercetak untuk diedarkan, media massa, mempelbagaikan cara memberi maklumat seperti melalui *homepage*. Dan seterusnya di peringkat Kerajaan Negeri, mekanisme yang dilaksanakan bagi mengatasi dan membanteras budaya rasuah ialah:

1. Mewujudkan buku prosedur kerajaan bagi memastikan rakyat ataupun sesiapa juga termasuk pelanggan faham mengenai prosedur sebenar sesuatu proses kerja,
2. Mewujudkan Jawatankuasa Keutuhan Jabatan dan Kerajaan bagi memantau aktiviti jabatan dan anggota perkhidmatan awam.
3. Mewujudkan Unit Audit Dalam bagi memantau proses kerja mengikut prosedur yang betul dari semasa ke semasa.
4. Mewujudkan Institut Integriti Kerajaan untuk menimbulkan kesedaran kepada anggota kerajaan.
5. Mengambil tindakan tatatertib kepada pegawai yang terbukti melakukan rasuah.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat daripada Maharani menyebut mengenai projek e-Desa. Yang Berhormat Dato' Speaker, projek Pusat e-Desa merupakan salah satu projek sosial kerajaan Negeri Johor. Cadangan penubuhan Pusat e-Desa dipersetujui oleh Kerajaan Negeri pada April 2002. Objektif pembangunan Pusat e-Desa untuk

merapatkan jurang digital antara penduduk bandar, luar bandar. Pusat e-Desa berfungsi sebagai pusat teknologi maklumat, bagi tujuan latihan, pusat sumber, pusat penyebaran maklumat, pusat aduan dan pusat rangkaian khidmat kerajaan secara *online*.

Sebanyak 40 Pusat e-Desa telah dibangunkan secara berperingkat melalui 3 fasa di 40 lokasi dikenal pasti. Fasa pertama melibatkan pembangunan 8 pusat siap 2003, fasa kedua melibatkan 20 pusat siap 2005, ketiga melibatkan 12 pusat dan disiapkan pada tahun 2006. Projek ini dibiayai sepenuhnya melalui hasil pulangan daripada projek penswastaan. Namun begitu, pengurusan Pusat e-Desa menghadapi pelbagai masalah seperti sukar mendapatkan pekerja bagi menyelia Pusat-pusat e-Desa, kos operasi dan kos baik pulih komputer yang semakin tinggi, menghadapi masalah bangunan, ada juga komputer yang dicuri dan kurang mendapat sambutan daripada penduduk setempat. Keadaan bertambah buruk lagi apabila ada di antara Pusat e-Desa terpaksa ditutup akibat banjir besar yang berlaku pada 2006 dan 2007. Kerosakan yang teruk berlaku pada bangunan, perkakasan komputer, pendawaian dan rangkaian.

Oleh itu, Dato' Speaker, pihak Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri telah membuat kajian dan menilai semula pelaksanaan Pusat e-Desa. Hasilnya mereka telah pun mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar menutup kesemua Pusat e-Desa berdasarkan kepada berikut; kalau kita nak teruskan kita perlukan lebih kurang RM2.9 juta bagi pembelian peralatan komputer dan kelengkapan pejabat yang baru serta kerja-kerja pengubahsuaian bangunan yang perlu dilakukan bagi memastikan ianya sesuai untuk berfungsi. Kemudian, kos penyelenggaraan dan kos operasi yang tinggi di mana dianggarkan sebanyak RM93,000.00 dalam setahun, kos ini termasuklah kos sewa talian internet, bil penggunaan elektrik, elaun penyelia, baik pulih komputer, aktiviti di pusat dan lain-lain.

Seterusnya Dato' Speaker, persaingan dengan pusat *cyber cafe* yang telah banyak dibangunkan di kawasan kampung sekali pun dan tidak jauh daripada lokasi Pusat e-Desa. Dengan keupayaan komputer yang lebih baik, maka secara tidak langsung ianya mempengaruhi sambutan penduduk terutama anak muda untuk datang ke Pusat e-Desa. Tambahan pula Dato' Speaker, didapati banyak pihak di antaranya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia telah juga membina pusat seumpama Pusat e-Desa. Ada di antaranya pula berada di lokasi berdekatan dengan Pusat e-Desa. Oleh itu, Kerajaan Negeri pada tahun 2010, telah memutuskan supaya Pusat e-Desa Negeri Johor ditutup dan membenarkan Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor membuat kerja-kerja pelupusan harta modal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Pasir Raja merujuk kepada dunia *cyber* yang ada pada ketika ini yang mana kita semua terdedah kepada sama ada tertakluk kepada *scrutiny*, dengan izin, bahkan kritikan melalui kemudahan yang ada dalam dunia *cyber* pada ketika ini. Dan, Yang Berhormat dari Pasir Raja merujuk tentang langkah-langkah untuk maklum balas isu-isu yang dibangkitkan dan juga memberi, membetulkan persepsi-persepsi yang agak pelbagai tentang perkara-perkara tertentu. Dalam hal ini Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sedar bahawa rakyat mempunyai pelbagai saluran untuk mendapatkan maklumat, menyumbangkan

pandangan, dan cadangan serta membuat aduan. Pada masa yang sama juga, rakyat mengharapkan maklum balas dapat diberikan dengan cepat, tepat dan betul.

Bagi membolehkan dan memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan betul serta pandangan dan aduan dapat disalurkan terus kepada Kerajaan, satu sistem yang dinamakan Sistem Johor Aduan Awam Bersepadu ataupun singkatannya Sistem e-Jawab telah dibangunkan oleh Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor. Sistem e-Jawab ini merupakan sistem aduan yang membolehkan rakyat membuat aduan, pertanyaan, cadangan dan penghargaan kepada jabatan dan agensi kerajaan di Negeri Johor.

Di samping itu juga, rakyat boleh membuat semakan di atas status aduan yang telah dibuat dan menerima maklum balas dari agensi yang ditujukan. Di pihak Kerajaan Negeri, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri boleh melihat laporan dan status pelaksanaan pengurusan aduan di setiap agensi. Pada masa yang sama, Unit Audit Dalam diberi kuasa untuk membuat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pelaksanaan pengurusan aduan dilaksanakan dengan baik dan teratur. Bagi pelaksanaan awal, penggunaan Sistem e-Jawab telah dilaksanakan di Pejabat Tanah, Pejabat-pejabat Daerah serta agensi-agensi di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sistem e-Jawab juga telah dipertingkatkan lagi fungsinya dengan menyediakan kemudahan perkhidmatan SMS. Ini bermakna, orang ramai terutamanya rakyat Johor boleh membuat dan menerima maklum balas melalui SMS. Perkhidmatan ini disediakan hasil kerjasama dari pihak MAMPU melalui Perkhidmatan Gerbang SMS Kerajaan Malaysia atau dikenali sebagai MySMS 15888. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan blog rasmi ADUN semenjak tahun 2009 bagi membolehkan pihak Ahli Yang Berhormat menerima sebarang pertanyaan, cadangan dan pandangan dan aduan daripada rakyat, di samping Ahli Yang Berhormat dapat menggunakan *blog* tersebut untuk memberikan maklumat dan penjelasan, pandangan dan maklum balas kepada rakyat.

Dan, kini Kerajaan Negeri telah menumpukan usaha terhadap penggunaan rangkaian media sosial seperti F*acebook, Twitter, MySpace* dan Wikis. Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan komunikasi rakyat dan kerajaan mengenai maklumat penting seperti kes jenayah, hal berkaitan dengan infrastruktur, bencana dan program-program Kerajaan. Penggunaan saluran media sosial ini juga akan memberi peluang dan ruang kepada rakyat untuk berinteraksi dengan kerajaan dan seterusnya meningkatkan penglibatan rakyat dengan kerajaan.

Kerajaan juga sedar bahawa betapa pentingnya isu-isu yang dibangkitkan oleh kerajaan diberikan maklum balas dan diambil tindakan dengan segera, tepat dan betul. Oleh itu, Kerajaan telah merujuk kepada Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1, 2009, Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam di mana menekankan aspek pengurusan aduan yang cekap dan menetapkan setiap aduan yang diterima perlu diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja.

Setiap agensi kerajaan juga telah melantik pegawai bagi melaksanakan tanggungjawab mengurus dan melaporkan aduan. Pegawai aduan yang dilantik sentiasa diberikan latihan dan dijemput menghadiri seminar, kursus berkaitan pengurusan aduan. Melalui seminar dan kursus ini, agensi ditekankan untuk

menguruskan aduan mengikut prosedur yang betul serta diterangkan teknik memberikan penjelasan dan maklum balas dengan tepat dan nyata. Di samping kerajaan mengambil peluang untuk mengenal pasti masalah-masalah dan isu-isu kritikal yang sering dibangkitkan rakyat melalui agensi-agensi berkaitan dan bertitik tolak daripada maklumat tersebut, kerajaan boleh merancang dan mengambil tindakan selanjutnya agar dapat menyelesaikan isu yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akhiri dengan ucapan terima kasih di atas segala perbahasan yang telah pun berlangsung di Dewan yang mulia ini. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Tahun 2011 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu.

Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM709,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; RM99,487,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.01, peruntukan sebanyak RM709,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM456,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM253,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.
Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan peruntukan sebanyak RM99,487,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program-program dan aktiviti kerajaan bagi memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat Negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:

Bahagian Pengurusan	-	RM19,826,000.00;
Pelbagai Perkhidmatan	-	RM28,400,000.00;
Menteri Besar Johor	-	RM14,856,000.00;
Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor	-	RM9,592,000.00;
Pentadbiran Dewan Negeri	-	RM13,602,000.00;
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-	RM3,430,000.00;
Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor	-	RM9,581,000.00;

Audit Dalam - RM200,000.00.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM14,827,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, sejumlah RM14,827,000.00 disediakan bagi perlaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

Kerajaan Tempatan	-	RM5,965,000.00;
Perumahan	-	RM8,006,000.00;
Landskap	-	RM856,000.00.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,280,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, sejumlah RM5,280,000.00 disediakan bagi perlaksanaan aktiviti hal ehwal wanita dan keluarga.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM15,550,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, peruntukan sebanyak RM15,550,000.00 disediakan untuk perlaksanaan kegiatan-kegiatan kebudayaan, seni dan warisan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,663,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pelancongan sejumlah RM1,663,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Pelancongan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM14,500,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, peruntukan berjumlah RM14,500,000.00 disediakan Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor di mana sebanyak RM3,500,000.00 dibahagikan kepada Program Rakan Muda. Manakala bakinya RM11,000,000.00 adalah untuk kegiatan-kegiatan sukan negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM43,894,000.00 bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.04, peruntukan sebanyak RM43,894,000.00 diperlukan bagi pengurusan pentadbiran dan kewangan Perbendaharaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM3,875,000.00 adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM1,646,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM204,000.00 untuk pemilikan aset dan RM36,169,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap. Dan bakinya RM2,000,000.00 untuk perbelanjaan pulang balik hasil dan hapus kira.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM18,159,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian; RM76,732,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan RM7,691,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Haiwan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian peruntukan yang disediakan ialah berjumlah RM18,159,000.00, ianya adalah bagi menampung segala

perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan pejabat-pejabat pertanian di seluruh negeri merangkumi perbelanjaan-perbelanjaan lain termasuk untuk melaksanakan tugas-tugas membimbing serta melatih petani-petani dan perbelanjaan emolumen anggota jabatan di bawah aktiviti pentadbiran am.

Di bawah Bekalan Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM76,732,000.00. Sejumlah RM23,659,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen. RM52,670,000.00 diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan termasuk pengendalian dan penyelenggaraan sungai-sungai. RM401,000.00 disediakan untuk pemilikan aset jabatan dan RM2,000.00 pula disediakan untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap termasuk bayaran ganjaran anggota-anggota kontrak.

Akhir sekali, Di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peruntukan sebanyak RM7,691,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk emolumen kakitangan dan bagi melaksanakan tugas-tugas membantu dan melatih penternak-penternak serta menjaga kesihatan ternakan-ternakan di seluruh negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,828,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga DiRaja Johor dan RM4,300,000.00 bagi Maksud B.13, Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.12, peruntukan berjumlah RM4,828,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Kebun Bunga Kerajaan.

Peruntukan sebanyak RM4,300,000.00 Di bawah Maksud Bekalan B.13 adalah untuk Perancang Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan, pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM10,775,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.19, peruntukan sebanyak RM10,775,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Hutan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM9,239,000.00 adalah perbelanjaan emolumen, RM1,351,000.00 untuk perbelanjaan

perkhidmatan dan bekalan, RM100,000.00 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM85,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM32,163,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama dan RM122,334,000.00 bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21 Jabatan Agama, peruntukan sebanyak RM32,163,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan agama dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah sebagaimana berikut:

Emolumen	-	RM19,481,000.00.
Perkhidmatan dan Bekalan	-	RM12,218,000.00.
Pemilikan Aset	-	RM200,000.00
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	-	RM264,000.00

Manakala bagi Maksud Bekalan B.22, Pendidikan Agama Islam, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak RM122,334,000.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM92,690,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan emolumen bagi guru-guru sekolah agama. RM17,301,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM370,000.00 untuk pembelian alat kelengkapan sekolah-sekolah agama dan sebanyak RM11,973,000.00 untuk bantuan kepada Sekolah-sekolah Arab, Sekolah Rakyat, KAFA dan juga ganjaran kepada guru-guru kontrak.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM17,104,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23, Kebajikan Masyarakat, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2011 ialah berjumlah RM17,104,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM4,090,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM1,855,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM2,131,000.00 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM9,028,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat. Ini termasuklah bantuan kepada penduduk-penduduk miskin, bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan bantuan malapetaka seperti banjir dan bantuan air di musim kemarau. Ianya juga melibatkan perbelanjaan bagi pengurusan Pusat Perlindungan Kanak-kanak yang diwujudkan sebagai tempat penempatan sementara kanak-kanak mangsa penderaan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM68,236,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2011 ialah berjumlah RM68,236,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM35,666,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM31,920,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM175,000.00 untuk pemilikan aset dan bakinya sebanyak RM475,000.00 lagi untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap. Peruntukan ini juga merangkumi bagi perbelanjaan pengurusan penyelenggaraan jalan dan jambatan, penyelenggaraan bangunan, perbelanjaan pengangkutan barang-barang, perbelanjaan utiliti, sewaan dan juga bekalan bahan-bahan mentah seperti minyak jentera dan bahan-bahan batu dan termasuk pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,523,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor dan RM100,000,000.00 bagi Maksud B.28, Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM2,523,000.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,213,000.00 adalah untuk perbelanjaan pentadbiran am dan bakinya sebanyak RM1,310,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada kakitangan muzium.

Peruntukan yang diperlukan Di bawah Maksud Bekalan B.28 pula, peruntukan sebanyak RM100,000,000.00 diperlukan untuk peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Jumlah tersebut diperlukan bagi caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM7,425,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah dan RM1,764,000.00 bagi Maksud B.32 Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.29, peruntukan sebanyak RM7,425,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah bagi tahun 2011. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM3,473,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, sebanyak RM3,060,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. Sebanyak RM890,000.00 untuk perbelanjaan pemilikan aset dan sebanyak RM2,000.00 sebagai ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Sementara itu Di bawah Maksud Bekalan B.32 peruntukan sebanyak RM1,764,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Mufti.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM5,143,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM6,054,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM4,745,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM4,120,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM4,272,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM3,756,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM4,787,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM3,397,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM3,156,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya dan RM2,974,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi Di bawah Maksud Bekalan B.41 Pejabat Daerah Johor Bahru diperlukan sebanyak RM5,143,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan RM6,054,000.00.

Di bawah Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM4,745,000.00.

Di bawah Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM4,120,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM4,272,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM3,756,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM4,787,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM3,397,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM3,156,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM2,974,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat daerah di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM16,752,000.00 bagi Maksud B.51 Pejabat Tanah dan Galian; RM3,961,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM3,727,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM4,344,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM2,171,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM2,776,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM2,813,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM2,741,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM1,859,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM1,984,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM1,772,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM16,752,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM3,961,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar, diperuntukkan sebanyak RM3,727,000.00.
Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM4,344,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM2,171,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM2,776,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM2,813,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM2,741,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM1,859,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM1,984,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM1,772,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2011) Tahun 2010 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KETIGA TAHUN 2010.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi jawatankuasa bagi keseluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Ketiga Tahun 2010 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2010 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda. Tambahan Peruntukan Pembangunan ini merupakan tambahan yang ketiga bagi tahun 2010.

Tambahan Peruntukan Pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM37,350,000.00 di bawah dua jawatankuasa seperti berikut:

Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor	-	RM2,350,000.00.
Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor	-	RM35,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,350,000.00 bagi Maksud Pembangunan P.51, Jabatan Pengaliran dan Saliran dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud P.51, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, memerlukan peruntukan sebanyak RM2,350,000.00 bagi menyiapkan kerja-kerja bagi projek-projek RMK9 yang akan berakhir pada tahun 2010 ini.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM13,000,000.00 bagi Maksud P.55, Pejabat Daerah dan Tanah dan RM22,000,000.00 bagi Maksud P.56, Pejabat Menteri Besar, dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.55, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Johor memerlukan peruntukan

tambahan sebanyak RM13,000,000.00 bagi perlaksanaan dan penyelenggaraan jalan-jalan dan jambatan-jambatan kampung di seluruh Negeri Johor dalam memberi kemudahan asas kepada semua lapisan masyarakat.

Bagi Maksud Pembangunan P.56, Pejabat Menteri Besar Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM22,000,000.00 di mana RM13,000,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan yang telah dipersetujui oleh Menteri Besar Johor sempena lawatan Menteri Besar ke seluruh Negeri Johor serta lawatan-lawatan kerja yang lain. Sebanyak RM3,500,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan kepada Wakil-Wakil Rakyat yang telah dipersetujui oleh Menteri Besar Johor manakala selebihnya sebanyak RM5,500,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran pengambilan balik tanah bagi projek-projek pembangunan di Negeri Johor terutamanya di Pusat Pentadbiran Baru Daerah Ledang melalui perintah Mahkamah Tinggi Malaya Muar.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2010 telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2010. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM37,350,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Ketiga Tahun 2010 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM37,350,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2010 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2011

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini berpindah menjadi Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2011 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2010 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Peruntukan yang diperlukan untuk Peranggaran Pembangunan Tahun 2011 adalah berjumlah RM312,825,070.00 di bawah Lima Jawatankuasa seperti berikut:

Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan Dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor	-	RM94,825,000.00.
Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya Dan Kemudahan Awam Negeri Johor	-	RM157, 010,050.00.
Jawatankuasa Agama Negeri Johor	-	RM21,000,020.00.
Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani Negeri Johor	-	RM35,990,000.00.
Jawatankuasa Pelancongan Dan Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor	-	RM4,000,000.00

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM640,000.00 bagi Maksud P.49, Perikanan; RM6,950,000.00 bagi Maksud P.50, Pertanian; RM20,250,000.00 bagi Maksud P.51, Pengairan dan Saliran dan RM8,150,000.00 bagi Maksud P.52, Perkhidmatan Veterinar dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Pembangunan 49, Perikanan, peruntukan sebanyak RM640,000.00 disediakan bagi tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM40,000.00 untuk Latihan Perikanan dan Projek Pemuliharaan Penyu. Sebanyak

RM300,000.00 disediakan untuk pelaksanaan Projek Pemesatan Pembangunan Akuakultur dan RM100,000.00 untuk pembinaan jeti dan RM200,000.00 untuk pembinaan unjam dan tukun.

Di bawah Maksud Pembangunan 50, Pertanian, peruntukan sebanyak RM6,950,000.00 disediakan untuk tahun 2011 bagi Program-program Latihan Pertanian serta Bantuan Perkhidmatan, Pengembangan dan Perundingan Pertanian dan juga rancangan-rancangan yang lain yang bertujuan meningkatkan daya pengeluaran sektor pekebun kecil di luar bandar.

Bagi Maksud Pembangunan 51, Pengairan dan Saliran, amaun sebanyak RM20,250,000.00, peruntukan untuk Pelaksanaan Projek-projek Saliran bagi tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM500,000.00 adalah bagi pembelian aset serta kerja-kerja menaik taraf kemudahan asas jabatan dan sebanyak RM8,500,000.00 disediakan untuk Projek-projek Saliran Bandar bagi mengatasi banjir di kawasan bandar dan selebihnya sebanyak RM11,250,000.00 disediakan bagi pelaksanaan projek-projek saliran dan pengairan yang lain di seluruh Negeri Johor.

Akhir sekali, Di bawah Maksud Pembangunan 52 Perkhidmatan Veterinar, peruntukan sebanyak RM8,150,000.00 disediakan bagi untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk pembangunan industri ternakan lembu dan kerbau, kambing dan bebiri, khidmat kesihatan veterinar dan kawalan pencemaran industri ternakan. Di samping itu, peruntukan juga disediakan bagi pembangunan dan keusahawanan industri ternakan yang bertujuan memberi bimbingan kepada usahawan kecil supaya mereka mempunyai daya saing sekali gus berjaya dalam industri ternakan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM9,200,000.00 bagi Maksud P.53, Kerajaan Tempatan dan RM2,410,030.00 bagi Maksud P.54, Perumahan dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan 53, Kerajaan Tempatan, peruntukan sejumlah RM9,200,000.00 disediakan pada tahun 2011. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut, iaitu sebanyak RM6,000,000.00 disediakan sebagai Geran Keseimbangan Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Geran ini berfungsi untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti kemudahan-kemudahan sukan dan riadah serta Projek-projek di Bawah Program Bersih dan Indah. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM750,000.00 sebagai sumbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk program-program pengindahan kawasan. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM300,000.00 disediakan untuk kerja-kerja tambahan di Zoo Negeri dan sebanyak RM150,000.00 untuk kerja-kerja membaiki kemudahan-kemudahan awam di kawasan Air Panas Mersing. Peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 juga disediakan

sebagai bantuan Kerajaan Negeri untuk projek-projek pembangunan di kawasan penguasa-penguasa tempatan.

Bagi Maksud Pembangunan P.54, Perumahan, peruntukan sebanyak RM2,410,000.00 disediakan pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM410,000.00 disediakan untuk kerja-kerja penyediaan tapak bagi projek-projek rumah awam kos rendah di samping subsidi ke atas faedah di bawah sistem jualan terus. Peruntukan juga disediakan sebanyak RM1,000,000.00 untuk penggantian tangki-tangki air di rumah-rumah pangsa awam dan sebanyak RM700,000.00 disediakan untuk mengganti lif rumah-rumah pangsa. Sebanyak RM300,000.00 pula disediakan untuk mengecat rumah-rumah pangsa kerajaan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM31,000,000.00 bagi Maksud P.55, Pejabat Daerah dan Tanah; RM58,500,000.00 bagi Maksud P.56, Pejabat Menteri Besar dan RM5,325,000.00 bagi Maksud P.57, Hutan dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan 55, Pejabat Daerah dan Tanah, sebanyak RM30,000.000.00 disediakan untuk melaksanakan Projek-projek Jalan dan Jambatan Kampung, manakala sebanyak RM1,000,000.00 pula diperuntukkan untuk Projek-projek Kecil Taliair di kawasan-kawasan kampung.

Bagi Maksud Pembangunan 56, Pejabat Menteri Besar, peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil pembangunan di seluruh negeri disediakan sebanyak RM38,000,000.00. Sebanyak RM1,000,000.00 disediakan untuk Rancangan Penggalakan Industri Kampung dan sebanyak RM1,000,000.00 juga disediakan bagi Rancangan Meningkatkan Penggunaan Tanah Terbiar manakala sebanyak RM3,000,000.00 disediakan untuk perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah bagi tujuan projek-projek pembangunan dan sebanyak RM500,000.00 untuk Pembaikan serta Pengubahsuaian Kompleks-kompleks Penghulu. Sebanyak RM3,000,000.00 juga telah dicadangkan sebagai geran pelancaran untuk Rancangan Membasmi Kemiskinan. Peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 disediakan untuk Tabung Pembangunan Keusahawanan, RM1,000,000.00 disediakan untuk melaksanakan Program-program Industri Kecil dan Sederhana, RM5,000,000.00 disediakan bagi pembinaan Dewan Orang Ramai dan Dewan Serbaguna sementara sebanyak RM1,000,000.00 lagi diperuntukkan untuk pembinaan Padang Permainan di setiap mukim di seluruh Negeri Johor. Baki sebanyak RM3,000,000.00 lagi disediakan untuk membiayai pelaksanaan Infrastruktur Pengangkutan Awam Negeri Johor.

Bagi Maksud Pembangunan 57, Hutan, peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 disediakan untuk Pengurusan dan Pembangunan Sumber Hutan, sebanyak RM1,000,000.00 disediakan untuk Infrastruktur dan Utiliti, dan sebanyak RM1,175,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan Hutan Lipur dan Ekopelancongan. Di samping itu juga, sebanyak RM100,000.00 bagi penjagaan kualiti Biji Benih dan Bahan-bahan

Tanaman, sebanyak RM100,000.00 untuk Operasi dan Penguatkuasaan, sebanyak RM750,000.00 untuk pemeliharaan sumber serta Pusat Kecemerlangan Hutan dan sebanyak RM200,000.00 pula diperuntukkan untuk ICT, Publisiti dan Pengembangan Perhutanan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara daripada jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM21,000,020.00 bagi Maksud P.58, Pejabat Agama dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Pembangunan 58, Pejabat Agama, peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 disediakan untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan di Pusat Islam Iskandar, Johor, RM7,000,000.00 untuk pembinaan Sekolah-sekolah Agama di seluruh Negeri Johor. Manakala sebanyak RM3,000,000.00 pula untuk pembinaan dan pembaikan Pejabat Agama di Daerah-daerah seluruh Negeri Johor dan sebanyak RM3,100,000.00 untuk perlaksanaan kerja-kerja yang dirancangkan mengikut peringkat-peringkat bagi membina Rumah Pegawai dan Kakitangan Masjid-masjid Jamek Kerajaan, membina Rumah-rumah Guru Agama di Kawasan LKPT serta pembelian kenderaan dan hamparan bagi Masjid-masjid Jamek Kerajaan. Manakala sebanyak RM1,900,000.00 lagi adalah bagi kelengkapan dan kemudahan di Tanah-tanah Perkuburan. Baki sebanyak RM4,000,000.00 lagi adalah untuk membina dan memperelok Masjid-masjid Jamek serta Bangunan-bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,950,000.00 bagi Maksud P.59, Jabatan Landskap dan RM143,450,020 bagi Maksud P.60, Kerja Raya, dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud 59, Jabatan Landskap, peruntukan sebanyak RM1,950,000.00 disediakan pada tahun 2011 bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Jabatan Landskap. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM250,000.00 disediakan untuk Pembangunan Taman Awam, sementara RM1,000,000.00 disediakan untuk kerja-kerja Pembangunan Landskap, manakala bakinya sebanyak RM700,000.00 disediakan untuk Program-program Pengindahan.

Di bawah Maksud Pembangunan 60, peruntukan sebanyak RM40,000,000.00 diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan, menaik taraf serta memperelokkan jalan dan jambatan negeri, sebanyak RM500,000.00 untuk membina tembok tepi sungai dan pantai dan RM500,000.00 bagi rancangan mengelakkan banjir.

Peruntukan juga disediakan sebanyak RM100,000.00 untuk kemudahan dan keselamatan Bangunan Sultan Ibrahim dan sekitarnya, sebanyak RM3,000,000.00 untuk

kerja-kerja menambah dan memperelok Bangunan-bangunan Negeri dan RM2,950,000.00 lagi disediakan untuk kerja-kerja pembinaan dan ubahsuai Bangunan Pejabat Kerajaan di daerah-daerah Negeri Johor. Manakala sebanyak RM1,000,000.00 pula diperuntukkan untuk melebarkan jalan-jalan negeri dalam kawasan Majlis Daerah, RM3,000,000.00 bagi melakukan Kerja-kerja Kecil serta RM87,500,000.00 diperuntukkan untuk memperelok dan memperbaiki Istana Negeri Johor.

Dan akhir sekali, sebanyak RM500,000.00 disediakan untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan Yayasan Warisan Negeri Johor, RM500,000.00 diperuntukkan untuk penyelenggaraan bangunan dan keperluan *woksyop,* sebanyak RM1,000,000.00 untuk stor-stor JKR dan alat penghawa dingin serta RM900,000.00 diperuntukkan untuk rumah-rumah buruh, alatan rumah kerajaan dan juga alat-alat ukur dan makmal dan RM1,000,000.00 untuk pembelian kenderaan-kenderaan jabatan. Selebihnya iaitu berjumlah RM1,000,000.00 disediakan untuk kerja-kerja kecil elektrik.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,000,000.00 bagi Maksud B.61 Pelancongan, dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan 61 Pelancongan, peruntukan sebanyak RM4,000,000.00 disediakan pada tahun 2011 untuk melaksanakan program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang ditetapkan bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P.62, Wang Cadangan Belanja Mengejut, dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Wang Cadangan Belanja Mengejut Pembangunan Negeri berjumlah RM500,000.00 diadakan untuk membolehkan perbelanjaan dibuat ke atas keperluan-keperluan yang mendesak, di mana tiada peruntukan baginya di dalam Belanjawan Negeri. Di atas kuasa Menteri Besar, perbelanjaan akan dilakukan sementara mendapatkan kelulusan daripada Dewan Negeri. Pendahuluan yang dikeluarkan di atas perbelanjaan-perbelanjaan begini akan dipelaraskan kepada peruntukan yang berkenaan apabila peruntukan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2010 itu telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa Rundingan supaya

ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2010. Dengan itu, saya membawa Rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa iaitu peruntukan wang sebanyak RM313,325,070.00 yang dicadangkan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan Negeri Johor tahun 2011 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan, dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM313,325,070.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 2011 bagi Maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2010) (NO. 4) TAHUN 2010.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa Rundingan, supaya Rang Undang-undang ini yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2010) (No. 4) Tahun 2010 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali yang

kedua bagi Rang Undang-undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang keempat bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2010. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM13,777,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 5 Jawatankuasa seperti berikut :

Jawatankuasa Hasil Bumi Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Ekonomi	-	RM8,363,000.00.
Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor	-	RM1,815,000.00.
Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Neger Johor	-	RM1,057,000.00.
Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Johor	-	RM100,000.00.
Jawatankuasa Agama Negeri Johor	-	RM2,442,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM6,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, RM4,216,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan, RM1,215,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Pelbagai Perkhidmatan, RM1,440,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Menteri Besar dan RM67,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Pertabalan Dewan Negeri Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.01 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM6,000.00 untuk menampung pembayaran bantuan khas kewangan bagi tahun 2010.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Pengurusan diperuntukkan sebanyak RM4,216,000.00. Sebanyak RM666,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan dan bantuan khas kewangan bagi tahun 2010. Manakala selebihnya sebanyak RM3,550,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pelbagai Perkhidmatan, diperuntukkan sebanyak RM1,215,000.00. Sebanyak RM867,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan. Sebanyak RM186,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah pemilikan aset manakala selebihnya RM162,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran ganjaran tamat perkhidmatan Ketua Kampung.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat Menteri Besar diperuntukkan sebanyak RM1,440,000.00. Sebanyak RM40,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan bagi tahun 2010 manakala selebihnya sebanyak RM1,400,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pentadbiran Dewan Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM67,000.00 bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM61,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan , Kerajaan Tempatan dan RM125,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Perumahan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak RM61,000.00 bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan bagi tahun 2010.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perumahan diperuntukkan sebanyak RM125,000.00 bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM100,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Rakan Muda Dan Sukan Negeri Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia Dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, Rakan Muda Dan Sukan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM100,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan berkenaan bayaran tetap.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM22,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Landskap, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, Landskap diperuntukkan sebanyak RM22,000.00 bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM12,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Audit Dalam Negeri Johor dan RM55,000.00 bagi Maksud B.04 Perbendaharaan Negeri, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, Audit Dalam Negeri Johor, diperuntukkan

sebanyak RM12,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.04, Perbendaharaan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM55,000.00 bagi menampung bayaran bantuan khas kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukkan wang berjumlah RM401,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian, dan RM484,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran dan RM172,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Haiwan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM401,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM484,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Di bawah Maksud Bekalan B10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM172,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi: Perkara itu dikemukakan bagi mendapat kelulusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM268,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga Kerajaan dan RM30,000.00 bagi Maksud B.13, Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.12 Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Johor diperuntukkan sebanyak RM268,000.00 sebanyak RM188,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010, manakala selebihnya sebanyak RM80,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM30,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat kelulusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM190,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM190,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM805,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama dan RM1,526,000.00 bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam jadi sebahagian dari Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM805,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Manakala Di bawah Maksud Bekalan B.22, Jabatan Agama Negeri Johor, Bahagian Pendidikan, diperuntukkan sebanyak RM1,526,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah, supaya peruntukan wang berjumlah RM1,309,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM1,309,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi: Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM46,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.26, Jabatan Muzium DiRaja Abu Bakar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM46,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM111,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM111,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan kelulusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM66,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM62,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM42,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM25,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM29,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM52,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM18,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM66,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM62,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM42,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM25,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM29,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM52,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM18,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut diperlukan untuk menampung bayaran Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2010 kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM160,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM111,000.00 bagi Maksud B.53 Pejabat Tanah Muar; RM59,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM69,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM86,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM77,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Daerah Kluang; RM81,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM61,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM58,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM60,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru wang diperuntukkan sebanyak RM160,000.00.

Di bawah maksud Bekalan B.53 Pejabat Tanah Muar, diperuntukkan sebanyak RM111,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM59,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM69,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM86,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Daerah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM77,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM81,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM61,000.00

Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM58,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM60,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut diperlukan adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen anggota-anggota jabatan terutamanya bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan tahun 2010 serta pembelian harta modal jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang ini.

Jurutulis : FASAL II.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan. Fasal II jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang ini.

Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal I jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini telah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2010) (No. 4) Tahun 2010, dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : **Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2010 (No. 4) Tahun 2010.**

RUNDINGAN-RUNDINGAN DENGAN TIDAK PAYAH DIBERITAHU.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu rundingan di bawah Perintah Tetap Bilangan 32 (viii) yang diakui mustahak, iaitu Pemilihan Ahli Dewan Negara oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagaimana peruntukan Peraturan yang sama. Oleh yang itu, diperlukan sokongan oleh 10 orang.

Ahli-Ahli yang menyokong rundingan itu sila bangun di tempat masing-masing. Dahlah, dah memang lebihlah. Oleh sebab terdapat lebih daripada 10 orang yang menyokong rundingan itu, saya terima.

Jurutulis : **RUNDINGAN MENGENAI PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.**

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang biasa dilakukan pemilihan Ahli Dewan Negara ini, adalah menurut Perkara 45, Jadual Ketujuh, Perlembagaan Persekutuan. Dengan demikian, tiap-tiap cadangan hendaklah disokong dan disertai dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh calon berkenaan untuk menyatakan kesanggupannya berkhidmat jika dipilih. Dan cadangan itu tidaklah perlu di bahas. Ahli-Ahli Yang Berhormat, silakan kemukakan cadangan sekarang.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Encik Khoo Soo Siang, dilantik semula oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh 3 tahun. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, latar belakang ringkas mengenai Encik Khoo, umur 65 tahun, seorang pesara guru, berlatar belakangkan kepada kelayakan ikhtisas daripada Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim Johor Bahru dan beliau begitu meluas dalam kegiatan kemasyarakatan khususnya di Johor Bahru dan di Negeri Johor ini dan sebagai seorang guru telah pun banyak menerima penghargaan sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat kebangsaan. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya serahkan pengakuan bertulis yang telah pun ditandatangani oleh calon yang saya cadangkan itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Betul sudah tandatangan. Kalau tidak, tak diterima. Ahli Yang Berhormat, Dewan ini masih bersedia untuk menerima cadangan-cadangan yang lain jika ada? Oleh sebab tidak ada cadangan lain, maka saya kemukakan cadangan bahawa Yang Berhormat Encik Khoo Soo Siang dilantik semula oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara. (Dewan bertepuk).

Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, cadangan itu dipersetujukan.
Tahniah Yang Berhormat. Selalu *MC* satu penggal *out*, tapi Yang Berhormat baguslah, panjang. Dengan demikian saya mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Encik Khoo Soo Siang adalah dilantik semula oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh selama 3 tahun lagi. Saya dan bagi pihak Dewan ini mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Encik Khoo Soo Siang, semoga beliau dapat menumpukan khidmatnya kepada rakyat dan negeri sebagai Ahli Dewan Negara.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ya sokonglah nak tangguh.

Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT

Y.B. Dato' Speaker : Ucapan Tangguhan, ada empat orang nak berucap. 10 minit atau kurang, lebih tak boleh ya. Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membacakan Ucapan Penangguhan pada Persidangan kali ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, Pelancaran Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) menjadi komitmen baru kerajaan, untuk mengubah wajah kawasan pedalaman seperti kampung dan estet terutama dari segi pembangunan prasarana serta usaha meningkatkan pendapatan penduduknya. Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, telah memberi komitmennya mahu melihat kawasan berkenaan dapat dibangunkan, sejajar dengan dasar Model Baru Ekonomi sekali gus membawa bersama luar bandar dalam arus pembangunan perdana Negara. Beliau berkata, sudah tiba masanya, kawasan ini dilengkapi dengan prasarana lebih maju selain penduduknya mampu meraih pendapatan tinggi dan kerajaan akan menumpukan usaha bagi membangunkan kawasan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di mana pada masa ini 7.1% penduduk luar bandar hidup di bawah garis kemiskinan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kekurangan seperti ini perlu dirapatkan agar supaya rakyat Malaysia daripada pelbagai etnik dan kelompok budaya di kawasan yang belum dibangunkan dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan luar bandar adalah bertujuan untuk membawa masyarakat luar bandar yang masih ketinggalan ke dalam arus pembangunan perdana dan bagi meningkatkan lagi kualiti hidup mereka. Matlamatnya untuk memastikan perancangan pembangunan luar bandar masih lagi relevan dan sejajar dengan matlamat Wawasan 2020. Perancangan terbaru dalam pembangunan luar bandar adalah untuk menekankan keutamaan *empowerment,* dengan izin, masyarakat luar bandar, iaitu membolehkannya bersifat dinamik dan

mampan, berupaya menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan dan mencapai status ekonomi yang setaraf dengan peringkat nasional. Program pembangunan luar bandar sepatutnya memberi tumpuan kepada mengubah kawasan luar bandar menjadi lebih baik untuk pelaburan serta tempat kediaman yang menarik dengan menikmati semua kemudahan asas infrastruktur dan perkhidmatan sosial yang berkualiti. Dengan hubungan ini, kemudahan infrastruktur sedia ada termasuk telekomunikasi harus diperbaiki dan dipertingkatkan. Penyediaan kemudahan infrastruktur dan sosial mesti diperluaskan lagi bagi kawasan pendalaman, ladang-ladang kecil dan estet. Penduduk luar bandar harus ditempatkan sesama untuk mewujudkan bandar kecil bagi memudahkan penyediaan kemudahan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan mestilah komited di mana aktiviti pembangunan luar bandar adalah untuk menyediakan perumahan dan infrastruktur yang lebih baik, kemudahan kesihatan yang moden, peluang pekerjaan termasuk menggalakkan pembangunan pelancongan luar bandar serta meningkatkan latihan teknikal, peluang menambah pendapatan, kemudahan awam seperti gelanggang sukan dan jaringan sosial.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita membincang mengenai sistem pendidikan, sehingga kini masih terdapat beberapa kepincangan dalam masalah-masalah di sekolah-sekolah luar bandar, disebabkan wujudnya kelemahan dan ketidakefisienan. Kaedah pembelajaran dan pengajaran yang kurang berkesan serta kekurangan motivasi tenaga pengajar yang untuk pembangunan sistem pendidikan yang menjurus kepada masalah keciciran pelajar. Kita dapat lihat senario pendidikan sekarang menunjukkan perbezaan ketara antara di sekolah luar bandar dan bandar, terutamanya dari segi fasilitinya.

Selain itu, pelajar di luar bandar menghadapi masalah seperti kadar ketersampaian yang rendah. Ini disebabkan jarak yang jauh di antara penempatan rumah kediaman dengan sekolah-sekolah begitu besar serta masalah kewangan yang dihadapi oleh mereka. Bagi pelajar yang menghadapi masalah tersebut, terpaksa bangun dengan lebih awal untuk membuat persiapan serta merebut untuk menunggu bas-bas untuk pergi ke sekolah untuk mendapat ilmu pengetahuan. Malahan masalah kadar ketersampaian pelajar ke sekolah harus diurus dengan lebih cekap. Misalnya Sekolah Berasrama Penuh, boleh disediakan tanpa mengira kepandaian pelajar bahkan dibuka untuk semua pelajar agar mereka dapat belajar dengan lebih baik dan berpotensi untuk maju dalam bidang pendidikan. Pelajar di luar bandar harus didedahkan dengan lebih banyak pengetahuan teknologi supaya dapat berdaya saing untuk menghadapi cabaran globalisasi dan bersedia melangkah maju bersama pembangunan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada sektor pendidikan, industri asas tani dan infrastruktur, sektor pelancongan juga penting dalam pembangunan masyarakat luar bandar. Jika dahulu masyarakat luar bandar banyak yang terpinggir, namun kita bersyukur kerana masyarakat luar bandar semakin maju untuk meningkat taraf hidup mereka tetapi masih banyak yang perlu dilakukan oleh kerajaan. Pihak kerajaan juga harus memainkan peranan dalam memajukan kawasan pelancongan di luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kita amat mementingkan sektor pelancongan dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan negara. Dalam merealisasikan hasrat ini, pelbagai program harus dilaksanakan seperti program pembangunan bandar pelancongan di luar bandar, program *homestay* dan Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar. Bandar pelancongan di luar bandar, menjadi tumpuan pelancong untuk bercuti dan melakukan aktiviti pengembaraan, membeli cenderamata tempatan, menghayati keindahan alam sekeliling, menikmati makanan dan memahami budaya tempatan. Kawasan tanah tinggi seperti gunung dan bukit serta perkampungan juga merupakan salah satu lagi tarikan untuk mewujudkan bandar pelancongan di kawasan luar bandar. Pembangunan pelancongan luar bandar mustahak kerana ia juga dapat meluaskan lagi aktiviti sosial di antara luar bandar dan bandar. Ia turut dapat mewujudkan kesepakatan antara penduduk luar bandar dan kerajaan. Hal ini penting untuk melaksanakan sebarang aktiviti dengan lebih berkesan. Kesan positif yang lain adalah pembangunan manusia akan meningkat dan peningkatan kepada peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, aktiviti tani juga merupakan salah satu daripada kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk di kawasan luar bandar. Pembangunan aktiviti tani ini merangkumi kegiatan pertanian dan perikanan. Bidang pertanian merupakan bidang yang penting dalam meningkatkan ekonomi negara. Dari sudut ini, pelbagai cabang yang boleh membawa kepada pembangunan kawasan luar bandar. Ini boleh berlaku apabila kerajaan membawa masuk penyertaan dari pelabur atau pemodal luar yang datang melabur dan menanam modal sekali gus membangunkan aktiviti tani di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini akan memberi anjakan seperti memberi peluang pekerjaan kepada penduduk, secara tidak langsung meningkatkan taraf kehidupan penduduk serta menyumbang kepada KDNK negara, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kerajaan juga haruslah memperkenalkan dan membawa masuk lebih banyak program-program IKS ke kawasan luar bandar termasuk perkampungan Orang Asli dan estet. Ini adalah kerana penyertaan Industri Kecil dan Sederhana terutamanya oleh masyarakat luar bandar, seperti pembuatan kerepek dan kuih yang dijalankan di mana mereka mampu menerima tempahan dan pasaran yang menggalakkan sepanjang tahun. Membuktikan bahawa IKS sebagai batu loncatan untuk penduduk luar bandar mendapat, menaikkan pendapatan isi rumah mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 1970-an kerajaan telah melaksanakan satu program pembangunan pertanian yang berkesan bagi membasmi kemiskinan di luar bandar. Program tersebut dikenali sebagai Program Pembangunan Wilayah sepertI DARA, KESEDAR dan lain-lain. Namun begitu, program ini telah ditamatkan dan tiada lagi rancangan penempatan peneroka yang baru dilaksanakan. Justeru, bagi membangunkan semula sektor pertanian dan mengatasi jurang kemiskinan antara penduduk luar bandar dan bandar, maka pihak kerajaan patut melaksanakan kembali Program Pembangunan Wilayah secara khusus ini kepada penduduk berpendapatan rendah tanpa mengira kaum. Kawasan yang baru perlu dibuka dengan konsep yang lebih bersistematik, di samping menyediakan prasarana yang lebih selesa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan modal insan amat penting terhadap pelbagai aspek dalam membangunkan sesebuah negara. Dalam konteks pembangunan luar bandar, modal insan menjadi aspek penting dalam menjana transformasi dalam aspek ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya. Dengan ini ia tertumpu kepada pembangunan modal insan yang holistik, yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika yang utuh. Pembangunan modal insan bukan hanya tertumpu kepada golongan belia semata-mata, tetapi ia haruslah merangkumi kepada semua lapisan umur termasuklah yang telah mempunyai kerjaya yang tetap. Pembangunan luar bandar adalah untuk membentuk insan luar bandar yang berkualiti dan menguasai nilai murni agar mereka dapat menggunakan masa, informasi dan sumber yang ada pada tahap yang paling optimum sehingga dapat meningkatkan tahap pembangunan ekonomi dan kehidupan serta kesejahteraan keluarga dan masyarakat Malaysia yang cemerlang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penekanan mestilah diberikan kepada aspek menyediakan latihan kepada yang perlu, latihan yang perlu kepada penduduk luar bandar dalam bidang kraf tangan dan teknologi berasaskan pertanian serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk perancangan dan sumber maklumat. Program yang dilaksanakan mestilah bertujuan menghasilkan anjakan paradigma yang positif di kalangan masyarakat luar bandar. Perlaksanaan ini juga menghasilkan masyarakat luar bandar yang lebih kreatif, proaktif, inovatif serta bijak sendiri dalam membangunkan kawasan mereka dan menjurus kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian, kerajaan haruslah membina lebih banyak institut dan kolej-kolej teknikal di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha yang berterusan harus dipergiatkan untuk meningkat, memperbaiki, melengkap dan menaik taraf semua prasarana awam meliputi jalan raya, sistem bekalan air, elektrik dan jaringan komunikasi. Pihak kerajaan telah menubuhkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Penubuhan KKLW ini adalah dipertanggungjawabkan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur terutamanya di kawasan luar bandar. Penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur haruslah lebih tertumpu mengikut kawasan yang masih ketinggalan. Janganlah kekurangan bajet dijadikan alasan pembangunan infrastruktur dikurangkan dijalankan di kawasan luar bandar. Perkara paling penting dalam pembangunan masyarakat luar bandar adalah tertumpu kepada pembinaan jalan luar bandar, program jalan kampung dan program-program bercorak ekonomi komersial. Tumpuan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi taraf hidup dan kualiti penduduk serta mengurangkan kadar kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat…

Y.B. Dato' Speaker : Lagi satu minit.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Antara projek pembangunan luar bandar yang harus dititikberatkan ialah Projek Pembangunan Jalan Luar Bandar. Program ini merupakan satu program penting bagi memajukan sesuatu kawasan serta wilayah dalam sesebuah daerah di samping meningkatkan kadar ketersampaian dari satu kawasan ke kawasan yang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain dari itu Program Jalan Kampung juga haruslah dilaksanakan dengan lebih efisien, agar pembangunan dapat diagihkan secara adil dan saksama. Program ini sepatutnya melibatkan bukan sahaja membina dan membaik pulih jalan, tetapi juga penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Begitu juga dengan Program Pembangunan Bekalan Elektrik Luar Bandar yang menjadi salah satu usaha untuk memajukan kawasan luar bandar. Dalam arus pemodenan kini, kita juga perlu menitikberatkan kesejahteraan rakyat. Apa ertinya pembangunan, sekira kebajikan rakyat dipertikaikan. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan program kesejahteraan rakyat iaitu salah satunya ialah program PPRT yang mempunyai sub-projek yang pelbagai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, permintaan untuk rumah PPRT semakin hari semakin bertambah terutamanya di kalangan masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, kerajaan mestilah mengetepikan peruntukan yang secukupnya untuk membina rumah PPRT ini mengikut permintaan. Program peningkatan ekonomi juga harus diberi tumpuan, di mana program ini dirancang supaya skala penglibatan golongan miskin dari berbagai kaum dan lapisan masyarakat dapat melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi secara besar-besaran. Pembangunan luar bandar ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pencapaian pembangunan fizikal yang menyeluruh menuju kepada ke arah Negara Maju tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara umumnya pembangunan luar bandar amat penting agar masyarakat luar bandar tidak terpinggir dan ketinggalan berbanding dengan masyarakat bandar. Hal ini penting untuk menjamin masa hadapan penduduk luar bandar. Oleh itu, semua pihak sama ada pihak kerajaan ataupun pihak penduduk luar bandar itu sendiri, perlu sentiasa melakukan perubahan yang positif agar masyarakat luar bandar tidak dianggap sebagai golongan yang pasif. Selain dari itu, kerjasama di antara semua pihak turut penting agar pembangunan dapat dijalankan tanpa sebarang masalah dan pembangunan dapat dilakukan adalah secara berterusan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Dengan kata-kata itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan ini dan saya mengundurkan diri dengan ucapan salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu ingin saya ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana mengizinkan saya berucap dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana memberi peluang kepada saya menyampaikan Ucapan Tangguhan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri melancarkan konsep 1Malaysia, kita dapat lihat

kerajaan bertekad untuk menjaga kepentingan semua bangsa secara adil dan saksama. Kesungguhan kerajaan untuk merealisasikan konsep ini dapat dilihat di mana Kerajaan Pusat telah melancarkan dasar-dasar dan langkah-langkah untuk tujuan tersebut. Semua rakyat menyahut baik akan konsep 1Malaysia ini. Di samping itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga melancarkan Program Transformasi Ekonomi untuk memperkukuhkan lagi ekonomi negara supaya ekonomi negara kita lebih mantap dan lebih kukuh. Langkah-langkah yang lebih *transparent* telah diambil untuk meyakinkan orang ramai di mana kerajaan memberi peluang yang sama rata kepada semua kaum untuk menikmati kemajuan ekonomi negara secara adil dan saksama tanpa mengetepikan mana-mana kaum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjaga negara amat memerlukan kerjasama yang bersepadu daripada kakitangan kerajaan kerana kita sedia maklum, bahawa kakitangan kerajaan merupakan orang yang memainkan peranan yang penting merealisasikan konsep dan matlamat kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedia maklum bahawa Laporan Audit diumumkan baru-baru ini. Daripada laporan ini kita dapat lihat pembaziran yang amat mengecewakan yang dilakukan oleh segelintir kakitangan kerajaan. Kita dapati terdapat segelintir pegawai tidak mengamalkan dan melaksanakan dasar kerajaan yang menekankan cara pentadbiran yang bijak dan cekap. Mereka menggunakan kewangan tanpa perancangan yang baik malah melakukan penyelewengan kewangan sehingga benda-benda yang dibeli tidak menepati mutu dan kualiti. Ini merupakan satu pembaziran yang tidak dapat diterima oleh masyarakat umum. Amalan segelintir pegawai ini telah bercanggah dengan dasar kerajaan kita. Golongan ini telah menimbulkan kemarahan rakyat jelata sehingga menjejaskan imej Kerajaan Barisan Nasional. Usaha kerajaan yang begitu bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara kita telah digagalkan oleh golongan ini. Dan kita faham, orang ramai suka melihat kelemahan yang sedikit sahaja tetapi tidak ingat akan kemajuan-kemajuan dan pembangunan yang telah dibawa oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha Kerajaan Barisan Nasional yang selama ini yang telah berusaha dengan begitu prihatin, bersungguh-sungguh, berwawasan telah dihancurkan oleh segelintir pegawai ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Golongan inilah yang menjadi batu halangan kepada kerajaan untuk bergerak ke hadapan demi meyakinkan rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mesti menerima satu hakikat di mana prestasi kakitangan kerajaan menjadi kayu ukur orang ramai untuk menilai prestasi kerajaan. Orang ramai tidak puas hati dengan kerajaan ekoran daripada kerana tidak puas hati dengan sikap kerja yang ditunjukkan oleh segelintir kakitangan kerajaan ini. Sikap kerja yang sambil lewa, birokrasi, tidak bersungguh-sungguh, sering menyebabkan kerajaan menjadi sasaran orang ramai melepaskan geram.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk meyakinkan orang ramai, kerajaan tidak boleh mengambil ringan terhadap perkara ini. Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah

yang tegas dan serius untuk memastikan semua kakitangan kerajaan bekerja dengan prestasi yang cemerlang. Bekerja dengan mengikut dasar yang ditetapkan oleh kerajaan dan bukan bekerja mengikut kesukaan hati sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, galakan harus diberikan kepada mereka yang bekerja dengan baik. Manakala tindakan hukuman juga perlu diambil ke atas mereka yang melakukan penyelewengan dalam tugasan. Kita mesti ingat walaupun sebaik mana pun dasar kerajaan yang buat oleh kerajaan, tanpa orang yang berperanan untuk melaksanakan dengan baik, dasar kerajaan boleh dikatakan gagal juga. Maka, saya menyeru kepada kerajaan agar memandang serius tentang cara kerja kakitangan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bersama-samalah kita berjuang dengan berusaha demi kepentingan rakyat jelata dan negara. Tidak lama lagi kita akan menyambut tahun baru 2011. Saya berkeyakinan, Kerajaan Negeri Johor akan mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih mantap lagi. Dengan kata-kata ini, saya akhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada Bukit Batu untuk turut serta dalam Ucapan Penangguhan Mesyuarat pada tengah hari yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan Bajet 2011 di Dewan Rakyat pada 15 Oktober 2010 yang bertema Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi. Yang mengajak rakyat negara kita untuk bersama-sama mentransformasikan ekonomi negara yang berpendapatan sederhana ke tahap ekonomi berpendapatan tinggi. Untuk menjayakan transformasi yang penuh dengan pelbagai cabaran dan rintangan ini dan dalam keadaan ekonomi dunia yang ada kemungkinan mengalami kemelesetan yang lebih parah lagi berasaskan kepada ekonomi negara-negara Eropah seperti Greece, Portugal dan Sepanyol. Kini sedang menghadapi kemelesetan yang amat teruk berikutan krisis hutang yang melanda negara-negara *European Union* dengan izin, di mana mengikut laporan *Euro States* kadar pengangguran bagi bulan September 2010 mencatatkan 10.1% atau lebih kurang 28 juta warga Negara Eropah kehilangan kerja dan memberi impak yang teruk kepada pemulihan kemelesetan ekonomi dunia. Ada fakta yang menunjukkan Negara Amerika Syarikat semakin kehilangan momentum pemulihan ekonomi di mana ia kini sedang mengalami perbelanjaan pengguna yang kurang dan kadar pengangguran pada kadar 9.7% sepanjang tahun 2010 mengikut laporan *World Economic Outlook* dengan izin oleh *International Monitory Fund* atau IMF dan diramalkan akan berterusan ke kadar 9.6% pada tahun 2011. Sebaliknya, negara kita kian menunjukkan ia pulih dari kemelesetan ekonomi dunia dan langkah proaktif kerajaan di mana Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK berkembang pada 9.5% bagi tempoh separuh pertama tahun 2010, berbanding negatif 5% bagi tempoh yang sama tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kita sedang menghadapi *crossroad* dengan izin untuk mentransformasikan ekonomi negara kita kepada negara yang maju dan juga berpendapatan tinggi. Tetapi tanpa sokongan dan perpaduan dari rakyat jelata, hasrat kerajaan mungkin menghadapi rintangan besar dan kesukaran untuk mencapai matlamat tersebut. 4 strategi utama perlu ditumpukan untuk memantapkan transformasi ke arah negara maju berpendapatan tinggi, adalah :

i. Mendayakan kembali pelaburan swasta
ii. Membangunkan Modal Insan
iii. Tersejahterakan hidup rakyat
iv. Memantapkan penyampai perkhidmatan awam

Supaya melalui konsep 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", kita akan dapat merealisasikan aspirasi negara yang bukan sahaja yang akan meningkatkan taraf hidup rakyat, bahkan juga menjayakan transformasi kerajaan melalui Pelan Transformasi Kerajaan serta Pelan Transformasi Ekonomi demi mencapai berpaksikan kepada keutamaan rakyat dan sekali gus membawa negara kita untuk terus bersaing di pasaran ekonomi dunia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Iskandar Malaysia di Negeri Johor akan diperuntukkan dengan sejumlah RM339 juta untuk membina lebuh raya, memajukan kawasan perumahan serta menyediakan dan menaiktarafkan perkhidmatan pengangkutan awam kerana Iskandar Malaysia menerima pelaburan sebanyak RM64.4 bilion yang melepasi sasaran sehingga bulan September 2010. Di sini, Bukit Batu ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas usaha menarik pelaburan dalam dan juga *Foreign Direct Investment* sehingga melepasi sasaran. Dengan sokongan dan juga bantuan dari Kerajaan Persekutuan untuk menjalani industri minyak, gas dan tenaga khususnya dengan penubuhan pusat perkhidmatan dan peralatan minyak utama di rantau Asia di Negeri Johor, Bukit Batu yakin industri ini juga akan dijadikan sumber pendapatan utama bagi Negeri Johor yang akan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan bagi Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bukit Batu ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Pejabat Tanah dan Galian Johor dan Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya kerana telah meluluskan tanah kepada generasi kedua di FELDA Bukit Batu. Yang hanya menunggu masa untuk penyampaian Notis 5A sahaja. Sementara itu juga, telah meluluskan juga tanah tapak rumah berhala di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara dan juga pelan cadangan mendiri bangunan bagi rumah berhala Pertubuhan Penganut Dewa Hong Sian Tai Tee, Kulai di atas PTD 53814, Lot 20249, Mukim Kulai yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor pada 14 Jun 2010. Dengan dikecualikan bayaran premium dan *Improvement Service Fund.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu yakin, dengan siap binanya *Factory Outlet* iaitu Johor *Premier Outlet*, di Bandar Indah Pura Kulai bukan sahaja akan mempercepatkan pembangunan dan perkembangan ekonomi di daerah Kulaijaya. Bahkan juga, akan menarik lebih ramai pelancong domestik dan luar negara ke Negeri Johor. DI mana ianya diramalkan kira-kira 4 juta pelancong akan berkunjung ke *Factory Outlet* berjenama ini setiap tahun. Bukit Batu percaya, kawasan ini juga akan

menjadi kawasan tumpuan untuk barangan kegemaran pelancong dalam, luar negara dan rakyat tempatan untuk membeli segala barangan berjenama yang tertentu yang akan mempercepatkan transformasi ekonomi di kawasan tempatan. Bukit Batu juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya merancang untuk pembinaan bangunan guna sama persekutuan di Daerah Kulaijaya untuk menempatkan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri demi kemudahan rakyat jelata yang ingin berurusan dengannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu juga ingin menyeru kepada kerajaan supaya memberikan perhatian yang serius terhadap masalah banjir di kawasan Batu 21 Kulai yang masih menghantui para pengguna jalan dan peniaga setempat dan menyekat lalu lintas ke arah utara dan sebaliknya. Kerajaan perlu bertindak secara proaktif agar masalah banjir yang telah lama berlarutan dapat diatasi dengan lebih berkesan walaupun projek demi projek dijalankan tetapi masih tidak dapat mengatasi masalah banjir ini, dan telah menyebabkan rintihan rakyat yang tidak berpuas hati. Bukti Batu mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan *Task Force* bagi mengenal pasti punca sebenar masalah banjir di kawasan terbabit dan seterusnya mengambil langkah drastik untuk menyelesaikannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya membuatkan sesuatu dasar untuk menarik balik warga negara kita yang bertaburan di seluruh pelosok dunia. Pembangunan Modal Insan amat penting dalam membantu mentransformasikan ekonomi negara daripada pendapatan sederhana ke pendapatan tinggi dengan pengurusan Modal Insan yang berjaya. Di mana seperti Negara Eropah Utara yang kurang mempunyai sumber asli, tetapi dengan berjayanya mengurus Modal Insan, maka negara-negara ini akan mencapai kejayaan yang lebih jauh baik daripada negara yang bergantung kepada hasil sumber aslinya yang akhirnya juga akan pupus.

Bukit Batu sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas peluang dan kesempatan yang diberi untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin, jemput.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim, alhamdulillah hirabbilalamin. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya kita dapat bersama dalam Dewan tengah hari ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama saya mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Ucapan Penangguhan pada tengah hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam apa jua sekalipun inspirasi atau impian perlu pada suatu mekanisme bertindak yang berkesan. Tanpa sebarang mekanisme maka usaha yang semulia mana sekalipun tidak mungkin akan dapat dijadikan kenyataan yang praktikal dan berkekalan. Indahnya Islam itu juga terletak pada kemungkinan terwujudnya beberapa model yang bermatlamatkan sama tetapi beza dari segi perincian dalam soal strategik pelaksanaan. Ini adalah biasa dan tidak wujud. Pendirian bahawa pendekatan dalam Islam hanya satu. Kesatuan hanya pada asas dan rangka kerja utama dan tidak semestinya Kesatuan itu hadir pada satu aspek strategi terperinci. Apabila senarai andaian dan gerak kerja mengikut keutamaan telah sedia, maka mekanisme ini menjadi satu model pelaksanaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inikah andaian ini terletak pada hakikat bahawa Malaysia ini sebuah negara yang bermasyarakat majmuk. Di mana Islam adalah agama rasmi negara dan terserlah utama agama Islam adalah bangsa Melayu yang juga merupakan komponen utama golongan Bumiputera. Namun kepentingan umum golongan bukan bumiputera dan juga bukan beragama Islam tetap dijaga mengikut persefahaman dan perjanjian-perjanjian sebelum ini. Justeru, setiap andaian model ini bolehlah dikatakan sebagai usaha untuk memastikan bahawa semua pihak berpegang pada teras yang sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keamanan dan kemakmuran negara adalah tanggungjawab bersama. Untuk ini, memerlukan persefahaman dan peranan semua lapisan masyarakat. Semoga Allah SWT sentiasa memberi petunjuk dan hidayah kepada kita. Semoga kebenaran dapat mengatasi segalanya Semoga Negeri Johor ini dikekalkan aman, sejahtera, semoga rakyatnya hidup bersatu dan maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan pada tengah hari ini, saya mohon kepada Allah SWT semoga membuka pintu hati bagi pengundi-pengundi agar terus dan akan menyokong Barisan Nasional supaya terus memerintah di negara ini khasnya kepada pembangkang yang seagama supaya tidak seperti pepatah Melayu mengatakan 'Yang dikejar tak dapat, yang dikendong keciciran'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat tahun baru 2011 dan mudah-mudahan Allah SWT memberi kekuatan kepada kita untuk terus berjuang demi agama, bangsa dan negara. Saya yang menurut perintah. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, bagus nampak. Aman saya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan ini saya tangguhkan, Yang Amat Berhormat, ok, benda-benda tu semua senang tadi eh. Dah dijawab pun ada. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama kepada saya selaku Speaker dan sahabat saya Timbalan Speaker, walaupun adalah perbahasan yang menyihatkan badan kerana berhujah dan saya doakan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua selamat sampai ke rumah masing-masing. Di samping itu, Alhamdulillah, dengan ini saya jemputlah Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, pemerhati-pemerhati untuk ke Majlis Jamuan makan tengah hari di Dewan Jamuan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:40 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

Penolong Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Kordinator
Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan
Cik Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Mesyuarat)
Puan Zainah binti Mansor

Pembantu Tadbir Rendah
Puan Hanita binti Mohamed

Pembantu Am Rendah
Encik Ahmad Amizan bin A. Samad
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Puan Saniah Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Siti Rozimah bin Abd. Razak
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat SUKJ Cawangan Perumahan

Puan Fareza binti Musa
Pejabat Perhutanan Negeri Johor

Puan Dalilah binti Dahalan
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Nurul Ain Zainal binti Abidin
Pejabat Pusat Pelaburan Johor

Puan Nor Wahidah binti Elias
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Menteri Besar Johor

Puan Norliza binti Md. Aris
Pejabat Menteri Besar Johor

Rakaman
Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR

24 Januari 2011